KONSEP *AL-SAHABAH* DALAM KARYA-KARYA SYIAH BERBAHASA MELAYU : ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF *AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH*

MOHD AIZAM BIN MAS'OD

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

University of Malaya

KONSEP *AL-ṢAḤĀBAH* DALAM KARYA-KARYA SYIAH BERBAHASA MELAYU: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF *AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH*

MOHD AIZAM BIN MAS'OD

TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

University of Malaya

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Mohd Aizam bin Mas'od

No. Matrik: IHA 120026

Nama Ijazah: Doktor Falsafah Usuluddin

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Konsep *al-Ṣaḥābaḥ* Dalam Karya-Karya Syiah Berbahasa Melayu: Analisis Menurut Perspektif *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*

Bidang Penyelidikan: Pemikiran Islam

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh:

Nama:

Jawatan

University of Malaya

KONSEP *AL-ṢAḤĀBAḤ* DALAM KARYA-KARYA SYIAH BERBAHASA MELAYU: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF *AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH*

ABSTRAK

Konsep al-Ṣaḥābah Dalam Karya-Karya Syiah Berbahasa Melayu: Analisis Menurut Perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, merupakan judul kajian dengan objektif utama mengenal pasti asas-asas pemikiran Syiah mengenai konsep *al-ṣaḥābah* dalam beberapa karya Syiah berbahasa Melayu dan penilaian terhadapnya berdasarkan pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Kajian ini mengandungi lima bab. Bab pendahuluan, mengemukakan latar belakang, objektif, skop, sorotan kajian lepas dan metodologi yang digunakan. Bab kedua membincangkan Syiah di Malaysia dan pengenalan terhadap karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih. Bab ketiga membentangkan asas-asas pemikiran Syiah berkenaan konsep *al-ṣaḥābah* dalam karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih berdasarkan tema-tema yang dikenalpasti. Bab keempat menganalisis dan menilai pemikiran Syiah dalam karya-karya tersebut menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Bab kelima mengemukakan kesimpulan kajian. Secara keseluruhan, kajian ini berkonsepkan kajian kualitatif yang berteraskan dua kaedah pengkajian iaitu kaedah pengumpulan dan analisis data. Bagi menganalisis data tiga sub aplikasi digunakan iaitu metode induktif, deduktif dan komperatif. Kajian merumuskan, asas-asas pemikiran mengenai konsep *al-ṣaḥābah* yang terkandung dalam karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih adalah bertepatan dengan pemikiran asal Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Ia bermula dengan penolakan terhadap legitimasi istilah *al-sahabah* dari segi syarak dan berakhir dengan penafian terhadap keaslian mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Hasil kajian menyerlahkan kepincangan pemikiran Syiah tersebut dan kepentingan mendedahkan kepincangan tersebut berdasarkan perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

University of Malaya

Kata kunci: *Al-ṣaḥābah*, karya-karya Syiah Berbahasa Melayu, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, Malaysia.

University of Malaya

THE CONCEPT OF *AL-ṢAḤĀBAH* IN MALAY LANGUAGE SYIAH WORKS: AN ANALYSIS BASED ON THE PERSPECTIVE OF *AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH*

ABSTRACT

The Concept of al-Ṣaḥābah in Malay Language Syiah Works: An Analysis Based on the Perspective of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, is the title of the study with the primary objective of identifying the foundations of Syiah thought on the concept of companions in some Malay language Syiah works and its judgement based on the thought of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. The study contains five chapters. The introduction, presenting the background, objectives, scope, highlight of previous studies and methodology used. The second chapter discusses Syiah in Malaysia and the introduction of selected Malay language Syiah works. The third chapter presents the fundamentals of Syiah thought on the concept of companions in selected Malay language Syiah works based on identified themes. The fourth chapter analyses and judges Syiah thought in these works according to the perspective of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. The fifth chapter brings about the conclusion of the study. In general, this study is based on a qualitative study concept driven by two methods of research namely the data collection and analysis methods. In order to analyse data, three sub-applications were used, namely inductive, deductive and comparative methods. The study concludes that the foundations of the thought regarding the concept of the companions contained in the selected Malay language Syiah works are in accordance with the original Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah. It begins with the rejection of the legitimacy of the term *al-sahabah* (companion) in terms of syarak and ends with the denial of the authenticity of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. The findings show the flaws of Syiah thought and the importance of exposing such flaws based on the perspective of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

University of Malaya

Keywords: *Al-ṣaḥābah*, Syiah Malay Language Works, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, Malaysia.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT, kerana dengan keizinan-Nya penulis dapat menyelesaikan kajian ini bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin.

Dalam kesempatan ini, penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia, al-Murabbi al-Fadhil Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat di atas bimbingan sama ada dari segi ilmu, metodologi dan motivasi sepanjang kajian ini dilakukan. Juga kepada para pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Ungkapan setinggi-tinggi penghargaan buat bonda tercinta Robiah binti Abdullah, isteri tersayang Normasayu binti Mat Resid dan anakanda Hanaan, Harith dan Haseef yang sentiasa menyokong sepanjang menyiapkan kajian ini. Juga kepada guru-guru penulis yang telah banyak menyumbang kepada pembentukan manhaj ilmu sedari awal seperti Prof. Dr. ‘Abd Qadir al-Sa‘di, Prof. Dr. Sharif al-Khatib, Shaykh Shu‘ayb al-Arna’uth, Prof. Dr. ‘Abd al-Sami‘ al-Anis, Prof. Dr. Qahtan al-Duri dan lain-lain. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati mereka semua di dunia dan di akhirat.

Ucapan terima kasih jua kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perjalanan ilmu ini termasuk Ketua Pengarah Jakim yang telah menyokong cuti belajar di bawah skim Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan JPA. Moga kajian ini menjadi salah satu sumbangan penulis buat Islam dan umatnya. Segala yang baik itu adalah daripada Allah SWT manakala kekurangan dan kecacatan itu datangnya daripada diri penulis yang lemah dan tidak sempurna ini. Akhir sekali buat arwah bapa, Haji Mas’od bin Mohd Sabri, yang dengan semangatnya sempurna tesis ini. Sekian.

University of Malaya

JADUAL KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK ii
BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN iii
ABSTRAK iv
ABSTRACT vi
PENGHARGAAN viii
JADUAL KANDUNGAN ix
PANDUAN TRANSLITERASI xv
SENARAI KEPENDEKAN xvii
SENARAI LAMPIRAN xix

BAB 1 : PENDAHULUAN
1.1 Pengenalan 1
1.2 Latar belakang kajian 2
1.3 Permasalahan kajian 6
1.4 Persoalan kajian 9
1.5 Objektif kajian 9
1.6 Huraian tajuk 10
1.7 Skop kajian 14
1.8 Kepentingan kajian 17
1.9 Sorotan kajian lepas 18
1.10 Metodologi kajian 34
1.11 Susunan penulisan 39

BAB 2 : SYIAH IMĀMIYYAH ITHNĀ 'ASHARIYYAH DI MALAYSIA DAN PENGENALAN TERHADAP KARYA-KARYA TERPILIH
2.1 Pendahuluan 40
2.2 Sejarah kemasukan Islam ke Malaysia 43
2.3 Aliran terawal yang sampai ke Malaysia 51
2.4 Sejarah kemasukan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ke Malaysia 65
2.5 Proses Penyebaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah di Malaysia 72
2.5.1 Penyebaran menerusi parti politik 72

University of Malaya

2.5.2 Peranan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan 77
2.5.3 Penghantaran para pelajar ke Iran 81
2.5.4 Perkahwinan mut'ah dan fatwa menarik mengenai seks 84
2.5.5 Dakwaan bahawa Syiah adalah sebuah mazhab yang diiktiraf 86
2.5.6 Mengeksploitasi perjuangan isu Palestin dan al-Quds 90
2.5.7 Menggunakan saluran hak asasi manusia 92
2.6 Peranan karya-karya berbahasa Melayu dalam penyebaran Syiah 96
2.6.1 Penyebaran karya-karya Syiah berorientasikan Revolusi Iran 97
2.6.2 Peranan pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam 100
2.6.3 Penyebaran karya-karya Syiah berbahasa Melayu masa kini 102
2.7 Karya-karya mengenai *al-sahabah* di Alam Melayu 106
2.8 Pengenalan karya-karya terpilih 115
2.8.1 Khair Izzah dan karya *Meniti Titian* Kebenaran 115
2.8.2 A. Malik bin Takim dan karya *Dialog Tertutup Ahlus* Sunnah *Waljamaah dan Syiah* 121
2.8.3 Faisal Tehrani dan karya *Perempuan Nan* Bercinta 124
2.9 Kesimpulan 132

BAB 3 : KONSEP *AL-ṢAḤĀBAH* DALAM KARYA-KARYA SYIAH BERBAHASA MELAYU TERPILIH

3.1 Pendahuluan 134
3.2 Definisi *al-sahabah* 137
3.2.1 Etimologi istilah *al-sahabah* 140
3.2.2 Pendapat ulama Syiah mengenai istilah *al-sahabah* 141
3.3 Para *al-sahabah* dalam al-Qur'an 145
3.3.1 Kategori *al-sahabah* dalam al-Qur'an 146
3.3.1.1 Kategori *al-sahabah* yang terpuji 147
3.3.1.2 Kategori *al-sahabah* yang dikeji 155
3.4 Para *al-sahabah* dalam al-Sunnah 168
3.4.1 Dalil-dalil al-Sunnah menurut Khair Izzah 171
3.4.2 Dalil-dalil al-Sunnah menurut Faisal Tehrani 177
3.4.3 Dalil-dalil al-Sunnah menurut A. Malik 180
3.4.4 Dalil-dalil al-Sunnah menurut pandangan ulama Syiah 181

University of Malaya

3.5 Keadilan para *al-sahabah* 185
3.5.1 Keadilan para *al-sahabah* menurut ulama Syiah 186
3.5.2 Prinsip keadilan para *al-sahabah* 188
3.5.3 Kaedah penilaian keadilan *al-sahabah* 190
3.5.3.1 Kecintaan atau permusuhan terhadap Ahl al-Bayt 191
3.5.3.2 Kemungkaran para *al-sahabah* 198
3.5.3.3 Kemurtadan para *al-sahabah* 202
3.6 Pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah 204
3.6.1 ‘Alī khalifah lantikan Rasulullah SAW 206
3.6.2 Ketidaksahan kekhalifahan *al-sahabah* 209
3.6.2.1 Menolak kekhalifahan Abū Bakr al-Ṣiddīq 210
3.6.2.2 Menolak kekhalifahan ‘Umar al-Khaṭṭāb 215
3.6.2.3 Menolak kekhalifahan ‘Uthmān bin ‘Affān 217
3.7 Pendirian Ahl al-Bayt terhadap *al-sahabah* 221
3.7.1 Definisi Ahl al-Bayt 222
3.7.2 Hadis-hadis Ahl al-Bayt 227
3.7.2.1 Sikap ‘Alī terhadap *al-sahabah* 228
3.7.2.2 Sikap Fāṭimah terhadap *al-sahabah* 236
3.7.2.3 Akidah *al-walā’* dan *al-barā’* menurut Ahl al-Bayt 239
3.8 Konflik antara *al-sahabah* 241
3.8.1 Konspirasi para *al-sahabah* 243
3.8.2 *Al-sahabah* menolak kekhalifahan ‘Alī 245
3.8.3 Perang menjatuhkan ‘Alī 247
3.8.4 Memerangi ‘Alī bukan suatu ijtihad 249
3.8.5 Sikap Mu‘āwiyah terhadap ‘Alī 251
3.9 Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai mazhab *al-sahabah* 254
3.9.1 Ketidakaslian mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah 254
3.9.2 Istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah menurut ulama Syiah 257
3.9.3 Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, mazhab nawāṣib 259
3.9.4 Mazhab majoriti bukan hujah 261
3.10 Kesimpulan 264

University of Malaya

BAB 4 : PENILAIAN AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH TERHADAP KONSEP *AL-ṢAḤĀBAH* DALAM KARYA-KARYA SYIAH BERBAHASA MELAYU TERPILIH

4.1 Pendahuluan 267

4.2 Penilaian terhadap definisi *al-sahabah* 268

4.2.1 Definisi *al-sahabah*, antara Ahl al-Sunnah dan Syiah 269

4.2.2 Analisis terhadap definisi *al-sahabah* menurut Syiah 271

4.3 Keadilan para *al-sahabah* menurut al-Qur'an dan al-Sunnah 281

4.3.1 Definisi keadilan 281

4.3.2 Keadilan para *al-sahabah* 283

4.3.3 Dalil al-Qur'an dan al-Sunnah mengenai keadilan *al-sahabah* 287

4.3.4 Dakwaan ketiadaan dalil mutlak mengenai keadilan *al-sahabah* 292

4.4 Penilaian terhadap ketidakadilan *al-sahabah* menurut al-Qur'an 303

4.4.1 Dakwaan kemunafikan *al-sahabah* dalam al-Qur'an 303

4.4.2 Dakwaan kelemahan iman *al-sahabah* dalam al-Qur'an 305

4.4.3 Dakwaan kemurtadan *al-sahabah* dalam al-Qur'an 306

4.4.4 Dakwaan kefasikan *al-sahabah* dalam al-Qur'an 307

4.4.5 Dakwaan pengkhianatan *al-sahabah* dalam al-Qur'an 308

4.5 Penilaian terhadap ketidakadilan *al-sahabah* menurut al-Sunnah 309

4.5.1 Prinsip Syiah dalam berinteraksi dengan al-Sunnah 310

4.5.1.1 Dakwaan Mu'āwiyah memalsukan al-Sunnah 311

4.5.2 Dakwaan kemurtadan para *al-sahabah* 314

4.5.3 Dakwaan kemungkaran para *al-sahabah* 319

4.5.4 Dakwaan *al-sahabah* memusuhi Ahl al-Bayt 324

4.6 Penilaian terhadap penolakan pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah 338

4.6.1 Dakwaan ketidaksahan pelantikan 'Abū Bakr al-Ṣiddīq 341

4.6.2 Dakwaan ketidaksahan pelantikan 'Umar al-Khaṭṭāb 344

4.6.3 Dakwaan ketidaksahan pelantikan 'Uthmān bin 'Affan 345

4.6.4 Dakwaan ketidakwibaan tiga khalifah 348

4.6.4.1 Mempertikai kewibawaan Abū Bakr al-Ṣiddīq 348

4.6.4.2 Mempertikai kewibawaan 'Umar al-Khaṭṭāb 350

4.6.4.3 Mempertikai kewibawaan 'Uthmān bin 'Affan 354

4.7 Penilaian terhadap kebencian Ahl al-Bayt kepada *al-sahabah* 359

University of Malaya

4.7.1 Analisis terhadap dakwaan permusuhan 360
4.7.2 Hakikat hubungan antara Ahl al-Bayt dan *al-sahabah* 365
4.7.2.1 Perkahwinan Ahl al-Bayt dengan *al-sahabah* 366
4.7.2.2 Penamaan Ahl al-Bayt dengan nama para *al-sahabah* 368
4.7.2.3 Puji-pujian Ahl al-Bayt terhadap para *al-sahabah* 370
4.8 Penilaian terhadap konflik antara *al-sahabah* 372
4.8.1 Prinsip Ahl al-Sunnah dalam konflik antara *al-sahabah* 373
4.8.2 Pendirian Ahl al-Bayt terhadap konflik antara *al-sahabah* 374
4.8.2.1 Punca konflik dalam Perang Jamal 375
4.8.2.2 Punca konflik dalam Perang Siffin 376
4.8.2.3 Dakwaan menolak ‘Alī sebagai khalifah 377
4.8.2.4 Dakwaan sengaja memilih jalan perang 380
4.8.2.5 Dakwaan perang antara *al-sahabah* bukan ijtihad 383
4.8.2.6 Dakwaan Mu‘āwiyah membenci ‘Alī 385
4.9 Penilaian terhadap penolakan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai mazhab *al-sahabah* 387
4.9.1 Asal-usul Syiah menjadi pertikaian 388
4.9.2 Dakwaan Ahl al-Sunnah sebagai mazhab baharu 391
4.9.2.1 Istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah menurut Syarak 392
4.9.2.2 Awal penggunaan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah 395
4.9.2.3 Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai mazhab akidah dan fiqah 397
4.9.3 Dakwaan terhadap krediliti Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī 399
4.9.4 Dakwaan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebuah pakatan yang rapuh 402
4.9.5 Dakwaan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah terputus daripada *al-sahabah* 405
4.10 Kesimpulan 408

BAB 5 : PENUTUP

5.1 Pengenalan 411

5.2 Rumusan 411

University of Malaya

5.3 Saranan 424

BIBLIOGRAFI 429

LAMPIRAN 464

University of Malaya

PANDUAN TRANSLITERASI

1. KONSONAN

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا ، ء	a, ’ (hamzah)
ب	b
ت	t
ث	Th
ج	J
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘ (a,i,u)
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ي	y

University of Malaya

2. VOKAL

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أ	ā	الكبرَى / البَاب	al-bāb / al-kubrā
اي	ī	الخميْس	al-khamīs
أو	ū	المسلمُون	al-muslimūn

Vokal Pendek	**Transliterasi**	**Contoh**	**Transliterasi**
َ- (fathah)	a	قَنَتَ	Qanata
ِ- (kasrah)	i	تِهامَة	Tihāmah
ُ- (dammah)	u	جُعِلَ	ju‘ila

Diftong	**Transliterasi**	**Contoh**	**Transliterasi**
أوْ	au / aw	أوّاب	Awwāb
أيّ	ai / ay	أيّام	Ayyām
إيّ	Iy	إيّاك	Iyyāk

Catatan : Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan Arab tetapi telah menjadi sebutan bahasa Melayu adalah dieja mengikut perkataan bahasa Melayu, seperti perkataan mazhab, ulama, al-Quran dan lain-lain.

University of Malaya

SENARAI KEPENDEKAN

ABIM	: Angkatan Belia Islam Malaysia
a.s	: ‘alayh al-salam
BAHEIS	: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri
Bil.	: Bilangan
c.	: cetakan
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr	: Doktor
Ed.	: Edisi
ed	: diedit
et. al	: bersama pengarang-pengarang yang lain
H	: Hijrah
h.	: halaman
Ibid.	: (Latin: Ibidiem) rujukan pada tempat yang sama
IPT	: Institut Pengajian Tinggi
ISA	: *Internal Security Act* (Akta Keselamatan Dalam Negeri)
JAKIM	: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAIM	: Jabatan Agama Islam Melaka
JAIS	: Jabatan Agama Islam Selangor
jld.	: jilid
KDN	: Kementerian Dalam Negeri
M	: Masihi
m.	: mati
MAIJ	: Majlis Agama Islam Johor
NGO	: Non-Governmental Organisation (Pertubuhan Bukan Kerajaan)

University of Malaya

p.	: *page* (halaman)
PAS	: Parti Islam Se-Malaysia
PUM	: Persatuan Ulama Malaysia
t.t.	: tanpa tahun
t.p.	: tanpa penerbit
t.tp.	: tanpa tempat penerbit
r.a	: Radi Allah ‘anhu / ‘anha
r.a.h	: Radi Allah ‘anhum
SAW	: Salla Allahu ‘alayhi wa sallam
SWT	: Subhanahu wa Ta‘ala
terj.	: terjemahan
v.	: volume
w.	: wafat

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Kulit dan halaman hadapan buku Meniti Titian Kebenaran

Lampiran B: Kulit dan halaman hadapan buku Perempuan Nan Bercinta

Lampiran C: Kulit dan halaman hadapan surat A. Malik kepada S.S Mufti Johor

Lampiran D: Cabutan Minit Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia, 5 Mei 1996.

University of Malaya

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Para *al-sahabah* r.a.h merupakan golongan yang paling hampir dengan Rasūlullah SAW. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah bersepakat bahawa seluruh *al-sahabah* bersifat adil (*‘udūl*). Menurut Ibn Ḥajar, tiada yang berselisih pendapat tentang hal ini kecuali segelintir orang yang digelar sebagai ahli bid‘ah. Maka wajib bagi setiap muslim untuk meyakini sifat *al-sahabah* tersebut kerana telah ditetapkan bahawa seluruh *al-sahabah* adalah ahli syurga, tiada seorang pun dalam kalangan mereka yang akan masuk ke neraka[1]. Iktikad ini dipegang oleh majoriti umat Islam di dunia yang menganut akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah termasuk di Malaysia. Namun demikian, dengan penyebaran ajaran Syiah yang semakin menular, wujud bibit-bibit pemikiran yang berbaur prejudis dan skeptikal terhadap kedudukan para *al-sahabah*. Ini dikesan terutamanya menerusi karya-karya berunsur Syiah yang diterbitkan dalam Bahasa Melayu. Pemikiran kontroversial Syiah terhadap *al-sahabah* disuntik secara tersurat dan tersirat dalam karya-karya tersebut dan dibiarkan tanpa analisis yang jitu dan pencerahan yang tuntas. Situasi ini lama kelamaan boleh meruntuhkan identiti Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang memuliakan kedudukan *al-sahabah* sejak sekian lama. Justeru itu, kajian ini digarap untuk menganalisis pemikiran Syiah terhadap *al-sahabah* sebagaimana yang terkandung dalam karya-karya Syiah berbahasa Melayu menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

[1] Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah* (Beirut: Dār al-Jīl, 1992), 1: 10-12.

University of Malaya

1.2 Latar belakang kajian

Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah adalah fahaman yang dibawa masuk ke Malaysia sekitar tahun 1979, iaitu selepas kejatuhan Syah Iran melalui revolusi Islam yang dilancarkan oleh Ayatullāh Khumaynī. Namun begitu, sebelum kemasukan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ke Malaysia, rekod Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menunjukkan terdapat dua kumpulan Syiah yang lebih awal wujud di Malaysia iaitu kumpulan Syiah Dawoodi Bohra dan Syiah Ismā‘īliyyah Aghā Khān.[2]

Syiah Dawoodi Bohra dan Syiah Ismā‘īlyyah Aghā Khān, kedua-duanya berasal daripada kumpulan Syiah Ismā‘iliyyah. Syiah Ismā‘iliyyah adalah kumpulan bāṭiniyyah yang disandarkan kepada Ismā‘īl bin Ja‘far al-Ṣādiq.[3]

Syiah Dawoodi Bohra merupakan pecahan Syiah Ismā‘īliyyah Musta‘liyyah. Mereka mengiktiraf al-Musta‘lī, pengganti selepasnya iaitu al-Amīr, kemudian anaknya iaitu al-Ṭayyib. Dengan demikian mereka digelar juga al-Ṭayyibiyyah. Golongan ini bertebaran di India dan Yaman. Mereka meninggalkan bidang politik untuk menumpukan sepenuh masa kepada perniagaan. Mereka bercampur gaul dengan penganut Hindu yang kemudiannya memeluk Islam dan dikenali sebagai *buhrah*. *Buhrah* dalam bahasa India kuno bererti peniaga.[4]

Menurut kepercayaan Bohra, al-Ṭayyib telah masuk ke tempat persembunyian pada tahun 525H. Sehingga kini, tiada seorang pun yang mengenali para imam tersembunyi daripada keturunannya, malah nama-nama mereka tidak diketahui bahkan para ulama Bohra sendiri tidak mengetahuinya. Bohra pula terbahagi kepada dua pecahan:

---

[2] Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah* (Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010), 2-3.
[3] Al-Nadwah al-‘Ālamiyyah li al-Shabāb al-Islāmī, *al-Mawsū‘ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib al-Mu‘āṣirah*, (Riyāḍ: Dār al-Nadwah al-‘Ālamiyyah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1420H), 1: 383.
[4] *Ibid.*, 186.

University of Malaya

Pertama, Buhrah Sulaymāniyyah. Ia adalah sandaran kepada Sulaymān bin Ḥasan dan markaz mereka berpusat di Yaman hingga kini.

Kedua, Buhrah Dāwūdiyyah. Ia merupakan sandaran kepada Quṭb Shāh Dawūd. Ia tersebar di India dan Pakistan sejak kurun ke sepuluh dan para pendakwahnya menetap di Bombay.[5] Di Malaysia, kumpulan ini dikenali dengan golongan yang memiliki Kedai Bombay. Kumpulan yang berpusat di daerah Klang ini mempunyai tanah perkuburan dan masjidnya sendiri. Pengikut mereka dianggarkan lebih kurang 200 hingga 400 orang.[6] Syiah Dawoodi Bohra dikatakan telah wujud di Malaysia sejak kurun ke-19. Mereka dikatakan berhijrah ke Singapura untuk menjalankan aktiviti perdagangan.[7]

Syiah Ismā'īliyyah Aghā Khān juga adalah pecahan daripada Syiah Ismā'īliyyah. Kumpulan Syiah ini muncul di Iran pada awal kurun ke 19 Masihi. Kumpulan Syiah Aghā Khān ini tersebar dan terdapat di Nairoby, Darussalam, Zimbabwe, Moghadisu, Kongo, Belgium, India, Pakistan, Syria dan pusat utama kepimpinannya ialah di Karachi.[8] Di Malaysia, kumpulan ini terdapat di Lembah Klang daripada kalangan pemilik kedai Peerbhai. Pengikut kumpulan ini tidak dapat diketahui jumlahnya tetapi ia lebih sedikit daripada kumpulan Syiah yang pertama.[9]

Fakta sejarah mengatakan seramai 12 juta penganut Syiah Ismā'īliyyah Aghā Khān telah tersebar dari Asia Tenggara ke Afrika pada tahun 1893.[10] Kini, Syiah Ismā'īliyyah Aghā Khān tidak lagi menjalankan sebarang bentuk dakyah bagi menarik pengikut sejak kurun ke

---

[5] *Ibid*.
[6] Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah*, 2.
[7] Asghar Ali, *Islam in Post-Modern World* (Delhi: Hope India Publications, 2008), 116.
[8] Al-Nadwah al-'Ālamiyyah, *al-Mawsū'ah al-Muyassarah*, 1: 386-388.
[9] Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah*, 3.
[10] Danial Gorman, *The Emergence of International Society in The 1920s* (New York: Cambridge University Press, 2012),127

University of Malaya

18 dan tidak lagi menyebarkan ajaran mereka kecuali dalam lingkungan mereka sendiri yang ketika itu dianggarkan telah pun tersebar di Timur tengah, Asia Tengah dan Asia Selatan.[11]

Berdasarkan kajian JAKIM, kedua-dua jenis Syiah ini didapati tidak menjalankan sebarang bentuk dakyah kepada masyarakat Sunni, sebaliknya ia hanya berkembang dalam kalangan kelompok dan generasi baru mereka sendiri.[12]

Berdasarkan fakta di atas, dapat disimpulkan Syiah yang tersebar pada hari ini adalah daripada kelompok Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Fahaman ini secara jelas bercanggah dengan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang diamalkan di Malaysia. Sehubungan itu, setelah penyelidikan yang mendalam dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri (sekarang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa ajaran Syiah sama ada Syiah Imāmiyyah atau Syiah Zaydiyyah adalah dilarang, sebaliknya umat Islam di Malaysia hendaklah hanya berpegang dengan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sama ada dari segi akidah, syariah mahupun akhlak.[13]

Namun begitu, setelah lebih sedekad ajaran ini diharamkan oleh pihak berkuasa agama, ajaran Syiah didapati terus berkembang sehingga menimbulkan kebimbangan ia boleh mengundang perpecahan dan permusuhan dalam kalangan umat Islam. Lebih-lebih lagi antara kaedah yang digunakan untuk menyebarluaskan fahaman ini ialah dengan mengedarkan buku-buku Syiah berbahasa Melayu kepada masyarakat awam. Malah, tinjauan mendapati buku-buku tersebut bukan lagi buku-buku yang diterjemah daripada bahasa Arab,

---

[11] Stephen M.Cherry et al, *Global Religiuos Movements Across Boarders* (England: Ashgate Publishing Limited, 2014), 143,

[12] Seksyen Akidah, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011), 5.

[13] Pusat Penyelidikan Islam, "Ke Arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia" (Kertas Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 5 Mei 1996).

University of Malaya

Parsi atau Indonesia, tetapi ia adalah buku-buku yang ditulis sendiri dalam Bahasa Melayu oleh warganegara Malaysia berbangsa Melayu dan berfahaman Syiah.

Dari segi metodologi, buku-buku Syiah Melayu tidak jauh berbeza dengan buku-buku Syiah berbahasa Arab, Parsi dan Indonesia yang cuba memaparkan kebenaran Syiah sambil menolak dan mempertikaikan keabsahan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Namun begitu, buku-buku Syiah Melayu lebih istimewa kerana gaya penyampaiannya yang menarik menerusi judul yang mirip kepada fahaman Sunni, berbentuk soal jawab, menyokong hujah berdalilkan sumber Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sendiri dan penggunaan Bahasa Melayu yang mudah. Justeru itu, penyebaran buku-buku Syiah Melayu ini dibimbangi boleh menggugat kefahaman dan sudut pandang masyarakat terutamanya golongan awam terhadap aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Antara judul buku-buku dan risalah Syiah Melayu yang sedang tersebar pada masa ini adalah, *Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bait*[14], *Akhirnya Ku Temui Kebenaran*[15], *Dialog Mengenai Islam dan Akidah Islam Yang Sebenar*[16], *Benarkah Salafi Wahabi Pemusnah Islam dan Pembunuh Umatnya*[17], *Pertahan Syariat Muhammadiyah!*[18], *Inilah al-Khulafa' Ar-Rasyidin Rasul!*[19] dan *Kewajipan Setiap Muslim Mentaati Kepimpinan Yang Dilantik Allah dan Rasul Demi Perpaduan dan Kejayaan Dunia dan Akhirat*[20].

---

[14] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran* (t.t.p. : Al-Muntazar Resources, 2011)
[15] Muhammad al-Tijani al-Samawi, *Akhirnya kutemukan kebenaran*, terj. *Thumm Ihtdaytu* (Bombay: Najafi House, 1991).
[16] Abdul Husain Sharafuddin al-Musawi, *Dialog Mengenai Islam dan Akidah Islam Yang Sebenar*, terj. *al-Murāja'āt* (t.tp.: Najafi House, 1991)
[17] *Benarkah Salafi Wahabi Pemusnah Islam dan Pembunuh Umatnya* (t.tp., t.p, t.t).
[18] Khair Izzah, *Pertahan Syariat Muhammadiyah* (t.tp.: Raudhah al-Hurr Resources, t.t).
[19] Khair Izzah, *Inilah al-Khulafa' Ar-Rasyidin Rasul* (t.tp.: Raudhah al-Hurr Resources, 2011).
[20] *Kewajipan Setiap Muslim Mentaati Kepimpinan Yang Dilantik Allah dan Rasul Demi Perpaduan dan Kejayaan Dunia dan Akhirat* (t.tp., t.p., t.t).

University of Malaya

Beberapa perbahasan dikemukakan dalam buku-buku tersebut seperti isu *imāmah* atau *khilāfah*, kedudukan *Ahl al-Bayt* dan pendirian Syiah terhadap para *al-sahabah*. Daripada ketiga-tiga isu ini, penulis berpandangan isu pendirian Syiah terhadap para *al-sahabah* adalah amat signifikan kerana ia menjadi faktor utama yang membezakan antara Syiah dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ini kerana, kedudukan para *al-sahabah* menjadi penentu kepada penerimaan Syiah terhadap sumber hukum primer iaitu al-Qur'ān dan hadis serta sumber hukum sekunder iaitu ijmak dan qiyas.

Sementara itu, dalam konteks Malaysia, kedudukan para *al-sahabah* adalah amat tinggi dan keadilan mereka tidak pernah dipertikaikan. Oleh itu, penyerapan masuk pemikiran Syiah yang mempersoalkan kejujuran para *al-sahabah* perlu dikaji dan diteliti bagi menilai segala keraguan dan *shubuhāt* yang ditimbulkan. Sehubungan itu, penulis berpandangan adalah amat wajar untuk dianalisis pemikiran Syiah terhadap kedudukan para *al-sahabah* sebagaimana yang terkandung di dalam karya-karya Syiah berbahasa Melayu bagi merungkaikan kefahaman sebenar mereka dalam menanggapi isu ini.

1.3 Permasalahan kajian

Selepas berlaku Revolusi Iran pada tahun 1979, gerakan Syiah di Malaysia berkembang dengan begitu aktif di negara ini. Antara kaedah pengembangan Syiah adalah menerusi penyebaran buku-buku Syiah berbahasa Melayu. Kajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapati dari tahun 1980 hingga kini terdapat tidak kurang 43 buah buku Syiah berbahasa Melayu yang telah disebarkan sama ada melalui bentuk percetakan

University of Malaya

atau versi internet (*e-book*). Sebahagian daripada buku-buku dan risalah yang disebarkan juga didapati tidak menyatakan nama pengarang, penerbit dan tempat penerbitan.[21]

Terdapat buku-buku yang secara langsung menyentuh kedudukan para *al-sahabah* seperti buku berjudul *Abu Hurairah*[22], *Perspektif Al-sahabah Dalam Islam*[23], *Jika Mereka Ahlus-Sunnah Nabi SAW*[24] dan *Khulafa Rasyidin di antara Nas dan Ijtihad*[25]. Selain itu, buku-buku lain juga menyentuh secara tidak langsung ketika membahaskan isu-isu yang berbangkit tentang peranan *al-sahabah*, antaranya seperti buku *Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bait*[26], *Inilah Khulafa Ar Rasyidin*[27], *Pertahan Syariat Muhammadiyah*[28], *Usuluddin Aqidah Islam*[29], *Kepercayaan dan Amalan Syiah Imam Dua Belas*[30], *Sunnah Syiah dalam Dialog*[31], *Kebenaran Yang Hilang*[32], *Kemelut Kepemimpinan Selepas Rasul*[33], *Khutbah Rasulullah SAW di Ghadir Khum Menurut Catatan al-Allamah al-Tabarsi*[34] dan *Penyelewengan Ajaran Ahlus Sunnah wal-Jamaah*[35].

Antara perkara yang menyentuh para *al-sahabah* dalam buku-buku tersebut ialah seperti isu melebihkan taraf Abū Bakr dan ‘Umar daripada Allāh S.W.T dari segi pelaksanaan hukum, perbuatan ‘Umar mengharamkan nikah mut‘ah, para *al-sahabah* memegang jawatan khalifah tanpa diwasiatkan oleh Rasūlullah SAW, kekafiran, kefasiqan dan kemunafikan para *al-sahabah*, menjadikan sunnah Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān, dan Mu‘āwiyah lebih tinggi

---

[21] Seksyen Akidah, “Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia” (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 14.
[22] ‘Abd al-Ḥusayn Sharaf al-Dīn al-Musawī, *Abu Hurairah* (terj.) (Pakistan: PeerMahomed Ebrahim Trust Karachi, 1997).
[23] Asad Haidar, *Perspektif Al-sahabah Dalam Islam* (terj.) (Beirut: t.p., 1980).
[24] *Jika Mereka Ahlus-Sunnah Nabi S.A.W* (t.tp.: t.p., 1996).
[25] *Khulafa Rasyidin di antara Nas dan Ijtihad* (t.t.p.: t.p., 1993).
[26] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*.
[27] Khair Izzah, *Inilah al-Khulafa’ Ar-Rasyidin Rasul*.
[28] Khair Izzah, *Pertahan Syariat Muhammadiyah.*
[29] *Usuluddin Aqidah Islam* (t.tp., t.p., t.t).
[30] ‘Amali al-Saduq, *Kepercayaan dan Amalan Syiah Imam Dua Belas* (Beirut: t.p., 1980).
[31] Husein al-Habsyi, *Sunnah Syiah dalam Dialog* (t.tp., t.p., t.t).
[32] *Kebenaran Yang Hilang* (t.tp., t.p., t.t).
[33] Muhammad Baqir Sadr, *Kemelut Kepemimpinan Selepas Rasul* (terj.) (Jakarta: Yayasan as-Sajad, 1990).
[34] *Khutbah Rasulullah S.A.W di Ghadir Khum Menurut Catatan al-Allamah al-Tabarsi* (terj.) (t.tp., t.p., t.t).
[35] *Penyelewengan Ajaran Ahlus Sunnah wal-Jamaah* (t.tp., t.p., t.t).

University of Malaya

daripada al-Qur'ān dan sunnah Rasūlullah SAW sendiri dan pelbagai lagi hadis-hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menyebut tentang keburukan *al-sahabah* selepas ketiadaan Rasūlullah SAW. Turut dinyatakan ijtihad para *al-sahabah* yang bertentangan dengan nusus al-Qur'ān, mempertikaikan Abū Hurairah yang meriwayatkan hadis terlalu banyak berbanding tempohnya yang singkat bersama dengan Baginda SAW, mempersoalkan keabsahan amalan berpegang kepada para *al-sahabah* sedangkan hadis sahih memerintahkan supaya berpegang kepada *Ahl al-Bayt* dan pelbagai lagi.

Sebagai contoh, dalam buku *Perspektif Al-sahabah Dalam Islam* karangan Asad Haidar, terjemahan Haji Khalid Kasban menyatakan, terdapat tiga golongan yang menanggapi para *al-sahabah* dan Syiah adalah golongan yang paling sederhana kerana berpegang kepada prinsip setiap *al-sahabah* itu dinilai pada perbuatan mereka, ada yang adil dan ada yang fasiq. Namun Ahl al-Sunnah menyalahi kaedah ini dengan mengatakan semua *al-sahabah* itu adil dan semua mereka adalah mujtahid. Manakala Khawārij pula mengatakan semua *al-sahabah* adalah kafir, terkeluar daripada Islam. Pendapat Khawārij ini jelas bertentangan dengan ijmak ulama, manakala pendapat Ahl al-Sunnah pula seolah-olah meletakkan *al-sahabah* itu seperti insan yang maksum. Sedangkan Syiah berpendapat bahawa setiap *al-sahabah* itu perlu dinilai berdasarkan amalan dan darjat keimanan mereka. Dalam kalangan mereka ada yang mukmin, munafiq, adil, fasiq, baik dan jahat[36].

Kesimpulannya, penulis-penulis buku Syiah berbahasa Melayu ini cuba mengatakan bahawa pandangan Syiah adalah yang paling sederhana atau pertengahan dalam berinteraksi dengan para *al-sahabah* manakala pandangan Ahl al-Sunnah dianggap sebagai melampau atau *ghuluw* terhadap kedudukan *al-sahabah*. Pandangan Syiah ini jelas bertentangan dengan

[36] Asad Haidar, *Perspektif Al-sahabah Dalam Islam*, 5-6.

University of Malaya

tradisi dan disiplin ilmu Ahl al-Sunah wa al-Jamā'ah yang telah sekian lama dianuti oleh umat Islam di Malaysia khususnya dan Nusantara umumnya.

Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan, permasalahan utama yang perlu dirungkaikan menerusi kajian ini adalah bagaimana munculnya karya-karya Syiah yang menyentuh kedudukan *al-sahabah* dalam bahasa Melayu dan apakah isu-isu tersebut dan hujah-hujah mereka dalam mempertahankan fikrah-fikrah tersebut. Kajian ini juga akan menganalisis hujah-hujah tersebut menerusi sudut pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, khususnya yang diamalkan di Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang akan dijawab dalam kajian ini adalah sebagaimana berikut:

a) Bagaimanakah kemunculan Syiah di Malaysia, proses penyebarannya dan peranan karya-karya Syiah berbahasa Melayu?
b) Apakah asas-asas pemikiran tentang *al-sahabah* yang digunakan dalam penulisan karya-karya Syiah berbahasa Melayu dalam menilai *al-sahabah*?
c) Apakah keraguan atau *shubuhāt* yang ditimbulkan dalam karya-karya tersebut terhadap para *al-sahabah*?

1.5 Objektif Kajian

Objektif dalam kajian ini adalah sebagaimana berikut:

University of Malaya

a) Mengkaji kemunculan Syiah di Malaysia, proses penyebarannya dan peranan karya-karya Syiah berbahasa Melayu.

b) Mengenal pasti konsep *al-ṣaḥābah* menurut Syiah dan hujah-hujah yang digunakan dalam penulisan karya-karya tersebut bagi mempertahankan pandangan mereka tentang *al-sahabah*.

c) Menganalisis konsep *al-ṣaḥābah* menurut Syiah yang ditimbulkan dalam karya-karya tersebut menurut pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

1.6 Huraian Tajuk

Dalam subtopik ini, pengkaji akan menghuraikan secara ringkas istilah-istilah utama dalam tajuk kajian. Istilah-istilah tersebut diterangkan dan dikupas sesuai dengan keperluan kajian.

Berkenaan pengertian *al-sahabah*, pengkaji tidak akan memperincikannya dalam satu bab khusus yang lain kecuali dalam huraian tajuk ini dan ketika perbincangan dalam bab-bab yang akan datang. Ini disebabkan perbahasan mengenai definisi *al-sahabah* telah begitu meluas dibincangkan dalam penulisan-penulisan para ulama dan sarjana sebelum pengkaji.

Dari sudut bahasa, *al-sahabah* adalah perkataan bahasa Arab yang berasal dari *isim fā'il ṣaḥiba, yaṣḥabu, ṣāḥib*. Kalimah *ṣāḥib* jika dalam bentuk jamak disebut *aṣḥāb, aṣāḥib, ṣāḥib, ṣiḥāb, ṣuḥbah, ṣuḥbān, ṣaḥābah* dan *ṣiḥābah*.[37] Adapun *ṣāḥib* dan *ṣaḥābī*, kedua-duanya berasal dari perkataan *al-ṣuḥbah*. *Al-ṣuḥbah* mempunyai beberapa makna yang kesemuanya berkisar maksud kebersamaan (*al-mulāzamah*) dan ketundukan (*al-inqiyād*). Contohnya ayat: *istiṣḥabtu al-kitāb wa ghayrah*. Ia bermaksud *idhā ja'altuh mulāziman laka*

[37] Isma'īl bin Ḥammād al-Jawharī, *al-Ṣiḥāḥ Tāj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-'Arabiyyah* (t.tp., t.p., 1982), 1: 161-162; 'Alī bin Isma'īl bin Sīdah, *al-Muḥkam wa al-Muḥīṭ al-A'ẓam*, (Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958), 3: 119-120; Muḥammad bin Mukarram bin Manẓūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, 1388H), 1: 519.

University of Malaya

ghayr mufāriq (apabila kamu menjadikannya sentiasa bersama kamu tanpa berpisah). Begitu juga *istaṣḥabtu fulānan* bermakna *idhā da'awtuh ilā al-ṣuḥbah wa al-mulāzamah* (apabila saya menyerunya kepada per*al-sahabah*an dan kebersamaan). Kesimpulannya, perkataan *ṣaḥābah* adalah jamak bagi perkataan *ṣāḥib*. Perkataan *ṣaḥābī* adalah nisbah kepada *ṣaḥābah*, ia adalah *mudhakkar*, manakala *mu'annath* baginya adalah *ṣaḥābiyyah*.[38]

Dari sudut istilah, terdapat beberapa takrifan yang diberikan oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Takrifan *al-sahabah* yang paling masyhur adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Hajar al- 'Asqalānī. Beliau mengatakan:

"أن الصحابي من لقي النبي مؤمنا به ، ومات على الإسلام ؛ فيدخل فيمن لقيه من طالت مجالسته له أو قصرت ، ومن روى عنه أو لم يرو ، ومن غزا معه أو لم يغز ، ومن رآه رؤية ولو لم يجالسه ، ومن لم يره لعارض كالعمى."

Terjemahan:
"Bahawa *al-sahabah* adalah orang yang bertemu dengan Rasulullah SAW, beriman dengannya dan meninggal dalam keadaan Islam. Maka termasuk orang yang bertemu dengannya, sesiapa yang lama bersama dengannya atau sebentar; meriwayatkan hadis daripadanya ataupun tidak; berperang dengannya ataupun tidak; melihatnya sekali walaupun tidak duduk dalam majlisnya, dan sesiapa yang tidak pernah melihat Nabi SAW kerana halangan tertentu seperti buta..." [39]

Menurut Imam al-Bukhārī, sesiapa yang ber*al-sahabah* dengan nabi atau melihat Baginda SAW dari kalangan orang Islam, dia adalah daripada kalangan *al-sahabah* Baginda[40]. Manakala Imam Aḥmad pula mengatakan, setiap orang yang ber*al-sahabah* dengan Rasulullah SAW setahun, sebulan, satu hari atau satu saat, atau dia melihat Baginda SAW maka orang itu adalah dari *al-sahabah* Baginda.[41] Daripada beberapa takrif di atas

[38] Aḥmad bin Muḥammad al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr* (Kaherah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t), 1: 357; Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab,* 1: 519-521; Aḥmad al-Ṭāhir al-Rāzī, *Tartīb al-Qāmūs al-Muḥīṭ 'alā Ṭarīqah al-Miṣbāḥ al-Munīr wa Asās al-Balāghah* (Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi, t.t), 2: 798.
[39] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*, 1: 6.
[40] Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 3: 1335.
[41] Hibah Allāh bin al-Ḥasan al-Lālakā'i, *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah min al-Kitāb wa al-Sunnah wa Ijmā' al-Ṣaḥābah* (Riyad : Dār al-Tayyibah, 1402H), 1: 160.

University of Malaya

dapat disimpulkan bahawa *al-sahabah* ialah orang yang bertemu dengan Rasulullah SAW sekalipun sebentar, beriman dengannya, meriwayatkan hadisnya daripada Baginda atau tidak dan meninggal dunia dalam keadaan Islam.

Syiah pula bererti mereka yang mengikuti ‘Alī bin Abī Ṭālib secara khusus. Mereka percaya bahawa ‘Alī telah dilantik sebagai imam dan khalifah dengan nas dan wasiat sama ada secara terang (*jalī*y) atau tersembunyi (*khafīy*). Bagi mereka, *imāmah* bukan semata-mata melibatkan *maṣlaḥah* umum masyarakat, tetapi ia adalah prinsip akidah (*uṣūl ‘aqīdah*) dan rukun agama yang tidak harus sama sekali diabaikan oleh Rasulullah SAW. Semua kelompok Syiah bersepakat bahawa penasan (*tanṣīṣ*) dan penentuan (*ta‘yīn*) adalah wajib, sifat terpelihara daripada melakukan dosa (*‘iṣmah*) bagi para nabi dan para imam adalah wajib, serta ketaatan mutlak (*al-walā’ wa al-barā’*)[42] terhadap para imam adalah wajib kecuali dalam keadaan *taqiyyah*[43].

Kumpulan Syiah terpecah kepada lima kumpulan besar iaitu Syiah Ghulāh, Syiah Zaydiyyah, Syiah Kaysāniyyah, Syiah Imāmiyyah dan Syiah Ismā‘īliyyah. Syiah Ghulāh terpecah pula kepada dua puluh empat kumpulan; Syiah Kaysāniyyah terpecah pula kepada enam kumpulan; Syiah Zaydiyyah pula terpecah kepada sembilan kumpulan manakala Syiah

[42] Konsep *al-walā’* dan *al-barā’* menurut Shī‘ah adalah berdasarkan beberapa ayat al-Qur’ān seperti dalam surah al-Tawbah ayat 23, al-Mumtahanah ayat 1 dan 13 serta al-Mujādalah ayat 22. Muḥammad bin Yahyā telah mengatakan bahawa ayat, “*Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman*.” (al-An‘am: 82) telah ditafsirkan oleh Ja‘far al-Ṣādiq sebagai orang-orang yang beriman dengan apa yang dibawa oleh Nabi S.A.W dan ahli keluarganya serta tidak mencampuradukkannya dengan memberikan kekuasaan (wilayah) kepada yang lain. Ia juga berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W dalam hadis Ghadīr Khūm yang menetapkan kewajipan *al-walā’* dan *al-barā’*, “*Ya Allah, Engkau kasihilah orang yang mengasihinya (‘Alī) dan musuhilah orang yang memusuhinya (‘Alī)*.” (‘Alī bin Yūnus al-‘Āmilī (t.t), *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* (Tehran: al-Maktabah al-Murtaḍawiyyah li Iḥyā’ al-Athar al-Ja‘fariyyah, t.t), 3: 74.

[43] Abū al-Fatḥ Muḥammad ‘Abd al-Karīm bi Abī Bakr Aḥmad al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Niḥal* (Beirut : Dār al-Ma‘rifah, 1404H),1: 146.

University of Malaya

Imāmiyyah terpecah kepada tiga puluh sembilan kumpulan dan Syiah Ismā'īliyyah terpecah kepada lapan kumpulan[44].

Walau bagaimanapun dalam konteks kajian ini, Syiah yang dimaksudkan adalah daripada golongan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Ini kerana pengaruh Syiah daripada kumpulan ini didapati mula tersebar di Malaysia selepas era Revolusi Iran pada tahun 1979. Semenjak itu fahaman ini dilihat semakin berkembang di sekitar negeri-negeri di Malaysia. Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri (sekarang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), merekodkan kes-kes penyebaran buku-buku Syiah yang diterjemahkan ke Bahasa Melayu, perkahwinan mut'ah serta penyebaran doktrin yang bertentangan dengan Ahl al-Sunnah Wal-Jamā'ah di dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa ajaran Syiah jenis ini dan mana-mana ajaran Syiah yang lain adalah dilarang.[45]

Manakala Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang dimaksudkan dalam tajuk kajian adalah pegangan rasmi kerajaan Malaysia yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 5 Mei 1996. Panel Kajian Aqidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mendefinisikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah seperti berikut:

> "Golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW menerusi para *al-sahabah*, tabi'in dan tabi' tabi'in yang setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip aqidah, syariah dan akhlak".

Penjelasan definisi:

a) Mereka adalah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW mengikut manhaj dan kaedah salaf dan khalaf (Asya'irah dan Maturidiyyah).

---

[44] Nasīr al-Dīn al-Hindī, *al-Suyūf al-Mushriqah wa Mukhtaṣar al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah* (Kaherah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī, 2008), 59.
[45] Pusat Penyelidikan Islam, "Ke arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia".

University of Malaya

b) Mereka adalah golongan berfahaman sederhana (*wasatiyyah*), tidak melampau dan tidak terlalu longgar, ini mengeluarkan Khawarij, Syi'ah Rafidhah, Qadariyyah, Jabariyyah, Mu'tazilah, Anti-Hadith, Islam liberal, pluralisme agama dan seumpamanya.

Mereka ialah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam bukan permusuhan, perdamaian bukan peperangan, berpegang kepada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taksub sehingga mengkafir atau menyesatkan sesama Islam.[46]

Secara keseluruhan, tajuk kajian ini bermaksud untuk meneliti pemikiran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengenai konsep *al-ṣaḥābah* yang terkandung dalam karya-karya Syiah berbahasa Melayu tempatan. Analisis akan dijalankan berdasarkan perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menjadi pegangan rasmi dan majoriti umat Islam di Malaysia.

1.7 Skop kajian

Fokus pengkaji adalah menyelidik dan menganalisis pemikiran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menerusi karya-karya Syiah berbahasa Melayu di Malaysia yang terpilih. Dalam kajian ini, pengkaji memilih tiga buah karya Syiah berbahasa Melayu yang akan dikaji iaitu *Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bait*[47] dan *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor* [48] karangan A. Malik Takim dan *Perempuan Nan Bercinta*[49] karangan Faisal Tehrani.

[46] Seksyen Akidah, "Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah" (Kertas Mesyuarat Panel Kajian Akidah kali ke-42, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011).
[47] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*.
[48] A. Malik Takim, "Dialog Tertutup Ahlus Sunnah Waljamaah dan Syiah bertajuk: Perbezaan-perbezaan Aqidah Ahlus Sunnah Waljamaah dengan Aqidah Syiah berdasarkan al-Quran", *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 18 Mac 2013.
[49] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, Kuala Lumpur: ITBM, 2012.

University of Malaya

Justifikasi utama karya ini dipilih adalah kerana karya pertama telah disebarkan dengan meluas secara percuma oleh pihak Syiah Melayu atas nama Majlis Syiah Malaysia ke masjid-masjid dan surau-surau ke seluruh negara.[50] Ini menunjukkan bahawa ia adalah karya Syiah berbahasa Melayu yang paling diakui oleh golongan Syiah di Malaysia sebagai sumber yang boleh menjelaskan pegangan Syiah Melayu di Malaysia ketika ini. Turut dilampirkan bersama dalam penyebaran buku tersebut memorandum Majlis Syiah Malaysia bertarikh 6 Jun 2011 yang ditandatangani oleh peguamnya, Mohd Haidar bin Mohd Hashim kepada Yang Di Pertuan Agong dan Perdana Menteri Malaysia. Isi kandungannya adalah untuk merayu supaya warta pengharaman Syiah dan kesesatan Syiah dikaji semula dan dimansuhkan di peringkat negeri dan kebangsaan.[51] Karya ini telah pun diwartakan perintah larangan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 9 Januari 2014, No. Warta P.U. (A) 13. Antara sebab utama larangan adalah kerana ia mempromosikan fahaman Syiah yang bertentangan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang menjadi pegangan rasmi di Malaysia.[52]

Karya kedua pula adalah surat setebal 165 halaman yang merupakan respon balas pihak Syiah kepada Jabatan Mufti Johor rentetan daripada Muzakarah Tertutup Perbezaan Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah dengan Aqidah Syiah berdasarkan al-Qur’an al-Karim anjuran Jabatan Mufti Johor bertempat di Hotel M.Suites, Johor Bahru pada pada 13 Mac 2013. Dalam muzakarah tersebut, pihak Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah diwakili oleh pengkaji dan Ahmad Nasim bin Abdul Rauf, manakala pihak Syiah Imamiyyah Ithna ’Ashariyyah diwakili oleh A. Malik bin Takim, Najiullah bin Osman dan Hassan Askari.[53]

---

[50] Seksyen Akidah, “Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia” (2013), 14.
[51] Seksyen Akidah, “Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia” (2011), 22-23.
[52] “Senarai Perintah Larangan”, Kementerian Dalam Negeri, http://epq.kdn.gov.my/e-pq/index.php?mod=public&opt=pl. 15 Mei 2015.
[53] Seksyen Akidah, “Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia”, (2013), 1.

University of Malaya

Karya ketiga yang dinilai oleh penulis adalah karangan Mohd Faizal Musa atau nama penanya Faisal Tehrani berjudul, *Perempuan Nan Bercinta*. Karya ini dipilih memandangkan ia merupakan karya sastera berunsur Syiah yang menjadi kontroversi di Malaysia. Karya ini telah pun diwartakan perintah larangan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 22 April 2014, No. Warta P.U. (A) 111. Antara sebab utama larangan adalah kerana ia mempromosikan fahaman Syiah yang bertentangan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menjadi pegangan rasmi di Malaysia.[54]

Skop perbahasan karya-karya tersebut amat luas menyentuh doktrin Shī'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang pelbagai seperti isu imāmah, Ahl al-Bayt, nikah mut'ah, peristiwa Karbalā', sejarah kemunculan Shī'ah dan lain-lain, namun tumpuan akan dikhususkan mengenai topik *al-sahabah* sahaja. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa tema utama yang dibahaskan oleh ketiga-tiga karya tersebut mengenai *al-sahabah* iaitu; definisi *al-sahabah*, keadilan para *al-sahabah* menurut al-Qur'an dan al-Sunnah, pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah, pendirian Ahl al-Bayt terhadap *al-sahabah*, konflik antara *al-sahabah* dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab *al-sahabah*. Terdapat tema yang disentuh oleh ketiga-tiga karya tersebut dan ada juga yang disentuh oleh sebahagian karya sahaja.

Berdasar tema-tema berkenaan pengkaji akan menganalisis setiap hujah yang dikemukakan. Membuat perbandingan dengan karya-karya asal tulisan para ulama dan tokoh besar Shī'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Mengkaji dan menganalisis metodologi yang digunakan dalam menyikapi *al-sahabah*. Seterusnya mengemukakan kritikan dan penilaian menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

---

[54] "Senarai Perintah Larangan", Kementerian Dalam Negeri, http://epq.kdn.gov.my/e-pq/index.php?mod=public&opt=pl. 15 Mei 2015.

University of Malaya

1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini penting bagi meluaskan sempadan ilmu berkaitan pemikiran kumpulan Syiah al-Imāmiyyah al-Ithnā ‘Ashariyyah yang telah banyak dikaji dan dikarang oleh para ulama dalam kitab-kitab berbahasa Arab, sebaliknya amat kurang sekali kajian dilakukan terhadap buku-buku Syiah dalam Bahasa Melayu.

Kajian ini amat penting dalam membongkar pemikiran Syiah al-Imāmiyyah al-Ithnā ‘Ashariyyah terhadap kedudukan para *al-sahabah* yang memiliki kedudukan tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia sejak awal kedatangan agama Islam ke Nusantara.

Kajian ini boleh dijadikan sebagai asas rujukan bagi merangka polisi yang lebih jelas terhadap golongan Syiah sekaligus dapat merancang tindakan-tindakan yang lebih jitu dan tegas oleh institusi-institusi berkenaan bagi menangani isu penyebaran ajaran Syiah di Malaysia.

Di peringkat Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, kajian ini penting untuk memperbanyakkan lagi sumber rujukan ilmiah mengenai pegangan Syiah berteraskan penelitian terhadap sumber-sumber berbahasa Melayu. Ia juga bagi menyediakan dan memperkukuhkan hujah-hujah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dalam menghadapi pertembungan antara dua pemikiran.

Kajian ini juga mampu membantu pihak Jawatankuasa Penapisan Bahan-Bahan Bacaan Berunsur Islam di bawah JAKIM dan KDN dalam mengambil apa jua keputusan berkenaan bahan-bahan bacan berunsur Syiah.

Dalam masa yang sama, ia turut boleh dijadikan rujukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan Jabatan Mufti Negeri-Negeri dalam mengkaji sebarang ajaran yang disebarkan oleh penganut Syiah sama ada menerusi media cetak mahupun media elektronik.

University of Malaya

1.9 Sorotan kajian lepas

Perbincangan mengenai isu Syiah telah banyak dikarang oleh para sarjana Islam silam mahupun kontemporari. Apa yang membezakan karya-karya tersebut adalah skop perbahasan, gaya bahasa dan pendekatan yang digunakan. Bagi tujuan penulisan tesis ini, penulis simpulkan perbahasan karya-karya berkenaan kepada beberapa tema seperti berikut dengan tumpuan kepada karya-karya Syiah daripada aliran Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah:

1.9.1 Karya-karya *turāth* mengenai sejarah Syiah dan doktrin

Para ulama Islam terdahulu telah banyak menghasilkan pelbagai karya *turāth* yang berkaitan dengan sejarah akidah aliran-aliran dalam Islam (*al-firaq al-Islāmiyyah*). Termasuk dalam senarai perbahasan mereka adalah berkenaan aliran Syiah yang lengkap dengan huraian latar belakang kemunculan tokoh-tokoh mereka, kumpulan-kumpulan pecahan, aspek teologi dan sebagainya. Antara ulama tersebut adalah Abū al-Ḥasan al-Ash'arī (m. 330H)[55], Abū al-Ḥasan Muḥammad bin Aḥmad al-Malṭī (m. 377H)[56], 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad al-Baghdādī (m. 429H)[57], Abū Nu'aym al-Aṣbahānī (m. 430H)[58], Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Ḥazm al-Ẓāhiri (m. 456H)[59], Ṭāhir bin Muḥammad al-Isfirāyīnī (m. 471H)[60], Abū Sa'īd al-Naysābūrī (m. 478H)[61], Abū Ḥāmid al-Ghazālī (m.

---

[55] Abū al-Ḥasan al-Ash'arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn* (Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t).
[56] Muḥammad bin Aḥmad Al-Malṭī, *al-Tanbīh wa al-Radd 'alā Ahl al-Ahwā' wa al-Bida'* (Kaherah : al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 1997).
[57] 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Baghdādī, *al-Farq Bayn al-Firaq* (Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1977).
[58] Abū Nu'aym al-Asbahānī, *al-Imāmah wa al-Radd 'alā al-Rāfiḍah* (Al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1994).
[59] Abū Muḥammad bin Ḥazm, *al-Fisal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal* (Kaherah: Maktabah al-Khanji, t.t).
[60] Ṭāhir bin Muḥammad al-Isfirāyīnī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyah 'an al-Firaq al-Halikīn* (Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1983).
[61] Abū Sa'īd al-Naysābūrī, *al-Ghunyah fī Uṣūl al-Dīn* (Lubnan: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1987).

University of Malaya

505H)[62], Abū al-Fatḥ ‘Abd al-Karīm bin Abī Bakr Aḥmad al-Shahrastānī (m. 548H)[63], Muḥammad bin ‘Umar al-Rāzī (m. 606H)[64], ‘Alī bin Abī ‘Alī al-Āmidī (m. 631H)[65], Abū al-‘Abbās Taqiyy al-Dīn Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin Taymiyyah (m. 728H)[66], Abū ‘Abd Allāh al-Dhahabī (m. 748H)[67], ‘Aḍud al-Dīn al-Ījī (m. 756H)[68], Sa‘d al-Dīn al-Taftāzānī (m. 791H)[69], ‘Alī bin Abī al-‘Izz bin al-Adhra‘ī (m. 792H)[70], Shāh ‘Abd al-‘Aziz al-Dihlawī (m. 1159H)[71], Naṣr Allāh al-Hindī (m. 1337H)[72] dan Muḥammad Abū Zahrah (m. 1394H)[73]. Namun seperti yang dinyatakan sebelum ini, kebanyakan karya tersebut tidak membicarakan secara khusus berkenaan dengan Syiah, sebaliknya perbahasan mengenai Syiah disentuh sebagai salah satu bab dalam karangan mereka kecuali beberapa karya yang memberi fokus terhadap ajaran Syiah seperti yang ditulis oleh al-Aṣbahānī, al-Ghazālī, Ibn Taymiyyah, al-Dhahabī dan Naṣr Allāh al-Hindī.

1.9.2 Karya-karya turāth yang menyanggah pemikiran Syiah mengenai *al-sahabah*

Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa karangan para ulama terdahulu khusus dalam mempertahankan para *al-sahabah* daripada tohmahan dan tuduhan golongan Syiah.

---

[62] Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah* (Kuwait: Mu'assasah Dār al-Kutub al-Thaqāfiyyah, t.t); al-Ghazālī, *al-Iqtiṣād fī al-I'tiqād* (Lubnan: Maktabah al-Hilāl, 1993); al-Ghazālī, *al-Qisṭās al-Mustaqīm* (‘Ammān: al-Markaz al-Malakī li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, 2014).

[63] Muḥammad ‘Abd al-Karīm bi Abī Bakr Aḥmad al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihal* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1404H); al-Shahrastānī, *Nihayah al-Iqdam fi 'Ilm al-Kalam* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004.

[64] Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *I'tiqādāt Firaq al-Muslimīn wa al-Mushrikīn* (Beirut: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1402H).

[65] Abū al-Ḥasan al-Āmidī, *Ghāyah al-Marām fī 'iIlm al-Kalām* (Kaherah: al-Majlis al-A‘lā li al-Shu'ūn al-Islamiyyah, 1391H).

[66] Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā* (Kaherah: Dar al-Wafā'; Ibn Taymiyyah (1406H), *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyyah*, T.T.P : Mu'assasah Qurtubah, 2005)

[67] Shams al-Dīn al-Dhahabī, *al-Muntaqā min Minhāj al-I'tidāl fi Naqd Kalām Ahl al-Rafḍ wa al-I'tizāl* (Riyad: al-Ri'āsah al-‘Āmmah li Idārah al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da‘wah wa al-Irshād, 1413H).

[68] ‘Aḍu al-Dīn bin ‘Abd al-Raḥmān al-Ījī, *al-Mawāqif* (Beirut: Dār al-Jīl, 1997).

[69] Sa‘d al-Dīn Mas‘ūd bin ‘Umar al-Taftāzānī, *Sharḥ al-Maqāṣid fī 'Ilm al-Kalām* (Pakistan: Dār al-Ma‘ārif al-Nu‘māniyyah, 1981).

[70] ‘Alī bin Abī al-‘Izz, *Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1391H)

[71] Maḥmūd Shukrī al-Alūsī, *Mukhtaṣar al-Tuḥfah al-Ithnā 'Ashariyyah* (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1373H).

[72] Naṣr Allāh al-Hindī, *al-Suyūf al-Musyriqah wa Mukhtaṣar al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah* (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 2008).

[73] Muḥammad Abu Zahrah, *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1987).

University of Malaya

Antara karya-karya tersebut adalah seperti *al-'Awāṣim min al-Qawāṣim fī Taḥqīq Mawāqif al-ṣaḥābah ba'd Wafāh al-Nabā ṣallā Allāh 'alayh wa sallam*, karangan al-Qāḍī Ibn al-'Arabī (m. 543H)[74], *al-Nahy 'an Sabb al-Aṣḥāb wa mā fīhi min al-Ithm wa al-'Iqāb*, karangan al-Maqdisī (m. 643H)[75], *al-Sayf al-Maslūl 'ala man Sabb Aṣḥāb al-Rasūl,* karangan Taqiy al-Dīn al-Subkī (m. 756H)[76], *al-Ḥusām al-Maslūl 'alā Muntaqiḍī Aṣḥāb al-Rasūl*, karangan Muḥammad bin 'Umar al-Haḍramī (m. 930H)[77], *al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah 'alā Ahl al-Rafḍ wa al-Ḍalāl wa al-Zandaqah*, karangan Ibn Ḥajar al-Haytamī (m. 974H)[78], *Shamm al-'Awariḍ fī Zamm al-Rawāfiḍ*, karangan 'Alī al-Qārī (m. 1014H)[79] dan *Tanbīh al-Wulāh wa al-Ḥukkām 'alā Aḥkām Shātim Khayr al-Anām aw Aḥad Aṣḥābihi al-Kirām* karangan Ibn 'Abidīn (m. 1252H)[80].

Namun begitu, ini tidak bermakna karangan para ulama terdahulu sudah memadai bagi para ulama terkemudian untuk berpeluk tubuh tanpa berusaha melakukan apa-apa bagi memelihara kehormatan dan ketinggian kedudukan para *al-sahabah* daripada dicemari oleh golongan Syiah. Sehubungan dengan itu, penulis dapati kajian terhadap pegangan Syiah terus dilakukan dalam kalangan para ulama mutakhir. Bagi maksud sorotan kajian ini, penulis bentangkan secara terperinci dalam subtopik seterusnya.

---

[74] Ibn al-'Arabī, Abū Bakr, *al-'Awāṣim min al-Qawāṣim fī Taḥqīq Mawāqif al-Ṣaḥābah ba'd Wafāh al-Nabī* (Beirut: Dār al-Jīl, 1987).

[75] Muḥammad bin 'Abd al-Waḥīd al-Maqdisī, *al-Nahy 'an Sabb al-Aṣḥāb wa mā fīhi min al-Ithm wa al-'Iqāb* (Kaherah: Dār al-Dhahabiyyah, t.t).

[76] Taqiy al-Dīn al-Subkī, *al-Sayf al-Maslūl 'alā man Sabb Aṣḥāb al-Rasūl* (Amman: Dār al-Fatḥ, 2000).

[77] Muḥammad bin 'Umar al-Ḥadramī, *al-Ḥusām al-Maslūl 'alā Muntaqiḍī Aṣḥāb al-Rasūl* (Kaherah: Maṭba'ah al-Madanī, 1386H).

[78] Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥajar al-Haytamī, *al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah 'alā Ahl al-Rafḍ wa al-Ḍalāl wa al-Zandaqah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1997).

[79] 'Alī bin Sulṭān al-Qārī, *Shamm al-'Awariḍ fī Zamm al-Rawāfiḍ* (Kaherah: Markaz al-Furqān, 2004).

[80] Muḥammad Amīn bin 'Umar bin 'Abidīn, *Tanbīh al-Wulāh wa al-Ḥukkām 'alā Aḥkām Shātim Khayr al-Anām aw Aḥad Aṣḥābihi al-Kirām* (San'ā': Dār al-Athār, 1428H).

University of Malaya

1.9.3 Karya-karya kontemporari berbahasa Arab mengenai Syiah dan pendirian terhadap *al-sahabah*

Antara pengkarya terkenal yang prolifik dalam menghasilkan karya-karya membongkar dan mengkritik Syiah adalah Iḥsān Ilāhī Ẓāhir. Terdapat empat buah karangan beliau yang utama berkaitan Syiah iaitu, "*al-Shī'ah wa al-Tashayyu'*[81], *al-Shī'ah wa al-Sunnah*[82], *al-Shī'ah wa al-Qur'ān*[83] dan *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*[84]. Dalam kitab-kitab ini beliau membincangkan secara terperinci sejarah awal kemunculan Syiah dan kaitannya dengan kumpulan 'Abdullāh bin Saba'. Beliau turut membongkar dan menjawab fitnah-fitnah yang telah dilemparkan oleh Syiah kepada para *al-sahabah* berkenaan hubungan mereka dengan Ahl al-Bayt. Karya-karya yang terkemudian saling mengukuhkan hujah-hujah karya yang lebih awal lebih-lebih lagi apabila karangan beliau mendapat tentangan hebat daripada penganut Syiah di seluruh dunia. Karangan beliau banyak memberi penekanan terhadap konsep Ahl al-Bayt yang telah disalahfahamkan oleh golongan Syiah dan dakwaan penyelewengan al-Qur'an berdasarkan sumber rujukan Syiah sendiri yang turut disertai dengan jawapan-jawapan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terhadapnya. Turut dibentangkan adalah pemurnian terhadap kejujuran dan keadilan para *al-sahabah* besar Nabi SAW yang telah ditohmah oleh Syiah dengan pelbagai tuduhan. Walau bagaimanapun, beliau tidak memberi fokus dari sudut metodologi yang digunapakai oleh Syiah dalam mengkritik *al-sahabah*.

Sebahagian pengkarya pula, lebih banyak melakukan pembongkaran terhadap pemikiran Syiah menerusi karya-karya asal mereka tanpa menganalisis secara terperinci metodologi dan menyediakan penilaian kukuh terhadap keraguan-keraguan yang

---

[81] Iḥsān Ilāhī Ẓahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyu'* (Riyad: Dār al-Salām, 1995).
[82] Iḥsān Ilāhī Ẓahīr, *al-Shī'ah wa al-Sunnah* (Lahur: Idārah Tarjumān al-Sunnah, t.t).
[83] Iḥsān Ilāhī Ẓahīr, *al-Shī'ah wa al-Qur'ān* (Lahur: Idārah Tarjumān al-Sunnah, t.t).
[84] Iḥsān Ilāhī Ẓahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt* (Lahur: Idārah Tarjumān al-Sunnah, t.t).

University of Malaya

dikemukakan. Ghālib bin ‘Alī ‘Awājī dalam kitabnya, “*Firaq Mu‘āsirah Tantasib ilā al-Islām wa Bayān Mawqif al-Islām minhā*”[85] membahaskan Syiah dari sudut sejarah kemunculan, pecahan-pecahan kumpulan Syiah dan hubungkait gelaran Rāfiḍah ke atas Syiah. Pengarang turut menyentuh secara khusus beberapa doktrin utama yang menjadi pegangan golongan Syiah seperti pendirian Syiah berkenaan *al-imāmah*, *al-taqiyyah*, Imam Mahdi, al-Qur’an, para *al-sahabah* dan konsep *al-badā’*. Ketika mengkritik Syiah berhubung pegangan mereka terhadap para *al-sahabah*, pengarang menukilkan beberapa riwayat daripada rujukan utama Syiah seperti karya-karya karangan al-Ṭūsī dan al-Kulaynī. Walau bagaimanapun, pengarang sekadar membentang kepercayaan mereka yang berupa tuduhan dan tohmahan terhadap para *al-sahabah* tanpa dianalisis dan diteliti sejauh mana kebenaran dan kesahihan tuduhan dan tohmahan tersebut menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Pengkarya lain iaitu Abū Muḥammad al-Ḥusaynī dalam kitabnya, *Awjaz al-Khiṭāb fī Bayān Mawqif al-Shī‘ah min al-Aṣḥāb*[86]. Beliau membahaskan pendirian Syiah terhadap para *al-sahabah* dengan terperinci berdasarkan karya-karya para ulama Syiah sendiri. Malah di dalam ruangan bibliografi, pengarang telah mengasingkan antara sumber rujukan Sunni dan Syiah. Karya-karya Syiah yang dirujuk pula meliputi pelbagai bidang ilmu seperti hadis, tarikh dan fikah. Dalam buku ini pengarang mendedahkan tanggapan Syiah terhadap para *al-sahabah* seperti tuduhan bahawa para *al-sahabah* telah murtad, kemunafikan majoriti *al-sahabah* dan penolakan terhadap *al-sahabah*. Di samping itu beliau turut membongkar sikap khusus Syiah terhadap para *al-sahabah* besar seperti Abū Bakr al-Siddīq, ‘Umar al-Khaṭṭāb, ‘Uthmān bin ‘Affān, Ṭalhah, Zubayr, Sa‘d bin Abī Waqqāṣ, Abū ‘Ubaydah al-Jarrāh, Sa‘īd

[85] Ghālib bin ‘Alī al-‘Awājī, *Firaq Mu‘āṣirah Tantasib ilā al-Islām wa Bayān Mawqif al-Islām minhā* (Jeddah : al-Maktabah al-‘Aṣriyyah al-Dhahabiyyah, 2001).
[86] Abū Muḥammad al-Ḥusaynī, *Awjaz al-Khiṭāb fī Bayān Mawqif al-Shī‘ah min al-Aṣḥāb* (t.tp., t.p., 1993).

University of Malaya

bin Zayd, ‘A’ishah binti Abū Bakr, Mu‘āwiyah bin Abū Sufyān, ‘Amr bin al-‘Aṣ dan Khālid bin al-Walīd. Walau bagaimanapun, pengarang tidak membuat analisis yang mendalam terhadap segala dakwaan Syiah, sebaliknya tuduhan-tuduhan tersebut dijawab ringkas dengan membawa hujah daripada kata-kata imam Ahl al-Bayt bagi menafikan segala tohmahan terhadap para *al-sahabah*.

Begitu juga tulisan Ashraf al-Jizāwī dalam kitabnya, *‘Aqā’id al-Shī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnā ‘Ashariyyah*[87]. Dalam salah satu bab daripada buku ini, pengarang telah menyentuh akidah golongan Syiah terhadap keadilan para *al-sahabah*. Pengarang telah membawa dalil-dalil daripada kitab-kitab Syiah tentang pendirian Syiah yang menafikan keadilan para *al-sahabah*. Namun tiada penjelasan yang tuntas terhadap tohmahan-tohmahan Syiah tersebut melainkan pengarang sekadar menyatakan pendirian golongan Ahl al-Sunnah yang mengiktiraf keadilan para *al-sahabah*. Turut dibincangkan oleh pengarang adalah implikasi pendirian yang menolak keadilan para *al-sahabah* yang membawa seseorang kepada iktikad meragukan al-Qur’an dan mempersoalkan kesahihan hadis sebagai sumber hukum dalam Islam.

Seterusnya karya Ṭaha ‘Alī al-Sawwāj yang berasal daripada tesis Master di Kuliah Da‘wah Islamiyah, Universiti al-Azhar berjudul, *Mawqif al-Azhar al-Sharīf min Syiah al-Ithnā ‘Ashariyyah*[88]. Dalam buku ini, pengarang telah membincangkan pandangan Syiah mengenai *al-sahabah* di bawah sub topik pendirian Syiah terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah. Pengarang telah membentangkan hujah-hujah golongan Syiah mengkafirkan para *al-sahabah* menerusi sumber rujukan mereka, di samping mengkritik sebahagian daripada pandangan Syiah tersebut. Walau bagaimanapun tiada analisis terperinci dari sudut

[87] Ashraf al-Jizāwī, *‘Aqā’id al- Shī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnā ‘Ashariyyah* (Mansurah: Dār al-Yaqīn, 2009).
[88] Ṭāha ‘Alī al-Sawwāj, *Mawqif al-Azhar al-Sharīf min Shī‘ah al-Ithnā ‘Ashariyyah* (Kaherah: Dār al-Yusr, 2010).

University of Malaya

metodologi Syiah dalam menolak para *al-sahabah*. Pengkaji sekadar menukilkan sebahagian daripada pendirian Syiah terhadap *al-sahabah* bersandarkan karya-karya mereka. Di al-Azhar juga terdapat sebuah karya berjudul, *Fatāwā Kibār 'Ulamā' al-Azhar al-Sharīf fī al-Shī'ah*[89] yang menghimpunkan beberapa fatwa ulama besar al-Azhar mengenai Syiah seperti bekas Syeikh al-Azhar, Syeikh Jād al-Ḥaq 'Alī Jād al-Ḥaq, bekas Mufti Mesir, Syeikh Ḥasnayn Muḥammad Makhlūf, bekas Pengerusi Lajnah Fatwa al-Azhar, Syeikh 'Aṭiyyah Ṣaqr dan lain-lain. Namun demikian, terdapat satu bab sahaja yang membincangkan pendirian Syiah terhadap *al-sahabah* iaitu ketika menukilkan ulasan 'Abd al-Mun'im al-Nimr, bekas Menteri Wakaf Mesir berkenaan pegangan al-Khomeini terhadap Abū Bakr dan 'Umar dalam kitab *Kashf al-Asrār*.

Sementara itu, terdapat sesetengah pengkarya yang membahaskan Syiah berdasarkan lokaliti setempat seperti karya Abū Naṣr Muḥammad bin 'Abd Allah al-Imām dalam kitabnya, *Ṭu'ūn Rāfiḍah al-Yaman fī Ṣaḥābah al-Rasūl al-Mu'taman*[90]. Pengarang telah membicarakan perkembangan golongan Syiah di Yaman yang semakin menular di dalam masyakarat. Pengarang seterusnya menyenaraikan sebanyak tiga belas buah buku karangan para ulama Syiah di Yaman yang menolak dan menafikan kedudukan para *al-sahabah* termasuk melaknat dan mengkafirkan mereka. Selanjutnya dibahaskan peranan para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah di Yaman dalam menangani tohmahan Syiah terhadap para *al-sahabah* termasuk dengan menyebarkan *manāqib* kelebihan para *al-sahabah*. Walau bagaimanapun, karya ini tidak menjawab keraguan-keraguan yang ditimbulkan mengenai *al-sahabah* kecuali membongkar sikap *taqiyyah* golongan Syiah Yaman yang sentiasa menafikan pendirian buruk mereka terhadap *al-sahabah*.

---

[89] Jamā'ah 'Ulamā', *Fatāwā Kibār 'Ulamā' al-Azhar al-Sharīf fī al-Shī'ah* (Kaherah: Dār al-Yusr, 2011).
[90] Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Imām, *Ṭu'ūn Rāfiḍah al-Yaman fī Ṣaḥābah al-Rasūl al-Mu'taman* (Ma'bar: Markaz Dār al-Ḥadīth, 1426H).

University of Malaya

Demikian juga karya tulisan Sa‘id Ḥawā berjudul, *al-Khumainiyyah Shudhūdh fī al-‘Aqā’id wa Shudhūḍḥ fī al-Mawāqif*[91]. Pengarang telah menulis salah satu bab dalam buku ini berkenaan pendirian al-Khomeini terhadap *al-sahabah*. Pendirian tersebut dikemukakan pengarang menerusi nukilan daripada buku-buku karangan Khomeini seperti *Kashf al-Asrār* dan *al-Ḥukūmah al-Islāmiyyah*. Dalam buku *Kashf al-Asrār*, Sa‘īd Ḥawā mengatakan bahawa Khomeini mendakwa Abū Bakr dan ‘Umar melakukan banyak perkara yang menyalahi al-Qur’an. Manakala dalam buku *al-Ḥukūmah al-Islāmiyyah*, Khomeini lebih banyak bertaqiyyah dengan tidak menyebut nama Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān secara jelas, walaupun pada hakikatnya beliau ingin mengatakan mereka bertiga telah khianat kerana ‘Alī adalah individu yang sepatutnya menjadi khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, pengarang tidak menganalisis secara lanjut pemikiran Syiah mengenai *al-sahabah* dalam karya tersebut.

Satu lagi karya yang mengulas isu Syiah di Iran adalah karya Muhammad ‘Imārah bertajuk, “*Tayyārāt al-Fikr al-Islāmī* [92]. Pengarang telah membincangkan Syiah dengan mengkhususkan Syiah daripada aliran Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Pengarang memberikan penekanan kepada isu *imāmah* menurut Syiah dan mengaitkannya dengan pegangan Syiah masa kini seperti yang dibawa oleh Khumaynī. Perbahasan ditumpukan kepada kejayaan Revolusi Iran dan peranan konsep *Wilāyah al-Faqīh* dalam mentadbir sistem beragama menurut Syiah di Iran. Namun, tiada perbahasan mengenai pendirian Syiah terhadap para *al-sahabah* dikemukakan oleh pengarang dalam buku ini.

[91] Sa‘īd Ḥawā, *al-Khumainiyyah Shudhūḍḥ fī al-‘Aqā’id wa Shudhūdh fī al-Mawāqif* (Amman: Dār ‘Ammar, 1987).
[92] Muḥammad ‘Imārah, *Tayyārāt al-Fikr al-Islāmī* (Kaherah: Dār al-Shurq, 1997).

University of Malaya

1.9.4 Karya-karya kontemporari berbahasa Melayu mengenai Syiah dan pendirian terhadap *al-sahabah*

Disebabkan isu Syiah berlaku merentasi sempadan negara dan bangsa, tidak ketinggalan ia juga turut dibahas, diteliti dan dikarang oleh para pengkaji dan penulis tempatan dalam Bahasa Melayu. Antaranya tesis doktor falsafah karangan Mohd Fuad Mokhtar pada tahun 2016 berjudul, *Ihsan Ilahi Zahir (1945-1987) dan Kritikannya terhadap Pemikiran Akidah Syiah*.[93] Kajian ini memberi fokus terhadap metodologi yang digunakan oleh Ihsan Ilahi Zahir dalam mengkritik pemikiran akidah Syiah. Ia meliputi pelbagai aspek termasuk tauhid, kenabian, al-Qur'an, al-Sunnah, al-imāmah, Ahl al-Bayt, *al-sahabah*, al-raj'ah, al-ḥulūl dan al-tanāsukh. Walau bagaimanapun, perbahasan mengenai *al-sahabah* hanya disentuh dengan begitu terbatas berdasarkan apa yang dikritik oleh Ihsan Ilahi Zahir dan tidak menggambarkan keseluruhan pemikiran Syiah terhadap *al-sahabah*.

Hamidi Ismail pula dalam tesisnya berjudul, *Konsep al-Ilāhiyyāt dalam Pemikiran Syiah al-Ithnā Ashariyyah: Analisis Bab al-Tawḥīd dari Kitab al-Kāfī menurut Perspektif al-Ashā'irah* [94], memberi tumpuan terhadap tema-tema *al-ilahiyyāt* yang terkandung dalam kitab *al-Kāfī*. Perbahasannya berkisar konsep zat dan sifat tuhan yang menjadi teras pegangan aliran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Seterusnya pengkaji membentangkan kritikan Ashā'irah terhadap konsep tersebut yang dinilai mirip kepada konsep ketuhanan yang terkandung dalam pemikiran Mu'tazilah. Secara keseluruhan tesis ini tidak menyentuh isu yang berkaitan dengan pemikiran Syiah mengenai *al-sahabah*.

---

[93] Mohd Fuad Mokhtar, "Ihsan Ilahi Zahir (1945-1987) dan Kritikannya terhadap Pemikiran Akidah Syiah" (Tesis doktor falsafah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016).

[94] Hamidi Ismail, "Konsep al-Ilāhiyyāt dalam Pemikiran Syiah al-Ithnā Ashariyyah: Analisis Bab al-Tawḥīd dari Kitab al-Kāfī menurut Perspektif al-Ashā'irah" (Tesis doktor falsafah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015).

University of Malaya

Manakala dalam tesis doktor falsafah Faisol Nasar bin Madi berjudul, *Konsep Imāmah Menurut Syiah Ithnā 'Ashariyyah dan Pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Terhadapnya: Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih Berbahasa Indonesia*[95], beliau ada menyentuh isu *al-sahabah* ketika membahaskan mengenai konsep *imāmah* menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Secara tidak langsung, kajian ini menyentuh berkenaan *al-sahabah* ketika membahaskan kesahan pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW dan perbandingannya dengan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Namun begitu, perbahasan mengenai *al-sahabah* amat terbatas kerana hanya ditumpukan kepada aspek pensejarahan dan konsep *imāmah*, maka permasalahan sebenar iaitu doktrin Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap *al-sahabah* yang menjadi punca kepada permasalahan *imāmah* tidak dihuraikan secara tuntas.

Perbahasan yang hampir sama turut disentuh dalam tesis sarjana Rifanto bin Ridwan bertajuk, *Syarat Perlantikan Khalifah dari perspektif Syiah dan Sunni : Suatu Perbandingan*.[96] Kajian ini membincangkan syarat perlantikan khalifah menurut perspektif Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ia membincangkan tentang konsep *khilāfah* termasuk epistimologi *khilāfah*, cara pemilihan, hukum permohonan untuk menjadi khalifah serta gelaran terhadap khalifah. Kajian ini menyentuh persoalan *al-sahabah* ketika membahaskan slogan cinta Ahl al-Bayt yang mendasari pemikiran Syiah sebagai prasyarat pelantikan khalifah. Ia sekaligus menafikan kekhalifahan para *al-sahabah* seperti Abū Bakr, 'Umar, dan 'Uthmān. Namun begitu, tesis ini tidak membahaskan secara terperinci pendirian Syiah mengenai *al-sahabah* kecuali dalam hal yang berkaitan pelantikan khalifah.

---

[95] Faisol Nasar Madi, "Konsep Imāmah Menurut Shī'ah Ithnā 'Ashariyyah dan Pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Terhadapnya: Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih Berbahasa Indonesia" (Tesis doktor falsafah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013).

[96] Rifanto Ridwan, "Syarat Perlantikan Khalifah dari perspektif Syiah dan Sunni : Suatu Perbandingan" (Tesis sarjana di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004).

University of Malaya

Terdapat tesis dan kajian ilmiah lain yang dihasilkan namun tidak menyentuh aliran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah secara langsung dan mengenai isu *al-sahabah*. Antaranya tesis doktor falsafah berjudul, *Syiah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu Zaman Tradisional* oleh Kamis bin Ismail. [97] Kajian berkisar tentang sejauhmana sumbangan Syiah dalam bidang politik dan pemikiran tasawuf falsafah di Alam Melayu. Antara penemuan yang diperolehi adalah pengaruh Syiah dalam bidang politik serta tasawuf falsafah di Alam Melayu menerusi beberapa konsep seperti *Wahdah Al-Wujūd, al-Insān al-Kāmil*, *Nūr Muḥammad* dan Martabat Tujuh. Kertas kerja berjudul *Kemunculan Budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal*, tulisan Mohd Samsuddin Harun dan Azmul Fahimi[98] turut membincangkan hal yang sama. Pengkaji membentangkan beberapa pandangan sarjana tentang aliran Islam yang terawal diterima oleh masyarakat Melayu di Alam Melayu sama ada fahaman Syiah atau aliran teologi Ashā‘irah bermazhab Syafie. Oleh itu, kertas kerja ini tidak menyentuh secara langsung doktrin yang menjadi pegangan Syiah pada hari ini termasuk iktikad mereka terhadap para *al-sahabah*.

Begitu juga latihan ilmiah tulisan Mohd Haidar bin Kamarzaman berjudul, *Gerakan Syiah di Selangor*[99] yang lebih tertumpu kepada kajian lapangan. Pengkaji melakukan kajian tentang sejarah kedatangan Syiah meliputi bilangan hauzah, jumlah pengikut dan respon masyarakat Islam terhadap Syiah di Selangor. Ketika membicarakan akidah dan ibadah yang diamalkan golongan Syiah, pengkaji telah menemubual beberapa orang penganut Syiah di Selangor dan didapati bahawa pegangan mereka tidak berbeza dengan apa yang dianuti oleh

[97] Ismail, Kamis, “Shī‘ah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu Zaman Tradisional” (Tesis doktor falsafah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003).
[98] Mohd Samsuddin Harun et al, “Kemunculan Budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal” (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).
[99] Kamarzaman, Mohd Haidhar, “Gerakan Syiah di Selangor” (Latihan Ilmiah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).

University of Malaya

golongan Syiah lain di seluruh dunia iaitu berasaskan aliran Syiah al-Imāmiyyah al-Ithnā ‘Ashariyyah. Walau bagaimanapun latihan ilmiah ini tidak menyentuh secara langsung pendirian Syiah terhadap *al-sahabah* kecuali ketika membincangkan penolakan Syiah terhadap riwayat Ahl al-Sunnah.

Dalam pada itu, terdapat tesis doktor falsafah yang menyentuh kedudukan *al-sahabah* menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dengan agak mendalam. Akan tetapi pengkaji bersikap kurang adil kerana tidak mengemukakan hujah-hujah Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah terhadap keraguan-keraguan yang ditimbulkan oleh Syiah mengenai *al-sahabah*. Sebaliknya dilihat lebih cenderung menyokong hujah-hujah yang dikemukakan oleh Syiah tanpa sebarang perbahasan kukuh. Ia merupakan tesis doktor falsafah karangan Che Cob Che Mat berjudul, *Kriteria Penerimaan dan Penolakan Hadith: Satu Kajian Perbandingan Antara Ahl al-Sunnah Syiah*.[100]

Di samping itu, terdapat karya-karya yang ditulis oleh penulis perseorangan atau pendakwah bebas yang aktif dalam membongkar penyelewengan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Antaranya Muhammad Asri Yusoff dalam bukunya, *Syi’ah Rafidhah : Di Antara Kecuaian Ulama dan Kebingungan Ummah.* [101] Dalam buku ini pengarang menyentuh dalam salah satu sub topik berkenaan Syiah dan *al-sahabah*. Pengarang mengatakan bahawa Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah adalah golongan *Rāfiḍah* kerana mereka benar-benar telah menolak dan mempertikaikan *al-sahabah*. Malah *al-sahabah* yang dipertikaikan itu termasuk dalam kalangan para *al-sahabah* yang agung seperti Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmaān. Pengarang menggunakan dalil-dalil daripada sumber-sumber rujukan utama Syiah yang asal seperti kitab *Rijāl al-Kashī,* karangan al-Ṭūsī, *al-Rawḍah min al-Kāfī,*

[100] Che Cob Che Mat, “Kriteria Penerimaan dan Penolakan Hadith: Satu Kajian Perbandingan Antara Ahl al-Sunnah Shi‘ah”, (Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1996).
[101] Muhammad Asri Yusoff, *Syi’ah Rafidhah : Di Antara Kecuaian Ulama dan Kebingungan Ummah* (Kubang Kerian: Pustaka Bisyarah, 2010).

University of Malaya

karangan al-Kulaynī, *al-Sab'ah min al-Salaf,* karangan Murtaḍā al-Ḥusaynī dan *Kashf al-Asrār,* karangan Khumaynī bagi mengukuhkan hujah-hujah yang dikemukakannya. Walaupun pengarang ingin menyentuh sikap para ulama di Malaysia dalam menanggapi Syiah, namun pengarang tidak mendatangkan bukti-bukti daripada penganut Syiah Malaysia sendiri berkenaan pendirian mereka terhadap para *al-sahabah*.

Seterusnya karya Kamaluddin Nurdin Marjuni berjudul, *Agenda Politik Syiah*. Karya ini lebih memfokuskan mengenai doktrin *imāmah* yang dianut oleh golongan Syiah, bukan sahaja Syiah Imāmiyyah tetapi juga Syiah Ismā'iliyyah dan Syiah Zaydiyyah. Namun begitu, ada dinyatakan secara ringkas mengenai *al-sahabah* dalam subtopik tentang pandangan Syiah berkenaan tiga Khulafa al-Rasyidin yang terawal. Sikap Syiah Imāmiyyah dan Zaydiyyah didapati hampir bersepakat dalam pendirian mereka terhadap *al-sahabah*, berbeza dengan Syiah Zaydiyyah yang agak lunak kerana tidak berpegang kepada konsep pelantikan secara nas.[102]

Karya-karya lain seperti karangan Mohd Fikri Che Hussain bertajuk, *Ancaman Syiah: Membongkar Sandiwara Kesesatan*[103], Ahmad Nasim bin Abdul Rauf dalam buku berjudul *Syiah: Benarkah Berasal Dari Ajaran Ahl al-Bayt*[104], Abdullah bin Din dalam buku bertajuk *Siapa Syiah Sebenarnya?* [105] dan buku *Menjawab Putar Belit Syiah*[106]. Kesemua buku ini membincangkan tentang latar belakang Syiah dan pegangan utamanya. Turut dibentangkan keraguan-keraguan yang ditimbulkan oleh Syiah terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Secara tidak langsung ia juga membahaskan beberapa isu berkaitan *al-sahabah* seperti isu pengkafiran para *al-sahabah* dan keadilan mereka menurut Syiah. Walau bagaimanapun,

---

[102] Kamaluddin Nurdin Marjuni, *Agenda Politik Syiah* (Batu Caves: PTS Millenia Sdn. Bhd., 2013), 147-151.
[103] Mohd Fikri Che Hussain, *Ancaman Syiah: Membongkar Sandiwara Kesesatan* (Temerloh: Best Seller Publication, 2013).
[104] Ahmad Nasim Abdul Rauf, *Syiah: Benarkah Berasal Dari Ajaran Ahl al-Bait* (Kajang: One Touch Creative Sdn. Bhd., 2013).
[105] Abdullah Din, *Siapa Syiah Sebenarnya?*, c.2, Kajang : Angkatan Belia Islam Malaysia.
[106] Abdullah Din, *Menjawab Putar Belit Syiah* (Kajang: One Touch Creative Sdn. Bhd., 2013).

University of Malaya

karya-karya tersebut lebih bersifat pendedahan dan pembongkaran terhadap penyelewengan Syiah kepada masyarakat awam dan bukan bersifat analisis ilmiah.

Pihak berkuasa agama juga tidak ketinggalan dalam menghasilkan dan menerbitkan karya-karya yang berkaitan dengan Syiah. Antaranya, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menerbitkan kertas kerja berjudul, *Perbezaan Fahaman Syiah Imamiyyah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah*, tulisan Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Elias.[107] Kertas ini membincangkan tentang definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, latar belakang fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dan perbandingan antara kedua-dua aliran. Penulis menyentuh pegangan Syiah mengenai *al-sahabah* ketika membahaskan tentang pemilihan Abū Bakr al-Ṣiddīq sebagai khalifah pertama selepas kewafatan Rasulullah SAW.

Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) pula menerusi Panel Penulis Jawatankuasa Membanteras Fahaman Syiah Negeri Johr telah menghasilkan risalah berjudul, *Membongkar Kesesatan Syiah*. Risalah ini menjelaskan tentang latar belakang kemunculan dan kesesatan Syiah dari aspek akidah, syariah dan akhlak. Isu *al-sahabah* ada disentuh secara ringkas dalam aspek akhlak namun tidak diulas dengan begitu jelas dan terperinci.[108] Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan turut menerbitkan sebuah buku berjudul, *Mengenal Hakikat Syiah* yang menghimpunkan beberapa kertas kerja yang pernah disediakan oleh Mufti Wilayah Persekutuan dan beberapa pengarang lain.[109] Antara tajuk yang menyentuh tentang persoalan *al-sahabah* secara langsung adalah kertas kerja berjudul "Benarkah Syiah tidak kafirkan *al-sahabah*?". Kertas kerja ini lebih berbentuk jawapan kepada sebuah artikel yang menggunakan tajuk tersebut yang diterbitkan oleh akhbar *Watan* pada 30 Mac 1989. Dalam

---

[107] "Perbezaan Fahaman Syiah Imamiyyah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah", Portal Jabatan Agama Islam Selangor,http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/2012/januari/PerbezaanASWJ_Syiah.pdf. 10 Jun 2015.

[108] Panel Penulis Jawatankuasa Membanteras Fahaman Syiah Negeri Johor, *Membongkar Kesesatan Syiah* (Johor: Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2014).

[109] Wan Zahidi Wan Teh, *Mengenal Hakikat Syiah* (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, 2013).

University of Malaya

artikel tersebut dijelaskan secara ringkas mengenai kedudukan *al-sahabah* yang dipertikaikan oleh Syiah dan jawapan terhadap beberapa keraguan yang ditimbulkan oleh Syiah terhadap *al-sahabah*.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), selaku jabatan agama di peringkat persekutuan juga menerbitkan sebuah berjudul, *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah* yang disediakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan.[110] Buku ini mengambil pendekatan membentangkan fahaman-fahaman Syiah yang melampau dan menyalahi akidah dan syariah Islam yang sebenar. Antara yang dibincangkan adalah mengenai konsep taqiyyah, Imam Mahdi, sambutan Hari Karbala, syahadah yang ketiga, nikah mut'ah, sujud di atas tanah Karbala, sistem imam atau khalifah dan lain-lain. Perbahasan isu *al-sahabah* ada disentuh ketika membentangkan beberapa pegangan Syiah yang mengkafirkan para *al-sahabah* bersumberkan karya-karya besar Syiah yang asal.

Penulisan terpenting yang membincangkan isu Syiah adalah kertas Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bertarikh 5 Mei 1996 yang memutuskan pengharaman Syiah dan hanya akidah, syariah dan akhlak Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sahaja yang dibenar untuk diamal dan disebarkan di Malaysia.[111] Fatwa di peringkat kebangsaan ini kemudiannya disusuli dengan pewartaan pengharaman Syiah oleh sembilan buah negeri iaitu; Wilayah Persekutuan (8 Mac 1997, PU(B)106), Selangor (24 September 1998, PU10), Negeri Sembilan (12 Mac 1998, NS.PU5), Terengganu (25 September 1997, PUN Tr.1110), Melaka (27 Julai 1997, M.PU5), Pulau Pinang (6 Januari 1997, Pg.PU1), Kedah (18 Februari 1999, No. 37), Perak (4 Januari 2012) dan Johor (16 Februari 2012, No. 1156). Dalam kertas tersebut, disenaraikan antara ciri-ciri

[110] Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah* (Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010).
[111] Pusat Penyelidikan Islam, "Ke Arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia".

University of Malaya

golongan Syiah adalah mengkafirkan para *al-sahabah* dan menuduh Abū Bakr serta 'Umar sebagai dua berhala Quraysh[112]. Dalam warta pengharaman Syiah negeri Perak pula menyebut bahawa Syiah menolak periwayatan hadis daripada para *al-sahabah*, mencerca dan menghina para *al-sahabah* dengan menuduh mereka sebagai pembohong, pengkhianat dan murtad.[113] Manakala warta pengharaman Syiah di negeri Selangor menyebut Syiah antara lain adalah ajaran yang mengkafirkan para *al-sahabah* berdasarkan salah sebuah kitab Syiah mutakhir iaitu *al-Anwār al-Nu'māniyyah*. Turut disenaraikan ialah ajaran Syiah yang menuduh Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān dan Mu'āwiyah sebagai empat berhala Quraysh sedangkan pengikut-pengikut mereka adalah musuh Allah.[114]

1.9.5 Kesimpulan sorotan kajian lepas

Berdasarkan sorotan kajian lepas yang dibentangkan di atas, pengkaji dapat simpulkan bahawa masih wujud kelompangan yang besar dalam membincangkan pemikiran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengenai *al-sahabah*. Ia berlaku terutamanya dalam karya-karya berbahasa Melayu. Ini kerana, majoriti karya berkenaan lebih menekankan aspek pendedahan dan pembongkaran penyelewengan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dari sudut akidah, syariat dan akhlak. Tiada suatu pun karya yang dikarang secara khusus bagi memfokuskan pendirian Syiah mengenai *al-sahabah* dari sudut metodologi pemikiran dan analisis keraguan menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat, kajian ini merupakan salah satu usaha bagi memperbanyakkan kajian dalam hal sedemikian dalam Bahasa Melayu.

---

[112] *Ibid.*

[113] "Fatwa Mengenai Pengharaman Ajaran dan Fahaman Syiah di Negeri Perak Darul Ridzuan", Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (2004), 4 Januari 2012.

[114] "Fatwa Tentang Fahaman Syiah", Warta Kerajaan Selangor, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989), 24 September 1998.

University of Malaya

1.10 Metodologi kajian

Kajian ini merupakan penyelidikan yang bertumpu kepada penelitian terhadap karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah mengenai kedudukan para *al-sahabah*. Secara umumnya, ia tidak melibatkan kajian lapangan, maka kajian ini akan menggunakan metodologi kajian kualitatif.

Kaedah kualitatif memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa sahaja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil.[115]

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif digunakan kerana kajian ini melibatkan unsur-unsur pensejarahan dan analisis kandungan teks. Oleh itu, reka bentuk kajian yang digunakan nanti termasuk dalam kategori kualitatif.[116] Kaedah analisis kandungan teks merupakan proses menilai dan menganalisis kewujudan makna dan juga hubungan fakta-fakta ataupun konsep-konsep tertentu dan kemudian membuat jangkaan pada mesej dalam teks penulis kitab, juga mengambil kira budaya serta waktu yang merupakan sebahagian daripada faktor yang dinilai dan dianalisis.[117] Menurut Rubin, metode kualitatif analisis isi kandungan

---

[115] Azizah Hamzah, “Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya”, *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, vol. 6, no. 1 (2004), 5.
[116] Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial* (Bentong: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003), 3; Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Malaysia* (Shah Alam: Mc Graw-Hill Sdn. Bhd., 2006), 6.
[117] Rohana Yusof , *Penyelidikan Sains Sosial*, 34.

University of Malaya

dokumen adalah pendekatan yang paling praktikal untuk mengkaji bahan seperti kitab dan isi kandungannya.[118]

Dalam hal ini, menerusi teknik pengumpulan data yang berasaskan kajian perpustakaan (*library research*), penulis akan mengumpulkan bahan-bahan kajian yang membahaskan tentang *al-sahabah* sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada kedua-dua sumber sama ada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mahupun Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Daripada situ, beberapa kitab atau karya Syiah yang membahaskan tentang konsep *al-ṣaḥābah* dalam Bahasa Melayu akan dipilih untuk dianalisis berdasarkan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dan penilaiannya menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

1.10.1 Metodologi Pengumpulan Data

Metode ini adalah merupakan satu usaha yang dilakukan dengan cara mengumpulkan data dan penafsiran terhadap data yang terkumpul[119]. Dalam proses mengumpulkan data bagi kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa metode yang terdapat dalam metode kajian perpustakaan. Metode tersebut ialah :

a) Metode historis :

Metode historis bermaksud satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kajian.[120] Metode ini digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah. Metode historis akan digunakan oleh penulis untuk mencapai objektif pertama

---

[118] R.B. Rubin et al, *Communication Research: Strategies and Sources* (Belmont CA: Wadsworth, 1990), 182-183.

[119] Abdul Halim Mat Diah,"Falsafah Pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia", (Tesis doktor falsafah Institut Agama Islam Negeri, Sunan Kalijogo, Yogyakarta, 1986), 111.

[120] Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, 1982), 52.

University of Malaya

kajian iaitu mengkaji kemasukan dan penyebaran karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang menyentuh mengenai *al-sahabah* di Malaysia dalam bab kedua. Menerusi metode ini, penulis akan mengumpulkan kertas-kertas laporan, kajian, minit mesyuarat, warta kerajaan, dokumen rasmi dan bahan-bahan perpustakaan lain yang berkaitan.

b) Metode dokumentasi :

Metode dokumentasi adalah satu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti.[121] Penulis menggunakan metode ini bagi mendapatkan pemikiran sebenar Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyya terhadap kedudukan para *al-sahabah*. Penulis akan merujuk kepada beberapa karya Syiah berbahasa Melayu terpilih untuk dikaji dan diteliti. Antara kriteria utama karya yang dikaji adalah ia merupakan karya Syiah yang disebarkan oleh golongan Syiah Melayu, tersebar dalam masyarakat dan telah diharamkan oleh pihak berkuasa. Antara karya yang akan diteliti adalah "Meniti Titian Kebenaran", "Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor" dan "Perempuan Nan Bercinta". Penulis akan menggunakan metode ini bagi mendapatkan data-data daripada bab pertama hingga bab kelima dengan maksud untuk mencapai kesemua objektif kajian.

1.10.2 Metode analisis data

Setelah data-data yang diperlukan diperolehi dan terkumpul penulis akan menjalankan proses analisis data untuk mendapatkan kesimpulan atau hasil pengkajian yang komprehensif. Dalam proses analisis data, penyelidik akan menggunakan metode-metode berikut :

[121] Charles Issawi, *Filsafat Islam Tentang Sejarah*, terj. Dr. A. Mukti Ali (Jakarta: Tinta Emas, 1962), 36.

University of Malaya

a) Metode deduktif

Metode deduktif berbeza dengan metode induktif dengan penulis menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada untuk melihat fenomena yang berlaku.[122] Penulis menggunakan metode ini dalam mengenalpasti *shubuhāt* atau keraguan yang ditimbulkan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap *al-sahabah* berdasarkan asas-asas pemikiran yang wujud dalam fahaman Syiah menerusi karya-karya tersebut. Hasil daripada penggunaan metode ini akan digunakan oleh penulis untuk menimbang keraguan-keraguan Syiah mengenai *al-sahabah* berdasarkan perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bagi mencapai objektif ketiga dalam kajian ini.

b) Metode deskriptif :

Metode deskriptif adalah metode gambaran mengenai sesuatu kajian.[123] Menurut Arif Rahman, salah satu daripada kaedah dalam metode deskriptif adalah melakukan analisis dokumen.[124] Metode ini digunakan oleh penulis bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai kedudukan para *al-sahabah* menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Syiah al-Imāmiyyah al-Ithnā 'Ashariyyah. Bagi mendapatkan gambaran ini penulis merujuk kepada kitab-kitab berkaitan disiplin akidah, firaq, tafsir dan hadis daripada kedua-dua aliran. Metode ini digunakan bagi mencapai objektif ketiga dan keempat iaitu untuk memahami asas-asas pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Syiah al-Imāmiyyah al-Ithnā 'Ashariyyah mengenai *al-sahabah*.

---

[122] *Ibid.*
[123] Imam Barnadib, *Pendidikan Perbandingan Buku 1 Dasar-Dasar* (Yogyakarta: Andi Offset Yogyakarta, 1988), 131.
[124] Arif Rahman, *Pendidikan Komparatif* (Yogyakarta: Laksbang Grafika, 2010), 100.

University of Malaya

c) Metode komperatif

Merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan.[125] Data yang diperolehi akan dikaji dan seterusnya dibuat perbandingan untuk mendapatkan kesimpulan atau keputusan daripada kajian. Dalam kajian ini penulis akan membuat perbandingan pemikiran Syiah al-Imāmiyyah al-Ithnā 'Ashariyyah dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mengenai *al-sahabah* secara berterusan daripada bab pertama hingga kelima bagi mencapai kesemua objektif kajian ini.

d) Metode analisis teks sastera berasaskan Teori Teksdealisme

Merupakan kaedah untuk menilai idea yang dikemukakan dalam sesebuah teks sastera berasaskan teori teksdealisme. Falsafah Teori Teksdealisme berasaskan setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya dalam mencapai tahap keunggulan. Bagi mencapai tahap suatu teks yang unggul, pengarang dituntut mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian yang dimaksudkan adalah dalam mencetuskan sesuatu idea dan pemikiran. Antara prinsip utama dalam Teksdealisme ialah keperibadian atau individualisme. Falsafah Teksdealisme menegaskan bahawa setiap pengarang haruslah berusaha untuk menghasilkan atau menciptakan sifat keperibadian atau sifat individualisme masing-masing. Individualisme merujuk kepada pembinaan kepengarangan pengarang yang merupakan ciri pembeza antara seorang pengarang dengan pengarang yang lain.[126] Metode ini akan digunakan oleh pengkaji secara

[125] Imam Barnadib, *Arti dan Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: P.T, Gramedia, 1982), 54.
[126] Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali et al., "Novel-novel Faisal Tehrani dari Perspektif Teksdealisme", *Jurnal Pengajian Melayu (S.I)*, vol. 28, no. 1, 262-287, 2017, 262-287.

University of Malaya

khusus dalam meneliti idea dan pemikiran yang dilontarkan dalam karya *Perempuan Nan Bercinta*.

1.11 Susunan penulisan

Kajian dimulakan dengan bab pertama iaitu bab pendahuluan yang mengemukakan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, huraian tajuk, skop kajian, kepentingan kajian, sorotan kajian lepas dan metodologi kajian.

Bab kedua akan membincangkan Syiah di Malaysia dan pengenalan terhadap karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih. Fokus diberikan kepada aspek sejarah dan perkembangan Syiah di Malaysia. Kedudukan *al-sahabah* di Alam Melayu turut dibentangkan sebelum dibincangkan fahaman yang menyanggah kedudukan *al-sahabah* dalam karya-karya berkenaan.

Bab ketiga akan membentangkan asas-asas pemikiran Syiah berkenaan konsep *al-ṣaḥābaḥ* dalam penulisan karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih. Asas-asas pemikiran yang akan dilihat melibatkan tema yang diketengahkan, sumber rujukan, penggunaan hujah-hujah naqli dan akli dan metodologi penyampaian sebagaimana yang terkandung dalam karya-karya tersebut.

Bab keempat akan menganalisis dan menilai sudut pandang Syiah terhadap konsep *al-ṣaḥābah* sebagaimana yang dibentangkan karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Bab kelima akan mengemukakan kesimpulan kajian ini dan cadangan atau saranan kajian berdasarkan penemuan kajian.

University of Malaya

BAB 2 : SYIAH IMĀMIYYAH ITHNĀ ‘ASHARIYYAH DI MALAYSIA DAN PENGENALAN TERHADAP KARYA-KARYA TERPILIH

2.1 Pendahuluan

Malaysia adalah negara Islam yang secara rasmi berpegang dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah menurut kefahaman Mazhab Shāfi‘ī dalam fiqah dan Mazhab Ashā‘irah-Māturīdiyyah dalam akidah. Pegangan ini telah dianut oleh bangsa Melayu sejak turun temurun. Pada hari ini ia telah menjadi dasar beragama pihak kerajaan sama ada di peringkat negeri ataupun negara dalam rangka memelihara kesucian akidah dan perpaduan umat Islam. Ia sebagaimana yang ditegaskan oleh Uthman el-Muhammady, anutan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang menjadi tradisi di Malaysia adalah merujuk kepada pengikut mazhab fiqah Shāfi’iyyah dan berakidah Ashā‘irah. Manakala dari segi akhlak atau rohaniahnya dipengaruhi oleh pandangan-pandangan Imam al-Ghazālī (505H).[1]

Kenyataan ini berasaskan realiti yang berlaku sekurang-kurangnya bermula pada abad ke-17 Masihi. Ketika zaman keagungan Acheh, aliran *‘Ilm al-Kalām* dalam pengajian akidah berdasarkan fahaman Ashā‘irah mahupun Māturīdiyyah berkembang dengan begitu pesat. Antara tokoh yang mempeloporinya ialah Bukhārī al-Jawharī pengarang kitab *Tāj al-Salāṭīn* yang membahaskan tentang mengenal diri dan Tuhan sebagaimana yang terkandung dalam ajaran Imam al-Ghazālī.[2] Kitab ini bukan sahaja dianggap sebagai kitab pertama yang menonjolkan fahaman Ashā‘irah menurut tafsiran Imam al-Ghazālī bahkan mungkin merupakan kitab pertama dalam Bahasa Melayu yang diketahui nama penyusunnya.

---

[1] Uthman el-Muhammady, *Pangkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan Yang Mengamalkan Pegangan Ahlis Sunnah Wal-Jamaah* (Kuala Lumpur: BAHEIS, 1995).

[2] Bukhārī al-Jawharī, *Tāj al-Salāṭīn*, ed. Khalid Hussain (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), 28-34.

University of Malaya

Selain itu terdapat dua orang ulama besar yang membahaskan persoalan akidah di Alam Melayu, iaitu Nūr al-Dīn al-Rānirī (1658) dan ‘Abd al-Ra’ūf Fanṣūrī (1620-1693). Mengenai Nūr al-Dīn, beliau membincangkan fahaman Māturīdiyyah yang bermazhab Hanafī dengan menterjemahkan kitab *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah* oleh Sa’d al-Dīn al-Taftāzānī dan diberi judul *Durrah al-Farā’id bi Sharḥ al-‘Aqā’id*.[3] Pengaruh ajaran Māturīdiyyah juga dapat dilihat dalam karya Nūr al-Dīn al-Rānirī yang berjudul *Hidāyah al-Imām* yang membincangkan masalah zat, sifat dan perbuatan Allāh SWT serta kebenaran rasul dan rukun Islam yang lima.[4] Manakala ‘Abd al-Ra’ūf Fanṣūrī yang juga dikenali dengan nama ‘Abd al-Rā’uf Singkil mengupas ilmu akidah yang terkandung dalam kitab tasawufnya berjudul ‘*Umdah al-Muḥtājīn* yang dianggap sebagai ulama pertama mengajarkan Sifat Dua Puluh. Beliau mengupas sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allāh SWT.[5]

Pada abad ke-18, Muhammad Zayn Faqīh Jalāl al-Dīn al-Ashī telah menterjemahkan serta mengubahsuai kitab yang bertajuk *Umm al-Barāhīn* oleh al-Sanūsī yang membahas tentang ajaran Sifat Dua Puluh kemudiannya diberi tajuk *Bidāyah al-Hidāyah*.[6] Selepas itu muncul beberapa buah kitab tentang akidah yang berasaskan kitab *Umm al-Barāhīn* tersebut seperti *Zuhrah al-Murīd fī Bayān Kalimah al-Tawhīd* oleh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī[7] dan *Zari’ah al-Yaqin* oleh Nawawi al-Bantani.[8] Pada abad ke-19, kitab-kitab akidah yang membahaskan tentang ajaran Sifat Dua Puluh semakin bertambah. Antara yang terpenting

---

[3] Lihat perbahasannya dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century of the ‘Aqaid of Al-Nasafi* (Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan, Universiti Malaya, 1988).
[4] Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Scholars* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1983). 5.
[5] Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, “Asal-Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Ash’ari dan Asya’irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu”, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1994), 84-106.
[6] Muhammad Zayn Faqīh Jalāl al-Dīn al-Ashī, *Bidāyah al-Hidāyah* (Pulau Pinang: Maktabah wa Matba‘ah Dār al-Ma‘ārif, t.t).
[7] Lihat Wan Muhd Shaghir Abdullah, *Syeikh Abdus Samad al-Falimbani Sufi Yang Syahid fi Sabilillah* (Kalimantan: Yayasan al-Faṭānah, 1982).
[8] Snouck Hurgronje, *Mekka in the Letter Part of The 19th Century* (Leiden: E.J. Brill, 1970), 268-272.

University of Malaya

adalah *Ini Kitab Sifat Dua Puluh* oleh Sayyid ‘Uthman bin Yaḥyā al-Betawī.[9] Begitu juga kitab bertajuk *Sirāj al-Hudā* susunan Muhammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sambawī dan kitab *‘Aqīdah al-Nājīn* karangan Zayn al-‘Ābidīn Muḥammad al-Faṭanī. [10]

Pada abad ke-20, lahir seorang alim yang produktif dalam bidang penulisan iaitu Shaykh Dawūd bin ‘Abd Allāh al-Faṭānī. Antara kitab-kitab beliau yang terkenal adalah *al-Durr al-Thamīn* dan *Sifat Dua Puluh*. Di Kelantan terdapat tokoh yang terkenal dengan gelaran Tuan Tabal turut membahaskan masalah Sifat Dua Puluh dalam kitabnya yang bertajuk *Bi Kifāyah al-‘Awām*. Di Kedah pula terdapat seorang ulama daripada keturunan Muhammad Arshad al-Banjārī iaitu Muḥammad Ṭayb bin Mas‘ūd al-Banjarī yang membahaskan ajaran Sifat Dua Puluh dalam kitabnya bertajuk *Miftāḥ al-Jannah*.[11]

Berdasarkan fakta-fakta ini jelas menunjukkan betapa umat Melayu Islam di Tanah Melayu telah turun temurun menganut fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah berteraskan Ashā‘irah atau Māturīdiyyah dalam berakidah. Aliran ini jelas terbukti menjadi anutan yang sangat kukuh dan konsisten dalam masyarakat Melayu Islam sejak zaman berzaman. Oleh itu, apabila terdapat teori yang mengatakan wujud aliran lain yang mendahului aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dalam masyarakat Melayu di Nusantara, ia perlu dibuktikan secara tuntas kerana realiti semasa adalah menyalahi dengan teori yang dikemukakan.

Sebagai contoh, Hamka menganggap dakwaan Onggang Parlindungan dalam buku ‘Tuanku Rao” mengenai kewujudan Syiah Karmatyah (Qarāmitah) di Minangkabau selama 300 tahun adalah khayalan semata-mata kerana ia hanya berdasarkan 98 peratus sumber yang sudah terbakar.[12] Bagi Hamka, adalah perkara mustahil pengaruh sesebuah kerajaan Syiah

---

[9] ‘Uthmān bin Yaḥyā al-Betawī, *Ini Kitab Sifat Dua Puluh* (Pulau Pinang: Dār al-Ma‘ārif, t.t).
[10] Lihat Omar Awang, “The Umm al-Barahin of al-Sanusi”, *Jurnal Nusantara*, bil. 2 (Julai 1972), 157-158.
[11] Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Islam di Kelantan* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983), 22-25.
[12] Haji Abdul Malik Abdul Karim (Hamka), *Antara Fakta dan Khayal Tuanku Rao* (Penerbit Bulan Bintang: Jakarta, 1974), 115.

University of Malaya

selama 300 tahun dan memiliki 1800 mullah yang bengis terhadap Ahl al-Sunnah boleh dihapuskan oleh aliran Mazhab Shāfi'ī yang hanya berkuasa selepas itu selama 34 tahun.[13]

Justeru, dalam bab ini penulis akan meneliti kembali sejarah kedatangan Islam ke Nusantara secara umumnya dan ke Malaysia secara khususnya. Hal ini amat penting bagi mengenalpasti daripada arah manakah sumber agama Islam yang sampai ke Alam Melayu. Kemudian penulis akan mengkaji aliran terawal yang mula-mula dianut oleh masyarakat Islam di Malaysia berdasarkan fakta dan bukti sejarah. Seterusnya penulis akan membahaskan mengenai sejarah kemasukan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ke Malaysia serta proses penyebaran ajaran tersebut dalam kalangan umat Islam. Kemudian secara khusus, penulis akan bentangkan sejauhmana penyebaran karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah pada masa kini berlaku. Perbahasan berikutnya adalah menyatakan karya-karya mengenai sahabat di Alam Melayu dan pengenalan terhadap karya-karya Syiah berbahasa Melayu." Bab ini diakhiri dengan merumuskan huraian-huraian yang telah dibentangkan.

2.2 Sejarah kemasukan Islam ke Malaysia

Berdasarkan penelitian sejarah, kedatangan Islam ke Tanah Melayu jauh lebih awal daripada apa yang dicadangkan oleh ahli-ahli sejarah Barat. Terdapat penemuan batu nisan di Teluk Cik Munah, Pekan, Pahang yang bertarikh pada 14 Rabī' al-Awwal 419H/1028M, menunjukkan bahawa Islam telah pun tersebar di situ seawal abad ke-11 Masihi.[14] Begitu juga penemuan batu nisan milik Shaykh 'Abd al-Qādir bin Ḥusayn Shāh Alirah bertarikh

[13] *Ibid.*, 102.
[14] Lihat perbincangan tentang penemuan ini oleh Mohd Mokhtar bin Shafii, "Batu Nesan Kurun ke-5H/10M di Pekan Pahang", dalam Khoo Kay Kim et al. *Tamadun Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 13-28.

University of Malaya

290H/902M di Tanjung Inggeris, Alor Setar, Kedah menunjukkan bahawa Islam telah diperkenalkan di kawasan tersebut pada abad ke-10.[15] Penemuan dinar emas di Kelantan bertarikh 577H/1181M pula menunjukkan bahawa Islam telah diamalkan dan berpengaruh di negeri tersebut menjelang abad ke-12 Masihi.[16]

Semua bukti ini menunjukkan pendapat sarjana Barat seperti B. Schrieke dan disokong oleh beberapa orientalis lain yang mendakwa proses pengislaman di Alam Melayu hanya berlaku menjelang abad ke-16 Masihi, adalah suatu hujah yang lemah dan tidak boleh dipertahankan. Malahan pendapat ini cuba mengaitkan faktor pemesatan penyebaran Islam di Alam Melayu berpunca daripada persaingan antara pedagang Islam dengan orang Portugis yang berjaya menakluki Melaka pada tahun 1511.[17] Namun begitu, bukti menunjukkan proses pengislaman telah berlaku jauh lebih awal dari abad tersebut. Bahkan Islam kemudiannya telah berjaya memainkan peranan penting mencorakkan perjalanan sejarah dan pembentukan peradaban masyarakat Melayu walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Oleh kerana terdapat banyak perbezaan mengenai penentuan tarikh kemasukan Islam ke Alam Melayu, dapat diandaikan bahawa proses kemasukan Islam berlaku daripada pelbagai pihak. Hasil daripada penelitian para pengkaji sejarah, disimpulkan sekurang-kurangnya terdapat tiga teori utama asal-usul para pendakwah dan mubaligh yang membawa Islam ke Alam Melayu. Pertama, teori yang mengatakan bahawa para pendakwah itu berasal dari negara Arab; kedua, pendapat yang mengatakan mereka datang dari India dan ketiga,

---

[15] Abdullah Hj Ishak, "Kedah Dahului Melaka Terima Islam", *Al-Islam*, jld. 15, no. 10, 1988, 28-30.
[16] Sa'ad Shukri, Hj. Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan* (Kota Bharu: Pustaka Aman, 1971), 28; Wan Hussien Azmi, "Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-10M)" dalam Khoo Kay Kim et al. *Tamadun Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 135.
[17] B. Schrieke, *Indonesian Sociological Studies* (The Hague and Bandung: W. Van Hoeve Ltd., 1957), 231-237; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990), 17-18.

University of Malaya

pendapat yang mengatakan mereka berasal dari negara China atau Indo-China. Ini merupakan tiga teori popular yang sering dibincangkan oleh para pengkaji sejarah.

Namun demikian, pendapat yang kuat adalah Islam sampai ke Nusantara menerusi orang Arab. Menurut A. Hasymi, terdapat fakta dan bukti yang jelas bahawa orang Arab merupakan perintis kepada proses islamisasi di Nusantara pada peringkat awal sebelum kedatangan mubaligh-mubaligh India. Saudagar-saudagar Arab ini telah pun sampai di Alam Melayu sejak sebelum kedatangan lslam lagi. Mereka datang melalui jalan laut dan jalan darat.[18] Hujah ini juga disokong oleh Hamka dan Arnold dengan menyatakan bahawa semenjak awal abad pertama hijrah lagi orang-orang Arab telah datang ke Alam Melayu melalui jalan tersebut.[19]

Begitu juga teori kedatangan Islam dari China. Ia juga adalah hasil peranan orang Arab. T.W. Arnold dalam bukunya "The Preaching of Islam", menyatakan kemungkinan Islam datang ke Kepulauan Nusantara pada permulaan abad hijrah. Ini kerana, pada tahun 674 Masihi terdapat seorang pemimpin Arab datang ke negeri China dan beliau mempunyai pengikut-pengikutnya di Pantai Barat Sumatera.[20]

Menurut Hamka, pengislaman masyarakat di Alam Melayu dilakukan oleh seorang syeikh atau wali Allah dari Arab, alasannya ialah orang-orang Arab telah pun mengadakan hubungan perdagangan dengan India dan Mesir sejak abad pertama hijrah lagi, di samping mengadakan hubungan dengan *Nanhai* (Asia Tenggara) sehingga abad ke-9. Maksudnya, mereka menguasai jalan perdagangan laut antara Mesir, India, Asia Tenggara dan China serta mendirikan penempatan-penempatan di kawasan pantai Nusantara sejak abad pertama hijrah lagi.[21]

---

[18] A. Hasjmy, *Sedjarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia* (Acheh: Pt. Al-Maarif Penerbit Percetakan Offset, 1981), 176.
[19] Hamka, "Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu", dalam Islam dan Kebudayaan Melayu (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 1977), 420; Arnold, T.W. Arnnold, *The Preaching of Islam: A History of The Propogation of Muslim Faith* (Pakistan: Sh. Muhd Ashraf Kashmiri Bazar Lahore, 1979), 367.
[20] *Ibid.*
[21] Hamka, *Sejarah Umat Islam* (Singapura: Pustaka Nasional, 1997), 670 & 677.

University of Malaya

Hubungan perdagangan bangsa Arab dan Parsi dengan daerah Nusantara juga dikatakan sudah pun berlaku sejak sebelum kelahiran Islam lagi.[22] Sesungguhnya pusat perniagaan di *Zafar al-Ḥamūd*[23] yang terletak di selatan Semenanjung Tanah Arab merupakan tempat persinggahan perdagangan sama ada melalui jalan darat mahupun jalan laut. Oleh kerana keperluan yang tinggi bagi mendapatkan barang-barang dagangan yang hanya terletak di Nusantara seperti lada hitam, rempah, bunga cengkih, kemenyan, kapur barus dan buah pala yang diperlukan di Asia Barat dan Mediterranean, pedagang-pedagang tersebut telah terdorong untuk datang ke Nusantara.[24]

Daripada kenyataan di atas dapatlah ditegaskan bahawa seolah-olah terdapat kesepakatan dalam kalangan para sarjana Islam mengenai berlakunya hubungan di antara pedagang-pedagang Asia Barat dengan Nusantara sejak sebelum kemunculan Islam lagi. Motif perhubungan antara mereka ketika itu adalah semata-mata mengenai perdagangan. Hubungan antara mereka dikatakan berlaku sejak sebelum abad kelima Masihi lagi dan berkekalan sehingga kelahiran Islam pada kurun ketujuh Masihi.[25]

Kedatangan Islam ke Nusantara selain daripada yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW, juga dikatakan berlaku pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, khususnya pada zaman Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb (634-644M). Pada zaman pemerintahan beliau, kekuasaan Islam telah pun sampai ke Rom dan Parsi. Menurut sejarah, terdapat ramai dalam kalangan orang-orang Parsi memeluk Islam. Begitu juga dengan keturunan Parsi yang berada di Perlak dan Pasai. Keadaan yang sama juga berlaku di China. Menurut catatan China, penerimaan Islam oleh pedagang-pedagang Arab yang bermastautin di China telah berlaku apabila diketahui

[22] Hamdan Hassan, "Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh", dalam *Tamadun Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 71.
[23] Abu 'Abd Allah bin Baṭūṭah, *Tuhfah al-Nazzar fi Ghara'ib al-Amsar wa 'Aja'ib al-Asfar (Rihlah Ibn Batutah)* (Beirut: Mu'assasah Risalah, 1405H), 1: 285.
[24] *Dada Meuraxa*, *Sejarah Masuknya Islam ke Bandar Barus Sumatera Utar* (Medan: Penerbit Sasterawan, 1973), 48.
[25] G.R. Tibbetts, "Early Muslim Traders in South-East Asia", *The Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. XXX, pt. 1, 1957, 7.

University of Malaya

bahawa seluruh Semenanjung Tanah Arab telah memeluk Islam. Tindakan ini berlaku menjelang kewafatan Rasulullah SAW dan pada zaman awal pemerintahan Khalifah Abū Bakr al-Ṣiddīq (632-634M). Penerimaan Islam oleh orang-orang Arab tersebut kemungkinan besar telah mempengaruhi orang-orang China untuk memeluk Islam. Berdasarkan kepada beberapa fakta di atas, tidak dinafikan bahawa Islam telah diterima di Nusantara sejak zaman Rasulullah SAW dan zaman Khulafa' al-Rasyidin lagi.[26]

Manakala pada zaman Kerajaan Banī Umayyah (661-750M) dan Banī 'Abbāsiyyah (750-1258M), bukti-bukti yang lebih jelas tentang kedatangan Islam ke Nusantara telah pun menjadi kenyataan. Seperti yang dinyatakan oleh Arnold, pada tahun 674 Masihi telah wujud penempatan orang-orang Arab Islam di pantai barat Sumatera.[27] Hall pula berpendapat kedatangan Islam ke daerah tersebut lebih awal daripada yang dicadangkan oleh Arnold.[28] Begitu juga terdapat penempatan orang-orang Arab Islam yang digelar "Ta-Shih" di Jawa pada sekitar tahun tersebut.[29] Tarikh tersebut adalah berlaku pada zaman kerajaan Banī Umayyah yang pada ketika itu diperintah oleh pengasasnya Mu'āwiyah bin Abū Sufyān (661-680M).

J.C.Van Leur menyatakan bahawa rombongan sahabat Nabi yang diketuai oleh Wahab bin Abī Qabāḥah telah mengunjungi Riau pada tahun 627 Masihi selama lima tahun dan wujud perkampungan Arab di Sumatera Timur pada tahun 674 Masihi.[30] Pendapat ini telah disokong oleh John Crawford[31] yang menyatakan tarikh kedatangan Islam ke Nusantara sejak abad ke-7 Masihi dibawa oleh pedagang-pedagang Arab. Teori ini disokong dengan

[26] *Ibid.*, 2.
[27] Arnold, *The Preaching of Islam*, 367.
[28] D.G.E. Hall, A History of South-East Asia (New York: St Martin's Press, 1968), 190.
[29] Tibbetts, "Early Muslim Traders in South-East Asia", 8.
[30] *J. C. Van* Leur, *Indonesia Trade and Society* (Bandung: *Van* Hoeve, 1955), 18.
[31] John Crawford, *History of the Indian Archipelago* (United States: Harvard University Press, 1967), 11: 104; H.E.Wilson, "The Islamization of South-East Asia: A Re-Assessment", *Journal of Historical Research*, vol. XV, No. 1, 1972, 4.

University of Malaya

hujah telah wujud penempatan orang-orang Islam Arab di Sumatera Timur (San-Fu-Chi) = Sriwijaya = Palembang dalam tahun 674 Masihi.[32]

Selain itu terdapat catatan yang melaporkan bahawa Mu'āwiyah pernah berusaha memonopoli perdagangan rempah supaya bekalannya tidak bergantung semata-mata kepada Dinasti Tang.[33] Mu'āwiyah juga dilaporkan pernah menghantar utusan kepada Raja Sriwijaya, Lokitararman supaya memeluk Islam di samping membuat hubungan dagangan dengan Damsyik. Usaha dakwah Islamiyah di Nusantara dikatakan lebih berjaya pada zaman Khalifah 'Umar bin 'Ābd al-Āzīz (717-720M).[34]

Pada zaman beliau, Islam telah tersebar dengan meluasnya ke Mesir, Syam, Parsi dan Sind. Di Nusantara pula Raja Sriwijaya di Jambi, iaitu Sindravarman telah memeluk Islam pada tahun 718 Masihi. Kemudian pada tahun 726 Masihi, Raja Jay Sima, iaitu Putera Ratu Sima bagi Kerajaan Kalinga, Jawa Timur turut memeluk Islam. Kegiatan dakwah bukan sahaja dilakukan oleh pihak kerajaan Banī Umayyah, bahkan usaha ini telah dijalankan oleh pihak persendirian.[35]

Dalam hal ini, al-Attas yang merupakan seorang penyokong kuat teori kedatangan Islam dari Arab, beliau bukan sahaja melihat kepada faktor luaran (external), malah juga menekankan kepada faktor dalaman (internal). Dari segi faktor dalaman, beliau melihat dari sudut bahasa dan kesusasteraan. Kebanyakannya merujuk kepada sumber-sumber tulisan lama Islam yang ditulis oleh orang-orang yang berasal dari Arab atau Parsi.[36]

Selain itu, kefahaman tentang agama Islam banyak dipengaruhi dari Timur Tengah. Contohnya, tulisan jawi dan huruf-hurufnya, cara bacaan al-Qur'ān, penjelasan akidah dan

---

[32] Arnold, *The Preaching of Islam*, 368.
[33] Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara* (Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, al-Rahmaniah, 1990), 31.
[34] Shalaby, Ahmad al-Shalabī, *al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah* (Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1996), 4: 170.
[35] Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara*, 30.
[36] Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990), 33-34.

University of Malaya

sebagainya. Tiada langsung yang dikatakan hasil rujukan dan bacaannya dipengaruhi dari India. Beliau juga menegaskan bahawa teori umum berkaitan dengan proses ini memperlihatkan perubahan konsep-konsep dan sejarah Islam Melayu Indonesia telah membuktikan ia datang daripada sumber asalnya iaitu Arab. Contohnya, manuskrip-manuskrip yang ditulis dalam bahasa Arab, syariah, metafizik, falsafah, semuanya dari bahasa Arab dan Parsi.[37]

Bagi al-Attas, adalah amat jelas bahawa kefahaman Islam yang dibawa oleh mereka itu berbentuk Asia Barat, bukan India, tambahan pula kandungan dan cara penghuraian akidah, pelbagai mazhab tasawuf, peri bentuk tulisan Jawi serta corak beberapa hurufnya, nama gelaran bagi hari-hari, mingguan, cara melafazkan al-Qur'ān dan beberapa perkara penting lainnya, menjelaskan ciri-ciri tegas bangsa Arab, bukan India, sebagai pembawa dan penyebar asli agama Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia.[38]

Dengan penerimaan idea ini dapatlah meyakinkan kita bahawa kandungan ajaran Islam yang sampai kepada umat Islam di Malaysia adalah daripada sumber yang asal iaitu sumber Arab yang menyampaikan Islam itu daripada sumbernya yang asli. Jikalau Islam itu datangnya daripada sumber yang bukan Arab maka ia akan terbuka kepada pelbagai tuduhan dan tohmahan terhadap kesahihan dan keaslian pengajaran Islam itu sendiri, lantaran datangnya daripada sumber sekunder yang mungkin telah dipengaruhi unsur-unsur tempatan.

Sewaktu kedatangan Islam di Malaysia, sama ada dalam abad ke-10 atau abad ke-14 Masihi ternyata jelas bahawa pemikiran Mazhab tertentu telah menguasai kehidupan masyarakat di negara-negara Islam sejak abad ke-10 Masihi sama ada dalam bidang ilmu kalam, tasawuf dan lebih-lebih lagi dalam bidang fiqah. Penerimaan mengikuti mazhab fiqh tertentu bagi masyarakat Islam itu telah diterima oleh majoriti ulama sejak abad ke-10 Masihi

[37] Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), 1-2.
[38] Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 34.

University of Malaya

berasaskan persetujuan mereka bahawa pintu ijtihad tidak terbuka lagi dan setiap Muslim dikehendaki mengikuti salah satu daripada mazhab yang empat iaitu Mālikī, Ḥanafī, Shāfi'ī dan Ḥanbalī.[39]

Memandangkan pendakwah-pendakwah yang datang ke kawasan ini pernah berada di negara-negara tempat mazhab fiqah tertentu bertapak, maka sudah tentu mereka juga terpengaruh dan mengikuti aliran mazhab yang berkembang di situ. Oleh itu, amat jelas bahawa para pendakwah yang datang adalah beraliran Mazhab Shāfi'ī dalam bidang fiqah. Hal ini menunjukkan bahawa sama ada mereka itu datang dari Arab, China mahupun India, mereka menganut aliran Mazhab Shāfi'ī yang juga berasal usul dari Tanah Arab. Oleh itu, amat sukar untuk menafikan dakwah Islam yang sampai ke Nusantara atau Tanah Melayu secara khususnya, sebagai bukan berasal daripada sumber yang asli iaitu bangsa Arab.

Kesimpulannya, setelah melihat kepada beberapa pandangan ahli-ahli sejarah Islam dan Barat yang mengemukakan pandangan masing-masing berdasarkan bukti yang jelas, penulis merumuskan kedatangan Islam ke Alam Melayu adalah berasal daripada para pedagang dan pendakwah Islam dari Semenanjung Tanah Arab. Ia berlaku seawal kurun pertama hijrah atau kurun ke-7 Masihi. Hal ini dapat dibuktikan secara kasarnya dengan melihat kepada pelbagai pengaruh luaran dan dalaman di dalam masyarakat Melayu-Islam dalam pelbagai aspek seperti Mazhab, bahasa, budaya, sastera, sejarah dan realiti semasa.

Pandangan Sayyid Muhammad Naquib al-Attas yang mengatakan bahawa pendakwah-pendakwah itu datang dari satu tempat iaitu Asia Barat, namun sebelum sampai ke Alam Melayu mereka terlebih dahulu singgah di India, China atau tempat-tempat lain bagi tujuan perdagangan dan penyebaran agama Islam adalah sangat relevan.[40] Berdasarkan teori

[39] Ṣubḥī Rajab Maḥmaṣānī, *Falsafah al-Tashri' fī al-Islām* (Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, 1961), 36.
[40] Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 32-33.

University of Malaya

ini, penulis akan rungkaikan pada subtopik seterusnya mengenai bentuk aliran Islam yang mula-mula sampai ke Malaysia atau Tanah Melayu.

2.3 Aliran terawal yang sampai ke Malaysia

Sebelum fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah tersebar di Nusantara pada tahun 1979, terdapat pelbagai teori yang mengatakan bahawa fahaman Syiah telah wujud di Nusantara jauh sebelum itu. Bahkan teori tersebut cuba mengesahkan bahawa fahaman Syiah adalah aliran pertama yang bertapak di Nusantara sebelum kemasukan fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Kesemua teori ini berkait rapat dengan sejarah kedatangan agama Islam ke Nusantara seperti yang telah dibincangkan dalam subtopik sebelum ini.

Pendapat paling popular mengatakan, aliran Syiah mula masuk ke Nusantara dengan penghijrahan para ulama berketurunan sayyid-syarif yang didakwa berfahaman Syiah. Kedatangan para pendakwah Syiah ini dikaitkan dengan dua alasan iaitu kekejaman pemerintah terutamanya Banī Umayyah dan aktiviti penyebaran Islam di rantau ini. Dalam teori tersebut mengatakan, aliran Syiah lebih awal wujud dengan penghijrahan orang-orang Syiah secara individu yang berketurunan sayyid-syarif dan berkumpulan. Syiah juga didakwa pernah menjadi mazhab rasmi negara Islam Alam Melayu yang terawal.

Kedatangan para pendakwah Syiah ini dikatakan berpunca daripada dua sebab. Pertama, kekejaman pemerintah terutamanya Banī Umayyah dan kedua, aktiviti penyebaran Islam di rantau ini. Menurut Sayyid Alwi Al-Haddād, sekelompok Arab berketurunan Alawiyyīn telah melarikan diri ke Champa akibat kekejaman tentera al-Ḥajjāj. Beliau menukilkan penjelasan al-Nuwayrī (w.733h) dalam kitabnya, *Nihāyah al-Arab fī Funūn al-‘Adab* yang menyatakan di sebelah Timur negeri China terdapat sekumpulan bangsa Arab yang merupakan para penyokong ‘Ali bin Abī Tālib dikenali sebagai ‘Alawiyyīn mendiami

University of Malaya

Sila. Mereka datang ke Sila menerusi Champa.[41] S.Q Fatimi pula mengesahkan ada penemuan batu nisan seorang penganut Syiah bertarikh 431H/1039M di Champa.[42] Segolongan ‘Alawiyyin dikatakan belayar dari arah Champa menuju ke Sila (Sulawesi) dan Sabah pada tahun sekitar 65-86H/685-705M. Mahayudin Yahya menganggap golongan ‘Alawiyyīn sebagai penganut Syiah yang melarikan diri daripada kekejaman tentera al-Ḥajjāj dan bertanggungjawab menyebarkan ajaran Syiah di Nusantara.[43]

Namun begitu, anggapan Mahayuddin Yahya bahawa golongan ‘Alawiyyīn itu adalah Syiah sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Nuwayrī adalah kurang tepat. Ini kerana al-Nuwayrī dalam karya yang sama memaksudkan ‘Alawiyyīn sebagai keturunan ‘Ali bin Abī Ṭālib bin ‘Abd al-Muṭṭalib yang terdiri daripada lima cabang iaitu; Banū al-Ḥasan bin ‘Alī, Banū al-Ḥusayn bin ‘Alī, Banū Muḥammad bin al-Ḥanafiyyah, Banū al-‘Abbās al-Saqā’ bin ‘Alī dan Banū ‘Umar al-Atraf bin ‘Alī.[44] Malah al-Nuwayrī tidak sekalipun merujuk ‘Alawiyyīn sebagai Syiah kerana beliau turut menggunakan istilah Syiah[45] dan Rāfiḍah[46] bagi merujuk kepada salah satu golongan yang menyimpang daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Fakta yang mendakwa bahawa al-Ḥajjāj dan tenteranya telah melakukan kekejaman terhadap keturunan ‘Alawiyyīn atau Banī Hāshim juga masih boleh dipertikaikan. Ini kerana fakta tersebut tidak tepat. Al-Dhazabī mengatakan ia adalah fakta yang sengaja disandarkan

---

[41] Alwi bin Tahir al-Haddad, *Sejarah Masuknya Islam diTimur Jauh*, terj. S. Muhammad Dhiya Syahab (Jakarta: Penerbit Lantera, 1997), 40.
[42] Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*, 47.
[43] Mahayudin Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 1.
[44] Ahmad bin ‘Abd al-Wahhab al-Nuwayri, *Nihāyah al-Arab fī Funūn al-‘Adab* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 2: 371.
[45] Al-Nuwayrī jelas membezakan antara Syiah dan ‘Alawiyyīn. Antaranya ketika beliau meriwayatkan kisah dua belas orang penganut Syiah yang melakukan pemberontakan di Kaherah pada tahun 584 hijrah dengan cuba mengeksploitasi syiar ‘Alawiyyīn. Lihat al-Nuwayrī, *Nihāyah al-Arab*, 28: 276.
[46] Al-Nuwayrī meriwayatkan asal usul istilah Rāfiḍah yang berasal daripada peristiwa pengikut Zayd bin ‘Alī yang tidak mahu menerima pendirian beliau yang mengiktiraf kekhalifahan Abū Bakr dan ‘Umar. Golongan yang menolak pendirian Zayd bin ‘Alī ini kemudiannya digelar sebagai Rāfiḍah yang bererti golongan yang menolak. Lihat *Ibid.*, 24: 218.

University of Malaya

oleh golongan Syiah terhadap al-Ḥajjāj semata-mata untuk menggambarkan kejahatan Banī Umayyah terhadap Banī Hāshim. Ketika menukilkan sejarah mengenai pengkhianatan Syiah yang dilakukan oleh Ibn al-'Alqamī terhadap kerajaan Banī 'Abbāsiyyah, al-Dhazabī mengatakan seperti berikut:

> "Maka adakah menjadi pendukung kepada keluarga Rasulullah SAW orang yang memberikan kuasa kepada golongan kafir untuk membunuh dan menawan mereka dan sekalian umat Islam (?), sedangkan mereka berdusta terhadap al-Ḥajjāj dan selainnya kononnya dia (al-Ḥajjāj) telah membunuh golongan *ashrāf* (keturunan Banī Hāshim), padahal al-Ḥajjāj tidak membunuh seorang pun Banī Hāshim walaupun dengan kezaliman dan kekejamannya. Sesungguhnya (Khalifah) 'Abd al-Malik telah melarangnya daripada (melakukan) sedemikian, namun yang dia bunuh adalah orang daripada kalangan bangsawan Arab selain Banī Hāshim. Malah dia (al-Ḥajjāj) telah mengahwini seorang wanita Banī Hāshim iaitu anak perempuan 'Abd Allāh bin Ja'far..."[47]

Al-Ṭabarānī telah meriwayatkan dengan sanad yang sahih dan Ibn Ma'īn dalam al-Tārīkh dengan sanad yang hasan bahawa al-Ḥajjāj telah berkata pada suatu hari:

> "Sesiapa yang ditimpa bencana, maka bangunlah, kami hendak memberikannya (bantuan) atas bencananya. Lalu seorang lelaki bernama Sinān bangun dan berkata: Aku telah membunuh Ḥusayn. (Al-Ḥajjāj) berkata: Bagaimana kamu membunuhnya? (Sinān berkata): Aku telah menusuknya dengan tombak, lalu mencincangnya dengan pedang, tiada seorang pun yang bersama-sama denganku membunuhnya. (Al-Ḥajjāj) berkata: Adapun kamu dan dia tidak akan berkumpul di tempat yang sama (syurga)! (Al-Ḥajjāj) mengeluarkannya dan tidak memberikan sesuatu pun kepadanya."[48]

Menurut Dr. al-Ṣallābī dalam kitab *al-Dawlah al-Islāmiyyah*:

> "Sesungguhnya al-Ḥajjāj menghormati Ahl al-Bayt dan memuliakan mereka…dan apa yang disebut dalam kitab-kitab sejarah tentang keadaan al-Ḥajjāj yang melancarkan permusuhan terhadap Ahl al-Bayt tidak benar, khususnya jika kita mengetahui bahawa layanan (Khalīfah) 'Abd al-Malik terhadap Ahl al-Bayt dan kesungguhannya untuk tidak mengganggu mereka

---

[47] Shams al-Dīn al-Dhahabī, *al-Muntaqā min Minhāj al-I'tidāl fī Naqd Kalām Ahl al-Rafḍ wa al-I'tizāl* (Riyad: al-Ri'āsah al-'Ammāh li Idārah al-Buhūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da'wah wa al-Irshād, 1993), 340.

[48] Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarāni, *al-Mu'jam al-Kabīr* (Mūṣil: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1983), 3: 111; Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Ma'īn, *Tārīkh Ibn Ma'īn (Riwāyah al-Dūrī)* (Makkah: Markaz al-Bahth al-'Ilmī wa Ihyā' al-Turāth al-Islāmī, 1979), 3: 498.

University of Malaya

daripada dekat mahupun jauh selagimana mereka tidak cuba mendekati kerusi khilāfah dan berusaha untuk mencapainya."[49]

Menurut Ibn Kathīr, telah diriwayatkan mengenai al-Ḥajjāj lafaz-lafaz kesat dan keji yang pada zahirnya kekufuran. Namun begitu, ada kemungkinan beliau telah bertaubat dan menyesali perbuatannya, jika tidak maka beliau kekal bertanggungjawab atas segala perbuatannya. Apa yang dibimbangi adalah riwayat-riwayat mengenai beliau yang ditokok tambah oleh golongan Syiah yang sangat memarahinya dengan pelbagai sebab. Justeru, mereka berkemungkinan telah mengubah sesetengah kisah mengenai al-Ḥajjāj dengan memasukkan perkara-perkara yang buruk dan keji terhadap keperibadiannya[50].

Oleh yang demikian, fakta yang mengatakan bahawa terdapat golongan Banī Hāshim atau Ahl al-Bayt yang ditindas atau dizalimi terutamanya pada zaman Banī Umayyah atau lebih khusus pada zaman al-Ḥajjāj tidak boleh diterima secara mutlak. Begitu juga dakwaan bahawa golongan 'Alawiyyīn atau keturunan Rasulullah SAW yang melarikan diri atau berdakwah ke luar Tanah Arab itu terdiri daripada golongan Syiah. Ini kerana, terdapat banyak fakta yang jelas menunjukkan bahawa mereka berfahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan menafikan perkaitan diri mereka dengan Syiah.

Antaranya, penafian Ja'far al-Ṣādiq sendiri, iaitu tokoh berketurunan Rasulullah SAW yang didakwa sebagai imam keenam bagi golongan Syiah. Beliau pernah menafikan dakwaan Syiah kononnya beliau adalah imam maksum yang wajib ditaati serta dakwaan bahawa beliau berlepas diri daripada mencintai dan membela Abū Bakr al-Ṣiddīq dan 'Umar al-Khaṭṭāb. Antaranya adalah riwayat-riwayat seperti berikut:

a) Daripada Sālim bin Abī Ḥafṣah, dia berkata:

[49] 'Alī Muḥammad al-Ṣallābī, *al-Dawlah al-Umawiyyah: 'Awāmil al-Izdihār wa Tadā'iyat al-Inhiyār* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2008), 1: 680.
[50] Abū al-Fidā' bin Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (Beirut: Maktabah al-Ma'ārif, t.t), 9: 133.

University of Malaya

"Aku bertanya kepada Abū Ja'far (Muḥammad al-Bāqir) dan kepada anaknya, Ja'far (Ja'far al-Ṣādiq), tentang Abū Bakr dan 'Umar, maka beliau menjawab: "Wahai Sālim, berilah walā' (kecintaan dan pembelaan) kepada kedua-duanya, dan berlepaslah diri daripada musuh kedua-duanya, kerana kedua-duanya adalah imam petunjuk". Kemudian Abū Ja'far berkata: "Wahai Sālim, apakah seseorang akan mencela datuknya? Abū Bakr adalah datukku[51]. Aku tidak akan mendapatkan syafaat Nabi Muḥammad SAW pada hari kiamat jika aku tidak memberikan walā' (kecintaan dan pembelaan) kepada kedua-duanya, dan (jika aku tidak) berlepas diri daripada musuh kedua-duanya."[52]

b) 'Abd al-Jabbār bin al-'Abbās al-Hamadānī telah menceritakan bahawa Ja'far bin Muḥammad (Ja'far al-Ṣādiq) telah menemui mereka ketika mereka hendak meninggalkan Madinah. Beliau berkata:

"Sesungguhnya kamu inshā-Allāh terdiri daripada orang-orang soleh di kota kamu maka kamu sampaikan kepada mereka daripadaku, barangsiapa yang mendakwa aku imam yang maksum dan wajib ditaati maka aku berlepas diri daripadanya. Barangsiapa yang mendakwa aku berlepas diri daripada Abū Bakr dan 'Umar maka aku juga berlepas diri daripadanya."[53]

c) Ḥanān bin Sudayr mentahdithkan bahawa aku mendengar Ja'far bin Muḥammad ditanya tentang Abū Bakr dan 'Umar lalu beliau berkata:

"Kamu bertanya kepadaku tentang dua orang lelaki yang telah pun memakan buah-buahan syurga."[54]

Selain itu, berdasarkan sumber dari kitab *Iẓhār al-Ḥaqq fī Mamlakah Ferlak* karya Abū Isḥāq Makārānī al-Fāsy, A. Hasjmy dan M. Yunus Jamil mengatakan bahawa pada tahun 173H/789M (atau 800M, atau 817M), satu rombongan pendakwah Syiah yang terdiri daripada 100 orang pendakwah Arab, Parsi dan India Muslim yang diketuai oleh Nakhoda Khalīfah telah tiba di Perlak. Mereka dikatakan telah diarahkan untuk berdakwah setelah gagal memberontak terhadap Khalīfah al-Ma'mūn daripada dinasti 'Abbāsiyyah. Salah

[51] Ini kerana ibu al-Imām Ja'far al-Ṣādiq adalah Umm Farwah, Fāṭimah binti al-Qāsim bin Muḥammad bin Abū Bakr al-Ṣiddīq.
[52] Shams al-Dīn al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1413H), 6: 258.
[53] *Ibid*., 259.
[54] *Ibid.*

University of Malaya

seorang daripada mereka adalah cucu kepada Imam Syiah yang keenam (Ja'far al-Ṣādiq), bernama 'Alī bin Muḥammad al-Dībāj bin 'Alī bin Ja'far al-Sādiq yang terkenal dengan gelaran 'Alī al-Khārisi. Beliau dikatakan telah berkahwin dengan adik Raja Perlak dan melahirkan Sayyid 'Abd al-'Azīz Syah, pemerintah pertama kerajaan Syiah di Perlak yang didirikan pada 225H/840M. Keturunan beliau disebutkan sebagai dinasti 'Azīziyyah yang memerintah sehingga tahun 888M, sebelum dikatakan jatuh ke tangan Ahl al-Sunnah.[55]

Fakta mengenai kedatangan cucu Ja'far al-Ṣādiq iaitu 'Alī al-Khāriṣī juga boleh dipertikaikan. Ini kerana, berdasarkan fakta-fakta daripada kitab-kitab mengenai nasab keturunan Rasulullah SAW, didapati tiada rekod yang mengatakan beliau telah berhijrah ke Nusantara. Jika diteliti, 'Alī al-Khāriṣī tidak memiliki anak atau keturunan bernama 'Abd al-'Azīz sebaliknya anak-anak beliau adalah Ḥusayn, 'Alī, Ḥasan, Ja'far, Isḥāq dan Muḥammad.[56]

Menurut rujukan pihak Syiah sendiri, 'Alī al-Khāriṣī berada di Basrah pada zaman pemberontakan Abū al-Sarāyā. Ketika datang Zayd al-Nār bin Mūsā al-Kāẓim ke Basrah, al-Khāriṣī juga telah menjadi pendukungnya. 'Alī al-Khāriṣī juga pernah terlibat dengan pemberontakan di al-Aḥwāz dengan ditemani oleh Ibn al-Afṭas iaitu al-Ḥusayn bin al-Ḥasan bin 'Alī bin 'Alī bin al-Ḥusayn bin 'Alī bin Abī Ṭālib dan sepupunya Zayd bin Mūsā al-Kāẓim. Namun, ketika tentera (Khalīfah) al-Ma'mūn berjaya menyekat revolusi yang dilancarkan oleh Muḥammad bin Ja'far al-Dībāj, beliau telah keluar dari Basrah dan meninggal dunia di Baghdad serta dikuburkan di situ.[57]

Ini bererti, fakta yang mengatakan terdapat keturunan Rasulullah SAW yang berfahaman Syiah bernama 'Alī al-Khāriṣī telah mengahwini adik Raja Perlak hingga

---

[55] A. Hasjmy, *Sejarah masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia* (Acheh: P.T. al-Ma'arif, 1981), 146-148.
[56] Ẓahīr al-Dīn al-Bayhaqī, *Lubab al-Ansāb wa al-Alqāb al-A'qāb* (t.tp., t.p., t.t), 105.
[57] Ibn 'Anbah al-Ḥusaynī, *'Umdah al-Ṭālib fī Ansāb 'Alī Abī Ṭālib* (Najaf: Manshūrāt al-Maṭba'ah al-Ḥaydariyyah, 1961), 247; Abū Naṣr al-Bukhārī, *Sirr al-Silsilah al-'Alawiyyah* (Najaf: Intishārāt Sharīf al-Riḍā, 1431H), 46.

University of Malaya

melahirkan seorang anak bernama ‘Abd al-Azīz boleh dipertikaikan. Kenyataan ini sesuai dengan dapatan kajian oleh Azyumardi Azra yang menafikan sebarang kewujudan entiti politik Islam di Perlak pada pertengahan abad ke-9 Masihi.[58] Manakala Hassan Muarif Ambary pula menolak kewujudan kerajaan awal Perlak berdasarkan kajian arkeologinya mengenai Islamisasi di Indonesia.[59]

Walau bagaimanapun, semua fakta-fakta di atas tidak menafikan peranan keturunan Rasulullah SAW atau Banī Hāshim dalam menyampaikan dakwah Islam di Nusantara. Namun begitu, kesilapan yang berlaku apabila menganggap keturunan Rasulullah SAW atau ‘Alawiyyīn itu adalah sebagai penganut Syiah.

Al-Attas mengatakan istilah ‘Alawiyyīn pada zaman sejarah Islam yang awal tidak boleh difahami sebagai Syiah. Ini kerana, Syiah adalah golongan yang menganut suatu peraturan dan teologi khusus yang digagaskan pada zaman terkemudian serta memiliki kerajaan sendiri pada awal kurun ke-16 Masihi. Manakala istilah ‘Alawiyyīn pula merujuk kepada keturunan ‘Ali bin Abi Talib dan isterinya Fāṭimah. Pada zaman Banī Umayyah dan Bani ‘Abbāsiyyah, ‘Alawiyyīn lebih merujuk kepada pengikut atau parti ‘Alī, iaitu golongan yang mendukung beliau selepas kewafatan Nabi SAW. Ia hanya sebuah kumpulan politik sebelum kemudiannya didakwa oleh puak Syiah sebagai asal ajaran mereka.[60]

Sebaliknya teori tentang kedatangan para pendakwah berketurunan Rasulullah SAW atau ‘Alawiyyīn ke Nusantara sangat berkait rapat dengan golongan ‘Arab Ḥaḍramī. Menurut rekod sejarah, masyarakat ‘Arab Ḥaḍramī merupakan individu-individu penting yang berhijrah ke negara luar dalam usaha membawa agama Islam seawal abad ke-7 Masihi seumpama ke Afrika Timur (Kenya, Somalia, Tanzania), Hydrabad India, Kepulauan

[58] Azyumardi Azra, *Syiah dan Politik di Indonesia* (Jakarta: Penerbit Mizan, 2000), 13.
[59] Hasan Muarif Ambary, *Menemukan Peradaban Jejak arkeologis dan Historis Islam di Indonesia* (Jakarta: PT Logos Wacana Ilmu, 2001), 56.
[60] Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Fact and Fiction* (Johor Bahru: UTM Press, 2012), 13.

University of Malaya

Indonesia dan kawasan berdekatan seperti Tanah Melayu, Vietnam, Burma, Thailand dan Kemboja.[61] Faktor migrasi dilakukan adalah disebabkan perdagangan, menyebarkan dakwah Islam serta keadaan tidak kondusif yang dialami di negara asal, antaranya keadaan demografi Hadramaut yang tidak menyokong kelangsungan hidup masyarakatnya, keadaan cuaca yang tidak menentu dan keadaan politik yang tidak stabil.[62]

Sumber-sumber penulisan Arab kontemporari antara lain menjelaskan bahawa melalui amalan perdagangan yang bergerak seiring dengan proses Islamisasi, masyarakat Arab dari Hadramawt ini membawa jualan hasil bumi seumpama ikan kering, batu permata, bahan besi yang berkualiti dan kulit binatang untuk diperdagangkan di negara-negara terbabit.[63]

Dari sudut istilah, gelaran ‘Arab Ḥaḍramī merujuk kepada masyarakat Arab yang menetap di Hadramaut, salah sebuah daerah di negara Yaman. Daerah Hadramaut yang merupakan tempat asal masyarakat Arab ini memiliki sejarah tamadun yang unggul. Ia berdasarkan kedudukan geografinya yang terletak berhampiran dengan Laut Merah yang menjadi laluan penghubung kapal-kapal perdagangan antara negeri-negeri di sebelah Timur dan Barat.[64] Antara ciri utama bagi mengenal pasti kumpulan bangsa dan etnik ‘Arab Ḥaḍramī ini adalah menerusi keturunan mereka.

Majoriti mereka berketurunan Sayyid Bā ‘Alawī, iaitu kumpulan individu yang berasal daripada keturunan Rasulullah SAW daripada sebelah Ḥusayn bin ‘Alī yang berperanan besar dalam menyebarkan agama Islam di Kepulauan Nusantara.[65] Keturunan ini

---

[61] Noryati Abdul Samad, “The Hadhrami Arabs in Southeast Asia: An Introduction” dalam *The Hadhrami Arabs in Southeast Asia With Special Reference to Singapore: An Annotated Bibliography* (Singapore National Library Board, 2010), 8.
[62] B.G. Martin, “Arab Migrations To East Africa in Medieval Times” dalam *The International Journal of A African Historical Studies*, vol. 7, 1974, 367.
[63] *Ibid.*, 369.
[64] Mahyuddin Hj. Yahya, *Sejarah orang Syed di Pahang* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 4.
[65] W. H. Lee Warner, “Notes On The Hadhramaut” dalam *The Geographical Journal*, 77: 3 (1931), h. 218-219.

University of Malaya

adalah suku bangsa terbesar yang menggabungkan pelbagai kelompok dan puak sepertimana kaum Badwi di padang pasir. Mereka terdiri dalam kelompok kekeluargaan dan setiap keluarga membawa namanya masing-masing, antaranya al-'Aṭṭās, al-Saqqāf, al-Kāf atau al-Junayd, al-Ḥaddād, al-Ḥabshī, al-'Aydrūs, al-Jufrī, al-Aidīd, al-Khirīd, al-Yaḥyā, al-Hinduwān dan lain-lain yang dikenali sebagai keturunan Bā 'Alawī.[66]

Menurut sejarah, Sādah Āl Bā 'Alawī merujuk kepada datuk mereka iaitu al-Sharīf 'Alawī bin 'Ubayd Allāh bin Aḥmad al-Muhājir bin 'Isā bin Muḥammad bin 'Alī al-'Urayḍī bin Ja'far al-Ṣādiq bin Muḥammad al-Bāqir bin 'Alī Zayn al-'Ābidīn bin Ḥusayn bin 'Alī bin Abī Ṭālib.[67] Pembentukan keluarga ini di Hadramaut dikenal pasti bermula daripada Aḥmad bin 'Īsā yang telah berpindah dari Iraq ke Hadramaut pada tahun 929M. Melalui perpindahan ini, Aḥmad bin 'Īsā digelar al-Muhājir bermaksud orang yang berhijrah. Setelah dua abad kemudian, iaitu pada tahun 1127M, sebahagian besar keluarga al-Muhājir yang diketuai oleh 'Alī bin 'Alawī telah berpindah ke bandar Tarim, pusat utama di wilayah Hadramaut. Mereka mula berpengaruh di bandar ini sehingga mereka berjaya mewujudkan sebuah keluarga besar yang dipanggil keluarga Sayyid 'Alawiyyah (Bā 'Alawī).[68]

Seperti yang ditegaskan sebelum ini, daripada keturunan Aḥmad bin 'Īsā al-Muhājir ini, telah muncul ramai kalangan para pendakwah dan alim ulama yang tersebar ke seluruh pelosok Nusantara. Mereka terkenal sebagai para tokoh yang telah memberikan sumbangan besar terhadap penyebaran agama Islam di Afrika Timur dan Selatan, India Selatan, Filipina, Tanah Melayu dan Indonesia.

---

[66] Mahayudin Hj. Yahya, "Latar Belakang Sejarah Keturunan Sayyid di Malaysia" dalam *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 9.

[67] Zayn bin Ibrāhīm Sumayṭ, *al-Manhaj al-Sawī: Sharh Uṣūl Tarīqah al-Sādah Āl Bā 'Alawī* (Yaman: Dār al-'Ilm wa al-Da'wah, 2005), 19; Muḥammad Diyā' Shihāb et. al, *al-Imām al-Muhājir Aḥmad bin 'Īsā bin Muḥammad bin 'Alī al-'Urayḍī bin Ja'far al-Ṣādiq, Malah wa li Naslih wa li A'immah min Aslafih min al-Faḍā'il wa al-Ma'āthir* (Arab Saudi: Dār al-Shurūq, 1980), 97.

[68] Mahayudin Hj. Yahya, "Latar Belakang Sejarah Keturunan Sayyid di Malaysia", 9.

University of Malaya

Dr. Najib Saleeby dalam bukunya *Moro History, Law and Religion* mengatakan bahawa para pendakwah Islam di kepulauan Filipina berasal usul dari keturunan Sayyid ‘Alawī bin Muḥammad bin ‘Alawī bin ‘Abd Allāh bin al-Muhājir Aḥmad bin ‘Īsā.[69] Daripada keturunannya lahir ramai tokoh-tokoh yang berkhidmat untuk Islam sehingga nama-nama mereka memenuhi kitab-kitab mengenai perjalanan hidup seseorang tokoh (*al-tarjumah*) mahupun karya-karya mengenai kisah pelayaran (*al-asfār*).

Antaranya adalah tokoh ulama di Jawa yang terkenal dengan panggilan Wali Sembilan. Sebahagian besar mereka memiliki susur galur keturunan yang sampai kepada al-Muhājir Aḥmad bin ‘Īsā. Sebagai contoh, Wali Sembilan yang pertama adalah Malik Ibrāhīm bin Barakāt Zayn al-‘Ālam bin Jamāl al-Dīn al-Ḥusayn bin Aḥmad Shāh Jalāl bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Malik bin ‘Alawī bin Muḥammad bin ‘Alī bin ‘Alawī bin Muḥammad bin ‘Alawī bin ‘Abd Allāh bin al-Muhājir Aḥmad bin ‘Īsā.

Tokoh yang kedua daripada Wali Sembilan dikenali sebagai Sunan Ampel yang merupakan sepupu kepada Mālik Ibrāhīm. Beliau adalah Ahmad Rahmatullah bin Ibrahim bin Jamāl al-Dīn al-Ḥusayn bin Aḥmad Shāh Jalāl bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Malik bin ‘Alawī bin Muḥammad bin ‘Alī bin ‘Alawī bin Muḥammad bin ‘Alawī bin ‘Abd Allāh bin al-Muhājir Aḥmad bin ‘Īsā. Tiga orang daripada anak beliau juga termasuk dalam kalangan Wali Sembilan iaitu Ibrāhīm (digelar Sunan Bonang), Hāshim (digelar Sunan Darjat) dan Ja‘far al-Ṣādiq (digelar Sunan Qudus). Saudara kandung kepada Ahmad Rahmatullah iaitu Maulana Isḥāq yang dikenali sebagai Sunan Giri turut merupakan salah seorang daripada tokoh Wali Sembilan.[70]

Oleh itu, bagi mengetahui bentuk ajaran Islam yang dibawa oleh golongan berketurunan Rasulullah SAW ini ke bumi Nusantara, ia perlu dirujuk kepada individu

---

[69] Najib Mitry Saleeby, *Moro History, Law and Religion* (London: Forgotten Books, 2013), 20.
[70] Shihāb, *al-Imām al-Muhājir Aḥmad bin ‘Īsā*, 180-185.

University of Malaya

pertama kelompok ini yang berhijrah ke Hadramaut iaitu Aḥmad bin ‘Īsā al-Muhājir. Menurut al-Ḥabib Zayn bin Sumayṭ, keseluruhan keturunan Bā ‘Alawi adalah bermazhab Shafi‘ī dalam fiqah dan beraliran Ahl al-Sunnah Ashā‘irah dalam akidah. Bahkan Aḥmad bin ‘Īsā al-Muhājir telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan Mazhab Shāfi‘ī di Hadramaut sekitar tahun 340 Hijrah sebelum ia tersebar ke seluruh Yaman.[71]

Golongan ‘Arab Ḥaḍramī bukan sahaja setakat menganut Mazhab Shāfi‘ī, tetapi turut berperanan dalam menghidupkan, menyebarkan dan memurnikan pendapat-pendapat dalam mazhab. Ia terzahir menerusi sumbangan tokoh-tokoh seperti ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Raḥmān Bā ‘Ubayd (603H), al-Faqīh al-Muqaddam Muḥammad bin ‘Alī (653H), Muḥammad bin Sa‘d Bā Shukayl (700H), sekalian fuqaha’ Āl Bā Faḍl, Āl Bā Makhramah, Āl Bā Qushayr dan Āl al-Saqqāf.[72]

Menerusi karya Muḥammad bin Abū Bakr al-Shūlī yang menjelaskan biografi mengenai keturunan ‘Alawiyyīn, dapat difahami bahawa Aḥmad bin ‘Īsā al-Muhājir dan keturunannya adalah merupakan golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan bermazhab Shāfi‘ī.[73] Ini selari dengan apa yang menjadi pegangan para ulama dan pendakwah mereka yang tersebar di India, Afrika, Nusantara secara umum, Indonesia secara khusus dan kepulauan Jawa secara lebih khusus. Ia terserlah menerusi dakwah Wali Sembilan yang jelas berpegang kepada fahaman Sunni Shāfi‘ī.[74]

Malahan jika ditelusuri sejarah awal yang mendorong Aḥmad bin ‘Īsā al-Muhājir berhijrah ke Yaman, ia menzahirkan kesungguhan beliau dalam memelihara kesucian akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang menjadi pegangan diri dan ahli keluarganya. Ini kerana, punca utama perpindahan beliau adalah disebabkan suasana di Iraq pada waktu itu yang

---

[71] Sumayṭ, *al-Manhaj al-Sawī,* 26-27.
[72] *Ibid.*
[73] Muḥammad bin Abū Bakr al-Shūlī, *al-Mashra‘ al-Rawiy fī Manāqib al-Sādah al-Kirām Āl Abī ‘Alawī* (t.tp.: al-Maṭba‘ah al-‘Amīrah al-Sharafiyyah, 1319H), 1: 32-33.
[74] Shihāb, *al-Imām al-Muhājir Aḥmad bin ‘Īsā*, 174.

University of Malaya

semakin dikuasai oleh golongan ahli bid‘ah iaitu Syiah Qarāmiṭah[75] dan kumpulan Zanj[76]. Justeru, pada tahun 317 Hijrah beliau mengambil pendirian untuk keluar dari Basrah menuju ke Hijaz bersama tujuh puluh orang ahli keluarga dan pengikutnya. Beliau menetap sebentar di Makkah dan kemudiannya meneruskan perjalanan hingga sampai ke Hadramaut. Sewaktu tiba di Hadramaut, kebanyakan daerah di sana berada di bawah pengaruh aliran Khawārij iaitu Ibāḍiyyah[77]. Namun, dengan hikmah dan kebijaksanaan menyampaikan dakwah, beliau berhasil menukarkan anutan asal penduduk tempatan kepada pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Menurut catatan sejarah, Mazhab Ibāḍī terhapus keseluruhannya di Hadramaut pada tahun 690 Hijrah dengan pusat terakhirnya terletak di bandar Shibam.[78]

Ini bermakna, sejak dahulu lagi golongan ‘Alawiyyīn adalah penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Menurut Ahmad Haydar Baharun, ajaran Sunni empat Mazhab yang disebarkan oleh para habaib dan kiyai di Indonesia memiliki sanad yang bersambung dengan

---

[75] Qarāmiṭah adalah gerakan kebatinan yang merosakkan Islam. Ia disandarkan kepada individu bernama Ḥamdān bin al-Ash‘ath dan digelar sebagai Qurmuṭ kerana tubuh dan betisnya yang pendek. Dia berasal dari Khuzastān di Aḥwāz, kemudian berpindah ke Kufah. Gerakan ini berpegang kepada organisasi tentera rahsia, zahirnya kelihatan mengikuti Ahl al-Bayt dan bersandar kepada Muḥammad bin ‘Ismā’īl bin Ja‘far al-Ṣādiq, tetapi hakikatnya adalah menolak tuhan, mengharuskan segala perkara, meruntuhkan akhlak dan menghapuskan negara Islam. Lihat al-Nadwah al-Islāmiyyah li al-Shabāb al-Islāmī, *al-Mawsū‘ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib wa al-Ahdhāb al-Mu‘aṣarah* (Riyad: Dār al-Nadwah al-‘Ālamiyyah, 1420H), 1: 378. Aḥmad bin ‘Īsā al-Muhājir dikatakan telah berhijrah keluar dari Basrah ketika golongan Qarāmiṭah mula mengancam Basrah pada awal kurun ke empat hijrah. Beliau kemudiannya menuju ke Madinah dan seterusnya ke Mekah iaitu pada tahun yang sama golongan Qarāmiṭah telah mencuri Ḥajar al-Aswad. Lihat Sumayṭ, *al-Manhaj al-Sawī,* 19-20.)

[76] Kumpulan Zanj adalah golongan yang telah melakukan pemberontakan secara besar-besaran pada zaman kerajaan ‘Abbāsiyyah selama empat belas tahun. Ia bermula semasa pemerintahan Khalīfah al-Muhtadī pada tahun 255H dan bertambah kritikal pada zaman Khalīfah al-Mu‘tamad. Ketua pemberontakan ini adalah seorang lelaki yang mendakwa dirinya berketurunan ‘Alawiyyīn, dikenali sebagai ‘Alī bin Muḥammad. Pada awal pemberontakannya di Baḥrayn dia turut mengaku sebagai nabi dan mengetahui perkara ghaib. Gerakan ini telah berjaya menguasai selatan Iraq termasuk Baṣrah, Aḥwāz, ‘Abdān, Ablah dan Wasiṭ antara tahun 255H-261H. Beliau akhirnya dibunuh setelah berjaya ditawan oleh Khalīfah al-Muwaffaq pada tahun 270H. Lihat Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 2: 99-100, 5: 441-444; ‘Alī bin Muḥammad bin al-Athīr (1415h), *al-Kāmil fī al-Tārīkh* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415H), 6: 206-212.

[77] Ibāḍiyyah merupakan pecahan daripada kelompok Khawārij. Ia disandarkan kepada pengasasnya iaitu ‘Abd Allāh bin Ibāḍ al-Tamīmī. Para penganutnya mendakwa mereka bukan daripada golongan Khawārij. Hakikatnya, mereka bukan terdiri daripada golongan Khawārij yang ekstrem seperti Azāriqah, namun begitu terdapat beberapa doktrin mereka yang menyamai doktrin Khawārij seperti dalam isu menafikan (*ta‘ṭīl*) sifat (Allah), mengatakan al-Qur’ān sebagai makhluk dan mengharuskan pemberontakan ke atas pemerintah yang zalim. Lihat Al-Nadwah al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Muyassarah.*, 25: 1)

[78] Sumayṭ, *al-Manhaj al-Sawī,* 20.

University of Malaya

para pengasas Mazhab, tābi‘ al-tābi‘īn, tābi‘īn dan para *al-sahabah*. Mereka menerima akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah tersebut secara bersambung-sambung hingga sampai kepada keturunan asal mereka iaitu Rasulullah SAW.[79] Ia seperti yang ditegaskan juga oleh al-Ḥabīb ‘Aydrūs bin ‘Umar al-Ḥabshī bahawa ‘Alawiyyīn yang berasal dari Hadramaut seluruhnya adalah penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, Ashā‘irah dari sudut akidah dan Shāfi‘ī dari sudut Mazhab fiqh.[80]

Sebagai contoh, antara tokoh ulama Bā ‘Alawī yang terkenal adalah al-Ḥabīb ‘Abd Allāh bin ‘Alawī al-Ḥaddād. Ketika menjelaskan tentang pegangan Bā ‘Alawī, beliau mengatakan:

> "Tarekat kami, jika dilihat dari garis besarnya tidak memerlukan keterangan yang panjang, kerana hakikat tarekat kami mengikuti tuntutan al-Qur'ān dan al-Sunnah serta mengikuti jejak para salafussoleh, bukan yang lain. Tarekat kami adalah tarekat yang dijalani oleh al-Imām Ḥasan al-Baṣrī dan para salaf terdahulu sepertinya." [81]

Selain itu, al-Ḥabīb ‘Abd Allāh bin ‘Alawī al-Ḥaddād menerangkan lebih jelas lagi tentang Tarekat Bā ‘Alawī:

> "Mazhab kami adalah mengikuti tuntutan al-Qur'ān dan al-Sunnah dan mengikuti jejak kaum salafussoleh dalam segala bidangnya. Kami tidak mengikuti tuntutan kecuali tuntutan Allah SWT, tuntutan Rasul-Nya dan jejak al-Faqīh al-Muqaddam dan tarekat orang-orang yang menuju kepada Allah SWT dan kami tidak memerlukan tarekat selain tarekat ini. Para pendahulu keluarga Bā ‘Alawī telah menetapkan sejumlah petunjuk bagi kami, kerana itu kami tidak akan mengikuti petunjuk lain yang bertentangan dengan petunjuk mereka."[82]

---

[79] Ahmad Haydar Baharun, *Madzhab Para Habaib dan Akar Tradisinya* (Jawa Timur: Pustaka Basma, 2013), 39-40.
[80] ‘Aydrūs bin ‘Umar al-Ḥabshī, (1317H), *‘Iqd al-Yawāqīt al-Jawhariyyah wa Simṭ al-‘Ayn al-Dhahabiyyah bi Zikr Tarīq al-Sādāt al-‘Alawiyyah* (t.tp.: al-Matba‘ah al-‘Amīrah al-Sharafiyyah, 1317H), 1: 32.
[81] Yunus Ali al-Muhdhor, *Mengenal Lebih Dekat al-Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad* (Surabaya: Cahaya Ilmu, 2010), xv.
[82] *Ibid*.

University of Malaya

Di samping itu juga, antara amalan yang ditinggalkan oleh al-Ḥabīb ‘Abd Allāh bin ‘Alawī al-Ḥaddād adalah *Rāṭib al-Ḥaddād*. Menurut ‘Abd al-Qādir al-Saqqāf, pembacaan *rāṭib* merupakan kewajipan tersendiri bagi para keturunan ‘Alawiyyīn sebagai benteng akidah dan pengikat tradisi yang telah dilakukan oleh para salaf sebelumnya. ‘Abd al-Qādir menjelaskan, pada asalnya *Rāṭib al-Ḥaddād* disusun atas permintaan dari penduduk Hadramaut apabila mereka mendengar berita tentang kedatangan golongan Zaydiyyah pada tahun 1071H. Oleh itu, *Rāṭib al-Ḥaddād* disusun sebagai benteng demi memelihara pegangan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.[83]

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa teori yang mengatakan Syiah adalah golongan yang lebih awal berbanding Ahl al-Sunnah di Nusantara dengan alasan ia dibawa menerusi golongan ‘Alawiyyīn adalah teori yang kurang tepat. Ini kerana, telah terbukti bahawa golongan ‘Alawiyyīn tidak boleh disandarkan secara mutlak kepada Syiah dengan maksud sebuah kumpulan yang memiliki ciri-ciri khusus dalam akidah dan syariah sedangkan ciri-ciri tersebut tidak wujud pada golongan ‘Alawiyyīn yang menyebarkan Islam di Nusantara. Seperti yang telah dijelaskan, majoriti keturunan ‘Alawiyyīn yang berada di Nusantara adalah berakidah Ashā‘irah dan bermazhab Shāfi‘ī.

Oleh itu, dapat disimpulkan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah adalah fahaman yang hanya dibawa masuk ke Nusantara sekitar tahun 1979 iaitu selepas kejatuhan kerajaan Syah Iran melalui revolusi Islam yang dilancarkan oleh Khumaynī. Semenjak itu, fahaman ini dilihat semakin berkembang di sekitar negeri-negeri di Malaysia. Fahaman ini secara jelas bercanggah dengan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang diamalkan di Malaysia sejak sekian lama. Sehubungan itu, sejarah awal kemasukan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah akan dijelaskan dalam subtopik seterusnya.

---

[83] ‘Abd Allāh bin Aḥmad Bā Sudān, *Dhakhīrah al-Ma‘ād bi Sharḥ Rāṭib al-Ḥaddād* (Mesir: al-Bayān al-‘Arabī, 1960), 17.

University of Malaya

2.4 Sejarah kemasukan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ke Malaysia

Dalam bab pendahuluan, penulis telah jelaskan bagaimana terdapat dua jenis Syiah yang telah lama bertapak di Malaysia iaitu sebelum negara mencapai kemerdekaan. Penulis juga telah jelaskan bahawa Syiah bukan aliran pertama yang sampai ke Nusantara, sebaliknya aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah merupakan aliran pertama yang menjadi pegangan penduduk Nusantara termasuk umat Islam di Malaysia sejak zaman berzaman. Malah masyarakat Islam di Malaysia boleh dikatakan agak tertutup, mereka bukan sahaja tidak mengenali Syiah, bahkan mana-mana ajaran atau amalan agama yang dilihat bertentangan dengan tradisi yang diamalkan juga akan dianggap sebagai suatu kesalahan walaupun sesuatu amalan itu mungkin masih termasuk dalam lingkungan Mazhab-Mazhab Ahl al-Sunah wa al-Jamā‘ah yang lain.

Sudah menjadi tradisi di Malaysia, jika sesuatu amalan atau ajaran itu berbeza dengan kerangka Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah khususnya Mazhab Shāfi‘ī, ia sudah tentu akan ditolak oleh masyarakat tempatan. Namun demikian, Revolusi Iran[84] pimpinan Ayatullah

[84] Revolusi Iran adalah berpunca daripada sikap ketidakpuasan hati majoriti rakyat Iran terhadap pelbagai tindakan rejim Muhammad Reza Shah Pahlavi (1919-1980). Lihat M. Riza Sihbudi, *Biografi Politik Imam Khomeini* (Jakarta: Gramedia, 1996), 61. Sebelum berubah menjadi suatu pergolakan panjang yang meruntuhkan kekuasan Shah, muncul pelbagai gerakan sama ada daripada kelompok ulama, intelektual mahupun para pedagang (*bazaari*) serta rakyat yang tidak berpuas hati terhadap tindak tanduk Syah dalam memerintah Iran sehingga menimbulkan hasrat untuk mereka menggulingkan pemerintahan tersebut. Hasilnya ia mencetuskan revolusi yang digerakkan oleh kelompok-kelompok paling berpengaruh yang terdiri daripada dua kumpulan; elit ulama dan elit intelektual. Antara tokoh yang paling menonjol dalam kalangan elit ulama adalah seperti; Ayatullah Syaikh Murtadha Mutahhari dan Ayatullah Ruhullah Khumaynī. Manakala yang paling menonjol dalam elit intelektual adalah Ali Syariati, Mehdi Bazargan dan Bani Sadr. Lihat Azyumardi Azra, *Pergolakan Politik Islam: Dari Fundamentalisme, Modernisms hingga Post-Modernisme* (Jakarta: Paramadina, 1996), 67. Kedua-dua kelompok ini memiliki matlamat yang sama iaitu untuk menumbangkan rejim autokratik Syah Reza Pahlavi, walaupun terdapat perbezaan-perbezaan pokok dalam kerangka ideologi menentang pemerintahan Syah Iran. Sebagai contoh, gerakan elit ulama Iran adalah bertunjangkan ideologi keagamaan tradisional Syiah. Lihat Ali Reza Esmaili, *Surat Wasiat Politik Ilahiah Imam Khumaynī*, terj. Abu Mahdiah (Kuala Lumpur: Al-Muntazar Resources, 2011). Bagi mereka penentangan terhadap rejim penguasa merupakan bahagian *integral* daripada teologi kedatangan kembali Imam al-Mahdi yang ghaib. Bagi elit intelektual pula, pemikiran barat cukup dominan dalam perjuangan mereka sehingga mereka sering dituduh

University of Malaya

Khumaynī[85] yang tercetus pada tahun 1979 dilihat mendapat reaksi yang agak berbeza daripada masyarakat Islam di Malaysia pada peringkat awal kemasukannya. Isu penubuhan negara Islam yang ideal dan keadilan sosial yang diperjuangkan oleh Khumaynī seolah-olah mengelabui mata sebahagian umat Islam di negara ini daripada melihat latar belakang agama yang menjadi anutan Khumaynī dan Iran. Kerana itu, revolusi yang dikenali sebagai Revolusi Islam[86] yang berlatarbelakangkan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ini menjadi faktor utama penyebaran fahaman Syiah dalam kalangan masyarakat Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah di Malaysia. Ini boleh dibuktikan dengan melihat kepada kemasukan fahaman

---

bersikap "kebarat-baratan" dalam setiap pandangan yang diberikan. Lihat Mehran Kamrara, *Revolution In Iran: The Roots of Turmoil* (New York: Routledge, 1990), 66-67.

[85] Nama sebenar beliau adalah Ruhullah Musawi Khomeini. Dilahirkan pada 24 September 1902 di sebuah bandar kecil, Khumayn yang terletak tidak jauh dari kota Arak (bahagian tengah Iran). Beliau adalah penggerak utama Revolusi Iran dan bertanggungjawab mereformasikan kembali ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Diberi gelaran Ayatullah al-'Uẓmā pada pangkal namanya bagi merujuk kepada seorang ulama terkemuka dalam masyarakat Syiah Imam Dua Belas. Lihat M. Riza Sihbudi, *Biografi Politik Imam Khumaynī* (Jakarta: Gramedia, 1996), 37-38. Dalam usia yang relatif muda, Khumaynī telah mencapai tingkat mujtahid dalam bidang perundangan Islam. Dengan demikian, beliau memiliki autoriti untuk mengeluarkan fatwa yang menjadi rujukan dan pegangan masyarakat Syiah. Oleh kerana itu apabila tokoh Syiah pada zamannya iaitu Ayatullah Burujurji meninggal dunia pada tahun 1961, Khumaynī dipilih sebagai salah seorang Marja' Dīnī iaitu pakar rujuk agama dan pucuk pimpinan spiritual dalam masyarakat Syiah di Iran. Lihat Umar Shahab, "Khumaynī" dalam Abdul Aziz Dahlan (ed), *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: FT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 2005), 4: 111 – 112; Hamid Algar, "A short biography", dalam Abdar Rahman Koya (ed), *Imam Khumaynī life, thought and legacy: Essay From An Islamic Movement Perspective* (Petaling Jaya: Islamic Book Trust, 2009), 19-24.

[86] Terdapat kritikan daripada penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berkenaan pemakaian istilah "Revolusi Islam". Ini kerana, hakikat yang berlaku umat Islam Sunni di Iran tidak mendapat hak dan keadilan yang sewajarnya selepas kejayaan revolusi tersebut. Walaupun pada awalnya penganut sunni di wilayah-wilayah majoriti sunni seperti Kurdistan, Baluchistan dan Turkman telah dijanjikan oleh Khumaynī untuk diberikan hak sama rata bahkan autonomi penuh, namun setelah Republik Islam Iran terbentuk, apa yang dijanjikan tidak berlaku. Malah parti sunni yang dibentuk bagi mendukung revolusi telah dibubarkan manakala pemimpinnya iaitu Ahmad Mufti Zadeh telah dipenjarakan dan akhirnya dikenakan hukuman gantung pada 1993. Lihat Muhammad Thalib, *Syi'ah: Menguak Tabir Kesesatan dan Penghinaannya Terhadap Islam* (Yogyakarta: Pusat Studi Islam An-Nabawy, 2007), 11-16. Sa'īd Ḥawwā, salah seorang pemimpin al-Ikhwān al-Muslimūn di Syria juga telah menulis sebuah kitab yang menafikan revolusi Khumaynī sebagai revolusi Islam. Bahkan fahaman Khumaynīsme dikatakan sebuah fahaman *zindīq* yang cuba menyusup masuk ke dalam arus kebangkitan Islam dengan memakai wajah Islam, padahal mereka adalah golongan Syiah yang berakidah batil. Lihat Sa'īd Ḥawā, *al-Khumaynīyyah: Shudhūdh fī al-'Aqā'id.. Shudhūdh fī al-Mawāqif* (Ammān: Dār 'Ammār li al-Nashr wa al-Tawzī', 1987), 5-6. Di samping itu, terdapat badan hak asasi manusia di Iran yang melaporkan bahawa kerajaan Iran melarang penubuhan tempat ibadat sunni bahkan menutup mana-mana premis yang dijadikan tempat ibadat sunni untuk bersolat Jumaat dan Hari Raya, sedangkan kebebasan bermazhab sunni yang empat termaktub dalam Perkara 12, Perlembagaan Iran. Lihat "Eleven human rights organizations condemn the destruction of sunni place of worship in Tehran", Iran Human Rights Documentation Centre, http://www.iranhrdc.org, 25 Oktober 2015. Semua ini menunjukkan revolusi yang berlaku pada 1979 bukan Revolusi Islam tetapi ia lebih tepat untuk disifatkan sebagai Revolusi Syiah Iran.

University of Malaya

Syiah ke beberapa negara Nusantara yang lain juga berlaku pada awal tahun 80-an iaitu selepas era Revolusi Iran 1979.[87]

Sebagai contoh, di negara Thailand, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dilaporkan mula tersebar sejak awal tahun 80-an iaitu sejurus selepas Revolusi Iran. Syiah tersebar di Bangkok khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar Islam yang sedang menuntut di universiti-universiti, terutamanya Universiti Ram Khanheang. Terdapat juga sejumlah pelajar yang dihantar ke Iran untuk mendalami Syiah dan setelah kembali ditugaskan untuk mengembangkan fahaman tersebut. Penerbitan Syiah berjudul *Dar Ahlul Bait* di Bangkok juga sangat aktif menerbitkan dan menyiarkan secara percuma risalah-risalah, majalah dan buku-buku Syiah dalam bahasa Siam, Arab dan Inggeris ke seluruh masjid, sekolah Arab, sekolah kerajaan di Bangkok dan selatan Thailand.[88]

Di bahagian selatan Thailand, kegiatan Syiah dilihat agak aktif. Misalnya di bandar Yala, mereka mengadakan demonstrasi dan berarak di sekeliling bandar Yala sambil menjulang slogan-slogan Syiah dan gambar Ayatullah Khumaynī dan pemimpin-pemimpin Iran untuk memperingati Hari al-Quds. Manakala di Pattani dan Narathiwat mereka aktif rnengadakan ceramah -ceramah di beberapa tempat dan berusaha memujuk para pemuda untuk melanjutkan pelajaran ke Iran. Di Stul, iaitu dekat kampung Salong, mereka telah mendirikan sebuah masjid dengan nama salah seorang tokoh yang dikatakan imam Syiah iaitu Imam al-Bāqir. Di bandar Trang, sebuah lagi masjid Syiah dibangunkan dan diberikan Masjid al-Imam al-Mahdi.[89]

Negara Nusantara lain yang turut merasai bahang penyebaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah selepas Revolusi Iran 1979 adalah Indonesia. Majalah Al-Muslimun dalam

---

[87] Muhammad Rivai Batubara, "Gerakan Syi'ah di Nusantara Kini" dalam *Prosiding Seminar Ahl al-Sunnah dan Syi'ah Imamiyyah: Aspek Persamaan dan Perbezaan* (Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996), 168-177.
[88] *Ibid.*, 169-171.
[89] *Ibid*.

University of Malaya

salah sebuah rencananya mengatakan, Revolusi Syiah Iran telah membawa kekacauan di beberapa kawasan di Indonesia hingga melahirkan perpecahan di kalangan kaum muslimin. Ajaran-ajaran Syiah yang jelas bertentangan dengan akidah Islam telah menimbulkan banyak keraguan di kalangan pemuda muslim Indonesia. Secara tidak langsung Revolusi Syiah telah meninggalkan bibit permusuhan dan perselisihan di kalangan muslimin Indonesia.[90]

Bapak Muhammad Natsir, mantan Perdana Menteri dan Ketua Partai Masyumi, ketika menjawat jawatan Ketua Dewan Dakwah Islamiah Indonesia telah menegaskan bahawa semenjak permulaan tahun 80-an, kitab-kitab mengenai aliran Syiah dalam bahasa Arab mulai masuk ke Jawa Tengah dan Jawa Timur dan beredar dari tangan ke tangan. Setelah itu, mulai diterbitkan buku-buku dan brosur-brosur tentang aliran Syiah dalam bahasa Indonesia. Terdapat buku-buku berasaskan karangan sendiri dan ada juga berupa terjemahan daripada buku-buku Syiah berbahasa Arab dan Inggeris. Selain daripada itu, kumpulan demi kumpulan daripada kalangan mahasiswa dan pelajar-pelajar Indonesia telah mula dihantar belajar ke Iran dan sekembalinya ke tanahair mereka menjadi penyebar kepada aliran Syiah di Indonesia.[91]

Dewan Dakwah Islamiah Indonesia turut mencatatkan, ekoran daripada Revolusi Iran 1979, suatu kegiatan Syiah telah dikesan pada tahun 1980 di Cempaka Putih, Jakarta. Ia adalah usaha seorang pegawai perubatan yang telah berjaya mempengaruhi ramai anak muda dan mahasiswa. Pada tahun 1981, beberapa warga Indonesia pergi ke Qom atas undangan Iran dan membawa pulang karya-karya Syiah bagi mengembangkan fahaman tersebut di Indonesia. Kini tempat-tempat penting yang menjadi gerakan Syiah di Indonesia ialah;

[90] *Ibid.*, 173.
[91] *Ibid.*, 174.

University of Malaya

Jakarta, Bandung, Tasikmalaya, Pekalongan, Jokjakarta, Surabaya, Bangil, Malang, Jember, Lampung, Palembang, Bengkulu, Padang, Medan, Ujung Padang dan Menado.[92]

Di Malaysia, JAKIM melaporkan orang pertama yang dikesan mengadakan kelas bimbingan dan tafsiran menurut fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ialah Mohd Hussien Shah @ Habib berumur 68 tahun, seorang rakyat Malaysia berketurunan Pakistan. Kelas tunggal tersebut telah dibuka pada tahun 1980 di No. 1, Jalan Kemunting, Kuala Lumpur. Menerusi kelas bimbingan ini, Mohd Hussien Shah @ Habib telah mempengaruhi beberapa pemuda tempatan yang berminat mendalami pengetahuan agama Islam mengikuti kelas bimbingannya. Mereka telah didedahkan kepada ajaran Syiah melalui kitab-kitab yang diterjemahkan sendiri oleh Mohd Hussien Shah @ Habib, selain buku-buku Syiah yang diperolehi dari Kedutaan Republik Islam Iran (RII) di Kuala Lumpur. Mereka juga sering berulang-alik ke kedutaan tersebut untuk merujuk serta mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar tentang Syiah.[93]

Pada tahun 1984, kumpulan ini telah berpecah disebabkan salah faham sesama mereka. Mereka seterusnya bergerak mengikut haluan masing-masing untuk meneruskan pengajian tentang Syiah. Namun begitu, ada ketika mereka bergabung untuk menganjurkan majlis-majlis usrah di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan Selangor. Dalam usrah-usrah tersebut, mereka berbincang mengenai kesahihan ajaran Syiah sambil membuat perbandingan dengan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Mereka juga bertukar-tukar pendapat tentang ajaran Syiah yang dipelajari melalui pembacaan buku-buku Syiah yang diperolehi atas inisiatif sendiri. Kegiatan kumpulan-kumpulan ini telah berjaya menarik lebih ramai pengikut-pengikut Syiah. Kawasan kegiatan mereka tidak lagi terhad di sekitar Kuala

[92] *Ibid.*, 175.
[93] Pusat Penyelidikan Islam (1995), "Gerakan Syiah dan Pengaruhnya di Malaysia" (Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri), 25.

University of Malaya

Lumpur dan Selangor sahaja malahan turut berkembang di negeri-negeri lain seperti Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang.[94]

Sebuah akhbar berbahasa Melayu bertarikh 25 Oktober 1983 melaporkan bahawa sekumpulan rakyat Malaysia termasuk tiga orang guru agama di negeri Selangor sedang giat menyebarkan fahaman Shā'ah dari Iran dengan cara berkunjung dari rumah ke rumah. Ahli-ahli kumpulan itu telah pergi ke Iran selama dua minggu atas bantuan pihak tertentu. Akhbar-akhbar tempatan juga pernah menyiarkan bahawa kumpulan Syiah Imāmiyyah telah wujud di Petaling Jaya dengan bilangan seramai 200 orang dan sebilangan mereka dihantar ke Pakistan dan Iran. Mereka juga mempuyai sebuah sekolah di Melaka. Sebuah akhbar mingguan bertarikh 6 Ogos 1983 memberitakan bahawa sejumlah ulama dan tokoh Islam dari Malaysia telah menghadiri *Mu'tamar al-'Ālamī li al-Hajj* tajaan Iran di Dhaka, Bangladesh pada 26 hingga 30 Jun 1983.[95]

Pada 16 Julai 1984 bertempat di perpustakaan awam Kota Bahru, telah dilangsungkan seminar haji yang dihadiri seramai lebih kurang 300 orang peserta. Tujuannya untuk mempelajari haji mengikut risalah Khumaynī dan *Mu'tamar al-'Alami li al-Hajj*. Seminar ini adalah lanjutan daripada *Mu'tamar al-'Alami li al-Hajj* di India dan Bangladesh, namun ia bersifat tempatan. Gambar-gambar Khumaynī dan pemimpin-pemimpin Iran memenuhi ruang lokasi seminar.[96]

Pada 19 Jun 1987, seminar haji kedua telah berlangsung di sudut penulis Dewan Bahasa dan Pustaka atas anjuran Pusat Pemikiran dan Media Islami al-Alami. Antara resolusi yang diputuskan adalah; haji mempunyai dua dimensi, politik dan rohani. Al-Ḥaramayn mesti ditadbir oleh Badan Islam Antarabangsa di bawah ulama Islam paling berkelayakan.

---

[94] *Ibid.*, 25-26.
[95] Muhammad Rivai Batubara, "Gerakan Syi'ah di Nusantara Kini", 171.
[96] *Ibid.*, 172.

University of Malaya

Taat kepada Khumaynī adalah penting bagi menjamin kedaulatan Islam dan membela umat Islam yang tertindas dalam perjuangan menentang musuh Islam masa kini. Semua ini dinyatakan dalam Risalah al-Quds yang tersebar pada tahun 1987.[97]

Sebuah akhbar Mingguan Islam bertarikh 2 Oktober 1987, melaporkan bahawa Syiah Imamiyyah telah hidup dengan subur dalam kalangan ulama tertentu dan sesetengah mereka telah terpengaruh dengan fahaman itu. Selanjutnya mingguan itu menyiarkan pendapat seorang ulama dan tokoh akademik disegani yang menyeru para alim ulama supaya jangan lagi bertolak ansur dengan kesesatan ajaran Syiah dan berusaha menulis buku-buku yang menunjukkan percanggahan antara akidah Syiah dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.[98]

Pada tahun 80-an juga berlaku penyebaran risalah-risalah Al-Quds oleh Gerakan Pembebasan Al-Quds Malaysia ke serata masjid dan lokasi-lokasi penting yang memuatkan ucapan-ucapan para pemimpin Revolusi Iran dengan komentar yang cukup memberansangkan. Para pengikut Syiah juga didapati menganjurkan hari memperingati Hari Al-Quds Antarabangsa pada setiap hari Jumaat terakhir bulan Ramadan. Dalam majlis tersebut, pengerusinya akan menyampaikan perutusan Khumaynī. Ceramah-ceramah oleh tokoh-tokoh yang berpengaruh untuk meyakinkan pendengar tentang penerimaan umat Islam terhadap Syiah Imāmiyyah seperti yang berlaku di beberapa tempat di Pantai Timur. Penampilan makalah-makalah yang membela dan mempertahankan akidah Syiah melalui akhbar dan majalah tertentu. Begitu juga, perbincangan oleh kumpulan tertentu atau pengajian melalui halaqah tertentu untuk mendalamkan pengetahuan dan mengukuhkan keyakinan terhadap Syiah dan pelbagai lagi program terus berjalan secara berterusan.[99]

---

[97] *Ibid*.
[98] *Ibid*.
[99] *Ibid*.

University of Malaya

Berdasarkan fakta-fakta di atas, dapat dirumuskan bahawa ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah hanya mula berkembang di Malaysia selepas Revolusi Iran pada tahun 1979. Ini terbukti dengan lebih jelas apabila negara-negara lain di Nusantara turut mengalami hal yang sama bermula sekitar tahun 80-an. Peranan Iran sebagai pemangkin utama kepada penyebaran ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah di Malaysia dan Nusantara tidak dapat diragukan lagi. Hal ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam subtopik berikutnya.

2.5 Proses Penyebaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah di Malaysia

2.5.1 Penyebaran Syiah menerusi parti politik

Pada peringkat awal, kemasukan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah di Malaysia didasari oleh pergerakan parti politik tempatan yang beraliran Islam. Antara kegiatan parti politik tersebut adalah menghantar beberapa anggota parti untuk mempelajari pengalaman politik Islam di Iran di samping menghantar anak-anak mereka untuk menyambung pengajian Islam di sana. Hal ini terserlah menerusi semangat Revolusi Iran yang diterapkan secara tidak langsung dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

Sebagai contoh, bekas Timbalan Presiden PAS, Mohamad bin Sabu dalam satu pembentangan kertas kerja berjudul “PAS and The Success of The Contemporary Islamic Movement” di Frankfurt University pada 23 Jun 2010, mengakui bahawa dirinya dan segelintir pemimpin dalam Pemuda PAS pada tahun 1980-an telah dipengaruhi oleh pemimpin Revolusi Iran, Ayatullah Khomeini. Beliau mengatakan:

> “Khumaynī’s movement […] drew my attention as well as my friends’ in PAS Youth in the early 1980s. […] we studied it, followed the events. […] A small number of PAS Youth members became ardent followers of Imam Khumaynī’s message. A few of them attended courses held in Iran […].

University of Malaya

> Amongst the success of such interaction was the setting up of Amal Unit [sic] which copied the success of the Jihad Sazendagi (JZ) movement in Iran."[100]
>
> Terjemahan: "Pergerakan Khumaynī…telah menarik perhatian saya dan juga *al-sahabah-al-sahabah* saya dalam Pemuda PAS pada awal 1980-an…kami mempelajarinya, mengikuti program-program… Sebilangan kecil Pemuda Pas telah menjadi pengikut setia isi perjuangan Imam Khumaynī. Segelintir mereka telah mengikuti kursus-kursus yang diadakan di Iran… Antara kejayaan daripada interaksi tersebut adalah penubuhan Unit Amal yang ditiru daripada kejayaan pergerakan Jihad Sazendagi di Iran."

Antara pengaruh utama Revolusi Iran yang memberi kesan besar kepada struktur organisasi PAS adalah konsep Kepimpinan Ulama. Berdasarkan konsep ini, jawatan Mursyidul Am telah diwujudkan dan dilancarkan secara rasmi pada tahun 1987. Mursyidul Am pertama yang dilantik adalah Haji Yusuf bin Haji Abdullah atau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Yusuf Rawa. Yusuf Rawa dilihat sebagai orang yang bertanggungjawab memperkenalkan konsep tersebut berdasarkan pengalamannya yang pernah bertugas sebagai Duta Malaysia ke Iran. Yusuf Rawa telah menyaksikan sendiri detik-detik kejatuhan Shah Iran dan kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979.[101]

Dalam masa yang sama, beberapa pemimpin pemuda PAS seperti Mohamad Sabu telah melawat Iran dan mengikuti program-program pendidikan yang dianjurkan oleh kerajaan Iran untuk mempelajari sesuatu mengenai Revolusi Iran. Sekembalinya ke Malaysia, mereka terinspirasi untuk menjadikan Iran sebagai model dalam mengujudkan

---

[100] Dominik M. Muller, *Islam, Politics and Youth in Malaysia: The Pop-Islamist Reinvention of PAS* (New York: Routledge, 2014), 56.

[101] Pada tahun 1982, seorang ahli parlimen Iran bernama Fakhur Razzi telah dijemput untuk menyampaikan ucapan dalam Mesyuarat Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat. Dalam ucapannya, beliau telah mencadangkan supaya PAS mencontohi Iran dengan mengujudkan kepimpinan ulama. Cadangan tersebut telah dibentangkan dalam Muktamar PAS Pusat dengan meluluskan dua usul penting iaitu pemilihan kepimpinan parti mesti dilakukan secara syura dan ulama diberi kedudukan yang penting dalam parti. Seterusnya, Muktamar Agung PAS Pusat pada 1983 telah meluluskan pindaan perlembagaan parti dengan Majlis Syura Ulama diwujudkan secara rasminya dalam parti. Pindaan ini kemudian diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 18 Mac 1987 dan ini membolehkan seorang Mursyidul Am dilantik. Mursyidul Am pertama ialah Haji Yusuf Rawa yang dilantik pada November 1987. Lihat Harakah, 27 November 1987, h. 1; Joseph Chinyong Liow, *Piety and Politics: Islamism in Contemporary Malaysia* (New York: Oxford University Press, 2009), 34-36; Mohamed Nawab bin Mohamed Osman (2006), "Religio-Political Activism of Ulama in Malaysia" (Tesis Master, Department of History, National University of Singapore), 46-47.

University of Malaya

beberapa elemen dalam struktur organisasi PAS. Antaranya adalah konsep Kepimpinan Ulama yang diambil daripada konsep *Velayat-el Faqih*. Majlis Syura juga dibentuk berasaskan inpirasi dari Iran. Begitu juga jawatan Mursyidul Am yang diwujudkan mirip dengan jawatan pemimpin tertinggi Iran iaitu, *Rahbare Mo'azzame Enghelab*.[102]

Walau bagaimanapun, fungsi jawatan Mursyidul Am yang diwujudkan dalam PAS berbeza dengan jawatan *Rahbare Mo'azzame Enghelab* atau *Murshid al-A'lā* dalam kerajaan Iran. Ini kerana, jawatan *Rahbare Mo'azzame Enghelab* adalah berlatarbelakangkan kepercayaan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap doktrin *imāmah* yang diterjemahkan menerusi konsep *Wilāyah al-Faqīh*. Sedangkan jawatan Mursyidul Am dalam PAS sekadar jawatan politik bagi menzahirkan peranan ulama dalam menentukan hala tuju dan memandu perjalanan parti agar sentiasa menepati syariat Islam.

Namun demikian, pengaruh Revolusi Iran tidak terhenti pada keterujaan mempelajari struktur organisasi dan gerak kerja politik mereka semata-mata, akan tetapi terdapat segelintir ahli PAS yang terpengaruh dengan ideologi agama mereka. Justeru, PAS pernah mengambil tindakan tegas kepada ahli-ahlinya yang terlibat dengan ajaran Syiah atas alasan boleh memecahbelahkan perpaduan parti.[103] PAS melihat gejala tersebut perlu dibendung dengan mengambil tindakan tatatertib kepada ahlinya yang terlibat. Misalnya, Jawatankuasa Tatatertib[104] yang bersidang pada 14 Oktober 1995 meneliti representasi enam orang ahli PAS dari kawasan Pasir Salak, Perak kerana terlibat dengan fahaman Syiah dan mendapati aktiviti mereka itu bercanggah dengan Fasal 75 (1) (b) (c) (d) dan (g) Perlembagaan PAS (Pindaan 1993).[105]

---

[102] M. Muller, *Islam, Politics and Youth in Malaysia*, 56.
[103] Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1998/1999, 17-18.
[104] Jawatankuasa Tatatertib pada masa itu terdiri daripada Dato' Seri Abdul Hadi Awang (Pengerusi), Ustaz Abdul Halim Arshat (Setiausaha), Dr. Daeng Sanusi Daeng Mariok (Ahli), Ustaz Idris Omar (Ahli) dan Dato' Hishamuddin; (Ahli). Lihat Penyata Tahunan PAS Sesi l995/1996, 9.
[105] Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Pindaan 1993), Fasal 75 (1) (b),(c),(d),(g).

University of Malaya

Jawatankuasa tersebut mengambil keputusan sebulat suara supaya mereka diberi notis tunjuk sebab kenapa tindakan tidak boleh dikenakan ke atas mereka. Jawatankuasa Tatatertib yang bersidang pada 16 Disember 1995 mendapati bahawa mereka tidak memberi jawapan pembelaan diri terhadap surat tunjuk sebab tersebut. Oleh yang demikian mengikut Fasal 75 (5) (d), Jawatankuasa Tatatertib memutuskan sebulat suara supaya keahlian mereka dibatalkan daripada menjadi ahli PAS mulai 20 Disember 1995.

Jawatankuasa tersebut juga telah mengambil tindakan yang sama kepada ahli PAS Gunong Semanggol, Perak kerana terlibat dengan gerakan Syiah yang menimbulkan perpecahan dan fitnah kepada parti itu.[106] Jawatankuasa Tatatertib telah mengadakan mesyuarat pada 15 Mac 1998 dan 1 April 1998 serta mengambil tindakan mengikut Fasal 75 (5) (a) (c) dan (d) Perlenibagaan PAS (Pindaan 1993). Tindakan itu ialah memberi notis tunjuk sebab kepada tiga belas orang ahli PAS yang terbabit dan seterusnya memecat dua belas orang daripada mereka.[107]

Namun demikian, masih terdapat dalam kalangan ahli PAS yang terpengaruh dengan Syiah walaupun kepimpinan parti telah memberi amaran dan mengambil tindakan tegas. Dilaporkan pada Ogos 2005, satu majlis berkenaan "Pengajian Fahaman Syiah" telah diadakan di Pusat Asuhan Islam (PASTI) Kg. Padang Janggus, Kulim, Kedah dengan dipimpin oleh Jilbab Mukhlis bin Abu Bakar. Turut dikesan seramai dua puluh orang ahli PAS dari Cawangan Padang Janggus dan Air Putih Junjung hadir sama dalam majlis tersebut. Tindakan ahli-ahli PAS berkenaan menyebabkan PAS kawasan tersebut telah memanjangkan laporan ke peringkat Badan Perhubungan PAS Negeri Kedah untuk tindakan lanjut.[108]

---

[106] Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1996/1997, 7.
[107] Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1997/1998, 7; Lihat juga Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1998/1999, 13.
[108] Cawangan Khas, "Kronologi Terkini Aktiviti Syiah: Mei 2005-Ogos 2006", (Kertas Laporan PDRM, Bukit Aman, 2007).

University of Malaya

Pada 12 Mei 2008 pula, satu Seminar Isu Antarabangsa Bantahan Pendudukan 60 Tahun Israel di Bumi Palestin telah dilangsungkan di Dewan Hijrah, Hotel Ansar, Kota Bharu, Kelantan. Tertera pada kain rentang logo parti PAS dengan anjuran PAS UPU (Unit Peti Undi) Sekolah Taman Sekebun Bunga. Dua orang tokoh Syiah tempatan menjadi panelis seminar tersebut, iaitu Hassan Askari dan Zaini Zainal Abidin di samping Ketua Urusan Ulama MTD PAS Kota Lama, Mohd Nor Daud. Majlis itu diadakan bersempena hari kelahiran Zainab al-Kubrā. Bagaimanapun, para peserta yang hadir mendapati majlis itu diadakan untuk mempromosi ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dan mentohmah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Dalam kedua-dua majlis yang diadakan pada 11 dan 12 Mei 2008 tersebut, pihak Syiah juga didapati telah mengedarkan secara percuma kepada orang ramai sebuah buku propaganda Syiah berjudul *Akhirnya Ku Temui Kebenaran*.[109]

Selain itu, Kerajaan PAS Kelantan pernah menganjurkan satu ekspo yang berteraskan perdagangan dunia Islam serta konvensyen halal berasaskan dinar dan dirham pada 15 Jun 2012 hingga 21 Jun 2012. Eskpo tersebut diadakan bertempat di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV Kota Bharu. Ia disertai oleh syarikat-syarikat daripada sepuluh buah negara Asia Tenggara dan Asia Tengah dengan penyertaan terbesar ialah dari Iran yang menghantar 60 syarikat dan agensinya. Berdasarkan pemantauan JAKIM pada 19 Jun 2012, didapati wujud bahan-bahan yang berunsur Syiah dipamer dan dijual oleh syarikat-syarikat dari negara Iran. Antaranya buku-buku yang mempromosikan ajaran Syiah dalam bahasa Inggeris seperti *The Islamic Revolution in Iran, Forty Questions on Islamic State, Principles of The Shi'ite Creed, Islamic Techings in Brief, Familiarity With Some Basics of Islam For Every Muslim, Know Your Islam dan Guide to Religious Law*. Turut dijual dengan harga diskaun yang tinggi bahan-bahan bacaan dan rujukan berbentuk cakera padat dalam pelbagai bidang

[109] Seksyen Akidah, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (2011), 15-16.

University of Malaya

agama seperti akidah, tafsir, hadith, sirah Nabi SAW, doa-doa dan ceramah-ceramah beraliran Syiah dalam bahasa Arab atau bahasa Inggeris. Bahan-bahan kesenian seperti gambar Khumaynī, Khamenei dan beberapa tokoh Syiah yang lain serta gambar-gambar tempat suci Syiah di Iran turut dipamerkan dan dijual.[110]

Penyebaran unsur-unsur Syiah dalam eskpo tersebut turut mendapat perhatian daripada masyarakat Islam Kelantan yang prihatin. Mereka telah bertindak menyampaikan ketidakpuasan hati di laman-laman sosial seperti facebook, twitter dan blog. Perkara ini seterusnya tersebar dengan meluas dan menjadi topik perbincangan hangat dalam ruang internet. Sebagai reaksi kepada berita kewujudan unsur-unsur Syiah dalam ekspo tersebut, Menteri Besar Kelantan pada masa itu, YAB Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat telah mengeluarkan kenyataan media bertarikh 18 Jun 2012 yang menyatakan kekesalan terhadap apa yang berlaku dan mengarahkan supaya bahan-bahan berunsur Syiah tersebut dikeluarkan serta merta.[111]

Ini menunjukkan wujud usaha-usaha tertentu dilakukan menerusi parti politik seperti PAS untuk menyebarkan atau sekurang-kurangnya membawa masuk fahaman Syiah ke tengah-tengah masyarakat Islam Sunni di Malaysia. Ia mungkin dilakukan pada peringkat awal dalam keadaan tanpa disedari oleh parti politik itu sendiri. Namun, setelah ia berlaku dan siasatan dijalankan, sukar dinafikan wujudnya inisiatif pihak tertentu yang cuba menjadikan parti tersebut sebagai medium bagi menyebarkan ajaran Syiah di Malaysia.

2.5.2 Peranan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan

Pertubuhan Islam bukan kerajaan turut terlibat dalam mempopularkan Revolusi Iran. Ia dapat dilihat menerusi beberapa usaha yang dilakukan oleh beberapa pertubuhan Islam

---

[110] Seksyen Akidah, "Penyebaran Unsur-unsur Syiah dalam Ekspo Perdagangan Dunia Islam 2012 Kelantan", (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2012).
[111] *Ibid.*

University of Malaya

terkenal pada waktu itu untuk menerbitkan beberapa buah buku yang menjelaskan mengenai Revolusi Iran dan perjuangan Khomeini. Antara pertubuhan yang paling menonjol adalah Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Antara usaha yang dilakukan oleh PUM dengan kerjasama Kedutaan Republik Islam Iran di Kuala Lumpur adalah menerbitkan buku *Perlembagaan Republik Islam Iran* pada tahun 1990[112]. Dalam buku tersebut jelas mengandungi doktrin yang dipercayai oleh penganut Syiah. Antaranya dalam Perkara 5 Perlembagaan Iran menyebut bahawa ketika ketiadaan al-Imām al-Mahdī, maka kuasa memimpin dan menguruskan hal ehwal ummah di Republik Islam Iran adalah di tangan *faqīh* yang adil yang juga dikenali sebagai *al-walī al-faqīh*.[113] Manakala Perkara 12 menegaskan bahawa mazhab rasmi Iran adalah mazhab Ja'farī al-Ithnā 'Asharī dan perkara ini tidak boleh diubah atau pinda buat selama-lamanya.[114]

Menurut kajian BAHEIS, salah seorang pemimpin tertinggi PUM pada masa itu didapati telah menganut fahaman Syiah iaitu Hassan Salleh. Beliau adalah bekas pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan ketika itu merupakan Timbalan Yang Di Pertua Persatuan Ulama Malaysia. Beliau dikatakan gemar mengkaji tentang sesuatu ajaran dan akan mengamalkannya dengan bersungguh-sungguh. Kajian BAHEIS mendapati pelaksanaan solat ketika sujud beliau kadang-kadang menggunakan dua ibu jari tangan sebagai lapik tempat sujud. Beliau menyatakan sejadah tidak boleh digunakan, tetapi boleh menggunakan tikar mengkuang atau kemuncup, kerana ia dianggap lebih bersih. Dari segi pelaksanaan puasa, ia dilakukan seperti Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, tetapi dilewatkan sekitar sepuluh ke dua belas minit ketika waktu berbuka berdasarkan firman Allah

[112] Persatuan Ulama Malaysia, *Perlembagaan Republik Islam Iran* (terj.) (Kuala Lumpur: Kedutaan Republik Islam Iran, 1990).
[113] *Ibid.*, 16.
[114] *Ibid.*, 19.

University of Malaya

SWT. dalam surah al-Isra' ayat 78 iaitu, "*Dirikanlah olehmu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam…*".[115]

Sementara itu, pertubuhan ABIM turut memainkan peranan penting dalam membela dan memberikan sokongan moral kepada Revolusi Iran. Anwar Ibrahim, selaku Presiden ABIM pada masa itu telah mewakili pergerakan Islam di Asia Pasifik untuk menemui Ayatullah Khomeini di Iran bagi menyatakan semangat perpaduan umat Islam seluruhnya dengan perjuangan Islam di Iran. Rentetan daripada lawatan tersebut, Anwar Ibrahim telah mengisytiharkan 16 Mac l979 sebagai Hari Perpaduan Perjuangan Islam di Iran. ABIM pusat turut mengadakan perhimpunan pada hari tersebut di Dewan al-Malik Faisal, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Petaling Jaya dengan dihadiri oleh 5,000 peserta. Di Malaysia, beberapa rapat umum atau perhimpunan telah diadakan oleh ABIM bertujuan menzahirkan semangat perpaduan tersebut. Sekali lagi pada Jun 1980, Anwar Ibrahim selaku Presiden ABIM telah pergi ke Tehran untuk menghadiri satu persidangan yang dianjurkan oleh kerajaan Iran mengenai campur tangan Amerika Syarikat di Iran.[116]

Kesan daripada pengaruh Revolusi Iran yang mendapat tempat dengan begitu kukuh dalam pemikiran sesetengah pimpinan ABIM juga menjadi faktor utama penerbitan rujukan terpenting penganut Syiah era Revolusi Iran iaitu karya Khomeini berjudul *al-Ḥukūmah al-Islāmiyyah* (Pemerintahan Islam)[117]. Buku ini diterjemah dan diterbitkan oleh ABIM pada tahun 1983.

---

[115] Pusat Penyelidikan Islam, "Ke Arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia".

[116] Lihat Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM Pusat ke-8, UKM Bangi, 13-15 Julai 1979, 19; Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM Pusat ke-10, Dewan Tunku Canselor UM, 7-9 Ogos 1981, 5; Mohd Asri Hj Muda, *Memoir Politik Asri Meniti Arus* (Bangi: Penerbit UKM, 1993), 114.

[117] Kitab *al-Ḥukūmah al-Islāmiyyah* merupakan karya penting Khumaynī sebelum berlaku revolusi yang ditulis pada tahun 1970 bagi menerapkan kefahaman mengenai *Wilāyah al-Faqīh*. Dalam buku ini, Khumaynī banyak menjelaskan doktrin yang menjadi prinsip utama akidah Syiah iaitu *al-imāmah*. Antaranya beliau mengatakan, "*Maka sesungguhnya bagi seseorang imam itu maqam yang terpuji, darjat yang tinggi dan khilāfah takwīniyyah yang tunduk di bawah pemerintahan dan kekuasaannya segala zarah yang ada di alam ini. Dan antara perkara ynag darurat diketahui dalam madhhab kita, bahawa bagi para imam kita maqam yang tidak boleh dicapai oleh malaikat yang hampir, tidak juga oleh nabi yang diutuskan…*". Lihat Rūḥ Allāh Khumaynī, *al-Ḥukūmah al-Islāmiyyah* (t.tp: t.p., 1970). Pandangan yang dikemukakan oleh Khumaynī di atas amat

University of Malaya

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan Revolusi Iran yang berlaku pada tahun 1979 meninggalkan kesan yang cukup besar terhadap kemasukan awal ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ke Malaysia. Walau bagaimanapun, revolusi tersebut tetap tidak berjaya mempengaruhi sepenuhnya dasar beragama setiap pertubuhan bukan kerajaan berteraskan Islam di negara ini yang masih meletakkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai pegangan.

Sebagai contoh, pengaruh Syiah dan revolusi berjaya dikawal dalam gerakan ABIM. Presidennya, Anwar Ibrahim mengingatkan awal-awal lagi bahawa pendekatan revolusi boleh membawa sikap *takfīr* dan menentang segala bentuk kerjasama dengan orang-orang yang di luar kelompok mereka atau lebih-lebih lagi di kalangan bukan Islam.[118] Dalam konteks masa kini, ABIM bukan sahaja tidak lagi mendukung Revolusi Iran yang digagaskan oleh Khomeini, malah ABIM pusat telah bertindak menerjemahkan buku karangan Sa‘īd Ḥawwā berjudul *al-Khumaynīyyah, Shudhūdh fī al-‘Aqā’id wa Shudhūdh fī al-Mawāqif*,[119] yang membongkar bahaya pemikiran Khomeini dan kesan Revolusi Iran terhadap umat Islam khususnya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Hal yang sama juga berlaku kepada PUM yang turut bertindak mengukuhkan lagi ahli-ahlinya dan masyarakat Islam di negara ini dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Pelbagai seminar di peringkat negeri dan kebangsaan diadakan oleh PUM bagi menjelaskan kedudukan ajaran-ajaran yang terkeluar daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘āh seperti liberal dan Syiah.

---

bertentangan sama sekali dengan konsep kepimpinan yang dipegang oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Oleh yang demikian, amat tidak wajar konsep kepimpinan yang berteraskan akidah Syiah diterapkan kepada masyarakat yang menganut fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

[118] Lihat Anwar Ibrahim, “Membina Generasi-Satu Gagasan” (Ucapan Dasar Muktamar ABIM ke-10, Dewan Tunku Canselor, UM, 9 Ogos 1981), 18.

[119] Said Hawa, *Khomeinisme, Menyingkap Tabir Akidah dan Ideologi,* terj. *Al-Khumayniyyah: Shudhūdh dī ‘Aqā’id wa Shudhūdh fī al-Mawāqif* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 2013).

University of Malaya

Kesimpulannya, gerakan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah masa kini yang dipelopori oleh tokoh Revolusi Iran, Ayatullah Khomeini tidak berjaya menguasai sepenuhnya golongan akademik, parti politik mahupun pertubuhan Islam bukan kerajaan di Malaysia untuk menyebarkan pengaruh mereka. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa gerakan Syiah berjaya mempengaruhi sesetengah individu yang terlibat dalam institusi tersebut. Apa yang penting, kesannya masih dapat dilihat berdasarkan pemikiran-pemikiran yang dilontarkan oleh tokoh-tokoh tersebut dalam karya-karya mereka sama ada yang berbentuk karya asal mahupun karya terjemahan daripada para ulama Syiah di Iran sendiri.

2.5.3 Penghantaran para pelajar ke Iran

Ketika Revolusi Iran mula mempengaruhi sebahagian negara umat Islam berfahaman Sunni, wujud usaha segelintir masyarakat Islam di Malaysia yang menghantar para pelajar melanjutkan pelajaran ke Iran. Tambahan pula, ia didorong oleh tawaran kerajaan Iran yang memberikan biasiswa penuh dan pengajian secara percuma. Berdasarkan laporan JAKIM, beberapa orang pelajar Malaysia telah dihantar melanjutkan pengajian di Qom, Iran sejak awal 1980-an. Para pelajar ini terdiri daripada keluarga penyokong PAS. Di sana, mereka telah dilatih untuk menjadi pendakwah dan penganut fahaman Syiah. Sebagai contoh, pada tahun 1984, enam orang pelajar dari *Madrasah al-Falāḥ* Melaka telah dihantar ke Qom. Begitu juga beberapa orang pelajar dari *Madrasah Dār al-'Atīq* di Johor Bahru dan *Madrasah Gunung Semanggol,* Perak telah dihantar melanjutkan pengajian di Qom. [120]

Menurut Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri, sistem pembelajaran di Iran agak berbeza berbanding di negara-negara lain. Kebanyakan pelajar luar yang

[120] Che Mat Che Min, "Gerakan Syiah Dan Pengaruhnya Di Malaysia", dalam *Ajaran Sesat: Kemunculan, Bahayanya, Pemulihannya* (Koleksi Kertas Kerja Seminar Akidah MABIMS Tahun 1413H/1993H, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei Darussalam), 98.

University of Malaya

melanjutkan pelajaran di Iran tidak sempat menghabiskan pengajian mereka kerana masalah bahasa serta dasar pendidikan Iran yang mengutamakan para pelajar tempatan berbanding pelajar luar termasuk Malaysia. Namun begitu, sesetengah pelajar sanggup mengulang tahun semata-mata untuk mendalami aliran Syiah dan pelajar-pelajar ini akan terus dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Iran.[121]

Buku-buku teks serta buku-buku pembelajaran mereka di kolej dan universiti ialah kitab-kitab Syiah yang terkenal seperti *Usūl al-Kāfī*, iaitu kitab yang mengandungi hadis-hadis Syiah dan buku-buku yang memuatkan pemikiran Khumaynī. Antara pusat pengajian yang terkenal yang menempatkan para penuntut Malaysia Universiti Mufīd, Universiti Al-Zahra, Universiti Qom, Madrasah Imām Khumaynī dan Madrasah Ḥujjatiyah. Jumlah keseluruhan pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di Iran dianggar kan sekitar 100 orang dan sebahagian besar daripada jumlah tersebut telah gagal menamatkan pelajaran mereka.[122]

Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri juga melaporkan sebahagian pelajar dan juga bekas pelajar yang menyambung pelajaran di Iran didapati aktif dalam mengamalkan ajaran Syiah serta menyebarkannya kepada pelajar-pelajar baru. Antara pelajar yang aktif dalam menyebarkan ajaran Syiah dan merekrut pelajar-pelajar baru ialah Fazlan bin Yahya, seorang bekas pelajar dan aktivis Syiah yang berasal dari Melaka. Beliau telah menyebarkan fahaman Syiah kepada pelajar-pelajar yang baru tiba untuk melanjutkan pelajaran di Iran khususnya di beberapa kolej yang terkenal di Iran. Dipercayai beliau diberikan ganjaran tertentu kerana program merekrut pelajar ini ditaja sepenuhnya oleh kerajaan Iran. Fazlan juga dikatakan pernah pergi ke selatan Thailand untuk mengembangkan

[121] Seksyen Akidah, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (2011), 10-11.
[122] *Ibid.*

University of Malaya

ajaran Syiah di sebuah kolej pengajian Islam yang diiktiraf oleh kerajaan Thailand, iaitu di Saibur, Thailand dan kolej ini dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Iran.[123]

Selain Fazlan, seorang lagi aktivis Syiah yang telah menamatkan pengajiannya di Iran ialah Shamsuri Johari. Shamsuri juga dikatakan aktif dalam menyebarkan fahaman Syiah kepada para pelajar Malaysia di Iran. Dipercayai juga, sesetengah pelajar Malaysia yang telah pulang ke Malaysia telah dihantar ke Filipina dan Indonesia dalam usaha untuk mengembangkan ajaran Syiah di sana.[124]

Beberapa aktivis Syiah yang menjadi rujukan penganut Syiah di Malaysia juga terdiri daripada lepasan Iran. Antaranya adalah Kamilzuhairi bin Abdul Aziz.[125] Beliau kini adalah pemimpin merangkap jurucakap utama komuniti Syiah Malaysia yang juga penghubung antara penganut Syiah Malaysia dengan Kedutaan Iran di Kuala Lumpur. Selain itu adalah Hassan Askari dan Najiyullah bin Othman yang kini bergerak sebagai pendakwah bebas.[126]

Ini bererti, penghantaran pelajar Malaysia ke Iran mempunyai kesan yang amat besar terhadap penyebaran ajaran Syiah di Malaysia terutama dalam jangka masa panjang. Apatah lagi, pemergian mereka ke Iran tanpa mengikut proses permohonan pengajian ke luar negara di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi atau pihak kerajaan sehingga menyebabkan pemantauan sukar untuk dilakukan. Walaupun demikian, pihak kerajaan amat menyedari apa yang berlaku. Sehubungan dengan itu, beberapa nota diplomatik pernah dihantar kepada

---

[123] *Ibid*.
[124] *Ibid*.
[125] Penulis pernah berdialog dengan penama ini sebanyak dua kali. Kali pertama dianjurkan oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Bagan Serai bertempat di PAID sendiri pada 8 Disember 2011. Manakala kali kedua dianjurkan oleh Jabatan Mufti Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Shah Alam pada 9 April 2013. Dalam dialog tersebut, penama mengaku pernah melanjutkan pengajian di Madrasah Hujjatiyyah, Qom, Iran selama lapan tahun. Lihat Seksyen Akidah, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (2013), 1.
[126] Penulis pernah berdialog dengan dua penama ini dalam Dialog Sunni-Syiah tertutup di Hotel M Suites, Johor Bahru anjuran Jabatan Mufti Johor pada 13 Mac 2013. *Ibid*.

University of Malaya

kerajaan Iran agar tidak menyebarkan ajaran Syiah di Malaysia dan supaya tidak menaja para pelajar Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Syiah di Iran.[127]

2.5.4 Perkahwinan mut'ah dan fatwa menarik mengenai seks

Menurut laporan BAHEIS, pada peringkat awal penyebaran Syiah di IPT, terdapat kes pelajar yang berdua-duaan diugut supaya melakukan nikah mut'ah bagi mengelakkan dosa. Ada juga kenyataan penganut Syiah yang mengatakan boleh bersekedudukan dengan pelacur menerusi nikah mut'ah dalam tempoh tertentu.[128]

Pada tahun 1995, seorang penganut Syiah, Abu Talib Haron @ Ahmad Habibullah As-Salafi bin Haron seorang warganegara Singapura yang menetap di Johor Bahru telah didapati bersalah oleh Mahkamah Syariah Johor Bahru kerana memiliki sepuluh orang isteri dengan enam daripadanya adalah isteri-isteri mut'ah.[129]

Dalam kes lain, seorang wanita telah membuat pengakuan kepada wartawan sebuah majalah bahawa beliau pernah melakukan nikah mut'ah dengan seorang pensyarah pengajian Islam di sebuah IPT terkemuka di Malaysia. Pada awalnya pensyarah tersebut menyatakan alasan bermut'ah sekadar untuk memudahkan perhubungan dan komunikasi antara mereka. Namun begitu, lama kelamaan pensyarah tersebut menuntut haknya sebagai seorang suami ke atas seorang isteri untuk melakukan hubungan seks.[130]

---

[127] Berikut adalah nota diplomatik yang disediakan oleh JAKIM untuk disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri kepada kerajaan Iran ketika beliau ke Iran pada 4 Ogos 2013 bagi menghadiri majlis pelantikan Presiden Iran yang baharu: "Firstly, Malaysia seeks Iran cooperation to stop promoting and propagating Shiism ideology in Malaysia. It will disrupt social cohesion and disunite Muslims in the country. This division will impact on the political stability in the country. Secondly, Malaysia also request Iran to stop recruiting and sponsoring Malaysian students to study in the various Shia seminaries in Qom, Iran." *Ibid.*, 7.
[128] Pusat Penyelidikan Islam, "Ke Arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia", 12.
[129] *Ibid.*, lampiran B, 3.
[130] Ermanelly Idrus & Heriza Mohd Yunus, "Eksklusif: Pengakuan Mangsa Mut'ah" dalam *Majalah Dakwah*, bil. 228, Mei 199, 6-8.

University of Malaya

Pada tahun 90-an, tersebar sebuah kitab fiqah Syiah yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Dalam kitab tersebut antara lain memperjelaskan kedudukan dan kaedah nikah mut‘ah. Ia menyatakan seperti berikut:

> *“Jika lelaki dan perempuan ingin membaca akad sementara sendiri, setelah ditetapkan mahar dan tempoh nikah, perempuan berkata, "Zawwajtuka nafsi fel moddatel ma'loomate alal mahrel ma'loom" iaitu "saya telah menjadikan saya isteri awak bagi tempoh yang dinyatakan bagi mahar yang dinyatakan " dan tanpa berlengah lelaki berkata "Qabelto" iaitu "Saya menerimanya", akad itu sah.”*[131]

Dalam buku Syiah Melayu tempatan berjudul, *Pertahan Syariat Muhammadiyah* karangan Khair Izzah, pengarang dengan tegas mempertahankan bahawa nikah mut‘ah tidak pernah diharamkan, sebaliknya ia hanya diharamkan oleh Sayyidina ‘Umar al-Khaṭṭāb. Bererti, ia tidak pernah diharamkan oleh Nabi SAW malah kekal harus hingga ke hari Kiamat. Kefahaman terhadap keharusan nikah mut‘ah ini seterusnya menjadi pegangan kukuh buat penganut ajaran Syiah. Sekalipun seseorang penganut Syiah itu sendiri tidak melakukan mut‘ah, namun ia tidak boleh ditolak sama sekali.[132]

Faisal Tehrani dalam karyanya, *Perempuan Nan Bercinta* cuba menjustifikasikan alasan nikah mut‘ah dengan mendakwa ia perkahwinan sementara yang dilakukan terutamanya bagi pasangan yang masih dalam tempoh kenal mengenali tanpa bertujuan melakukan hubungan badan. Ia juga boleh memudahkan pergaulan antara lelaki dan perempuan bagi golongan remaja yang masih di alam pengajian. Hal ini dianggap sebagai hikmah terbesar mengapa nikah mut‘ah diharuskan, tidak seperti ajaran Sunni yang tidak mempunyai pilihan lain kecuali perkahwinan biasa semata-mata.[133]

---

[131] Muhammad Riḍā al-Musawi (1993), *Mukhtaṣar al-Aḥkām* (terj.) (Bangi: Markaz Ahlul Bait UKM), 167.
[132] Khair Izzah, *Pertahan Syariat Muhammadiyyah*, 195-198.
[133] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 263.

University of Malaya

Selain itu, beberapa fatwa ganjil yang berkaitan dengan seks turut menjadi daya tarikan untuk menganut Syiah. Pada tahun 2011, terdapat kes seorang wanita berketurunan Sabah memohon fasakh di mahkamah kerana suaminya yang berfahaman Syiah dan bertugas sebagai tentera di Lumut, Perak telah mendesak dirinya untuk melakukan hubungan seks di luar tabi'i. Suaminya mendakwa perbuatan tersebut adalah bertepatan dengan Sunnah Nabi SAW.[134] Perbuatan suaminya ini bertepatan dengan fatwa ulama Syiah yang mengharuskan liwat atau perhubungan seks menerusi dubur. Dalam kitab *Taḥrīr al-Wasīlah* karangan Khumaynī, Masalah 11 halaman 221 menyebut bahawa:

> "Yang masyhur dan kuat ialah keharusan menyetubuhi isteri pada duburnya dengan kemakruhan yang bersangatan, yang lebih berhati-hati adalah meninggalkannya khususnya ketika isteri tidak merelakannya".[135]

Berdasarkan fakta-fakta yang dibentangkan, jelas menunjukkan Syiah giat mempromosikan keharusan nikah mut'ah dan mempertahankan pengamalannya dalam masyarakat. Ia menjadi daya tarikan kepada golongan yang lemah pegangan agama, lalu terjebak ke dalam ajaran Syiah semata-mata untuk meraih habuan seks yang didakwa halal dan beroleh kelebihan.

2.5.5 Dakwaan bahawa Syiah adalah sebuah Mazhab yang diiktiraf

Ketika Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mula-mula masuk ke Malaysia, tidak ramai kalangan para ulama tempatan yang benar-benar mendalami latar belakang ajaran ini. Kebanyakan para ulama mengambil pendekatan bahawa ia merupakan salah satu Mazhab Islam yang dianut oleh umat Islam di Timur Tengah. Ajaran ini menjadi lebih popular di Malaysia selepas berlaku Revolusi Iran pada 1979. Malah ia menjadi semakin diterima

---

[134] Seksyen Akidah, "Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (Kertas Persidangan Majlis Raja-Raja, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2012), 31.
[135] Rūḥ Allāh Khumaynī, *Taḥrīr al-Wasīlah* (Qom: Mu'assasah Matbu'at Dar al-'Ilm, t.t), 2: 241.

University of Malaya

selepas Revolusi Iran, berkemungkinan disebabkan keterujaan sebahagian ulama tempatan yang melihat ketokohan sesetengah ulama Syiah yang begitu menyerlah. Kesan daripada keadaan tersebut menyebabkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pernah memutuskan bahawa selain Mazhab empat, hanya Mazhab Syiah daripada golongan Zaydiyyah dan Ja'fariyyah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia.[136]

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri yang digubal sekitar tahun 80an – 90an turut dilihat telah mendefinisikan hukum syarak dengan memasukkan Mazhab Zaydiyyah dan Ja'fariyyah sebagai Mazhab yang diterima. Ia tidak hanya terbatas kepada Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang empat iaitu Shafi'ī, Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī bahkan meliputi aliran Syiah. Misalnya, Enakmen Keluarga Islam Melaka 1983 mentakrifkan, "*Hukum Syarak ertinya hukum yang diterima oleh mazhab Syafi'i, Hanafi, Maliki, Hanbali dan Syiah (Zaidiyah dan Jaafariyah)*".[137]

Dengan kewujudan fatwa dan enakmen yang meletakkan Syiah sebagai sebahagian daripada Mazhab muktabar, secara tidak langsung ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah telah dianggap selari dengan fiqah al-Imām Ja'far al-Ṣādiq yang disebut sebagai Mazhab Ja'farī atau Ja'fariyyah. Kedua-dua fakta ini kemudiannnya menjadi hujah bagi penganut Syiah di Malaysia untuk mengatakan bahawa Syiah adalah sebuah ajaran yang sahih, namun akhirnya ditolak oleh pihak kerajaan kerana didakwa terpengaruh dengan golongan Wahhabi.[138]

Hujah penganut Syiah ini berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 1996 yang memansuhkan

---

[136] Berdasarkan keputusan muzakarah pada 24-25 September 1984 {Kertas Bil. 2/8/84. Perkara 4.2(2)} dalam Pusat Penyelidikan Islam, "Ke Arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia", 26.
[137] Sek. 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 1983.
[138] Benarkah Salafi Wahabi Pemusnah Islam dan Pembunuh Umatnya. t.tp., t.p, t.t; Memorandum Majlis Syiah Malaysia kepada Yang di-Pertuan Agong bertarikh 6 Jun 2011.

University of Malaya

fatwa pada 1984 mengenai keharusan berpegang kepada Mazhab Syiah sama ada Zaydiyyah mahupun Ja'fariyyah. Begitu juga pindaan yang berlaku kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri pada tahun 2000an yang mendefinisikan semula hukum syarak sebagai "*Hukum Syarak mengikut mazhab Syafi'i atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali"*.[139] Peruntukan ini secara langsung telah menunjukkan kecenderungan untuk membataskan rujukan kepada empat Mazhab Sunni yang muktabar sahaja sekaligus menyekat penyebaran ajaran selain Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Di samping itu, penganut Syiah di Malaysia turut berhujah menggunakan Risalah Amman 2005 (Amman Message 2005) yang didakwa mengandungi perisytiharan bahawa Syiah adalah sebuah Mazhab yang sah, harus untuk diamal dan disebarkan.[140] Kenyataan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

> "*Whosoever is an adherent to one of the four Sunni schools (Madhahib) of Islamic jurisprudence (Hanafi, Maliki, Shafi`i and Hanbali), the two Shi'i schools of Islamic jurisprudence (Ja`fari and Zaydi), the Ibadi school of Islamic jurisprudence and the Thahiri school of Islamic jurisprudence, is a Muslim. Declaring that person an apostate is impossible and impermissible. Verily his (or her) blood, honour, and property are inviolable.*"[141]
>
> Bermaksud: "Siapapun yang mengikuti Mazhab fiqah Sunni yang empat (Mazhab Ḥanafī, Mālikī, Shafi'ī dan Ḥanbalī), Mazhab Syiah (Ja'farī dan Zaydī) Mazhab Ibāḍī dan Mazhab Dhāhirī, maka dia Muslim. Mengisytiharkan penganutnya sebagai murtad adalah mustahil dan tidak diizinkan. Sesungguhnya darahnya, kehormatannya dan hartaya adalah terpelihara…"

---

[139] Lihat sebagai contoh Sek. 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

[140] Penganut Syiah di Malaysia giat menyebarkan kandungan *Amman Message* secara meluas kepada masyarakat termasuk dengan mengedarkan risalah dan pamplet secara terbuka. Antaranya menerusi Memorandum Majlis Syiah Malaysia kepada Yang di-Pertuan Agong bertarikh 6 Jun 2011 dan pamplet bertemakan "Bulan Perpaduan Islam dan Pembebasan al-Quds Sedunia" tajaan pengeluar minuman ECPI. Pada sepanjang bulan Ogos 2012, JAKIM telah menerima beberapa aduan mengenai iklan berunsur Syiah yang ditaja oleh syarikat penjual air minuman ECPI serta disiarkan oleh beberapa stesen radio tempatan seperti IKIMfm dan KLfm. Iklan tersebut memaparkan Risalah Amman 2004 yang dikatakan mengiktiraf Syiah sebagai sebuah mazhab yang sah. Lihat Seksyen Akidah, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (2011), 20.

[141] Lihat "Three points of the Amman Message", *The Official Website of The Amman Message*, http://www.ammanmessage.com/, 1 Disember 2015.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, penggunaan Risalah Amman 2005 untuk membenarkan penyebaran Syiah di Malaysia tetap tidak dibenarkan. JAKIM berpandangan Risalah Amman 2005 bersifat politik dan bukan fatwa agama kerana mereka yang terlibat dalam pengeluaran risalah ini terdiri daripada pelbagai latar belakang dan bukan golongan ulama semata-mata. Risalah ini juga tidak menyertakan kajian terperinci terhadap doktrin setiap aliran yang disebutkan sebelum mengeluarkan sebarang fatwa, ini menunjukkan ia lebih bersifat politik berbanding fatwa agama.[142]

Risalah Amman 2005 juga hanya menghukum setiap aliran secara umum dengan mengatakan Ahl al-Sunnah, Ibāḍiyyah, Ja'fariyyah dan Zaydiyyah adalah muslim. Walhal istilah "muslim" memiliki konotasi yang pelbagai seperti muslim yang taat, muslim yang fasiq dan muslim yang mubtadi'. Justeru, risalah tersebut tetap mengikat kemusliman sesuatu kumpulan dengan sejauh mana penerimaannya terhadap rukun Islam, rukun Iman dan perkara-perkara yang wajib dimaklumi dalam agama.[143]

Manakala pengharaman Syiah di Malaysia adalah persoalan dalaman yang difatwakan berasaskan kajian ke atas wāqi' atau realiti Syiah yang wujud di Malaysia yang terdiri daripada golongan Rāfiḍah. Oleh itu, sebarang fatwa atau pendirian ulama dari luar negara hanya terpakai selagi mana ia tidak bercanggah dengan mana-mana keputusan yang telah difatwakan oleh pihak berkuasa agama di Malaysia.[144]

---

[142] Mohd Aizam Mas'od, *Soal Jawab Isu Syiah di Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011), 68-71.
[143] *Ibid.*
[144] *Ibid.*

University of Malaya

2.5.6 Mengeksploitasi perjuangan isu Palestin dan al-Quds[145]

Dalam usaha mengukuhkan pengaruh Iran dan Syiah ke dalam hati umat Islam sejagat, pencetus Revolusi Iran 1979, Ayatullāh Khomeini telah menggagaskan sambutan Hari al-Quds Sedunia. Ia diadakan pada setiap hari Jumaat terakhir pada bulan Ramadan. Beberapa bulan setelah kemenangan Revolusi Iran, Khumaynī telah mengisytiharkan pada 13 Ramadan 1399 bersamaan 7 Ogos 1979 bahawa hari Jumaat terakhir setiap Ramadan akan dijadikan Hari al-Quds Sedunia.[146] Walhal umat Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah sekian lama sebelum Revolusi Iran menyambut Hari al-Quds Sedunia pada 21 Ogos setiap tahun.[147]

21 Ogos diambil sebagai sambutan Hari al-Quds Sedunia bersempena dengan memperingati peristiwa pembakaran Masjid Al-Aqṣā. Pembakaran tersebut berlaku pada waktu subuh 21 Ogos 1969 selepas umat Islam menunaikan solat subuh dan meninggalkan masjid. Pada kesempatan itu, pihak Yahudi memulakan perancangan mereka dengan membakar Masjid al-Aqṣā. Api marak dengan cepatnya dan terus membakar peralatan masjid dan dindingnya apatah lagi pada waktu tersebut umat Islam telah meninggalkan masjid untuk meneruskan rutin harian mereka. Namun begitu, usaha memadamkan api yang terus marak telah dilakukan oleh pemuda-pemuda Islam dengan mengambil air dari telaga-telaga yang berada di kawasan lapang Masjid Al-Aqṣā, memindahkan karpet dan tikar keluar dari masjid

---

[145] Terdapat keraguan terhadap pegangan golongan Syiah mengenai Masjid al-Aqṣā di Palestin. Dalam buku berjudul *al-Ṣaḥīḥ Min Sīrah al-Nabī al-A'ẓam* yang dikarang oleh ulama Syiah mutakhir, iaitu Ja'far Murtaḍā al-'Amilī, beliau mendakwa bahawa ketika 'Umar al-Khaṭṭāb masuk ke Bayt al-Maqdis, tiada sebuah pun masjid di situ, lebih-lebih lagi masjid yang dinamakan al-Aqṣā. Lihat Ja'far Murtaḍā al-'Āmilī, *al-Ṣaḥīḥ Min Sīrah al-Nabī al-A'ẓam* (Beirut: al-Markaz al-Islāmī Li al-Dirāsāt, 2006), 3: 137. Beliau dengan tegas mengatakan bahawa Masjid al-Aqṣā yang menjadi tempat berlakunya al-Isrā' dan diberkati itu tempatnya adalah di langit. (*Ibid.*, 128-129)

[146] Lihat "Hari al-Quds Sedunia", *Wiki Syiah*, http://id.wikishia.net/view/Hari_Quds_Sedunia, 7 Disember 2015.

[147] Jorj Khawri Nasrullāh, *al-Wathā'iq al-Falisṭīniyyah li 'Ām 1970* (Beirut: Mua'ssasah al-Dirāsāt al-Falisṭīniyyah, 1972), 665.

University of Malaya

dan menghimpunkan cebisan-cebisan kecil Mimbar Solahuddin yang terbakar dan kini ia di simpan di Muzium Islam di Masjid Al-Aqṣā.[148]

Pembakaran Masjid al-Aqsa pada tanggal 21 Ogos 1969 ini juga telah mendorong negara-negara Islam menubuhkan Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) yang dianggotai oleh 57 buah negara sebagai langkah menjadikan isu Palestin dan Masjid al-Aqṣā sebagai isu utama umat Islam sedunia.[149] Semenjak hari itu juga, 21 Ogos dianggap sebagai Hari al-Quds Sedunia.

Berdasarkan fakta ini, tiada keperluan untuk mengadakan sambutan Hari al-Quds Sedunia yang berasingan dengan apa yang telah disambut oleh umat Islam sejak peristiwa 1969. Namun begitu, selepas Revolusi 1979, pihak Syiah telah mengadakan sambutan yang berasingan seolah-olah memperlihatkan umat Islam selain Syiah tidak memperjuangkan pembebasan al-Quds daripada cengkaman Zionis-Yahudi. Walau bagaimanapun, apabila diperhatikan dengan teliti, pihak Syiah secara halus telah mengeksploitasi sambutan Hari al-Quds Sedunia bagi mengenengahkan tokoh-tokoh ulama Syiah di samping meraih sokongan politik, moral dan emosi umat Islam terhadap Syiah.

Di Malaysia, para penganut Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah turut menyambut Hari al-Quds Sedunia pada setiap hari Jumaat terakhir pada bulan Ramadan seperti yang digagaskan oleh Khumaynī. Pada hari tersebut mereka mengadakan demontrasi aman dengan berarak dari Masjid Tabung Haji dan berakhir di hadapan Kedutaan Besar Amerika Syarikat yang kedua-duanya terletak di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Dalam perhimpunan tersebut, para pemimpin Syiah tempatan akan bertindak sebagai ketua dan penyampai ucapan. Beberapa sepanduk yang memaparkan tokoh-tokoh Syiah Iran seperti Khumaynī dan

---

[148] Lihat “Peristiwa Sempena Sambutan Hari al-Quds Sedunia”, *Aman Palestin*, https://www.amanpalestin.net/baca.php?lihat=artikelPenuh&id=24, 7 Disember 2015.

[149] Lihat “About OIC”, *Organisation of Islamic Cooperation*, http://www.oic-oci.org/oicv2/page/?p_id=52&p_ref=26&lan=en, 7 Disember 2015.

University of Malaya

Khamenei akan dijulang sebagai mengenang tokoh pejuang al-Quds. Antara perkara utama yang disentuh ucapan pimpinan Syiah Malaysia pada hari tersebut adalah supaya umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia bersatu dalam menghadapi isu Palestin, termasuk menerima Syiah sebagai sebuah Mazhab yang sah di samping Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, penganut Syiah Melayu juga turut mengambil kesempatan terhadap isu Palestin dengan mengadakan program-program ilmiah seperti Seminar Isu Antarabangsa Bantahan Pendudukan 60 Tahun Israel di Bumi Palestin yang dilangsungkan di Dewan Hijrah, Hotel Ansar, Kota Bharu, Kelantan pada 2008. Majlis itu diadakan bersempena hari kelahiran Zaynab al-Kubrā. Bagaimanapun, para peserta yang hadir mendapati majlis itu diadakan untuk mempromosi ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dan mentohmah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Dalam kedua-dua majlis yang diadakan pada 11 dan 12 Mei 2008 tersebut, pihak Syiah juga didapati telah mengedarkan secara percuma kepada orang ramai sebuah buku propaganda Syiah berjudul *Akhirnya Ku Temui Kebenaran*.[150]

2.5.7 Menggunakan saluran hak asasi manusia

Setelah dikenakan beberapa sekatan dan tangkapan daripada pihak berkuasa agama di Malaysia, penganut Syiah di negara ini didapati mengambil tindakan lanjut menerusi saluran hak asasi manusia (HAM). Perjuangan HAM dilihat merupakan suatu medium yang amat sesuai digunakan oleh penganut Syiah bertepatan dengan salah satu objektif HAM iaitu membela golongan minoriti yang tertindas. Sehubungan dengan itu, penganut Syiah di Malaysia mula menggunakan hujah-hujah HAM serta memanfaatkan semaksima mungkin apa-apa deklarasi, institusi dan undang-undang berkaitan HAM samada di peringkat

[150] Seksyen Akidah, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (2011), 15-16.

University of Malaya

tempatan mahupun antarabangsa untuk mendapatkan hak menganuti dan mempraktikkan ajaran Syiah.

Pada tahun 20 Disember 2010, empat orang wakil penganut Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah Malaysia telah mengadakan pertemuan dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) untuk menyatakan bantahan terhadap tindakan penangkapan dan penahanan 200 orang penganut Syiah di Hauzah Ar Ridha, Taman Sri Gombak, Batu Caves, Selangor oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Selepas pertemuan tersebut, satu memorandum bantahan telah dikeluarkan oleh pihak Syiah kepada SUHAKAM bertarikh 27 Disember 2010.

Antara tuntutan yang dinyatakan dalam memorandum tersebut adalah supaya mereka diberikan hak asasi untuk menganut Syiah dengan mendakwa sebahagian mereka berasal daripada keturunan penganut Syiah sejak turun temurun. Memorandum tersebut menyebutkan:

> “Etnik Melayu yang berketurunan Aceh, Minang, Bugis, Jawa, (hanya beberapa contoh) dan umat Islam dari keturunan Siam-Ayuthya, Pakistan dan Arab terdapat sebahagian kecilnya adalah pendokong Ahlul Bayt (keluarga) Rasulullah Muhammad SAW Syiah sejak turun-temurun (daripada nenek moyang). Kami mempunyai bukti atau hujah akademik serta warisan sejarah keluarga yang mesti diperakukan menurut Piagam Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia bahawa kami adalah bermazhab Syiah atau mengamalkan fikah Ja‘fari sebagai MAZHAB ASAL kami.”[151]

Mereka juga menuntut hak yang sama sebagaimana yang telah diperuntukkan untuk agama lain. Memorandum tersebut menyatakan:

> “Kami Komuniti Pencinta Ahlul Bayt (Syiah) di Malaysia memohon perlindungan HAK dari SUHAKAM berpaksikan Perlembagaan Malaysia agar hak minoriti kami sebagai rakyat Malaysia dilindungi oleh pihak–pihak yang berwajib. Sekiranya hak kebebasan beragama dan kepercayaan telah diberikan kepada minoriti yang beragama HINDU, BUDDHA, KRISTIAN,

[151] “Memorandum Bantahan Syiah Malaysia kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia”, *Isu Pencabulan/Pelanggaran Hak Asasi Manusia Malaysia terhadap Komuniti Minoriti Pencinta Ahlul Bayt (Keluarga) Rasulullah Muhammad SAW*, 27 Disember 2010.

University of Malaya

> SIKHISM atau lain lain agama, mengapa kami dicaci, dihina, difitnah dan kini diugut semata-mata kerana mengamalkan mazhab kepercayaan kami turun-temurun sejak nenek moyang iaitu 'Mazhab Ahlul Bayt' atau Syiah Imamiyah (mazhab fikah kami: Ja'fari) yang dianuti lebih 200-500 juta umat Islam seluruh dunia."[152]

Penganut Syiah Malaysia juga turut mengemukakan memorandum bantahan penangkapan JAIS kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu cawangan Malaysia menerusi sepucuk surat bertarikh 14 Jun 2011. Memorandum tersebut mengandungi bantahan penganut Syiah Malaysia terhadap tindakan JAIS melakukan serbuan ke atas majlis sambutan hari kelahiran Fatimah Az Zahra pada 24 Mei 2011 di Sri Gombak, Selangor.[153]

Pada 16 Jun 2011, penganut Syiah atas nama "Majlis Syiah Malaysia" telah menghantar memorandum yang ditandatangani oleh peguamnya, Mohd Haidar bin Mohd Hashim kepada Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri Malaysia, antara isi kandungannya adalah rayuan supaya warta pengharaman Syiah dan kesesatan Syiah dikaji semula dan dimansuhkan di peringkat negeri dan kebangsaan. Mereka beralasan bahawa penganut Syiah juga adalah warganegara Malaysia yang berhak memiliki kebebasan dalam beragama sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Memorandum tersebut juga mendakwa, fatwa terhadap Syiah yang dikeluarkan oleh JAKIM dan Majlis Fatwa Kebangsaan akan menjatuhkan imej Malaysia sebagai negara Islam contoh. Ini kerana, dunia Islam akan menuduh Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan diskriminasi, menafikan hak dan mahu menghapuskan etnik Mazhab lain seperti Syiah. Keputusan fatwa tersebut juga didakwa bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan fatwa-fatwa dunia Islam serta melanggar hak kebebasan beragama bagi

---

[152] *Ibid.*

[153] "Memorandum of Protes to United Nations Malaysia", *Oppressive Arrest, Raids and Detention Againts Malaysia Shiite Muslim Community by Malaysia Religious Authority under Selangor State Religious Department (JAIS) and others Authoritative Department*, 14 Jun 2011.

University of Malaya

semua negara bertamadun dan berperadaban. Justeru itu, pihak Syiah menuntut supaya keputusan muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan 1996 yang telah membatalkan keputusan muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan 1984 yang mengakui Syiah sebagai Mazhab yang sah dikaji semula.

Selain itu, sebagai mengukuhkan lagi kedudukan mereka dari sudut perundangan, seramai 141 orang penganut Syiah Melayu telah menghantar deklarasi dan surat akuan berkanun yang mengandungi perakuan sebagai penganut Mazhab Imāmiyah Ja'farī. Surat tersebut dihantar kepada Perdana Menteri, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam) dan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Salinan turut dibuat kepada SUHAKAM dan United Nations Malaysia.

Dalam pada itu, JAKIM juga telah mengenalpasti seorang individu yang telah menggunakan kedudukannya dalam institusi hak asasi manusia antarabangsa untuk menekan pihak kerajaan agar memberikan ruang kepada penganut Syiah di Malaysia. Individu tersebut ialah Dr. Mohd Faizal Musa yang terkenal dengan nama pena Faisal Tehrani.[154]

Beliau merupakan ahli *Human Rights Defender* yang berdaftar dengan *Front Line Defenders* (FLD), iaitu sebuah badan dengan status khas *Consultative Status with Economic and Social Council* (ECOSOC) di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Di samping itu, beliau juga adalah Felo penyelidik di *Al-Mustafa International Research Institute*, Qom, Iran dan Penasihat kepada *Islamic Republic of Iran Broadcasting* (IRIB) Asia Tenggara. Pada 15 Disember 2013, beliau dilantik sebagai *Special Rapporteur* oleh *Shia Rights Watch* yang berpusat di Washington DC, Amerika Syarikat.[155]

---

[154] Beliau adalah Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia. Lihat "Dr. Mohd Faizal Musa", *Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia*, http://www.ukm.my/atma/ms/expertise/dr-mohd-faizal-musa-3/, 7 Disember 2015.
[155] Seksyen Akidah, "Laporan Mengenai COMANGO", 11-12.

University of Malaya

Pada 3 Mac 2014, beliau terlibat sebagai pembentang mengenai topik *Human Rights violations in Sectarian Conflicts* dalam Sesi ke-25, Persidangan Majlis Hak Asasi Manusia anjuran Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hak Asasi Manusia di Geneva. Beliau mewakili pertubuhan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah antarabangsa yang berpusat di United Kingdom iaitu *The Word Federation of Khoja Shia Ithna-Asheri Muslim Communities* dan *Al-Khoei Foundation*. Dalam sesi tersebut, pihak Syiah telah membentangkan mengenai keadaan hak asasi penganut Syiah di Malaysia yang dikatakan disekat dan ditindas oleh pihak kerajaan menerusi fatwa sesat serta tangkapan yang dilakukan pihak berkuasa.[156]

Berdasarkan fakta-fakta yang dibentangkan di atas, dapat dirumuskan bahawa Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah disebarkan di Malaysia melalui pelbagai mekanisme. Ia dilakukan sama ada secara tidak langsung iaitu dengan berselindung di sebalik medium tertentu seperti menggunakan pendekatan politik, hak asasi manusia, perundangan, perjuangan pembebasan al-Quds dan lain-lain. Atau secara langsung seperti penyebaran karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah secara terang-terangan. Perbahasan mengenai perkara ini akan dilanjutkan dalam subtopik seterusnya.

2.6 Peranan karya-karya berbahasa Melayu dalam penyebaran Syiah

Karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mula tersebar selepas Revolusi Iran 1979 seiring dengan penyebaran ajaran tersebut di Malaysia. Karya-karya tersebut sama ada diterjemahkan daripada bahasa asing ke bahasa Melayu ataupun ia dikarang sendiri oleh penganut Syiah warga tempatan. Penyebaran karya-karya Syiah ini didapati dalam pelbagai

[156] Lihat "The World Federation of KSIMC and Al-Khoei Foundation attend the 25th Session of the Human Rights Council in Geneva", *The Word Federation of Khoja Shia Ithna-Asheri Muslim Communities*, http://www2.worldfederation.org/Secretariat/Articles/World_Federation_KSIMC_AlKhoei_Foundation_attend_25th_Session_Human_rights_Council_Geneva.htm, 7 Disember 2015.

University of Malaya

bentuk dan cara. Antaranya karya-karya berbentuk buku-buku ilmiah sama ada yang dicetak atau tidak dicetak seperti *e-book*. Selain itu terdapat karya-karya Syiah berbentuk separa ilmiah seperti artikel di dalam akhbar, risalah dan memorandum. Namun, kaedah yang lebih halus digunakan adalah penyebaran pemikiran Syiah menerusi penulisan kreatif seperti novel dan cerpen.

2.6.1 Penyebaran karya-karya Syiah berorientasikan Revolusi Iran

Karisma Ayatullah Khomeini menjadi tarikan penting ramai aktivis Islam untuk mempelajari sesuatu daripada Revolusi Iran. Antara yang paling terpengaruh dengan kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979 adalah tokoh-tokoh politik beraliran Islam. Sebagai contoh, Ibrahim Ali ketika memimpin parti BERJASA yang merupakan serpihan parti PAS, telah memuji Khumaynī sebagai tokoh Islam yang teguh dan berpengetahuan luas malah sebagai pejuang Islam abad ke-21. Beliau menyifatkan Khumaynī telah berjuang jihād fī sabīl Allāh selama 15 tahun bagi menghapuskan kezaliman di Iran dan mengajar kuasa-kuasa imperialis Barat seperti Amerika dan lain-lain.[157]

Walaupun pengaruh Revolusi Iran tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan penyebaran fahaman Syiah, namun begitu tidak boleh disangkal bahawa Revolusi Iran telah menjadi pemangkin kepada penyebaran Syiah ke negara-negara sunni di seluruh dunia termasuk di Nusantara. Ia berdasarkan keazaman dan tekad Khumaynī yang bercita-cita tinggi untuk mengeksport gerakan revolusi tersebut ke luar negara termasuk negara-negara sunni. Dalam ucapannya kepada duta-duta negara Islam pada Hari Raya ʻĪd al-Fiṭr tahun 1400H, beliau mengatakan:

> "Kami menganggap semua negara umat Islam sebagai sebahagian daripada kewujudan negara kami, tanpa menafikan kewujudan mereka secara berasingan.

[157] Ibrahim Ali, *Pertemuan Dengan Imam Ayatollah Khumaynī Pemimpin Revolusi Islam Iran* (Kuala Lumpur: Eddie Colour Com., 1980), Pendahuluan & 30.

University of Malaya

> Kami hanya mahu mereka mendapat kebahagiaan sebagaimana yang dirasai oleh rakyat Iran sekarang, iaitu lepas daripada cengkaman dan belenggu kuasa besar dan dapat pula memotong tangan kuasa besar itu buat selama-lamanya. Kami ingin keadaan begini berlaku dan meluas di kalangan semua negara dan bangsa. Maksud kami, mengeksport revolusi itu ialah menyedarkan semua negara dan rakyat supaya melepaskan diri daripada belenggu penjajahan dan pengaruh mereka."[158]

Seterusnya beliau berkata:

> "Kami ingin revolusi dengan izin Allah ke segenap penjuru dan tempat, ini kerana kita adalah bersaudara dan berkasih sayang, ia menguatkan lagi cita-cita kami untuk bekerja bersama-sama seberapa daya dan upaya untuk menyebarkan jihad menuju matlamatnya."[159]

Selanjutnya beliau menegaskan seperti berikut:

> "Kami mengisytiharkan azam kami untuk mengeksport revolusi bukan sahaja ke semua negara umat Islam, tetapi juga ke negara-negara golongan *mustaḍ'afīn* yang ditindas oleh golongan *mustakbirīn.* Tujuan kami ialah untuk menghidupkan roh gerakan menentang *mustakbirīn* yang zalim dan menghapuskan jurang perbezaan antara rakyat dengan pemerintah yang menindas itu."[160]

Menurut Mohd Nor bin Ngah, mengeksport revolusi bererti mengeksport program dan panduan Revolusi Iran yang boleh dipersetujui bersama atau yang boleh disebarkan ke seluruh alam Islam serta disesuaikan dengan suasana tempatan.[161]

Menerusi agenda pengeksportan Revolusi Iran pimpinan Khumaynī, ia memperkuatkan lagi teori bahawa ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dibawa masuk ke Malaysia hanya selepas Revolusi Iran pada tahun 1979. Ini terbukti dengan penyebaran buku-buku Khumaynī dan Syiah yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu hanya berlaku selepas tahun 1979 iaitu bermula pada tahun 1980 dan ke atas.

Antara penerbitan Syiah terawal yang ditemui di Malaysia adalah majalah *Al-Quds* dan majalah *Fatimah* yang didapati menyiarkan rencana-rencana yang mengagung-agungkan

---

[158] Muhammad Ali al-Taskhiri, *Gerakan Kebangkitan Islam Mengikut Pandangan Imam Khumaynī (Ḥarakah al-Ṣaḥwah al-Islāmiyyah)*, terj. Mohd Nor bin Ngah (t.tp.: Al-Wahdah Publication, 1993), 4.
[159] *Ibid.,* 5.
[160] *Ibid.,* 6.
[161] *Ibid.*

University of Malaya

Syiah. Kedua-dua majalah ini kemudiannya telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri.[162]

Di samping itu terdapat beberapa buah karya terjemahan yang menyebarkan ajaran Syiah antara tahun 80-an hingga 90-an. Antaranya adalah karya-karya karangan Khumaynī sendiri iaitu *Pemerintahan Islam*[163], *Parti Allah, Parti Syaitan*[164] dan *Jihad Yang Agung*[165]. Selain daripada itu karya-karya berjudul; *Ahl al-Bayt Dalam al-Quran dan al-Sunnah* karangan Mu'assasah al-Balāgh[166], *Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya: Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad* karangan al-Ḥasan bin Yūsuf al-Muṭahhar al-Ḥullī[167], *Menghidupkan Pemikiran Dalam Islam* karangan Ayatullah Muṭahharī[168], *Sistem Republik Islam* karangan Ayatullah Muṭahharī[169], *Mengapa Aku Memilih Ahlul Bait A.S?* karangan Muḥammad Mara'ī al-Amīn al-Anṭākī[170], *Dialog Sunnah Syi'ah* karangan 'Abd al-Ḥusayn Sharaf al-Dīn al-Musāwī[171], *Akhirnya kutemukan kebenaran* karangan Muḥammad al-Tījānī al-Samāwī[172] dan *Pancaran Kekuatan Negara Islam* karangan Ayatullah Bāqir Ṣadr.[173]

Menurut Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, selain daripada kitab-kitab terjemahan di atas, beberapa buah kitab utama Syiah juga telah dijadikan bahan rujukan

---

[162] Pusat Penyelidikan Islam, "Gerakan Syiah dan Pengaruhnya di Malaysia", 27.
[163] Ruhullah bin Mustafa Khomeini, *Pemerintahan Islam*, terj. Razali Hj. Nawawi & Hayyun Hj. Nawawi (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1983).
[164] Ruhullah bin Mustafa Khomeini, *Parti Allah, Parti Syaitan*, terj. Shamsuddin Jaafar (Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication, 1983).
[165] Ruhullah bin Mustafa Khomeini, *Jihad Yang Agung*, terj. Fadzlullah Shuib (Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication, 1983).
[166] Mu'assasah al-Balāgh, *Ahl al-Bayt Dalam al-Quran dan al-Sunnah*, terj. Mahfodz Mohamed (Kuala Lumpur: Pustaka Warisan, 1989).
[167] Al-Hasan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulli, *Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya: Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad*, terj. Lutpi Ibrahim (Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publications, 1993).
[168] Murtada Mutahhari, *Menghidupkan Pemikiran Dalam Islam*, terj. Fadzlullah Shuib (Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication, 1983).
[169] Murtada Mutahhari, *Sistem Republik Islam*, terj. Abdul Rahman Hamid (Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication, 1983).
[170] Muhammad Mara'i al-Amin al-Antaki, *Mengapa Aku Memilih Ahlul Bait A.S*, terj. Lutpi Ibrahim (Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publications, 1993).
[171] Abdul Husain Sharafuddin al-Musawi, *Dialog Sunnah Syi'ah* (Bandung: Penerbit Indonesia, 1983).
[172] Al-Tijani, *Akhirnya kutemukan kebenaran.*
[173] Baqir Sadr, *Pancaran Kekuatan Negara Islam*, terj. Fadzlullah Shuib (Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication, 1983).

University of Malaya

oleh pensyarah tertentu pada tahun 80-an. Antara kitab-kitab tersebut iaitu *al-Sab'ah min al-Salaf* karangan Ayatullah al-Murtaḍā al-Zubīdī, *al-Kāfī* karangan Muḥammad bin Ya'qūb al-Kulaynī, *Taḥrīr al-Wasilah* karangan Ayatullah Khumaynī, *Peshawar Nights* karangan Sayyid Muhammad Rais al-Wahidin dan *Mafātīh al-Jinān* karangan 'Abbās al-Qummī.[174]

2.6.2 Peranan pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam

Berdasarkan kajian BAHEIS, penyebaran Syiah pada tahun 80-an bermula menerusi beberapa orang pensyarah di pusat-pusat pengajian tinggi awam. Berikutan itu, dua orang daripada sepuluh aktivis Syiah yang ditahan oleh pihak kerajaan antara tahun 1997 hingga 1999 adalah pensyarah di universiti awam.[175]

Pensyarah yang ditahan adalah Prof. Madya Dr. Lutpi bin Ibrahim. Beliau adalah pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau didapati telah menulis dan menerjemahkan buku-buku Syiah ke dalam Bahasa Melayu seperti *Konsep Imamah dan Khilafah Serta Implikasinya Menurut Ahlus Sunnah Wal Jamaah*[176], *Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas dan Ijtihad)*[177] dan *Mengapa Aku Memilih Ahlul Bait a.s?*.[178] Beliau merupakan pakar rujuk Syiah di Malaysia dan dilaporkan telah menyebarkan fahaman tersebut kepada mahasiswa dan mahasiswi di universiti berkenaan menerusi penyediaan soalan-soalan peperiksaan yang cenderung kepada fahaman Syiah.[179]

---

[174] Pusat Penyelidikan Islam, "Ke arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia", 4-5.
[175] Sepuluh orang aktivis Syiah yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dari 1997-1999 adalah Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, Fadzullah Shuib, Abdullah Hassan, Zainal Adam @ Silvaraju, Pahrudin Ibrahim, Badrul Baharum, Wan Hanapi Wan Mustafa, Syed Sulaiman Syed Hassan, Said Muda dan Che Kamaruzaman Che Ismail. Lihat Seksyen Akidah, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Syiah di Malaysia" (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), h. 2-3.
[176] Lutpi Ibrahim, *Konsep Imamah dan Khilafah serta Implikasinya Menurut Ahlu 's-Sunnah wa'l-Jama'ah* (Shah Alam: HIZBI, 1993)
[177] Al-Hulli, *Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya: Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad*.
[178] Al-Antaki, *Mengapa Aku Memilih Ahlul Bait A.S.*.
[179] Pusat Penyelidikan Islam, "Ke Arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia", dalam Lampiran B (Maklumat Syiah Ja'fariyyah di Malaysia), 7-8.

University of Malaya

Pensyarah lain yang ditahan adalah Fadzlullah Shuib. Ketika itu beliau bertugas di Pusat Pendidikan Islam, Institut Teknologi MARA, Shah Alam. Beliau didapati bertanggungjawab menyebarkan fahaman Syiah kepada masyarakat awam di Kelantan. Berdasarkan laporan, seorang pekerja kimpalan bernama Wahid bin Salleh telah terpengaruh dengan fahaman Syiah setelah menerima beberapa kitab dan risalah yang diberikan oleh Fadzlullah Shuaib.[180] Beliau juga telah menerjemahkan beberapa buah kitab karangan tokoh-tokoh Syiah seperti *Jihad Yang Besar*[181] karangan Khomeini, *Menghidupkan Pemikiran Dalam Dunia Islam*[182] karangan Muṭahharī dan *Pancaran Kekuatan Negara Islam* karangan Bāqir Ṣadr.[183]

Selain itu, seorang lagi pensyarah yang juga didapati terlibat dengan fahaman Syiah pada tahun 80-an adalah Dr. Mohd Nor bin Ngah. Beliau adalah pensyarah Akademi Islam, Universiti Malaya. Daripada perbincangan antara beliau dengan pegawai BAHEIS, beliau menyatakan bahawa perbezaan pendapat antara Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dengan Syiah hanya melibatkan permasalahan cabang sahaja. Syiah menyembah Allah Yang Maha Esa, menerima kerasulan Muhammad SAW. dan menerima al-Qur'ān dan al-Sunnah sebagai pegangan.[184]

Beliau telah menterjemahkan beberapa karya karangan ulama Syiah, antaranya *Kitab Amar Ma'ruf dan Nahi Munkar* karangan Khumaynī[185], *Peranan Universiti: Mengikut Pandangan Imam Khomaini* karangan Ibrahim al-Amini[186], *100 Kata-Kata Hikmah Al-Imam*

---

[180] *Ibid.*, 2.
[181] Khomeini, *Jihad Yang Agung*.
[182] Mutahhari, *Menghidupkan Pemikiran Dalam Islam*..
[183] Baqir Sadr, *Pancaran Kekuatan Negara Islam*.
[184] Pusat Penyelidikan Islam, "Ke Arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia", 9.
[185] Ruhullah bin Mustafa Khomeini, *Kitab Amar Ma'ruf dan Nahi Munkar*, terj. Mohd Nor bin Ngah (Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publication, 1996).
[186] Ayatullah Ibrahim al-Amini, *Peranan Universiti Mengikut Pandangan Imam Khumaynī*, terj. Mohd Nor bin Ngah (Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publication, 1993).

University of Malaya

Ali Bin Abi Talib karangan 'Amr bin Baḥr al-Jāḥiẓ[187] dan *Gerakan Kebangkitan Islam: Mengikut Pandangan Imam Khomaini* karangan Muḥammad 'Alī Al-Taskhīrī.[188]

Pada masa kini, pensyarah yang dilihat amat menonjol dalam menyebarkan dan mempertahankan ajaran Syiah di Malaysia adalah Dr. Mohd Faizal Musa atau lebih dikenali dengan nama pena Faisal Tehrani. Beliau merupakan seorang novelis berunsur Islam terkenal di Malaysia. Namun begitu, beberapa buah buku beliau seperti *Perempuan Nan Bercinta* telah dikenal pasti mengandungi unsur Syiah dan telah diperakukan haram oleh JAKIM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Ketika ini beliau bertugas sebagai Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.[189]

Peranan golongan akademik didapati memberikan impak yang sangat besar terhadap penyebaran Syiah di Malaysia. Ini disebabkan kedudukan golongan akademik yang amat dipandang tinggi oleh masyarakat awam. Mereka juga menjadi rujukan masyarakat dalam menilai sesuatu perkara berkaitan agama. Oleh yang demikian, kewujudan anasir Syiah dalam kalangan beberapa ahli akademik tempatan amat dipandang serius oleh kerajaan hingga mendorong beberapa tindakan diambil terhadap sebahagian mereka seperti yang telah dinyatakan di atas.

2.6.3 Penyebaran karya-karya Syiah berbahasa Melayu masa kini

Pada peringkat awal, karya-karya Syiah disebarkan secara amat berhati-hati dalam kalangan pengikut mereka. Walau bagaimanapun karya-karya tokoh Syiah yang bercorak politik dan gerakan Islam karangan Khomeini sememangnya telah tersebar dalam masyarakat sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Manakala karya-karya Syiah yang jelas

---

[187] 'Amr bin Bahr al-Jahiz, *100 Kata-kata Hikmah al-Imam Ali bin Abi Talib*, terj. Mohd Nor bin Ngah (Kuala Lumpur: Penerbitan al-Wilayah, 1991).
[188] Al-Taskhiri, *Gerakan Kebangkitan Islam*.
[189] Seksyen Akidah, "Laporan Mengenai Coalition Of Malaysia NGOs In The UPR Process (COMANGO)" (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 11-12.

University of Malaya

mengemukakan doktrin anutan Syiah seperti *imāmah*, penolakan terhadap para *al-sahabah*, serangan terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, keharusan nikah mut'ah dan sebagainya amat sukar untuk ditemui secara terbuka.

Namun begitu pada tahun 2011, berlaku suasana yang menggemparkan apabila jabatan-jabatan agama hampir di seluruh negara melaporkan mengenai modus operandi penganut Syiah yang mengedarkan karya-karya Syiah dalam bahasa Melayu ke jabatan-jabatan agama, masjid-masjid dan surau-surau secara percuma. Pengedaran tersebut dilakukan sama ada secara pos laju mahupun secara serahan tangan.

Misalnya, pada 17 Ogos 2011, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Masjid dan Surau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang telah menerima bungkusan Pos Laju dari Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Teluk Air Tawar. Bungkusan tersebut mengandungi dua buah buku Syiah yang disebarkan ke masjid-masjid negeri tersebut. Pos Laju tersebut dikirimkan dari pihak yang beralamatkan Majlis Syiah Malaysia, No 14B, Jalan Hj Mahmood, 81750, Ulu Tiram, Johor. Dua buah buku tersebut adalah buku terjemahan berjudul *Dialog Sunnah Syiah* karangan A. Syarifuddin dan *Akhirnya Kutemui Kebenaran* karangan Dr Ahmad Tijani.[190]

Pada tahun yang sama juga, Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu juga telah melaporkan mengenai pengedaran buku-buku tentang "kebenaran" ajaran Syiah ke masjid-masjid seluruh Terengganu. Buku-buku itu diposkan kepada semua pengerusi masjid untuk diagihkan kepada imam yang bertugas di setiap masjid di mana setiap bungkusan mengandungi tiga set buku yang perlu dituntut di pejabat pos. Ketiga-tiga buku tersebut iaitu *Akhirnya Kutemui Kebenaran*, *Dialog Mengenai Islam dan Akidah Islam Sebenar* dan *Kewajipan Muslim Mentaati Kepimpinan Yang dilantik Allah dan Rasul Demi Perpaduan*

[190] Seksyen Akidah, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (2012), 19.

University of Malaya

dan Kejayaan Dunia Akhirat. Setiap bungkusan itu tertulis daripada kiriman Majlis Syiah Malaysia, beralamat No. 148, Jalan Haji Mahmood, Ulu Tiram, Johor di samping terdapat cop beralamat Majlis Syiah Malaysia, 1012, Desa Melawati, Kuala Lumpur yang diragui.[191]

Hal yang sama juga berlaku di Perak apabila pihak tertentu menghantar buku-buku Syiah ke merata surau dan masjid di Perak. Antara judul buku berkenaan yang disebarkan ialah *Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bait*, *Inilah Khulafa Ar Rasyidin*, *Akhirnya Ku Temui Kebenaran*, *Dialog Mengenai Islam dan Akidah Islam Yang Sebenar* dan *Kewajipan Setiap Muslim Mentaati Kepimpinan Yang Dilantik Allah dan Rasul Demi Perpaduan dan Kejayaan Dunia dan Akhirat*.[192]

JAKIM sendiri telah menerima buku-buku Syiah tersebut dengan dilampirkan bersama sesalinan Memorandum Majlis Syiah Malaysia kepada Yang di-Pertuan Agong bertarikh 6 Jun 2011. Dipercayai, usaha ini dilakukan oleh pihak Syiah bertujuan untuk mempengaruhi semua institusi dan individu berpengaruh agar terpaut atau sekurang-kurang bersimpati dengan ajaran Syiah. Walau bagaimanapun pihak berkuasa telah mengambil tindakan pantas bagi menyekat penyebaran buku-buku Syiah tersebut. Justeru, beberapa operasi penguatkuasaan telah dijalankan dalam tahun 2011.[193]

Pada 17 Jun 2011, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Padang Besar, Perlis telah merampas 2,882 buah buku terdiri daripada dua judul buku Syiah yang telah diharamkan. Pada 5 Julai 2011, Bahagian Kawalan Penerbitan Teks al-Quran, Kementerian Dalam Negeri (KDN) merampas 512 buku yang terdiri daripada empat judul di Pusat Mel Laju, Jejawi dan Pusat Pos Laju, Sena, Kangar, Perlis. Pasukan yang sama juga sekali lagi telah merampas

[191] *Ibid*.
[192] *Ibid.*, 20.
[193] *Ibid.*, 18.

University of Malaya

657 buah buku yang terdiri daripada tiga judul di Pejabat Pos Malaysia, Kuala Terengganu, Terengganu pada 23 Ogos 2011.[194]

Manakala rampasan terbesar buku-buku Syiah pada tahun 2011 telah dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dalam satu serbuan di sebuah rumah di Taman Paya Dalam, Melaka pada 25 Ogos. Dalam serbuan itu, sejumlah 35,000 buah buku dan risalah mengenai fahaman Syiah yang telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) ditemui di rumah tersebut. Buku-buku dan risalah yang ditemui itu telah siap dibungkus dan akan diedarkan melalui pos ke seluruh masjid dan jabatan-jabatan kerajaan. Siasatan JAIM mendapati, buku-buku yang akan dihantar itu datang daripada Majlis Syiah Malaysia beralamat di Ulu Tiram, Johor Bahru dan sejumlah 6,000 naskhah telah pun dihantar ke seluruh negara. Siasatan pihak JAIM juga mendapati, kegiatan Syiah di negeri Melaka didalangi dan dibiayai oleh pengasas dan pengusaha produk air minuman kesihatan ECPI, Amir Hamzah bin Abdul Hamid.[195]

Sekali lagi pada 29 Ogos 2013, JAIM dan Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran KDN telah merampas lebih 10,000 naskhah risalah berkaitan Syiah yang sudah diedar dan baru dicetak di sebuah kilang percetakan di Cheng, Melaka. Menerusi serbuan tersebut, JAIM dan KDN menemui tujuh bungkusan besar berjumlah 10,000 risalah Syiah yang dipercayai untuk edaran. Risalah 40 muka surat bertajuk 'Bahaya Syiah?' antaranya mengandungi laporan polis empat muka surat mengenai dakwaan pengikut Syiah gagal mendaftarkan pertubuhan berkenaan, penjelasan mengenai Deklarasi Amman mengenai persepakatan para ulama dan cendekiawan Islam berbeza mahzab yang didakwa telah mengiktiraf lapan mazhab termasuk Syiah. Selain itu, turut dimuatkan penjelasan mengenai

[194] *Ibid.*
[195] *Ibid.*, 21.

University of Malaya

fatwa pengharaman Syiah serta petikan-petikan laporan akhbar mengenai pelbagai tuduhan terhadap Syiah.[196]

Menerusi fakta-fakta di atas, dapat dilihat dengan jelas usaha yang dilakukan oleh pihak Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah bagi menyebarkan ajaran mereka menerusi karya-karya berbahasa Melayu kepada masyarakat Islam yang majoritinya berfahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Meskipun mereka menyedari kewujudan pihak berkuasa yang senantiasa memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap sebarang pelanggaran undang-undang, akan tetapi usaha menyebarkan karya-karya tersebut tetap cuba dilakukan. Hal ini sudah tentu menyentuh sensitiviti umat Islam, kerana karya-karya tersebut tidak dapat mengelak daripada mempersoalkan kebenaran anutan yang dipegang selama ini. Salah satu daripada ajaran yang dipertikaikan dalam karya-karya Syiah tersebut, adalah pegangan yang menjadi sebati dan mendarah daging dalam diri umat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah iaitu memuliakan kedudukan para *al-sahabah* Rasulullah SAW. Perkara ini akan dibahaskan oleh pengkaji dalam subtopik seterusnya.

2.7 Karya-karya mengenai *al-sahabah* di Alam Melayu

Jika ditelusuri tradisi umat Islam di Alam Melayu, para *al-sahabah* memiliki kedudukan yang sangat tinggi dan dihormati. Sebagaimana yang dibahaskan dalam subtopik 2.3, versi Islam yang terawal sampai ke Alam Melayu adalah berasaskan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sama ada dari sudut akidah, fiqah mahupun tasawuf. Dalam konteks pengiktirafan terhadap kedudukan para *al-sahabah*, Batu Bersurat Terengganu bertarikh 22 Februari 1303 boleh menjadi bukti utama. Pada Batu Bersurat tersebut tercatat, “*Rasulullah*

[196] Seksyen Akidah, “Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia” (2013), 23.

University of Malaya

Dengan Yang Arwah Santabi *Mereka*". Perkataan, "Santabi" bermaksud "Saḥābī". *Saḥābī* merupakan makna yang dipilih oleh Kerajaan Malaysia menerusi Jabatan Warisan Negara Malaysia, khasnya semasa Batu Bersurat dicalonkan sebagai artifak warisan dunia pada tahun 2008.[197] Maka, perenggan tersebut bermaksud, "*Rasulullah dengan arwah para al-sahabah Baginda*". Ini tidak lain merupakan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW dan para *al-sahabah* baginda. Sudah menjadi tradisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menggandingkan selawat ke atas Nabi SAW dengan para *al-sahabah* selepasnya.

Para pendakwah dan ulama di Alam Melayu amat serius dan bersungguh-sungguh dalam menerapkan fahaman tersebut kepada seluruh umat Melayu. Mereka bukan sekadar menekankan aspek amali yang berkaitan hukum-hakam dan halal haram seperti solat, puasa, zakat, haji, jual beli dan jenayah, bahkan aspek akidah yang membicarakan soal ketuhanan, kenabian dan keghaiban. Apabila menyentuh soal kenabian, sudah tentu ia berkait rapat dengan sumber hukum yang kedua selepas al-Qur'an, iaitu sunnah Nabi SAW. Mana mungkin bercakap mengenai al-Sunnah, tanpa menyentuh para *al-sahabah* yang merupakan para perawi yang menyampaikan hadis-hadis Baginda.

Lantaran itu, Alam Melayu amat kaya dengan karya-karya hadis yang diterjemahkan daripada Bahasa Arab oleh para ulama Nusantara. Antaranya seperti Syeikh Abdullah bin Abdul Mubin al-Fatani yang menterjemahkan kitab *Tanbīh al-Ghāfilīn,* karya Abū Layth al-Samarqandī[198], Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang mengarang hadis-hadis berkenaan

[197] UNESCO (2009), "Memory of the World: Batu Bersurat Terengganu (Inscribed Stone of Terengganu)", http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/CI/CI/pdf/mow/nomination_forms/Malaysia+Terengganu.pdf. 02 Disember 2016.

[198] Karya Tanbih al-Ghafilin telah diselesaikan penulisan atau penterjemahannya oleh Shaykh 'Abd Allāh al-Faṭānī pada tahun 1184H/ 1770M. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah, "Perkembangan Penulisan Hadith Ulama Asia Tenggara", (Kertas Kerja International Seminar on Islamic Studies In South-East Asia (ISIS) di Universiti Brunei Darussalam, 20-23 November 1995), 6.

University of Malaya

al-Imam al-Mahdī dalam kitabnya *Farā'id Fawā'id al-Fikrī fī al-Imām al-Mahdī*[199] dan terjemahan kitab *Kashf al-Ghummah*[200], karya 'Abd al-Wahhāb al-Sha'rānī. Turut menulis kitab hadis adalah Syeikh Nawawi al-Bantani menerusi kitab beliau *Tanqīh al-Qawl* yang merupakan terjemahan kepada karya asal al-Suyūṭī, *Sharḥ Lubāb al-Ḥadīth*[201]. Begitu juga dengan Syeikh Ahmad al-Fatani yang terkenal dengan kitab hadis *Bishārah al-'Āmilīn wa Naẓārah al-Ghāfilīn* yang merujuk kepada kitab-kitab asal seperti *Riyāḍ al-Ṣaliḥīn,* karya al-Nawawī, *al-Jāmi' al-Ṣaghīr* dan *Lubāb al-Ḥadīth,* karya al-Suyūṭī dan lain-lain[202]. Penulisan karya-karya hadis ini sudah cukup bagi membuktikan kedudukan para *al-sahabah* dalam kalangan penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah di Alam Melayu.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu juga memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan kebudayaan kepada ahli masyarakatnya. Hampir semua aspek budaya Nusantara diresapi unsur Islam dengan nuansa yang pelbagai. Para pendakwah Islam bijak mengambil pendekatan menyebarkan Islam dalam bentuk yang mudah dan menarik. Antaranya dengan menulis cerita dan kisah berkenaan tokoh-tokoh hebat bercirikan kepahlawanan dan kepimpinan dalam sejarah Islam. Dengan itu, banyak kisah tokoh-tokoh *al-sahabah* diangkat dalam karya-karya kesusasteraan Melayu klasik seperti *Hikayat Abu Bakar*, *Hikayat Amir al-Mu'minin Umar*, *Hikayat Abu Syahmah*, *Hikayat Abu Bakar dan*

---

[199] Karya ini diselesaikan pada malam Sabtu, bulan Zulkaedah 1215H/ April 1801M dan merupakan terjemahan daripada karya Shaykh Mirghānī bin Yūsuf yang membicarakan tentang kedatangan Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Lihat Wan Mohd Shaghir, "Perkembangan Penulisan Hadith Ulama Asia Tenggara", 6.

[200] Karya ini disiapkan pada 20 Rabi'ul Awal 1238H dan ditashihkan semula oleh Shaykh Aḥmad al-Faṭānī. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit UKM, 2002), 34.

[201] Karya ini menekankan kepentingan sanad-sanad hadis dan latar belakang perawi serta kesahihan sesebuah sanad. Lihat Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin, *Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Bidang Hadith: Tumpuan Kepada Kitab Tajdhib Atraf al-Hadith*, (Disertasi Sarjana, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 43.

[202] Karya ini diselesaikan penulisannya pada malam Ahad, 14 Rabi'ul Akhir 1304H/1887M di Mekah. Lihat al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani*, 60.

University of Malaya

Rahib Yahudi, *Hikayat Raja Khandak*, *Hikayat Hassan dan Hussain*, *Hikayat Tamim al-Dari*, *Hikayat Amir Hamzah* dan lain-lain.[203]

Lebih menjelaskan lagi kedudukan para *al-sahabah* di Alam Melayu, adalah karya-karya akidah dan fiqah karangan para ulama Nusantara yang menukilkan pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terhadap para *al-sahabah*. Antaranya dalam manuskrip *'Aqā'id al-Nasafī* yang disifatkan oleh al-Attas sebagai manuskrip Melayu tertua yang masih utuh dalam simpanan. Ia disalin pada 10 Februari 1590 dan dianggarkan berumur 422 tahun.[204] Manuskrip ini memuatkan terjemahan Melayu kepada teks *al-Aqā'id al-Nasafiyyah*, kitab akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah karangan Abū Ḥafṣ 'Umar al-Nasafī. Ia menjelaskan tentang keadilan kekhalifahan Abū Bakar, 'Umar, 'Uthmān dan 'Alī; manuskrip ini menyebutkan:

> "Bermula terlebih daripada segala manusia kemudian daripada Nabi kita Abū Bakr al-Ṣiddīq, maka 'Umar bin Khaṭṭāb, maka 'Uthmān bin 'Affān, maka 'Alī bin Abū Ṭālib – digemari Allah daripada mereka itu sekalian. Dan keadaan ganti (yakni khilafah) mereka itu atas periringan ini pulang. Bermula khilafah itu tiga puluh tahun juga, maka kemudian dari itu raja raja dan penghulu."[205]

Berkaitan amalan Syiah yang mencela para *al-sahabah* Rasulullah SAW, manuskrip ini menyebutkan:

> "Dan fardu kita peliharakan daripada menyebut *al-sahabah* melainkan dengan kebajikan. Dan naik saksi kita dengan syurga sepuluh *al-sahabah* yang telah diceriterakan oleh Nabi 'alayh al-salām, dengan syurga."[206]

Kenyataan manuskrip ini amat berlawanan dengan akidah Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang mendakwa majoriti para *al-sahabah* Rasulullah SAW adalah munafik dan

---

[203] Ismail Hamid et al., *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-Tokoh Islam Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 18,19 & 29.
[204] Al-Attas, *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century of the 'Aqaid of Al-Nasafi*, 9.
[205] *Ibid*., 61.
[206] *Ibid*., 62

University of Malaya

menjadi murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW. Manuskrip Melayu tertua ini menjadi bukti kukuh penolakan terhadap fahaman Syiah dalam perspektif warisan Tamadun Melayu.

Karya seterusnya yang menunjukkan penolakan terhadap fahaman Syiah yang anti kepada *al-sahabah* adalah kitab *Furū' al-Masā'il wa Usūl al-Wasā'il*, karangan ulama Patani terkemuka iaitu Syeikh Daud Abdullah al-Fatani. Dalam kitab ini, beliau ada menghuraikan persoalan tentang keharusan melaknat Yazīd bin Mu'āwiyah yang didakwa membunuh cucu Rasulullah SAW iaitu Ḥusayn bin 'Alī.[207] Beliau menjawab:

> "Bahawasanya tiada harus dilaknat akan dia yakni akan Yazīd anak Sayyidina Mu'āwiyah seperti menṣarīḥkan jamā'ah kerana ditegah Nabi ṣallā Allāh 'alayh wa sallam daripada melaknatkan orang yang sembahyang dan akan orang yang ia daripada Ahlul Qiblah.."

Seterusnya beliau membawakan satu lagi pendapat dalam persoalan ini iaitu:

> "… dan tiada menyalahi kata muta'akhkhirīn muwāfaqah mereka itu atas harus laknat orang yang membunuh Sayyidina Ḥusayn atau yang menyuruh membunuh akan dia atau orang yang mengharuskan dia atau orang yang redha dengan dia kerana maknanya daripada bab yang disebut pada hadīth: Allah melaknat arak, peminumnya, penghidangnya, penjualnya, peminta supaya dijualkan kepadanya, pemerahnya dan orang yang meminta diperahkan untuknya, pembawanya dan orang yang diminta bawa kepadanya…hingga akhir hadīth riwayat Abū Dawūd dan Ibn Mājah…"

Akhirnya Syeikh Daud al-Fatani menegaskan pendapat yang beliau pilih adalah Yazīd bin Mu'āwiyah bukan pembunuh cucunda Rasulullah SAW di Karbalā', maka tidak harus beliau dilaknat sebagai pembunuh. Beliau mengukuhkan hujahnya dengan membawakan pandangan al-Ghazālī seperti berikut:

> "… dan tiada thābit bahawasanya ia membunuh akan dia dan tiada ia menyuruh dengan membunuh seperti barang yang menṣarīḥkan jamā'ah dan setengah daripadanya Imām Ḥujjah al-Islām dan disebut pada kitab Anwār dan tiada harus melaknat akan Yazīd dan tiada boleh dikafirkan dia maka ia bahawasanya jumlah daripada orang yang mu'minīn jika dikehendak Allah diberi rahmat dan jika dikehendak diseksa-Nya dan menghikayatkan beberapa ia memuliakan 'Alī bin Ḥusayn hingga berpanjangan disebut ceriteranya".

[207] Daud bin Abdullah al-Fatani, *Furū' al-Masā'il Wa Uṣūl al-Wasā'il* (Patani: Maṭba'ah Bin Ḥalabī, t.t), 1: 10.

University of Malaya

Pendapat beliau dalam persoalan ini jelas menunjukkan iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang dianutnya, bertentangan dengan akidah Syiah yang secara konsisten menganggap Yazīd bin Mu'āwiyah sebagai pembunuh Ḥusayn bin 'Alī dalam peristiwa Karbalā'.[208]

Selain daripada itu, kitab *Tuḥfah al-Rāghibīn fī Bayān Ḥaqīqah Imān al-Mu'minīn wa mā Yufsiduh Riddah al-Murtaddīn* karangan Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari[209] yang menjelaskan lagi kedudukan *al-sahabah* menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Dalam kitab ini terkandung peringatan daripada al-Banjari terhadap sikap Syiah yang gemar mencela isteri Rasulullah SAW, khususnya 'Ā'ishah r.a.h. Beliau mengatakan pada halaman 6:

> "(Dan barang siapa) menukas (menuduh) Siti 'Ā'ishah dengan zina (atau) mengkafirkan orang Islam dengan tiada ta'wīl serta dihalalkannya mengkafirkan dia (maka iaitu jadi kafir)."

Pada halaman 7 pula beliau menegaskan:

> "(Dan barang siapa) yang menafikan *al-sahabah* Sayyidina Abū Bakr bagi Nabi kita Muḥammad SAW. (Maka) orang itu jadi kafir."

Dengan nada yang sama di halaman 7 beliau merumuskan:

> "(Dan barang siapa) menyesatkan Umat Muhammad ertinya membangsakan mereka itu kepada sesat atau mengkafirkan ia akan segala *al-sahabah* Nabi…(maka) orang ini jadi kafir."

Beliau seterusnya menjelaskan pada halaman 9:

> "Hubaya-hubaya hai saudaraku yang beriman! Wajib atasmu beriktikad dengan i'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. (Kerana) iaitulah jalan Nabi Allah dan *al-sahabah*nya dan segala mereka yang mengikut akan mereka itu dan yang mengikut akan yang mengikut mereka hingga Hari Kiamat. Dan

---

[208] Muḥammad bin Ya'qūb al-Kulaynī, *al-Kāfī* (Qom: Dār al-Ḥadīth, 1429H), 8: 235; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 46: 138.

[209] Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, *Tuḥfah al-Rāghibīn Fī Bayān Ḥaqīqah Imān al-Mu'minīn Wa Mā Yufsiduh Riddah al-Murtaddīn* (Patani: Maṭba'ah Bin Ḥalabī, t.t).

University of Malaya

wajib atasmu menjauhi sekalian i'tiqād bid'ah yang sesat (seperti) i'tiqād segala kaum yang tujuh puluh dua yang tersebut bilangan mereka itu di dalam hadis yang tersebut."

Seterusnya di halaman 9 dan 10, beliau telah menggariskan asas-asas kesesatan Syiah Rāfiḍah terutamanya berkaitan para *al-ṣaḥābah* sebagaimana berikut:

"...(Dan) setengah mereka itu adalah iktikadnya bahawa khalifah itu Sayyiduna 'Alī tiada lainnya. (Dan) bahawa Abū Bakr dan 'Umar dan 'Uthmān jadi kafir mereka itu tatkala menerima jadi khalifah lain daripada 'Alī. (Dan) adalah mereka itu menyampah akan Abū Bakr (dan) 'Umar (dan) 'Uthmān dan akan *al-sahabah* yang lain, dilebihkan oleh mereka itu akan segala taulan Sayyiduna 'Alī daripada *al-sahabah* Rasulullah ṣallā Allāh 'alayh wa sallam..."

Seorang lagi ulama Nusantara yang tegar dalam menyebarkan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah kepada masyarakat Islam di Alam Melayu adalah Syeikh Abdul Qadir al-Mandili. Menerusi karyanya yang terkenal, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf*[210], beliau meletakkan prinsip-prinsip dalam berinteraksi dengan *al-sahabah* berdasarkan akidah salaf. Beliau mengatakan pada halaman 158:

"Dan kasih oleh kami akan sekalian *al-sahabah* Rasulullah ṣallā Allāh 'alayh wa sallam, dan tiada berlebih-lebihan kami pada kasih akan seseorang daripada mereka itu. Dan tiada melepaskan diri oleh kami daripada seseorang daripada mereka itu. Dan benci oleh kami akan mereka yang benci akan mereka itu, dan akan mereka yang menyebut akan mereka itu dengan lain daripada yang baik. Dan tiada menyebut oleh kami akan mereka itu melainkan dengan kebaikan. Dan bermula kasih akan mereka itu agama dan iman dan berbuat kebajikan. Dan bermula benci akan mereka itu kufur dan nifaq dan melampaui sakat."

Demikian juga pada halaman 160, al-Mandilī menegaskan sekali lagi dalam kitabnya:

"Dan hanyasanya tiada berlebih-lebihan kasih Ahl al-Sunnah akan seseorang daripada *Al-sahabah* kerana berlebih-lebihan itu pekerjaan Yahudi dan Nasrani dan melarang Allah Ta'ālā daripadanya."

[210] Abdul Qadir bin Abdul Muttalib al-Mandili, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Pada Menyatakan Simpulan Akidah Salaf* (Patani : Matba'ah Bin Halabi, t.t).

University of Malaya

Melalui dua penegasan dalam kitab ini, ternyata al-Mandili telah membidas pegangan Syiah yang mengagungkan ‘Alī bin Abī Ṭālib dan keturunannya secara berlebih-lebihan. Selain itu kenyataan beliau pada halaman 158 turut mengecam pendirian Syiah yang beriktikad majoriti para *al-sahabah* Rasulullah SAW adalah munafik dan murtad. Beliau memperingatkan agar tidak menyebutkan berkenaan para *al-sahabah* Rasulullah SAW kecuali dengan kebaikan di samping memohonkan keampunan Allah SWT di atas keterlanjuran mereka sekiranya ada. Kemudian beliau menegaskan betapa cinta Ahl al-Sunah wa al-Jamā‘ah kepada Abū Bakar al-Ṣiddīq dan ‘Umar al-Khaṭṭāb.

Pada halaman 160-161 beliau menyatakan:

> “Pada mazhab kita Ahl al-Sunnah dituntut kita kasih kepada sekalian *al-sahabah* semuanya, dan tiada harus bahawa melepaskan diri kita daripada seorang daripada mereka itu, kerana sekalian mereka itu sebaik-baik umat. Dan sekalian mereka itu telah berjasa pada meninggikan agama dan memajukannya. Istimewa Sayyidina Abū Bakr dan Sayyidina ‘Umar raḍiya Allāh ‘anhumā. Dan menyalahi oleh Rāfiḍah, maka pada sisi mereka itu “Lā walā’ illā bi al-Barā’”. Ertinya tiada menolong akan Ahl al-Bayt melainkan melepaskan diri daripada Sayyidina Abū Bakr dan Sayyidina ‘Umar raḍiya Allāh ‘anhumā”.

Di samping itu, al-Mandilī turut bersetuju dengan Abū Ja‘far al-Ṭaḥāwī yang mengkategorikan Syiah Imāmiyyah Ithnā Ash‘ariyyah ataupun Syiah Rāfiḍah ke dalam golongan munafik. Pada halaman 174-175 beliau menekankan:

> “Dan hanyasanya berkata oleh pengarang rahima Allāh Ta‘ālā, maka sesungguhnya telah lepas ia daripada nifāq’, kerana bahawasanya *al-Rafḍ* ertinya ‘berlebih-lebihan pada mazhab al-Shī‘ah dan mengharuskan akan mencela *al-sahabah* raḍiy Allāh ‘anhum’. Hanyasanya mereka-reka akan dia oleh munāfiq yang tiada berpegang dengan sesuatu daripada agama. Maksudnya, membatalkan Agama Islam dan mencela Nabi ṣallā Allāh ‘alayh wa sallam, seperti yang menyebut akan yang demikian itu oleh ulama.”

Kesan daripada usaha gigih para ulama dan pendakwah berkenaan, akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah telah mengakar kukuh dalam jati diri umat Islam di Alam Melayu dari satu generasi ke generasi seterusnya. Hal ini terserlah dalam tradisi dan budaya masyarakat

University of Malaya

Melayu Islam di Malaysia yang sering menyebut nama-nama para *al-sahabah* sama ada secara umum atau khusus dalam amalan keagamaan mereka. Antara yang dapat dikemukakan di sini adalah seperti berikut:

a) Amalan menyebut nama-nama *Khulafā' al-Rāshidīn* yang empat ketika selawat yang diselangselikan dengan solat sunat tarawih.
b) Menyebut para *al-sahabah* secara umum dalam selawat ketika membaca pembuka dan penutup doa.
c) Menyebut selawat ke atas para *al-sahabah* secara umum dalam mukadimah *Mawlid al-Barzanji* yang menjadi amalan terutamanya setiap kali sambutan Maulidur Rasul.
d) Membaca doa keredaan ke atas *Khulafā' al-Rāshidīn* yang empat ketika di penghujung setiap khutbah Jumaat dan khutbah dua hari raya.
e) Menyebut para *al-sahabah* secara umum ketika membaca doa untuk menghadiahkan pahala bacaan tahlil atau *Yasin*.

Dengan fakta-fakta yang dikemukakan, menunjukkan bagaimana ketinggian kedudukan para *al-sahabah* di sisi penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah di Malaysia. Ia wujud sebagai suatu pegangan akidah, periwayat hadis, penghias selawat, doa dan khutbah, bahkan menyumbang kepada pengayaan kesusasteraan Melayu Islam. Justeru itu, amat ganjil dan janggal sekali sekiranya terdapat pegangan yang menyalahi apa yang telah menjadi pegangan tradisi umat Islam terhadap para *al-sahabah*. Bagi menjelaskan lagi hal demikian, dalam subtopik seterusnya penulis akan bentangkan pengenalan terhadap tiga karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berbahasa Melayu yang menyentuh mengenai persoalan *al-sahabah* yang berbeza dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

University of Malaya

2.8 Pengenalan karya-karya terpilih

Sebagaimana dinyatakan dalam sub topik yang lalu, penyebaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah di Malaysia amat berkait rapat dengan penyebaran karya-karya Syiah dalam Bahasa Melayu. Keterlibatan golongan agamawan dan ahli akademik dalam menghasilkan karya-karya tersebut, menambahkan lagi impak penerimaan karya-karya tersebut oleh masyarakat awam. Karya-karya tersebut dipersembahkan dalam Bahasa Melayu yang boleh difahami oleh majoriti umat Islam di Malaysia menerusi pelbagai bentuk sama ada penulisan akademik, genre sastera atau risalah hebahan. Dalam kajian ini, pengkaji akan menumpukan kepada tiga buah karya sahaja sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Pendahuluan sebelum ini. Sebagai pengenalan sebelum membahaskan setiap karya berkenaan dengan lebih lanjut, dibentangkan secara ringkas mengenai penulis dan manhaj penulisan setiap karya tersebut.

2.8.1 Khair Izzah dan karyanya *Meniti Titian Kebenaran*

Khair Izzah merupakan nama samaran kepada Khaireen Syahreen bin A Malek. Memiliki perniagaan mengedar dan menjual buku-buku kajian, komputer, barangan aksesori dan penternakan itik dan kambing di bawah Syarikat Raudhah al-Hurr Resources Enterprise beralamat di Ulu Tiram, Johor. Dalam kata pengantar buku *Meniti Titian Kebenaran*, beliau mengaku sebagai penuntut di Kuliah Usuluddin dan Dakwah, Universiti al-Azhar, Mesir. Selain mengarang buku *Meniti Titian Kebenaran*, beliau juga ada mengarang buku lain yang turut mempertahankan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dan mengkritik Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah iaitu *Pertahan Syariat Muhammadiyah* pada 2010. Selain itu, beliau

University of Malaya

pernah mewakili pihak Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dalam Dialog Sunni Syiah yang diadakan di Masjid Jamek Taman Perling, Johor Bahru pada 3 Februari 2013.[211]

Mengenai isi kandungan buku *Meniti Titian Kebenaran*, secara umumnya ia ditulis dengan jelas bertujuan untuk mempromosikan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Sekalipun tajuk besarnya agak kabur dan bersifat *catchy*, namun secara penuh disebutkan judulnya, *Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bait*. Tajuk sedemikian sudah cukup menimbulkan tanda tanya di benak pembaca bahawa terdapat suatu mazhab baharu yang selama ini terselindung kebenarannya oleh sebab tertentu. Dalam kata pengantarnya, penulis menekankan kepentingan berfikir dan mengkaji dalam mencari kebenaran. Bukan sekadar bertaqlid kepada ibu bapa atau keturunan yang lebih banyak dipengaruhi oleh sentimen berbanding bersikap rasional dan profesional. Penulis merakamkan kekesalannya yang pernah menilai ajaran Syiah berdasarkan tulisan-tulisan daripada musuh-musuh Syiah. Namun dalam diam-diam beliau cuba mengkaji ajaran Syiah menerusi sumber-sumber Syiah sendiri. Akhirnya ia menjadi titik peralihan dalam pencarian beliau apabila mendapati hujah-hujah yang dikemukakan dalam sumber rujukan Syiah mampu menjawab semua pertikaian yang ditimbulkan oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Justeru, buku ini ditulis dengan membawakan hujah-hujah al-Qur’an, hadis, sejarah dan logik akal siapakah sebenarnya golongan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah itu.[212]

Seterusnya penulis membahagikan buku ini kepada sembilan topik dengan keseluruhannya 755 halaman, iaitu:

1. Mazhab Majoriti: Mengenali Ahlus Sunnah Wal Jamaah
2. Mazhab Minoriti: Mengenali Syiah Imamiyyah

[211] Seksyen Akidah, “Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia” (2013), 10; “Debat Sunni Syiah Masjid Perling 2013: Analisis Ringkas”, Meniti Titian Sebenar, http://titian-sebenar.blogspot.my/2014/02/debat-sunni-syiah-masjid-perling-2013.html. 10 Januari 2016; “Debat Sunni vs Syiah Malayia, https://www.youtube.com/watch?v=NpSUIyUUwZE&t=42m38s. 10 Januari 2016.
[212] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 1-51 (Kata Pengantar).

University of Malaya

3. Perbahasan Pertama: Sumber-sumber Asas Aqidah
4. Perbahasan Kedua: Individu Ahlul Bait Nabi SAW
5. Perbahasan Ketiga: Hak Jabatan Khilafah Islam
6. Perbahasan Keempat: Rampasan Hak Jabatan Khilafah
7. Perbahasan Kelima: Keadilan Para *Al-sahabah*
8. Perbahasan Keenam: Veto Ijtihad vs Nas Syariat
9. Perbahasan Ketujuh: Penciptaan Hadis dan al-Sunnah Nabi

Dengan melihat kepada setiap topik yang disusun, secara kasarnya dapat diperhatikan bahawa karya ini ditulis bukan semata-mata bertujuan untuk memperkenalkan siapakah Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, sebaliknya ia bersifat responsif dan defensif terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Dengan kata lain, ia ditulis bagi menjawab segala keraguan dan pertikaian yang ditimbulkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah terhadap ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah.

Dalam topik pertama dan kedua, penulis mengemukakan hujah-hujah bagi meruntuhkan kredibiliti dan keaslian mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan mempertahankan keaslian mazhab Syiah Imamiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Ia dengan mempertikaikan kewujudan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang dipelopori oleh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī yang hanya wujud pada kurun ke-3 Hijrah jauh selepas kewafatan Rasulullah SAW. Demikian juga imam mazhab empat yang muncul lebih dahulu daripada al-Ash‘arī, namun kemudiannya bernaung di bawah akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang datang terkemudian. Sebaliknya Syiah merupakan golongan yang telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW iaitu pengikut Ahl al-Bayt yang dipimpin ‘Alī dan keturunannya, sekaligus

University of Malaya

menafikan dakwaan bahawa Syiah diasaskan oleh seorang Yahudi bernama ‘Abd Allāh bin Saba’.[213]

Dalam topik ketiga, penulis membentangkan panjang lebar kritikannya terhadap sumber akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sehingga mencapai 71 halaman. Manakala bakinya sebanyak 27 halaman bagi mempertahankan kebenaran sumber asas akidah Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Inti perbincangan adalah berkisar hadis Rasulullah SAW agar berpegang kepada al-Qur’an dan al-Sunnah yang dipertikaikan kesahihannya. Begitu juga hadis yang memerintahkan agar berpegang kepada Khulafā’ al-Rāshidīn yang dihadkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah kepada empat orang sedangkan hadis lain menyebutkan mereka seramai 12 orang. Seterusnya penulis membahaskan hadis *al-Thaqalayn* yang menjadi dasar pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah kepada Ahl al-Bayt kerana kesahihannya yang turut diiktiraf oleh karya-karya hadis Sunni.[214]

Dalam topik keempat, penulis menumpukan tulisannya bagi mempertahankan pengertian Ahl al-Bayt menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang terdiri daripada ‘Alī, Fāṭimah, Ḥasan dan Ḥusayn serta keturunannya. Sebelum itu, penulis terlebih dahulu membidas setiap pendapat yang menyalahi pengertian tersebut dengan membawakan hujah-hujah bangkangan.[215]

Dalam topik kelima, penulis membincangkan secara khusus mengenai doktrin utama Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah iaitu kepercayaan terhadap *imāmah* Ahl al-Bayt. Ia bermula dengan mengemukakan hujah berdasarkan dalil-dalil al-Qur’an mengenai pelantikan ‘Alī selaku pengganti Rasulullah SAW. Diikuti dengan dalil-dalil hadis terutamanya hadis Ghādir Khum yang turut diriwayatkan dalam karya-karya hadis Ahl al-Sunnah wa al-

[213] *Ibid.*, 3-32.
[214] *Ibid.*, 35-133.
[215] *Ibid.*, 137-193.

University of Malaya

Jamā‘ah. Sambil membentangkan hujah-hujah tersebut, penulis membidas huraian ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang tidak menepati cara pendalilan golongan Syiah Imāmīyyah Ithnā ‘Ashariyyah.[216]

Dalam topik keenam, penulis mula menyatakan konfrantasi secara jelas terhadap pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dengan meletakkan tajuk "Rampasan Hak Jabatan Khilafah." Penulis mendakwa golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah tergamak mencipta pelbagai alasan rapuh bagi melegitimasikan kedudukan Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān selaku khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Penulis mengemukakan hujah-hujah bantahan terhadap dua alasan utama yang menjadi hujah golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah; Pertama, ketiadaan sebarang nas atau wasiat yang menentukan secara khusus pengganti Rasulullah SAW selepas kewafatannya. Kedua, pelantikan ketiga-tiga khalifah yang berlaku secara syura, ijmak dan baiah.[217]

Dalam topik ketujuh, penulis membentangkan pendirian sebenar Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah terhadap keadilan para *al-sahabah*. Ia dimulai dengan membawakan perspekstif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah mengenai *al-sahabah* berserta dengan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah. Namun, setiap dalil yang dikemukakan diulas dan dibantah oleh penulis satu persatu. Seterusnya penulis mengemukakan pula dalil-dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang menafikan keadilan para *al-sahabah* sebagaimana yang dipegang oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.[218]

Dalam topik kelapan, penulis membincangkan secara terperinci mengenai ijtihad para *al-sahabah*. Ia berkesinambungan dengan topik sebelumnya yang menafikan keadilan para *al-sahabah*. Lalu, bagi membukti kebenaran teori ketidakadilan para *al-sahabah*, penulis

[216] *Ibid*., 194-267.
[217] *Ibid*., 268-347.
[218] *Ibid*., 348-420.

University of Malaya

mengemukakan sebanyak mungkin dalil-dalil yang menunjukkan pertentangan ijtihad para *al-sahabah* dengan nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah. Bagi mengukuhkan lagi keautoritian pandangan tersebut, penulis sengaja memfokuskan penelitiannya terhadap tiga orang *al-sahabah* utama di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah iaitu Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān. Kerana itu, topik ini menjadi perbahasan paling panjang yang ditulis di dalam buku ini sehingga mencecah 291 halaman.[219]

Dalam topik kesembilan dan terakhir, penulis mengemukakan pendapatnya berkaitan penciptaan atau pemalsuan hadis bagi mengangkat kedudukan para *al-sahabah* dan mengenepikan peranan 'Alī dan Ahl al-Bayt. Penulis menyokong pendapatnya itu dengan membawakan beberapa teori seperti teori larangan penulisan hadis pada zaman Abū Bakr bagi menyembunyikan keberhakan 'Alī sebagai khalifah. Seterusnya ia ditutup dengan menjadikan *al-sahabah* Nabi SAW, Abū Hurayrah sebagai sasaran kritikan untuk menjatuhkan kredibiliti beliau sebagai perawi yang paling banyak meriwayatkan hadis menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.[220]

Kesimpulannya, buku ini dikarang oleh penulis sebagai alat propaganda bagi menyebarkan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Argumentasi yang dibentangkan lebih bersifat konfrantatif terhadap fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan defensif bagi mempertahankan kebenaran ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Sehubungan itu, pengkaji akan meneliti dan menganalisis hujah-hujah yang dikemukakan penulis, khususnya mengenai isu *al-sahabah* dalam bab akan datang.

[219] *Ibid.*, 419-710.
[220] *Ibid.*, 711-751.

University of Malaya

2.8.2 A. Malik bin Takim dan karyanya *Dialog Tertutup Ahlus Sunnah Waljamaah dan Syiah*

Beliau adalah bapa kepada Khair Izzah, penulis buku *Meniti Titian Kebenaran*. Merupakan bekas pegawai polis Cawangan Khas (Unit Agama dan Politik) di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor. Mengaku terlibat dengan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sebaik sahaja bersara daripada perkhidmatan. Beliau mengakui telah melakukan kajian perbandingan antara Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, lalu memutuskan bahawa ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah lebih benar berbanding Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Rumah beliau beralamat di Ulu Tiram, Johor yang dikenali sebagai *Hauzah Raudhatul Hurr* menjadi pusat penyebaran Syiah dan buku-buku Syiah berbahasa Melayu atas nama Majlis Syiah Malaysia.[221]

Karya berjudul *Dialog Tertutup Ahlus Sunnah Waljamaah dan Syiah*: *Perbezaan-perbezaan Aqidah Ahlus Sunnah Waljamaah Dengan Aqidah Syiah Berdasarkan al-Quran* sebenarnya adalah surat 165 halaman yang dihantar oleh A. Malik bin Takim kepada S.S. Mufti Johor bertarikh 18 Mac 2013. Surat ini dikarang rentetan daripada satu muzakarah atau dialog yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Johor bertempat di Hotel M.Suites, Johor Bahru pada pada 13 Mac 2013 melibatkan dua pihak yang mewakili Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Pihak Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah diwakili oleh pengkaji dan Ahmad Nasim bin Abdul Rauf, manakala pihak Syiah Imamiyyah Ithna ’Ashariyyah diwakili oleh penulis, Najiullah bin Osman dan Hassan Askari.[222]

Ketidakpuasan hati penulis akibat tidak mampu memberikan hujah balas yang meyakinkan ketika dialog berlangsung menjadi punca utama mengapa surat tersebut dikarang. Kerana itu, penulis sebutkan dalam mukadimah suratnya, “*Malangnya, ramai*

---

[221] Seksyen Akidah (2013), “Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia”, 13.
[222] *Ibid.*

University of Malaya

orang yang suka bermuzakarah dengan orang Syiah tetapi niat mereka bukanlah untuk mencari kebenaran tetapi lebih kepada mencari kesalahan..."[223] Ungkapan ini menunjukkan banyak kesalahan dan kesilapan pemikiran Syiah yang dibongkarkan tidak dapat dijawab dan dipertahankan oleh penulis atau wakil Syiah yang lain ketika muzakarah berlangsung. Justeru, 100 subtopik dibentangkan dalam surat tersebut dengan susunan yang tidak teratur. Kebanyakan subtopik, cuba menghuraikan kembali persoalan-persoalan yang belum terjawab dalam dialog tersebut. Antara tema yang diangkat boleh disimpulkan terbahagi kepada lima; penjelasan mengenai Ahl al-Bayt, kepincangan para *al-sahabah*, kelemahan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, kebenaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dan jawapan terhadap beberapa isu lain seperti nikah mut'ah dan penyelewengan al-Qur'an.

Sebagai contoh, dalam perbahasan mengenai Ahl al-Bayt, penulis mendatangkan hujah-hujah bantahan terhadap hujah pengkaji selaku wakil Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang memasukkan isteri-isteri Nabi SAW sebagai sebahagian daripada Ahl al-Bayt menerusi ayat 33, surah al-Aḥzāb. Menurut penulis, di sisi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, ayat tersebut mengandungi dua bahagian yang terpisah dengan perkataan "*innamā*". Justeru ayat yang ditujukan kepada isteri Nabi SAW sebelumnya tiada kena mengena dengan ayat yang menyebut tentang Ahl al-Bayt selepas perkataan "*innamā*". Lalu penulis tafsirkan ayat tersebut dengan hadis *al-Kisā'* yang merujuk Ahl al-Bayt itu kepada 'Alī, Fāṭimah, Ḥasan dan Ḥusayn sambil menyenaraikan karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menyokong hujah tersebut.[224] Penulis turut mempersoalkan ulama-ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sama ada yang terdahulu ataupun yang sekarang kerana terlepas pandang bagi merujuk karya-karya tersebut.[225] Seterusnya penulis menjelaskan Khulafā' al-Rāshidīn adalah 12 orang

[223] A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 7.
[224] *Ibid.,* 11.
[225] *Ibid.,* 16.

University of Malaya

imam Ahl al-Bayt bermula daripada ‘Alī sehingga Muḥammad bin al-Ḥasan al-‘Askarī, manakala Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān tidak termasuk dalam kalangan mereka.[226] Penulis mendakwa nama kesemua dua belas orang imam itu juga termaktub dalam sumber rujukan Sunni[227] seperti kitab *Farā’id al-Simṭayn*[228], *Yanābī‘ al-Mawaddah*[229], *Is‘āf al-Rāghibīn* dan *al-Tafsīr al-Kabīr*.[230] Walau bagaimanapun tiga karya yang pertama bukan karya rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang muktabar dalam bidang hadis dan athār.

Demikian juga ketika membentangkan hujah-hujah ketinggian status ‘Alī sebagai khalifah yang berilmu dan bijak berdasarkan hadis, “*Aku adalah bandar ilmu, dan ‘Alī adalah pintunya*”, [231] penulis menyenaraikan 14 kitab rujukan yang didakwa karya-karya tulisan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Namun, apabila diteliti hanya satu sahaja karya hadis ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah iaitu *Kanz al-‘Ummāl*. Manakala lima lagi iaitu *Tārīkh al-Baghdādī, al-Ṣawā‘iq al-Muḥriqah, al-Bidāyah wa al-Nihāyah, Lisān al-Mīzān* dan *Tahdhīb al-Tahdhīb* adalah karya yang menukilkan hadis tersebut beserta dengan kritikan dan komentar terhadap sanadnya yang bermasalah. Dua lagi rujukan iaitu *Yanābī‘ al-Mawaddah* dan *Sharḥ Nahj al-Balāghah* bukan rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Manakala kitab *al-Istī‘āb, al-Riyāḍ al-Naḍirah, Dhakhā’ir al-‘Uqbā*[232] dan *Usd al-Ghābah* bukan karya yang dirujuk dalam bidang hadis, bahkan di dalamnya terdapat hadis-hadis yang bercampur aduk

---

[226] *Ibid.,* 19-22.
[227] *Ibid.,* 19-20.
[228] Dikarang oleh Ibrāhīm bin Muḥammad bin al-Mu’ayyad bin Ḥamawayh al-Juwaynī. Menurut al-Dhahabī, beliau adalah seumpama pencari kayu api di waktu malam (*ḥāṭib al-layl*) kerana banyak meriwayatkan hadis-hadis yang batil dan palsu. Lihat Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Durar al-Kāminah fī A‘yān al-Mī’ah al-Thāminah* (Ṣaydar Abād: Majlis Dā’irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah, 1972), 1: 76.
[229] Al-Ṭehrānī memasukkan kitab ini sebahagian daripada karya Shī‘ah. Lihat Aghā Barzak al-Ṭehrānī, *al-Dharī‘ah ilā Taṣānīf al-Shī‘ah* (Beirut: Dār al-Aḍwā’, t.t), 25: 290.
[230] Al-Rāzī membawakan 15 pendapat mengenai maksud *al-Kawthar*. Salah satunya adalah pendapat yang mengatakan ia merupakan anak-anak lelaki keturunan Ahl al-Bayt. Namun al-Rāzī cenderung memilih pendapat pertama bererti sungai di syurga kerana ia masyhur dan *mustafīḍ* dalam kalangan ulama salaf dan khalaf. Lihat al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 32: 116-117.
[231] *Ibid.,* 31.
[232] Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, dalam kitab ini mengandungi banyak hadis mungkar dan palsu. Lihat al-Haytamī, *al-Ṣawā’iq al-Muḥriqah*, 2: 647.

University of Malaya

antara sahih, da'if dan palsu. Adapun kitab *Kifāyah al-Ṭālib* tidak ditemui hadis tersebut. Manakala kitab *al-Talkhīṣ*, tidak diketahui ia merujuk kepada karya siapa. Ini kerana jika yang dimaksudkan adalah *al-Talkhīṣ al-Ḥabīr* karangan al-Rāfi'ī, maka hadis tersebut tidak ditemui. Tambahan pula penulis tidak menyediakan senarai bibliografi yang menyatakan secara lengkap nama-nama kitab dan pengarangnya seperti yang lazim dilakukan dalam penulisan ilmiah.

Berdasarkan metodologi penulisan sedemikian, penulis mampu mengelabui mata golongan awam yang kurang terdedah kepada perbahasan akademik atau penulisan ilmiah. Ini kerana, jika dilihat sepintas lalu, penulis seolah-olah telah memberikan keadilan dalam berhujah dengan mengemukakan rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Golongan awam akan menyangka wujud elemen komparatif antara kedua-dua pihak yang akhirnya memberi kelebihan kepada Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sebagai pegangan yang benar. Justeru, hal ini akan dikaji dan diteliti oleh pengkaji pada bab akan datang khususnya dalam isu melibatkan persoalan *al-sahabah*.

2.8.3 Faisal Tehrani dan karyanya *Perempuan Nan Bercinta*

Faisal Tehrani adalah nama pena bagi Mohd Faizal bin Musa. Beliau merupakan novelis berunsur Islam terkenal di Malaysia.[233] Beberapa buah buku beliau selain buku *Perempuan Nan Bercinta* telah dikenakan perintah larangan oleh KDN kerana dikenalpasti mengandungi unsur-unsur ajaran Syiah. Antaranya, *Sebongkah Batu di Kuala Berang*, *Karbala* dan *Ingin Jadi Nasrullah* yang dikenakan perintah larangan pada 1 April 2015 dengan Warta No. P.U. (A) 67.[234]

---

[233] Lihat halaman 95 dan 102.

[234] "Senarai Perintah Larangan", Kementerian Dalam Negeri, http://epq.kdn.gov.my/e-pq/index.php?mod=public&opt=pl. 15 Mei 2015.

University of Malaya

Novel ini dikarang oleh Faisal Tehrani dengan bertemakan novel cinta yang amat digemari oleh golongan remaja tetapi sarat dengan propaganda fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Penulis menerapkan elemen perdebatan ilmiah untuk mempengaruhi pembaca bagi menonjolkan keabsahan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dari segi epistemologi dan ideologi berbanding mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang disifatkan sebagai tidak asli. Objektif tersebut tampak menyerlah menerusi kewujudan satu watak protagonis yang mewakili Syiah tetapi mengaku seorang Sunni yang ber*tasyayyu‘ hasan* (Dr. Ali Taqi), manakala lima lagi adalah watak antagonis yang mewakili wanita Islam feminis (Idora), penganut Aties (Briana), orientalis Kristian (Bastian), bekas penganut Salafi (Hashemi) dan penganut Sunni (Zanjabila). Menerusi watak Dr. Ali Taqi, penulis menerapkan apa yang menjadi ideologi pegangannya, sesuai dengan penegasannya pada kulit belakang karya tersebut, “*Sejak 1515 dan Tuhan Manusia, Perempuan Nan Berinta adalah karya Faisal Tehrani yang paling provokatif setakat ini*.”

Secara umumnya, novel ini cuba memberikan gambaran bagaimana pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang dianuti oleh majoriti umat Islam di dunia menjadi punca kepada pandangan negatif banyak pihak terhadap imej Islam itu sendiri. Penulis menggunakan instrumen perbualan, pembentangan seminar dan forum bagi mengujudkan perdebatan sama ada secara jelas atau tidak jelas, langsung atau tidak langsung bagi memperlihatkan keabsahan dan kerelevenan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dalam menjawab segala persoalan umat bermula daripada isu gender, kekeluargaan, pemikiran pasca modernisme, perbandingan teologi, mazhab dan agama, isu hak asasi dan diskriminasi golongan minoriti, perjuangan Hezbollah dan sejarah awal kedatangan Islam ke Nusantara.

Kesemua topik ini dicerakinkan dengan menjadikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai sasaran utama terhadap segala kepincangan dalam menangani isu umat. Walau bagaimanapun, penulis menutup novelnya secara anti-klimaks apabila menyatakan Sunni dan

University of Malaya

Syiah perlu saling melengkapi bagi mencapai matlamat generasi supramazhab, sedangkan idea-idea yang dibentangkan sebelumnya sarat dengan sikap prejudis dan provokatif terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Dapat disimpulkan, tema yang dipersembahkan dalam novel ini hanya terbahagi kepada tiga. Pertama, mengangkat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sebagai penyelesai kepada segala permasalahan dan mazhab yang relevan sepanjang zaman. Kedua, mempertikaikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai pegangan asli yang diwariskan oleh Nabi SAW dan ketidakrelevanannya menangani pelbagai permasalahan ummah. Ketiga, perbandingan antara kedua-dua pegangan dalam menangani pelbagai isu dan persoalan. Ia dapat diperjelaskan seperti berikut:

1. Mengangkat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah

Penulis membentangkan pelbagai hujah bagi mengangkat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sebagai ajaran yang benar. Hujah paling ampuh digunakan adalah mengaitkan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dengan pendukung Ahl al-Bayt. Penulis membawakan pelbagai dalil bagi membuktikan kedudukan tinggi Ahl al-Bayt. Antaranya hadis *qudsī* yang diriwayatkan daripada sumber rujukan Syiah mengenai lima cahaya yang wujud sebelum kewujudan Adam. Jika tidak kerana lima cahaya tersebut; Adam, syurga, neraka, 'Arash, kursi, langit dan bumi tidak diciptakan. Lima cahaya tersebut adalah Muḥammad, 'Alī, Fāṭimah, Ḥasan dan Ḥusayn.[235] Penulis juga mendakwa 'Alī memiliki satu buku khusus yang mencatatkan apa jua yang disebutkan oleh Rasulullah SAW merangkumi semua subjek sebagaimana dihimpunkan oleh seorang ulama Syiah bernama al-Ḥurr al-'Āmilī dalam karyanya *al-Mawsū'ah al-Ḥadīthiyyah.* Justeru pemahaman terhadap al-Qur'an dan al-

[235] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 56-57;

University of Malaya

Sunnah wajib diambil terus daripada Ahl al-Bayt.[236] Malah Ahl al-Bayt itu sebenar-benarnya penjaga dan pemelihara al-Sunnah.[237]

Dalam erti kata lain, tidak boleh sekadar merujuk kepada Allah dan Rasul, yang lebih mutlak adalah merujuk kepada Ahl al-Bayt. Apa pun gagasan yang tidak kembali kepada Ahl al-Bayt, bukan gagasan yang lurus dan perlu diragui.[238] Ini kerana, 'Alī adalah penguasa segala ilmu selepas Rasulullah SAW. Ilmu itu pula diperturunkan kepada keturunannya yang sah dari jalur Ḥusayn.[239] Mana-mana gerakan keilmuan yang diraih tanpa melalui kunci 'Alī adalah sia-sia. Hanya 'Alī dan Ahl al-Bayt yang diberi autoriti untuk mentafsir dan menjelaskan segala rahsia dan ilmu yang terdapat dalam al-Qur'an.[240] Sebab itu, penulis mentafsirkan ayat 79 surah al-Wāqi'ah, "*Tidak menyentuhnya (memahaminya) melainkan al-muṭahharūn*". Kalimah "*al-muṭahharūn*" ditafsirkan sebagai golongan Ahl al-Bayt yang suci daripada dosa.[241]

Penulis turut mengeksploitasi hadis-hadis yang diriwayatkan dalam karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah seperti hadis *Safinah Nūḥ* dan hadis *al-Thaqalayn* bagi menyokong pegangannya. Walau bagaimanapun ia dibawakan tanpa menyertakan langsung penilaian para ulama hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mengenai status kesahihan dan maksud isi kandungannya.[242] Penulis juga mempertahankan beberapa amalan dalam Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang ditolak oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah seperti nikah mut'ah[243] dan meratapi peristiwa Karbala[244]. Di samping itu, penulis memperuntukkan sebanyak 34 halaman semata-mata untuk mempromosikan kehebatan tentera Hezbollah menghalau Israel

---

[236] *Ibid.*, 118.
[237] *Ibid.*, 126.
[238] *Ibid.*, 131.
[239] *Ibid.*, 140.
[240] *Ibid.,* 336.
[241] *Ibid.*, 193.
[242] *Ibid.*, 102-103, 117 & 334.
[243] *Ibid.*, 263.
[244] *Ibid.*, 282-283.

University of Malaya

di selatan Lubnan pada 2006, hasil daripada berfahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dan mendukung *Wilayah al-Faqīh*.[245]

2. Mempertikaikan kredibiliti Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah

Sesuai dengan ideologi pegangannya, penulis mendatangkan pelbagai argumentasi, sekurang-kurangnya untuk menerbitkan rasa skeptikal para pembaca terhadap fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Paling menyerlah, apabila penulis cuba mewujudkan pertentangan atau perbandingan antara Ahl al-Bayt yang dikatakan menjadi sumber rujukan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dengan para *al-sahabah* yang dianggap sumber rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Jika tadi penulis mengangkat setinggi-tingginya kedudukan Ahl al-Bayt, pada sisi yang lain penulis menjatuhkan serendah-rendahnya kedudukan para *al-sahabah* demi untuk memperlihatkan perbezaan yang tiada taranya antara kedua-dua kelompok.

Penulis menggambarkan penekanan terhadap keutamaan *al-sahabah* hanya timbul selepas peristiwa pembunuhan ‘Alī bin Abī Ṭālib. Ketika itu, segala fahaman politik yang bertentangan dengan seteru politik ‘Alī dilarang, lalu bermula penciptaan hadis yang berbau keutamaan *al-sahabah* demi kepentingan politik musuh-musuh ‘Alī.[246] Kepincangan *al-sahabah* dizahirkan dengan membilang apa yang diistilahkan sebagai kesalahan berijtihad terutama pada era Khulafā’ al-Rāshdīn yang tiga. Pada Abū Bakr terdapat 32 kesalahan, ‘Umar sebanyak 10 kesalahan manakala ‘Uthmān sebanyak 29 kesalahan.[247] Begitu juga mengaitkan beberapa perbuatan *al-sahabah* sebagai menentang perintah Rasulullah SAW dan mengubah hukum.[248] Penulis juga cuba membawa dimensi baru mengenai kalimah

[245] *Ibid.*, 239-273.
[246] *Ibid.*, 179.
[247] *Ibid.*, 192.
[248] *Ibid.*, 344-345.

University of Malaya

"kafir" yang dikatakan harus untuk ditujukan kepada mereka yang berakhlak keji termasuk para *al-sahabah* yang ingkar terhadap Rasulullah SAW.[249]

Lebih ekstrem daripada itu, penulis membawakan hadis *al-Ḥawḍ* yang ditafsirkan sebagai isyarat kepada kemurtadan para *al-sahabah* selepas peninggalan Rasulullah SAW.[250] Demikian juga penulis mempercayai makam Fāṭimah dirahsiakan ekoran wasiat Fāṭimah agar tidak membenarkan golongan munafik menghadiri pengebumiannya, sebagai isyarat untuk mengatakan terhadap *al-sahabah* besar seperti Abū Bakr dan 'Umar yang munafik.[251] Atas asas kredibiliti *al-sahabah* yang meragukan ini, penulis memasukkan idea-idea yang mempertikaikan keautoritian hadis. Penulis mengatakan terdapat hadis-hadis yang bertentangan dengan akal yang menunjukkan berlaku penyelewengan dalam periwayatan hadis oleh para *al-sahabah*.[252] Antaranya seperti hadis kejadian Hawa dari tulang rusuk Adam yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah dan hadis kisah penurunan wahyu yang diriwayatkan oleh 'Ā'ishah, walaupun kedua-dua hadis sahih tersebut dinukilkan oleh al-Bukhārī.[253]

Dengan mempertikaikan kredibiliti *al-sahabah* dan menafikan keautoritian hadis, penulis menolak keabsahan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Penulis cuba menghujahkan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah itu tidak pernah wujud pada zaman awal Islam sebaliknya hanya muncul selepas pengaruh mazhab Mu'tazilah berleluasa.[254] Kemunculan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga menjadi penyebab mazhab Ja'far al-Ṣādiq diketepikan lalu mengambil mazhab yang empat walaupun keempat-empat mazhab itu saling

---

[249] *Ibid.*, 198.
[250] *Ibid.*, 279-280.
[251] *Ibid.*, 295.
[252] *Ibid.*, 20.
[253] *Ibid.*, 36 & 205.
[254] *Ibid.*, 170-174.

University of Malaya

bertentangan antara satu dengan lain[255] atau diistilah sebagai pakatan yang rapuh.[256] Lalu penulis menyimpulkan, Ahl al-Sunah wa al-Jamā'ah walaupun setelah beribu tahun menjadi ideologi atau pegangan rasmi umat Islam, tetapi ia tidak mampu menyelesaikan pelbagai masalah, maka penulis mengesyorkan supaya pembaca memuhasabah diri dan berfikir jika perlu bertukar kepada mazhab yang lebih baik iaitu Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.[257]

3. Membanding-bandingkan antara Syiah dan Ahl al-Sunnah

Pendekatan seterusnya yang digunakan oleh penulis bagi mengukuhkan mesej yang ingin disampaikan dalam novel tersebut adalah melalui perbandingan antara Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Antaranya memberikan gambaran bahawa sumber ilmu yang terjamin hanyalah menerusi susur galur Ahl al-Bayt semata-mata seperti yang dianut oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, berbeza dengan golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang mengambil ilmu daripada para *al-sahabah* yang tidak terpelihara daripada dosa dan penyelewengan.[258] Oleh yang demikian, aliran seperti Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berisiko tinggi untuk terjebak ke dalam kesesatan berbanding aliran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang mengikuti jalan Ahl al-Bayt.[259] Sekalipun mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dipegang oleh 90 peratus umat Islam di dunia, namun ia bukan mazhab yang asli berbanding Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang bersifat minoriti namun asli daripada Rasulullah SAW.[260] Ia berdasarkan Syiah itu aliran yang lebih awal kerana mengikuti ahli keluarga Nabi SAW sedangkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah

[255] *Ibid.*, 175.
[256] *Ibid.*, 338-339.
[257] *Ibid.*, 341.
[258] *Ibid.*, 343.
[259] *Ibid.*, 347.
[260] *Ibid.*, 9.

University of Malaya

hanya pengikut mazhab Ashā'irah dan Māturīdiyyah yang wujud terkemudian bagi mendepani Mu'tazilah.[261]

Bagi membuktikan keabsahan dan kerelevanan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berbanding Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, penulis mengemukakan beberapa isu yang didakwa berjaya diselesaikan oleh Syiah namun gagal ditangani oleh Ahl al-Sunnah. Antaranya isu kesetaraan gender yang didukung oleh aktivis feminisme Barat. Hadis-hadis riwayat Ahl al-Sunnah mengenai wanita yang lebih dekat dengan tradisi Kristian dikatakan menjadi punca salah faham golongan tersebut terhadap kedudukan wanita dalam Islam. Sedangkan Syiah menolak riwayat-riwayat tersebut dan berpegang kepada al-Qur'an yang menyamaratakan kedudukan lelaki dan wanita.[262] Begitu isu keadilan Ilahi terhadap penganut agama lain yang berbuat baik seperti Mother Theresa dan Dalai Lama yang menurut pendapat ahli falsafah Syiah, Murtaḍā al-Muṭahharī, ia tetap diterima oleh Allah SWT walaupun tidak beragama Islam.[263] Penyelesaian sebegini tidak wujud dalam ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Juga persoalan turunnya Nabi 'Īsā yang maksum tetapi akan bersolat di belakang Imam al-Mahdī yang tidak maksum. Maka dijawab bahawa itu bersandarkan tradisi Sunni, namun dalam tradisi Syiah Imam al-Mahdī adalah merupakan imam yang maksum dan dilantik oleh Allah SWT seperti para nabi.[264]

Kesimpulannya, Faisal Tehrani dalam novel ini berjaya mengeksploitasi keupayaannya dalam mengolah gaya bahasa, jalan penceritaan dan manipulasi bahan ilmiah bagi mengheret pembaca mengikuti rentak mesej yang ingin disampaikan. Bagi memahami hal ini dengan lebih mendalam, dalam bab akan datang, pengkaji akan meneliti dan

[261] *Ibid.*, 104 & 170.
[262] *Ibid.*, 8, 9, 35 & 36.
[263] *Ibid.*, 185-186.
[264] *Ibid.*, 408.

University of Malaya

menganalisis beberapa hujahan Faisal Tehrani, khususnya mengenai perihal *al-sahabah* dan perkaitannya dengan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah.

2.9 Kesimpulan

Perbahasan dalam bab ini menyimpulkan bahawa Syiah bukan aliran terawal yang sampai ke Malaysia dan dianut oleh masyarakat Melayu. Ia berkaitan rapat dengan versi agama Islam yang mula-mula sampai ke Alam Melayu. Berdasarkan bukti dan fakta sejarah, Islam telah sampai ke Alam Melayu seawal kurun yang pertama hijrah lagi. Pembentangan di atas juga merumuskan versi Islam yang dibawa oleh para pendakwah Arab ke Nusantara tidak lain kecuali ajaran-ajaran yang bertunjangkan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Teori yang mengatakan para pendakwah tersebut menyebarkan Islam versi Syiah kerana mereka berketurunan sayyid-syarif adalah kurang tepat. Ini kerana, golongan yang dikenali sebagai ‘Alawiyyīn yang berasal dari Ḥaḍramawt, Yaman itu adalah penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Oleh itu, golongan ‘Alawiyyīn tidak boleh dikaitkan dengan Syiah secara mutlak. Syiah memiliki ciri-ciri khusus dalam akidah dan syariah sedangkan ciri-ciri tersebut tidak wujud pada golongan ‘Alawiyyīn yang menyebarkan Islam di Nusantara.

Sebaliknya ciri-ciri khusus Syiah tersebut hanya tersebar ke tengah-tengah masyarakat Sunni di Malaysia selepas kemasukan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sekitar tahun 1979 iaitu selepas Revolusi Iran pimpinan Ayatullāh Khumaynī. Penyebaran ajaran ini berasaskan beberapa medium termasuk menerusi penyebaran karya-karya mengenai Syiah berbahasa Melayu. Penyebaran karya-karya tersebut didapati menyentuh secara langsung mengenai doktrin utama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang berkaitan para *al-sahabah* Rasulullah SAW. Ini berasaskan karya-karya klasik Alam Melayu yang menunjukkan betapa pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang amat memuliakan

University of Malaya

kedudukan *al-sahabah*. Sedangkan menerusi pengenalan yang dibentangkan mengenai tiga buah karya Syiah berbahasa Melayu terpilih, wujud percanggahan yang nyata dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah mengenai *al-sahabah*. Justeru, hal ini akan dibahaskan secara terperinci oleh pengkaji dalam bab akan datang.

University of Malaya

BAB 3 : KONSEP *AL-ṢAḤĀBAH* DALAM KARYA-KARYA SYIAH IMĀMIYYAH ITHNĀ 'ASHARIYYAH BERBAHASA MELAYU

3.1 Pendahuluan

Konsep *al-ṣaḥābah* dibincangkan dengan begitu terperinci dalam ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Sekalipun Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah lebih memberi penekanan terhadap ahli keluarga Rasulullah SAW atau Ahl al-Bayt, namun perbahasan mengenai *al-sahabah* amat penting bagi menyempurnakan iktikad mereka terhadap Ahl al-Bayt. Bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, jika konsep *al-ṣaḥābaḥ* tidak diletakkan pada kedudukan yang betul, akan berlaku kontradiksi dengan pegangan mereka terhadap Ahl al-Bayt. Apatah lagi, *al-sahabah* memiliki kedudukan yang istimewa dan signifikan dalam kalangan majoriti umat Islam sebagai penengah antara Rasulullah SAW dan umat terkemudian. Justeru, didapati perbahasan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengenai konsep *al-ṣaḥābah* lebih bersifat responsif dan defensif kepada apa yang telah dibentangkan oleh umat Islam khususnya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Sebagai menzahirkan pendiriannya, karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengambil sikap yang bertentangan dengan pandangan umum terhadap *al-sahabah*. Pandangan yang mengatakan semua *al-sahabah* itu sebaik-baik generasi, manusia terpilih, dijamin syurga, diredai Allah, didiamkan keburukannya dan tidak boleh dikritik dianggap sebagai suatu pemikiran yang jumud dan bertentangan dengan akal waras. Sebaliknya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ingin meletakkan *al-sahabah* itu di atas neraca timbangan yang sama dengan seluruh manusia lain agar mereka boleh dinilai secara kritis dan adil. Stigma umum yang menjadikan perbahasan kritis mengenai *al-sahabah* sebagai perkara yang tabu perlu dihapuskan sama sekali. Tanggapan semua *al-sahabah* itu adil hingga menutup

University of Malaya

ruang penilaian dan pertimbangan adalah bertentangan dengan sifat keadilan dan kesederhanaan Islam. ‘Abbās al-Musawī mengatakan:

> “Sesungguhnya isu *al-sahabah* adalah salah satu isu yang mana Syiah telah mengambil padanya pandangan pertengahan, tidak melampau dan tidak mengabaikan. Manhajnya itu tidak tersasar daripada jalan yang lurus atau tersendiri dengan pandangannya sahaja, bahkan di sana terdapat umat Islam selain Syiah yang turut mengemukakan pandangan mereka terhadap *al-sahabah* tanpa mempedulikan celaan orang yang mencela, sebaliknya berjalan di belakang kebenaran berdasarkan dalil dan bukti.”[1]

Muḥsin al-Amīn menjelaskan, penetapan hukum adil ke atas *al-sahabah* hanya kerana ia bertemu dengan Nabi SAW, beriman dengannya dan meninggal dalam keadaan beriman seperti yang ditakrifkan oleh Ibn Ḥajar adalah tidak memadai. Beliau mempersoalkan bagaimana keadilan *al-sahabah* tidak boleh dipertikaikan sedangkan semua bersepakat bahawa *al-sahabah* bukan seorang yang bersifat maksum. Dengan itu, setiap orang *al-sahabah* perlu dinilai keadilannya dengan neraca syarak. Mana-mana *al-sahabah* yang menepati sifat adil, maka diterima periwayatannya dan dipuji kedudukannya. Namun, mana-mana *al-sahabah* yang bertentangan dengan sifat adil seperti Marwān bin al-Ḥakam, al-Mughīrah bin Shu‘bah, al-Walīd bin ‘Uqbah dan lain-lain maka ditolak periwayatannya. Demikian juga para *al-sahabah* yang tidak diketahui keadilannya, ditangguhkan sebarang periwayatan daripadanya.[2]

Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah melihat kesilapan dalam menilai *al-sahabah* oleh golongan lain adalah berpunca daripada kesilapan memberikan takrifan *al-sahabah*. Al-Subḥānī mengatakan definisi *al-sahabah* telah diubah dan ditokoktambah sehingga menjejaskan maksud asalnya dari sudut bahasa dan uruf am penggunaannya. Bagaimana mungkin seseorang yang hanya melihat dari jauh atau sekadar berbual dalam tempoh yang

---

[1] Ṣāliḥ al-Wirdānī, *‘Aqā’id al-Sunnah wa ‘Aqā’id al-Shī‘ah, al-Taqārub wa al-Tabā‘ud* (Beirut: al-Ghadīr li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 1419H), 197.
[2] Muḥsin al-Amīn, *A‘yān al-Shī‘ah* (Beirut: Dār al-Ta‘āruf, 1998), 1: 113.

University of Malaya

singkat boleh diistilahkan sebagai *al-sahabah*. Pentakrifan sebegini dianggap mempunyai tujuan politik bagi menampakkan imej semua *al-sahabah* itu baik sekaligus menyembunyikan keburukan mereka seperti murtad dan seumpamanya.[3]

Berdasarkan latar belakang di atas, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah cuba bertindak untuk merungkaikan pengertian *al-sahabah* menurut istilah syarak yang telah diberikan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Dengan kefahaman tersebut juga, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah telah meletakkan keistimewaan-keistimewaan tambahan yang tidak pernah dikurniakan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW kepada *al-sahabah*. Al-Mūsawī mengatakan, terdapat tiga implikasi apabila seseorang *al-sahabah* itu diberikan kekebalan yang tidak sewajarnya ke atas mereka:

a) Tidak boleh mengkaji, menilai dan menghukum baik atau buruk segala perkataan, tindakan dan perbuatan mereka sekalipun terdapat riwayat yang jelas mengenainya. Bererti, kaedah *jarḥ* dan *ta'dīl* sama sekali tidak berlaku ke atas mereka;
b) Menganggap apa sahaja kesilapan, keburukan dan kejahatan yang dilakukan oleh mereka adalah berdasarkan ijtihad;
c) Menganggap sesiapa sahaja yang terlibat dalam mendedahkan keburukan dan kejahatan *al-sahabah* adalah terkeluar daripada Islam, *zindīq* dan cubaan untuk membatalkan al-Qur'an dan al-Sunnah kerana mereka orang yang menyampaikan kedua-duanya kepada umat terkemudian.[4]

Justeru, dalam bab ini akan dibentangkan isu-isu penting yang membina kerangka pemikiran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap *al-sahabah* sebagaimana yang dibentangkan dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berbahasa Melayu terpilih. Ia bermula dengan membahaskan definisi *al-sahabah*, perspekstif al-Qur'an dan al-

[3] Al-Wirdānī, *'Aqā'id al-Sunnah wa 'Aqā'id al-Shī'ah*, 198.
[4] *Ibid*., 199.

University of Malaya

Sunnah mengenai *al-sahabah*, konsep keadilan *al-sahabah*, kekhalifahan *al-sahabah*, pendirian Ahl al-Bayt terhadap *al-sahabah*, konflik antara *al-sahabah* dan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab *al-sahabah*, menurut perspektif Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.

3.2 Definisi *al-sahabah*

Istilah *al-sahabah* merupakan antara isu utama yang dibincangkan di dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berbahasa Melayu terpilih. Gaya perbahasan dilihat amat provokatif kerana ia membentangkan hujah-hujah daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebelum dipertikaikan satu persatu. Khair Izzah terlebih dahulu membawakan definisi *al-sahabah* menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagaimana dinukilkan daripada Ibn Ḥajar al-'Asqalanī dan beberapa ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang lain. Beliau mengkritik definisi tersebut kerana mendakwa ia amat longgar sehingga merangkumkan semua orang yang pernah hidup pada zaman Rasulullah SAW tanpa seorang pun terkecuali. Sekalipun hanya sebentar melihat dan mendengar daripada Nabi atau bertemu Baginda sekali seumur hidup, ia sudah cukup sebagai syarat digelarkan *al-sahabah* Nabi. Apatah lagi apabila Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah melazimkan setiap orang *al-sahabah* itu adalah adil dan mujtahid.[5]

Kerana itu, Khair Izzah mendakwa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah telah mereka-reka hadis semata-mata untuk meletakkan keistimewaan dan kelebihan pada istilah *al-sahabah*. Antaranya hadis yang mengumpamakan *al-sahabah* seperti bintang, sesiapa yang mengikuti

[5] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 354.

University of Malaya

mereka, pasti akan beroleh petunjuk.[6] Hadis ini didakwa digunakan oleh Ahl al-Sunnah untuk menggambarkan kedudukan para *al-sahabah* yang dianggap kesemuanya adil.[7] Menurut Khair Izzah, implikasi daripada definisi tersebut, sesiapa sahaja yang melabelkan para *al-sahabah* itu kafir atau murtad, maka tuduhan tersebut akan berbalik kepada dirinya sendiri. Begitu juga sesiapa yang menghina *al-sahabah* maka dia juga telah menghina Rasulullah SAW. Kaedah ini telah dipraktikkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam memperkatakan krisis antara para *al-sahabah* dalam perang *Jamal* dan *Ṣiffīn*. Malah konflik yang berlaku antara *al-sahabah* dianggap sebagai ijtihad yang sah, jika benar maka dikurniakan dua pahala, adapun sebaliknya dikurniakan satu pahala.[8]

A. Malik dalam membincangkan definisi *al-sahabah* mengakui terdapat perbezaan antara Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Namun, ia tidak bererti golongan Syiah menolak kesemua *al-sahabah*. Malah Syiah memuji dan menyanjung tinggi mana-mana para *al-sahabah* yang telah banyak berjasa dalam berjihad bersama Nabi SAW sama ada dengan tenaga, harta mahupun nyawa. Antara bukti penerimaan Syiah terhadap *al-sahabah* adalah doa yang diajarkan oleh 'Ali Zayn al-'Ābidīn

---

[6] Sanad hadis ini telah dikritik oleh para ulama hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sendiri. Ia sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Zayla'ī bahawa hadis yang mengumpamakan *al-sahabah* seperti bintang telah diriwayatkan menerusi beberapa riwayat. Antaranya adalah hadis di atas dengan lafaz أصحابي كالنجوم بأيهم اقتديتم اهتديتم. Namun begitu, kesemua sanad dalam riwayat tersebut terdapat *'illah* tertentu seperti perawi yang *majhūl*, *munkar al-ḥadīth* dan dituduh pemalsu hadis. Lihat Jamāl al-Dīn 'Abd Allāh bin Yūsuf al-Zayla'ī, *Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār al-Wāqi'ah fī Tafsīr al-Kashshāf li al-Zamakhsharī* (Riyāḍ: Dār Ibn Khuzaymah, 1414H), 2: 230. Walau bagaimanapun, terdapat hadis-hadis lain yang dinilai sahih oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tentang perintah berpegang kepada *al-sahabah*. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Aku mewasiatkan kamu berpegang kepada para al-sahabahku, kemudian mereka yang selepas mereka, kemudian mereka yang selepas mereka…*". Hadis ini dinilai *ḥasan ṣaḥīḥ gharīb* oleh al-Tirmidhī. Manakala al-Ḥākim mengatakan ia sahih berdasarkan syarat al-Shaykhayn. Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Jā'a fī Luzūm al-Jamā'ah, no. hadis: 2165. Lihat Muhammad bin 'Isa, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t), 4: 465; al-Hakim, Kitāb al-'Ilm, no. hadis: 387. Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Ḥākim, *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn* (Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990), 1: 160.

[7] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 355.

[8] *Ibid.*, 356.

University of Malaya

(al-Sajjād)[9] dalam *al-Ṣāḥīfah al-Sajjādiyyah*.[10] Walau bagaimanapun, Syiah menolak definisi Ahl al-Sunnah yang menganggap semua *al-sahabah* adalah adil sebaliknya para *al-sahabah* terbahagi kepada pelbagai kategori yang perlu diperincikan. Ia berdasarkan kritikan al-Qur'an dan al-Sunnah sendiri terhadap perbuatan atau perlakuan sesetengah para *al-sahabah*.[11]

Faisal Tehrani turut menggunakan pendekatan ini ketika menggunakan istilah *al-sahabah* dalam novelnya. Beliau dengan jelas sekadar mengertikan *al-sahabah* itu adalah orang yang berdamping dan bergaul dengan Rasulullah SAW semasa hayatnya tanpa mempunyai apa-apa kelebihan berbanding Ahl al-Bayt. Kerana itu, beliau beberapa kali membawakan hujah bagaimana para *al-sahabah* itu adalah Muslim biasa yang tidak mustahil bersifat munafik, sesat atau murtad hingga menyebabkan mereka tidak layak untuk dijadikan pegangan dan pedoman hidup.[12]

---

[9] Doa tersebut berbunyai seperti berikut, "*Ya Allah, untuk al-sahabah-al-sahabah Muhammad, khususnya mereka yang terjalin peral-sahabahan dengan baik bersama Baginda dan mereka yang telah berjasa mendukungnya, mereka yang bahu membahu bersama Rasulullah saaw dan telah berusaha secepatnya dalam mendukung dan segera menerima ajakan Rasul kepada mereka dari hujjah risalahnya, mereka yang sudi dan tahan berpisah dari anak-anak dan isterinya demi menegakkan dan menyebarkan kalimah haq, mereka yang juga tidak segan-segan memerangi anak-anak dan ayah mereka sendiri untuk mengukuhkan nubuwahnya, mereka adalah orang-orang yang dikucilkan oleh suku dan keluarga mereka hanya kerana bergantung pada tali habibillah (tali ahlul bait), Muhammad saw dan terputuslan hubungan kerabat yang sebelumnya terjalin erat sesama mereka dan mengajaknya menjadi anggota kerabat Baginda. Ya Allah, betapa ramai yang mereka telah tinggalkan serta mereka berikan iaitu tanah ladang milik mereka. Kepadamu dengan segala kerelaan, balaslah hijrah mereka dari rumah tangganya menuju kepadamu. Mereka tinggalkan kehidupan yang makmur dan sentosa. Lalu, memilih kehidupan yang sederhana dan penuh tentangan*." Lihat A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 152; Al-Qafārī mengatakan puji-pujian terhadap *al-sahabah* yang terkandung di dalam kitab-kitab Syiahsekurang-kurangnya memiliki tiga maksud. Pertama, *al-sahabah* yang dimaksudkan adalah beberapa orang daripada mereka yang dianggap tidak murtad oleh Syiah. Kedua, *al-sahabah* yang dimaksudkan adalah Ahl al-Bayt. Ketiga, diungkapkan puji-pujian terhadap *al-sahabah* itu hanya sekadar untuk bertaqiyyah (berpura-pura) semata-mata. Lihat Nāṣir bin 'Abd Allāh al-Qafārī, *Uṣūl Madhhab al-Shī'ah al-Imāmiyyah al-Ithnā 'Ashariyyah: 'Arḍ wa Naqd*, (Jīzah: Dār al-Riḍā, 1994), 1: 1111.

[10] Menurut Ibn Taymiyyah, doa-doa yang terkandung dalam Ṣaḥīfah 'Alī bin al-Ḥusayn kebanyakannya adalah pendustaan atas nama 'Alī bin al-Ḥusayn. Lihat Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm bin Taymiyyah, *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah*, (Kaherah: Mu'assasah Qurtubah, 1406H), 6: 306; 'Alī al-Qafārī mengatakan dalam *ṣaḥīfah* tersebut mengandungi keterlampauan terhadap ahli keluarga Nabi SAW termasuk dakwaan kemaksuman para imam. *Ṣaḥīfah* ini hanya diriwayatkan oleh golongan Syiahbahkan dianggap oleh penganutnya seperti setaraf al-Qur'an. Oleh itu, ia juga dikenali sebagai *Ukht al-Qur'ān* (saudara perempuan al-Qur'an), *Injil Ahl al-Bayt* dan *Zabur Ali Muhammad* (Zabur keluarga Muhammad). Lihat Nāṣir bin 'Abd Allāh al-Qafārī, *Ḥaqīqah al-Ṣaḥīfah al-Sajjādiyyah* (Kaherah: Maktabah al-Ridwan, 2005), 8.

[11] A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 151-155.

[12] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 198, 279-280, 295.

University of Malaya

3.2.1 Etimologi istilah *al-sahabah*

Melalui subtopik sebelum ini, dapat difahami bahawa pandangan ketiga-tiga penulis terhadap istilah *al-sahabah* berbalik kepada kefahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah itu sendiri. Menurut mereka, para ulama *Ahl al-Bayt* berpendapat istilah *al-sahabah* sama ada *ṣāḥib* atau *aṣḥāb* dalam bahasa Arab perlu dikekalkan dengan makna dari sudut bahasa dan kebiasaan penggunaannya. Ini kerana, perkataan *al-sahabah* bukan istilah yang ditentukan syarak, namun ia sekadar perbendaharaan kata yang wujud dalam bahasa Arab. Bererti, *ṣāḥib* dalam bahasa Arab tidak memiliki maksud lain kecuali dengan makna *mulāzim* atau *mu'āshir,* iaitu seseorang yang banyak berdamping dengan seseorang yang lain.[13]

Ia sebagaimana perkataan *ṣaḥiba* di dalam al-Qur'an yang digunakan untuk merujuk kepada makna *mu'āsharah* (pergaulan) dan *mulāzamah* (perdampingan). Ia sekali-kali tidak digunakan untuk merujuk kepada makna *mu'āṣarah* (sezaman) *atau ru'yah* (penglihatan atau pertemuan) semata-mata. Maka maksud *al-sahabah* dari sudut bahasa terikat dengan maksud per*al-sahabah*an pada tempoh masa yang dipercayai berlaku pergaulan. Ia juga bersifat mutlak dari sudut beriman atau tidak. Ini kerana seseorang yang mendampingi seseorang maka ia boleh dianggap sebagai *al-sahabah* walaupun ia tidak mengikutinya dalam soal pemikiran dan akidah.[14]

Oleh kerana perkataan *ṣuḥbah* atau persahabatan ini merujuk kepada perhubungan sekurang-kurangnya dua orang, maka lafaz *ṣāḥib* atau kata jamaknya *aṣḥāb* perlu disandarkan kepada nama tertentu dalam percakapan. Ia sepertimana firman Allah SWT dalam surah Yūsuf ayat 39, "*ṣāḥibayi al-sijn*" bermaksud "kedua penghuni penjara" dan

---

[13] Murtaḍā al-'Askarī ,*Ma'ālim al-Madrastayn*, (Iraq: al-Majma' al-'Ilmī al-Islāmī, 1993H) 1: 118.
[14] Markaz al-Risālah, *al-Ṣaḥābah fī al-Qur'ān wa al-Sunnah wa al-Tārīkh* (Qom: Markaz al-Risālah, 1419H), 18.

University of Malaya

surah al-Shu'arā' ayat 61, "*aṣḥāb Mūsā*" bermaksud "pengikut Nabi Musa". Demikian juga disebut pada zaman Rasulullah SAW, "*ṣāḥib Rasūl Allāh*" bererti "*al-sahabah* Rasulullah" atau "*āṣḥāb Rasūl Allāh*" bermakna "para *al-sahabah* Rasulullah". Ini bermakna, perkataan *al-sahabah* adalah istilah umum yang tidak semestinya merujuk kepada *al-sahabah* Rasulullah SAW secara khusus. Namun begitu, golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah secara perlahan-lahan telah menjadikan ia suatu istilah yang merujuk secara khusus kepada para *al-sahabah* Rasulullah SAW.[15]

Peristilahan *al-sahabah* yang disandarkan kepada Rasulullah SAW itu kemudiannya disandarkan kepada syarak (*muṣṭalaḥ al-mutasharri'ah*) selepas zaman Rasulullah SAW. Ia dilakukan oleh golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menggelarkan *al-sahabah* Rasulullah SAW dengan gelaran *ṣaḥābī* atau *aṣḥāb*. Oleh yang demikian, ia adalah satu istilah yang direka kemudian dan bukan istilah khas yang diperkenalkan oleh syarak hingga terkait dengan hukum tertentu.[16]

3.2.2 Pendapat ulama Syiah mengenai istilah *al-sahabah*

Terdapat beberapa definisi *al-sahabah* menurut pendapat beberapa orang ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Zayn al-Dīn al-'Āmilī, ulama Syiah yang dikenali dengan gelaran al-Shahīd al-Thānī mendefinisikan *al-sahabah* sebagai berikut:

> "*Al-sahabah* itu ialah mereka yang bertemu dengan Nabi SAW dalam keadaan beriman kepadanya walaupun sesaat sama ada meriwayatkan daripadanya atau tidak, lama bergaul, duduk di dalam majlis dengannya atau tidak, mereka berperang bersamanya atau tidak berperang, dan mereka melihatnya sekejap dan tidak duduk disampingnya, dan mereka yang tidak melihatnya (kerana buta seperti Ibn Umm Maktum) dan mati dalam iman dan Islam sekalipun diselangi oleh keadaan murtad, tetapi matinya dalam agama Islam mengikut pendapat yang paling tepat." [17]

---

[15] *Ibid*.
[16] *Ibid*.
[17] Zayn al-Din al-'Āmilī, *al-Dirāyah fī 'Ilm al-Ḥadīth* (Iran: Manshūrat Maktabah al-Mufid, t.t), 120.

University of Malaya

Ḥujjah al-Islām Ja‘far al-Subḥānī pula mengatakan yang masyhur dalam kalangan *muḥaddithīn*, *al-sahabah* adalah setiap orang yang telah melihat Rasulullah SAW.[18] Beliau tidak mensyaratkan seseorang *al-sahabah* itu semestinya meninggal dunia dalam keadaan Islam.

Murtaḍā al-Riḍawī telah mengemukakan pandangan yang lebih jelas dalam mewakili pegangan muktamad Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah mengenai definisi *al-sahabah*. Beliau telah membincangkan ketiga-tiga pandangan berkenaan kedudukan *al-sahabah*, iaitu pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang mengatakan kesemua para *al-sahabah* adalah adil, pandangan kedua yang mengatakan *al-sahabah* adalah sama kedudukannya dengan manusia lain dari sudut iman dan amalan, serta pandangan ketiga yang mengatakan semua *al-sahabah* telah kafir.[19]

Beliau kemudiannya menyimpulkan, pandangan ketiga adalah tertolak sama sekali kerana tiada sesiapa mengatakan seumpama itu kecuali musuh-musuh Islam. Pandangan pertama pula tidak wajar kerana ia seolah-olah menjadikan *al-sahabah* itu maksum dan terlepas segala *taklīf* ke atas mereka. Justeru, yang berbaki adalah pandangan kedua, iaitu pandangan pertengahan sebagaimana yang dipegang oleh golongan Syiah dengan meletakkan kedudukan *al-sahabah* itu bergantung kepada iman dan amalannya sendiri.[20]

Berdasarkan kaedah tersebut, al-Riḍawī berpendapat sifat per*al-sahabah*an (*ṣuḥbah*) itu umum bagi sesiapa yang ber*al-sahabah* dengan Nabi SAW atau melihatnya atau mendengar hadisnya. Ia meliputi yang mukmin, munafik, adil, fasik, baik atau jahat. Ia sebagaimana yang berlaku kepada Rasulullah SAW dalam peristiwa perang Tabuk apabila terdapat golongan munafikin yang mempertikaikan Baginda. Sa‘d bin ‘Ubādah lantas

---

[18] Ja‘far al-Subḥānī, *Uṣūl al-Ḥadīth wa Aḥkāmuhu fī ‘Ilm al-Dirāyah* (Qom: Dār Jawwād, 2012), 125.
[19] Murtaḍā al-Riḍawī, *Arā’ al-‘Ulamā’ al-Muslimīn fī al-Taqiyyah wa al-Ṣaḥābah wa Ṣiyānah al-Qur’ān al-Karīm* (Beirut: al-Irshād li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, t.t), 107; Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 352.
[20] Al-Riḍawī, *Arā’ al-‘Ulamā’ al-Muslimīn*, 107.

University of Malaya

menawarkan diri untuk membunuh golongan munafikin tersebut namun ditolak oleh Rasulullah SAW. Baginda bimbang jika manusia akan berkata bahawa Muhammad telah membunuh para *al-sahabah*nya.[21] Dengan itu, per*al-sahabah*an semata-mata tidak melayakkan para *al-sahabah* untuk dianggap adil. Malah, kedudukan mereka berbeza-beza berdasarkan darjat iman dan amalan masing-masing.[22]

Seorang ulama Syiah kontemporari, ‘Alī al-Ḥusaynī al-Mīlānī berpendapat, tiada yang membezakan definisi *al-sahabah* dari sudut bahasa dan istilah kecuali Islam. Menurut beliau, pendapat ini disepakati bersama oleh Ahl al-Sunnah wal a-Jamā‘ah dan Syiah.[23] Ia berdasarkan definisi *al-sahabah* menurut Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī yang mengatakan *al-sahabah* adalah orang yang bertemu dengan Rasulullah SAW, beriman dengannya dan meninggal dunia dalam keadaan Islam.[24]

Al-Mīlānī mengatakan, takrifan Ibn Ḥajar ini adalah sangat umum hingga golongan munafikin juga termasuk dalam kalangan *al-sahabah*.[25] Walaupun demikian, definisi tersebut bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang menyifatkan ketua golongan munafikin iaitu ‘Abd Allāh bin Ubay bin Salūl sebagai *al-sahabah*.[26] Dengan itu, al-Mīlānī

---

[21] Kisah ini diriwayatkan oleh al-Mawardi dalam *A‘lam al-Nubuwwah*, bahawa ketika Rasulullah SAW dan tentera muslimin dalam perjalanan ke Tabuk, mereka mengalami kehausan sedangkan kawasan air langsung tidak ditemui. Baginda telah mengutuskan Abū Qatādah, Abū Ṭalḥah, Sammāk bin Kharshah dan Sa‘d bin ‘Ubādah untuk mencari air. Namun mereka tidak berjaya mencarinya. Nabi SAW sekali lagi mengutuskan Usayd bin Khuḍayr dan Usāmah untuk mencari air daripada golongan A‘rāb, lantas golongan munafikin berkata, “Sesungguhnya Muhammad itu diberitakan dengan berita langit, tetapi dia tidak mengetahui jalan menuju ke air?” Hal ini dikhabarkan oleh Jibrīl kepada Nabi SAW, lalu Baginda mengadukannya kepada Sa‘d bin ‘Ubādah. Sa‘d berang sambil meminta izin kepada Nabi SAW untuk memenggal leher golongan munafiqin itu. Baginda menegah lalu bersabda, “Supaya orang ramai tidak mengatakan Muhammad telah membunuh *al-sahabah*nya, tetapi kita berbuat baik dalam ber*al-sahabah* dengan mereka selagimana mereka bersama-sama dengan kita.” Lihat ‘Alī bin Muḥammad al-Mawardi, *A‘lām al-Nubuwwah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1987), 158-159.

[22] Al-Riḍawī, *Arā’ al-‘Ulamā’ al-Muslimīn*, 108.

[23] ‘Alī al-Husaynī al-Mīlānī, *al-Ṣaḥābah*, (Qom: Markaz al-Abhath al-‘Aqā’idiyyah, 1421H), 12.

[24] Ibn Hajar al-‘Asqalani, *al-Iṣābah*, 1: 6.

[25] Al-Mīlānī, *al-Ṣaḥābah*, 13.

[26] Ia berdasarkan kisah yang diriwayatkan oleh Ibn Sa‘d. Ketika dalam perjalanan pulang daripada peperangan Bani Mustaliq, berlaku sedikit ketegangan antara golongan Anṣār dan Muhājirīn ketika mengambil air di mata air. Hal ini kemudiannya didamaikan oleh Rasulullah SAW, namun ketua munafiqin, ‘Abd Allāh bin Ubay bin Salūl memberi komentar dengan mengatakan, “Demi Allah, jika kita telah kembali ke Madinah, maka penduduknya yang mulia akan benar-benar mengusir penduduknya yang hina.” Ungkapan ini didengar oleh

University of Malaya

berpendapat takrifan *al-sahabah* yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar mencakupi golongan munafik, mukmin, baik, jahat, yang meriwayatkan daripada Baginda atau tidak dan yang bergaul rapat dengan Baginda atau tidak. Ini kerana, yang dimaksudkan daripada takrifan Ibn Ḥajar itu hanya sekadar pertemuan dengan Nabi SAW atau melihat Baginda.[27] Al-Dawkhī turut menyokong pendapat ini, beliau mengatakan menerusi takrifan Ibn Hajar tersebut, munafik juga termasuk dalam erti kata *ṣaḥābī*. Ini kerana munafik adalah orang yang menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufuran, justeru seseorang munafik yang menzahirkan keimanan dan bertemu dengan Baginda ketika hayatnya adalah termasuk dalam erti kata *al-sahabah*.[28]

Berdasarkan perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga penulis cenderung untuk mendefinisikan *al-sahabah* dengan definisi yang diberikan dari sudut bahasa menurut perspektif Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Perkataan *al-sahabah* bukan istilah yang ditentukan syarak, namun ia sekadar perbendaharaan kata yang wujud dalam Bahasa Arab yang digunakan secara umum sama ada dalam al-Qur'an mahupun hadis. Pun begitu, ia telah menjadi satu istilah khas yang direka kemudian oleh golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan bukan istilah yang diperkenalkan oleh syarak hingga terkait dengan hukum tertentu. Oleh yang demikian, Syiah mendefinisikan *al-sahabah* sebagai istilah umum bagi sesiapa yang ber*al-sahabah* dengan Nabi SAW atau melihatnya atau mendengar hadisnya tanpa mengira ia mukmin, munafik, murtad, adil, fasiq, baik atau jahat.

Zayd bin Arqam, lalu beliau menyampaikannya kepada Rasulullah SAW sehingga turut diketahui oleh anak Ibn Ubay iaitu 'Abd Allāh. Lalu ketika perjalanan ingin diteruskan, 'Abd Allāh bin 'Abd Allāh bin Ubay telah menahan bapanya sambil berkata, "Aku tidak akan meninggalkan kamu sehingga kamu menganggap kamu itu hina sedangkan Muhammad itu mulia." Apabila Rasulullah SAW melewatinya, Baginda bersabda, "Maka demi umurku, kita akan berbuat baik dalam ber*al-sahabah* dengannya selagimana dia berada dalam kalangan kita." Lihat Muhammad bin Sa'd, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā* (Beirut: Dar Ṣādir, t.t), 2: 65.

[27] Al-Mīlānī, *al-Ṣaḥābah*, 13.

[28] Yaḥyā bin 'Abd al-Muḥsin al-Dawkhī, *'Adālah al-Ṣaḥābah bayn al-Qadāsah wa al-Wāqi'* (Iran: al-Majma' al-'Ālamī li Ahl al-Bayt, 1430H), 37-38.

University of Malaya

3.3 Para *al-sahabah* dalam al-Qur'an

Dalam subtopik definisi *al-sahabah*, telah dijelaskan bagaimana golongan Syiah berpandangan perkataan *al-sahabah* adalah istilah umum yang digunakan dalam Bahasa Arab. Ia tidak mempunyai apa-apa nilai yang signifikan bagi merujuk kepada istilah syarak tertentu. Hal ini bertepatan dengan lafaz *al-sahabah* yang terkandung dalam al-Qur'an sendiri. Ia sekadar memberi makna dari sudut bahasa semata-mata bukan selainnya.[29] Antaranya adalah seperti berikut:

يَٰصَٰحِبَيِ ٱلسِّجۡنِ ءَأَرۡبَابٞ مُّتَفَرِّقُونَ خَيۡرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلۡوَٰحِدُ ٱلۡقَهَّارُ ٣٩

Terjemahan:
"Wahai *al-sahabah*ku berdua yang sepenjara, memuja dan menyembah berbilang-bilang tuhan yang bercerai-berai itukah yang lebih baik atau menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa?"

Surah Yūsuf(12) : 39

Perkataan *ṣāḥibay al-sijn* bererti dua orang rakan sepenjara yang mendampinginya (Nabi Yūsuf) ketika Nabi Yūsuf berada di dalamnya sedangkan kedua-duanya adalah kafir.[30]

Demikian juga firman Allah SWT:

قَالَ لَهُۥ صَاحِبُهُۥ وَهُوَ يُحَاوِرُهُۥٓ أَكَفَرۡتَ بِٱلَّذِي خَلَقَكَ مِن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ سَوَّىٰكَ رَجُلٗا ٣٧

Terjemahan:
"Berkatalah rakannya kepadanya, semasa dia berbincang dengannya: Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian Dia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki?"

Surah al-Kahfi(18) : 37

---

[29] Ashkanānī, Shabīr Murād (2012), *'Adālah al-Ṣaḥābah fī al-Mīzān*. Alfeker.net, h. 19. (http://alfeker.org/library.php?id=1347. Dilayari pada 12 Disember 2016)

[30] Ḥusayn al-Rāghib al-Aṣfahānī, *Mufradāt Alfāẓ al-Qur'ān* (Iran: Ṭalī'ah al-Nūr, 1427H), 475; Ashkanānī, *'Adālah al-Ṣaḥābah*, 19.

University of Malaya

Dalam ayat ini Allah SWT menggambarkan dua yang ber*al-sahabah* sedangkan seorang daripadanya beriman dan seorang lagi tidak beriman.[31]

Di tempat lain, Allah SWT berfirman:

إِذْ يَقُولُ لِصَٰحِبِهِۦ لَا تَحْزَنْ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَنَا ۖ

Terjemahan:
"…ketika dia berkata kepada *al-sahabah*nya: Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita.."

Surah al-Tawbah(9) : 40

Menurut Ashkanānī, ayat di atas menunjukkan Allah SWT menggunakan perkataan *ṣāḥib* bagi merujuk kepada makna bahasa iaitu terdapat pendampingan (*al-talāzum*) dan per*al-sahabah*an (*al-rifqah*) antara Rasulullah SAW dan orang yang berada di sisinya (Abū Bakr al-Ṣiddīq). Namun begitu, tiada petunjuk kewujudan istilah khas bagi kalimah tersebut. Selain itu, ayat di atas tidak mempunyai maksud untuk menjelaskan apa-apa kelebihan atau fadilat kepada yang digelarkan *al-sahabah* tersebut. Berdasarkan penelitian, ketenangan yang diturunkan oleh Allah SWT adalah khusus buat Nabi SAW dengan disokong oleh tentera-Nya.[32]

3.3.1 Kategori *al-sahabah* dalam al-Qur'an

Bertitik tolak daripada pemahaman tersebut, Syiah menghimpunkan semua ayat al-Qur'an yang menjelaskan tentang sikap para *al-sahabah* yang berada pada zaman Rasulullah SAW berdasarkan peristiwa tertentu. Ja'far al-Subḥānī telah membahagikan para *al-sahabah*

[31] *Ibid.*
[32] *Ibid*.

University of Malaya

itu bersesuaian dengan peristiwa-peristiwa tertentu sebagaimana yang termaktub di dalam al-Qur'an. Ia dijelaskan sebagaimana berikut.[33]

3.3.1.1 Kategori *al-sahabah* yang terpuji

Kategori pertama adalah ayat-ayat al-Qur'an yang memuji dan menghargai para *al-sahabah*. Walau bagaimanapun, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah memiliki kaedah tersendiri dalam memahami dan menafsirkan ayat-ayat tersebut selari dengan iktikad mereka terhadap para *al-sahabah*.

1. Golongan yang terdahulu dan terawal (*al-sābiqūn al-awwalūn*)

Al-Qur'ān menggambarkan golongan yang terdahulu dan terawal memeluk Islam yang terdiri daripada golongan Muhajirin, Ansar dan yang mengikuti jalan mereka selepasnya melalui firman-Nya:

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلۡأَوَّلُونَ مِنَ ٱلۡمُهَٰجِرِينَ وَٱلۡأَنصَارِ وَٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُم بِإِحۡسَٰنٖ
رَّضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُ وَأَعَدَّ لَهُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي تَحۡتَهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ
فِيهَآ أَبَدٗاۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ١٠٠

Terjemahan:
"Dan orang-orang yang terdahulu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang *Muhajirīn* dan *Anṣār* dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar."

Surah al-Tawbah(9) : 100

[33] Ja'farī al-Subḥānī, *Buḥūth fī al-Milal wa al-Niḥal* (Qom: Markaz Mudiriyyah Ḥawzah 'Ilmiyyah, 1410H), 1: 207-214.

University of Malaya

Ayat ini jelas memuji para *al-sahabah* yang terdiri daripada golongan Muhajirin dan Ansar. Mereka merupakan generasi awal yang memperjuangkan Islam bersama-sama dengan Rasulullah SAW. Namun begitu, pujian ini harus diletakkan pada situasinya dan ia bukan bersifat mutlak sepanjang masa. Bererti pujian dan sanjungan perlu dihadkan dengan syarat selagimana mereka tidak menyeleweng atau terkeluar daripada agama. Pengehadan ini perlu kerana ia berdasarkan logik akal sekalipun tidak disebutkan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an. Realiti juga menafikan kemutlakan ayat-ayat pujian tersebut kerana terdapat kalangan *al-sahabah* yang telah menyeleweng daripada landasan generasi pertama.[34]

A. Malik menjelaskan ayat di atas bukan ditujukan kepada semua *al-sahabah* Rasulullah SAW. Ini kerana terjemahan yang sebenar kepada ayat di atas adalah:

> "*Al-sahabah-al-sahabah* generasi pertama (*min*) di kalangan Muhajirin dan Ansar kamu mengikut mereka dalam kebaikannya telah redha Allah daripada mereka dan mereka meredhai Allah dan juga disediakan oleh mereka syurga yang mengalir air sungai di bawahnya dan mereka kekal di dalamnya buat selama-lamanya dan demikian itu adalah kurnia yang besar."[35]

Menurut A. Malik, kesilapan penafsiran golongan Sunni pada ayat ini adalah kerana tidak menghiraukan perkataan "*min*" yang bererti sebahagian[36]. Jika ayat tersebut diletakkan "*'an*" sudah tentu membawa erti menuruti jejak Muhajirin dan Ansar adalah wajib.[37] Khair Izzah pula mengatakan, ayat ini tidak boleh dibaca bersendirian tetapi perlu dibaca bersama

---

[34] Al-Dawkhī, *'Adālah al-Ṣaḥābah*, 60-61.
[35] A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 154.
[36] Menurut al-Kharrāṭ, ayat *jar* dan *majrūr* (*min al-muhājirīn wa al-anṣār*) yang datang selepas *al-sābiqūn al-awwalūn* merupakan *ḥāl* bagi *mubtadā'*. Lihat Aḥmad bin Muḥammad al-Kharrāṭ, *Mushkil I'rāb al-Qur'ān* (Madīnah: Majma' al-Malik Fahd li Ṭibā'ah al-Maṣḥaf al-Sharīf, 1426), 1: 203; Al-'Akbarī pula mengatakan jumlah *min al-muhājirīn wa al-anṣār* adalah *khabar* bagi *wa al-sabiqūn al-awwalūn* untuk menjelaskan siapakah golongan yang dikatakan terawal memeluk Islam. Lihat 'Abd Allāh bin al-Ḥusayn al-'Akbarī, *al-Tibyān fī I'rāb al-Qur'ān* (Mesir: 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t), 2: 657. Berdasarkan *i'rāb* ini, pengkaji berpandangan kalimah "min" dalam ayat ini bukan merujuk kepada maksud sebahagian (*tab'īḍ*) tetapi merujuk kepada fungsi "min" yang lain iaitu penjelasan jenis (*bayān li al-jins*) seperti dalam firman Allah SWT, "*Fa ijtanibū al-rijs min al-awthān*" (Maka kamu jauhilah kekotoran daripada berhala-berhala) yang bererti *al-rijs al-wathanī* (kekotoran berhala). Lihat Abū Aws Ibrāhīm al-Shamsān, *Hurūf al-Jar: Dilalatuhā wa 'Ilāqatuhā* (Jeddah: Maṭba'ah al-Madanī, 1987), 20.
[37] A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 155.

University of Malaya

dengan ayat 101 selepasnya. Ini kerana, dalam ayat berikutnya Allah SWT membongkar pekung sebahagian *al-sahabah* yang berselindung di sebalik sifat munafik yang tidak diketahui kecuali oleh Allah SWT.[38]

Pandangan A. Malik dan Khair Izzah ini bersamaan dengan tokoh-tokoh besar Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Al-Mufīd mengatakan para *al-sahabah* seperti Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān, Ṭalḥah dan Zubayr tidak termasuk dalam golongan yang dimaksudkan dalam ayat di atas. Ini kerana, mereka bukan tergolong dalam generasi pertama terawal yang memeluk Islam, sebaliknya termasuk generasi yang selepas generasi terawal dan seterusnya (*al-tāllīn al-awwalīn* dan *al-tāllīn al-tāllīn*). Generasi terdahulu yang terawal daripada kalangan Muhajirin yang dimaksudkan oleh ayat tersebut adalah 'Alī bin Abī Ṭālib, Ja'far bin Abī Ṭālib, Ḥamzah bin Abī Ṭālib, Khabbāb, Zayd bin Ḥārithah, 'Ammār dan yang seperingkat dengan mereka. Manakala daripada kalangan Ansar pula adalah Abū Ayyūb al-Anṣārī, Sa'd bin Mu'ādh, Abū al-Haytham bin al-Tīhān, Khuzaymah bin Thābit dan yang setingkatan dengan mereka.[39]

Al-Ṭabāṭabā'ī pula mengatakan perkataan "*min*" pada ayat "*min al-muhājirīn wa al-anṣār*" membawa maksud sebahagian (*tab'īḍiyyah*) bukan penjelasan (*bayāniyyah*). Ini disebabkan ayat tersebut ingin menyatakan golongan Muhajirin dan Ansar hanya dari kategori yang diredai Allah sebagaimana mereka meredai Allah SWT. Maka terkeluar daripada mereka golongan yang disebutkan oleh al-Qur'an sebagai berpenyakit hati, munafik, fasik dan tidak diakui oleh Rasulullah SAW.[40]

2. Golongan yang berbai'ah di bawah pokok (*Bay'ah al-Riḍwān*)

---

[38] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 357-358.
[39] Abū 'Abd Allāh al-Mufīd, *al-Ifṣāḥ fī Imāmah Amīr al-Mu'minīn 'alayh al-salām* (Qom: Mu'assasah al-Bi'thah, 1412H), 77.
[40]Muḥammad Ḥusayn al-Ṭabāṭabā'ī, *al-Mīzān fī Tafsīr al-Qur'ān* (Beirut: Mu'assasah al-A'lamī li al-Maṭbū'āt, t.t), 9: 374.

University of Malaya

Allah SWT menggambarkan satu kumpulan daripada *al-sahabah* yang membuat perjanjian taat setia (*al-mubāya'ah*) di bawah sepohon pokok dengan menurunkan ketenangan ke atas mereka menerusi firman Allah SWT:

۞ لَّقَدْ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ ٱلشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَٰبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

Terjemahan:
"Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahui-Nya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya."

Surah al-Fath(48) : 18

Menurut Khair Izzah, Syiah tidak menafikan baiah yang telah dimeterai oleh para *al-sahabah* berkenaan. Akan tetapi, keredaan Allah SWT yang dimaksudkan dalam ayat itu sekadar terbatas untuk perbuatan baiah tersebut sahaja. Bukan meliputi seluruh amalan para *al-sahabah* yang terlibat itu hingga ke akhir hayat mereka. Hujah ini diperkuatkan dengan pembuktian sejarah yang memaparkan kebanyakan para *al-sahabah* yang pernah memberi baiah kepada Nabi SAW juga diturunkan ayat-ayat munafik selepas pelaksanaan baiah tersebut. Ini membuktikan mereka bukan selama-lamanya diredai oleh Allah SWT hanya dengan suatu baiah.[41]

Sebagai contoh, tindakan Ṭalḥah dan Zubayr yang menentang 'Alī dalam perang *Jamal*. Kedua-dua mereka merupakan *al-sahabah* yang terlibat dalam *Bay'ah al-Riḍwān*. Namun mereka bersama 'Ā'ishah berangkat ke Baṣrah dengan bala tentera untuk menyerang 'Alī lalu mengakibatkan pertumpahan darah ribuan umat manusia. Persoalannya, apakah

[41] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 369.

University of Malaya

dosa yang mereka lakukan boleh dibiarkan begitu sahaja dengan alasan mereka adalah *al-sahabah* Nabi SAW yang diredai Allah SWT kerana terlibat dalam baiah tersebut? Sedangkan secara faktanya mereka yang memerangi khalifah yang sah adalah jelas melakukan suatu kesalahan dan dosa. Malah tindakan ‘Alī mempertahankan negara dan rakyatnya daripada serangan adalah tepat. Sementelahan terdapat riwayat bahawa Nabi SAW bersabda:

عَلِيٌّ مَعَ الْقُرْآنِ وَالْقُرْآنُ مَعَ عَلِيَ لَنْ يَفْتَرِقَا حَتَّى يَرِدَا عَلَيَّ الحَوْضَ

> Terjemahan:
> “‘Ali bersama al-Qur’an dan al-Qur’an bersama ‘Ali. Kedua-duanya tidak mungkin berpisah hinggalah keduanya kembali kepadaku di telaga al-Hawd.”[42]

Bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, walaupun pada zahir ayat ini Allah SWT meredai semua *al-sahabah* yang terlibat dalam *Bay‘ah al-Riḍwān*, ia tidak bermaksud secara mutlak tanpa sebarang syarat. Ini kerana, para *al-sahabah* yang dimaksudkan dalam ayat ini disyaratkan agar tidak memungkiri apa sahaja yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW selepas peristiwa tersebut. Oleh sebab itu, selepas ayat ini, turun ayat lain yang meletakkan syarat yang jelas sebagaimana dalam surah al-Fatḥ ayat 10 bermaksud:

> “Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar”.

Bermakna Allah SWT hanya meredai para *al-sahabah* dengan syarat mereka melaksanakan perjanjian yang telah dimeterai dengan Allah SWT dan tidak mengkhianati-

[42] *Ibid*.; Hadis riwayat al-Hakim, Kitāb Ma‘rifah al-Ṣaḥābah, no. hadis: 4628. Lihat *al-Mustadrak*, 3: 134; Hadis ini dinilai sahih oleh al-Dhahabī dalam *al-Talkhīṣ*.

University of Malaya

Nya.[43] Namun begitu, menurut al-Qummī, kedudukan ayat syarat ini telah diletakkan lebih dahulu oleh mereka yang mengumpulkan al-Qur'an. Sedangkan ayat *Bay'ah al-Riḍwān* turun terlebih dahulu sebelum ayat syarat. Beliau mengatakan:

"فقد قدموا في التأليف آية الشرط على بيعة الرضوان و إنما نزلت أولا بيعة الرضوان ثم آية الشرط عليهم فيها..."

Terjemahan:
"Mereka (pengumpul al-Qur'an) telah mendahulukan ketika penyusunan (al-Qur'an) ayat syarat ke atas (ayat) *Bay'ah al-Riḍwān*, sedangkan ayat *Bay'ah al-Riḍwān* turun terlebih dahulu kemudian ayat syarat ke atas mereka (para *al-sahabah*) mengenainya."[44]

Oleh itu, ayat yang menyatakan keredaan Allah SWT kepada para *al-sahabah* seumpama di atas perlu diikat dengan syarat penghujung yang sejahtera. Bagaimana mungkin kesemua *al-sahabah* itu boleh ditetapkan secara muktamad sebagai adil sedangkan terdapat dalam kalangan mereka yang munafik dan melakukan maksiat seperti al-Ḥakam bin Abī al-'Aṣ, al-Walīd bin 'Uqbah, Ḥubayb bin Salamah dan ramai lagi yang termasuk dalam kategori munafikin yang tidak diketahui orang. Justeru, tiada sesiapa pun yang berhak untuk mengatakan tidak boleh sama sekali berlepas diri dengan seorang pun daripada kalangan *al-sahabah* walaupun ada antara mereka itu yang berbuat jahat dan kemaksiatan.[45]

3. Golongan yang terlibat dalam pembukaan Makkah (*aṣḥāb al-fatḥ*)

Mereka ini digambarkan oleh Allah SWT dengan firman-Nya:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ ۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ تَرَىٰهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا ۖ سِيمَاهُمْ فِى وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ ٱلسُّجُودِ

[43] 'Ali bin Ibrahim al-Qummī, *Tafsīr al-Qummī* (Qom: Dār al-Kitāb, 1404H), 2: 315; Muḥammad bin Murtaḍā al-Kāshānī, *Tafsīr al-Ṣāfī* (Tehran: Maktabah al-Ṣadr, 1415H), 5: 40.
[44] *Ibid.*; Hāshim bin Sulayman al-Baḥrānī, *al-Burhān fī Tafsīr al-Qur'ān* (Qom: Mu'assasah al-Bi'thah, 1416h), 5: 87.
[45] 'Alī Khān bin Aḥmad al-Madanī, *Riyāḍ al-Sālikīn fī Sharḥ Ṣaḥīfah Sayyid al-Sājidīn*, (Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1409H), 2: 98.

University of Malaya

ذَٰلِكَ مَثَلُهُمۡ فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِۚ وَمَثَلُهُمۡ فِي ٱلۡإِنجِيلِ كَزَرۡعٍ أَخۡرَجَ شَطۡـَٔهُۥ فَـَٔازَرَهُۥ
فَٱسۡتَغۡلَظَ فَٱسۡتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِۦ يُعۡجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلۡكُفَّارَۗ وَعَدَ ٱللَّهُ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنۡهُم مَّغۡفِرَةٗ وَأَجۡرًا عَظِيمَۢا ٢٩

Terjemahan:
"Nabi Muhammad (SAW) ialah Rasulullah dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam) dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaan-Nya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat pada muka mereka dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (Bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan *al-sahabah-al-sahabah* Nabi Muhammad SAW dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Dia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh daripada mereka, keampunan dan pahala yang besar."

Surah al-Fatḥ(48) : 29

Menurut Khair Izzah, ayat ini bukan datang secara mutlak untuk memaksudkan semua *al-sahabah* yang bersama dengan Rasulullah SAW. Akan tetapi, Allah SWT telah menutup ayat ini dengan syarat, "*...Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar*". Ini bermakna, Allah SWT menjelaskan bahawa janji keampunan dan ganjaran yang besar iaitu syurga hanya akan diberikan kepada mereka yang beriman dan beramal soleh. Jika keimanan itu tidak disertai dengan amal soleh, maka ia tidak sempurna. Sebaliknya ia akan menjadi harapan kosong semata-mata. Berasaskan prinsip ini, semua tindakan para *al-sahabah* yang menentang nas

University of Malaya

al-Qur'an perlu diteliti dan tidak boleh sama sekali dikategorikan secara umum sebagai beriman dan beramal soleh.[46]

Jika ditinjau kepada karya *turāth* Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, ayat ini langsung tidak dirujuk kepada para *al-sahabah*. Al-Mufīd mentafsirkan, golongan yang bersama dengan Rasulullah SAW dalam ayat ini dikhususkan buat 'Alī bin Abī Ṭālib, Ḥasan, Ḥusayn dan para imam selepas mereka. Ayat tersebut jelas menyatakan ciri-ciri mereka yang bersama dengan Rasulullah SAW adalah sebagaimana yang dijelaskan dalam Taurat dan Injil. Mereka keras terhadap golongan kafir, rahmat kepada orang mukmin dan bersungguh-sungguh dalam ketaatan termasuk hanya rukuk dan sujud kepada Allah SWT dan tidak mensyirikkan-Nya. Ini menjadikan para *al-sahabah* seperti Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān, Ṭalḥah, al-Zubayr, Sa'd, Sa'īd, Abū 'Ubaydah dan lain-lain tidak termasuk dalam maksud ayat di atas kerana mereka telah sekian lama menyembah berhala sebelum memeluk agama Islam. Sebaliknya 'Alī dan para imam selepasnya telah disepakati bahawa mereka tidak pernah sama sekali menyembah sesuatu pun selain Allah SWT. Oleh yang demikian, mereka adalah golongan yang menepati ciri-ciri sebagaimana dikemukakan dalam Injil dan Taurat.[47]

Pandangan al-Mufīd disokong oleh satu riwayat yang dinukilkan al-Kūfī daripada Abū Ja'far (Imam Kelima) bahawa ketika ditanya mengenai ayat di atas, beliau menjawab:

"مَثَلٌ أَجْرَاهُ اللَّهُ فِي شِيعَتِنَا كَمَا يُجْرِي لَهُمْ فِي الْأَصْلَابِ ثُمَّ يَزْرَعُهُمْ فِي الْأَرْحَامِ وَ يُخْرِجُهُمْ لِلْغَايَةِ الَّتِي أَخَذَ عَلَيْهِمْ مِيثَاقَهُمْ فِي الْخَلْقِ"

Terjemahan:
"Ia perumpamaan yang dibawakan oleh Allah kepada pengikut (Syiah) kita, sebagaimana Dia jadikan mereka di dalam tulang-tulang sulbi, kemudian Dia menanamkan mereka di dalam rahim-rahim, lalu mengeluarkan mereka

[46] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 367-368.
[47] Al-Mufīd, *al-Ifṣāḥ* , 145-146.

University of Malaya

dengan tujuan yang Dia akan mengambil perjanjian ke atas mereka buat sekalian makhluk." [48]

Kesimpulannya, dalam berikteraksi dengan ayat-ayat al-Qur'an yang memuji dan meredai para *al-sahabah*, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengambil pendekatan bahawa ayat-ayat tersebut tidak boleh difahami secara mutlak tanpa sebarang syarat atau ikatan. Ia perlu diselaraskan dengan ayat-ayat lain yang mengikat, perbuatan dan tindakan para *al-sahabah* di luar ayat tersebut, di samping merujuk kepada riwayat-riwayat Ahl al-Bayt mengenai tafsiran ayat-ayat tersebut.

3.3.1.2 Kategori *al-sahabah* yang dikeji

Selain daripada para *al-sahabah* yang dikategorikan sebagai golongan yang terpuji dan mendapat keredaan Allah SWT, di sana terdapat dalam kalangan mereka yang disifatkan sebaliknya oleh al-Qur'an al-Karim. Ayat-ayat ini menegah untuk menyifatkan semua *al-sahabah* sebagai golongan yang diredai Allah SWT. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Golongan munafikin

Terdapat ayat al-Qur'an yang menggambarkan keadaan orang *A'rāb* yang menghuni di sekeliling kota Madinah dan penghuni Madinah sendiri yang sangat mahir dalam bersikap munafik. Sebahagian mereka tidak diketahui oleh Nabi SAW, namun diketahui oleh Allah SWT. Ia sebagaimana firman Allah SWT:

[48] Furāt bin Ibrāhīm al-Kūfī, *Tafsīr Furāt al-Kūfī*. Tehran: Wizārah al-Irshād al-Islāmī, 1410H), 423; Muḥammad bin Muḥammad Riḍā, *Tafsīr Kanz al-Daqā'iq wa Baḥr al-Gharā'ib* (Tehran: Wizārah al-Thaqāfah wa al-Irshād al-Islāmī, 1410H), 12: 312.

University of Malaya

وَمِمَّنْ حَوْلَكُم مِّنَ ٱلْأَعْرَابِ مُنَٰفِقُونَ ۖ وَمِنْ أَهْلِ ٱلْمَدِينَةِ ۖ مَرَدُوا۟ عَلَى ٱلنِّفَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ ۖ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ ۚ سَنُعَذِّبُهُم مَّرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَىٰ عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴿١٠١﴾

Terjemahan:
"Dan di antara orang-orang yang di sekeliling kamu dari orang-orang *A'rab* ada yang bersifat munafiq dan (demikian juga) sebahagian daripada penduduk Madinah; mereka telah berkeras dengan sifat munafiq; engkau tidak mengetahui mereka (bahkan) Kamilah yang mengetahui mereka..."
Surah al-Tawbah(9) : 101

Khair Izzah berhujah menggunakan ayat ini untuk mengatakan bahawa al-Qur'an mengakui terdapat dalam kalangan para *al-sahabah* golongan munafik yang tersembunyi. Mereka bukan golongan munafik yang dimaklumi oleh Rasulullah SAW dan dikhabarkan nama-namanya kepada Huzayfah al-Yamānī r.a. Sebaliknya mereka adalah golongan yang sentiasa berpura-pura sepanjang pergaulannya dengan Nabi SAW. Menurut segala perintah Allah SWT dan Rasul-Nya. Namun di dalam hati menyimpan kebencian dan dendam membara yang hanya menunggu waktu untuk dibongkar dan bertindak. Mereka ini terdiri dalam kalangan para *al-sahabah* yang tidak diketahui oleh Rasulullah SAW, tetapi Allah SWT mengetahuinya.[49]

Khair Izzah mengemukakan tiga alasan untuk mengatakan bahawa ayat ini secara pasti merujuk kepada para *al-sahabah*. Pertama, pengertian *al-sahabah* di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah memadai dengan hanya mengenali Nabi SAW dan beriman dengannya. Oleh itu, seluruh penduduk Madinah yang beragama Islam adalah para *al-sahabah*. Kedua, mustahil Allah SAW menyindir orang-orang yang bukan Islam yang tinggal di Madinah kerana golongan yang bukan Islam dinamakan musyrikin bukan munafikin seperti Yahudi

[49] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 359.

University of Malaya

dan Nasrani. Ketiga, mustahil juga golongan munafik tersebut merupakan ‘Abd Allāh bin Ubay bin Salūl bersama pengikutnya. Ini kerana, individu tersebut amat dikenali oleh kaum muslimin Madinah lantaran banyak melakukan fitnah dan huru-hara seperti memfitnah Umm al-Mu’minīn ‘Ā’ishah berlaku curang.[50]

Pandangan Khair Izzah ini selaras dengan pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang menanggap bahawa al-Qur’an telah memberikan perhatian khas tentang kelicikan golongan munafikin dan mendedahkan apa yang wujud di dalam batin mereka sebagaimana yang disebutkan di dalam surah-surah seperti; al-Baqarah, Āli ‘Imrān, al-Mā’idah, al-Tawbah, al-‘Ankabūt, al-Aḥdhāb, Muḥammad, al-Fatḥ, al-Ḥadīd, al-Mujādalah, al-Ḥashr dan al-Munāfiqīn. Dengan itu, tidak wajar diletakkan kaedah umum bahawa semua mereka yang ber*al-sahabah* dengan Nabi SAW dianggap adil tanpa mengambil kira perbuatan buruk dan kejahatan mereka sama ada yang dijelaskan kemunafikannya ataupun yang tidak diketahui kemunafikannya tetapi berselindung di sebalik gelaran *al-sahabah* Nabi S.AW.[51]

Ayat sebegini juga menjadi hujah yang ampuh bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah untuk melantik pengganti Rasulullah SAW hanya daripada kalangan yang dilantik oleh Allah SWT. Ini kerana, hanya Allah SWT yang Maha Mengetahui apa yang ada di dalam hati seseorang. Para *al-sahabah* tidak terkecuali daripada golongan munafikin yang tersembunyi sebagaimana dinyatakan dalam ayat tersebut. Oleh yang demikian, pelantikan mereka sebagai pemimpin boleh dipertikaikan kerana tiada sesiapa yang mengetahui apa yang ada di dalam hati-hati mereka.[52]

---

[50] *Ibid.*, 358.
[51] Al-Subḥānī, *Buḥūth fī al-Milal wa al-Niḥal*, 1: 209.
[52] Muḥammad bin Shāh Murtaḍā, *al-Maḥajjah al-Bayḍā’ fī Tahdhīb al-Iḥyā’* (Qom: Mu’assasah al-Nashr al-Islāmī, 1417H), 1: 232.

University of Malaya

Selain itu, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah juga berkeyakinan, terdapat para *al-sahabah* yang jelas-jelas dinyatakan kemunafikannya oleh Allah SWT di dalam al-Qur’an. Golongan ini disebut dalam firman Allah SWT:

إِذَا جَآءَكَ ٱلْمُنَٰفِقُونَ قَالُوا۟ نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُۥ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَكَٰذِبُونَ ﴿١﴾

Terjemahan:
“Apabila orang-orang munafiq datang kepadamu (wahai Muhammad), mereka berkata: Kami mengakui bahawa sesungguhnya engkau sebenar-benarnya Rasulullah dan Allah sememangnya mengetahui bahawa engkau ialah Rasul-Nya, serta Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta.”

Surah al-Munāfiqūn(63) : 1

Ayat ini menunjukkan wujud komplotan yang kuat daripada golongan munafikin dalam kalangan para *al-sahabah* hingga turun beberapa ayat al-Qur’an yang sepenuhnya menjelaskan kedudukan mereka.[53] Menurut al-Qummī, ayat ini diturunkan dalam peristiwa yang berlaku selepas peperangan Banī al-Musṭaliq. Peristiwa tersebut berpunca daripada pertelingkahan yang berlaku antara dua individu daripada kaum Ansar dan Muhajirin. Apabila pertelingkahan ini diketahui oleh ‘Abd Allāh bin Ubay, beliau mengeluarkan kata-kata hasutannya untuk tidak menyokong kaum Muhajirin tinggal di Madinah. Beliau mengatakan setibanya di Madinah kelak, kaum Ansar yang kuat akan mengusir Muhajirin yang lemah. Kata-kata ini secara kebetulan didengari oleh Zayd bin Arqam lalu menyampaikannya kepada Rasulullah SAW. Baginda SAW lalu memanggil ‘Abd Allāh bin Ubay dan beliau bersumpah menafikannya. Akhirnya turun ayat ini untuk membenarkan aduan Zayd bin Arqam dan membongkar pendustaan golongan munafikin yang diketuai ‘Abd Allāh bin Ubay.[54]

---

[53] Al-Subḥānī, *Buḥūth fī al-Milal wa al-Niḥal*, 1: 209.
[54] Al-Qummī, *Tafsīr al-Qummī*, 2: 368.

University of Malaya

Walau bagaimanapun terdapat tafsiran lain mengenai ayat ini menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Kulaynī. Ia bukan berkaitan golongan munafikin yang mengingkari Nabi Muhammad sebagai utusan Allah, namun golongan munafikin yang mengingkari kedudukan ‘Alī bin Abī Ṭālib sebagai *waṣī* dan imam yang dilantik Allah SWT. Beliau menukilkan riwayat daripada Muḥammad bin al-Fuḍayl yang bertanyakan beberapa pengertian ayat kepada Abū al-Ḥasan al-Māḍī (Imam Syiah ketujuh, Musā al-Kāẓim).

قُلْتُ: «ذلِكَ بِأَنَّهُمْ آمَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا»؟ قَالَ: «إِنَّ اللَّهَ- تَبَارَكَ و تَعَالى- سَمّى مَنْ لَمْ يَتَّبِعْ رَسُولَهُ فِي و لَايَةِ و صِيِّهِ مُنَافِقِينَ، و جَعَلَ مَنْ جَحَدَ و صِيَّهُ إِمَامَتَهُ كَمَنْ جَحَدَ مُحَمَّداً، و أَنْزَلَ بِذلِكَ قُرْآناً، فَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ، «إِذا جاءَكَ الْمُنافِقُونَ» بِوَلَايَةِ و صِيِّكَ «قالُوا نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ وَ اللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ وَ اللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ الْمُنافِقِينَ» بِوَلَايَةِ عَلِيٍ «لَكاذِبُون.

Terjemahan:
“Aku berkata (bertanya): (Tafsir ayat): “*Demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka telah beriman, kemudian menjadi kafir lagi*” (surah al-Munāfiqūn: 3). Beliau (Abū al-Ḥasan) berkata (menjawab): Sesungguhnya Allah SWT menamakan orang yang tidak mengikut Rasul-Nya pada *wilāyah waṣī*-nya sebagai munafikin. Dia menjadikan sesiapa yang mengingkari *waṣī*-nya dan keimamannya seumpama mengingkari Muḥammad, dan Dia menurunkan (ayat) al-Qur’an (menjelaskan) demikian itu, lalu berfirman: Wahai Muḥammad! “*Sekiranya datang kepada kamu orang munafikin (iaitu dengan wilāyah waṣī-mū). Mereka berkata: Kami bersaksi bahawa kamu adalah utusan Allah, sedangkan Allah mengetahui sesungguhnya kamu adalah utusan-Nya dan Allah bersaksi bahawa sesungguhnya orang munafikin (iaitu dengan wilāyah ‘Alī itu) adalah para pembohong*”. [55]

2. Golongan yang berpenyakit hati (*marḍā al-qulūb*)

[55] Al-Kulaynī, *al-Kāfī*, 2: 414; al-Nu‘mān bin Muḥammad bin Ḥayyun, *Sharḥ al-Akhbār fī Faḍā’il al-A’immah al-Aṭhār* (Qom: Mu’assasah al-Nashr al-Islāmī, 1409H), 1: 230; Muḥammad bin ‘Alī al-Māzindarānī, *Manāqib Āli Abī Ṭālib ‘alayh al-salam* (Qom: ‘Allāmah, 1421H), 3: 72; ‘Alī al-Istir Ābādī, *Ta’wīl al-Āyāt al-Ẓāhirah fī Faḍā’il al-‘Atirah al-Ṭāhirah*, (Qom: Mu’assasah al-Nashr al-Islāmī, 1409H), 670.

University of Malaya

Mereka adalah golongan *al-sahabah* yang bukan terdiri daripada kumpulan munafik, akan tetapi iman dan keyakinan mereka kepada Allah dan Rasul-Nya SAW itu lemah. Golongan ini digambarkan dalam al-Qur'an seperti berikut[56]:

وَإِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ مَّا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢﴾

Terjemahan:
"Dan lagi masa itu ialah masa orang-orang munafiq dan orang-orang yang tidak sihat dan tidak kuat iman dalam hatinya berkata: Allah dan Rasul-Nya tidak menjanjikan kepada kita melainkan perkara yang memperdayakan sahaja."

Surah al-Ahzab(33) : 12

Terdapat riwayat yang masyhur dalam kalangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang mengisyaratkan ayat ini ditujukan kepada para *al-sahabah* tertentu termasuk Abū Bakr dan 'Umar. Ia membongkar apa yang ada di dalam hati mereka berupa keraguan dan syak wasangka terhadap kemenangan yang telah dijanjikan oleh Rasulullah SAW. Ini membuatkan mereka memilih jalan selamat dengan meneruskan penyembahan berhala secara diam-diam. Ia dengan andaian jika dakwah Muḥammad menemui kegagalan, mereka tetap dapat meyakinkan golongan musyrikin bahawa mereka masih kekal dalam agama terdahulu. Riwayat tersebut dinukilkan oleh Sulaym bin Qays al-Hilālī daripada 'Alī bin Abī Ṭālib, antaranya seperti berikut:

"قال لأصحابه الْأَرْبَعَةِ أَصْحَابِ الْكِتَابِ وَ الرَّأْيُ وَ اللَّهِ أَنْ نَدْفَعَ مُحَمَّداً إِلَيْهِمْ بِرُمَّتِهِ [وَ] نَسْلَمَ مِنْ ذَلِكَ حِينَ جَاءَ الْعَدُوُّ مِنْ فَوْقِنَا وَ مِنْ تَحْتِنَا كَمَا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى- وَ زُلْزِلُوا زِلْزالًا شَدِيداً وَ ظَنُّوا بِاللَّهِ الظُّنُونَا وَ قَالَ الْمُنافِقُونَ وَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ ما وَعَدَنَا اللَّهُ وَ رَسُولُهُ إِلَّا غُرُوراً فَقَالَ لَهُ صَاحِبُهُ لَا وَ لَكِنْ نَتَّخِذُ صَنَماً عَظِيماً نَعْبُدُهُ لِأَنَّا لَا نَأْمَنُ أَنْ يَظْفَرَ ابْنَ أَبِي كَبْشَةَ فَيَكُونَ هَلَاكُنَا وَ [لَكِنْ] يَكُونُ هَذَا الصَّنَمُ [لَنَا ذُخْراً فَإِنْ ظَفِرَتْ قُرَيْشٌ أَظْهَرْنَا عِبَادَةَ هَذَا

[56] Al-Subḥānī, *Buḥūth fī al-Milal wa al-Niḥal*, 1: 210.

University of Malaya

الصَّنَمِ] وَ أَعْلَمْنَاهُمْ أَنَّا لَنْ نُفَارِقَ دِينَنَا وَ إِنْ رَجَعَتْ دَوْلَةُ ابْنِ أَبِي كَبْشَةَ كُنَّا مُقِيمِينَ عَلَى عِبَادَةِ هَذَا الصَّنَمِ سِرّا...".

Terjemahan:
"Dia (Umar) berkata kepada para *al-sahabah*nya yang empat (Abū Bakr, Abū 'Ubaydah, Mu'ādh dan Sālim), *Aṣḥāb al-Kitāb wa al-Ra'y*: "Demi Allah! Kita akan menolak Muḥammad kepada mereka sekaligus, lantas kita terselamat daripada hal demikian itu, ketika datang musuh dari atas dan dari bawah kita", sebagaimana Allah berfirman (Surah al-Aḥzāb: 10-12): "*Mereka gementar dengan gementaran yang kuat*", "*Kamu menyangka terhadap Allah dengan bermacam-macam sangkaan*", "*Ketika berkata orang munafik dan orang ada di dalam hati mereka penyakit: Apa yang telah dijanjikan oleh Allah dan Rasul-Nya adalah satu tipu daya semata-mata*". Maka berkata kepadanya ('Umar) *al-sahabah*nya (Abū Bakr): "Tidak. Kita akan mengambil berhala yang besar, kita akan menyembahnya, kerana kita tidak akan selamat jika Ibn Abī Kabshah (Rasulullah SAW) menang. Justeru itu, kita akan binasa tetapi berhala ini akan menjadi simpanan kepada kita. Jika Quraysh menang, kita akan menzahirkan penyembahan kepada berhala ini dan akan memberitahu mereka bahawa sesungguhnya kita tidak pernah meninggalkan agama kita. Jika kerajaan Ibn Abī Kabshah kembali, kita akan meneruskan penyembahan kita kepada berhala ini secara rahsia…".[57]

3. Penyebar fitnah (*sammā'ūn*)

Ia adalah segolongan *al-sahabah* yang hati mereka seperti bulu yang ditiup angin. Ini disebabkan kelemahan iman dan akidah mereka hingga menjadi penyebar kepada fitnah-fitnah yang direka oleh golongan munafik atau pun menjadi mata-mata bagi pihak mereka.[58] Allah SWT menggambarkan mereka sebagai *sammā'ūn* (penyebar fitnah) berdasarkan firman-Nya:

إِنَّمَا يَسْتَـْٔذِنُكَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَٱرْتَابَتْ قُلُوبُهُمْ فَهُمْ
فِى رَيْبِهِمْ يَتَرَدَّدُونَ ﴿٤٥﴾ ۞ وَلَوْ أَرَادُوا۟ ٱلْخُرُوجَ لَأَعَدُّوا۟ لَهُۥ عُدَّةً وَلَـٰكِن

[57] Sulaym bin Qays al-Hilālī (1405h), *Kitāb Sulaym bin Qays al-Hilālī*(Qom: al-Hādī, 1405H), 2: 700-701; 'Alī bin Mūsā bin Ṭāwūs, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib* (Mashhad: Tāsū'ā', 1420H), 508; Muḥammad Bāqir al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār al-Jāmi'ah lidurar Akhbār al-A'immah al-Aṭhār* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1403H), 30: 324-325.
[58] Al-Kāshānī, *Tafsīr al-Ṣāfī*, 2: 346.

كَرِهَ ٱللَّهُ ٱنۢبِعَاثَهُمۡ فَثَبَّطَهُمۡ وَقِيلَ ٱقۡعُدُواْ مَعَ ٱلۡقَٰعِدِينَ ﴿٤٦﴾ لَوۡ خَرَجُواْ
فِيكُم مَّا زَادُوكُمۡ إِلَّا خَبَالاً وَلَأَوۡضَعُواْ خِلَٰلَكُمۡ يَبۡغُونَكُمُ ٱلۡفِتۡنَةَ وَفِيكُمۡ
سَمَّٰعُونَ لَهُمۡۗ وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٧﴾

Terjemahan:
"Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat dan yang hati mereka (sangat) ragu-ragu. Oleh itu mereka sentiasa bingung teragak-agak dalam keraguannya. Dan kalaulah mereka mahu keluar (untuk turut berperang), tentulah mereka menyediakan persiapan untuknya; tetapi Allah tidak suka pemergian mereka, lalu dilemahkan-Nya semangat mereka dan dikatakan (oleh syaitan): Tinggallah kamu bersama-sama orang-orang yang tinggal. Kalaulah mereka keluar bersama kamu, tidaklah mereka menambahkan kamu melainkan kerosakan dan tentulah mereka segera menjalankan hasutan di antara kamu, (dengan tujuan) hendak menimbulkan fitnah (kekacauan) dalam kalangan kamu; sedang di antara kamu ada orang yang suka mendengar hasutan mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang zalim."

Surah al-Tawbah(9) : 45-47

4. Golongan yang bercampur aduk amalan soleh dan buruk

Mereka adalah golongan *al-sahabah* yang bercampur aduk amalan mereka antara kebaikan dan keburukan. Golongan ini kadang kala melakukan kebaikan dan kebahagiaan, namun ada waktunya mereka melakukan kerosakan dan kehancuran. Mereka digambarkan oleh Allah SWT seperti berikut:

وَءَاخَرُونَ ٱعۡتَرَفُواْ بِذُنُوبِهِمۡ خَلَطُواْ عَمَلاً صَٰلِحًا وَءَاخَرَ سَيِّئًا عَسَى ٱللَّهُ أَن
يَتُوبَ عَلَيۡهِمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠٢﴾

Terjemahan:
"Dan (sebahagian) yang lain mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampur adukkan amal yang baik dengan amal yang lain, yang buruk. Mudah-mudahan Allah akan menerima taubat mereka; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah al-Tawbah(9) : 102

University of Malaya

Menurut al-Qummī, ayat ini diturunkan kepada Abū Lubābah yang telah mengkhianati amanah Rasulullah SAW supaya mengadakan perundingan dengan Banī Qurayẓah bin ‘Abd al-Mundhir. Walau bagaimanapun Abū Lubābah menyedari kesalahannya lalu bertaubat kepada Allah SWT dengan mengikat dirinya pada salah satu tiang Masjid Rasulullah SAW. Taubat beliau kemudiannya diterima oleh Allah SWT dengan turunnya ayat 102 daripada surah al-Tawbah.[59]

5. Golongan yang cenderung untuk kembali kepada jahiliyyah

Mereka adalah segolongan para *al-sahabah* yang lebih cenderung berbalik semula kepada agama asal apabila ditimpa dengan pelbagai ujian berat. Ia sebagaimana firman-Nya:

وَطَآئِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ يَظُنُّونَ بِٱللَّهِ غَيْرَ ٱلْحَقِّ ظَنَّ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ ۖ
يَقُولُونَ هَل لَّنَا مِنَ ٱلْأَمْرِ مِن شَىْءٍ ۗ قُلْ إِنَّ ٱلْأَمْرَ كُلَّهُۥ لِلَّهِ ۗ يُخْفُونَ فِىٓ أَنفُسِهِم
مَّا لَا يُبْدُونَ لَكَ ۖ يَقُولُونَ لَوْ كَانَ لَنَا مِنَ ٱلْأَمْرِ شَىْءٌ مَّا قُتِلْنَا هَٰهُنَا ۗ قُل لَّوْ
كُنتُمْ فِى بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ ٱلَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقَتْلُ إِلَىٰ مَضَاجِعِهِمْ ۖ وَلِيَبْتَلِىَ ٱللَّهُ مَا
فِى صُدُورِكُمْ وَلِيُمَحِّصَ مَا فِى قُلُوبِكُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿١٥٤﴾

Terjemahan:
“…sedang segolongan yang lain yang hanya mementingkan diri sendiri, menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang tidak benar, seperti sangkaan orang-orang jahiliah. Mereka berkata: Adakah bagi kita sesuatu bahagian dari pertolongan kemenangan yang dijanjikan itu? Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya perkara (yang telah dijanjikan) itu semuanya tertentu bagi Allah, (Dialah sahaja yang berkuasa melakukannya menurut peraturan yang ditetapkan-Nya). Mereka sembunyikan dalam hati mereka apa yang mereka tidak nyatakan kepadamu. Mereka berkata (sesama sendiri): Kalaulah ada sedikit bahagian kita dari pertolongan yang dijanjikan itu tentulah (orang-orang) kita tidak terbunuh di tempat ini?”

Surah Ali ‘Imran(3) : 154

[59] Al-Qummī, *Tafsīr al-Qummī*, 1: 303.

University of Malaya

Menurut al-Baḥrānī, ayat ini menjelaskan tentang perbezaan sikap antara golongan mukmin yang sebenar dengan golongan munafik yang berdusta. Ia berlaku ketika tentera muslimin diuji dengan kekecohan yang hampir membawa kepada kekalahan di dalam perang Uḥud. Allah SWT akhirnya menurunkan ketenangan kepada tentera muslimin yang ikhlas dengan mengurniakan rasa mengantuk, sementara mereka yang tidak ikhlas diselaputi dengan perasaan resah gelisah dan tanggapan buruk terhadap Rasulullah SAW.[60]

6. Golongan fasik

Al-Qur'an menggalakkan orang-orang beriman supaya mengawasi perkhabaran daripada golongan yang fasik. Ini menunjukkan ada dalam kalangan para *al-sahabah* yang terdiri daripada golongan fasik menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Antaranya berdasarkan firman Allah SWT:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا بِجَهَـٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَـٰدِمِينَ ٦

Terjemahan:
"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

Surah al-Hujurat(49) : 6

Menurut al-Subḥānī, ayat ini disepakati oleh para ulama bahawa ia merujuk kepada al-Walid bin 'Uqbah bin Abi Mu'īṭ. Ia sebagaimana ayat 18 surah al-Sajadah yang juga diturunkan kepada al-Walīd. Al-Ṭabarī menukilkan bahawa berlaku perbualan antara al-Walīd bin 'Uqbah dan 'Alī bin Abī Ṭālib. Al-Walīd berkata, "*Lidahku lebih tajam daripada*

[60] Al-Baḥrānī, *al-Burhān fi Tafsīr al-Qur'ān*, 1: 703.

University of Malaya

lidahmu, (sebagaimana) senjataku lebih tajam daripada senjatamu". 'Alī menjawab, "*Tutup mulutmu, sesungguhnya engkau adalah orang fasik*."[61]

7. Muslimin bukan Mukminin

Al-Qur'an menilai sekumpulan daripada orang *A'rāb* yang bertemu dan beriman dengan Rasulullah SAW itu sebagai golongan Muslimin dan belum lagi boleh dikategorikan sebagai Mukminin. Ini kerana, keimanan belum lagi benar-benar masuk ke dalam hati mereka sebagaimana firman Allah SWT:

۞ قَالَتِ ٱلۡأَعۡرَابُ ءَامَنَّاۖ قُل لَّمۡ تُؤۡمِنُواْ وَلَٰكِن قُولُوٓاْ أَسۡلَمۡنَا وَلَمَّا يَدۡخُلِ ٱلۡإِيمَٰنُ فِي قُلُوبِكُمۡۖ وَإِن تُطِيعُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ لَا يَلِتۡكُم مِّنۡ أَعۡمَٰلِكُمۡ شَيۡـًٔاۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٌ ١٤

Terjemahan:
"Orang-orang *A'rāb* berkata: Kami telah beriman. Katakanlah (wahai Muhammad): Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu berkatalah sahaja: Kami telah Islam dan (ingatlah), jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikitpun dari pahala amal-amal kamu, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Surah al-Hujurat(49) : 14

8. Golongan yang baharu memeluk Islam

Ulama fiqah bersepakat bahawa golongan seumpama ini layak untuk memperoleh zakat berdasarkan firman Allah SWT:

[61] Al-Subḥānī, *Buḥūth fī al-Milal wa al-Niḥal*, 1: 212.

University of Malaya

۞ إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي
ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٞ ٦٠

Terjemahan:
"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan bekalan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

Surah al-Tawbah(9) : 60

Menurut al-Subḥānī, golongan *al-mu'allafah qulūbuhum* merupakan mereka yang menzahirkan Islam pada peringkat awal Islam tersebar. Mereka dimasukkan golongan yang diperuntukkan zakat bagi tujuan meneguhkan keimanan mereka yang lemah. Walaupun terdapat perbezaan pandangan mengenai takrifan golongan ini, namun kesemuanya mendefinisikan mereka ini sebagai golongan yang lemah keislamannya kecuali dengan dibantu menerusi pemberian zakat.[62] Antara para *al-sahabah* yang dikategorikan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah daripada golongan ini adalah Abū Sufyān dan anak-anaknya.[63]

9. Golongan yang khianat dalam berjihad

Al-Qur'an memberikan peringatan keras terhadap para *al-sahabah* agar tidak sekali-kali melarikan diri ketika di medan perang. Ia merupakan salah satu dosa besar yang diancam oleh Allah SWT menerusi firman-Nya:

[62] *Ibid*., 213.
[63] Markaz al-Risālah, *al-Ṣaḥābah*, 48.

University of Malaya

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ زَحۡفٗا فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلۡأَدۡبَارَ ﴿١٥﴾
وَمَن يُوَلِّهِمۡ يَوۡمَئِذٖ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفٗا لِّقِتَالٍ أَوۡ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٖ فَقَدۡ بَآءَ
بِغَضَبٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَمَأۡوَىٰهُ جَهَنَّمُۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمَصِيرُ ﴿١٦﴾

Terjemahan:
"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan orang-orang kafir yang sedang mara menyerang, maka janganlah kamu berpaling undur dari menentang mereka. Dan sesiapa berpaling undur dari menentang mereka pada ketika itu kecuali dia bergerak ke arah lain (untuk menjalankan tipu muslihat) peperangan atau hendak menyatukan diri dengan pasukan yang lain, maka sesungguhnya dia tetaplah mendapat kemurkaan dari Allah dan tempatnya ialah Neraka Jahannam; sedang Neraka Jahannam ialah seburuk-buruk tempat kembali."

Surah al-Anfal(8) : 15-16

Sesungguhnya amaran agar tidak berpaling atau lari daripada medan perang serta memperingatkan mereka agar berpendirian teguh menghadapi musuh tidak terbit daripada sumber wahyu kecuali setelah wujud sebahagian *al-sahabah* Nabi SAW yang melarikan diri daripada peperangan Uḥud dan Ḥunayn.[64]

Kesimpulannya, ketiga-tiga penulis berpendapat al-Qur'an memiliki pendekatan yang pelbagai dalam menjelaskan kedudukan para *al-sahabah*. Ia menepati pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang membahagikan al-Qur'an kepada dua pendekatan dalam berinteraksi dengan para *al-sahabah*. Pertama, memuji dan menyatakan reda Allah SWT ke atas mereka. Kedua, menempelak dan tidak meredai niat mahupun perbuatan mereka. Berasaskan pendekatan al-Qur'an ini, ia menunjukkan penilaian terhadap para *al-sahabah* itu adalah bergantung kepada keimanan dan perbuatan mereka. Sejauhmana ketaatan dan kesetiaan mereka terhadap segala apa yang diperintah dan dilarang. Justeru, mengatakan semua *al-sahabah* bersifat adil hanya kerana ia adalah seorang *al-sahabah* yang bertemu

[64] Al-Subḥānī, *Buḥūth fī al-Milal wa al-Niḥal*, 1: 214.

University of Malaya

Rasulullah SAW, beriman dengannya dan meninggal dunia dalam keadaan Islam adalah salah dan menyeleweng. Hakikatnya para *al-sahabah* itu seperti manusia yang lain juga, terdapat di kalangan mereka yang bertaqwa dan sebaliknya. Tetapi apa yang membezakan antara mereka dengan manusia lain adalah mereka berpeluang melihat sendiri cahaya kenabian dan berada pada zaman hayat Baginda SAW. Namun, jika mereka menyeleweng, maka penyelewengan dan kesesatan mereka lebih dahsyat daripada kebanyakan manusia lain.[65]

3.4 Para *al-sahabah* dalam al-Sunnah

Pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengenai *al-sahabah* dalam al-Sunnah juga sama dengan pendirian mereka mengenai *al-sahabah* dalam al-Qur'an. Mereka berpandangan terdapat hadis-hadis yang memuji para *al-sahabah*. Namun, dalam masa yang sama terdapat hadis-hadis yang mengeji dan mendedahkan perbuatan buruk para *al-sahabah*.[66] Hadis-hadis yang berbentuk memuji para *al-sahabah* tidak boleh difahami secara mutlak sebaliknya perlu dibaca bersama dengan hadis-hadis yang mengeji mereka. Ini kerana, Rasulullah SAW menghimpunkan kecintaan Baginda kepada para *al-sahabah* bersama-sama dengan kecintaan Baginda kepada Ahl al-Bayt. Dengan itu, hadis-hadis yang memuji para *al-sahabah* secara umum terikat dengan sikap mereka terhadap Ahl al-Bayt. Terdapat dalam kalangan *al-sahabah* yang membenci Ahl al-Bayt sehingga ke peringkat memerangi dan menghalalkan darah ahli keluarga Nabi SAW seperti Mu'āwiyah dan 'Amr bin al-'Āṣ, maka mereka tidak termasuk dalam kalangan *al-sahabah* yang terpuji.[67]

---

[65] *Ibid*., 215.
[66] Markaz al-Risālah, *al-Ṣaḥābah*, 61.
[67] *Ibid.*, 63-64.

University of Malaya

Syiah Imāmīyyah Ithnā ‘Ashariyyah turut berpendirian, kebanyakan hadis yang memuji para *al-sahabah* adalah hadis-hadis palsu yang direka pada zaman Banī Umayyah. Ibn Abī al-Ḥadīd menukilkan riwayat daripada Ibn Nafṭawayh yang mengatakan:

"إن أكثر الأحاديث الموضوعة في فضائل الصحابة افتعلت في أيام بني أمية تقربا إليهم بما يظنون أنهم يرغمون به أنوف بني هاشم."

Terjemahan:
“Sesungguhnya kebanyakan hadis palsu berkenaan kelebihan para *al-sahabah* dicipta pada zaman Banī Umayyah bagi mendekati (pemerintah) mereka dengan menyangka mereka dapat menghinakan dengannya Banī Hāshim.” [68]

Dalam riwayat-riwayat Syiah menjelaskan bagaimana hadis-hadis tersebut mula dicipta dan disebarkan dengan arahan Mu‘āwiyah. Ibn Abī al-Ḥadīd menukilkan bahawa Abu al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Abī Sayf al-Madā’inī meriwayatkan dalam kitab *al-Aḥdāth*, beliau berkata:

"كتب معاوية نسخة واحدة إلى عماله بعد عام الجماعة أن برئت الذمة ممن روى شيئا من فضل أبي تراب و أهل بيته فقامت الخطباء في كل كورة و على كل منبر يلعنون عليا و يبرءون منه و يقعون فيه و في أهل بيته... و كتب إليهم أن انظروا من قبلكم من شيعة عثمان و محبيه و أهل ولايته و الذين يروون فضائله و مناقبه فادنوا مجالسهم و قربوهم و أكرموهم و اكتبوا لي بكل ما يروي كل رجل منهم و اسمه و اسم أبيه و عشيرته... ثم كتب إلى عماله أن الحديث في عثمان قد كثر و فشا في كل مصر و في كل وجه و ناحية فإذا جاءكم كتابي هذا فادعوا الناس إلى الرواية في فضائل الصحابة و الخلفاء الأولين و لا تتركوا خبرا يرويه أحد من المسلمين في أبي تراب إلا و تأتوني بمناقض له في الصحابة فإن هذا أحب إلى و أقر لعيني و أدحض لحجة أبي تراب و شيعته و أشد عليهم من مناقب عثمان و فضله...حتى انتقلت تلك الأخبار و الأحاديث إلى أيدي الديانين الذين لا يستحلون الكذب و البهتان فقبلوها و رووها و هم يظنون أنها حق و لو علموا أنها باطلة لما رووها و لا تدينوا بها."

Terjemahan:

[68] ‘Abd al-Ḥamīd bin Hibah Allāh bin Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah* (Qom: Maktabah Āyah al-Allāh al-Mar‘ashī al-Najafī, 1404H) 11: 46.

University of Malaya

> "Mu'āwiyah telah menulis satu perintah kepada para pegawainya selepas tahun *al-Jamā'ah* supaya membersihkan sesiapa yang meriwayatkan suatu pun tentang kelebihan Abī Turāb dan ahli keluarganya Lalu para khatib di setiap daerah dan setiap mimbar melaknat 'Alī dan berlepas diri daripadanya, mereka memburukkannya dan ahli keluarganya…dan Mu'āwiyah juga menulis arahan kepada mereka (para pegawainya) dengan mengatakan, "Kamu semua lihatlah siapa sebelum kamu merupakan pengikut 'Uthmān, para pencinta dan pendukung pemerintahannya dan mereka yang meriwayatkan kelebihan-kelebihan dan sumbangan-sumbangannya, dekatilah majlis-majlis mereka, hampiri mereka, muliakan mereka dan tuliskan bagiku setiap apa yang diriwayatkan oleh mereka, namanya, nama bapanya dan keturunannya"… kemudian beliau (Mu'āwiyah) menulis (kenyataan) kepada para pegawainya bahawa hadis mengenai 'Uthmān telah banyak dan tersebar di setiap tempat, maka jika datang kepadamu kenyataanku ini, maka serukan manusia supaya meriwayatkan kelebihan-kelebihan para *al-sahabah*, para khalifah terawal, dan jangan biarkan seorang pun daripada umat Islam meriwayatkan mengenai Abū Turāb kecuali kamu datangkan kepadaku (riwayat) yang bertentangan dengannya…hingga berpindah riwayat-riwayat dan hadis-hadis tersebut ke tangan orang-orang agama (yang soleh) yang tidak menghalalkan pendustaan dan pembohongan, namun mereka menerimanya dan meriwayatkannya sedangkan mereka menyangka ia benar. Jika mereka mengetahui ia batil, mereka tidak akan meriwayatkannya dan beragama dengannya."[69]

Berdasarkan riwayat-riwayat Syiah sebegini, ia menunjukkan bahawa Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sangat berhati-hati dengan sebarang hadis yang berbentuk puji-pujian terhadap para *al-sahabah*. Pertama, dari sudut kandungan hadis tersebut yang tidak boleh dimutlakkan kepada sekalian *al-sahabah*. Kedua, dari sudut sanadnya yang berkemungkinan dicipta bagi tujuan membesar-besarkan kedudukan para *al-sahabah*. Walau bagaimanapun, dalam berhujah dan mempertahankan pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, para ulama Syiah tetap mengambil dalil-dalil daripada hadis-hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sendiri. Ia bukan bermaksud mereka meyakini kesahihan riwayat-riwayat tersebut, namun ia bertujuan untuk memaksa para penentang agar menerima hujah-hujah tersebut kerana ia diambil daripada sumber para penentang sendiri. Oleh yang

[69] *Ibid.*, 44-45; Muḥammad Muḥsin bin Murtaḍā al-Fayḍ al-Kāshānī, *Nawādir al-Akhbār fīmā Yata'llaq bi Uṣūl al-Dīn* (Tehran: Mu'assasah al-Abhāth al-Thaqafiyyah, 1413H), 5; Muḥammad bin Ḥasan al-Ḥurr al-'Āmilī, *Tafṣil Wasā'il al-Shī'ah ilā Taḥṣīl Masā'il al-Sharī'ah* (Qom: Mu'assasah Ahl al-Bayt li Iḥyā al-Turāth, 1409H), al-muqaddimah, 37; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 33: 191-192.

University of Malaya

demikian, dalam menyatakan pendirian al-Sunnah terhadap para *al-sahabah*, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengambil hadis-hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang pada zahirnya mengeji dan mempertikaikan keimanan para *al-sahabah* bagi menyokong pegangan mereka dan mematahkan hujah lawan. Dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berbahasa Melayu turut digunakan pendekatan yang sama. Mereka mengambil hadis-hadis sahih yang diriwayatkan daripada sumber Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai hujah bagi mempertikaikan kedudukan *al-sahabah*.

3.4.1 Dalil-dalil al-Sunnah menurut Khair Izzah

Antara hadis yang sering diketengahkan adalah hadis-hadis yang menggambarkan tentang kemurtadan para *al-sahabah* selepas kewafatan Rasulullah SAW. Khir Izzah telah mengemukakan sebanyak sebelas riwayat daripada dua sumber utama hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang dikatakan memperakui kemurtadan para *al-sahabah*. Enam daripadanya di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* manakala bakinya daripada *Ṣaḥīḥ Muslim*. Antara hadis yang diriwayatkan daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* adalah seperti berikut[70]:

1. Hadis 'Abd Allāh bin Mas'ūd bahawa Nabi SAW bersabda:

أنا فَرَطُكُمْ على الْحَوْضِ وَلَيُرْفَعَنَّ رِجَالٌ مِنْكُمْ ثُمَّ لَيُخْتَلَجُنَّ دُونِي فَأَقُولُ يا رَبِّ أَصْحَابِي فَيُقَالُ إِنَّكَ لَا تَدْرِي ما أَحْدَثُوا بَعْدَكَ

Terjemahan:
"Aku akan mendahului kamu di al-Haudh dan pasti diantara kamu (para *al-sahabah*) akan dibawa hadapanku. Kemudian mereka akan dipisahkan jauh daripadaku. Aku akan bertanya: Wahai Rabb, mereka adalah para *al-sahabah*ku! Maka dijawab: Sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas engkau meninggalkan mereka."[71]

[70] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 395-398.
[71] Hadis riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Raqa'iq, Bāb fi al-Ḥawḍ, no. hadis: 6205. Lihat Muhammad bin Isma'il al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar* (Beirut: Ibn Kathir, 1987), 5: 2404.

University of Malaya

2. Hadis Anas bin Malik bahawa Nabi SAW bersabda:

لَيَرِدَنَّ عَلَيَّ نَاسٌ من أَصْحَابِي الْحَوْضَ حتى عَرَفْتُهُمْ اخْتُلِجُوا دُونِي فَأَقُولُ أصيحابي فيقول لَا تَدْرِي ما أَحْدَثُوا بَعْدَكَ

Terjemahan:
"Pasti akan dibawa segolongan dari para *al-sahabah*ku ke al-Ḥawḍ, dan bila aku mengenali mereka, lalu mereka akan dipisahkan jauh daripadaku. Aku berkata: Para *al-sahabah*ku! Maka dijawab: Engkau tidak mengetahui apa yang mereka lakukan setelah engkau meninggalkan mereka."[72]

3. Hadis Sahl bin Sa'ad bahawa Nabi SAW bersabda:

أبو حَازِمٍ عن سَهْلِ بن سَعْدٍ قال قال النبي ﷺ إني فَرَطُكُمْ على الْحَوْضِ من مَرَّ عَلَيَّ شَرِبَ وَمَنْ شَرِبَ لم يَظْمَأْ أَبَدًا لَيَرِدَنَّ عَلَيَّ أَقْوَامٌ أَعْرِفُهُمْ ويعرفونني ثُمَّ يُحَالُ بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ قال أبو حَازِمٍ فَسَمِعَنِي النُّعْمَانُ بن أبي عَيَّاشٍ فقال هَكَذَا سَمِعْتَ من سَهْلٍ فقلت نعم فقال أَشْهَدُ على أبي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ لَسَمِعْتُهُ وهو يَزِيدُ فيها فَأَقُولُ إِنَّهُمْ مِنِّي فَيُقَالُ إِنَّكَ لَا تَدْرِي ما أَحْدَثُوا بَعْدَكَ فَأَقُولُ سُحْقًا سُحْقًا لِمَنْ غَيَّرَ بَعْدِي وقال بن عَبَّاسٍ ? سُحْقًا ? بُعْدًا يُقَالُ) سَحِيقٌ (بَعِيدٌ سَحَقَهُ وَأَسْحَقَهُ أَبْعَدَهُ

Terjemahan:
"Aku akan mendahului kamu (para *al-sahabah*) di al-Ḥawḍ. Siapa yang akan melaluinya akan dapat meminumnya. Dan siapa meminumnya tidak akan dahaga buat selama-lamanya. Akan dibawakan kepadaku beberapa kaum yang aku mengenali mereka dan mereka mengenaliku, kemudian dihalang di antara aku dengan mereka. Abu Hazim berkata: Selepas mendengar kata-kataku tadi lalu Nu'mān bin 'Iyāsh bertanya: Adakah kamu benar-benar telah mendengar sedemikian daripada Sahl? Aku menjawab: Ya. Aku bersumpah bahawa aku telah mendengar Abu Sa'īd al-Khudrī berkata perkara yang sama, bahkan dia menambah bahawa Nabi telah bersabda: Aku akan berkata: Mereka itu daripadaku! Maka dijawab: Sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang telah mereka lakukan setelah engkau meninggalkan mereka. Lalu aku berkata: Jauh! Jauh! Mereka yang telah berubah selepas pemergianku!"[73]

4. Hadis Ibn al-Musayyab daripada Abu Hurayrah bahawa Nabi SAW telah bersabda:

[72] *Ibid.*, no. hadis: 6211, 5: 2406.
[73] *Ibid.*, no. hadis. 6212.

University of Malaya

يَرِدُ عَلَيَّ يوم الْقِيَامَةِ رَهْطٌ من أَصْحَابِي فيجلون عن الْحَوْضِ فَأَقُولُ يا رَبِّ أَصْحَابِي فيقول إِنَّكَ لَا عِلْمَ لك بِمَا أَحْدَثُوا بَعْدَكَ إِنَّهُمْ ارْتَدُّوا على أَدْبَارِهِمْ القهقري

Terjemahan:
"Akan dibawakan kepadaku pada hari kiamat kelak sekumpulan daripada para *al-sahabah*ku, lalu mereka akan dipisahkan dari al-Ḥawḍ, maka aku berkata: Wahai Rabb, mereka adalah para *al-sahabah*ku! Maka dijawab: sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas engkau meninggalkan mereka. Sesungguhnya mereka telah menjadi kafir murtad selepas engkau meninggalkan mereka."[74]

5. Hadis Ibn al-Musayyab bahawa Nabi SAW telah bersabda:

يَرِدُ على الْحَوْضِ رِجَالٌ من أَصْحَابِي فيحلؤون عنه فَأَقُولُ يا رَبِّ أَصْحَابِي فيقول إِنَّكَ لَا عِلْمَ لك بِمَا أَحْدَثُوا بَعْدَكَ إِنَّهُمْ ارْتَدُّوا على أَدْبَارِهِمْ القهقري

Terjemahan:
"Sekumpulan lelaki dari *al-sahabah*ku akan dibawa kepadaku di al-Ḥawḍ lalu mereka dibawa jauh darinya, maka aku berkata: Wahai Rabb mereka adalah para *al-sahabah*ku! Maka dijawab: Sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas engkau meninggalkan mereka. Sesungguhnya mereka telah menjadi kafir murtad selepas engkau meninggalkan mereka."[75]

6. Hadis Abū Hurayrah bahawa Nabi SAW telah bersabda:

بَيْنَا أنا قائم إذا زُمْرَةٌ حتى إذا عَرَفْتُهُمْ خَرَجَ رَجُلٌ من بَيْنِي وَبَيْنِهِمْ فقال هَلُمَّ فقلت أَيْنَ قال إلى النَّارِ والله قلت وما شَأْنُهُمْ قال إِنَّهُمْ ارْتَدُّوا بَعْدَكَ على أَدْبَارِهِمْ القهقري فلا أُرَاهُ يَخْلُصُ منهم إلا مِثْلُ هَمَلِ النَّعَمِ

Terjemahan:
"Ketika aku sedang berdiri, tiba-tiba ada sekumpulan, setelah aku dapat mengenali mereka, lalu keluar seorang lelaki (malaikat) diantara aku dan mereka berkata: Bergerak! Aku bertanya: ke mana? Dia menjawab: Ke neraka! Aku bertanya: Apakah kesalahan mereka? Dia menjawab: Sesungguhnya mereka telah menjadi kafir murtad selepas engkau meninggalkan mereka. Setelah itu aku tidak melihat mereka terselamat melainkan (beberapa orang) seperti unta tersesat atau terbiar dari pengembalanya."[76]

[74] *Ibid.*, no. hadis: 6213, 5: 2407.
[75] *Ibid.*, no. hadis: 6214.
[76] *Ibid.*, no. hadis: 6215.

University of Malaya

Lima riwayat daripada *Ṣaḥīḥ Muslim* pula adalah seperti berikut[77]:

1. Hadis Abū Ḥāzim daripada Sahl bin Sa‘ad bahawa Nabi SAW bersabda:

أنا فَرَطُكُمْ على الْحَوْضِ من وَرَدَ شَرِبَ وَمَنْ شَرِبَ لم يَظْمَأْ أَبَدًا وَلَيَرِدَنَّ عَلَيَّ أَقْوَامٌ أَعْرِفُهُمْ وَيَعْرِفُونِي ثُمَّ يُحَالُ بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ قال أبو حَازِمٍ فَسَمِعَ النُّعْمَانُ بن أبي عَيَّاشٍ وأنا أُحَدِّثُهُمْ هذا الحديث فقال هَكَذَا سَمِعْتَ سَهْلًا يقول قال فقلت نعم قال وأنا أَشْهَدُ على أبي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ لَسَمِعْتُهُ يَزِيدُ فيقول إِنَّهُمْ مِنِّي فَيُقَالُ إِنَّكَ لَا تَدْرِي ما عَمِلُوا بَعْدَكَ فَأَقُولُ سُحْقًا سُحْقًا لِمَنْ بَدَّلَ بَعْدِي

Terjemahan:
"Aku akan mendahului kamu di al-Ḥawḍ. Siapa yang akan melaluinya akan dapat meminumnya. Dan siapa meminumnya tidak akan dahaga buat selama-lamanya. Akan dibawakan kepadaku beberapa kaum yang aku mengenali mereka dan mereka mengenaliku, kemudian dihalang di antara aku dengan mereka. Abu Ḥazim berkata: Selepas mendengar kata-kataku tadi lalu Nu‘mān bin ‘Iyāsh bertanya: Adakah kamu benar-benar telah mendengar sedemikian daripada Sahl? Aku menjawab: Ya. Aku bersumpah bahawa aku telah mendengar Abu Sa‘id al-Khudrī berkata perkara yang sama, bahkan dia menambah bahawa Nabi telah bersabda: Aku akan berkata: Mereka itu daripadaku! Maka dijawab: Sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang telah mereka lakukan setelah engkau meninggalkan mereka. Lalu aku berkata: Jauh! Jauh! Mereka yang telah berubah selepas pemergianku!"[78]

2. Hadis ‘Ā’ishah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إني على الْحَوْضِ أَنْتَظِرُ من يَرِدُ عَلَيَّ مِنْكُمْ فَوَاللَّهِ لَيُقْتَطَعَنَّ دُونِي رِجَالٌ فَلَأَقُولَنَّ أَيْ رَبِّ مِنِّي وَمِنْ أُمَّتِي فيقول إِنَّكَ لَا تَدْرِي ما عَمِلُوا بَعْدَكَ ما زَالُوا يَرْجِعُونَ على أَعْقَابِهِمْ

Terjemahan:
"Aku akan menunggu sesiapa di antara kalian (para *al-sahabah*) yang akan dibawa kepadaku di al-Ḥawḍ. Demi Allah, pasti akan mereka akan ditarik pantas daripadaku, maka aku akan berkata: Wahai Rabb, mereka adalah daripadaku. Maka dijawab: Sesungguhnya engkau tidak tahu apa yang mereka lakukan selepas engkau meninggalkan mereka. Mereka berterusan berundur ke belakang (menjadi kafir-murtad)."[79]

3. Hadis ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd bahawa Nabi SAW telah bersabda:

---

[77] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 399-402.
[78] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Ithbāt Ḥawḍ Nabiyyinā ṣallā Allāh ‘alayh wa sallam wa Ṣifātih, no. hadis: 2290. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut : Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 4: 1793.
[79] *Ibid.*, no. hadis: 2294, 4: 1794.

University of Malaya

أنا فَرَطُكُمْ على الْحَوْضِ وَلَأُنَازِعَنَّ أَقْوَامًا ثُمَّ لَأُغْلَبَنَّ عليهم فَأَقُولُ يا رَبِّ أَصْحَابِي أَصْحَابِي فَيُقَالُ إِنَّكَ لَا تَدْرِي ما أَحْدَثُوا بَعْدَكَ

Terjemahan:
"Aku akan mendahului kamu di al-Ḥawḍ dan pasti aku akan menarik beberapa kaum kemudian aku ditewaskan (dari menarik mereka bersama), maka aku berkata: Wahai Rabb, mereka adalah para *al-sahabah*ku, para *al-sahabah*ku! Lalu dijawab: Sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang mereka lakukan setelah engkau meninggalkan mereka."[80]

4. Hadis Anas bin Mālik bahawa Nabi SAW telah bersabda:

لَيَرِدَنَّ عَلَيَّ الْحَوْضَ رِجَالٌ مِمَّنْ صَاحَبَنِي حتى إذا رَأَيْتُهُمْ وَرُفِعُوا إلي اخْتُلِجُوا دُونِي فَلَأَقُولَنَّ أَيْ رَبِّ أُصَيْحَابِي أُصَيْحَابِي فَلَيُقَالَنَّ لي إِنَّكَ لَا تَدْرِي ما أَحْدَثُوا بَعْدَكَ

Terjemahan:
"Pasti akan dibawa kepadaku di al-Ḥawḍ sekumpulan lelaki yang telah ber*al-sahabah* denganku. Setelah aku dapat mengenali mereka dan mereka diangkat kepadaku, lantas mereka dipisahkan daripadaku, maka aku berkata: Wahai Rabb, mereka adalah para *al-sahabah*ku! Para *al-sahabah*ku! Maka dijawab: Sesungguhnya engkau tidak tahu apa yang telah mereka lakukan setelah engkau meninggalkan mereka."[81]

5. Hadis Asmā' binti Abī Bakar bahawa Nabi SAW:

إني على الْحَوْضِ حتى أَنْظُرَ من يَرِدُ عَلَيَّ مِنْكُمْ وَسَيُؤْخَذُ أُنَاسٌ دُونِي فَأَقُولُ يا رَبِّ مِنِّي وَمِنْ أُمَّتِي فَيُقَالُ أَمَا شَعَرْتَ ما عَمِلُوا بَعْدَكَ والله ما بَرِحُوا بَعْدَكَ يَرْجِعُونَ على أَعْقَابِهِمْ

Terjemahan:
"Aku berada di al-Ḥawḍ hingga aku melihat sesiapa di antara kamu (para *al-sahabah*) yang akan dibawa kepadaku. Dan segolongan manusia akan dipisahkan daripadaku, maka aku berkata: Wahai Rabb, mereka daripadaku daripada umatku. Maka dijawab: Apakah engkau tidak menyedari apa yang telah mereka lakukkan sepeninggalanmu? Demi Allah, mereka terus-terusan kembali kepada kekafiran sepeninggalanmu."[82]

Menerusi seluruh riwayat di atas, Khair Izzah merumuskan bahawa terdapat di dalam riwayat al-Bukhārī ungkapan-ungkapan penting yang merujuk kepada *al-sahabah* dan

[80] *Ibid.*, no. hadis: 2297, 4: 1796.
[81] *Ibid.*, no. hadis: 2304, 4: 1800.
[82] *Ibid.*, no. hadis: 2293, 4: 1794.

University of Malaya

kedudukannya selepas kewafatan Nabi SAW. Ungkapan, "*para al-sahabahku*" (أصحابي) disebut sebanyak empat kali, manakala ungkapan, "*sekumpulan lelaki daripada kalangan kamu*" (رجال منكم), "*segolongan manusia dari al-sahabahku*" (أناس من أصحابي), "*sekumpulan dari al-sahabahku*" (رهط من أصحابي), dan, "*sekumpulan lelaki daripada al-sahabahku*" (رجال من أصحابي), masing-masing disebut sekali. Ungkapan, "*sesungguhnya engkau tidak tahu apa yang mereka lakukan setelah engkau meninggalkan mereka*" (إنك لا تدري ما أحدثوا بعدك) disebut sebanyak tiga kali. Dua kali dengan ungkapan, "*sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang mereka lakukan setelah engkau meninggalkan mereka*" (إنك لا علم لك بما أحدثوا بعدك) dan empat kali ungkapan, "*sesungguhnya mereka telah menjadi kafir murtad sesudah pemergianmu*" (إنهم ارتدوا بعدك على أدبارهم القهقري). Ungkapan, "*Jauh! Jauh! (daripada rahmat Allah) atau ke nerakalah sesiapa yang berubah setelah pemergianku!*" (سحقا! سحقا! لمن غير بعدي) dan ungkapan, "*Dan aku tidak nampak mereka terselamat melainkan seperti unta yang tersesat atau terbiar dari pengembalanya*" (فلا أراه يخلص منهم إلا مثل همل النعم), masing-masing disebut sekali.[83]

Manakala dalam riwayat Muslim pula ungkapan, "*para al-sahabahku*" (أصحابي), "*mereka yang telah beral-sahabah denganku*" (ممن صاحبني) dan, "*para al-sahabahku*" (أصيحابي) disebut sekali. Ungkapan, "*Sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang mereka lakukan setelah engkau meninggalkan mereka*" (إنك لا تدري / ما شعرت ما أحدثوا / ما عملوا بعدك) disebut tiga kali. Ungkapan, "*mereka berterus-terusan kembali menjadi kafir murtad sepeninggalanmu*" (ما زالوا يرجعون على أعقابهم / ما برحوا بعدك) sebanyak dua kali. Manakala lafaz,

[83] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 402-405.

University of Malaya

"*Jauh! Jauh! (daripada rahmat Allah) sesiapa yang berubah setelah pemergianku!*" (سحقا! سحقا! لمن غير بعدي) disebutkan sekali.[84]

Khair Izzah menyimpulkan, menerusi kesemua riwayat di atas menunjukkan terdapat kalangan para *al-sahabah* yang menjadi kafir murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW. Sebab utama mereka menjadi kafir murtad adalah kerana mengubah sebahagian besar hukum Allah dan sunnah-sunnah Nabi-Nya dengan melakukan pelbagai perkara bid'ah dengan amalan-amalan yang menyalahi al-Qur'an dan al-Sunnah. Hanya sebilangan kecil daripada mereka yang terselamat sebagaimana dalam lafaz yang menggambarkan bilangan unta yang tersesat atau terbiar. Berdasarkan riwayat-riwayat tersebut, terbukti bahawa konsep keadilan semua para *al-sahabah* yang dicipta golongan Sunni dan dijadikan pegangan sejak turun-temurun adalah bertentangan dengan keterangan daripada Rasulullah SAW tersebut.[85]

3.4.2 Dalil-dalil al-Sunnah menurut Faisal Tehrani

Faisal Tehrani turut menggunakan beberapa hadis yang diriwayatkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah untuk menjelaskan kedudukan para *al-sahabah* menurut al-Sunnah. Antara hadis-hadis yang dikemukakan adalah seperti berikut[86]:

1. Hadis Ibn 'Abbas yang meriwayatkan seperti berikut:

قام فِينَا رسول اللَّهِ ﷺ خَطِيبًا بِمَوْعِظَةٍ فقال يا أَيُّهَا الناس إِنَّكُمْ تُحْشَرُونَ إلى اللَّهِ حُفَاةً عُرَاةً غُرْلًا (كما بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ وَعْدًا عَلَيْنَا إِنَّا كنا فَاعِلِينَ) ألا وَإِنَّ أَوَّلَ الْخَلَائِقِ يُكْسَى يوم الْقِيَامَةِ إِبْرَاهِيمُ عليه السَّلَام ألا وَإِنَّهُ سَيُجَاءُ بِرِجَالٍ من أُمَّتِي فَيُؤْخَذُ بِهِمْ ذَاتَ الشِّمَالِ فَأَقُولُ يا رَبِّ أَصْحَابِي فَيُقَالُ إِنَّكَ لَا تدرى ما أَحْدَثُوا بَعْدَكَ فَأَقُولُ كما قال الْعَبْدُ الصَّالِحُ (وَكُنْتُ عليهم شَهِيدًا ما دُمْتُ فِيهِمْ فلما تَوَفَّيْتَنِي كُنْتَ أنت الرَّقِيبَ عليهم وَأَنْتَ على كل شَيْءٍ شَهِيدٌ إن

[84] *Ibid.*
[85] *Ibid.*
[86] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 340-347.

University of Malaya

تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ وَإِنْ تَغْفِرْ لهم فَإِنَّكَ أنت الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ) قال فَيُقَالُ لي إِنَّهُمْ لم يَزَالُوا مُرْتَدِّينَ على أَعْقَابِهِمْ مُنْذُ فَارَقْتَهُمْ وفي حديث وَكِيعٍ وَمُعَاذٍ فَيُقَالُ إِنَّكَ لَا تدرى ما أَحْدَثُوا بَعْدَكَ

Terjemahan:
"Pada suatu ketika Rasulullah SAW berkhutbah memberi pengajaran kepada kami. Sabda beliau: Hai sekalian manusia! Kamu semuanya akan dikumpulkan ke hadapan Allah tanpa alas kaki, tanpa pakaian, dan tanpa dikhitan. (Bacalah firman Allah), *Seperti Kami ciptakan pada awal ciptaan, begitulah Kami kembalikan dia, itulah janji Kami yang pasti Kami tepati*. (al-Anbiya': 104). Ketahuilah! Makhluk yang mula-mula diberi pakaian pada hari kiamat adalah Ibrahim a.s. Dan ketahuilah, bahawa beberapa umatku akan dihadapkan, lalu mereka ditarik ke kiri. Kataku: Wahai Tuhanku! Mereka itu adalah *al-sahabah-al-sahabah*ku!' Lalu dijawab oleh Allah: Engkau tidak tahu apa-apa yang mereka perbuat sepeninggalanmu. Maka kujawab seperti jawapan hamba Allah yang soleh (Nabi Isa a.s.): *Aku menjadi saksi bagi mereka selama aku berada di antara mereka. Maka setelah aku wafat, Engkaulah yang mengawasi mereka. Dan Engkau Maha Menyaksikan segala-galanya. Jika Engkau seksa mereka sesungguhnya mereka adalah hamba-hamba-Mu, dan jika Engkau ampuni mereka, sesungguhnya Engkau Maha Perkasa* (al-Ma'idah: 117)."[87]

2. Hadis 'Uqbah bin 'Amir bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إني فَرَطُكُمْ على الْحَوْضِ وَإِنَّ عَرْضَهُ كما بين آيلة إلى الْجُحْفَةِ إني لَسْتُ أَخْشَى عَلَيْكُمْ أَنْ تُشْرِكُوا بَعْدِي وَلَكِنِّي أَخْشَى عَلَيْكُمْ الدُّنْيَا أَنْ تَنَافَسُوا فيها وَتَقْتَتِلُوا فَتَهْلِكُوا كما هَلَكَ من كان قَبْلَكُمْ

Terjemahan:
"Aku mendahului kalian ke telaga. Lebar telaga itu sejauh antara Ailah ke Juhfah. Aku tidak bimbang bahawa kamu akan kembali musyrik sepeninggalanku. Namun yang aku takutkan ialah kamu terpengaruh oleh dunia. Kemudian kamu berlumba-lumba untuknya dan berbunuh-bunuhan, dan akhirnya kalian musnah seperti kemusnahan umat yang sebelum kalian."[88]

3. Hadis Jābir bin 'Abd Allāh bahawa:

[87] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Jannah wa Sifah Na'īmihā wa Ahlihā, Bāb Fanā' al-Dunyā wa Bayān al-Ḥashr Yawm al-Qiyāmah, no. hadis: 2860. Lihat Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* , 4: 2194.
[88] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Ithbāt Ḥawḍ Nabiyyinā ṣallā Allāh 'alayh wa sallam wa Ṣifātih, no. hadis: 2296. Lihat Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* , 4: 1796.

University of Malaya

أَنَّ النبي ﷺ كان يَخْطُبُ قَائِمًا يوم الْجُمُعَةِ فَجَاءَتْ عِيرٌ من الشَّامِ فَانْفَتَلَ الناس إِلَيْهَا حتى لم يَبْقَ إلا اثْنَا عَشَرَ رَجُلًا فَأُنْزِلَتْ هذه الْآيَةُ التي في الْجُمُعَةِ (وإذا رَأَوْا تِجَارَةً أو لَهْوًا انْفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا)

Terjemahan:
"Pada suatu ketika Nabi SAW sedang berdiri menyampaikan khutbah. Lalu tiba satu kafilah dari Sham; maka jemaah berlarian menyambut kedatangan kafilah itu sehingga yang tinggal di masjid hanya dua belas orang sahaja. Kerana itu turunlah ayat di dalam surah al-Jumu'ah, *Dan apabila mereka melihat perniagaan atau permainan, mereka bubar untuk menuju kepadanya, dan mereka tinggalkan kamu berdiri sedang berkhutbah*."[89]

4. Hadis Abū Sa'īd al-Khudrī bahawa beliau berkata:

كنا نُخْرِجُ إِذْ كان فِينَا رسول اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ عن كل صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ حُرٍّ أو مَمْلُوكٍ صَاعًا من طَعَامٍ أو صَاعًا من أَقِطٍ أو صَاعًا من شَعِيرٍ أو صَاعًا من تَمْرٍ أو صَاعًا من زَبِيبٍ فلم نَزَلْ نُخْرِجُهُ حتى قَدِمَ عَلَيْنَا مُعَاوِيَةُ بن أبي سُفْيَانَ حَاجًّا أو مُعْتَمِرًا فَكَلَّمَ الناس على الْمِنْبَرِ فَكَانَ فِيمَا كَلَّمَ بِهِ الناس أَنْ قال إِنِّي أَرَى أَنَّ مُدَّيْنِ من سَمْرَاءِ الشَّامِ تَعْدِلُ صَاعًا من تَمْرٍ فَأَخَذَ الناس بِذَلِكَ قال أبو سَعِيدٍ فَأَمَّا أنا فلا أَزَالُ أُخْرِجُهُ كما كنت أُخْرِجُهُ أَبَدًا ما عِشْتُ

Terjemahan:
"Pada masa Rasulullah SAW masih hidup, kami membayar zakat fitrah untuk setiap orang, baik anak kecil mahupun dewasa, merdeka mahupun hamba, iaitu satu gantang makanan berupa keju, atau gandum, atau kurma, atau anggur kering. Pada masa pemerintahan Muā'wiyah bin Abū Sufyān, dia berpidato di hadapan jemaah haji atau umrah, katanya antara lain: Dua mud gandum negeri Sham sama dengan segantang kurma. Kerana pidatonya itu, maka orang banyak membayar zakat fitrahnya seperti itu. Kata Abū Sa'īd: Namun aku tetap sahaja membayar seperti apa yang telah kulakukan sejak zaman Nabi sehingga akhir hayatku."[90]

5. Hadis Ibn Ṭāwūs daripada bapanya:

أَنَّ أَبَا الصَّهْبَاءِ قال لابن عَبَّاسٍ أَتَعْلَمُ أَنَّمَا كانت الثَّلَاثُ تُجْعَلُ وَاحِدَةً على عَهْدِ النبي ﷺ وَأَبِي بَكْرٍ وَثَلَاثًا من إِمَارَةِ عُمَرَ فقال بن عَبَّاسٍ نعم

Terjemahan:

[89] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Jumu'ah, Bāb fī Qawlih Ta'ala, Wa idhā ra'aw tijāratan aw lahwan infaḍḍū ilayhā wa tarakūka qā'imā, no. hadis: 863. Lihat Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* , 2: 590.
[90] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Zakāh, Bāb Zakat al-Fitr 'alā al-Muslimīn min al-Tamr wa al-Sha'īr, no. hadis: 985. Lihat Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* , 2: 678.

University of Malaya

> "Bahawa Abu al-Ṣahbā' bertanya kepada Ibn 'Abbās r.a.: Tahukah anda bahawa talak tiga yang diucapkan sekali gus, pada masa Rasulullah SAW dihukumkan hanya jatuh satu kali, begitu pula pada masa pemerintahan Abū Bakr. Kemudian pada masa pemerintahan 'Umar dinyatakan jatuh tiga kali? Jawab Ibn 'Abbās r.a: Ya, benar begitu!"[91]

Faisal Tehrani membawakan hadis Ibn 'Abbās dan 'Uqbah sebagai dalil agar umat Islam berwaspada terhadap kesesatan para *al-sahabah* sepeninggalan Rasulullah SAW.[92] Hadis Jābir pula memperlihatkan bagaimana sikap ketidaksetiaan para *al-sahabah* kepada Nabi SAW. Manakala hadis Abū Sa'īd al-Khudrī dan Ibn Ṭāwūs menunjukkan perbuatan para *al-sahabah* yang mengubah hukum yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW.[93] Menerusi hadis-hadis yang dikemukakan itu, Faisal Tehrani ingin mencetuskan persoalan pada minda para pembaca, bahawa para *al-sahabah* adalah golongan yang dipertikaikan kredibilitinya oleh al-Sunnah sendiri. Oleh itu, merujuk kepada tradisi Ahl al-Bayt sebagai sumber ilmu adalah lebih baik dan lebih selamat berbanding merujuk kepada para *al-sahabah*. Ini kerana, merujuk kepada *al-sahabah* tidak boleh memberi jaminan bahawa segala apa yang disampaikan oleh mereka itu benar dan tepat daripada Rasulullah SAW. Namun begitu, merujuk kepada Ahl al-Bayt lebih selamat kerana ia dijamin oleh Nabi SAW berdasarkan kenyataan al-Qur'an dan al-Sunnah sendiri.

3.4.3 Dalil-dalil al-Sunnah menurut A. Malik

A. Malik turut menggunakan hadis yang popular dirujuk oleh golongan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah bagi menjelaskan kedudukan *al-sahabah* menurut al-Sunnah.[94] Beliau merujuk kepada hadis Abu Hurairah dari riwayat al-Bukhari seperti yang telah

---

[91] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Zakāh, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Ṭalāq al-Thalāth, no. hadis: 1472. Lihat Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* , 2: 1099.
[92] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 279-280.
[93] *Ibid.*, 344-345.
[94] A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 154-155.

University of Malaya

dinyatakan di atas.[95] Di samping itu A. Malik juga berhujah dengan hadis al-'Ala' bin al-Musayyab yang berbunyi:

> لَقِيتُ الْبَرَاءَ بن عَازِبٍ رضي الله عنهما فقلت طُوبَى لك صَحِبْتَ النبي ﷺ وَبَايَعْتَهُ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فقال يا بن أَخِي إِنَّكَ لَا تَدْرِي ما أَحْدَثْنَا بَعْدَهُ
>
> Terjemahan:
> "Aku bertemu dengan al-Barrā' bin 'Āzib, lalu aku menyeru: Selamatlah kamu, kamu beruntung menjadi *al-sahabah* Nabi SAW dan telah memberi janji taat setia kepadanya di bawah pokok (*Bay'ah al-Riḍwān*). Lalu (al-Barrā') menjawab: Wahai anak saudaraku, engkau tidak mengetahui apa yang telah kami lakukan setelah kewafatannya."[96]

A. Malik berhujah, hadis-hadis tersebut cukup menjadi bukti bahawa al-Sunnah memperakui kelemahan dan kesalahan para *al-sahabah*. Justeru, tanggapan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang mengatakan pendedahan keburukan para *al-sahabah* merupakan suatu jenayah ilmiah perlu diperbetulkan dan melambangkan sikap yang menolak perbincangan ilmu.[97]

3.4.4 Dalil-dalil al-Sunnah menurut pandangan ulama Syiah

Hadis-hadis yang dibentangkan di atas banyak ditemui dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Antaranya, al-Nu'mānī yang berhujah menggunakan hadis-hadis di atas sebagai sokongan terhadap ayat 144 surah Āli 'Imrān untuk mengesahkan kemurtadan para *al-sahabah* selepas kewafatan Rasulullah SAW.[98] Ibn Bābawayh mendatangkan hadis-hadis di atas untuk mengikat kemutlakan hadis-hadis yang memuji para *al-sahabah* seperti hadis, "*Al-sahabahku seperti bintang-bintang, mana-mana mereka yang*

---

[95] Hadis riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Raqa'iq, Bāb fi al-Ḥawḍ, no. hadis: 6213-6215. Lihat al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar,* 5: 2407.
[96] Hadis riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ghazwah al-Ḥudaybiyyah, no. hadis: 3937. Lihat al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar,* 4: 1529.
[97] A. Maik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 154-155.
[98] Muḥammad bin Ibrāhīm al-Nu'mānī, *al-Ghaybah* (Tehran: Nashr al-Ṣadūq, 1397H), 47.

University of Malaya

kamu ikuti pasti akan mendapa petunjuk". Dengan membawakan hadis-hadis di atas, ia menunjukkan para *al-sahabah* yang boleh dijadikan rujukan hanya dalam kalangan mereka yang tidak mengubah agama selepas kewafatan Rasulullah SAW.[99] Manakala al-Mufīd menggunakan hadis-hadis di atas bagi menafikan keabsahan tiga khalifah terawal iaitu Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān yang pelantikan mereka didakwa secara ijmak oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.[100] Sementara Ibn Ṭāwūs mengumpulkan dalam karyanya semua hadis-hadis yang disepakati bersama antara Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah termasuk hadis kemurtadan para *al-sahabah* yang dikatakan mencapai darjat makna yang *mutawātir*.[101]

Selain itu, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah turut menggunakan hadis-hadis sahih yang diriwayatkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang zahirnya menunjukkan ketiadaan sebarang kelebihan atau keistimewaan bagi para *al-sahabah* berbanding bukan *al-sahabah*. Antaranya adalah hadis-hadis yang menyatakan ketakjuban dan pujian Rasulullah SAW terhadap golongan umat Islam yang tidak berkesempatan berada pada zaman Baginda sebaliknya hidup jauh selepas kewafatan Rasulullah SAW. Hal ini diriwayatkan dengan banyak di dalam karya-karya hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, antaranya seperti berikut:

1. Hadis Abū Hurayrah bahawa Rasulullah SAW telah pergi ke kuburan lalu bersabda:

"السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لاَحِقُونَ وَدِدْتُ أَنَّا قَدْ رَأَيْنَا إِخْوَانَنَا ».
قَالُوا أَوَلَسْنَا إِخْوَانَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ « أَنْتُمْ أَصْحَابِى وَإِخْوَانُنَا الَّذِينَ لَمْ يَأْتُوا بَعْدُ."

Terjemahan:
"Salam sejahtera ke atas kamu penghuni tempat tinggal kaum mukminin dan kami dengan izin Allah sesungguhnya akan menyusuli kamu, aku berharap bahawasanya kita dapat melihat saudara-saudara kita. Mereka (para *al-sahabah*) bertanya: Bukankah kami adalah saudara-saudara kamu wahai

[99] Muḥammad bin 'Alī bin Bābawayh al-Qummī, *'Uyūn Akhbār al-Riḍā 'alayh al-salām* (Tehran: Nashar Jihān, 1420H), 2: 87.
[100] Muḥammad bin Muḥammad al-Mufīd, *al-Maqna'ah* (Qom: Mu'tamar Alfiyah al-Shaykh Mufīd, 1413H), 47-51.
[101] Ibn Ṭāwūs, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib*, 536-537.

University of Malaya

Rasulullah! Nabi bersabda: Kamu adalah para *al-sahabah*ku dan saudara-saudaraku adalah mereka yang belum datang lagi." [102]

2. Hadis Abū Jumu'ah al-Anṣārī yang menceritakan bahawa:

"كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللهِ صلى الله عليه وسلم ، وَمَعَنَا مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَاشِرَ عَشَرَةٍ ، فَقُلْنَا : يَا رَسُولَ اللهِ ، هَلْ مِنْ قَوْمٍ أَعْظَمُ مِنَّا أَجْرًا آمَنَّا بِكَ وَاتَّبَعْنَاكَ قَالَ : فَمَا مَنَعَكُمْ مِنْ ذَلِكَ ، وَرَسُولُ اللهِ صلى الله عليه وسلم بَيْنَ أَظْهُرِكُمْ يَأْتِيكُمُ الْوَحْيُ مِنَ السَّمَاءِ بَلْ قَوْمٌ يَأْتُونَ مِنْ بَعْدِكُمْ يَأْتِيهِمْ كِتَابٌ بَيْنَ لَوْحَيْنِ فَيُؤْمِنُونَ بِهِ وَيَعْمَلُونَ بِهِ أُولَئِكَ أَعْظَمُ مِنْكُمْ أَجْرًا أُولَئِكَ أَعْظَمُ مِنْكُمْ أَجْرًا."

Terjemahan:
"Dahulu kami bersama dengan Rasulullah SAW, bersama kami juga Mu'ādh bin Jabal, lalu kami berkata: Wahai Rasulullah, adakah satu kumpulan yang lebih besar pahalanya daripada kami sedangkan kami beriman denganmu dan mengikutimu. Baginda bersabda: Apa yang menegah kamu daripada yang demikian sedangkan Rasulullah berada bersama-sama kamu, wahyu datang kepada kamu dari langit. Bahkan sekumpulan yang datang selepas kamu, sampai kepada mereka kitab antara dua lembaran (mushaf al-Qur'an), lalu mereka beriman dengannya, mengamalkannya, mereka itu lebih besar pahalanya daripada kamu, mereka itu lebih besar pahalanya daripada kamu, mereka itu lebih besar pahalanya daripada kamu."[103]

3. Hadis Abū Hurayrah bahawa Nabi SAW bersabda:

"طُوبَى لِمَنْ رَآنِي وَآمَنَ بِي وَطُوبَى سَبْعَ مَرَّاتٍ لِمَنْ آمَنَ بِي وَلَمْ يَرَنِي."

Terjemahan:
"Berbahagialah sesiapa yang melihatku dan beriman denganku, dan berbahagialah (tujuh kali) bagi sesiapa yang beriman denganku namun tidak melihatku."[104]

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berpendapat kedudukan para *al-sahabah* adalah sebagaimana yang dibentangkan dalam al-Qur'an. Tiada apa-apa kelebihan yang diberikan oleh al-Qur'an mahupun al-Sunnah hanya kerana pernah

[102] Muḥammad bin Futūḥ al-Ḥumaydī, *al-Jam' bayn al-Ṣaḥīḥayn al-Bukhārī wa Muslim*, no. hadis: 2359 (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2002), 3: 143.
[103] Muḥammad bin Hārūn al-Rūyānī, *Musnad al-Rūyānī*, no. hadis: 1545 (Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah, 1416H), 2: 513; al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, no. hadis: 3540, 4: 23.
[104] Muḥammad bin Ḥibban, *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bitartīb Ibn Balbān*, no. hadis: 7232 (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1993), 16: 215; al-Ḥākim, *Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, no. hadis: 6994, 4: 96.

University of Malaya

ber*al-sahabah* dengan Nabi SAW. Malah dari sudut logik akal, tiada perbezaan antara kafir Quraysh dengan para *al-sahabah* yang beriman dengan Nabi SAW, namun akhirnya menyeleweng dan murtad daripada agama Islam.[105] Sayyid Ḥusayn al-Rajā berpendapat, dalam hadis Abū Hurayrah di atas, Nabi SAW dengan jelas menafikan persaudaraan walaupun mereka itu adalah *al-sahabah* Baginda. Ini petunjuk kepada ketiadaan iman di dalam hati para *al-sahabah* yang bertanya itu. Sebaliknya, Nabi SAW menetapkan persaudaraan kepada golongan yang akan datang atas dasar keimanan mereka. Hal ini menunjukkan per*al-sahabah*an semata-mata tiada nilainya di sisi Nabi SAW jika tanpa keimanan yang sebenar di dalam hati.[106] Al-'Alawī mengatakan hadis-hadis di atas merupakan hujah bahawa tiada perbezaan antara para *al-sahabah* dan mereka yang bukan *al-sahabah* dari sudut keadilan.

Berdasarkan perbahasan dalam subtopik ini, pendapat yang dikemukakan oleh ketiga-tiga penulis mengenai para *al-sahabah* dalam al-Sunnah adalah selari dengan pegangan Shī'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Para *al-sahabah* hanya dianggap manusia biasa yang tidak memiliki apa-apa kelebihan berbanding golongan bukan *al-sahabah*. Terlalu banyak hadis yang menunjukkan kesalahan dan keburukan para *al-sahabah* terutama yang diriwayatkan dalam sumber rujukan utama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bertitik tolak dari sini, Shī'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menolak kaedah yang menetapkan semua para *al-sahabah* itu adil kerana dikatakan bertentangan dengan nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah.[107]

---

[105] Ashkanānī, *'Adālah al-Ṣaḥābah,* 109.
[106] Ḥusayn al-Rajā, *Difā' min Waḥy al-Sharī'ah* (Beirut: Mu'assasah al-Sayyidah Zaynab, 2000), 320-321.
[107] Muḥammad bin 'Uqayl al-'Alawī, *al-Naṣā'iḥ al-Kāfiyah liman Yatawallā Mu'āwiyah* (Qom: Dār al-Thaqāfah, 1412H), 168-169.

University of Malaya

3.5 Keadilan para *al-sahabah* menurut Syiah

Dalam beberapa subtopik sebelum ini telah dijelaskan bagaimana pandangan Syiah Imāmiyyah terhadap definisi *al-sahabah* dan kefahaman mereka mengenai *al-sahabah* berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia menjuruskan kepada menetapkan bahawa *al-sahabah* itu adalah seseorang yang pernah bertemu dan memeluk Islam pada hayat Rasulullah SAW. Tiada perbezaan maksud *al-sahabah* dari sudut bahasa mahupun istilah bagi para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Berasaskan kerangka ini, para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah meletakkan pertimbangan bagi menilai keadilan para *al-sahabah*.

Keadilan (*'adālah*) menurut para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah membawa banyak pengertian. Seorang ulama besar Syiah pada kurun ke-12 Hijrah, Yūsuf al-Baḥrānī telah membahaskan beberapa definisi keadilan dan akhirnya menyimpulkan bahawa keadilan itu adalah zahir yang baik, konsisten dalam mengerjakan solat dan semua ketaatan.[108] Sementara al-Mufīd mengatakan keadilan adalah seseorang yang dikenali dengan agama dan kewarakan daripada segala yang diharamkan Allah SWT.[109] Ibn Idrīs pula berpendapat keadilan dari sudut syariah adalah adil pada agama, maruah dan hukum hakam. Adil pada agama iaitu tidak meninggalkan kewajipan dan melakukan keburukan, atau tidak melakukan apa-apa sebab kefasikan. Ia juga hampir sama dengan adil pada maruah iaitu memelihara diri daripada perkara yang menjatuhkan maruah seperti makan di jalanan dan memakai pakaian jantina lain. Manakala adil pada hukum hakam iaitu baligh dan berakal.[110]

---

[108] Yūsuf al-Baḥrānī, *al-Durar al-Najafiyyah min al-Multaqaṭāt al-Yūsufiyyah* (Beirut: Dār al-Muṣṭafā li Iḥyā' al-Turāth, 2002), 2: 60.
[109] Al-Mufīd, *al-Maqna'ah*, 725.
[110] Muḥammad bin Aḥmad bin Idrīs, *al-Sarā'ir al-Ḥāwi litaḥrīr al-Fatāwī* (Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1410H), 2: 117.

University of Malaya

3.5.1 Keadilan para *al-sahabah* menurut ulama Shī'ah

Mengenai keadilan para *al-sahabah*, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah memandang isu ini timbul berpunca daripada teori keadilan semua *al-sahabah* yang digagaskan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Menerusi karya-karya besar Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, didapati para ulama mereka menolak sama sekali prinsip keadilan para *al-sahabah* sama ada secara umum atau terperinci. Menghukum keadilan para *al-sahabah* adalah sama seperti menghukum keadilan mana-mana orang. Al-Majlisī mengatakan:

> "Ketahuilah bahawa kebanyakan *al-'āmmah* (Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah) mengatakan bahawa semua *al-sahabah* itu adil. Dikatakan mereka seperti selain mereka secara multak. Dikatakan juga mereka seperti selain mereka hingga ketika kemunculan fitnah-fitnah antara 'Alī dan Mu'āwiyah, adapun selepasnya maka tidak diterima orang masuk ke dalamnya secara mutlak. Manakala Mu'tazilah mengatakan mereka adil kecuali sesiapa yang diketahui memerangi 'Alī, maka ia tertolak. Golongan Imāmiyyah pula mengatakan mereka semua sama seperti orang lain kerana dalam kalangan mereka ada yang munafik, fasik dan sesat bahkan kebanyakan mereka adalah sedemikian. Dan aku tidak mengira bahawa engkau akan masih meragui selepas meneliti perkhabaran-perkhabaran yang diambil daripada kedua-dua pihak (Syiah dan Ahl al-Sunnah) yang maknanya *mutawātir* bagi menyokong kesahihan pendapat ini."[111]

Al-Shīrāzī menegaskan bahawa keadilan tidak boleh ditentukan secara langsung hanya kerana seseorang itu termasuk dalam kalangan *al-sahabah*, sebaliknya ia perlu dinilai sebagaimana bukan *al-sahabah* juga dinilai. Beliau mengatakan:

> "Hukum para *al-sahabah* bagi kami pada keadilannya adalah sama pada hukum selain mereka. Hukum terhadap keimanan dan keadilan mereka tidak termuktamad hanya dengan per*al-sahabah*an, dan dengannya tidak beroleh keselamatan daripada azab neraka dan kemurkaan tuhan kecuali ia dengan keyakinan iman dan keikhlasan hati. Maka sesiapa yang kami ketahui keadilan dan keimanannya dan penjagaannya terhadap wasiat Rasulullah SAW pada ahli keluarganya, kemudian ia meninggal dunia dalam keadaan sedemikian seperti Salmān, Abū Dhar, 'Ammār, maka kami kasihinya dan mendekatkan diri kepada Allah dengan menyayanginya, dan sesiapa yang kami ketahui ia telah berpaling, lalu menzahirkan permusuhan kepada ahli keluarganya, maka

[111] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār,* 28: 36.

University of Malaya

kami musuhinya kerana Allah dan kami berlepas diri kepada Allah daripadanya."[112]

Al-Subḥānī menyifatkan hukum ke atas *al-sahabah* adalah sama dengan hukum ke atas para *tābi'īn* sebagaimana katanya:

> "Sesungguhnya hukum *al-sahabah* dalam hal ini ia adalah hukum tābi'īn itu sendiri yang kita tidak mungkin kita menganggap mereka semua sebagai adil dan bertaqwa. Sesungguhnya sesuatu yang nyata bahawa mendampingi Rasulullah SAW dan melihat sendiri Baginda walaupun menjadi suatu kebanggaan dan penghormatan bagi yang mendampinginya dan melihatnya, kecuali semua ini tidak mewajibkan terselamat daripada dosa dan terpelihara daripada maksiat. Maka tidak mungkin untuk melihat kepada *al-sahabah* dengan hanya satu pandangan yang sama, dan menganggap mereka semua adil dan bertaqwa, terlepas daripada segala kegelinciran dan kesia-siaan. Demikian itu, kerana mereka dengan kesaksian al-Qur'an dari sudut keimanan dan kemunafikan, ketaatan dan kemaksiatan, penerimaan dan penolakan di hadapan Allah SWT dan Nabi SAW terbahagi kepada pelbagai keadaan. Dan dengan keadaan ini, tidak mungkin menganggap mereka itu semuanya pada satu martabat, tidak juga menganggap mereka semua itu adil dan bertaqwa."[113]

Kesimpulannya, sebagaimana yang dikatakan ulama hadis Syiah, al-Māmaqānī, hukum mengenai keadilan para *al-sahabah* adalah sepertimana hukum ke atas selain mereka. Dengan hanya memakai gelaran *al-sahabah* tidak menjadikannya adil secara langsung. Ia tetap perlu dinilai dan ditimbang sepertimana manusia yang lain. Walaupun seseorang *al-sahabah* itu tidak boleh dipertikaikan keislamannya kecuali yang murtad selepas kewafatan Nabi SAW, namun menganggap kesemua mereka adil termasuk yang memusuhi 'Alī r.a adalah merupakan suatu kemungkaran yang jelas kerana bertentangan dengan dalil yang nyata.[114]

---

[112] Ṣadr al-Dīn 'Alī Khān Al-Shīrāzī, *al-Darajāt al-Rafī'ah fī Ṭabaqāt al-Shī'ah*(Qom: Maktabah Baṣīratī, 1397H), 11.

[113] Ja'far al-Subḥānī, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah 'alā Ḍaw' Madrasah Ahl al-Bayt* (Qom: Mu'assasah al-Imām al-Ṣādiq 'alayh al-salām, 1427H), 295.

[114] 'Abd Allāh al-Māmaqānī, *Miqbās al-Hidāyah fī 'Ilm al-Dirāyah* (Iran: Mu'assasah Āl al-Bayt li Tahqīq al-Turāth, 1411H), 3: 305.

University of Malaya

Beliau juga menegaskan para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah telah bersepakat bahawa per*al-sahabah*an dengan Nabi SAW semata-mata tidak melazimkan ia bersifat dengan keadilan dan kebaikan. Ini kerana keadaan seseorang *al-sahabah* itu dengan seseorang yang bukan *al-sahabah* adalah sama dalam menerima perkhabaran daripada mereka. Ia tertakluk kepada sifat adil, kebolehpercayaan dan sifat baik lagi terpuji yang selari dengan keimanan. Hal ini yang menjadi pertentangan antara Syiah dengan Ahl al-Sunnah yang mengandaikan kesemua *al-sahabah* itu adil.[115]

3.5.2 Prinsip keadilan para *al-sahabah*

Berasaskan prinsip per*al-sahabah*an tidak melazimkan keadilan, Khair Izzah mengatakan salah faham terhadap konsep keadilan para *al-sahabah* seperti yang dipegang oleh golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah boleh merosakkan sumber agama. Ini kerana, sumber perundangan yang dirujuk oleh golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah adalah ciptaan para *al-sahabah* dan bukan daripada Allah SWT dan Rasul-Nya sebagaimana yang diwarisi oleh Ahl al-Bayt. Hal ini terjadi berpunca daripada kefanatikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang terlampau mengagung-agungkan para *al-sahabah* khususnya Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān sehingga mendiamkan segala perbuatan mereka yang bercanggah dengan al-Qur’ān dan al-Sunnah.[116]

Konsep keadilan semua *al-sahabah* juga menyebabkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para *al-sahabah* wajib diterima tanpa perlu diselidiki sama sekali walaupun bertentangan dengan logik akal. Misalnya, Faisal Tehrani mempersoalkan kesahihan hadis Abū Hurayrah dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang mendiskriminasikan kaum

[115] ‘Abd Allāh al-Māmaqānī, *Tanqīḥ al-Maqāl fī ‘Ilm al-Rijāl* (T.T.P: al-Ṭab‘ah al-Ḥijriyyah, t.t), 1: 213.
[116] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 348-350.

University of Malaya

wanita kerana mengatakan wanita dicipta dari tulang rusuk kiri Adam.[117] Begitu juga riwayat-riwayat dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* seperti hadis Usāmah bin Zayd yang mengatakan majoriti penghuni neraka adalah kaum wanita dan hadis ‘Imrān bin Ḥuṣayn yang mengatakan wanita adalah penghuni syurga yang paling sedikit.[118]

Penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah telah sekian lama didoktrinkan oleh para ulama salaf dan khalaf mereka agar menerima prinsip keadilan semua para *al-sahabah* tanpa terkecuali walaupun seorang. Banyak hadis palsu kemudiannya dicipta bagi mengancam sesiapa yang berani mempertikaikan kredibiliti mana-mana *al-sahabah*. Ia termasuk hadis yang memerintahkan agar umat Islam berdiam diri terhadap apa jua perselisihan atau konflik yang berlaku dalam kalangan *al-sahabah*. Bahkan terdapat sebahagian ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang mengeluarkan fatwa murtad terhadap orang yang mengeji para *al-sahabah* kerana ia sama kedudukannya dengan mengeji agama Islam sendiri. Ia beralasan bahawa kesemua *al-sahabah* berada dalam darjat mujtahid yang tidak boleh dipertikaikan tindak tanduknya.[119]

Kewajaran pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah terhadap keadilan semua para *al-sahabah* adalah tidak kukuh. Ini kerana, Ahl al-Sunnah dan Syiah bersepakat bahawa para *al-sahabah* tidak maksum. Oleh itu, bagaimana mereka boleh dijamin terselamat daripada pengaruh nafsu dan syaitan hingga melakukan sesuatu yang bertentangan dengan al-Qur’an dan al-Sunnah. Khair Izzah lalu membahagikan para *al-sahabah* itu kepada tiga golongan.

Pertama,golongan *al-sahabah* yang baik dan mengenal Allah SWT dan Rasul-Nya dengan keilmuan yang sempurna. Mereka berbaiah kepada agama Allah dan ber*al-sahabah* dengan Rasulullah SAW dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Mereka tidak berpaling

[117] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 33.
[118] *Ibid.* 8.
[119] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 348-350.

University of Malaya

daripada jalan Rasulullah SAW sepeninggalan Baginda. Golongan ini dipuji-puji oleh Allah SWT dalam al-Qur'ān dan Rasul-Nya dalam al-Sunnah. Pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah adalah menghormati mereka dengan mengucapkan doa "*raḍiya Allāhu 'anhum*" bererti "semoga Allah meredai mereka."

Kedua: Golongan *al-sahabah* yang mengaku Islam di hadapan Rasulullah SAW kerana tujuan tertentu, mengharapkan sesuatu atau ketakutan. Mereka meminta balasan daripada Rasulullah SAW dengan memeluk Islam. Adakala mereka mengganggu Nabi SAW dengan menderhakai perintah dan larangannya. Bahkan mereka dengan berani mengutamakan pendapat-pendapat peribadi melebihi nas-nas yang nyata sehingga Allah SWT mencela dan mengancam perbuatan tersebut serta diberi amaran keras oleh Nabi S.AW. Pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah adalah tidak menghormati golongan *al-sahabah* yang bersikap sebegini.

Ketiga: Golongan munafik yang menyembunyikan kekafiran mereka dengan menzahirkan keislaman di hadapan Rasulullah SAW. Golongan ini ber*al-sahabah* dengan Nabi SAW demi memperdayakan Baginda dan seluruh umatnya. Allah SWT telah menurunkan satu surah penuh yang membuka pekung-pekung mereka. Ancaman Allah SWT dan Rasul-Nya terhadap golongan tersebut amat banyak terkandung dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.[120]

3.5.3 Kaedah penilaian keadilan *al-sahabah*

Dalam persoalan keadilan para *al-sahabah*, perlu diambil pendekatan mengkritik secara telus sebarang salah laku para *al-sahabah* yang bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Sebarang perbuatan para *al-sahabah* yang menyalahi al-Qur'an dan al-Sunnah

[120] *Ibid.*, 405-406.

University of Malaya

tidak sesekali boleh dikompromi. Ini kerana, per*al-sahabah*an dengan Nabi SAW semata-mata tidak bermakna membolehkan mereka untuk bertindak sewenang-wenangnya hingga melanggar batas-batas syarak yang telah ditentukan.

3.5.3.1 Kecintaan atau permusuhan terhadap Ahl al-Bayt

Antara kayu ukur utama bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah untuk menilai keadilan seseorang *al-sahabah* adalah melihat kepada sejauh mana kecintaan atau permusuhan mereka terhadap Ahl al-Bayt. Ini kerana, mencintai Ahl al-Bayt merupakan suatu kefarduan yang telah ditetapkan di dalam al-Qur'an.[121] Justeru, antara kaedah penilaian keadilan *al-sahabah* yang digunakan oleh Khair Izzah adalah melihat kepada sejauhmana kecintaan atau permusuhan mereka terhadap Ahl al-Bayt. Ia berdasarkan firman Allah SWT:

قُل لَّآ أَسۡـَٔلُكُمۡ عَلَيۡهِ أَجۡرًا إِلَّا ٱلۡمَوَدَّةَ فِي ٱلۡقُرۡبَىٰ

Terjemahan:
"(Katakan wahai Muhammad): Sesungguhnya aku tidak meminta upah (dari ajaran Islam yang aku bawa ini), (yang aku minta) melainkan cinta kasih kepada al-Qurba…"[122]

Surah al-Shūrā(42): 23

Menurut Khair Izzah, kitab-kitab tafsir Ahl al-Sunnah seperti Tafsīr Ibn Kathīr, Tafsīr al-Ṭabarī, Tafsīr al-Qurṭubī, Tafsīr al-Durr al-Manthūr, Tafsīr al-Nasafī, Tafsīr Fatḥ al-Qadīr dan Tafsīr Fakhr al-Rāzī telah menukilkan riwayat Ibn 'Abbās yang menjelaskan maksud *al-qurbā* dalam ayat tersebut adalah Ahl al-Bayt. Beliau menukilkan riwayat Ibn 'Abbās bahawa setelah turun ayat ini, para *al-sahabah* bertanya Rasulullah SAW tentang siapakah *al-qurbā* yang diperintahkan untuk dicintai. Baginda SAW menjawab bahawa mereka adalah 'Alī, Fāṭimah dan anak daripada kedua-duanya iaitu Ḥasan dan Ḥusayn serta keturunan mereka.[123]

---

[121] Muḥammad Sanad, *'Adālah al-Ṣaḥābah* (Beirut: Dār al-Maḥajjah al-Bayḍā', 2004), 211.
[122] Rujuk terjemahan Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 427.
[123] *Ibid.*

University of Malaya

A. Malik berpendapat, mencintai keluarga Nabi SAW iaitu Faṭimah, Hasan, Husayn dan dua belas imam maksum merupakan *mawaddah* yang sebenarnya sebagaimana yang disebut dalam ayat di atas. Ia berbeza dengan maksud *maḥabbah*.[124] Oleh itu wajib setiap orang muslim itu untuk mencintai ‘Alī dan para imam daripada keturunannya berbanding mencintai orang lain bahkan dirinya sendiri. Hal ini sebaliknya tidak berlaku kepada golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ini kerana, Ahl al-Sunnah mencintai para *al-sahabah* sehingga menjatuhkan hukum kafir terhadap sesiapa yang mendedahkan kesalahan para *al-sahabah* melalui kajian ilmiah. Bani Umayyah mengangkat darjat para *al-sahabah* Nabi SAW melebihi darjat Ahl al-Bayt. Buktinya apabila mereka berselawat kepada Rasulullah SAW, mereka panjangkan selawat itu kepada para *al-sahabah* tanpa mengira sama ada *al-sahabah* yang taat mahupun yang derhaka.[125]

Khair Izzah memberikan beberapa contoh yang menunjukkan permusuhan para *al-sahabah* terhadap Ahl al-Bayt. Antaranya Mu‘āwiyah yang didakwa merupakan salah seorang *al-sahabah* Nabi SAW yang diagung-agungkan oleh penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Khair Izzah mempersoalkan bagaimana Mu‘āwiyah boleh diangkat sebegitu tinggi sedangkan beliau adalah orang yang bertanggungjawab memerintahkan umat Islam supaya mengutuk ‘Alī bin Abī Ṭālib. Hal ini melambangkan kebencian Mu‘āwiyah terhadap ahli keluarga Nabi SAW dan bertentangan dengan perintah Rasulullah SAW agar mengasihi Ahl al-Bayt.[126]

Antara hadis-hadis yang menegaskan larangan memusuhi Ahl al-Bayt adalah seperti hadis Abu ‘Abd Allāh al-Jadalī daripada Ummu Salamah yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “*Sesiapa yang mengutuk ‘Alī, maka sesungguhnya ia telah*

[124] A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 140.
[125] *Ibid.*, 143.
[126] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 363.

University of Malaya

mengutuk diriku."[127] Begitu hadis 'Alī bahawa Nabi SAW telah berjanji kepadanya, "*Tidak mencintaiku melainkan ia seorang mukmin dan tidak membenciku melainkan ia seorang munafiq*."[128] Khair Izzah turut membawakan hadis yang didakwa bersumberkan rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berbunyi:

إن الله عهد إلي من خرج على علي فهو كافر في النار

Terjemahan:
"Sesungguhnya Allah telah berjanji kepadaku bahawa sesiapa yang memerangi 'Alī, maka ia telah kafir dan tempatnya di neraka."[129]

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, mana-mana para *al-sahabah* yang terlibat dalam permusuhan dengan Ahl al-Bayt tidak boleh dikategorikan sebagai adil. Bahkan ia adalah salah satu sikap orang kafir-munafik. Mengutuk 'Alī merupakan kutukan ke atas Rasulullah SAW. Mengutuk Rasulullah SAW bermakna mengutuk Allah SWT. Kesimpulannya, *al-sahabah* seperti Mu'āwiyah termasuk dalam kategori kafir-munafik di sisi Rasulullah SAW. Sementara hukuman bagi golongan kafir-munafik di sisi Allah SWT adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Qur'ān[130]:

بَشِّرِ ٱلْمُنَٰفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣٨﴾

Terjemahan:
"Sampaikanlah khabar berita kepada orang-orang munafik: Bahawa sesungguhnya disediakan untuk mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

Surah al-Nisa'(4): 138

---

[127] Hadis riwayat al-Nasā'ī, Kitāb al-Khaṣā'iṣ, Bāb Zikr Qawl al-Nabī Man Sabba 'Aliyan faqad Sabbanī, no. hadis: 8476. Lihat, Aḥmad bin Shu'ayb al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 5: 133; Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad*, no. hadis: 26791 (Kaherah: Mu'assasah Qarṭabah, 2011), 6: 323. Shu'ayb al-Arna'ūṭ berkata: "Sanad hadis ini sahih."; al-Ḥākim, Kitāb Ma'rifah al-Ṣaḥābah, Bab Zikr Amīr al-Mu'minīn Ālī raḍiya Allāhu 'anh, no. hadis: 4615. Lihat *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, 3: 120.
[128] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Faḍā'il, Kitāb al-Īmān, Bāb al-Dalīl 'alā anna Ḥubb al-Anṣār wa 'Alī min al-Īmān wa 'Alāmātih wa Bughdihim min 'Alāmāt al-Nifāq, no. hadis: 78. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim* , 1: 86.
[129] Penulis menukilkan hadis ini daripada kitab *Mawaddah al-Qurbā* karangan al-Hamadānī. Lihat Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran,* 365.
[130] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran,* 365-366.

University of Malaya

A. Malik pula berhujah dengan firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِٱلنَّاسِ ۚ وَمَا جَعَلْنَا ٱلرُّءْيَا ٱلَّتِىٓ أَرَيْنَٰكَ إِلَّا فِتْنَةً لِّلنَّاسِ وَٱلشَّجَرَةَ ٱلْمَلْعُونَةَ فِى ٱلْقُرْءَانِ ۚ وَنُخَوِّفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَٰنًا كَبِيرًا ﴿٦٠﴾

Terjemahan:
"Dan (ingatlah) ketika Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam Mikraj) yang telah kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia dan (demikian juga Kami jadikan) pokok yang dilaknat di dalam al-Qur'an dan Kami beri mereka takut (dengan berbagai-bagai amaran) maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau."

Surah al-Isra'(17): 50

Berdasarkan tafsir al-Tha'labī dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī, A. Malik mengatakan bahawa *al-ru'yā* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah mimpi Rasulullah SAW melihat beberapa ekor monyet naik dan turun di atas mimbar Baginda. Manakala perkataan *al-shajarah al-mal'ūnah* pula merujuk kepada pemimpin Banī Umayyah seperti Abū Sufyān dan Mu'āwiyah. Jelas berdasarkan ayat tersebut, seseorang yang membunuh seorang beriman dengan sengaja, ia berhak menerima kutukan dan tempat tinggalnya adalah neraka. Sejarah telah mencatatkan bahawa Mu'āwiyah terlibat secara langsung dalam pembunuhan Ḥasan bin 'Alī. Beliau telah berjanji dengan seorang wanita bernama Asmā' Ju'da untuk mengahwinkannya dengan anaknya, Yazid dan membayar sebanyak seratus ribu dirham jika berjaya meracuni Ḥasan bin 'Alī. Ini berdasarkan catatan kitab-kitab sejarah karangan al-Mas'ūdī, Ibn 'Abd al-Barr, Abū al-Faraj al-Iṣfahānī, Muḥammad bin Sa'd, Ibn al-Jawzī dan para ulama Sunni yang lain.[131]

[131] A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 159-160.

University of Malaya

Antara lain yang menunjukkan ketiadaan sifat adil pada diri para *al-sahabah* adalah berkenaan isu Tanah Fadak yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Fāṭimah. Ia berlaku sepuluh hari selepas Abū Bakr dilantik menjadi khalifah di Saqīfah Banī Sā'idah. Fāṭimah datang menemui Abū Bakr bagi menuntut Tanah Fadak iaitu sebidang kebun di luar kota Madīnah yang telah dikurniakan oleh Rasulullah SAW kepada beliau. Al-Sayūṭī dalam *al-Durr al-Manthūr* menafsirkan surah al-Isrā' ayat 26 dengan membawakan riwayat yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW telah memanggil Fāṭimah lalu mengurniakan kepadanya Tanah Fadak. Ia sebagaimana yang dinukilkan dalam karya-karya Ahl al-Sunnah sendiri.[132] Ini menunjukkan Abū Bakr telah menafikan hak Tanah Fadak yang sepatutnya diserahkan kepada Fāṭimah.

Abū Bakr dan 'Umar juga didakwa memungkiri janji terhadap baiah yang diberikan kepada 'Alī dalam peristiwa di Ghādir Khum. Karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sendiri telah menukilkan kisah yang berlaku sejurus selepas pelantikan Abū Bakr menjadi khalifah seperti berikut:

> "Sesungguhnya Abu Bakar selepas dia mengambil baiah untuk dirinya dengan keganasan pedang dan ugutan. Dia telah mengutus Umar, Qunfudh, Khalid bin al-Walid, Abu Ubaidah bin Jarah, Abu Rahman bin Auf, Ziyad bin Labib, Tsabit bin This bin Syamas, Muhd bin Maslamah, Salamah bin Salim bin Wakasi, Salamah bin Aslam, Zaid bin Tsabit, Usid bin Hudhair dan kumpulan-kumpulan lain seramai 100 orang menuju ke rumah Ali dan Fatimah as. Di dalam rumah Fatimah Az-Zahra terdapat *al-sahabah-al-sahabah* Rasulullah yang berlindung dari Abu Bakar dan Umar. Mereka tidak mengiktiraf Abu Bakar sebagai khalifah. Mereka-mereka ialah Talhah bin Ubaidillah, Zubair bin Awam, Abas bin Abdul Mutalib, Amar bin Yasir, Utha bin Abu Lahab, Salaman Al-Farisi, Abu Zhar bin al-Ghifari, Miqtad bin Aswad, Bara' bin Azip, Ubai bin Kaab dan Saad bin Abi Waqas. Umar telah mengumpulkan kayu api di pintu rumah Fatimah a.s di mana pintu itu pernah Rasulullah berdiri dan bersabda: Assalamualaikum ya Ahl Bayti nubuwwah. Baginda tidak memasukinya melainkan setelah meminta izin. Tetapi Umar membakar pintu itu dengan api selepas menerajangnya dan mengakibatkan paku tertusuk di perut Fatimah Az-Zahra lalu menyebabkan beliau keguguran dan anak yang

[132] *Ibid.,* 112-113.

University of Malaya

gugur tersebut dinamakan sebagai Muhsin. Dua bulan kemudian, Fatimah pulang ke Rahmatullah."[133]

Kisah ini menurut A. Malik adalah sebagaimana yang dinukilkan oleh karya-karya Ahl al-Sunah wa al-Jamā'ah seperti al-Ṭabarī, Ibn Kathīr, Ibn Qutaybah, al-Balādhurī, al-Ya'qūbī dan al-Muttaqī al-Hindī. Ia menjadi sandaran kepada Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah bahawa para *al-sahabah* terutama Abū Bakr dan 'Umar bukan seorang yang adil sebagaimana yang difahami oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Malah A. Malik mendakwa bahawa Abū Bakr saat menghampiri kematiannya telah menyesali perbuatannya yang memberi arahan supaya menceroboh rumah Fāṭimah.[134]

Menurut Khair Izzah, dakwaan bahawa semua para *al-sahabah* telah dipersaksikan keimanan mereka di dalam al-Qur'an juga tertolak. Ini kerana, setiap kesaksian yang disebutkan dalam al-Qur'an adalah bersyarat. Sebagai contoh, apabila Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menggunakan ayat 29 surah al-Fatḥ untuk mengatakan semua yang bersama dengan Nabi SAW adalah adil, hal ini sangat menyimpang jauh daripada maksud al-Qur'an kerana Allah SWT pada penghujung ayat tersebut mengikat keumuman orang yang bersama Nabi SAW itu dengan amal soleh.[135] Demikian juga ayat 18 surah al-Fatḥ yang merupakan kesaksian atas keredaan Allah terhadap para *al-sahabah* yang terlibat dalam *Bay'ah al-Riḍwān*. Kesaksian tersebut tidak boleh menjadi hujah bahawa mereka telah diredai Allah SWT buat selama-lamanya. Ini kerana, bagaimana mungkin para *al-sahabah* seperti Ṭalḥah dan Zubayr yang turut serta dalam *Bay'ah al-Riḍwān* juga dianggap kekal dalam keredaan Allah SWT sedangkan mereka berdua terlibat secara langsung bersama 'Ā'ishah dalam perang Jamal menentang 'Alī?[136]

---

[133] *Ibid.*, 106-107.
[134] A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 107.
[135] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 367-368.
[136] *Ibid.*, 369-370.

University of Malaya

Perbuatan menentang ‘Alī yang merupakan khalifah lantikan Allah SWT dan Rasul-Nya membawa kepada kekufuran mereka sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Hamadānī dalam *Mawaddah al-Qurbā* di atas. Memerangi ‘Alī bermakna memerangi Rasulullah SAW sendiri. Ia sebagaimana hadis yang dikeluarkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī daripada Ummu Salamah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"من أَحَبَّ عَلِيًّا فَقَدْ أَحَبَّنِي وَمَنْ أَحَبَّنِي فَقَدْ أَحَبَّ اللَّهُ وَمَنْ أَبْغَضَ عَلِيًّا فَقَدْ أَبْغَضَنِي وَمَنْ أَبْغَضَنِي فَقَدْ أَبْغَضَ اللَّهَ."

Terjemahan:
“Sesiapa yang mencintai ‘Alī, maka sesungguhnya ia mencintaiku, sesiapa yang membenci ‘Alī, maka sesungguhnya ia membenciku. Sesiapa yang membenciku, maka sesungguhnya ia telah membenci Allah.”[137]

Begitu juga hadis Rasulullah SAW yang menghukum pembenci ‘Alī sebagai munafik. Baginda SAW bersabda:

"لَا يُحِبُّكَ إِلَّا مُؤْمِنٌ وَلَا يَبْغُضُكَ إِلَّا مُنَافِق."

Terjemahan:
“Tidak mencintaimu (wahai ‘Alī kecuali orang yang beriman dan tidak membencimu kecuali orang yang munafik.”[138]

Justeru, Khair Izzah menyimpulkan bahawa setiap pujian dan keredaan Allah SWT kepada seseorang manusia atau *al-sahabah* tertentu adalah berasaskan perbuatan soleh mereka. Ia bukan berdasarkan kedudukan seseorang itu secara individu. Seandainya keredaan Allah SWT bergantung kepada diri seseorang individu, maka sudah tentu semua manusia yang diseru oleh Allah SWT dengan, “*Wahai orang-orang beriman…*” tidak akan menjadi murtad selama-lamanya. Begitu juga dengan kemurkaan-Nya ke atas orang-orang kafir

---

[137] Hadis riwayat al-Ḥākim, Kitāb Ma‘rifah al-Ṣaḥābah raḍiy Allāh ‘anhum, Bāb Dhikr Islām Amīr al-Mu’minīn ‘Alī raḍiya Allāh ‘anh, no. hadis: 4648. Lihat *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 3: 141. Menurut al-Dhazabī dalam *al-Talkhīṣ*, sanad hadis ini menepati syarat al-Bukhārī dan Muslim.

[138] Al-Tirmidhī, Kitāb al-Manāqib, Bāb Manāqib ‘Alī bin Abī Ṭālib raḍiya Allāhu ‘anh, no. hadis: 3736. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, 5: 643. Abū ‘Īsā mengatakan, hadis ini *ḥasan ṣaḥīḥ*; Aḥmad, *Musnad al-Imām Aḥmad*, Musnad al-‘Asharah al-Mubashshirīn bi al-Jannah, no. hadis: 731. Lihat *Musnad al-Imām Aḥmad,* 1: 95. Menurut Shu‘ayb al-Arna’ūṭ, sanad hadis ini menepati syarat al-Bukhārī dan Muslim.

University of Malaya

dengan seruan, "*Wahai orang-orang kafir…*" menyebabkan tiada seorang pun yang mungkin akan beriman. Ini amat bertentangan dengan fakta-fakta sejarah yang menunjukkan betapa ramai para *al-sahabah* yang telah menjadi kafir murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW.[139]

Faisal Tehrani mengatakan pandangan seumpama ini, bukan sekadar dipegang oleh golongan Shī'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, malah wujud dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah golongan yang berpandangan sama dinamakan *tashayyu' ḥasan*. Mereka adalah golongan Sunni yang berkecenderungan moderat terhadap Syiah kerana dikatakan memiliki kecintaan terhadap Ahl al-Bayt dan kebencian terhadap musuh-musuh Ahl al-Bayt termasuk Mu'āwiyah dan Yazid yang melakukan kezaliman terhadap Ahl al-Bayt khususnya dalam peristiwa Karbalā'.[140]

3.5.3.2 Kemungkaran para *al-sahabah*

Para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengingkari bahawa semua *al-sahabah* itu adil kerana bagi mereka para *al-sahabah* itu sama kedudukannya dengan bukan *al-sahabah*. Syiah memandang bahawa ini merupakan pandangan yang pertengahan antara dua pandangan yang ekstrem. Iaitu pandangan yang mengatakan bahawa semua *al-sahabah* itu adil dan pandangan yang mengatakan semua *al-sahabah* itu telah jatuh kafir. Bagi Syiah, dalam kalangan *al-sahabah* terdapat peribadi yang baik, jahat, munafik, fasik dan murtad sebagaimana mereka yang bukan *al-sahabah*.[141]

Al-Kāshānī dalam muqaddimah tafsirnya mengulas betapa orang ramai (Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah) yang menukilkan pandangan para *al-sahabah* dalam mentafsirkan

---

[139] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 373.
[140] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 104.
[141] Ibrāhīm Mūsawī Zanjānī, *'Aqā'id al-Imāmiyyah al-Ithnā 'Ashariyyah* (Beirut: Mu'assasah al-A'lamī, 1413H), 3: 85.

University of Malaya

ayat-ayat al-Qur'an. Perbuatan itu menunjukkan mereka tidak mengenali bagaimana sebenarnya keadaan para *al-sahabah* tersebut memandangkan mereka hanya berpegang kepada teori kesemua *al-sahabah* itu adil. Padahal kebanyakan para *al-sahabah* itu menyembunyikan kemunafikan sambil berdusta dengan nama Allah SWT dan Rasul-Nya SAW.[142]

Dengan kata lain, jika untuk menetapkan keimanan dan keadilan seseorang yang bukan *al-sahabah* memerlukan hujah, demikian juga hujah diperlukan bagi menetapkan keimanan dan keadilan seseorang *al-sahabah*. Ini kerana, telah diketahui secara pasti, bahawa golongan munafikin sememangnya wujud pada zaman Nabi SAW. Mereka tinggal bersama dengan Nabi SAW, berada di dalam majlis Baginda, berbual dan bergaul dengan Baginda dan menggelarkan diri mereka sebagai *al-sahabah*. Sedangkan kemunafikan mereka itu tersembunyi dan pada zahirnya tidak berbeza dengan para *al-sahabah* yang lain. Ia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Muḥammad ayat 30:

> "Dan sekiranya Kami kehendaki, tentulah Kami akan memperkenalkan mereka kepadamu (wahai Muhammad), lalu engkau tetap mengenalinya dengan tanda-tanda (yang menjadi sifat) mereka dan demi sesungguhnya, engkau akan mengenali mereka dari gaya dan tutur katanya dan (ingatlah kamu masing-masing), Allah mengetahui segala yang kamu lakukan."

Dengan kewujudan kelompok munafikin yang tersembunyi dalam kalangan para *al-sahabah* ini, sudah tentu sukar untuk menghukum kesemua *al-sahabah* itu adil kecuali jika terdapat dalil yang jelas tentang keimanan dan keadilan mereka.[143]

Bagi mengukuhkan teori ini, Khair Izzah telah mengumpulkan seberapa banyak perbuatan tiga *al-sahabah* utama Rasulullah S.AW yang dikategorikan sebagai kemungkaran yang nyata. Ia bagi membuktikan kemunafikan mereka terutamanya selepas kewafatan

---

[142] Al-Kāshānī, *Tafsīr al-Ṣāfī*, 1: 9.
[143] 'Alī bin 'Abd al-'Āl al-Karakī, *Nafaḥāt al-Lāhut fī La'n al-Jibt wa al-Ṭāghūt* (Tehran: Maktabah Nīnawī al-Ḥadīthah, t.t), 51.

University of Malaya

Rasulullah SAW. Antara peristiwa-peristiwa yang dinukilkan sebagai kemungkaran para *al-sahabah* adalah seperti berikut:

a) Tindakan semberono Abū Bakr al-Siddīq memerangi sekumpulan umat Islam yang diketuai oleh Mālik bin Nuwayrah kerana enggan menunaikan zakat selepas kewafatan Rasulullah SAW. Mereka diperangi dengan alasan terkeluar daripada Islam sebagaimana Musaylamah al-Kadhdhāb dan pengikutnya. Tindakan Abū Bakr ini bertentangan dengan hadis Rasulullah SAW yang memerintahkan agar nyawa dan harta benda umat Islam yang mengucap dua kalimah *shahādah* sentiasa dipelihara. Abū Bakr juga sekali lagi telah mengingkari syariat Islam apabila enggan menjatuhkan hukuman rejam ke atas Khālid bin al-Walīd yang telah berzina dengan isteri Mālik bin Nuwayrah. Khālid dikatakan telah mengahwini isteri Mālik bin Nuwayrah pada hari yang sama beliau membunuh suaminya sedangkan isterinya masih dalam keadaan *'iddah* kematian suami.[144]

b) Kemungkaran paling besar dilakukan oleh 'Umar bin al-Khaṭṭāb adalah apabila beliau mencegah Rasulullah SAW daripada menulis wasiat beberapa hari sebelum kewafatan Baginda SAW. Terdapat beberapa riwayat yang menjelaskan permintaan Rasulullah SAW untuk menulis wasiat kepada kaum muslimin. Antaranya, "*Bawakan aku sesuatu untuk aku tuliskan buat kamu wasiat*", "*Mari bawakan aku papan dan dakwat untuk aku tuliskan untuk kamu wasiat agar kamu tidak akan sesat selamanya*" dan "*Marilah aku tuliskan buat kamu wasiat agar kamu tidak akan sesat selamanya.*" Setelah mendengar arahan tersebut, 'Umar lantas memintas dengan kata-katanya, "*Sesungguhnya Rasulullah sudah sakit tenat. Di sisi kamu ada al-*

[144] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 421 & 480-483.

University of Malaya

Qur'an, maka cukuplah bagi kamu kitab Allah." Setelah itu, berlaku perselisihan antara para *al-sahabah* sehingga akhirnya Rasulullah SAW memerintahkan agar mereka semua menjauhkan diri daripadanya. Lantaran itu, Ibn 'Abbās menyatakan penyesalannya terhadap apa yang berlaku dengan kata-katanya, "*Sesungguhnya kecelakaan besar adalah perkara yang menghalang Rasulullah SAW daripada menuliskan wasiat untuk mereka disebabkan perselisihan dan pertengkaran mereka.*"[145] Selain itu 'Umar juga dikatakan terlibat dengan pelbagai kemungkaran lain yang bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Sunah seperti menolak hukum bertayammum bagi orang berjunub yang ketiadaan air[146], mengubah hukum talak tiga menjadi satu[147] dan mengharamkan nikah mut'ah.[148]

c) 'Uthmān bin 'Affan juga tidak menepati ciri-ciri keadilan. Kemungkaran paling nyata dilakukan oleh 'Uthmān adalah menegah orang ramai daripada meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah SAW. Tujuannya adalah bagi menghormatinya pendahulunya iaitu Abū Bakr dan 'Umar.[149] 'Uthmān telah memberikan amaran dengan kata-katanya, "*Jangan sekali-kali seorang pun daripada kamu meriwayatkan sebuah hadis pun daripada Rasulullah yang aku tidak pernah mendengarnya pada zaman Abū Bakr dan 'Umar.*"[150] Selain itu 'Uthmān juga telah mengubah syariat dengan mengubah hukum wuduk daripada sapuan dua kaki kepada basuhan dua kaki.[151] 'Uthmān turut dikatakan telah mengusir Abū Dhar al-Ghifārī ke Razabah[152], melantik al-Walīd bin 'Uqbah iaitu seorang pemabuk dan fasiq sebagai gabenor di Kūfah[153] dan

[145] *Ibid.*, 512-514.
[146] *Ibid.*, 529-530
[147] *Ibid.*, 532
[148] *Ibid.*, 533-534
[149] *Ibid.*, 615.
[150] *Ibid.*
[151] *Ibid.*, 629.
[152] *Ibid.*, 665.
[153] *Ibid.*, 668

University of Malaya

membelasah ‘Ammār bin Yāsir kerana telah menulis memorandum bagi menasihati sikap buruk beliau sebagai khalifah.[154]

3.5.3.3 Kemurtadan para *al-sahabah*

Sebagaimana dibahaskan pada subtopik 3.4, ketiga-tiga karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berbahasa Melayu telah membentangkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah bagi menyokong teori kemurtadan para *al-sahabah*. Pada hakikatnya, ini merupakan salah satu hujah utama Syiah bagi menolak prinsip keadilan para *al-sahabah*. Dalam karya-karya utama ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, mereka bersepakat bahawa kemurtadan para *al-sahabah* memang berlaku selepas kewafatan Rasulullah SAW. Namun mereka berselisih pendapat mengenai bilangan *al-sahabah* yang murtad. Pandangan *rājih* mengatakan semua *al-sahabah* telah murtad kecuali tiga orang berdasarkan beberapa riwayat yang muktabar dan sanad yang *muttaṣilah* hingga kepada para imam Ahl al-Bayt. Antaranya adalah riwayat daripada Abū Ja‘far al-Bāqir (Imam Kelima) bahawa semua manusia (para *al-sahabah*) telah murtad kecuali tiga orang iaitu Salmān al-Fārisī, Abū Dhar al-Ghifārī dan al-Miqdād bin al-Aswad.[155]

Al-Tustarī mengatakan apa yang berlaku kepada *al-sahabah* Rasulullah SAW adalah sebagaimana yang berlaku kepada pengikut Nabi Mūsā a.s. Pengikut Nabi Mūsā telah murtad ketika beliau masih hidup kecuali Nabi Hārūn a.s. Demikian juga para *al-sahabah*, kebanyakan mereka telah murtad setelah kewafatan Baginda SAW.[156]. Malah perkhabaran berkenaan kemurtadan para *al-sahabah* selepas kewafatan Rasulullah SAW telah masyhur

---

[154] *Ibid.*, 670

[155] Al-Kulaynī, *al-Kāfī*, 5: 558; Muḥammad bin Mas‘ud al-‘Iyāshī, *Tafsīr āl-‘Īyāṣḥī* (Tehran: al-Maṭba‘ah al-‘Ilmiyyah, 1422H), 1: 199; al-Māzindarānī, *Manāqib Āli Abī Ṭālib ‘alayh al-salam*, 3: 195; Muḥammad Muḥsin al-Murtaḍā al-Kāshānī (1406h), *al-Wāfī* (Asfahān: Maktabah al-Imām Amīr al-Mu’minīn ‘Alī’alayh al-salām, 1406H), 2: 198; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 22: 333; Muḥammad bin ‘Umar al-Kashī, *Rijāl al-Kashī: Ikhtiyār Ma‘rifah al-Rijāl* (Qom: Mu’assasah Āl al-Bayt, 1404H),1: 51.

[156] Nūr Allāh Al-Tustarī, *Iḥqāq al-Ḥaq* (Najaf: al-Maṭba‘ah al-Murtaḍawiyyah, 1273H), 316.

University of Malaya

dalam kalangan para imam maksum dan ia membenarkan firman Allah dalam ayat 144 surah Āli 'Imrān bermaksud, "*Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu akan berbalik ke belakang (murtad*)?"[157]

Al-Subḥānī merumuskan kemurtadan para *al-sahabah* bukan sesuatu yang tersembunyi lagi dalam al-Sunnah, walaupun para ulama hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berusaha untuk menyembunyikan kelemahan dan keburukan para *al-sahabah* dalam karya-karya mereka. Beliau mengatakan:

> "Sesungguhnya, al-Sunnah daripada Nabi SAW saling mengukuhkan mengenai kemurtadan para *al-sahabah* yang menolak keadaan setiap daripada mereka sebagai bintang mengerlip yang boleh dijadikan ikutan. Pengarang kitab-kitab sahih, walaupun mereka memperuntukkan bab-bab berkenaan kelebihan para *al-sahabah*, namun mereka tidak mengkhususkan satu bab bahkan tajuk tentang kelemahan mereka (para *al-sahabah*). Tetapi mereka memilih untuk menyelitkan apa yang diberitahu oleh Nabi SAW dalam hal ini pada bab-bab lain bagi menyembunyikan kelemahan mereka (para *al-sahabah*). Maka al-Bukhārī meletakkannya dalam juzuk kesembilan pada bab *al-Fitan* dalam *Ṣaḥīḥ*-nya…"[158]

Berdasarkan beberapa kenyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap kemurtadan para *al-sahabah* adalah jelas. Ia sebagaimana yang dirumuskan oleh al-Isfirāyīnī setelah beliau membahaskan sejumlah iktikad yang dianuti oleh pelbagai kelompok Syiah Imāmiyyah. Beliau mengatakan, "*Ketahuilah bahawa semua yang kami sebutkan daripada kelompok-kelompok (Syiah) Imāmiyyah itu, mereka bersepakat dalam mengkafirkan para al-sahabah*."[159] Pegangan mereka terhadap kemurtadan para *al-sahabah* ini sekaligus menyebabkan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menolak teori keadilan para *al-sahabah*. Hal demikian juga terserlah

---

[157] Yūsuf bin Aḥmad al-Baḥrānī, *al-Shihāb al-Thāqib fī Bayān Ma'nā al-Nāṣib* (Qom: Amīr, 1419H), 202.
[158] Ja'far al-Subḥānī, *al-Ilāhiyyāt 'alā al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-'Aql* (Qom: al-Markaz al-'Ālamī li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, 1412H), 4: 441.
[159] Al-Isfirāyīnī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn*, 41.

University of Malaya

dalam karya ketiga-tiga penulis apabila mereka turut memasukkan hadis-hadis berkenaan bagi merujuk kepada kemurtadan *al-sahabah*.

Menerusi subtopik ini, Syi‘ah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah secara konsisten menolak prinsip keadilan para *al-sahabah*. Hukum mengenai keadilan para *al-sahabah* adalah sepertimana hukum ke atas selain mereka. Gelaran *al-sahabah* semata-mata tidak boleh menjadikan mereka adil secara langsung dan kebal daripada sebarang penilaian dan kritikan. Syiah meletakkan tiga kayu ukur utama bagi menilai keadilan para *al-sahabah*; kecintaan dan permusuhan mereka terhadap Ahl al-Bayt, kemungkaran yang dilakukan dan kemurtadan mereka selepas kewafatan Rasulullah SAW.

3.6 Pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah

Menurut Khair Izzah, jawatan khalifah atau pengganti selepas kewafatan Rasulullah SAW telah dirampas daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib. Terdapat pelbagai kisah yang mengejutkan dan menyedihkan telah berlaku, namun Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah telah menyembunyikannya demi memelihara kedudukan para *al-sahabah*. Lalu pelbagai alasan dicipta termasuk mensahihkan riwayat tertentu untuk membuatkan umat Islam percaya bahawa khalifah pertama selepas kewafatan Rasulullah SAW adalah Abū Bakr al-Ṣiddīq. Secara tidak langsung ia juga mengesahkan kedudukan khalifah-khalifah yang berikutnya. Sedangkan apabila diteliti, ia adalah suatu percubaan bagi menutup penyelewengan dan penipuan para *al-sahabah*. Malah kesemua hujah berkenaan hanya muncul setelah Abū Bakr dilantik ke jawatan khalifah.[160]

[160] Khair Izzah, *Meniti Titin Kebenaran*, 268-269.

University of Malaya

Prinsip utama yang menjadi pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam persoalan khalifah ialah Rasulullah SAW tidak pernah mewasiatkan sesiapa pun sebagai pengganti selepas kewafatannya. Oleh itu, umat Islam telah melantik Abū Bakr sebagai pemimpin mereka berpandukan persepakatan para *al-sahabah*. Para *al-sahabah* yang digelar sebagai *ahl al-ḥall wa al-'aqd* telah berkumpul di Saqīfah Banī Sā'idah dan bersetuju melantik Abū Bakr sebagai khalifah dengan hujah Rasulullah SAW telah melantik Abū Bakr menjadi imam ketika Baginda gering. Jika Rasulullah SAW meredai Abū Bakr dalam urusan agama, mengapa pula umat Islam tidak meredai Abū Bakr dalam urusan dunia? Selepas kematian Abū Bakr, 'Umar naik menjadi khalifah berasaskan wasiat daripada Abū Bakr. Manakala pelantikan 'Uthmān pula dibuat melalui proses saringan daripada enam orang *al-sahabah* yang diketuai oleh 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf. Kesimpulannya, Ahl al-Sunnah berpendapat Rasulullah SAW tidak mewasiatkan kepada sesiapa pun sebagai penggantinya. Kedua, pelantikan Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān telah dilaksanakan secara syura, ijmak dan baiah oleh majoriti para *al-sahabah*.[161]

Dengan cara pelantikan sedemikian, A. Malik mengatakan, Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān tidak termasuk dalam kalangan Khulafa al-Rasyidin. Ini kerana, ketiga-tiga individu tersebut hanya dilantik oleh umat Islam dan bukan dilantik oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Khulafa al-Rasyidin bererti para khalifah yang terdidik lagi cerdik sedangkan ketiga-tiga individu tersebut telah melakukan banyak perkara yang bersalahan dengan apa yang yang dituntut oleh Allah dan Rasul.[162] Sebaliknya Khulafa al-Rasyidin bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah adalah para imam Ahl al-Bayt yang terdiri daripada dua

[161] *Ibid.*, 269-270.
[162] A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 22.

University of Malaya

belas orang. Ini sebagaimana yang terkandung dalam kitab-kitab hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sendiri.[163]

3.6.1 'Alī khalifah lantikan Rasulullah SAW

Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berpendirian, hujah bahawa Rasulullah SAW tidak meninggalkan sebarang wasiat mengenai penggantinya adalah sesuatu yang tertolak. Ini kerana, peristiwa Ghādir Khum dengan jelas menunjukkan bahawa Baginda SAW telah mewasiatkan 'Alī bin Abī Ṭālib menjadi penggantinya sebagai khalifah. Malah banyak hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menjelaskan pelantikan 'Alī sebagai khalifah di Ghādir Khum. Antaranya:

"لما رَجَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ حَجَّةِ الْوَدَاعِ ، وَنَزَلَ غَدِيرَ خُمٍّ ، أَمَرَ بِدَوْحَاتٍ ، فَقُمِمْنَ ، ثُمَّ قَالَ : كَأَنِّي قَدْ دُعِيتُ فَأَجَبْتُ ، إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمُ الثَّقَلَيْنِ ، أَحَدُهُمَا أَكْبَرُ مِنَ الآخِرِ : كِتَابَ اللَّهِ ، وَعِتْرَتِي أَهْلَ بَيْتِي ، فَانْظُرُوا كَيْفَ تَخْلُفُونِي فِيهِمَا ؟ فَإِنَّهُمَا لَنْ يَتَفَرَّقَا حَتَّى يَرِدَا عَلَيَّ الْحَوْضَ ، ثُمَّ قَالَ : إِنَّ اللَّهَ مَوْلايَ ، وَأَنَا وَلِيُّ كُلِّ مُؤْمِنٍ ، ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِ عَلِيٍّ ، فَقَالَ : مَنْ كُنْتُ وَلِيُّهُ ، فَهَذَا وَلِيُّهُ ، اللَّهُمَّ وَالِ مَنْ وَالاهُ ، وَعَادِ مَنْ عَادَاهُ ، فَقُلْتُ لِزَيْدٍ : سَمِعْتَهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : مَا كَانَ فِي الدَّوْحَاتِ رَجُلٌ إِلا رَآهُ بِعَيْنِهِ ، وَسَمِعَهُ بِأُذُنِهِ."

Terjemahan:
"Ketika Rasulullah SAW dalam perjalanan kembali dari menunaikan Haji al-Widā', Baginda berhenti di Ghadīr Khum sambil memerintahkan (kami) membersihkan (bawah) pokok-pokok yang besar. Kemudian Baginda bersabda: Seakan-akan hampir masa aku dipanggil (oleh Allah) maka aku pasti menyahut-Nya. Sesungguhnya aku telah tinggalkan buat kamu dua perkara yang amat berat (bernilai). Salah satu antara keduanya lebih besar daripada yang lain: (iaitu) Kitabullah dan keturunanku Ahl Bayt-ku. Maka perhatikanlah bagaimana sikap kamu terhadap kedua-duanya sepeninggalanku (nanti)? Sesungguhnya kedua-duanya tidak akan berpisah sehinggalah kedua-duanya kembali menemuiku di *al-Ḥawd*. Kemudian Baginda bersabda lagi: Sesungguhnya Allah adalah pemimpinku, dan aku adalah pemimpin bagi setiap mukmin. Kemudian Baginda mengambil tangan 'Alī lalu bersabda: Sesiapa yang menjadikan aku pemimpinnya, maka ini ('Alī) adalah pemimpinnya. Ya Allah, pimpinlah orang yang menjadikan ia pemimpinnya, dan musuhilah sesiapa yang memusuhinya."[164]

---

[163] *Ibid.*, 16-20.
[164] Hadis riwayat al-Nasā'ī, Faḍā'il 'Alī raḍiya Allāh 'anh, no. hadis: 8148. Lihat *al-Sunan al-Kubrā*, 5: 45.

University of Malaya

Berdasarkan iktikad ‘Alī adalah pengganti Rasulullah SAW, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah menafikan keabsahan kekhalifahan Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān. Malah ketiga-tiga orang khalifah tersebut dianggap sebagai perampas jawatan khalifah yang sepatutnya disandang oleh ‘Alī bin Abī Ṭālib, bahkan telah murtad atas perbuatan tersebut. Al-Majlisī berkata:

> “Dan mari kita sebutkan sebahagian perkhabaran al-Saqīfah (Banī Sā‘idah) daripada kitab kedua-dua kumpulan (Ahl al-Sunnah dan Syiah), agar terzahir kepada kamu kebodohan apa yang dihujahkan dengannya golongan penentang dan penderhaka daripada baiah al-Saqīfah daripada kitab kedua-dua kumpulan atas hakikat para khalifah mereka yang zalim. Lalu ternyata bagi kamu bahawa tidaklah mereka itu kecuali para perampas, rakus dan murtad daripada agama, laknat Allah ke atas mereka dan ke atas sesiapa yang mengikuti mereka dalam menzalimi Ahl al-Bayt daripada yang terawal dan terkemudian.”[165]

Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berpandangan bahawa ketiga-tiga orang khalifah tersebut telah menjadi kafir sebaik sahaja mereka membelakangkan ‘Alī bin Abī Ṭālib sebagai khalifah. Hukuman kafir ini disandarkan oleh Syiah kepada Imam Keenam iaitu Ja‘far al-Ṣādiq menerusi beberapa riwayat yang dinukilkan dalam kitab-kitab mereka. Antaranya seperti kata-kata beliau, “*‘Alī merupakan pintu petunjuk, sesiapa yang mendahuluinya maka ia kafir, dan sesiapa yang membelakangkannya, maka ia kafir.*”[166] Al-Majlisī menukilkan daripada al-Mufīd bahawa, “*Seluruh Syiah Imāmiyyah telah bersepakat bahawa sesiapa yang memungkiri salah seorang daripada imam-imam (yang dua belas), dan memungkiri apa yang Allah telah wajibkan kepadanya kefarduan taat, maka ia kafir, sesat*

---

[165] Muḥammad Bāqir al-Majlisī, *Mir’āt al-‘Uqūl fī Sharḥ Akhbār Āl al-Rasūl* (Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1404H), 26: 335; Maqātil bin ‘Aṭiyyah, *Abhā al-Murād fī Sharḥ Mu’tamar ‘Ulamā’ Baghdād* (Beirut: Mu’assasah al-A‘lamī, 1423H), 2: 424; Qāḍī Nūr Allāh al-Mar‘ashī, *Iḥqāq al-Ḥaq wa Izhāq al-Bāṭil* (Qom: Maktabah Āyat Allāh al-Mar‘ashī al-Najafī, 1409H), 1: 314; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 25: 92; Mawlā Ṣāliḥ al-Māzindarānī, *Sharḥ Uṣūl al-Kāfī* (Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1377H), 11: 263;

[166] Al-‘Iyāshī, *Tafsīr āl-‘Īyāṣḥī*, 2: 109; al-Baḥrānī, *al-Burhān fi Tafsīr al-Qur’ān*, 2: 844; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 7: 330.

University of Malaya

dan layak untuk kekal di dalam neraka."[167] Al-Qummī pula menegaskan, iktikad Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap orang yang memungkiri keimaman 'Alī bin Abī Ṭālib dan para imam selepasnya adalah seumpama orang yang memungkiri nabi-nabi, manakala orang yang mengakui 'Alī namun menolak salah seorang imam selepas 'Alī, ia seumpama orang yang mengakui semua nabi namun menolak kenabian Nabi Muḥammad SAW.[168]

Iktikad Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah bukan setakat mengkafirkan tiga orang *al-sahabah* yang dianggap merampas jawatan khalifah daripada 'Alī, setiap orang Islam juga dilarang untuk memberi baiah, mendukung dan mengiktiraf kekhalifahan ketiga-tiga khalifah tersebut. Ia berdalilkan firman Allah SWT:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠

Terjemahan:
"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya."

Surah al-Naḥl(16): 90

Para ulama tafsir Syiah mentafsirkan maksud "berlaku adil" (*al-'adl*) iaitu mengucap dua kalimah *shahādah*. "Berbuat kebaikan" (*al-iḥsān*) pula bermaksud membaiah 'Alī. Sementara ayat "memberi bantuan kepada kaum kerabat" (*wa ītā'i dhī al-qurbā*) bererti menunaikan hak keimaman kepada imam-imam selepas 'Alī. Manakala ayat "*melarang daripada melakukan perbuatan keji, mungkar dan zalim*" (*wa yanhā 'an al-faḥshā' wa al-munkar wa al-baghy*) adalah larangan daripada melantik dan mengakui kekhalifahan tiga

[167] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 8: 367.
[168] Ibn Bābawayh al-Qummī, *I'tiqādāt al-Imāmiyyah* (Qom: Mu'tamar al-Shaykh al-Mufīd, 1414H), 104.

University of Malaya

orang khalifah sebelum ‘Alī. Al-‘Iyāshī menukilkan daripada al-Bāqir bahawa *al-faḥshā’* adalah yang pertama (Abū Bakr), *al-munkar* adalah yang kedua (‘Umar) dan *al-baghy* adalah yang ketiga (‘Uthmān).[169] Al-Ashtiyānī ketika mensyarahkan hadis al-Kāfī menyebutkan dengan jelas bahawa *al-faḥshā’, al-munkar* dan *al-baghy* adalah merujuk kepada tiga orang khalifah syaitan iaitu ketua para munafikin yang tempat tinggal mereka adalah di dalam neraka *saqr*, *al-dark al-asfal* dan *al-hāwiyah al-suflā*.[170]

Demikian juga, para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah telah menjadikan ayat 124 daripada surah al-Baqarah sebagai dalil menolak kekhalifahan selain daripada ‘Alī dan keturunannya. Ayat “*Lā yanālu ‘ahd al-ẓālimīn*” adalah janji Allah SWT bahawa orang yang zalim tidak akan dilantik sebagai imam atau pemimpin. Ini menunjukkan Abū Bakr dan lain-lain tidak layak menjadi pemimpin kerana mereka dahulu kufur dan musyrik sebelum perutusan Nabi SAW, sedangkan ‘Alī telah dididik sejak kecil oleh Nabi SAW dan tidak pernah terjebak ke dalam kesyirikan dan kekufuran.[171] Al-Nabāṭī mengatakan, ketiga-tiga khalifah itu telah sabit melakukan maksiat ketika mereka dalam keadaan kufur sebelum memeluk Islam, bererti mereka telah berlaku zalim dan tidak layak untuk diserahkan jawatan imam atau khalifah berdasarkan ayat tersebut.[172]

3.6.2 Ketidaksahan kekhalifahan *al-sahabah*

Berdasarkan fakta-fakta di atas, dapat difahami bahawa Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah menolak kekhalifahan Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān atas alasan ketiadaan sifat

---

[169] *Ibid.*,1: 388; al-‘Iyāshī, *Tafsīr āl-‘Īyāṣḥī*, 2: 267-268.
[170] Muḥammad Ḥusayn al-Āshtiyānī, *Majmū‘āt Rasā’il fī Sharḥ Aḥādīth min al-Kāfī* (Qom: Dār al-Ḥadīth, 1429H), 2: 614.
[171] Ibn Muṭahhar al-Ḥillī, *Kashf al-Yaqīn fī Fadā’il Amīr al-Mu’minīn ‘alayh al-salām* (Tehran: Wizārah al-Irshād, 1411H), 172; Ibn al-Muṭahhar al-Ḥillī, *Nahj al-Ḥaq wa Kashf al-Ṣidq* (Beirut: Dār Kitāb al-Lubnānī, 1982), 145.
[172] ‘Alī bin Muḥammad al-‘Āmilī al-Nabāṭī, *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm ilā Mustaḥiqq al-Taqdīm*, (Najaf: al-Maktabah al-Ḥaydariyyah, 1426H), 1: 115.

University of Malaya

maksum sebagaimana yang disabitkan oleh mereka kepada ‘Alī dan para imam Ahl al-Bayt. Ini menjadikan ketiga-tiga orang khalifah itu terbuka kepada segala sifat yang bertentangan dengan kelayakan seorang imam atau pemimpin seperti zalim, fasik, munafik, murtad dan lain-lain.[173] Berikut dibahaskan pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah terhadap setiap Khulafa al-Rasyidin yang tiga.

3.6.2.1 Menolak kekhalifahan Abū Bakr al-Ṣiddīq

Khair Izzah berpendapat, dakwaan bahawa pelantikan ketiga-tiga khalifah iaitu Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān dibuat secara ijmak para *al-sahabah* adalah keterlaluan. Ini kerana, terdapat para *al-sahabah* yang tidak berbaiah atas pelantikan mereka sebagai khalifah. Ketika pelantikan Abū Bakr al-Ṣiddīq, berlaku pertikaian antara tiga penjuru. Satu pihak ialah golongan Ansar yang ingin melantik Sa‘d bin ‘Ubādah sebagai khalifah dengan tanggapan bahawa golongan Ansar lebih berhak ke atas jawatan itu. Namun begitu, pencalonan Sa‘d tidak mendapat sokongan ramai menyebabkan beliau mengambil pendirian untuk tidak berbaiah kepada sesiapa pun yang akan dilantik sebagai khalifah. Keputusan Sa‘d mencetuskan kemarahan ‘Umar al-Khaṭṭāb sehingga terkeluar daripada lidahnya agar Sa‘d dibunuh sekiranya enggan berbaiah kepada Abū Bakr.[174]

Golongan Ansar terus bertegas inginkan jawatan khalifah disandang oleh mereka. Pertengkaran mulut berlaku antara ‘Umar al-Khaṭṭāb dan al-Ḥubāb bin al-Mundhir. Al-Ḥubāb tetap berkeras agar jawatan khalifah tidak sesekali diserahkan kepada golongan Muhajirin kerana golongan Ansar lebih berhak. Sekiranya golongan Muhajirin tetap berkeras, mereka perlu diusir daripada Madīnah meskipun terpaksa berperang.

---

[173] Nūr Allāh bin Sharaf al-Dīn al-Shushtarī (1367h), *al-Ṣawārim al-Muhriqah fi Naqḍ al-Ṣawā‘iq al-Muḥriqah* (Tehran: Maṭba‘ah al-Nahḍah, 1367H), 54; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 11: 97; al-Mirzā Ḥabīb Allāh al-Khaw’ī, *Minhāj al-Barā‘ah fī Sharḥ Nahj al-Balāghah* (Tehran: Maktabah al-Islāmiyyah, 1400H), 16: 56.
[174] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 276-277.

University of Malaya

Walaubagaimana pun, hujah-hujah golongan Ansar dijawab oleh golongan Muhajirin dengan menyebut keutamaan-keutamaan Abū Bakr al-Ṣiddīq.[175]

Sementara satu pihak lagi yang juga terdiri daripada golongan Ansar bersama Zubayr al-'Awwām dan al-'Abbās bersungguh-sungguh menegaskan bahawa 'Ali bin Abī Ṭālib adalah yang paling layak dan lebih berhak menjadi khalifah. Namun, Abū Bakr tetap dilantik sebagai khalifah menyebabkan kedua-dua mereka pulang tanpa berbaiah kepada Abū Bakr. Hal ini menimbulkan kemarahan 'Umar lalu beliau membawa beberapa orang antaranya Usayd bin Khuḍayr dan Salimah bin Aslam untuk menyerang Zubayr dan al-'Abbās. Dalam kejadian tersebut, pedang Zubayr dirampas oleh Salimah dan kepalanya dihantuk ke dinding atas arahan 'Umar al-Khaṭṭāb.[176]

Setelah itu, sebahagian daripada golongan Muhajirin dan Ansar berkumpul di rumah 'Alī kerana enggan menerima pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah. Hal ini menyebabkan penyokong kuat Abū Bakr iaitu 'Umar al-Khaṭṭāb telah pergi ke rumah 'Alī dan mengancam untuk membakar mereka semua secara hidup-hidup jika tidak mahu memberikan baiah kepada 'Abū Bakr. Justeru, Khair Izzah berpandangan bukan sahaja 'Alī dan Ahl al-Bayt yang tidak menerima pelantikan Abū Bakr, tetapi segolongan besar para *al-sahabah* juga berbuat demikian, antaranya adalah Qays bin Sa'd, 'Abbās bin 'Abd al-Muṭṭalib, al-Faḍl bin 'Abbas, Zubayr bin al-'Awwām, Khālid bin Sa'īd, al-Miqdād bin 'Amr, Salmān al-Fārisī, Abu Dhar al-Ghifārī, 'Ammār bin Yāsir, al-Barrā' bin 'Āzib, Ubay bin Ka'b, Sa'd bin Abī Waqqāṣ, Talḥah bin 'Ubayd Allāh, Khuzaymah bin Thābit, Sa'd bin 'Ubādah dan Farwah bin 'Amr al-Anṣārī. Dengan ini, pelantikan Abū Bakr tidak boleh dikatakan berlaku secara ijmak kerana ia ditentang oleh sebahagian besar para *al-sahabah* yang masyhur.[177] Bahkan,

[175] *Ibid.*, 278.
[176] *Ibid.*
[177] *Ibid.*, 279-281.

University of Malaya

menurut A. Malik, Abū Bakr sendiri meragui kekhalifahannya apabila timbul persoalan dalam dirinya sendiri, mengapa tidak beliau bertanya Rasulullah SAW ketika hayat Baginda mengenai hak golongan Ansar terhadap jawatan khalifah.[178]

Hakikatnya, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berpandangan bahawa jawatan khalifah yang disandang oleh Abū Bakr tidak sah kerana tidak didasari oleh asas-asas yang betul. Pelantikan Abū Bakr dianggap suatu pengabaian terhadap agama dan perintah Rasulullah SAW. Syiah mengatakan Abū Bakr tidak memiliki keahlian untuk memegang jawatan khalifah berdasarkan alasan-alasan berikut:

a) Nabi SAW tidak pernah melantik Abū Bakr memegang satu pun jawatan yang berbentuk pelaksanaan syariat mahupun hal ehwal politik, bahkan Baginda telah melantik orang selainnya. Ini membuktikan bahawa Abū Bakr tidak berkelayakan untuk jawatan tersebut dan orang yang tidak berkelayakan tidak sah kepimpinannya. Mengenai pelantikan Abū Bakr sebagai pemimpin haji dan perutusan surah Barā'ah untuk dibacakan kepada kaum musyrikin Makkah, hal ini dinafikan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah kerana pelantikan tersebut telah dibatalkan oleh Rasulullah SAW dengan mengutuskan 'Alī sebagai penggantinya. Abū Bakr kemudiannnya diarahkan sama ada mengikuti 'Alī meneruskan perjalanan atau pulang ke Madīnah. Akhirnya Abū Bakr memilih untuk kembali ke Madīnah. Sebaik sampai di Madīnah, Rasulullah SAW memaklumkan kepada Abū Bakr bahawa penggantian itu merupakan arahan Allah SWT menerusi Jibrīl a.s agar tidak melaksanakan urusan tersebut kecuali Baginda sendiri atau lelaki daripada sebahagian (keturunan) Baginda, maka 'Alī adalah sebahagian daripada Baginda.[179]

---

[178] A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 22.
[179] Ibn 'Aṭiyyah, *Abhā al-Murād,* 1: 225; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 30: 411; Ibn al-Muṭahhar al-Ḥillī, *Minhāj al-Karāmah fī Ma'rifah al-Imāmah* (Mashhad: Intishārāt Tāsū'ā, 1379H), 181.

University of Malaya

Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah menyimpulkan, perbuatan Rasulullah SAW mengarahkan Abū Bakr agar memimpin pelaksanaan haji pada awalnya dan kemudian memecatnya adalah petunjuk daripada Allah SWT mengenai ketidaklayakan Abū Bakr sebagai khalifah atau pemimpin kaum muslimin. Jika Allah SWT tidak memerintahkan Rasulullah SAW untuk melantik Abū Bakr terlebih dahulu, sudah tentu tidak terserlah penegasan terhadap ketidaklayakannya. Dengan itu, pemecatan Abū Bakr setelah dilantik menunjukkan beliau benar-benar tidak memenuhi kelayakan untuk menjadi pemimpin.[180]

b) Abū Bakr tidak layak menjadi khalifah kerana beliau sendiri mengakui kelemahannya dengan meminta rakyat membantu untuk memperbetulkan dirinya seperti dalam khutbah ketika diangkat menjadi khalifah. Beliau turut memperakui bahawa terdapat syaitan yang mempengaruhi segala perbuatannya dengan mengatakan, “*Sesungguhnya bagiku syaitan yang mengganggguku*.” Beliau juga memberi amaran kepada orang ramai dengan mengatakan, “*Jika kamu melihat aku sedang marah, maka jauhkan diri dariku*.” Perkataan seumpama ini bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah tidak sepatutnya keluar dari mulut seorang khalifah, ia hanya menunjukkan Abū Bakr itu tidak terpelihara daripada melakukan kesalahan dan kemaksiatan. Oleh kerana itu, seorang khalifah wajib bersifat maksum sepertimana imam-imam Ahl al-Bayt.[181]

c) Abū Bakr tidak berkelayakan sebagai khalifah kerana beliau sendiri mengatakan, “*Pecatlah aku, pecatlah aku, aku bukan yang terbaik dalam kalangan kamu sedangkan ‘Alī ada antara kamu*.” Syiah mengatakan kata-kata ini terpacul apabila

[180] Al-Nabāṭī, *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*, 1: 316.
[181] Abū al-Qāsim al-Kūfī, *al-Istighāthah fī Bida‘ al-Thalāthah* (Tehran: Mu’assasah al-A‘lamī, 1373H), 181-182;, Abū al-Ḥasan al-Āmidī, *Abkār al-Afkār fī Uṣūl al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Kutub, 1423H), 5: 237.

University of Malaya

muncul sekumpulan daripada golongan Muhajirin dan Ansar yang menentang pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah sambil mengingatkan hadis pada hari al-Ghadīr. ‘Umar al-Khaṭṭāb antara yang mempertahankannya dengan berkata, “*Demi Allah, kami tidak akan memecatmu, urusan ini tidak akan diambil kecuali kamu*.” Ucapan Abū Bakr yang meminta agar dirinya dipecat, menjadi hujah kepada Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ketidaklayakan Abū Bakr sebagai khalifah.[182]

d) Abū Bakr didakwa telah menyesali perbuatannya menerima jawatan khalifah ketika hampir kematiannya. Penyesalan ini menunjukkan Abū Bakr tidak layak untuk menduduki jawatan tersebut dan beliau telah berlaku zalim kerana merampasnya daripada yang berhak. Antara kata-kata terakhir Abū Bakr ketika sakit yang membawa kematiannya, “*Alangkah baiknya aku biarkan rumah Fāṭimah tanpa menyingkapnya, alangkah baiknya aku ketika di Banī Sā‘idah, aku membaiah tangan salah seorang daripada dua lelaki, maka beliau menjadi ketua dan aku menjadi menteri, alangkah baiknya aku bertanya kepada Rasulullah SAW, adakah bagi kaum Anṣār sebarang hak dalam urusan ini*.” Kenyataan Abū Bakr ini menunjukkan beliau sendiri ragu-ragu terhadap kelayakan dirinya menjadi khalifah. Justeru, individu sebegini tidak boleh diangkat menjadi khalifah.[183]

e) Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berhujah dengan kata-kata ‘Umar al-Khaṭṭāb, “*Sesungguhnya baiah Abū Bakr berlaku secara tidak semena-mena (faltah), semoga Allah melindungi kaum muslimin daripada kejahatannya, sesiapa yang kembali melakukan seumpamanya, maka bunuhlah ia*.” Syiah berpandangan, perkataan *faltah* yang diungkap oleh ‘Umar merujuk kepada suatu bentuk kesalahan atau tidak sahih.

---

[182] Aḥmad bin ‘Alī al-Ṭabarsī, *al-Iḥtijāj ‘alā Ahl al-Lajjāj* (Mashhad: Nashr al-Murtaḍā, 1403H), 1: 79; Mar‘ashī, *Iḥqāq al-Ḥaq*, 2: 325; A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 22-23.

[183] ‘Alī al-Ḥusaynī al-Milānī, *Sharḥ Minhāj al-Karāmah fī Ma‘rifah al-Imāmah* (Qom: Markaz al-Ḥaqā’iq al-Islāmiyyah, 1386H), 1: 105; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 17: 164; al-Ḥillī, *Nahj al-Ḥaq*, 265.

University of Malaya

Manakala ungkapan "*semoga Allah melindungi kaum muslimin daripada kejahatannya*" merujuk kepada baiah tersebut yang mengandungi keburukan dan kejahatan. Secara umumnya, ungkapan 'Umar ini menunjukkan celaan beliau kepada Abū Bakr, sekaligus mengisyaratkan ketidaklayakan Abū Bakr dilantik sebagai khalifah.[184]

3.6.2.2 Menolak kekhalifahan 'Umar al-Khaṭṭāb

Pelantikan 'Umar al-Khaṭṭāb pula dibuat menerusi wasiat Abū Bakr al-Ṣiddīq setelah berbincang dengan para sekutu beliau, antaranya adalah 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf, 'Uthmān bin 'Affān, Usayd bin Khuḍayr dan Sa'īd bin Zayd. Abū Bakr dikatakan mengarahkan 'Uthmān bin 'Affān selaku Setiausaha Negara agar menulis surat wasiat pelantikan tersebut dengan cop rasmi kerajaan. Terdapat para *al-sahabah* yang menentang keputusan tersebut seperti Ṭalḥah bin 'Ubayd Allāh. Dengan demikian, Khair Izzah sekali lagi menolak dakwaan yang mengatakan pelantikan khalifah dilakukan secara ijmak kerana terbukti bahawa pelantikan 'Umar al-Khaṭṭāb juga hanya melibatkan beberapa orang *al-sahabah*.[185] Bagi A. Malik, 'Umar sama sekali bukan termasuk Khulafa al-Rasyidin kerana ia dilantik hanya dengan wasiat Abū Bakr.[186] Secara prinsipnya, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menolak kekhalifahan 'Umar berdasarkan alasan seperti berikut:

a) Kekhalifahan 'Umar terbatal atau tidak sah dengan terbatalnya kekhalifahan Abū Bakr. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Syiah tidak menerima pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah kerana ia adalah jawatan yang dirampas daripada 'Alī bin Abī Ṭālib. Malah 'Alī telah menuntut jawatan tersebut daripada Abū Bakr

[184] Al-Ṭabarsī, *al-Iḥtijāj*, 2: 384; Sayyid Amīr Muḥammad al-Qazwīnī, *Al-Ālūsī wa al-Tashayyu'* (Qom: Markaz al-Ghadīr li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, 1420H), 210; al-Āmidī, *Abkār al-Afkār*, 5: 124-125; Ibn 'Aṭiyyah, *Abhā al-Murād*, 1: 184.
[185] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 282.
[186] A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 24.

University of Malaya

berdasarkan riwayat-riwayat Syiah. Justeru, pelantikan ‘Umar sebagai khalifah juga tidak sah kerana dilantik oleh orang yang tidak sah pelantikannya iaitu Abū Bakr.[187]

b) Para *al-sahabah* sendiri tidak menyenangi kekhalifahan ‘Umar disebabkan oleh keburukan akhlaknya. Para pimpinan Muhājirīn seperti Ṭalḥah dan al-Zubayr tidak bersetuju dengan pilihan Abū Bakr untuk menggantikan ‘Umar sebagai khalifah selepasnya, mereka berdua pergi menemui Abū Bakr sambil menyatakan pendirian agar ‘Umar tidak dilantik kerana sikap kasar dan kerasnya.[188] Oleh yang demikian, pelantikan ‘Umar dibuat tanpa keredaan para *al-sahabah*, justeru ‘Umar hilang kelayakan untuk dilantik sebagai khalifah.

c) Kaedah pelantikan ‘Umar adalah menyalahi Sunnah Rasulullah SAW dan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sendiri. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah telah berijmak bahawa Rasulullah SAW tidak menamakan sesiapa pun sebagai pengganti sehingga kewafatan Baginda SAW. Namun, apa yang dilakukan oleh Abū Bakr bertentangan dengan perbuatan Rasulullah SAW apabila beliau menamakan ‘Umar sebagai penggantinya sebelum meninggal dunia. Ini menunjukkan, perbuatan kedua-dua khalifah tersebut adalah batil. Perbuatan Abū Bakr batil kerana beliau telah menamakan pengganti selepasnya dan ini menyalahi perbuatan Rasulullah SAW yang tidak menamakan pengganti. Perbuatan ‘Umar lebih buruk kerana menyalahi Rasulullah SAW dan Abū Bakr apabila melantik enam orang sebagai ahli syura untuk memilih khalifah selepasnya. Jika kedua-duanya beralasan tidak menamakan

---

[187] Abū Ja‘far al-Iskāfī, *al-Mi‘yār wa al-Muwāzanah* (Beirut: T.P, 1402H), 48; Ibn ‘Aṭiyyah, *Abhā al-Murād*, 1: 239; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 30: 436; Sayyid ‘Ali al-Milanī, *Nafaḥāt al-Azhār* (Qom: Mahr, 1414H), 140.

[188] Muḥammad bin Muḥammad al-Mufīd, *al-Jamal wa al-Nuṣrah li Sayyid al-‘Itrah fī Ḥarb al-Baṣrah* (Qom: Mu’tamar al-Shaykh al-Mufīd, 1413H), 59; Faḍl bin Shadhān al-Nayshābūrī, *al-Īḍāh* (Tehran: Intishārāt Danshagāh, 1363H), 147; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 1: 164; al-Nabāṭī, *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*, 2: 305.

University of Malaya

pengganti adalah batil, secara tidak langsung ia akan menyandarkan kebatilan kepada Rasulullah SAW. Kesimpulannya, kekhalifahan Abū Bakr dan ‘Umar adalah batil.[189]

3.6.2.3 Menolak kekhalifahan ‘Uthmān bin ‘Affān

Menurut Khair Izzah, pelantikan ‘Uthmān bin ‘Affān sebagai khalifah turut melalui prosedur yang sama. Ia berlaku selepas ‘Umar al-Khaṭṭāb ditikam yang membawa kepada kematiannya. Beliau menyerahkan urusan pelantikan khalifah kepada enam orang indvidu iaitu ‘Uthmān bin ‘Affān, Ṭalḥah bin ‘Ubayd Allāh, Zubayr bin al-‘Awwām, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf, Sa‘d bin Abī Waqqāṣ dan ‘Alī bin Abī Ṭālib. Setelah saringan, ‘Uthmān dan ‘Alī kekal tidak mahu menarik diri. ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf lalu melantik dirinya sebagai orang tengah bagi mengadili siapa yang lebih berhak untuk menyandang jawatan khalifah antara dua calon tersebut. ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf meletakkan syarat, setiap khalifah yang dilantik perlu menurut landasan al-Qur’ān, al-Sunnah serta amalan-amalan yang telah dilaksanakan oleh Abū Bakr dan ‘Umar. ‘Alī menentang syarat tersebut, sebaliknya ia diterima oleh ‘Uthmān sehingga melayakkan beliau dilantik sebagai khalifah menggantikan ‘Umar.[190]

Pelantikan ‘Uthmān sebagai khalifah ditentang oleh ‘Ammār bin Yāsir dan disokong al-Miqdād bin al-Aswad. Dalam kekalutan itu, ‘Alī diriwayatkan bahawa telah berkata:

> “Ini bukanlah kali pertama kamu menyingkirkan hak khalifah daripada kami. Bersabar itu lebih baik dan kepada Allah sahajalah kami memohon pertolongan terhadap apa yang kamu sifatkan. Demi Allah, kamu tidak akan melantik ‘Uthmān melainkan jawatan itu akan dikembalikan kepada kamu semula. Sesungguhnya Allah, bagi-Nya kesibukan setiap masa.”[191]

---

[189] Al-Qazwīnī, *Al-Ālūsī wa al-Tashayyu‘*, 191; al-Kūfī, *al-Istighāthah,* 184; ‘Alī al-Ḥusaynī al-Mīlānī (1413h), *al-Imāmah fī Ahamm al-Kutub al-Kalāmiyyah wa ‘Aqīdah al-Shī‘ah al-Imāmiyyah*. Qom: al-Sharīf al-Riḍā, 1413H), 118.
[190] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 283.
[191] *Ibid.*, 284. Dinukilkan oleh Khair Izzah dari *al-Kāmil fī al-Tārīkh*.

University of Malaya

Pendirian ini selaras dengan pendapat para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang menafikan kekhalifahan ‘Umar kerana beliau dilantik oleh seorang khalifah yang tidak sah iaitu Abū Bakr. Demikian juga menafikan kekhalifahan ‘Uthmān kerana beliau dilantik menerusi ahli syura yang dibentuk oleh khalifah yang tidak sah iaitu ‘Umar.[192] Oleh yang demikian, kekhalifahan ‘Uthman juga ditolak oleh ‘Alī bin Abī Ṭālib. Disebutkan dalam riwayat-riwayat Syiah, bagaimana ‘Alī mengingatkan ahli syura mengenai hak beliau sebagai khalifah atau imam yang sepatutnya ditunaikan oleh para *al-sahabah*, namun para *al-sahabah* tetap mengekalkan pelantikan ‘Uthmān atas dasar ‘Uthmān boleh dijadikan sekutu mereka untuk beroleh sebarang manfaat. Antaranya riwayat berikut:

"عَنْ جَابِرٍ الْجُعْفِي عَنْ أَبِي جَعْفَرٍ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ الْبَاقِرِ عَلَيْهِ وَ عَلَى آبَائِهِ السَّلَامُ قَالَ إِنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ لَمَّا حَضَرَتْهُ الْوَفَاةُ وَ أَجْمَعَ عَلَى الشُّورَى بَعَثَ إِلَى سِتَّةِ نَفَرٍ مِنْ قُرَيْشٍ إِلَى عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ وَ إِلَى عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ وَ إِلَى الزُّبَيْرِ بْنِ الْعَوَّامِ وَ إِلَى طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدِ اللَّهِ وَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ وَ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ وَ أَمَرَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوا إِلَى الْبَيْتِ وَ لَا يَخْرُجُوا مِنْهُ حَتَّى يُبَايِعُوا لِأَحَدِهِمْ- فَإِنِ اجْتَمَعَ أَرْبَعَةٌ عَلَى وَاحِدٍ وَ أَبَى وَاحِدٌ أَنْ يُبَايِعَهُمْ قُتِلَ وَ إِنِ امْتَنَعَ اثْنَانِ وَ بَايَعَ ثَلَاثَةٌ قُتِلَا فَأَجْمَعَ رَأْيُهُمْ عَلَى عُثْمَانَ فَلَمَّا رَأَى أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ ع مَا هَمَّ الْقَوْمُ بِهِ مِنَ الْبَيْعَةِ لِعُثْمَانَ قَامَ فِيهِمْ لِيَتَّخِذَ عَلَيْهِمُ الْحُجَّةَ فَقَالَ ع لَهُمْ-اسْمَعُوا مِنِّي كَلَامِي فَإِنْ يَكُ مَا أَقُولُ حَقّاً فَاقْبَلُوا وَ إِنْ يَكُ بَاطِلًا فَأَنْكِرُوا ثُمَّ قَالَ أَنْشُدُكُمْ بِاللَّهِ الَّذِي يَعْلَمُ صِدْقَكُمْ إِنْ صَدَقْتُمْ وَ يَعْلَمُ كَذِبَكُمْ إِنْ كَذَبْتُمْ هَلْ فِيكُمْ أَحَدٌ صَلَّى الْقِبْلَتَيْنِ كِلْتَيْهِمَا غَيْرِي؟ قَالُوا لا ...قَالَ لَهُمْ أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ ع أَمَّا إِذَا أَقْرَرْتُمْ عَلَى أَنْفُسِكُمْ وَ اسْتَبَانَ لَكُمْ ذَلِكَ مِنْ قَوْلِ نَبِيِّكُمْ- فَعَلَيْكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَ أَنْهَاكُمْ عَنْ سَخَطِهِ وَ لَا تَعْصُوا أَمْرَهُ وَ رُدُّوا الْحَقَّ إِلَى أَهْلِهِ وَ اتَّبِعُوا سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ فَإِنَّكُمْ إِنْ خَالَفْتُمْ خَالَفْتُمُ اللَّهَ فَادْفَعُوهَا إِلَى مَنْ هُوَ أَهْلُهُ وَ هِيَ لَهُ قَالَ فَتَغَامَزُوا فِيمَا بَيْنَهُمْ وَ تَشَاوَرُوا وَ قَالُوا قَدْ عَرَفْنَا فَضْلَهُ وَ عَلِمْنَا أَنَّهُ أَحَقُّ النَّاسِ بِهَا وَ لَكِنَّهُ رَجُلٌ لَا يُفَضِّلُ أَحَداً عَلَى أَحَدٍ فَإِنْ وَلَّيْتُمُوهَا إِيَّاهُ جَعَلَكُمْ وَ جَمِيعَ النَّاسِ فِيهَا شَرَعاً سَوَاءً وَ لَكِنْ وَلُّوهَا عُثْمَانَ فَإِنَّهُ يَهْوَى الَّذِي تَهْوَونَ فَدَفَعُوهَا إِلَيْه."

Terjemahan:

[192] Ibn ‘Aṭiyyah, *Abhā al-Murād*, 1: 239; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 30: 436; Sayyid ‘Ali al-Milanī, *Nafaḥāt al-Azhār* (Qom: Mahr, 1414H), 9: 140.

University of Malaya

"Daripada Jābir al-Ju'fī, daripada Abī Ja'far Muḥammad bin 'Alī al-Bāqir, beliau berkata: Bahawa 'Umar bin al-Khaṭṭāb setelah kewafatannya, dan bersetuju untuk menubuhkan *shūrā*, beliau telah melantik enam orang Qurasyh iaitu 'Alī bin Abī Ṭālib, 'Uthmān bin 'Affān, al-Zubayr bin al-'Awwām, Ṭalḥah bin 'Ubayd Allāh, 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf dan Sa'd bin Waqqāṣ. Beliau (dalam wasiatnya) telah memerintahkan mereka masuk ke dalam rumah dan tidak keluar daripadanya hingga mereka dapat membaiah salah seorang daripada mereka. Jika empat orang berkumpul (memberi baiah), sedangkan seorang tidak bersetuju membaiah mereka, maka dia dibunuh. Sekiranya dua orang tidak bersetuju, dan tiga orang berbaiah, dibunuh dua orang itu. Lalu mereka sependapat berijmak melantik 'Uthmān, ketika Amīr al-Mu'minīn ('Alī) melihat keseriusan mereka untuk memberi baiah kepada 'Uthmān, beliau bangun untuk berhujah ke atas mereka dengan berkata: Kamu dengarkan kata-kata daripadaku, jika apa yang aku katakan benar, maka kamu terimalah, jika batil maka kamu engkarilah. Kemudian beliau berkata: Aku bertanya kepada kamu, demi Allah yang Maha Mengetahui kejujuran kamu jika kamu jujur dan Dia Maha Mengetahui pendustaan kamu jika kamu berdusta, adakah seseorang daripada kamu solat menghadap dua kiblat selainku? Mereka menjawab: Tidak... ('Alī seterusnya menyatakan pelbagai kelebihannya dengan panjang lebar) Lalu Amīr al-Mu'minīn berkata kepada mereka: Adapun sekiranya kamu sendiri telah mengakui dan telah jelas bagi kamu yang demikian daripada sabda Nabi kamu, maka hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah yang Esa tiada sekutu bagi-Nya, dan aku menegah kamu daripada kemurkaan-Nya, jangan kamu derhaka terhadap perintah-Nya, kembalikanlah sesuatu hak kepada ahlinya, ikutlah sunnah Nabi kamu, sesungguhnya jika kamu menyalahi, maka kamu menyalahi Allah, maka serahkanlah ia (baiah) kepada orang yang merupakan ahlinya dan ia (baiah) adalah baginya. Lalu mereka (ahli *shūrā*) saling berpandangan sesama sendiri dan berbincang. Mereka berkata: Kita telah mengetahui kelebihannya dan mengetahui dia orang yang lebih berhak dengannya (baiah), tetapi dia lelaki yang tidak melebihkan seseorang atas seorang yang lain, jika kamu serahkan baiah kepadanya, dia akan menjadikan kamu dan seluruh manusia itu sejalan dan sama, tetapi jika kamu serahkan kepada 'Uthmān, dia akan condong kepada yang kamu condong, lalu mereka menyerahkan baiah kepadanya ('Uthmān)."[193]

Dalam riwayat lain, 'Alī dengan jelas menolak pelantikan 'Uthmān sebagai khalifah dan enggan menunaikan baiah kepadanya. Riwayat menyebutkan:

"عن أبي الطفيل عامر بن واثلة، قال: كنت على الباب يوم الشورى، فارتفعت الأصوات بينهم، فسمعت عليا يقول: بايع الناس أبا بكر، و أنا و الله أولى بالأمر، و أحق منه، فسمعت و أطعت مخافة أن يرجع القوم كفارا يضرب بعضهم رقاب بعض بالسيف، ثم أولى بالأمر منه،

[193] Al-Ṭabarsī, *al-Iḥtijāj*, 1: 134-145; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār,* 31: 331-344; al-Khaw'ī, *Minhāj al-Barā'ah*, 3: 86-95.

فسمعت و أطعت مخافة أن يرجعوا بعدي كفارا، ثم أنتم تريدون أن تبايعوا عثمان إذا لا أسمع و لا أطيع."

Terjemahan:
"Daripada Abī al-Ṭufayl 'Āmir bin Wāthilah, beliau berkata: Aku berada di pintu pada hari *shūrā*, (aku terdengar) suara-suara saling meninggi antara mereka (ahli *shūrā*), aku mendengar 'Alī berkata: Orang ramai membaiah Abū Bakr, sedangkan aku demi Allah lebih utama akan urusan itu, lebih berhak daripadanya, namun aku patuh dan aku taat kerana bimbang umat Islam akan kembali kufur dengan saling berbunuhan sesama sendiri, kemudian Abū Bakr serahkan baiah kepada 'Umar, sedangkan aku lebih utama dengan urusan itu daripadanya, namun aku patuh dan taat kerana bimbang mereka akan kembali kufur selepasku, kemudian kamu semua ingin membaiah 'Uthmān, maka aku tidak akan patuh dan taat." [194]

'Alī juga tidak mempertahankan 'Uthmān apabila dibunuh oleh para pemberontak. Malah 'Alī menyalahkan 'Uthmān kerana mempertahankan jawatan khalifah yang bukan menjadi hak beliau.[195] Para *al-sahabah* lain yang menyokong 'Alī dan menolak kekhalifahan 'Uthmān adalah 'Ammār bin Yāsir dan al-Miqdād bin al-Aswad yang menolak untuk membaiah 'Uthmān pada hari syura.[196] 'Alī juga dikatakan telah mengutuk ketiga-tiga khalifah sebelum beliau terutamanya 'Uthmān, dalam khutbah sebaik sahaja beliau dilantik menjadi khalifah keempat. Beliau mengatakan:

"سبق الرجلان و قام الثالث كالغراب همّته بطنه، يا ويحه لو قص جناحه و قطع رأسه كان خيرا له، شغل عن الجنّة و النار امامه."

Terjemahan:
"Dua orang (Abū Bakr dan 'Umar) telah mendahului, bangkit yang ketiga seperti gagak, kepentingannya hanya perutnya, wahai terkutuk, kalau dikerat sayapnya dan dipotong kepalanya adalah lebih baik baginya, dia terlalai akan syurga dan neraka di hadapannya."[197]

---

[194] Muḥammad bin Ḥasan al-Ḥurr al-'Āmilī, *Ithbāt al-Hudāh bi al-Nuṣūṣ wa al-Mu'jizāt* (Beirut: al-A'lamī, 1425H), 3: 361-362; 'Alī bin Mūsā bin Ṭāwūs (1400h), *al-Ṭarā'if fī Ma'rifah Madhāhib al-Ṭawā'if* (Qom: al-Khiyām, 1400H), 2: 412.
[195] Al-Hilālī, *Kitāb Sulaym*, 2: 666; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 29: 46; al-Khaw'ī, *Minhāj al-Barā'ah*, 4: 161.
[196] Al-Mufīd, *al-Maqna'ah*, 122.
[197] 'Alī bin al-Ḥusayn al-Mas'ūdī, *Ithbāt al-Waṣiyyah li al-Imām 'Alī bin Abī Ṭālib* (Qom: Anṣāriyān, 1426H), 149; Ibn Ḥayyūn, *Sharḥ al-Akhbār*, 1: 382; Muḥammad bin Muḥammad al-Mufīd, *al-Irshād fī Ma'rifah Ḥijaj Allāh 'alā al-'Ibād* (Qom: Mu'tamar al-Shaykh al-Mufīd, 1413H), 1: 240; Taqiy bin Najm al-Ḥalabī, *Taqrīb al-*

University of Malaya

Kesimpulannya, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah menolak pelantikan ‘Uthmān bin ‘Affān atas dasar pelantikan beliau diatur oleh khalifah terdahulu yang juga tidak sah di sisi Syiah. A. Malik menyifatkan pelantikan ‘Uthmān ditentukan oleh ‘Umar berdasarkan syura dan bukan pilihan rakyat.[198] Pelantikan tersebut juga ditentang oleh ‘Alī dan beliau enggan memberi baiahnya kepada ‘Uthmān. Namun demikian, para *al-sahabah* tetap memilih ‘Uthmān kerana kepentingan peribadi masing-masing walaupun mengakui kelebihan ‘Alī dan mengetahui kedudukannya di sisi Rasulullah SAW.

Berdasarkan perbahasan dalam subtopik ini, adalah jelas bahawa ketiga-tiga pengkarya menafikan Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān sebagai Khulafa al-Rasyidin yang sah. Ini kerana, ketiga-tiga *al-sahabah* besar tersebut hanya dilantik oleh sebahagian umat Islam menerusi kaedah pelantikan yang dicipta sendiri dan bukan dilantik oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Malah ketiga-tiga mereka diistilahkan sebagai perampas jawatan khalifah daripada ‘Alī dan keturunannya. Justeru, Khulafa al-Rasyidin yang sebenar di sisi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah adalah para imam Ahl al-Bayt yang terdiri daripada dua belas orang, bermula dengan ‘Alī dan diakhiri dengan Muḥammad bin al-Ḥasan al-‘Askarī sebagaimana yang terkandung dalam riwayat-riwayat Syiah.

3.7 Pendirian Ahl al-Bayt terhadap *al-sahabah*

Sebelum dibentangkan pendirian Ahl al-Bayt terhadap para *al-sahabah*, perlu diketahui terlebih dahulu siapakah Ahl al-Bayt yang dimaksudkan oleh Shī‘ah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Ini kerana, terdapat perbezaan antara Shī‘ah Imāmiyyah Ithnā

Ma‘ārif, (Qom: al-Hādī, 1404H), 239; al-Māzindarānī, *Manāqib Āli*, 2: 115; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 1: 276.

[198] A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 27.

University of Malaya

‘Ashariyyah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dalam mendefinisikan Ahl al-Bayt. Hasil daripada perbezaan tersebut menghasilkan implikasi yang berlainan dalam memahami pendirian Ahl al-Bayt terhadap *al-sahabah*.

3.7.1 Definisi Ahl al-Bayt

Individu yang digelar sebagai Ahl al-Bayt terdiri daripada lima orang iaitu Rasulullah SAW, ‘Alī bin Abī Ṭālib, Fāṭimah al-Zahrā’, al-Ḥasan dan al-Ḥusayn.[199] Pendapat ini disepakati oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang mendefinisikan Ahl al-Bayt sebagai *aṣḥāb āl-kisā’* yang terdiri daripada lima orang iaitu Muḥammad SAW, ‘Alī bin Abī Ṭālib, Fāṭimah, Ḥasan dan Ḥusayn. Ia bersandarkan hadis *al-kisā’* yang masyhur, antaranya sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ummu Salamah r.a.:

"عن أم سلمة زوجة النبي ص أن رسول الله كان في بيتها على منامة لها عليه كساء خيبري فجاءت فاطمة ببرمة فيها حريرة فقال رسول الله ادعي زوجك و ابنيه حسنا و حسينا فدعتهم فبينما هم يأكلون إذ نزلت على النبي هذه الآية– إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَ يُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيراً قالت فأخذ رسول الله بفضل الكساء فغشاهم إياه ثم قال اللهم هؤلاء أهل بيتي و خاصتي فأذهب عنهم الرجس و طهرهم تطهيرا قالها النبي ص ثلاث مرات فأدخلت رأسي في الكساء فقلت يا رسول الله و أنا معكم فقال إنك إلى خير."

Terjemahan:
“Daripada Ummu Salamah, isteri Nabi SAW: Bahawa Rasulullah SAW sedang berada di dalam rumahnya di atas tempat tidurnya, baginya jubah Khaybar. Lalu datang Fāṭimah dengan membawa periuk berisi *ḥarīrah* (sejenis makanan daripada tepung), lalu Baginda bersabda kepada Fāṭimah: Panggil suami dan keduanya anak Ḥasan dan Ḥusayn. Lalu Fāṭimah memanggil mereka. Ketika mereka sedang makan bersama, tiba-tiba turun ayat (33 daripada surah al-Aḥzāb), “*Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai Ahl al-Bayt dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)*.” Ummu Salamah berkata: Lalu Rasulullah SAW mengambil baki jubahnya dan diselimutkan mereka dengannya kemudian bersabda: Wahai Allah, mereka adalah ahli keluargaku, ahli istimewaku, hilangkanlah daripada mereka kekotoran, dan sucikanlah

[199] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 151-156.

University of Malaya

mereka sesuci-sucinya. Nabi SAW menyebutnya tiga kali. Berkata Ummu Salamah: Aku masukkan kepalaku ke dalam jubah dan berkata: Wahai Rasulullah, aku bersama kamu. Rasulullah bersabda: Bahawa kamu kepada kebaikan."[200]

Dengan itu, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menolak pandangan para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang mengatakan bahawa Ahl al-Bayt adalah para isteri Rasulullah SAW secara khusus atau para isteri Rasulullah SAW dan keturunannya atau seluruh umat Muhammad SAW yang beriman.[201] Pendapat-pendapat Ahl al-Sunnah tersebut tertolak kerana pengertian Ahl al-Bayt amat jelas terkandung dalam banyak riwayat termasuk apa yang diriwayatkan dalam hadis-hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sendiri. Antaranya adalah hadis 'Ā'ishah r.a bahawa beliau berkata:

"Pada suatu pagi, Nabi SAW membaluti tubuhnya dengan kain yang diperbuat dari wool berwarna hitam. Setelah Ḥasan datang, Baginda memasukkannya dalam kain tersebut. Datang Ḥusayn, Baginda juga memasukkannya ke dalam kain. Kemudian datang Fatimah juga Baginda memasukkannya ke dalam kain. Setelah itu Baginda membaca ayat: *Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai Ahl al-Bayt dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)*."[202]

Termasuk dalam kalangan Ahl al-Bayt juga adalah dua belas orang imam (termasuk 'Alī) yang wajib diikuti. A. Malik telah menukilkan satu riwayat daripada 'Alī bahawa:

"Tiada seorang pun dari umat ini yang boleh menandingi keluarga Muhammad SAW, mereka adalah landasan agama dan tiang keyakinan. Mereka memiliki keistimewaan hak wilayah dan pada mereka terdapat wasiat dan warisan."[203]

---

[200] 'Ubayd Allāh bin 'Abd Allāh al-Ḥaskānī, *Shawāhid al-Tanzīl li Qawā'id al-Tafḍīl* (Tehran: Majma' Iḥyā' al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, 1411H), 2: 126; Yaḥyā bin al-Ḥasan bin Baṭrīq, *'Umdah 'Uyūn Ṣiḥāḥ al-Akhbār fī Manāqib Imām al-Abrār* (Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1407H), 33; Ibn Ṭāwūs, *al-Ṭarā'if*, 1: 125; al-Ḥillī, *Nahj al-Ḥaq*, 229; al-Ḥurr al-'Āmilī, *Ithbāt al-Hudāh,* 2: 309; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 35: 220.
[201] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 137-150.
[202] *Ibid.*, 152. Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Faḍā'īl, Bāb Faḍā'il Ahl Bayt al-Nabī ṣallā Allāh 'alayh wa sallam, no. hadis: 2424. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 1883.
[203] A.Malik menukilkan hadis ini daripada kitab *Ṣawā'iq al-Muḥriqah, Shawāhid al-Tanzīl* dan *Manāqib Ibn Maghazādī*. Beliau turut mengatakan hadis ini juga diriwayatkan dalam kitab-kitab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah iaitu *Yanābī' al-Mawaddah* dan *Farā'iḍ al-Simṭayn*. Lihat A.Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 21-22.

University of Malaya

A. Malik juga menukilkan satu lagi riwayat bahawa Rasulullah SAW sendiri telah menyenaraikan nama-nama dua belas orang imam Ahl al-Bayt yang bermula dengan ‘Alī. Riwayat tersebut disandarkan kepada Ibn ‘Abbās bahawa:

> “Berkata seorang Yahudi bernama Janadah bin Jubir telah datang bertemu Rasulullah SAW dan bertanya: Wahai Muhammad, kalau benarlah engkau Nabi, sebutkan siapakah para wasi nabi-nabi berikut seperti Musa, Isa dan wasi-mu (penerus risalah tetapi bukan nabi). Rasulullah SAW pun menjawab: Wasi Musa ialah Yusya‘ bin Nun (Joshua), wasi Isa pula ialah Syam‘un bin Yuhana (Simon Peter) dan wasi-ku ialah ‘Ali bin Abi Talib (Ilya). Yahudi itu bertanya lagi: Siapa lagi wasi kamu yang seterusnya? Rasulullah menceritakan kisah ghaib dengan menjawab: Selepas Ali digantikan oleh Hassan, selepas Hassan digantikan oleh Husain, selepas Husain digantikan oleh Ali Zainal Abidin, kemudian Muhammad al-Baqir, kemudian Ja’far bin as-Sodiq, kemudian Musa al-Kazim, kemudian Ali ar-Redha, kemudian Muhammad al-Jawad, kemudian Ali al-Hadi, kemudian Hassan Askari dan terakhir ialah Muhammad al-Mahdi al-Muntadzar. Setelah mendengar cerita ghaib itu, Yahudi tersebut mengakuinya lalu memeluk Islam. Riwayat tersebut telah diceritakan oleh Jabir bin Abd al-Ansar yang wafat ketika berumur 185 tahun.”[204]

Penyandaran dua belas orang imam kepada *aṣḥāb al-kisā’* adalah muktamad dalam iktikad Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Mereka itu adalah sembilan orang imam daripada keturunan Ḥusayn.[205] *Ayat al-ṭathīr* (surah al-Aḥzāb ayat 33) juga dikatakan turun kepada sembilan orang imam tersebut.[206] Malah terdapat banyak riwayat di sisi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang menamakan sembilan orang imam selepas ‘Alī, Ḥasan dan Ḥusayn menerusi pelbagai lafaz. Antaranya adalah riwayat yang hampir sama sebagaimana dinukilkan oleh A. Malik di atas:

"عنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَدِمَ يَهُودِيٌّ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ص يُقَالُ لَهُ نَعْثَلٌ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ إِنِّي أَسْأَلُكَ عَنْ أَشْيَاءَ تَلَجْلَجُ فِي صَدْرِي مُنْذُ حِينٍ فَإِنْ أَنْتَ أَجَبْتَنِي عَنْهَا أَسْلَمَتُ عَلَى يَدِكَ قَالَ سَلْ يَا أَبَا عُمَارَةَ فَقَال... يَا مُحَمَّدُ فَأَخْبِرْنِي عَنْ وَصِيِّكَ مَنْ هُوَ فَمَا مِنْ نَبِيٍّ إِلَّا وَ لَهُ وَصِيٌّ وَ إِنَّ نَبِيَّنَا

---

[204] *Ibid.*, 19.

[205] Al-Wirdānī, *‘Aqā’id al-Sunnah wa ‘Aqā’id al-Shī‘ah,* 211; al-Hilālī, *Kitāb Sulaym*, 1: 176; al-Qummī, *‘Uyūn Akhbār al-Riḍā*, 1: 57; al-Ḥalabī, *Taqrīb al-Ma‘ārif*, 421; al-Faḍl bin al-Ḥasan al-Ṭabarsī, *I‘lām al-Warā bi I‘lām al-Hudā* (Tehran: al-Islāmiyyah, 1390H), 396.

[206] Al-Hilālī, *Kitāb Sulaym*, 1: 176; al-Ḥurr al-‘Āmilī, *Ithbāt al-Hudāh*, 2: 245.

University of Malaya

مُوسَى بْنَ عِمْرَانَ أَوْصَى إِلَى يُوشَعَ بْنِ نُونٍ فَقَالَ نَعَمْ إِنَّ وَصِيِّي وَ الْخَلِيفَةَ مِنْ بَعْدِي عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ ع وَ بَعْدَهُ سِبْطَايَ الْحَسَنُ وَ الْحُسَيْنُ تَتْلُوهُ تِسْعَةٌ مِنْ صُلْبِ الْحُسَيْنِ أَئِمَّةٌ أَبْرَارٌ قَالَ يَا مُحَمَّدُ فَسَمِّهِمْ لِي قَالَ نَعَمْ إِذَا مَضَى الْحُسَيْنُ فَابْنُهُ عَلِيٌّ فَإِذَا مَضَى فَابْنُهُ مُحَمَّدٌ فَإِذَا مَضَى فَابْنُهُ جَعْفَرٌ فَإِذَا مَضَى جَعْفَرٌ فَابْنُهُ مُوسَى فَإِذَا مَضَى مُوسَى فَابْنُهُ عَلِيٌّ فَإِذَا مَضَى عَلِيٌّ فَابْنُهُ مُحَمَّدٌ فَإِذَا مَضَى مُحَمَّدٌ فَابْنُهُ عَلِيٌّ فَإِذَا مَضَى عَلِيٌّ فَابْنُهُ الْحَسَنُ فَإِذَا مَضَى الْحَسَنُ فَبَعْدَهُ ابْنُهُ الْحُجَّةُ بْنُ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ ع فَهَذِهِ اثْنَا عَشَرَ إِمَاماً عَلَى عَدَدِ نُقَبَاءِ بَنِي إِسْرَائِيل..."

Terjemahan:
Daripada Ibn ‘Abbās, beliau berkata: Seorang Yahudi bergelar Na‘thal telah datang menemui Rasulullah SAW lalu berkata: Wahai Muḥammad! Aku ingin bertanya kepadamu tentang perkara yang bermain-main di dalam hatiku semenjak beberapa ketika, sekiranya kamu dapat menjawabku mengenainya, aku akan memeluk Islam di tanganmu. Baginda berkata: Tanyalah wahai Abū ‘Umārah. Lalu beliau bertanya… : Wahai Muḥammad, engkau khabarkan kepadaku tentang siapa *waṣī*-mu. Tiada nabi kecuali ada baginya *waṣī*. Sesungguhnnya nabi kamu, Mūsā bin ‘Imrān mewasiatkan kepada Yūsha‘ bin Nūn. Baginda menjawab: Ya, sesungguhnya *waṣī*-ku dan khalifah selepasku adalah ‘Alī bin Abī Ṭālib, selepasnya, dua cucuku al-Ḥasan dan al-Ḥusayn, kemudian diikuti sembilan orang daripada keturunan al-Ḥusayn, para imam yang *abrār*. Beliau berkata: Wahai Muḥammad, engkau namakanlah mereka untukku. Baginda menjawab: Ya, apabila wafat al-Ḥusayn, maka anaknya ‘Alī, apabila wafat ‘Alī, maka anaknya Muḥammad, apabila wafat Muḥammad, maka anaknya Ja‘far, apabila wafat Ja‘far, maka anaknya Mūsā, apabila wafat Mūsā, maka anaknya ‘Alī, apabila wafat ‘Alī, maka anaknya Muḥammad, apabila wafat Muḥammad, maka anaknya ‘Alī, apabila wafat ‘Alī, maka anaknya al-Ḥasan, apabila wafat al-Ḥasan, maka selepasnya anaknya al-Ḥujjah bin al-Ḥasan bin ‘Alī, maka ini merupakan dua belas orang imam berdasarkan bilangan nuqabā’ Banī Isrā’īl…”[207]

Faisal Tehrani ketika berhujah mempertahankan kebenaran ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah turut membawakan riwayat yang menjelaskan siapakah Ahl al-Bayt itu dan kedudukannya di sisi Allah SWT dan Rasul-Nya. Beliau menukilkan hadis berikut:

[207] ‘Alī bin Muḥammad al-Khazzāz al-Rāzī, *Kifāyah al-Athar fī al-Naṣ ‘alā al-A’immah al-Ithnā ‘Ashar* (Qom: Baydar, 1401H), 11-14; Yūsuf bin Ḥātim al-Shāmī, *al-Durr al-Naẓīm fī Manāqib al-A’immah al-Lahāmīm* (Qom: Mu’assasah al-Nashr al-Islāmī, 1420H), 788-789; ‘Alī bin Yūsuf al-Ḥillī, *al-‘Adad al-Qawiyyah li Daf’ al-Makhāwif al-Yawmiyyah* (Qom: Maktabah Āyah Allāh al-Mar‘ashī al-Najafī, 1408H), 81-82; al-Nabāṭī, *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*, 2: 142; al-Ḥurr al-‘Āmilī, *Ithbāt al-Hudāh*, 2: 150; Hāshim bin Sulaymān al-Baḥrānī, *al-Inṣāf fī al-Naṣ ‘alā al-A’immah al-Ithnā ‘Ashar* (Tehran: Maktabah Nashr al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, 1420H), 336.

> "Rasulullah bersabda: Ketika Allah SWT menciptakan Nabi Adam, ayahanda manusia dan baginda ditiupkan roh. Adam lantas menoleh ke kanan Arasy dan melihat lima bayangan cahaya dalam keadaan rukuk dan sujud, lalu Adam berkata: Wahai Tuhanku, apakah Engkau telah menciptakan seseorang dari tanah sebelumku? Allah berfirman: Tidak, wahai Adam. Selanjutnya Adam berkata: Jika demikian, lalu siapa cahaya yang menyerupai bentuk dan wajahku? Allah berfirman: Mereka akan menjadi anak-anakmu, yang andaikan bukan kerana mereka Aku tidak akan menciptakanmu. Mereka adalah lima manusia yang untuk mereka lima asma dari asma-asma-Ku dan dengan asma itu, Aku memberi nama kepada mereka. Jika tidak kerana mereka, tidak Aku ciptakan syurga dan neraka, Arasy dan kursi, langit dan bumi, jin dan manusia. Aku adalah Mahmud (Zat Yang Mulia), dan ini Muhammad, Aku adalah Ali (Zat Yang Maha Tinggi) dan ini Ali, Aku adalah Fathir (Zat Yang Menyelimuti) dan ini Fatimah, Aku adalah Ihsan (Zat Yang Maha Baik) dan ini adalah Hasan, Aku adalah Muhsin (Zat Yang Berbuat Kebaikan) dan ini Husin. Dengan kemulian-Ku, Aku bersumpah tidak seorang pun yang membawa kemarahan dan kebencian mereka kepada-Ku kecuali Aku akan lemparkan ke dalam neraka-Ku dan Aku tidak menyesal atas perbuatan-Ku ini. Wahai Adam, mereka adalah terpilih antara makhluk-makhluk yang Aku ciptakan. Dengan mereka, Aku memberi kemudahan. Kerana mereka Aku memberi kehancuran… Rasulullah SAW bersabda, "Keluargaku adalah bahtera penyelamat. Siapa yang berpegang kepadanya akan selamat dan siapa yang menjauh darinya akan binasa. Setiap manusia yang memerlukan sesuatu daripada Allah, memohonlah kepada Allah dengan perantara kami, ahlul bait."[208]

Berdasarkan dalil-dalil di atas, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berpandangan bahawa Ahl al-Bayt hanya terdiri daripada 'Alī bin Abī Ṭālib, Fāṭimah, Ḥasan, Ḥusayn dan sembilan orang imam daripada keturunan Ḥusayn. Kesemua mereka dianggap maksum iaitu terpelihara daripada segala dosa dan maksiat sebagaimana para nabi dan rasul.[209] Manakala isteri-isteri Nabi SAW tidak termasuk dalam pengertian Ahl al-Bayt kerana berdasarkan hadis *al-kisā'*, Nabi SAW tidak membenarkan Ummu Salamah turut masuk ke dalamnya.[210] Justeru, Ahl al-Bayt menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah hanya terbatas kepada

---

[208] Faisal Tehrani memetik hadis ini yang disandarkan kepada Ja'far al-Ṣādiq daripada buku *Konsep Tuhan Menurut Islam* karangan Yasin T. Al-Jibouri yang menukilkan hadis ini daripada kitab *Ma'ānī al-Akhbār* karya al-Ṣadūq. Lihat Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 56-57.

[209] Al-Subḥānī, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*, 204-206.

[210] Sayyid Muḥsin Kharāzī, *Bidayah al-Ma'ārif al-Ilāhiyyah fī Sharḥ al-'Aqa'id al-Imāmiyyah* (Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1417H), 2: 71; Sayyid Ḥāshim Baḥrānī (1422h), *Ghāyah al-Murām wa Ḥujjah al-Khiṣām fī Ta'yīn al-Imām min Tarīq al-Khāṣ wa al-'Ām* (Beirut Mu'assasah al-Ta'rīkh al-'Arabī, 1422H), 3: 176; Baḥrānī, Shaykh 'Alī, *Mannār al-Hudā fī al-Naṣ 'alā Imāmah al-A'immah al-Ithnā 'Ashar* (Beirut: Dār al-Muntaẓar, 1405H), 661.

University of Malaya

keturunan ‘Alī, Fāṭimah, Ḥasan dan Ḥusayn sahaja. Selain daripada mereka tidak dianggap sebagai Ahl al-Bayt yang memiliki keistimewaan-keistimewaan tertentu.

3.7.2 Hadis-hadis Ahl al-Bayt

Oleh yang demikian, untuk mengetahui pendirian Ahl al-Bayt terhadap para *al-sahabah* menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, ia perlu diambil daripada hadis-hadis mereka yang diriwayatkan menerusi jalan Ahl al-Bayt. Ini kerana, terdapat perbezaaan definisi hadis antara Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, hadis atau sunnah adalah apa sahaja yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan atau perakuan atau sifat, tiada lagi yang maksum selepas Nabi SAW.[211] Manakala bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, hadis ialah apa sahaja yang terbit daripada yang maksum sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan atau perakuan, kecuali yang maksum itu tidak terhad hanya kepada Rasulullah SAW sahaja, namun termasuk para imam yang dua belas.[212]

Dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berbahasa Melayu, didapati banyak riwayat yang disandarkan daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib. Ini kerana, ‘Alī merupakan imam pertama yang diwasiatkan oleh Rasulullah SAW menurut iktikad Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Justeru, banyak hadis dalam karya-karya Syiah yang diriwayatkan secara langsung daripada ‘Alī bagi menggambarkan pendirian Ahl al-Bayt itu sendiri. Lebih-lebih lagi apabila ‘Alī sendiri memperakui kelebihan Ahl al-Bayt dengan mengatakan, “*Tiada seorang pun dalam kalangan umat ini yang boleh dikiaskan dengan ahli keluarga*

---

[211] Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2004), 9.

[212] Muḥammad bin Ḥusayn al-Bahā’ī, *al-Wajīzah fī ‘Ilm al-Dirāyah* (Qom: Baṣīratī, 1398H), 4; Muḥammad al-Ḥusaynī al-Shīrāzī, *al-Waṣā’ilā al-Rasā’il* (Qom: Mu’assasah ‘Āshūrā’, 1422H), 2: 370; Muḥammad Riḍā al-Muẓaffar, *Uṣūl al-Fiqh* (Qom: Mu’asassah al-Nashr al-Islāmī, t.t), 3: 64.

University of Malaya

Muhammad…bagi mereka hak wilāyah dan pada mereka (diberikan) wasiat dan warisan."[213] Bahkan 'Alī menegaskan beliau merupakan ketua kepada para *waṣī*[214] dan 'Alī juga telah mewasiatkan kepada anaknya Ḥasan sebagai *waṣī* atau khalifah selepasnya. 'Alī bin Ḥusayn (Imam Keempat) dan Muḥammad bin 'Alī (Imam Kelima) telah menyebutkan wasiat 'Alī yang mengatakan, "*Wahai anakku, aku diperintahkan Rasulullah SAW untuk berwasiat kepadamu, untuk menyerahkan kepada kamu kitab-kitabku dan senjataku, sebagaimana Rasulullah SAW mewasiatkan kepadaku dan menyerahkan kitab-kitab dan senjatanya kepadaku.*"[215] Demikian para imam Ahl al-Bayt itu diwasiat dan dinaskan seorang demi seorang sebagaimana yang dipercayai oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.

3.7.2.1 Sikap 'Alī terhadap *al-sahabah*

Dalam isu *al-sahabah*, pendirian paling utama yang dizahirkan oleh 'Alī bin Abī Ṭālib adalah ketika peristiwa pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah yang pertama sebagaimana dinukilkan Khair Izzah:

> "Imam berkata kepada Abu Bakar: Aku adalah hamba Allah dan saudara RasulNya! Lalu berkatalah seseorang kepadanya: Bai'atlah Abu Bakar! Beliau menjawab: Aku lebih berhak terhadap jawatan ini, dan aku tidak akan membai'at kamu kerana kamu lebih patut membai'atku. Kamu mengambil jawatan ini dari golongan Ansar dengan berhujjah kekerabatan kamu di sisi Nabi, sedangkan kamu mengambilnya dari kami Ahlul Bait secara rampasan. Kamu membuat dakwaan ke atas golongan Ansar bahawa kamu lebih layak bagi jawatan tersebut kerana di sisi kamu Rasulullah, lalu mereka menyerahkan kepada kamu tampok pemerintahan. Sekarang, aku berhujjah dengan kamu sepertimana kamu berhujjah dengan golongan Ansar bahawasanya kami (Ahlul Bait) lebih layak di sisi Rasulullah di waktu hidup atau mati. Dari itu, kembalikanlah ia kepada kami sekiranya kamu orang-orang yang benar. Jika tidak kamu sebenarnya telah mengembalikan semula kezaliman sedang kamu menyedarinya. Lantas Umar berkata: Engkau tidak akan dibiarkan begitu sahaja hinggalah engkau memberi bai'at! Imam (Ali)

---

[213] Muḥammad bin Ḥusayn al-Sharīf al-Riḍā, *Nahj al-Balāghah* (Qom: al-Hijrah, 1414H), 47; al-Āmilī al-Ṭabarī, *Dalā'il al-Imāmah*, 21; 'Alī bin Muḥammad al-Laythī al-Wāsiṭī, *'Uyūn al-Ḥikam wa al-Mawā'iẓ* (Qom: Dār al-Ḥadīth, 1418H), 535; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 23: 117.

[214] Ibrāhīm bin Muḥammad al-Thaqafī, *al-Ghārrāt aw al-Istinfār wa al-Ghārrāt* (Qom : Dār al-Kitāb al-Islāmī, 1410H) 2: 854; al-Kulaynī, *al-Kāfī*, 5: 513.

[215] 'Alī al-Aḥmadī al-Miyānijī, *Makātīb al-A'immah 'alayhim al-salām* (Qom: Dār al-Ḥadīth, 1419H), 2: 244.

University of Malaya

menjawab: Perahlah susu dengan sekali perahan, dan untukmu separuh darinya. Berilah sokongan penuhmu kepadanya (Abu Bakar) agar dia menyerahkannya (jawatan khalifah) kepadamu esok! Imam Ali meneruskan kata-katanya: Demi Allah wahai Umar, aku tidak menerima kata-katamu dan aku tidak mungkin akan membai'at! Lantas Abu Bakar berkata: Sekiranya dia tidak mahu membai'at, maka aku tidak mahu memaksanya. Setelah rumah imam dikepung oleh sekumpulan para *al-sahabah*, bahkan diancam untuk dibakar jika mereka tidak mahu keluar memberikan bai'at. Maka, beberapa orang dari pengikut imam merasa takut lalu menyatakan persetujuan dan hanya tinggal beberapa orang sahaja yang tetap setia bersama imam. Setelah itu, Imam Ali diheret keluar bertemu dengan Abu Bakar dan di situ penyokong Abu Bakar berkata kepadanya: Bai'atlah Abu Bakar! Imam menjawab: Kalau aku tidak mahu membai'at, apa yang akan kamu lakukan? Mereka berkata: Demi Allah yang tiada Tuhan selain-Nya, kami akan pancung lehermu! Imam menjawab: Jadi kamu sanggup membunuh seorang hamba Allah dan saudara Rasul-Nya? Lalu Umar mencelah berkata: Kamu memang seorang hamba Allah tetapi bukan saudara Rasulullah! Ketika pertengkaran sedang hangat berlaku, Abu Bakar hanya diam membisu tanpa berkata-kata walau sepatah. Melihatkan keadaan itu, Umar berkata kepada Abu Bakar: Apakah kamu tidak mahu mengeluarkan sebarang arahan terhadap tindakan Ali ini? Abu Bakar menjawab: Aku tidak mahu memaksanya selagi Fatimah berada di sisinya. Setelah itu, Imam Ali dilepaskan lalu beliau berlari ke kubur Rasulullah, sambil menangis dan meratap beliau berkata: Wahai sepupuku, sesungguhnya kaum itu menghinaku dan mahu membunuhku. Setelah sessi dialog ini berlangsung, Imam Ali a.s dibiarkan tanpa berbai'at hinggalah kewafatan isterinya Fatimah az-Zahra' selama 6 bulan."[216]

Riwayat di atas jelas menunjukkan 'Alī tidak bersetuju sama sekali dengan pelantikan Abū Bakr bahkan 'Umar sebagai khalifah. Begitu juga ketika pelantikan 'Uthmān, beliau sekali lagi membangkitkan hak yang dimilikinya untuk memegang jawatan tersebut. 'Alī berkata kepada golongan yang menentangnya ketika 'Uthmān terpilih menjadi khalifah:

"Ini bukanlah kali pertama kamu menyingkirkan hak khilafah daripada kami. Bersabar itu lebih baik dan kepada Allah sahajalah kami memohon pertolongan terhadap apa yang kamu sifatkan. Demi Allah, kamu tidak melantik Uthman kecuali jawatan itu akan dikembalikan kepada kamu semula."[217]

[216] Khair Izzah mendakwa memetik dialog di atas daripada karya ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berjudul *al-Imāmah wa al-Siyāsah* karangan Ibn Qutaybah al-Daynūrī. Lihat Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 302-304.

[217] Khair Izzah menukilkan riwayat ini daripada kitab *al-Kāmil fī al-Tārīkh, Tārīkh al-Khulafā', Tārīkh Dimashq* dan *al-Imāmah wa al-Siyāsah*. *Ibid.*, 284.

University of Malaya

Manakala ketika ‘Alī menjadi khalifah, beliau telah menzahirkan kekecewaannya terhadap para *al-sahabah* yang dianggap telah mengkhianatinya sejak daripada kewafatan Rasulullah SAW. Beliau kembali mengingatkan para *al-sahabah* terhadap pelantikan beliau sebagai khalifah di Ghādir Khum. Sebahagian *al-sahabah* mengakuinya dan sebahagian yang lain sengaja melupakannya hingga bersumpah agar perbuatan mereka itu dibalas oleh Allah SWT. Hal ini disebutkan dalam sesetengah riwayat seperti mana dinukilkan oleh Khair Izzah seperti berikut:

> “Ketika pemerintahan imam Ali a.s, beliau telah berkhutbah di dataran Rahbah dengan berkata: Aku harap sesiapa di antara umat Islam yang pernah mendengar Rasulullah telah bersabda di Ghadir Khum: Siapa yang menjadikan aku pemimpinnya, maka Ali adalah pemimpinnya, hendaklah ia bersumpah dan memberi penyaksian ke atas apa yang telah ia dengari. Janganlah sesiapa berdiri melainkan orang itu benar-benar menyaksikannya dengan kedua belah matanya dan mendengar dengan kedua telinganya! Mendengarkan ucapan perintah tersebut, maka berdirilah 30 orang para *al-sahabah* Nabi. 12 orang di antara mereka adalah *al-sahabah* yang pernah menyertai perang Badar. Mereka lalu memberikan penyaksian dengan bersumpah bahawa baginda Rasul telah mengangkat tangan Ali sambil bersabda: Tahukah kamu bahawa aku ini lebih utama dari diri-diri orang mukimin dari diri mereka sendiri? Mereka menjawab: Benar! Lalu Nabi bersabda lagi: Barangsiapa yang menjadikan aku ini pemimpinnya, maka Ali adalah pemimpinnya. Ya Allah, pimpinlah orang yang menjadikannya pemimpin dan musuhilah orang yang memusuhinya. Namun begitu, sebahagian para *al-sahabah* yang pernah hadir di Ghadir Khum dan mendengarkan sabdaan tersebut tidak berdiri membuat penyaksian diantaranya Anas bin Malik. Setelah melihat Anas tidak mahu berdiri dan memberikan penyaksian, Imam Ali lalu turun dari mimbar menuju kepadanya dan berkata: Wahai Anas, mengapa kamu tidak bangun memberikan penyaksianmu seperti mereka? Anas menjawab: Wahai Amirul mukminin, usiaku sudah lanjut dan aku terlupa. Imam lalu berkata: Jika kamu berbohong, maka Allah akan menimpakan ke atasmu penyakit sopak (keputihan di ruangan kulit) yang tidak dapat ditutupi dengan serban! Belum pun sempat Anas bangun dari tempat duduknya, tiba-tiba wajahnya menjadi belang (bertompok-tompok) lalu dia berkata: Aku telah terkena sumpahan doa seorang hamba soleh kerana aku menyembunyikan penyaksian. Peristiwa ini sangat masyhur dan telah disebutkan oleh Ibnu Qutaibah di dalam kitabnya Al-Ma’arif dan beliau menggolongkan Anas dalam golongan orang-orang cacat bagi kategori penyakit sopak. Begitu juga Ahmad bin Hanbal dalam Musnadnya telah menyebutkan riwayat yang berbunyi: “…..maka berdirilah mereka kecuali tiga orang yang tidak mahu berdiri lalu mereka terkena sumpahan doanya”. Tiga orang yang dimaksudkan menerusi hadits riwayat Ahmad tersebut ada dinyatakan oleh al-Baladzuri di dalam kitabnya Ansabul Asraf dengan menyambung riwayat tersebut. Katanya: Aku bawakan peristiwa

University of Malaya

> sumpahan imam Ali ke atas persaksian itu. Di bawah mimbar tersebut adalah Anas bin Malik, al-Bara' bin 'Azib dan Jarir bin Abdullah al-Bajali. Setelah itu imam Ali mengulangi permintaannya tetapi tiada sesiapa yang menyahutnya. Maka imam lantas berdoa: "Ya Allah, sesiapa yang menyembunyikan persaksian sedang mereka mengetahuinya, maka janganlah Engkau mematikan mereka melainkan setelah Engkau jadikan padanya satu tanda yang dapat dikenali padanya." Anas bin Malik menjadi sopak, al-Bara' menjadi buta dan Jarir kembali menjadi murtad setelah berhijrah kemudian bersatu bersama puak Khawarij dan mati di rumah ibunya. Peristiwa ini sangat masyhur dan dinukil oleh sekumpulan besar dari kalangan ahli sejarah."[218]

Ini bererti, menurut pandangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, 'Alī tidak menerima pelantikan ketiga-tiga khalifah yang disandang oleh para *al-sahabah* sebelumnya. Walaupun 'Alī dilihat tidak menentang musuh-musuh yang telah merampas hak beliau sebagai khalifah, namun 'Alī bertegas mempertahankan kedudukannya sebagai Ahl al-Bayt sebagaimana riwayat-riwayat yang dinyatakan. Bahkan, 'Alī diriwayatkan merasa takjub dengan golongan yang tetap berkeras enggan melantik orang yang telah diwasiatkan oleh Baginda SAW, sebaliknya melantik orang yang tidak berhak dan tidak layak ketika orang yang berhak dan layak berada di hadapan mereka. 'Alī diriwayatkan berkata:

> "Lalu mereka melantik sebelumku tiga orang, tiada seorang pun dalam kalangan mereka yang mengumpulkan al-Qur'an, tidak juga digelarkan bahawa baginya ilmu mengenai Kitabullah, dan tidak juga Sunnah Nabinya, sedangkan semua mereka mengetahui aku orang yang paling mengetahui tentang Kitabullah dan Sunnah Nabinya, yang paling faqih, paling baik bacaan al-Qur'an dan paling bijak dalam mengadili berasaskan hukum Allah…"[219]

Menurut Khair Izzah, ketidakzahiran 'Alī dalam menentang khalifah-khalifah tersebut pula, bukan bermakna beliau bersetuju dengan mereka, sebaliknya demi memelihara kesatuan dan keharmonian umat Islam.[220] Ini kerana, setelah Abū Bakr dibaiah menjadi khalifah, 'Alī telah mengadakan perbincangan dengan ahli keluarganya. Hasil perbincangan bersetuju agar

---

[218] *Ibid.*, 262-264.
[219] Al-Hilālī (1405h), *Kitāb Sulaym*, 2: 699; Hāshim bin Sulayman al-Baḥrānī, *Madīnah Ma'ājiz al-A'immah al-Ithnā 'Ashar wa Dalā'il al-Ḥujaj 'alā al-Bashar* (Qom: Mu'assasah al-Ma'ārif al-Islāmiyyah, 1413H), 2:87; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 30: 323.
[220] *Ibid.*, 321.

University of Malaya

Ahl al-Bayt hanya berdiam diri dan tidak melancarkan penentangan atau pemberontakan terhadap Abū Bakr. Ahl al-Bayt mengetahui betapa dalam kebencian dan kemarahan mereka terhadap Allah SWT dan ahli keluarga Nabi SAW. Sekiranya dizahirkan penentangan sudah tentu mereka akan bertindak menghunuskan pedang-pedang mereka sebagai persediaan melancarkan perang. Ini yang terjadi ketika 'Alī dipaksa memberi baiah kepada Abū Bakr atau dibunuh. Ketika itu, 'Alī teringatkan pesanan Rasulullah SAW kepadanya:

> "Wahai 'Alī! Sesungguhnya kumpulan tertentu membatalkan hak kamu, mereka memutuskannya (pelantikan khalifah) dengan membelakangkan kamu, mereka menderhakai aku pada hak kamu, maka hendaklah kamu bersabar, sehingga Allah menetapkan urusannya. Sesungguhnya mereka pasti akan mengkhianatimu, maka jangan biarkan mereka menjadi sebab kamu terhina dan tertumpah darahmu, sesungguhnya umat akan mengkhianatimu selepasku."[221]

Selain itu, perbuatan 'Alī tidak melancarkan pemberontakan juga termasuk di dalam konsep *taqiyyah*[222] yang dituntut supaya diamalkan dalam keadaan tertentu. Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menukilkan beberapa riwayat yang menunjukkan bahawa 'Alī sendiri memerintahkan pengikutnya agar bersikap *taqiyyah* dalam keadaan tertentu. Antaranya seperti riwayat berikut:

> "Dan aku memerintahkan kamu agar memelihara agamamu, dan ilmu kami yang kami amanahkan kepada kamu, maka jangan zahirkan ilmu-ilmu kami kepada sesiapa yang akan membalasnya dengan keengkaran, jangan singkapkan rahsia kami kepada sesiapa yang akan memburuk-burukkan kami, aku perintahkan kepadamu agar menggunakan *taqiyyah* dalam agama kamu, firman Allah: Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir

---

[221] Muḥammad bin 'Alī bin Bābawayh, *al-Khiṣāl* (Qom: Jamā'ah al-Mudarrisīn, 1403H), 2: 462; Ibn Ṭāwūs, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib*, 465; Ḥasan bin Muḥammad al-Daylamī, *Ghurar al-Akhbār wa Durar al-āthār fī Manāqib Abī al-A'immah al-Aṭhār*, Qom: Dalīl Mā, 1427H) 353; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 28: 192; al-Miyānijī, *Makātīb al-A'immah*, 580.

[222] *Taqiyyah* menurut al-Mufīd adalah menyembunyikan kebenaran, merahsiakan pegangan terhadapnya, mendiamkan diri dengan golongan yang menyalahi dan tidak menyatakan penentangan terhadap mereka yang boleh membawa kepada bahaya pada agama dan dunia. Lihat Aḥmad al-Wā'ilī, *Hawiyyah al-Tashshayyu'* (Beirut: Dar al-Ṣafwah, 1994), 188. Al-Muẓaffar mengatakan riwayat-riwayat mengenai perintah ber*taqiyyah* adalah sahih. Antaranya riwayat al-Ṣādiq, "*Taqiyyah adalah agamaku dan agama para keturunanku terdahulu*" dan "*Sesiapa yang tiada taqiyyah baginya, tiada agama baginya*." Menurut al-Muẓaffar, taqiyyah menjadi syiar bagi Ahl al-Bayt bertujuan untuk mengelakkan kemudaratan dan pertumpahan darah ke atas mereka dan para pengikut mereka. Lihat Muḥammad Riḍā al-Muẓaffar, *'Aqā'id al-Imāmiyyah* (Qom: Intishārāt Anṣāryān, 1417H), 75.

University of Malaya

> menjadi wali dengan meninggalkan orang-orang mukmin, barangsiapa berbuat demikian nescaya lepaslah ia daripada pertolongan Allah, kecuali kerana memelihara diri daripada sesuatu yang ditakuti mereka. Sesungguhnya aku telah izinkan kepada kamu untuk mendahulukan (*tafḍīl*) musuh-musuh kami sekiranya ketakutan mendorong kamu kepadanya, dan menyatakan berlepas diri jika bimbang ditangkap..."[223]

Namun begitu, riwayat-riwayat Syiah Imāmīyyah Ithnā 'Ashariyyah menunjukkan 'Alī tetap mengingatkan para *al-sahabah* berkenaan haknya sebagai pengganti Rasulullah SAW. Dalam riwayat menyebutkan bahawa setelah 'Alī selesai menguruskan jenazah Rasulullah SAW, beliau telah membawa Fāṭimah, Ḥasan dan Ḥusayn bertemu ahli Badar dan mereka yang terawal memeluk Islam bagi mendapatkan sokongan. Akan tetapi, hanya empat orang yang menyahut seruannya iaitu Salmān al-Fārisī, 'Ammār bin Yāsir, al-Miqdād bin al-Aswad dan Abū Dhar al-Ghifārī. Keempat-empat mereka diminta oleh 'Alī untuk memperjelaskan kedudukan dan hak beliau kepada Abū Bakr, namun mereka enggan menerima penjelasan tersebut dan Abū Bakr tetap dilantik sebagai khalifah.[224]

Sesetengah riwayat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah pula mengatakan 'Alī tetap tidak membaiah Abū Bakr. Ia sebagaimana riwayat Muḥammad bin 'Alī al-Bāqir (Imam kelima), bahawa setelah 'Alī selesai mengebumikan Rasulullah SAW, kaum Banī Hāshim dan sebahagian daripada golongan Muhājirīn dan Anṣār berkumpul di rumah 'Alī. Antara yang hadir adalah al-'Abbās, al-Zubayr, al-Miqdād, Ṭalḥah dan Sa'd bin Abī Waqqāṣ. Mereka bersepakat tidak bersetuju dengan pembaiahan Abū Bakr sebagai khalifah lalu bertindak membaiah 'Alī sebagai bantahan kepada pelantikan Abū Bakr. 'Umar kemudian telah pergi menemui mereka untuk memaksa mereka agar memberikan baiah kepada Abū Bakr atau diperangi dengan pedang. Melihat keadaan sedemikian, seorang demi seorang dalam kalangan yang hadir membaiah Abū Bakr sehingga tiada seorang pun yang ketinggalan

---

[223] Al-Ḥurr al-'Āmilī, *Wasā'il al-Shī'ah*, 16: 229; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 10: 74.
[224] Al-Ṭabarsī, *al-Iḥtijāj*, 1: 75; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 28: 191; al-Khaw'ī, *Minhāj al-Barā'ah*, 3: 11.

University of Malaya

kecuali ‘Alī. Lalu ‘Umar memaksa ‘Alī berbaiah, namun ‘Alī berkeras menolak sambil berhujah mengenai haknya sebagai pengganti Rasulullah SAW beserta kedudukan dan kelebihannya sebagai Ahl al-Bayt.[225]

Ketidakredaan ‘Alī terhadap kekhalifahan para *al-sahabah* lebih terserlah apabila terdapat riwayat Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang menyatakan ‘Alī secara terang-terangan menganggap para *al-sahabah* yang merampas jawatan khalifah daripadanya sebagai munafik. Diriwayatkan ‘Alī berkata dalam salah satu khutbahnya:

"فَإِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَ تَعَالَى لَمَّا قَبَضَ نَبِيَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَ آلِهِ قُلْنَا: نَحْنُ أَهْلُ بَيْتِهِ وَ عَصَبَتُهُ وَ وَرَثَتُهُ وَ أَوْلِيَاؤُهُ وَ أَحَقُّ خَلَائِقِ اللَّهِ بِهِ، لَا نُنَازِعُ حَقَّهُ وَ سُلْطَانَهُ، فَبَيْنَمَا نَحْنُ إِذْ نَفَرَ الْمُنَافِقُونَ فَانْتَزَعُوا سُلْطَانَ نَبِيِّنَا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَ آلِهِ مِنَّا وَ وَلَّوْهُ غَيْرَنَا، فَبَكَتْ لِذَلِكَ- وَ اللَّهِ- الْعُيُونُ وَ الْقُلُوبُ مِنَّا جَمِيعا.."

Terjemahan:
“Sesungguhnya Allah SWT, ketika mengambil Nabi-Nya SAW, kita berkata: Kami ahli keluarganya, kerabatnya, pewarisnya, kekasihnya dan makhluk Allah paling berhak dengannya, kita tidak merebut haknya dan kekuasaannya. Dalam keadaan kami begitu, tiba-tiba sekumpulan golongan munafik muncul lalu mereka merampas kekuasaan Nabi kita SAW daripada kami, melantik selain kami. Demi Allah, menangislah mata-mata dan hati-hati kami semua kerana itu…”[226]

Dalam satu riwayat yang masyhur di sisi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, terdapat keterangan yang menyebut bahawa Abū Bakr dan ‘Umar berada di dalam neraka di akhirat kelak kerana mengkhianati amanah dan merampas hak Ahl al-Bayt. Ia berdasarkan riwayat daripada ‘Alī yang menceritakan dialognya dengan Iblīs ketika terserempak dengannya di hujung kota Kūfah. Dialog bermula apabila ‘Alī mengatakan Iblīs merupakan sejahat-jahat kejadian. Iblīs menafikan sambil membawakan kisah bagaimana mula-mula dia diturunkan dari syurga. Iblīs dikatakan telah bertanya kepada Allah SWT, jika masih wujud makhluk

[225] Al-Ṭabarsī, *al-Iḥtijāj*, 1: 73; al-Fayḍ al-Kāshānī, *Nawādir al-Akhbār*, 177-178; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 26: 340; al-Khaw’ī, *Minhāj al-Barā‘ah*, 3: 8.
[226] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 29: 579; al-Mufīd, *al-Maqna‘ah*, 1: 245; Hāshim bin Sulayman al-Baḥrānī, *Ḥilyah al-Abrār fī Aḥwāl Muḥammad wa Ālih al-Aṭhār* (Qom: Mu’assasah al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah, 1411H), 2: 302.

University of Malaya

yang lebih jahat berbanding dirinya. Allah SWT mengiakan dan memerintahkan Iblīs agar bertanya kepada malaikat Mālik. Lalu Iblīs bertemu dengan malaikat Mālik dan meminta supaya ditunjukkan kepadanya makhluk yang lebih jahat daripadanya. Malaikat Mālik lalu membawa Iblīs pergi melalui setiap neraka bermula dari neraka tingkat pertama hingga ke tingkat ketujuh, yang paling panas berbanding yang lain. Di situ Iblīs terlihat dua lelaki sedang tergantung sementara tengkuk kedua-duanya dibelenggu dengan rantai daripada api neraka. Lalu Iblīs bertanya kepada Mālik gerangan kedua lelaki tersebut. Mālik menjelaskan, tidakkah Iblīs membaca di kaki 'Arash tulisan, "*Tiada tuhan selain Allah, Muhammad itu pesuruh Allah, aku dukunginya, aku menangkannya dengan 'Alī.*" Sedangkan kedua-dua lelaki ini adalah musuh dan orang yang menzalimi 'Alī dan keturunannya.[227]

Di samping itu, diriwayatkan banyak doa dan munajat 'Alī yang mengadu kepada Allah SWT mengenai perbuatan zalim para *al-sahabah* yang telah merampas haknya. Antaranya seperti berikut:

"اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَعْدِيكَ عَلَى قُرَيْشٍ فَإِنَّهُمْ قَطَعُوا رَحِمِي وَ أَصْغَوْا إِنَائِي وَ صَغَّرُوا عَظِيمَ مَنْزِلَتِي وَ أَجْمَعُوا عَلَى مُنَازَعَتِي"

Terjemahan:
"Wahai Allah, sesungguhnya aku memohon pertolonganmu ke atas kaum Quraysh, sesungguhnya mereka memutuskan silaturrahim denganku, memulaukan aku, memperkecilkan ketinggian kedudukanku dan berkumpul untuk menentangku."[228]

Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berkeyakinan, riwayat mengenai doa-doa 'Alī seumpama ini telah sampai ke darjat *mutawātir* sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Abī al-Ḥadīd:

---

[227] Muḥammad bin Muḥammad al-Mufīd, *al-Ikhtiṣāṣ* (Qom: al-Mu'tamar al-'Alamī li Alfiyah al-Shaykh al-Mufīd, 1413H), 109; al-Baḥrānī, *Madīnah Ma'ājiz al-A'immah al-Ithnā 'Ashar*, 1: 122; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 8: 31; al-Khaw'ī, *Minhāj al-Barā'ah*, 10: 235.
[228] Al-Thaqafī, *al-Ghārrāt*, 1: 204; al-Sharīf al-Riḍā, *Nahj al-Balāghah*, 247; al-Ṭabarsī, *al-Iḥtijāj*, 1: 268.

University of Malaya

"اعلم انه قد تواترت الاخبار عنه عليه السلام بنحو من هذا القول نحو قوله: «ما زلت مظلوما منذ قبض الله رسوله حتّى يوم الناس هذا» و قوله «اللّهمّ اخز قريشا فانها منعتنى حقى و غصبتنى أمرى» و قوله «فجزى قريشا عنى الجوازى فانهم ظلمونى حقى و اغتصبونى سلطان ابن امى."

Terjemahan:
"Dan ketahuilah, telah datang khabar secara mutawātir daripadanya 'alayh al-salām seumpama perkataan ini, seperti ucapannya, "*Aku berterusan dizalimi sejak Allah mengambil Rasul-Nya sehingga ke manusia hari ini*", dan ucapannya, "*Wahai Allah! Hinakan Quraysh, sesungguhnya ia menegah hakku dan merampas urusanku*", dan ucapannya, "*Moga (Allah) membalas Quraysh dengan balasan buruk keranaku, sesungguhnya mereka telah menzalimi hakku, merampas kekuasaan anak ibuku…*"[229]

3.7.2.2 Sikap Fāṭimah terhadap *al-sahabah*

Penolakan 'Alī terhadap pelantikan tiga orang *al-sahabah* iaitu Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān sebagai khalifah memberi pengaruh yang besar kepada pendirian Ahl al-Bayt terhadap para *al-sahabah* sebagaimana yang dinyatakan oleh Faisal Tehrani. Bukan sahaja kepada 'Alī, tetapi kepada semua keturunannya. Faisal Tehrani menggambarkan bagaimana makam Fāṭimah yang merupakan isteri 'Alī dan anak perempuan kesayangan Rasulullah SAW sengaja dirahsiakan atas permintaan Fāṭimah sendiri. Ini kerana, sebelum kematiannya, Fāṭimah dipercayai telah mewasiatkan agar makam beliau disembunyikan daripada pengetahuan golongan munafik.[230] Pandangan Faisal Tehrani ini adalah berdasarkan banyak riwayat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang menunjukkan pendirian Fāṭimah yang memungkiri para *al-sahabah* kerana merampas jawatan khalifah daripada 'Alī. Antaranya perbualan Maḥmūd bin Labīd dengan Fāṭimah selepas kewafatan Rasulullah SAW dalam riwayat berikut:

"قُلْتُ يَا سَيِّدَتِي إِنِّي سَائِلُكِ عَنْ مَسْأَلَةٍ تَلَجْلَجُ فِي صَدْرِي قَالَتْ سَلْ قُلْتُ هَلْ نَصَّ رَسُولُ اللَّهِ ص قَبْلَ وَفَاتِهِ عَلَى عَلِيٍّ بِالْإِمَامَةِ قَالَتْ وَا عَجَبَاهْ أَ نَسِيتُمْ يَوْمَ غَدِيرِ خُمٍّ قُلْتُ قَدْ كَانَ ذَلِكَ وَ

[229] Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 9: 306; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār,* j. 28, h. 373; al-Thaqafī, *al-Ghārrāt*, 2: 768.
[230] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 295.

University of Malaya

لَكِنْ أَخْبِرِينِي بِمَا أَسَرَّ إِلَيْكِ قَالَتْ أُشْهِدُ اللَّهَ تَعَالَى لَقَدْ سَمِعْتُهُ يَقُولُ عَلِيٌّ خَيْرُ مَنْ أُخَلِّفُهُ فِيكُمْ وَ هُوَ الْإِمَامُ وَ الْخَلِيفَةُ بَعْدِي وَ سِبْطَايَ وَ تِسْعَةٌ مِنْ صُلْبِ الْحُسَيْنِ أَئِمَّةٌ أَبْرَارٌ لَئِنِ اتَّبَعْتُمُوهُمْ وَجَدْتُمُوهُمْ هَادِينَ مَهْدِيِّينَ وَ لَئِنْ خَالَفْتُمُوهُمْ لَيَكُونُ الِاخْتِلَافُ فِيكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ قُلْتُ يَا سَيِّدَتِي فَمَا بَالُهُ قَعَدَ عَنْ حَقِّهِ قَالَتْ يَا بَا عُمَرَ لَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ص مَثَلُ الْإِمَامِ مَثَلُ الْكَعْبَةِ إِذْ تُؤْتَى وَ لَا تَأْتِي أَمَا وَ اللَّهِ لَوْ تَرَكُوا الْحَقَّ عَلَى أَهْلِهِ وَ اتَّبَعُوا عِتْرَةَ نَبِيِّهِ لَمَا اخْتَلَفَ فِي اللَّهِ تَعَالَى اثْنَانِ وَ لَوَرِثَهَا سَلَفٌ عَنْ سَلَفٍ وَ خَلَفٌ بَعْدَ خَلَفٍ حَتَّى يَقُومَ قَائِمُنَا التَّاسِعُ مِنْ وُلْدِ الْحُسَيْنِ وَ لَكِنْ قَدَّمُوا مَنْ أَخَّرَهُ وَ أَخَّرُوا مَنْ قَدَّمَهُ اللَّهُ حَتَّى إِذَا أَلْحَدَ الْمَبْعُوثُ وَ أَوْدَعُوهُ الْجَدَثَ الْمَجْدُوثَ وَ اخْتَارُوا بِشَهْوَتِهِمْ وَ عَمِلُوا بِآرَائِهِمْ تَبّاً لَهُم..."

Terjemahan:
"Aku berkata (Maḥmud bin Labīd): Wahai puanku, aku ingin bertanya kepadamu tentang satu masalah yang tertanya-tanya di dalam hatiku. Fāṭimah berkata: Silakan. Aku berkata: Adakah Rasulullah SAW sebelum kewafatannya telah menetapkan *imāmah* 'Alī? Fāṭimah berkata: Amat menakjubkan, adakah kamu lupa pada hari Ghadīr Khum? Aku berkata: Sesungguhnya telah sedia maklum ia berlaku, tetapi (aku ingin tahu) apa yang dibisikkan (oleh Rasulullah SAW) kepadamu. Fāṭimah berkata: Demi Allah, sesungguhnya aku telah mendengar Baginda berkata, 'Alī sebaik-baik orang yang aku tinggalkan dalam kalangan kamu, beliau adalah imam dan khalifah selepasku, dan dua orang cucuku dan sembilan orang daripada keturunan al-Ḥusayn adalah para imam yang *abrār*. Jika kamu mengikuti mereka, kamu akan dapati mereka itu memberi panduan dan diberi panduan, jika kamu menyelisihi mereka, akan berlakulah perselisihan dalam kalangan kamu hingga ke Hari Kiamat. Aku bertanya: Wahai puanku, apa kena dengan beliau yang tidak menuntut haknya? Fāṭimah berkata: Wahai Abū 'Umar, sesungguhnya Rasulullah SAW telah mengumpamakan imam itu seperti ka'bah, ia didatangi bukan mendatangi, sungguh demi Allah! Jika mereka biarkan hak itu kepada ahlinya, dan mereka mengikuti ahli keluarga nabinya, tidak akan berselisih kerana Allah walaupun antara dua orang, dan (*khilāfah*) itu akan diwarisi yang terdahulu daripada yang terdahulu, yang terkemudian selepas yang terkemudian, sehingga muncul imam kesembilan daripada keturunan al-Ḥusayn, tetapi kamu telah mengutamakan orang diakhirkan (Allah), dan membelakangkan orang yang diutamakan Allah hingga apabila Rasulullah SAW wafat dan dikebumikan, rānīmereka memilih (khalifah) dengan nafsu mereka dan beramal dengan fikiran mereka, celakalah mereka!..."[231]

[231] Al-Khazzāz al-Rāzī, *Kifāyah al-Athar*, 199; al-Baḥrānī, *al-Inṣāf*, 412; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 36: 353; 'Abd Allāh bin Nūr Allāh al-Baḥrānī, *'Awālim al-'Ulūm wa al-Ma'ārif wa al-Aḥwāl min al-Āyāt wa al-Akhbār wa al-Aqwāl* (Qom: Mu'assash al-Imām al-Mahdi, 1413H), 11: 783.

Malah terdapat seorang penulis Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah kontemporari yang menukilkan riwayat bahawa Fāṭimah pernah berkhutbah memerintahkan supaya para perampas jawatan khalifah itu diperangi.[232] Kemuncak kepada kebencian dan kemarahan Fāṭimah kepada para *al-sahabah* adalah apabila beliau mewasiatkan 'Alī agar memastikan pengebumian beliau kelak tidak dihadiri oleh musuh-musuh beliau. Fāṭimah mengatakan:

> "Aku mewasiatkan kamu agar tidak seorang pun daripada mereka yang menzalimi aku menyaksikan jenazahku, sesungguhnya mereka adalah musuhku dan musuh Rasulullah, jangan biarkan seorang pun daripada mereka dan pengikut mereka menyembahyangkan jenazahku, kebumikanlah aku pada waktu malam ketika terlelap segala mata dan tertidur segala pandangan."[233]

Menurut riwayat-riwayat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, Fāṭimah meninggal dunia dalam keadaan marah terhadap Abū Bakr dan 'Umar serta para pendukung mereka. Oleh itu, ketika beliau meninggal dunia, 'Alī bertindak menguruskan jenazahnya dalam keadaan tiada sesiapa mengetahui berkenaan kematiannya kecuali Ḥasan, Ḥusayn, Zaynab, Umm Kalthum, Fiḍḍah dan Asmā' binti 'Umays. Beliau kemudiannya dikebumikan secara rahsia di perkuburan al-Baqī' pada waktu tengah malam sedangkan ketika itu terdapat empat puluh kubur baharu yang lain. Setelah berita kematian Fāṭimah tersebar, penduduk datang mencari kubur beliau untuk menyembahyangkan jenazahnya, namun kebingungan akibat tidak mengetahui kedudukan kubur beliau yang sebenar. Hal ini menyebabkan pemerintah iaitu Abū Bakr dan 'Umar mengarahkan agar semua kubur-kubur baharu digali untuk mencari jasad Fāṭimah. Apabila arahan ini diketahui oleh 'Alī, beliau keluar dalam keadaan marah sambil menghunus pedangnya lalu berikrar untuk membunuh mana-mana *al-sahabah* yang berani untuk menyentuh atau membongkar kubur Fāṭimah.[234]

---

[232] 'Abd al-Zahrā' Mahdī, *al-Hujūm 'alā Bayt Fāṭimah* (T.T.P: T.P, 2001), 482.
[233] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 31: 619; al-Baḥrānī, *'Awālim al-'Ulūm*, 11: 1082. Riwayat ini turut dinukilkan oleh Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 450.
[234] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār,* 43: 171; Muḥammad bin Jarīr al-'Āmilī, *Dalā'il al-Imāmah*. Qom: al-Bi'thah, 1413H), 137; Ni'mat Allāh bin 'Abd Allāh al-Jazā'irī, *Riyāḍ al-Abrār fi Manāqib al-A'immah al-Aṭhār* (Beirut:

University of Malaya

3.7.2.3 Akidah *al-walā'* dan *al-barā'* menurut Ahl al-Bayt

Sikap 'Alī dan Fāṭimah ini seterusnya telah menjadi pegangan para imam Ahl al-Bayt yang datang kemudian. Pegangan ini dikenali sebagai akidah *al-walā'* dan *al-barā'*. *Al-walā'* iaitu kesetiaan yang sepenuhnya kepada Ahl al-Bayt manakala *al-barā'* iaitu berlepas diri daripada semua musuh Ahl al-Bayt yang terdiri daripada kalangan para *al-sahabah* dan pendukung mereka. Al-Sayyid Ḥusayn al-Musawī mengatakan bahawa Mazhab Syiah tertegak atas kecintaan atau *al-walā'* kepada Ahl al-Bayt dan berlepas diri iaitu *al-barā'* daripada para *al-sahabah* bermula dengan tiga khalifah terawal, 'Ā'ishah dan lain-lain.[235] Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Majlisī bahawa menjadi suatu kewajipan bagi para pengikut 'Alī untuk berlepas diri daripada segala kelompok iaitu Banī Tayyim, Banī 'Adī dan Banī Umayyah.[236]

Al-Majlisī menyatakan secara terang-terangan bahawa *al-barā'ah* atau berlepas diri daripada tiga orang khalifah iaitu Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān serta mereka yang memerangi 'Alī adalah menjadi perkara yang *ḍarūrī* dalam pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Golongan yang memungkiri pegangan ini termasuk dalam kategori *al-mukhālifīn* dan dihukumkan kafir seperti Khawārij dan Nawāṣib.[237] Oleh itu, dinukilkan banyak riwayat dalam karya-karya utama Syiah mengenai sikap berlepas diri para imam Ahl al-Bayt terhadap para *al-sahabah* bermula dengan tiga orang khalifah yang disifatkan oleh

---

Mu'assasah al-Tārīkh al-'Arabī, 1427H), 1: 60; al-Amīn (1998), *op. cit.,* j. 1, h. 322; al-'Āmilī, Ja'far Murtaḍā (1430H), *al-Ṣaḥīḥ min Sīrah al-Imām 'Alī*, j.10. Qom: Walā al-Muntaẓar, h. 298-299.

[235] Al-Musawī, al-Sayyid Ḥusayn (2001), *Li Allāh..thumm li al-Tārīkh: Kashf al-Asrār wa Tabri'ah al-A'immah al-Aṭhār*, Kaherah: Dār al-Amal, h. 14.

[236] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār,* 18: 233; Al-Qafārī menjelaskan maksud Banī Tayyim adalah Abū Bakr, Banī 'Adī adalah 'Umar manakala Banī Umayyah adalah 'Uthmān bin 'Affān. Menurut al-Qafārī, golongan SyiahImāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah pada zaman al-Kulaynī dan selepasnya sering menggunakan kata-kata kiasan untuk merujuk kepada invividu yang menyalahi mereka tanpa menamakan secara langsung. Namun, pada zaman Syiahmemiliki kuasa pemerintahan seperti pada zaman Kerajaan Ṣafawiyyah, sebahagian daripada kata-kata kiasan itu telah dizahirkan. Al-Qafārī, Nāṣir bin 'Abd Allāh, "*al-Barā'ah min al-Mushrikīn 'ind al-Rāfiḍah*", Majalah *al-Bayān* (Bil. 340, Sept-Okt 2015), http://www.albayan.co.uk/MGZArticle2.aspx?ID=4604. 22 November 2016.

[237] Muḥammad Bāqir al-Majlisī, *al-'Aqā'id*, Qom: Mu'assasah al-Hudā, 1378H), 58.

University of Malaya

al-Majlisī sebagai perampas, penderhaka dan murtad.[238] Bahkan mereka yang tidak berlepas diri daripada Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān serta para pengikut mereka adalah musuh Ahl al-Bayt sekalipun mengasihi ‘Alī. Oleh yang demikian, sikap berlepas diri wajib menjadi pegangan sebagaimana yang diriwayatkan daripada para imam seperti berikut:

> “Daripada Ismā‘īl al-Ju‘fī, beliau berkata: Aku berkata kepada Abū Ja‘far (Muḥammad al-Bāqir): Seseorang yang mengasihi Amīr al-Mu’minīn dan tidak berlepas diri daripada musuh beliau, lalu dia berkata: Dia lebih aku kasihi daripada orang yang menyalahinya. Beliau (Abū Ja‘far) menjawab: Ini (pegangan yang) bercampur aduk, dia (sebenarnya) musuh, maka kamu jangan solat di belakangnya dan jangan memuliakannya kecuali kamu bertaqiyyah kepadanya.”[239]

Dalam riwayat lain, seorang bernama al-Kumayt telah menemui Ja‘far al-Ṣādiq lalu bertanya beliau mengenai kedudukan Abū Bakr dan ‘Umar. Lalu Ja‘far al-Ṣādiq menjawab:

> “(Ketahuilah) tiada setitis darah dalam Islam yang tumpah, tiada harta yang diusahakan secara tidak halal, tiada zina yang haram kecuali (kesalahan yang) demikian itu berada pada tengkuk-tengkuk kedua-duanya hingga ke hari Kiamat, hingga bangkit Imam al-Mahdi kita, dan kami keseluruhan Banī Hāshim akan mengarahkan orang dewasa dan kanak-kanak kami agar mengutuk dan berlepas diri daripada kedua-duanya.”[240]

Demikian juga riwayat mengenai rintihan seorang lelaki kepada Ja‘far al-Ṣādiq. Lelaki tersebut mengadu keadaan dirinya yang tidak berupaya membela para Ahl al-Bayt tetapi sekadar mampu melaknat dan berlepas diri daripada musuh-musuh Ahl al-Bayt. Ja‘far al-Ṣādiq lalu menjawab:

> “Telah menceritakan bapaku (Muḥammad bin ‘Alī) daripada bapanya (‘Alī bin al-Ḥusayn) daripada datuknya (‘Alī bin Abī Ṭālib) daripada Rasulullah SAW bahawa Baginda bersabda: Sesiapa yang tidak berupaya untuk memenangkan kami Ahl al-Bayt, lalu dia melaknat musuh-musuh kami dalam keadaan dia bersendirian, Allah akan menyampaikan suaranya ke seluruh perbendaharaan-Nya dari bumi hingga ke arash.”[241]

---

[238] Al-Majlisī, *Mir’āt al-‘Uqūl*, 26: 334.

[239] ‘Alī bin al-Ḥusayn bin Bābawayh, *Man lā Yaḥḍuruh al-Faqīh* (Qom: Mu’assasah al-Nashr al-Islāmī, 1413H), 1: 380; Muḥammad bin al-Ḥasan al-Ṭūsī, *Tadhīb al-Aḥkām* (Tehran: Dār al-Kutub al-Islamiyyah, 1407H), 3: 28; Al-Ḥurr ‘Āmilī, *Wasā’il al-Shī‘ah*, 8: 309.

[240] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 47: 323; al-Jazā’irī, *Riyāḍ al-Abrār*, 2: 223; al-Baḥrānī, *‘Awālim al-‘Ulūm*, 20: 992; al-Kashī, *Rijāl al-Kashī*, 2: 464.

[241] Al-Ḥasan bin ‘Alī al-‘Askarī, *al-Tafsīr al-Mansūb ilā al-Imām al-Ḥasan al-‘Askarī* (Qom: Madrasah al-Imām al-Mahdī, 1409H), 47; Ḥasan bin Muḥammad al-Daylamī, *Irshād al-Qulūb ilā al-Ṣawāb* (Qom: al-Sharīf

University of Malaya

Kesimpulannya, karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berbahasa Melayu berpandangan bahawa para Ahl al-Bayt mengambil pendekatan untuk berlepas diri atau *barā’ah* daripada para *al-sahabah* terutama tiga orang khalifah iaitu Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān dan para pendukung mereka. Ini kerana, kewajipan mencintai Ahl al-Bayt tidak sempurna kecuali menyatakan permusuhan atau penolakan terhadap golongan yang dianggap sebagai musuh-musuh Ahl al-Bayt. Ia sebagaimana ditegaskan oleh al-Mufīd yang mengatakan, tidak sempurna perakuan seseorang terhadap Allah, Rasul dan para imam Ahl al-Bayt kecuali dengan berlepas diri terhadap musuh-musuh mereka sambil menukilkan riwayat daripada Ja‘far al-Ṣādiq yang mengkafirkan golongan yang meragui kekufuran musuh-musuh Ahl al-Bayt.[242]

3.8 Konflik antara *al-sahabah* menurut Syiah

Dalam sub-topik yang lepas dijelaskan bagaimana Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah meletakkan kesetiaan kepada Ahl al-Bayt dan berlepas diri daripada musuh-musuh mereka sebagai perkara wajib atau *ḍarūrī* dalam beragama. Ia bererti seseorang yang mengaku beriman tidak boleh bersubahat atau bersekongkol dengan golongan yang memusuhi Ahl al-Bayt, apatah lagi jika memerangi dan membunuh Ahl al-Bayt. Justeru, peristiwa perang *Jamal* (36H) dan *Ṣiffīn* (37H) menjadi asas utama kepada penilaian Syiah terhadap *al-sahabah* selain daripada peristiwa rampasan jawatan khalifah daripada ‘Alī dan keturunannya.

---

al-Riḍā, 1412H), 2: 426; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 27: 222; Ḥusayn bin Muḥammad Taqī al-Nūrī, *Mustadrak al-Wasā’il wa Mustanbaṭ al-Masā’il* (Qom: Mu’assasah Āl al-Bayt, 1407H), 4: 411.

[242] Muḥammad bin Muḥammad al-Mufīd, *al-I‘tiqādāt* (Qom: al-Mu’tamar al-‘Alamī li Alfiyah al-Shaykh al-Ṣadūq, 1413H), 104.

University of Malaya

Bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, ‘Alī bukan sekadar menjadi khalifah yang dilantik oleh Allah dan Rasul, namun kedudukan tersebut adalah sebagai satu lambang kuasa yang lebih luas daripada sekadar menjawat jawatan tersebut tanpa mampu melakukan apa-apa. Bukti yang paling jelas betapa pentingnya kedudukan khalifah adalah tindakan beliau memindahkan pusat khilafah dari Madīnah ke Kūfah. Ini berdasarkan sokongan padu yang beliau perolehi daripada umat Islam di Kūfah.[243] Khair Izzah melihat tindakan ‘Alī ini menyamai tindakan Nabi Muhammad SAW yang berhijrah ke Madīnah kerana mendapat sokongan padu umat Islam di sana demi kepentingan dakwah. Dari situ juga bermula era pemerintahan yang penuh dengan kekuatan sehingga berlaku beberapa siri peperangan dengan pihak musuh yang cuba menggugat kedudukan Islam. Demikian juga ‘Alī, kedudukan beliau di Kūfah bertambah kukuh sehingga sesiapa yang menentang beliau akan mendapat padah sepertimana yang terjadi dalam perang *Jamal, Ṣiffīn* dan *Nahrawān*.[244] Tindakan ‘Alī ini merupakan perintah daripada Rasulullah SAW berdasarkan banyak riwayat Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Antaranya seperti berikut:

"عَنْ عَلِيٍّ ص أَنَّهُ قَالَ: أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاكِثِينَ وَ الْقَاسِطِينَ وَ الْمَارِقِينَ فَفَعَلْتُ مَا أُمِرْتُ بِهِ فَأَمَّا النَّاكِثُونَ فَهُمْ أَهْلُ الْبَصْرَةِ وَ غَيْرُهُمْ مِنْ أَصْحَابِ الْجَمَلِ وَ أَمَّا الْمَارِقُونَ فَهُمُ الْخَوَارِجُ وَ أَمَّا الْقَاسِطُونَ فَهُمْ أَهْلُ الشَّامِ وَ غَيْرُهُمْ مِنْ أَحْزَابِ مُعَاوِيَةَ."

Terjemahan:
“Daripada ‘Alī, bahawa beliau berkata: Aku diperintahkan untuk memerangi para pengkhianat, penderhaka dan golongan murtad, maka aku telah laksanakan apa yang aku diperintahkan dengannya, adapun pengkhianat adalah penduduk Baṣrah dan selain mereka daripada yang terlibat dalam perang *Jamal*, manakala golongan murtad, mereka adalah Khawārij,

[243] Al-Subḥānī, *Buḥūth fī al-Milal wa al-Niḥal*, 6:720. Kūfah antara tempat suci Syiah yang diagungkan. Ia berdasarkan riwayat yang disandarkan kepada Ja‘far al-Ṣādiq (Imam Keenam), “*Kūfah adalah ḥaram Allāh, ḥaram Rasulullah dan ḥaram Amīr al-Mu’minīn, solat padanya (bersamaan pahala) seratus ribu solat (di tempat lain), (bersedekah) satu dirham padanya (bersamaan pahala bersedekah) seratus ribu dirham (di tempat lain)”*. Lihat al-Kulaynī, *al-Kāfī*, 9: 341; Ibn Bābawayh, *Man Lā Yaḥḍuruh al-Faqīh*, 1: 228; Muḥammad bin al-Ḥasan al-Ṭūsī, *Tahdhīb al-Aḥkām* (Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1407H), 6: 32; al-Ḥurr al-‘Āmilī, *Wasā’il al-Shī‘ah*, 5: 526.
[244] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 342-344.

University of Malaya

sementara penderhaka, mereka adalah penduduk Shām dan selain mereka daripada parti Mu'āwiyah." [245]

Khair Izzah menyifatkan, 'Alī telah banyak bersabar dengan sikap para *al-sahabah* hingga tiba masanya beliau mengumpulkan kekuatan menentang kemungkaran para *al-sahabah*.[246] Malah terdapat riwayat-riwayat yang menunjukkan bahawa 'Alī menegaskan, jika beliau memiliki kekuatan empat puluh orang lelaki yang taat untuk mendukung kekhalifahannya, sudah tentu beliau akan memerangi dan menentang para *al-sahabah* sejak pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah.[247] Walau bagaimanapun, kesabaran beliau berakhir dengan terjadinya peristiwa perang *Jamal, Ṣiffīn* dan *Nahrawān* yang menjawab segala kemungkaran para *al-sahabah* selama ini.

3.8.1 Konspirasi para *al-sahabah*

Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berpandangan, punca kepada segala konflik yang berlaku antara para *al-sahabah* adalah kerana ketamakan untuk merebut jawatan khalifah daripada menjadi hak milik Ahl al-Bayt selepas kewafatan Rasulullah SAW. Hal ini telah sekian lama dirancang oleh para *al-sahabah* sejak Baginda SAW masih dikandung hayat. Rasulullah SAW dikatakan telah pun meramalkan perbuatan para *al-sahabah* yang akan merampas kedudukan Ahl al-Bayt sebagai imam selepas kewafatan Baginda. Dalam riwayat yang disandarkan kepada Mūsā bin Ja'far (Imam Ketujuh) daripada bapanya, Ja'far al-Ṣādiq (Imam Keenam), bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Wahai 'Alī, apa kamu akan lakukan jika mereka berkonspirasi terhadapmu selepas kewafatanku, membelakangkan kamu, menghantar pemeras ugut

---

[245] Nu'mān bin Muḥammad bin Ḥayyūn, *Da'ā'im al-Islām wa Dhikr al-Ḥalāl wa al-Ḥarām wa al-Qaḍāyā wa al-Aḥkām* (Qom: Mu'assasah āl al-Bayt, 1427H), 1: 389; Muhammad bin 'Alī bin Bābawayh, *'Ilal al-Sharā'i'* (Qom: Maktabah Dāwirī, 1427Ḥ), 1: 223; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 44: 36.
[246] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 333.
[247] Al-Hilālī, *Kitāb Sulaym*, 2: 667 & 766; Naṣr Muzāḥim, *Waq'ah Ṣiffīn*, Qom: Maktabah Āyah Allāh al-Mar'ashī al-Najafī, 1404H), 163; al-Qummī, *Tafsīr al-Qummī*, 2: 312.

University of Malaya

untuk memaksa kamu memberi baiah, kemudian mencekak leher bajumu sambil kamu diheret sebagaimana diheret unta yang sesat.."[248]

Bahkan riwayat-riwayat Syiah banyak membongkar konspirasi yang dilakukan oleh para *al-sahabah* bagi mengelakkan khilafah jatuh ke tangan Ahl al-Bayt selepas kewafatan Rasulullah SAW. Sekumpulan para *al-sahabah* dikatakan telah melakukan konspirasi tersebut dan ia dicatatkan dalam satu lembaran oleh Abū 'Ubaydah bin al-Jarrāḥ. Lembaran itu dibawa ke Makkah dan ditanam di bawah Ka'bah. Allah SWT membongkar konspirasi tersebut kepada Nabi SAW, lalu Baginda bersabda kepada Abū 'Ubaydah, "*Kamu pemegang amanah sekumpulan orang daripada umat ini atas kebatilan mereka*."[249]

Al-Majlisī meriwayatkan daripada Ja'far al-Ṣādiq (Imam Keenam) mengenai tafsir ayat 10 daripada surah al-Mujādilah, "*Sesungguhnya perbicaraan rahsia itu daripada syaitan*", syaitan merujuk kepada yang kedua iaitu 'Umar al-Khaṭṭāb. Manakala ayat 7 daripada surah al-Mujādilah, "*Tiada perbicaraan rahsia antara tiga orang, melainkan Dia-lah yang keempatnya*", bermaksud konspirasi rahsia yang dilakukan oleh tiga orang iaitu Abū Bakr, 'Umar dan Abū 'Ubaydah ketika mereka berkumpul, memasuki Ka'bah dan membuat ketetapan agar urusan kekhalifahan tidak diserahkan kepada Ahl al-Bayt selepas Rasulullah SAW wafat.[250] Ini merupakan langkah pertama dilakukan oleh para *al-sahabah* untuk menyekat keturunan Nabi SAW daripada memegang jawatan sebagai khalifah. Langkah kedua ialah apabila 'Umar menegah sesiapa pun untuk memberikan kertas dan pena kepada Rasulullah SAW yang sedang gering, walhal Baginda SAW meminta kedua-duanya untuk dituliskan wasiat buat mereka agar melantik 'Alī selepas kewafatannya.[251] Manakala

---

[248] Ibn Ṭāwūs, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib*, 19; al-Nabāṭī, *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*, 2: 94; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 22: 493; al-Khaw'ī, *Minhāj al-Barā'ah*, 12: 243.
[249] Al-Shushtarī, *al-Ṣawārim al-Muhriqah*, 78.
[250] Al-Qummī, *Tafsīr al-Qummī*, 2: 356; al-Baḥrānī, *al-Burhān*, 5: 314; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 17: 29; 'Abd 'Alī bin Jum'ah al-'Arūsī, *Tafsīr Nūr al-Thaqalayn* (Qom: Ismā'īliyyān, 1415H), 5: 259.
[251] Al-Māzindarānī, *Manāqib Āli*, 1: 235; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 22: 472; al-Miyānijī, *Makātīb al-A'immah*, 3: 695-696

University of Malaya

langkah ketiga juga berlaku ketika Rasulullah SAW dalam keadaan gering. Baginda telah membentuk angkatan tentera untuk memerangi Rom yang dipimpin oleh Usāmah bin Zayd dengan melibatkan ramai para *al-sahabah* termasuk Abū Bakr dan ‘Umar. Tujuannya adalah agar apabila Baginda SAW wafat, tidak berlaku perebutan jawatan khalifah daripada kedua-dua *al-sahabah* tersebut sehingga dengan mudah baiah khilafah dapat diserahkan kepada ‘Alī dengan aman tanpa sebarang perbalahan. Namun demikian, angkatan tentera tersebut kekal di Madinah sehingga Rasulullah SAW wafat dan jawatan khalifah jatuh ke tangan Abū Bakr.[252]

3.8.2 *Al-sahabah* menolak kekhalifahan ‘Alī

Menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, terdapat riwayat bahawa ‘Umar pernah berterus terang kepada Ibn ‘Abbās akan keutamaan ‘Alī sebagai khalifah. Namun demikian, kekhalifahan ‘Alī tetap ditolak kerana usia yang masih muda dan kecintaannya terhadap Banī ‘Abd al-Muṭṭalib.[253] Antaranya riwayat seperti berikut:

"عَنْ طَارِقِ بْنِ شِهَابٍ قَالَ: لَمَّا قَدِمَ عُمَرُ الشَّامَ لَقِيَتْهُ أَسَاقِفَتُهَا وَ رُءُوسُهَا، وَ قَدْ تَقَدَّمَهُ الْعَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ عَلَى فَرَسٍ، وَ كَانَ الْعَبَّاسُ جَمِيلًا بَهِيّاً، فَجَعَلُوا يَقُولُونَ: هَذَا أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ، وَ يَقُولُونَ لَهُ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ فَيَقُولُ: لَسْتُ بِأَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ وَ أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ وَرَائِي، وَ أَنَا وَ اللهِ أَوْلَى بِالْأَمْرِ مِنْهُ، فَسَمِعَهُ عُمَرُ قَالَ: مَا هَذَا يَا أَبَا الْفَضْلِ؟ قَالَ: هُوَ الَّذِي سَمِعْتَ، فَقَالَ: لَكِنِّي أَنَا وَ إِيَّاكَ قَدْ خَلَّفْنَا بِالْمَدِينَةِ مَنْ هُوَ أَوْلَى بِهَا مِنِّي وَ مِنْكَ، قَالَ الْعَبَّاسُ: وَ مَنْ هُوَ؟ فَقَالَ: عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ قَالَ: فَمَا الَّذِي مَنَعَكَ وَ صَاحِبَكَ أَنْ تُقَدِّمَاهُ؟ فَقَالَ: خَشْيَةَ أَنْ يَتَوَارَثَهَا عَقِبُكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَ كَرِهْنَا أَنْ تَجْتَمِعَ لَكُمُ النُّبُوَّةُ وَ الْخِلَافَةُ!!."

Terjemahan:
“Daripada Ṭāriq bin Shihāb, beliau berkata: Ketika ‘Umar datang ke Shām, beliau bertemu dengan para pendeta dan pemimpinnya, (perjalanan) beliau telah didahului oleh al-‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭṭalib di atas kuda, sedangkan al-‘Abbās adalah seorang yang segak dan tampan. Lalu mereka berkata: Ini

[252] Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 1: 161; al-Khaw’ī, *Minhāj al-Barā‘ah*, 5: 10.
[253] Ibn Abī al-Ḥadid, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 2: 57; al-Ḥillī, *Kashf al-Yaqīn*, 252; al-Baḥrānī, *Ḥilyah al-Abrār*, 2: 318; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 26: 192.

University of Malaya

> *Amīr al-Mu'minīn*. Mereka berkata kepadanya: Salam sejahtera ke atasmu wahai *Amīr al-Mu'minīn*. Lalu (al-'Abbās) berkata: Aku bukan *Amīr al-Mu'minīn*, *Amīr al-Mu'minīn* di belakangku, dan aku demi Allah lebih berhak dengan urusan itu daripadanya. 'Umar terdengar lalu berkata: Apa ini wahai Abū al-Faḍl? Beliau (al-'Abbās) berkata: Ia apa yang kamu dengar. Beliau ('Umar) berkata: Akan tetapi aku dan engkau telah mengabaikan Madinah kepada orang yang lebih utama baginya daripada aku dan engkau. Al-'Abbās berkata: Siapa dia? Beliau ('Umar) berkata: 'Alī bin Abī Ṭālib. Beliau (al-'Abbās) berkata: Apa yang menegah kamu dan *al-sahabah*mu (Abū Bakr) untuk melantiknya ('Alī)? Beliau ('Umar) berkata: Bimbang keturunan kamu mewarisinya (khilafah) hingga ke Hari Kiamat, sedangkan kami membenci berkumpulnya kenabian dan kekhalifahan pada kamu!!.."[254]

Khair Izzah mengatakan sejarah telah membuktikan betapa kebencian para *al-sahabah* terhadap 'Alī. Ini kerana, 'Alī hanya diiktiraf sebagai khalifah yang keempat pada tahun 203 Hijrah bersamaan 844 Masihi iaitu pada zaman kemasyhuran Aḥmad bin Ḥanbal. Dalam *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah* yang merupakan salah satu rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, dibawakan riwayat mengenai Warīzah al-Ḥimṣī yang mempertikaikan perbuatan Aḥmad bin Ḥanbal kerana menjadikan 'Alī sebagai khalifah keempat dalam senarai Khulafa al-Rasyidin. Pada pandangan Warīzah, pengiktirafan kepada 'Alī sebagai khalifah keempat akan menjejaskan kedudukan Ṭalḥah dan Zubayr yang terlibat dalam perang *Jamal*. Namun begitu, Aḥmad bin Ḥanbal tidak bersetuju dengan pendapat tersebut dengan alasan peperangan tersebut tiada kena mengena dengan umat yang datang kemudian. Warīzah beralasan ia berdasarkan hadis Ibn 'Umar, namun Aḥmad bin Ḥanbal menjawab bahawa 'Umar al-Khaṭṭāb adalah lebih baik daripada anaknya kerana dia menerima 'Alī sebagai khalifah dengan menyenaraikan beliau ke dalam ahli syura.[255]

Berdasarkan riwayat tersebut, Khair Izzah meyakini bahawa para *al-sahabah* menolak kedudukan 'Alī sebagai khalifah dengan dua sebab. Pertama, menerima dan

---

[254] Muḥammad bin Jarīr al-Āmilī, *al-Mustarshid fī Imāmah 'Alī bin Abī Ṭālib 'alayh al-salām* (Qom: Kūshānipūr, 1415H), 617.
[255] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 469-470; Muḥammad al-Tījānī, *al-Shī'ah Hum Ahl al-Sunnah* (Qom: Markaz al-Abḥāth al-'Aqā'idiyyah, 1427H), 68-69.

University of Malaya

mengiktiraf ‘Alī sebagai khalifah secara tidak langsung akan memperkecilkan kedudukan para *al-sahabah* seperti Ṭalḥah dan Zubayr hingga meletakkan mereka sebagai penderhaka. Kedua, ‘Alī tidak layak diiktiraf sebagai khalifah kerana para *al-sahabah* sejak dahulu lagi tidak pernah mengutamakan beliau bila memberikan pujian kepada para *al-sahabah* Nabi SAW.[256] Ia sebagaimana yang diriwayatkan al-Bukhārī daripada Ibn ‘Umar, “*Pada zaman Nabi lagi, kami memilih-milih yang terbaik di kalangan manusia (al-sahabah), lalu kami memilih Abū Bakr, kemudian ‘Umar al-Khaṭṭāb, kemudian ‘Uthmān bin ‘Affān.*”[257] Dalam riwayat lain, Ibn ‘Umar berkata, “*Semasa hidup Nabi lagi, kami tidak menganggap sesiapapun yang melebihi Abū Bakr, kemudian ‘Umar, kemudian ‘Uthmān. Seterusnya kami tinggalkan selebihnya kepada para al-sahabah Rasul tanpa membuat sebarang keutamaan di antara mereka*.”[258] Menurut al-Amīnī, dengan hadis-hadis seumpama ini, ia menjadi sandaran kukuh bahawa para *al-sahabah* tidak memasukkan ‘Alī sebagai salah seorang khalifah yang empat.[259]

3.8.3 Perang menjatuhkan ‘Alī

Berasaskan fakta berkenaan, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berpendapat, perang *Jamal* dan *Ṣiffīn* dilancarkan oleh pakatan para *al-sahabah* bertujuan untuk menjatuhkan ‘Alī daripada tampuk pemerintahan kerana ketidaklayakannya memegang jawatan tersebut. Ia diketuai oleh ‘Ā’ishah, Ṭalḥah dan Zubayr dalam perang *Jamal* manakala dipimpin oleh Mu‘āwiyah dalam perang *Ṣiffīn*. Kedua-dua peperangan tersebut terjadi bukan berpunca daripada fitnah yang tidak dapat dielakkan, sebaliknya berlaku dengan kehendak

---

[256] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 469-472.
[257] Hadis riwayat al-Bukhari, Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, no. hadis: 3455. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 3: 1337.
[258] *Ibid.*, no. hadis: 3494, 3: 1352.
[259] ‘Abd al-Ḥusayn al-Amīnī, *al-Ghadīr* (Qom: Markaz al-Ghadīr, 1416H), 10: 120.

University of Malaya

al-sahabah sambil berselindung di sebalik alasan meraih keredaan Allah SWT.[260] Ṭalḥah dan Zubayr mendakwa perang dilancarkan bukan bagi menuntut kekuasaan mahupun jawatan khalifah, namun bagi membela kematian 'Uthmān bin 'Affān dan mengembalikan pelantikan khalifah kepada umat Islam.[261] Sedangkan 'Alī mengatakan niat sebenar Ṭalḥah dan Zubayr adalah untuk merebut jawatan khalifah. Bahkan jika salah seorang berjaya menjadi khalifah, sudah tentu yang berjaya akan membunuh *al-sahabah*nya yang tidak berjaya.[262] Manakala 'Ā'ishah hanya dipergunakan oleh Ṭalḥah dan Zubayr bagi menarik simpati penduduk Baṣrah supaya turut terlibat dalam peperangan tersebut. Perbuatan Ṭalḥah dan Zubayr ini disebutkan oleh 'Alī ketika beliau menyeru pendukungnya untuk bersiap sedia bagi menghadapi penentangan mereka:

> "*Amīr al-Mu'minīn* telah menyeru sekalian rakyatnya: Bersedialah untuk bergerak, sesungguhnya Ṭalḥah dan Zubayr telah mengkhianati baiah, melanggar perjanjian dan mengeluarkan 'Ā'ishah dari rumahnya, menuju ke Baṣrah untuk membangkitkan fitnah dan menumpahkan darah umat Islam. Kemudian beliau mengangkat kedua-dua tangannya ke langit sambil berdoa: Wahai Allah, sesungguhnya dua orang ini telah menderhaka kepadaku dan mekhianati perjanjianku dan melanggar baiahku…"[263]

Kerana itu, Khair Izzah mempersoalkan, jika benar niat para penentang bagi menuntut darah 'Uthmān, mengapa mereka tidak memilih jalan diplomasi dengan 'Alī yang dilantik secara ijmak dan baiah yang sempurna? Namun demikian, niat sebenar golongan penentang 'Alī akhirnya terbongkar menerusi riwayat yang menukilkan bahawa 'Ā'ishah tidak pernah merasa tenang setelah tewas dalam peperangan *Jamal*. Ia berdasarkan perbuatan 'Ā'ishah

---

[260] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 362-363.
[261] Al-Mufīd, *al-I'tiqādāt*, 304.
[262] Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 9: 109; al-Sharīf al-Riḍā, *Nahj al-Balāghah*, 206; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 32: 80; al-Khaw'ī, *Minhāj al-Barā'ah*, 9: 104.
[263] Al-Mufīd, *al-I'tiqādāt*, 240; Muḥammad bin al-Ḥasan al-Ṭūsī, *al-Amālī* (Qom: Dār al-Thaqāfah, 1404H), 418; al-Baḥrānī, *Ḥilyah al-Abrār*, 2: 350; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 32: 72.

University of Malaya

yang terus bersujud syukur ketika sampai kepadanya berita pembunuhan ‘Alī.[264] Khair Izzah juga berpendirian, tidak wajar pihak yang memerangi ‘Alī dinilai sebagai benar dengan alasan kedua-duanya benar atas dasar ijtihad. Penilaian sedemikian melanggar kelogikan akal dan enggan menerima hakikat kebenaran.[265] Adalah sesuatu yang mustahil untuk mengatakan bahawa dua pihak yang bertentangan, namun kedua-duanya benar dan mendapat petunjuk sedangkan ia melibatkan pertumpahan darah.[266]

3.8.4 Memerangi ‘Alī bukan suatu ijtihad

Thābit *mawlā* kepada Abū Dhar mengisahkan bagaimana timbul keraguan di dalam hatinya ketika melihat ‘Ā’ishah sedang berdiri di hadapannya dalam perang *Jamal*. Ini kerana, ‘Ā’ishah memiliki kedudukan yang teramat istimewa sebagai *Umm al-Mu’minīn*. Akan tetapi, Thābit juga menyedari kedudukan ‘Alī yang merupakan insan istimewa dan memiliki kelebihan tertentu di sisi Rasulullah SAW. Setelah selesai peperangan, beliau pergi menemui Umm Salamah untuk memohon pencerahan atas keraguannya itu. Lalu Umm Salamah mengatakan tindakan beliau bersama ‘Alī itu benar kerana Nabi SAW pernah bersabda, “‘*Alī bersama al-Qur’an dan al-Qur’an bersama ‘Alī. Keduanya tidak mungkin berpisah hinggalah keduanya kembali kepadaku di telaga al-Ḥawḍ.*”[267]

Berdasarkan hadis ini dan yang seumpama dengannya, ia menjadi bukti bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah bahawa ‘Alī berada pada pihak yang benar kerana segala tindakan beliau adalah berdasarkan al-Qur’ān. Tambahan lagi, Syiah berpegang dengan satu riwayat yang dinukilkan oleh al-Qandūrī di dalam *Yanābī‘ al-Mawaddah* daripada ‘Āi’shah

---

[264] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 362-363. Ia juga dinyatakan dengan banyak dalam riwayat SyiahImāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Lihat Ibn Hayyūn (1409h), *Sharḥ al-Akhbār*, 2: 71; Ḍāmin bin Shadqum al-Madanī, *Waq‘ah al-Jamal* (Qom: Nashr Muḥammad, 1420H), 26.
[265] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 370.
[266] Al-Madanī, *Waq‘ah al-Jamal*, 13-14.
[267] Al-Mufīd, *al-I‘tiqādāt*, 417; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 22: 222.

University of Malaya

bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Sesungguhnya Allah telah berjanji kepadaku bahawa sesiapa yang memerangi 'Alī, maka ia telah menjadi kafir dan tempatnya di dalam neraka!*"[268] Menerusi riwayat ini dan riwayat-riwayat lain yang menyebut berkenaan sesiapa yang menentang, memerangi atau meragui kekhalifahan 'Alī, maka Rasulullah SAW menjatuhkan hukuman kafir ke atas mereka.[269] Bahkan al-Rāwandī menukilkan, bahawa Muḥammad al-Bāqir (Imam Kelima) dan Ja'far al-Ṣādiq (Imam Keenam) mengatakan ayat 54 daripada surah al-Mā'idah, "*Wahai orang yang beriman, sesiapa yang murtad daripada agamanya…*", diturunkan kepada penduduk Baṣrah yang terlibat dalam perang *Jamal* dan sesiapa yang memerangi 'Alī.[270]

Oleh yang demikian, Khair Izzah menegaskan bahawa pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang mengatakan seluruh pendapat dan ijtihad para *al-sahabah* sama ada benar atau salah tetap mendapat pahala berdasarkan hadis, "*Apabila seseorang hakim berijtihad lalu benar ijtihadnya itu maka baginya dua pahala, tetapi sekiranya salah maka baginya satu pahala*" adalah mengelirukan. Bagaimana mungkin orang yang berbuat kebatilan iaitu dengan melanggar perintah Allah SWT dan Rasul-Nya SAW diberikan pahala? Bererti Mu'āwiyah yang memerangi 'Alī di medan *Ṣiffīn* hingga menyebabkan ribuan umat Islam terbunuh tetap diberikan pahala kerana berijtihad. Begitu juga dengan pembunuhan umat Islam di medan *Jamal* yang diketuai Umm al-Mu'minīn 'Ā'ishah hingga mengorbankan ribuan umat Islam di dalam masjid. Syiah menolak kaedah sebegini kerana dianggap

---

[268] Al-Mar'ashī, *Iḥqāq al-Ḥaq*, 18: 470; Ibn Ṭāwūs, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib*, 483.

[269] Muḥammad bin 'Alī bin Bābawayh, *al-Amālī* (Tehran: Kitābachī, 1418H), 673; Muḥammad bin Abī al-Qāsim al-Āmilī, *Bisharah al-Muṣṭafā li Syiahal-Murtaḍā* (Najaf: al-Maktabah al-Ḥaydriyyah, 1383H), 2: 189; Shādhān bin Jibra'īl al-Qummī, *al-Rawḍah fī Faḍā'il Amīr al-Mu'minīn 'Alī bin Abī Ṭālib 'alayh al-salām* (Qom: Maktabah al-Amīn, 1423H), 78; Ibn Baṭrīq, *'Umdah al-'Uyūn*, 91; Ibn Ṭāwūs, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib*, 248.; al-Ḥillī, *Kashf al-Yaqīn*, 293; al-Daylamī, *Irshād al-Qulūb*, 2: 236.

[270] Sa'īd bin Hibah Allāh al-Rāwandī (1405h), *Fiqh al-Qur'ān* (Qom: Maktabah Āyah Allāh al-Mar'ashī, 1405H), 1: 369.

University of Malaya

menjadikan alasan ijtihad sebagai lesen untuk membunuh dan melanggar hukum Allah SWT dan Rasul-Nya SAW.[271]

3.8.5 Sikap Mu'āwiyah terhadap 'Alī

Alasan ijtihad yang digunakan demi mempertahankan musuh-musuh 'Alī dalam medan *Jamal* dan *Ṣiffīn* didapati tidak konsisten dengan sikap musuh-musuh 'Alī selepas peperangan tersebut. Ia terserlah menerusi riwayat-riwayat yang menukilkan perintah Mu'āwiyah agar orang ramai mengutuk dan mencaci 'Alī. Ia dilakukan oleh Mu'āwiyah sebagai ibadah bagi mengharapkan pahala daripada Allah SWT. Mu'āwiyah telah memerintahkan para gabenornya mengutuk 'Alī dan Ahl al-Bayt di atas mimbar-mimbar masjid sebelum solat Jumaat. Bahkan Mu'āwiyah telah menulis sepucuk surat dan dikirimkan ke seluruh gabenornya sesudah *Ām al-Jamā'ah* bertujuan memecat sesiapa sahaja yang meriwayatkan sesuatu keutamaan mengenai 'Alī dan Ahl al-Bayt di atas mimbar-mimbar masjid. Masyarakat yang paling terkesan dengan arahan tersebut adalah penduduk Kūfah kerana ramai di kalangan mereka merupakan pendukung 'Alī. Bahkan Mu'āwiyah telah melantik Ziyād bin Sumayyah untuk mencari dan menangkap para pendukung Ahl al-Bayt. Sesiapa sahaja yang ditemui akan dibunuh manakala tangan dan kaki mereka dipotong, mata dicungkil malah disalib di atas batang-batang pokok kurma. Mereka juga diusir dari bumi Iraq hingga tiada seorang pun yang tinggal daripada kalangan mereka.[272]

Al-Majlisī meriwayatkan daripada Abū 'Uthmān bahawa sekumpulan orang daripada Banī Umayyah sendiri pernah menasihati Mu'āwiyah agar menghentikan ungkapan laknat terhadap 'Alī. Ini kerana, tiada sebab lagi untuk beliau berbuat demikian sedangkan beliau

---

[271] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 692-693.

[272] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 718-719. Kisah ini diriwayatkan dalam banyak karya SyiahImāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Lihat Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 2: 44-45; al-Fayḍ al-Kāshānī, *Nawādir al-Akhbār*, 5; al-Ḥurr al-'Āmilī, *Wasā'il al-Shī'ah*, al-muqaddimah, h. 37; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 33: 191-192.

University of Malaya

telah pun mencapai matlamatnya menjadi khalifah. Akan tetapi Mu‘āwiyah bersumpah untuk tidak menghentikannya sehingga kanak-kanak terdidik dengannya, orang dewasa menjadi terbiasa hingga ke usia tua dan tiada sesiapa lagi yang akan menyebut ‘Alī dengan sebarang kelebihan.[273] Oleh yang demikian, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah melihat Mu‘āwiyah sebagai seorang *al-sahabah* yang amat bermasalah. Terlalu banyak riwayat yang dinukilkan oleh Syiah mengenai kedudukan Mu‘āwiyah di akhirat kelak akibat daripada memerangi ‘Alī dan para Ahl al-Bayt. Antaranya riwayat seperti berikut:

"إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَ جَلَّ عَرَضَ عَلَيَّ فِي مَنَامِي الْقِيَامَةَ وَ أَهْوَالَهَا وَ الْجَنَّةَ وَ نَعِيمَهَا وَ النَّارَ وَ مَا فِيهَا وَ عَذَابَهَا فَأَطْلَعْتُ فِي النَّارِ فَإِذَا أَنَا بِمُعَاوِيَةَ وَ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ قَائِمَيْنِ فِي حَرِّ جَهَنَّمَ تَرْضَخُ رُءُوسَهُمَا الزَّبَانِيَةُ بِحِجَارَةٍ مِنْ جَمْرِ جَهَنَّمَ يَقُولُونَ لَهُمَا هَلْ آمَنْتُمَا بِوَلَايَةِ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ..."

Terjemahan:
"Sesungguhnya Allah ‘azza wa jalla telah bentangkan ke atasku di dalam mimpiku Hari Kiamat dan kedahsyatannya, syurga dan kenikmatannya, neraka dan azab di dalamnya. Maka aku menjenguk ke dalam neraka, tiba-tiba aku dapati Mu‘āwiyah dan ‘Amr bin al-‘Aṣ sedang berdiri di dalam kepanasan api neraka sedangkan kepala kedua-dua mereka dipecahkan oleh Zabāniyah dengan batu daripada bara api neraka Jahannam sambil mengatakan kepada mereka: Adakah kamu berdua beriman dengan wilāyah ‘Alī bin Abī Ṭālib?.."[274]

Bahkan al-Mufīd menukilkan riwayat daripada Ja‘far al-Ṣādiq (Imam Keenam) bahawa keingkaran Mu‘āwiyah dan ‘Amr bin al-‘Aṣ sampai ke tahap mereka tidak berkeinginan untuk mendapatkan pelepasan keluar daripada azab neraka.[275] Malah, Syiah berpandangan, Mu‘āwiyah adalah susuk peribadi yang bermasalah sejak daripada peringkat awal pengislamannya. Ini kerana, Mu‘āwiyah masih kekal dalam kesyirikan dan kekufuran lama selepas kemunculan Nabi SAW.[276] Beliau hanya menzahirkan Islam lima bulan

[273] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 33: 176.
[274] Al-Māzindarānī, *Manāqib Āli*, 3: 204; al-Baḥrānī, *al-Burhān*, 5: 694; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 33: 166.
[275] Al-Mufīd, *al-I‘tiqādāt*, 344.
[276] Al-Ḥillī, *Minhāj al-Karāmah*, 81.

University of Malaya

sebelum kewafatan Nabi SAW kerana bimbangkan keselamatan dirinya.[277] Oleh itu, beliau bukan seorang muslim kecuali pada namanya sahaja,[278] sebaliknya masih kekal dengan cara hidup jahiliyyah dan meninggal dunia dalam keadaan salib tergantung pada tengkuknya.[279] Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah melemparkan pelbagai tempelakan seperti mengatakan, "*dia lebih jahat daripada Iblīs*", "*kezindikannya lebih masyhur daripada kekufuran Iblīs*", "*dia adalah orang yang dibelenggu dengan rantai yang panjangnya tujuh puluh hasta di akhirat kelak sebagaimana dalam ayat 30-32 surah al-Ḥāqqah, juga fir'awn umat ini*", "*munafik*", "*penderhaka terhadap Allah dan Rasul-Nya*", "*antara musuh keluarga Muhammad, khususnya 'Alī bin Abī Ṭālib*" dan lain-lain.[280]

Kesimpulannya, apa yang dikemukakan oleh Khair Izzah dalam isu ini bertepatan dengan pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Konflik yang berlaku antara *al-sahabah* dalam perang *Jamal* dan *Ṣiffīn* berpunca daripada kemuncak api permusuhan para *al-sahabah* terhadap 'Alī. Para *al-sahabah* sama sekali tidak boleh menerima keutamaan 'Alī berbanding yang lain lalu berusaha untuk menjatuhkan beliau daripada tampuk pemerintahan. Ia dipimpin pula oleh tokoh-tokoh besar *al-sahabah* seperti 'Ā'ishah, Ṭalḥah, Zubayr dan Mu'āwiyah yang sudah tentu memiliki pengaruh yang besar pada zaman tersebut. Adalah mustahil untuk menjadikan ijtihad sebagai alasan terjadinya peperangan antara kedua-dua pihak. Ini kerana, nas dan dalil jelas menunjukkan 'Alī berada di pihak yang benar dan wajib ditaati sedangkan penentangnya berada di pihak yang batil dan wajib diperangi.

---

[277] Ja'far Kāshif al-Ghiṭā', *al-'Aqā'id al-Ja'fariyyah* (Qom: Mu'assasah Anṣāriyān, 1425H), 96; Fāḍil Miqdād, *al-Lawāmi' al-Ilāhiyyah fi al-Mabāḥith al-Kalāmiyyah* (Qom: Daftar Tablīghāt Islāmī, 1422H), 496.
[278] Hāshim Ma'rūf al-Ḥusaynī, *Fī Ẓilāl al-Tashayyu'* (Beirut: Mu'assasah al-Wafā', 1983), 286.
[279] Al-Nabāṭī, *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*, 3: 50; Ibn Ṭāwūs, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib*, 277; al-Māzindarānī, *Manāqib Āli*, 2: 259.
[280] Al-Ḥillī, *Minhāj al-Karāmah*, 81; 'Alī al-Namāzī al-Shāharwadī, *Mustadrakāt 'Ilm al-Rijāl al-Ḥadīth* (Tehran: Shafaq, 1412H), 7: 443; al-Kulaynī, *al-Kāfī*, 8: 157; Ibn Bābawayh, *al-Khiṣāl*, 2: 575; Ibn Ṭāwūs, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib*, 277; al-Miyānijī, *Makātīb al-A'immah*, 1: 59.

University of Malaya

3.9 Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab *al-sahabah*

Menerusi sub-sub topik sebelum ini, telah dijelaskan pandangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap para *al-sahabah*. Bermula dengan pembentangan definisi *al-sahabah*, *al-sahabah* dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah, keadilan para *al-sahabah*, pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah, pendirian Ahl al-Bayt terhadap *al-sahabah* dan konflik antara para *al-sahabah*. Semua perbahasan menjurus kepada pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang menolak para *al-sahabah* sebagai sumber rujukan atau sandaran dalam beragama. Ia berasaskan kedudukan para *al-sahabah* yang memiliki banyak kekurangan dan keburukan yang boleh dipertikaikan kredibilitinya berbanding para imam Ahl al-Bayt yang bersifat maksum, dilantik oleh Allah SWT dan diwasiatkan oleh Rasulullah SAW. Pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah tersebut memberi kesan langsung kepada pandangan mereka terhadap mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang meletakkan *al-sahabah* sebagai generasi yang dipandang tinggi dan dihormati.

3.9.1 Ketidakaslian mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah

Dalam dua karya Syiah berbahasa Melayu yang dikaji, mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah disifatkan sebagai tidak asli. Sebagai contoh, dalam dialog antara Dr. Ali Taqi dan Dr. Tengku Idora, Faisal Tehrani cuba menggambarkan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang dianut oleh 90 peratus umat Islam pada hari ini adalah mazhab yang tidak asli berbanding Syiah yang mewakili sepuluh peratus namun ia mazhab yang asli.[281] Keaslian sesuatu mazhab itu penting kerana ia berhubung rapat dengan kerelevanannya dalam menangani permasalahan umat. Misalnya, perjuangan menuntut pelbagai hak kaum wanita pada hari ini berpunca daripada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang asas dan dasar

[281] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 9.

University of Malaya

hal ehwal wanitanya bergantung kepada kesia-siaan disebabkan ia mazhab yang tidak mampu menyelesaikan masalah.[282] Pandangan Faisal Tehrani tersebut jelas menunjukkan penolakan beliau terhadap keaslian dan keautoritian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai mazhab yang mampu menyelesaikan permasalahan ummah.

Faisal turut mempersoalkan asal kemunculan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ini kerana, mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah hanya wujud terkemudian dengan kelahiran aliran Ashā‘irah yang dipelopori oleh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī yang lahir pada kurun ketiga hijrah iaitu pada tahun 260 Hijrah. Sebelumnya tidak pernah wujud aliran yang dinamakan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Sebaliknya yang wujud pada zaman ‘Alī adalah pengikut ‘Alī yang disebut Syiah ‘Alī dan pengikut ‘Uthmān yang dinamakan Syiah ‘Uthmān. Setelah perang *Jamal*, lahir pula kumpulan yang digelar Khawārij. Seterusnya pada zaman Banī Umayyah lahir lebih banyak lagi kumpulan seperti Murji’ah, Qadariyyah, Jabariyyah dan Mu‘tazilah. Pada zaman Banī ‘Abbāsiyyah, mazhab Mu‘tazilah menjadi sangat kukuh kerana ia didukung oleh beberapa orang khalifah iaitu al-Ma’mūn dan al-Mu‘taṣim. Namun begitu, akibat penggunaan akal yang semakin melampau dalam pemikiran Mu‘tazilah, Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī yang pada asalnya merupakan bekas tokoh Mu‘tazilah telah mengisytiharkan diri menolak fahaman Mu‘tazilah lalu mengajak umat Islam agar kembali kepada sunnah dan jamā‘ah. Aliran al-Ash‘arī ini kemudiannya dikembangkan lagi dengan kemunculan seorang lagi tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah iaitu Abū Manṣūr al-Māturīdī. Dari sudut fiqh mereka menerimapakai empat mazhab yang saling bertentangan antara satu dengan lain di samping mengenepikan Mazhab Ja‘farī yang dipegang oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah.[283]

---

[282] *Ibid.*, 83.
[283] *Ibid.*, 70-75.

University of Malaya

Justeru, Faisal Tehrani memandang Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai sebuah mazhab yang baharu. Ia hanya wujud 200 tahun selepas kewafatan Rasulullah SAW. Landasan kewujudan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga hanya berasaskan retorika menentang fahaman Mu'tazilah yang berleluasa pada era 'Abbāsiyyah. Walaupun ia menjadi dominan di dalam dunia Islam, namun ia sebuah pakatan yang rapuh kerana didasari dengan pelbagai pertembungan teologi yang tidak mesra antara al-Ash'arī dan al-Māturīdī seperti persoalan *ma'rifatullāh* dan *qaḍā'* dan *qadar*. Dalam permasalahan fiqh, turut berlaku pertembungan yang sangat ketara antara empat mazhab. Malah sejarah mencatatkan pada zaman 'Abbāssiyyah pernah terjadi pergaduhan yang melibatkan darah antara penganut empat mazhab. Berlaku perpecahan yang kronik akibat kefanatikan terhadap mazhab pegangan masing-masing. Semua itu merupakan indikator, menunjukkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah itu adalah pakatan yang rapuh, saling bercakaran dan perlu digantikan dengan mazhab yang benar-benar asli dan berasal daripada Rasulullah SAW.[284]

Khair Izzah juga bersependapat dengan Faisal Tehrani. Beliau mempersoalkan keperibadian Abu al-Ḥasan al-Ash'arī yang hanya bertaubat daripada fahaman Mu'tazilah pada tahun 310 Hijrah ketika berumur 50 tahun. Ia jarak yang amat jauh dengan zaman Nabi SAW dan para *al-sahabah* r.a.h. Apa yang menjadi persoalan, mengapa beliau mengambil masa yang terlalu lama untuk memahami isi kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sebenar. Selain itu, tiada jaminan bahawa fahaman baharu yang diisytiharkan oleh al-Ash'arī benar-benar sahih dan haq di sisi Allah SWT. Ini kerana, jika al-Ash'arī seorang yang benar-benar pakar dalam pemahaman al-Qur'an dan al-Sunnah, maka sudah tentu sejak awal lagi beliau tidak menganut fahaman sesat Mu'tazilah. Persoalan lebih besar, kesemua empat tokoh ulama mujtahid dalam fiqah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah lahir lebih awal dan

[284] *Ibid.*, 338-341.

University of Malaya

meninggal dunia sebelum kelahiran al-Ash‘arī. Ini menggambarkan penganut Sunni seolah-olah berada dalam kesesatan akidah sebelum kemunculan al-Ash‘arī dan hanya memberikan tumpuan kepada fiqah sepanjang tempoh itu.[285]

3.9.2 Istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah menurut ulama Shī‘ah

Pandangan Faisal Tehrani dan Khair Izzah tersebut, selari dengan pemikiran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang mempersoalkan awal kemunculan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ibn ‘Aṭiyyah mengatakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah tidak pernah wujud kecuali selepas kemunculan kerajaan Banī Umayyah. Malah istilah bagi kumpulan yang menyelisihi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah juga tidak wujud sebelum zaman pemerintahan Mu‘āwiyah bin Abī Sufyān. Sebaliknya Mu‘āwiyah orang pertama yang mencipta istilah tersebut pada tahun yang digelar sebagai *‘Ām al-Jamā‘ah*.[286] Al-Wirdānī mengatakan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sendiri tidak memiliki jawapan mengenai bila istilah itu muncul dan bila mula-mula akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah terzahir. Ini menyebabkan mereka cuba menyandarkannya kepada Rasulullah SAW dan para *al-sahabah* bagi melegitimasikan akidah mereka, mengaitkannya dengan sejarah awal Islam dan sekaligus melenyapkan segala keraguan.[287]

Sebaliknya orang yang mula-mula meletakkan batu asas pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah adalah Aḥmad bin Ḥanbal. Kemudian ia diteruskan oleh golongan Ḥanābilah dengan dukungan kuat kerajaan ‘Abbāsiyyah selepas zaman al-Ma’mūn yang menganut fahaman Mu‘tazilah. Manakala empat tokoh mazhab fiqah terbesar iaitu Abū Ḥanīfah, Mālik dan Shāfi‘ī belum lagi mencadangkan apa-apa berkaitan pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-

[285] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 3-5.
[286] Ibn ‘Aṭiyyah, *Abhā al-Murād*, 2: 136.
[287] Ṣāliḥ al-Wirdānī, *Ahl al-Sunnah Sha‘b Allāh al-Mukhtār: Dirāsah fī Fasād ‘Aqā’id Ahl al-Sunnah* (Kaherah: Maktabah Mabdūli al-Ṣaghīr, 1996), 13.

University of Malaya

Jamā‘ah pada zaman mereka. Jelasnya, akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah digagaskan dan berkembang menerusi lima peringkat. Pertama, Aḥmad bin Ḥanbal; kedua, Ashā‘irah dan Māturīdiyyah; ketiga, Ḥanābilah; dan keempat, Ibn Taimiyyah. Bahkan kitab-kitab yang dikarang bagi mendukung Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah lebih bersifat menjawab aliran-aliran lain yang bertentangan dengan mereka. Ini menunjukkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah itu adalah perkara baharu yang datang kemudian dan bersifat *ijtihādī*, bukan disyariatkan atau dinaskan secara muktamad.[288]

Al-Tījānī pula mengatakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah hanya digagaskan sebagai kontra kepada aliran ‘Alī dan pengikutnya. Ia dianggap sebagai punca utama terbahaginya umat Islam kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Syiah selepas kewafatan Nabi SAW. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah langsung tidak berpegang dengan *walā* terhadap para wali Allah SWT dan *barā'* daripada para musuh Allah SWT. Bahkan menyatakan kesetiaan, kasih sayang dan keredaan terhadap semua para *al-sahabah* termasuk Mu‘āwiyah bin Abī Sufyān dan ‘Alī bin Abī Ṭālib. Jika penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah mengetahui bahawa ‘Alī itu sebenarnya adalah pintu masuk kepada *al-Sunnah al-Nabawiyyah*, sudah tentu mereka akan merujuk kembali fahaman mereka.[289]

Dalam karya lain, al-Tījānī mengatakan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah telah bersepakat bahawa istilah Ahl al-Sunnah hanya bermula selepas Mu‘āwiyah menjadi khalifah pada *Ām al-Jamā‘ah*. Ini kerana, selepas kematian ‘Uthmān, umat Islam terbahagi kepada pengikut ‘Alī dan pengikut Mu‘āwiyah. Namun demikian, setelah usaha perdamaian dilakukan antara Ḥasan dan Mu‘āwiyah, Mu‘āwiyah akhirnya dilantik sebagai khalifah dan sejurus kemudian istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah menjadi masyhur. Ini menunjukkan,

[288] *Ibid.*, h. 19-20.
[289] Al-Tījānī, *al-Shī‘ah Hum Ahl al-Sunnah*, 27.

University of Malaya

istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah merujuk kepada pengikut Mu‘āwiyah dan bukan merujuk kepada pengikut Sunnah Nabi SAW.[290]

3.9.3 Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, mazhab *nawāṣib*

Berdasarkan perbahasan di atas, ulama Shī‘ah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah memandang Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai mazhab yang diasaskan oleh Mu‘āwiyah. Justeru, ia menjadikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai kelompok yang sangat ditentang oleh Syiah. Ini kerana, Mu‘āwiyah dan kerajaan Banī Umayyah dikategorikan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sebagai golongan *nawāṣib*.[291] Walau bagaimanapun, para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berselisih pendapat dalam menyandarkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah kepada *nawāṣib*. Pendapat pertama mengatakan, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah itu bukan *nawāṣib*, namun terdapat dalam kalangan tokoh-tokoh Ahl al-Sunnah yang terjebak dengan perbuatan golongan *nawāṣib*.[292] Manakala pendapat kedua pula mengatakan kesemua Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah itu *nawāṣib*.[293] Ni‘mah Allāh al-Jazā’irī mengatakan, termasuk dalam golongan *nawāṣib* mereka yang mendahulukan orang lain sebagai imam (khalifah) selain ‘Alī. Takrifan ini disokong dengan perkataan para imam Ahl al-Bayt yang menggelarkan Abū Ḥanīfah dan seumpamanya sebagai *nāṣibī* walaupun Abū Ḥanīfah dikenali sebagai orang yang menyayangi Ahl al-Bayt dan tidak memusuhi mereka.[294] Āli ‘Usfūr menyokong pendapat ini dengan menegaskan riwayat-riwayat para

---

[290] Muḥammad al-Tījānī (1991), *Thumm Ihdaytu* (London: Mu’assasah al-Fajar) 204.
[291] Muḥsin al-Mu‘allim, *al-Naṣb wa al-Nawāṣib* (Beirut: Dār al-Hudā, 1997), 249; *Nawāṣib* adalah kata jamak daripada perkataan *nāṣib* yang bermaksud orang yang menzahirkan permusuhan terhadap ‘Alī, ahli keluarganya dan para imam selepas ‘Alī dengan mencela mereka, benci untuk menyebut kelebihan mereka atau perbuatan yang seumpama dengannya. Lihat Fakhr al-Dīn Ṭarīḥī, *Majma‘ al-Baḥrayn* (Tehran: Murtaḍawī, 1416H), 2: 173-174; ‘Alī Āli Muḥsin, *Li Allāh wa li al-Ḥaqīqah* (Tehran: Mash‘ar, 1382H), 410.
[292] Badr bin Nāṣir al-‘Awwād, *al-Naṣb wa al-Nawāṣib* (Riyaḍ: Maktabah Dār al-Minhāj, 1433H), 94.
[293] *Ibid.*, 95.
[294] Ni‘mah Allāh al-Jazā’irī, *al-Anwār al-Nu‘māniyyah* (Beirut: Dār al-Qāri’, 2008), 2: 211.

University of Malaya

imam Ahl al-Bayt menunjukkan *nawāṣib* itu adalah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tanpa dapat dipertikaikan lagi.[295]

Pendapat kedua yang memasukkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai kelompok *nawāṣib* dilihat lebih konsisten di sisi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Walaupun terdapat sesetengah riwayat Syiah yang menunjukkan penerimaan terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam ibadat dan pergaulan, namun itu sekadar untuk bertaqiyyah. Antaranya apa yang diriwayatkan daripada Ismā'īl al-Ju'fī yang bertanya kepada Abū Ja'far, Muhammad al-Bāqir (Imam kelima):

> "Seorang lelaki mencintai Amīr al-Mu'minīn ('Alī), tetapi tidak berlepas diri daripada musuhnya dengan berkata: Dia ('Alī) lebih aku cintai berbanding yang menyelisihinya. Al-Bāqir menjawab: Ini kekeliruan, dia adalah musuh, jangan kamu solat di belakangnya, tiada penghormatan (untuknya) kecuali kamu bertaqiyyah dengannya."[296]

Selain itu terdapat riwayat yang masyhur mengatakan *naṣibī* itu bukan sahaja mereka yang memarahi 'Alī tetapi juga mereka yang membenci pihak yang mendukung 'Alī. Ia sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ja'far al-Ṣādiq (Imam Keenam):

> "Bukanlah nāṣibī itu orang yang memarahi kami Ahl al-Bayt kerana sesungguhnya kamu tidak akan bertemu orang yang mengatakan: Aku memarahi Muhammad dan keluarga Muhammad. Akan tetapi nāṣibī itu adalah orang yang memarahi kamu sedangkan dia mengetahui sesungguhnya kamu berwalak kepada kami dan sesungguhnya kamu adalah pengikut kami."[297]

Berdasarkan riwayat sebegini, sebahagian ulama Syiah Imāmiyyah seperti al-Khājū'ī mengatakan sesiapa yang tidak mengakui keimaman para imam Ahl al-Bayt seperti yang dianuti oleh Syiah Imāmiyyah, ia termasuk ke dalam golongan *nawāṣib*.[298]

---

[295] Ḥusayn bin Muḥammad Āli 'Uṣfūr, *al-Mahāsin al-Nafsāniyyah fī Ajwibah al-Masā'il al-Khurasāniyyah* (Beirut: Dār al-Mashriq al-'Arabī al-Kabīr, 1979), 147.

[296] Ibn Bābawayh, *Man lā Yaḥḍuruh al-Faqīh*, 1: 380; al-Ṭūsī, *Tahdhīb al-Aḥkām*, 3: 28; al-'Āmilī, *Wasā'il al-Shī'ah*, 8: 309.

[297] Muḥammad bin 'Alī bin Bābawayh, *Thawāb al-A'māl wa 'Iqāb al-A'māl* (Qom: Dār al-Sharīf al-Riḍā, 1406H), 207; al-Kāshānī, *al-Wāfī*, 2: 230; al-'Āmilī, *Wasā'il al-Shī'ah*, 9: 486; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 8: 369; al-Ṭarīḥī, *Majma' al-Baḥrayn*, 2: 174.

[298] Muḥammad bin Ismā'īl al-Khājū'ī, *al-Rasā'il al-Fiqhiyyah* (Qom: Dār al-Kutub al-Islāmī, 1411H), 2: 100.

University of Malaya

3.9.4 Mazhab majoriti bukan hujah

Khair Izzah mempertikaikan hujah yang menggunakan kaedah kelompok majoriti itu sentiasa benar. Beliau membawakan beberapa ayat al-Qur'an yang menunjukkan bahawa kumpulan yang ramai itu kebiasaannya paling banyak melakukan kerosakan dan kefasadan seperti yang terkandung dalam surah al-An'ām ayat 116 dan 119, surah Yūnus ayat 36, surah al-Furqān ayat 44, surah al-A'rāf ayat 102 dan surah Ṣād ayat 24. Sebaliknya Allah SWT sering merujuk kumpulan yang benar-benar beriman itu sebagai kumpulan minoriti seperti yang terkandung dalam surah Nūḥ ayat 40, surah Saba' ayat 13 dan surah Ṣād ayat 24. Justeru, bilangan tidak penting dalam menilai kebenaran sesuatu ajaran.[299] Dengan kerangka pemikiran yang sama, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menolak hadis masyhur yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Hendaklah kamu bersama dengan kehitaman yang besar (majoriti umat)*."[300]

Menurut al-Najafī, hadis ini langsung tidak boleh dijadikan hujah memandangkan ia hanya bersifat *ẓannī* atau andaian sedangkan dalam surah Yūnus ayat 36, Allah SWT berfirman, "*Sesungguhnya ẓann (persangkaan) itu tidak sedikit pun berguna untuk mencapai kebenaran…*" Hadis itu juga bertentangan dengan surah Āli 'Imrān ayat 144, "*Adakah jika dia (Rasulullah SAW) wafat atau dibunuh kamu berbalik semula ke belakang (murtad)*?", yang menunjukkan bahawa majoriti umat Islam akan kembali semula kepada sepertimana zaman jahiliyyah mereka selepas kewafatan Rasulullah SAW. [301]

Begitu juga hadis *al-Ḥawḍ* yang menggambarkan majoriti *al-sahabah* telah murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW sehingga tidak dibenarkan meminum air telaga *al-*

---

[299] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 13-16.
[300] Hadis riwayat Ibn Mājah, Kiṭab al-Fitan, Bāb al-Sawād al-A'ẓam, no. hadis: 3950. Lihat Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Mājah* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 2: 1303.
[301] Muḥammad Ḥasan al-Muẓaffar al-Najafī, *Dalā'il al-Ṣidq li Nahj al-Ḥaq* (Qom: Mu'assasah Āl al-Bayt, 1422H), 3: 201-202.

University of Malaya

Kawthar yang disediakan untuk umat Nabi SAW di akhirat kelak. Di samping itu, banyak ayat al-Qur'an yang mengisahkan sedikitnya umat terdahulu yang beriman kepada para nabi yang diutuskan, sebaliknya majoriti terus berada dalam kekufuran dan kesesatan.[302] Qāḍī Nūr Allāh pula mengatakan *al-sawād al-a'ẓam* bukan bermaksud majoriti umat seperti yang difahami oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebaliknya ia bererti apa yang ditinggalkan oleh Nabi SAW kepada umatnya berupa al-Qur'an dan ahli keluarga Baginda (Ahl al-Bayt).[303]

Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah turut berpandangan, isu majoriti tidak boleh dijadikan hujah kerana ia tidak konsisten dengan apa yang berlaku pada zaman para *al-sahabah* sendiri. Ini kerana, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menerima pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah atas dasar ia disokong majoriti para *al-sahabah*, namun dalam kes pembunuhan 'Uthmān yang disokong oleh majoriti *al-sahabah*, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tidak pula menolak 'Uthmān sebaliknya tetap meletakkan 'Uthmān pada kedudukan yang tinggi. Kerana itu, Allah SWT tidak pernah menjadikan majoriti sebagai penilaian terhadap kebenaran. Malah, golongan Bani Israel secara majoritinya telah mengingkari Nabi Hārūn dan menyembah patung anak lembu ketika ketiadaan Nabi Mūsā. Hal ini juga akan terjadi kepada umat Nabi Muhammad SAW sebagaimana sabda Baginda, "*Akan berlaku pada umat ini apa yang berlaku pada umat terdahulu umpama selipar dengan selipar (persamaan yang tidak berbeza sama sekali).*" Justeru, dalam al-Qur'an Allah SWT banyak memuji golongan yang sedikit berbanding dengan golongan yang majoriti tetapi ingkar dan melanggar perintah-Nya sepertimana firman Allah SWT dalam surah Saba' ayat 13, "*Dan amat sedikit daripada kalangan hamba-Ku yang bersyukur.*"[304]

---

[302] *Ibid.*
[303] Al-Mar'ashī, *Iḥqāq al-Ḥaq*, 2: 61-62.
[304] Sayyid 'Abd Allāh Shibr, *Ḥaq al-Yaqīn fī Ma'rifah Uṣūl al-Dīn* (Qom: Anwār al-Hudā, 1424H), 266.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah terus berkembang hasil daripada campur tangan politik pemerintah sebagaimana pendapat Sayyid Murtaḍā al-'Askarī. Ini kerana, majoriti para pemerintah, apabila melihat sesuatu perkara itu menepati kepentingan politik mereka, maka ia akan diperakukan. Sumber pertama yang dieksploitasikan adalah al-Qur'an agar menepati kepentingan mereka. Kedua, hadis-hadis yang mendukung fahaman mereka. Kemudian, apa yang dianut oleh pemerintah akan menjadi undang-undang yang dipraktikkan secara rasmi di dalam negara. Apa jua yang menyalahinya akan disekat dan dihukum dengan keras termasuk hukuman mati. Akhirnya pemerintah akan memaksa supaya umat mengambil fatwa-fatwa daripada mazhab empat dalam fiqah dan pandangan-pandangan al-Ash'ari dalam akidah.[305]

Pandangan yang sama diketengahkan oleh Faisal Tehrani dalam novel provokatifnya. Beliau menyelitkan mesej yang mengandungi elemen menyeru kepada penentangan terhadap pemerintah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sedia ada menerusi slogan "revolusi kebudayaan". Revolusi tersebut mengajak umat Islam kembali kepada pedoman Ahl al-Bayt menurut fahaman Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah.[306] Beliau menyeru supaya menentang penubuhan institusi atau agensi yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agama secara rasmi. Ia didakwa menyempitkan pengertian agama kepada kelompok tertentu sahaja sedangkan yang lain dianggap salah dan perlu disekat. Penginstitusian juga mendorong agama menjadi hak milik manusia dalam mentafsirkan al-Qur'an dan al-Sunnah menurut aliran sendiri.[307] Penggunaan hujah *sadd al-dharā'ī'* dan *al-akhdh bi al-aḥwaṭ* juga dibidas kerana ia sekadar alasan pemerintah untuk menghalalkan tindakan mereka. Walhal tujuan

[305] Ṣāliḥ al-Wirdānī, *al-Shī'ah fī Miṣr: Min al-Imām 'Alī ḥattā al-Imām al-Khumaynī* (Kaherah: Maktabah Madbūlī al-Ṣaghīr, 1993), 12.
[306] Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 112.
[307] *Ibid.*, 179-180.

University of Malaya

sebenar adalah untuk memaksakan satu mazhab sahaja diamalkan bagi memastikan kedudukan mereka tidak tergugat.[308]

Kesimpulannya, karya-karya Syiah berbahasa Melayu berpendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab yang wujud terkemudian. Jauh sekali perkaitannya dengan Rasulullah SAW dan sunnahnya. Paling awal kemunculan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berlaku pada zaman Mu'awiyah dan selewat-lewatnya pada zaman Abū al-Ḥasan al-Ash'arī. Sebagaimana yang disifatkan oleh al-Ḥillī, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah mazhab baharu yang terputus daripada Rasulullah SAW dan para *al-sahabah*. Ini kerana, mereka menerima pakai *qiyās* dan penggunaan akal, lalu memasukkan ke dalam agama Allah apa yang bukan daripadanya. Menyelewengkan hukum-hakam syariah dan mencipta mazhab empat yang tidak pernah wujud pada zaman Rasulullah SAW dan para *al-sahabah*.[309]

3.10 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa konsep *al-ṣaḥābah* dari perspektif karya-karya Syiah berbahasa Melayu adalah bersamaan dengan doktrin asal Shī'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Ia bermula dengan pemahaman istilah *al-sahabah* yang dikekalkan menurut maksud bahasanya. Istilah *al-sahabah* tidak membawa apa-apa makna yang signifikan dari sudut syarak kecuali sekadar melambangkan seseorang yang telah bergaul dengan Nabi SAW semasa hayatnya. Tiada nas al-Qur'an mahupun al-Sunnah yang mengkhususkan *al-sahabah* itu mesti seseorang yang bukan munafik, fasik, pelaku maksiat atau murtad, sebaliknya terdapat nas yang banyak menunjukkan *al-sahabah*

---

[308] *Ibid.*, 384.

[309] Beliau adalah Jamāl al-Dīn al-Ḥasan bin Yūsuf bin 'Alī bin al-Muṭahhir al-Ḥillī. Seorang ulama fiqah dan *mutakallim* SyiahImāmiyyah pada kurun ke-7 hijrah. Meninggal dunia pada tahun 726 hijrah. Lihat Khayr al-Dīn al-Zirkilī, *al-A'lām* (Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1992), 2: 227; al-Ḥasan bin 'Alī al-Ḥillī, *al-Rijāl*. (Najaf: Manshūrāt al-Maṭba'ah al-Ḥaydariyyah, 1972), 78.

University of Malaya

bersifat sedemikian. Ini menunjukkan, keadilan para *al-sahabah* tetap dinilai berdasarkan keimanan dan amal perbuatan mereka. Justeru, kaedah yang menetapkan semua *al-sahabah* itu bersifat adil adalah tertolak.

Bersandarkan prinsip tersebut, ketiga-tiga penulis membahaskan mengenai *al-sahabah* tanpa terikat dengan sebarang kekangan, tidak sepertimana disiplin Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menegah daripada memperkatakan keburukan *al-sahabah*. Ketiga-tiga karya Syiah mendatangkan dalil-dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah mengenai ketidakistimewaan para *al-ṣaḥābah* berbanding umat Islam lain. Ayat dan hadis yang memuji para *al-ṣaḥābah* bukan datang secara mutlak, akan tetapi tertakluk kepada amal perbuatan mereka, bahkan terdapat ayat dan hadis yang menunjukkan Allah SWT dan Rasul-Nya menempelak para *al-ṣaḥābah.* Pelantikan para *al-ṣaḥābah* sebagai khalifah juga dipertikaikan dalam karya-karya tersebut. Pelantikan Abū Bakr al-Ṣiddīq tidak sah kerana tidak mendapat sokongan majoriti para *al-ṣaḥābah* bahkan membelakangkan 'Alī yang telah diwasiatkan kekhalifahannya oleh Rasulullah SAW. Ketidaksahan pelantikan Abū Bakr turut memberi kesan kepada pelantikan khalifah selepasnya iaitu 'Umar al-Khaṭṭāb dan 'Uthmān bin 'Affān. Ini berikutan 'Umar diwasiatkan oleh Abū Bakr, manakala 'Uthmān pula merupakan salah seorang calon khalifah dalam majlis syura yang dibentuk oleh 'Umar sebelum kewafatannya.

Karya-karya tersebut juga turut menghimpunkan pelbagai riwayat daripada Ahl al-Bayt bagi menzahirkan pendirian mereka terhadap para *al-ṣaḥābah* yang menepati pemikiran Syiah. Kebanyakan riwayat diambil daripada kisah pertentangan antara 'Alī dan para *al-ṣaḥābah* ketika peristiwa pelantikan Abū Bakr dan kisah perselisihan antara Fāṭimah dan Abū Bakr mengenai Tanah Fadak. Kisah-kisah berkenaan dijadikan asas kepada pendirian Ahl al-Bayt terhadap para *al-ṣaḥābah*. Ini bertepatan dengan konsep *al-walā wa al-barā'* dalam akidah Syiah yang menuntut agar penganut Syiah setia kepada Ahl al-Bayt dan memusuhi

University of Malaya

setiap musuh Ahl al-Bayt. Begitu juga konflik antara para *al-ṣaḥābah* dalam perang Jamal dan Ṣiffin yang disimpulkan dalam karya-karya tersebut sebagai kemuncak permusuhan para *al-ṣaḥābah* terhadap Ahl al-Bayt. Pemikiran Syiah yang kritikal terhadap para *al-ṣaḥābah* kemudiannya terserlah dalam pendirian mereka terhadap mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang disifatkan sebagai mazhab pendukung *al-ṣaḥābah*. Karya-karya tersebut mempersoalkan keaslian mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, zaman kemunculan dan tokoh yang mendukungnya. Ia sebagaimana pegangan sebahagian ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang menyifatkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'a sebagai mazhab *nawāṣib*.

Bagi meyakinkan hujah-hujah yang dibentangkan, ketiga-tiga penulis didapati mengambil pendekatan menggunakan rujukan yang didakwa bersumberkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Sebahagiannya rujukan yang memang diiktiraf dan muktabar di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah seperti *Ṣaḥīh al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan al-Nasā'ī, Sunan al-Tirmidhī, Sunan Ibn Mājah, Musnad al-Imām Aḥmad, Tarīkh al-Ṭabarī, Tafsīr Ibn Kathīr* dan seumpamanya. Akan tetapi sebahagian rujukan yang lain diragui sandarannya kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah seperti kitab *al-Imāmah wa al-Siyāsah, Mawaddah al-Qurbā, Yanābī' al-Mawaddah, Farā'iḍ al-Simṭayn, Sharḥ Nahj al-Balāghah* dan lain-lain. Pada bab akan datang pengkaji akan menghuraikan lebih lanjut keraguan-keraguan yang ditimbulkan dalam karya-karya tersebut menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

University of Malaya

BAB 4 : PENILAIAN AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH TERHADAP PEMIKIRAN SYIAH IMĀMIYYAH ITHNĀ 'ASHARIYYAH MENGENAI *AL-SAHABAH* DALAM KARYA-KARYA TERPILIH

4.1 Pendahuluan

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah memiliki pendirian yang amat jelas terhadap para *al-sahabah*. Mereka adalah sebaik-baik generasi umat Islam sebagaimana yang dipersaksikan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia perbahasan yang amat penting memandangkan kedudukan para *al-sahabah* sebagai generasi pertama yang menerima Islam daripada Rasulullah SAW. Sudut pandang terhadap *al-sahabah* akan menentukan pola pemikiran sesebuah aliran yang akan datang selepas generasi mereka.

Dalam Bab 3, pengkaji telah membincangkan beberapa isu penting yang membentuk kerangka pemikiran karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih terhadap konsep *al-ṣaḥābah*. Ia disokong dengan tokoh-tokoh dan karya-karya asal Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri. Dalam bab ini, pengkaji akan meneliti dan menganalisis keraguan-keraguan yang ditimbulkan di dalam karya-karya tersebut berdasarkan perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dengan mengambil kira beberapa pemerhatian seperti berikut:

a) Karya-karya tersebut menggunakan sumber-sumber rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam mendukung fahaman mereka tanpa mengambil kira sama ada sumber itu diperakui atau pun tidak.
b) Karya-karya tersebut menyandarkan tokoh-tokoh dan karya-karya tertentu kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai hujah yang menyokong mereka, sedangkan tokoh-tokoh dan karya-karya tersebut bukan daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

University of Malaya

c) Karya-karya tersebut mengekploitasi dalil-dalil daripada sumber rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah tanpa mengambil kira komentar dan pencerahan para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah mengenai dalil-dalil berkenaan.

Oleh yang demikian, dalam bab ini pengkaji akan membentangkan pencerahan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah mengenai beberapa keraguan terhadap konsep *al-ṣaḥābah* di samping menganalisis dan mengulas isu berkaitan dengannya sebagaimana terkandung dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berbahasa Melayu terpilih.

4.2 Penilaian terhadap definisi *al-ṣaḥābah*

Dalam memahami pengertian *al-sahabah*, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah membahaskannya secara komprehensif dan menyeluruh. Ia tidak terhad memberikan maksud kepada istilah *al-sahabah* semata-mata. Kesilapan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah adalah apabila sekadar membahaskan istilah *al-sahabah* dan perkaitannya dari sudut bahasa Arab semata-mata.[1] Walhasil, ia memberikan tanggapan yang tidak lengkap terhadap konsep *al-ṣaḥābah* itu sendiri. Bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, definisi *al-sahabah* dibincangkan secara tuntas dengan melihat kepada definisi bahasa dan istilah, berasaskan indikator yang diisyaratkan oleh al-Qur’an dan al-Sunnah. Hanya menerusi perbahasan yang menyeluruh, seseorang akan dapat memahami konsep *al-ṣaḥābah* yang tepat.

[1] Lihat perbahasan pada halaman 141-142.

University of Malaya

4.2.1 Definisi *al-sahabah*, antara Ahl al-Sunnah dan Syiah

Dari sudut etimologi, tidak berlaku perbezaan antara Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengenai asal perkataan *al-sahabah*.[2] Menurut Abū Bakr al-Khaṭīb, tiada khilaf antara ahli bahasa bahawa perkataan *ṣaḥābī* berasal daripada perkataan *ṣuḥbah*. Ia tidak terikat dengan kadar yang tertentu bahkan disebut bagi setiap yang bergaul dengan yang lain, sama ada dengan kadar sedikit atau banyak, lama atau sebentar. Ia sebagaimana perkataan *mukallim* (yang berkata-kata), *mukhāṭib* (yang berucap) dan *ḍārib* (yang memukul) yang berasal daripada perkataan *mukālamah, mukhāṭabah* dan *ḍarb* yang disebut sedemikian tanpa mengambil kira sama ada sedikit atau banyak, lama atau sebentar. Bererti, perkataan *al-sahabah* juga digunakan tanpa mengira banyak atau sedikit, lama atau sebentar, seperti mengatakan, "*ṣaḥibtu fulānan sanatan, wa shahran, wa yawman, wa sā'tan*" (aku ber*al-sahabah* dengan fulan, setahun, sebulan, sehari, sejenak). Justeru, termasuk dalam erti kata *al-sahabah* dari sudut bahasa, orang yang bergaul dengan Nabi SAW walaupun sebentar.[3]

Perbezaan ketara berlaku antara Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dalam membicarakan definisi *al-sahabah* dari sudut istilah. Walau bagaimanapun, jika diteliti secara mendalam, perbezaan tersebut bukan berpunca daripada perbezaan dalam memahami istilah *al-sahabah* semata-mata, sebaliknya ia lebih kepada perbezaan dalam memahami epistemologi *al-sahabah*. Ini kerana, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah pada peringkat awal, mendakwa Ibn Ḥajar yang mewakili Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terlalu longgar dalam mendefinisikan istilah *al-sahabah* sehingga memasukkan semua orang yang pernah hidup pada zaman Rasulullah SAW tanpa seorang pun terkecuali.[4]

---

[2] *Ibid.*

[3] Abū Bakr al-Khaṭīb al-Baghdādī, *al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah* (Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, t.t), 51; Shams al-Dīn al-Sakhāwī, *Fatḥ al-Mughīth Sharḥ Alfiyah al-Ḥadīth* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1403H), 3: 94.

[4] Lihat perbahasan pada halaman 137-138.

University of Malaya

Sedangkan takrifan yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar adalah takrifan yang hampir sama dari sudut bahasa sebagaimana juga ditakrifkan oleh golongan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Malah dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sendiri, terdapat perbezaan dalam mendefinisikan *al-sahabah* antara pihak *muḥaddithīn* dan pihak *fuqahā’*dan *usuliyyīn*.

Kumpulan *muḥaddithīn* berpegang dengan takrifan yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar, bahawa *al-sahabah* adalah seseorang yang bertemu dengan Nabi SAW secara sedar, beriman selepas kebangkitan Baginda sebagai nabi, ketika Baginda masih hidup dan meninggal dunia dalam keadaan beriman.[5] Manakala jumhur *fuqahā’*dan *usuliyyīn* pula mendefinisikan *al-sahabah* sebagai orang yang bertemu dengan Nabi SAW secara sedar, beriman selepas kebangkitan Baginda, ketika Baginda masih hidup, lama per*al-sahabah*an dengan Baginda, banyak pertemuan dengan Baginda dengan maksud mengikut dan mengambil riwayat daripada Baginda walaupun tidak meriwayatkan sesuatu pun daripada Baginda dan meninggal dunia dalam keadaan beriman.[6] Perbezaan antara kedua-dua pihak adalah berpunca daripada perbezaan dalam menakrifkan *al-sahabah* dari sudut bahasa dan *‘uruf*. Golongan *muḥaddithīn* mendefinisikan *al-sahabah* dengan meraikan sudut bahasa yang umum, tanpa mengambil kira lama atau singkatnya per*al-sahabah*an itu. Manakala golongan *fuqahā’* dan *uṣuliyyīn* pula mendefinisikan *al-sahabah* berdasarkan *‘uruf* kerana pada kebiasaannya sebutan *al-sahabah* itu merujuk kepada orang yang lama tempoh per*al-sahabah*annya.[7]

Walau bagaimanapun, perbezaan yang berlaku antara pihak *muḥaddithīn* dan pihak *fuqahā’*dan *uṣūliyyīn* ini bukan perbezaan yang bersifat kontradik (*ikhtilāf taḍād*), sebaliknya

---

[5] Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*, 1: 6.

[6] ‘Umar bin ‘Alī al-Anṣārī, *al-Muqni‘ fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* (Saudi: Dār Fawwāz, 1413h), 2: 491; al-Sakhāwī, *Fatḥ al-Mughīth*, 3: 93; ‘Uthmān bin ‘Abd al-Raḥmān al-Shahrazūrī, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘aṣir, 1977), 291.

[7] Abū al-Ma‘ālī al-Juwaynī, *al-Talkhīṣ fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1997), 2: 414; Abū al-Muẓaffar al-Sam‘ānī, *Qawāṭi‘ al-Adillah fī al-Uṣūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 1: 392; Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Mustaṣfā fī ‘Ilm al-Uṣūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1413h), 131.

University of Malaya

ia perbezaan yang bersifat variatif (*ikhtilāf tanawwu'*) kerana lapangan perbahasan yang berbeza. Jika diteliti, takrifan *al-sahabah* bagi *muḥaddithīn* berkaitan langsung dengan keadilan para *al-sahabah* dan penerimaan periwayatan mereka. Sedangkan pengertian *al-sahabah* menurut *fuqahā'* dan *uṣūliyyīn* adalah perbincangan berkaitan pendapat para *al-sahabah* sebagai hujah (*ḥujjiyyah qawl al-ṣaḥābī*) yang memerlukan syarat-syarat seperti berada bersama dan mendengar wahyu pada ketika ia turun, mengetahui yang *nāsikh* dan *mansūkh*, am dan khas dan lain-lain yang tidak mungkin diperolehi kecuali dengan lamanya pergaulan dengan Nabi SAW.[8] Ini bererti, takrifan yang dikemukakan oleh pihak *muḥaddithīn* lebih umum dan mencakupi takrifan pihak *fuqahā'* dan *uṣūliyyīn*, sementara takrifan pihak *fuqahā'* dan *uṣūliyyīn* pula lebih khusus. Oleh sebab itu, tiada pertentangan antara kedua-dua pihak dalam memperakui keadilan para *al-sahabah*. Bahkan ia dinukilkan sebagai ijmak para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.[9]

4.2.2 Analisis terhadap definisi *al-sahabah* menurut Syiah

Berbalik kepada definisi *al-sahabah* menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, sebagaimana disebutkan oleh pengkaji sebelum ini, punca perbezaan adalah pada epistemologi dalam memahami *al-sahabah*. Ia bukan berpunca daripada takrifan *al-sahabah* menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang didakwa terlampau longgar. Ini kerana, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri menolak kewujudan maksud *al-sahabah* dari sudut istilah syarak dan sekadar memaknakan perkataan *al-sahabah* secara literal. Dalam masa yang sama memanipulasi takrifan *al-sahabah* yang didakwa longgar dengan memasukkan ke dalam erti kata *al-sahabah* golongan yang murtad, munafik, fasik dan pelaku maksiat.

---

[8] 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd Allāh al-Sha'lān, *Uṣūl Fiqh al-Imām Mālik: Adillatuh al-Naqliyyah* (Riyaḍ: Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin Su'ūḍ al-Islāmiyyah), 2: 1108;
[9] Al-Shahrazūrī, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, 294.

University of Malaya

Walhal, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah tidak sekali-kali mengatakan golongan sedemikian sebagai tergolong dalam kalangan *al-sahabah*. Pada hakikatnya, penolakan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah terhadap takrifan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah adalah berpunca daripada penyandaran perkataan *al-sahabah* sebagai suatu istilah khas yang berdalilkan al-Qur’an dan al-Sunnah. Sedangkan, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah mengekalkan istilah *al-sahabah* pada makna bahasa yang tidak memberikan apa-apa makna yang signifikan dari sudut syarak.

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah berpandangan, iktikad Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang mendakwa istilah *al-sahabah* sebagai *muṣṭalaḥ al-mutasharri‘ah* adalah tertolak. Ini kerana, terdapat banyak dalil yang menunjukkan bahawa ia suatu istilah yang disyariatkan berdasarkan nas-nas syarak. Bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, perkataan *al-sahabah* apabila disandarkan kepada Nabi SAW, ia merupakan istilah khusus yang didasarkan kepada kemuliaan kedudukan Nabi SAW itu sendiri. Dengan melihat sendiri cahaya kenabian Nabi Muḥammad SAW, ia mencetuskan suatu keyakinan yang kukuh di dalam hati seseorang mukmin hingga kesannya terlihat pada anggota zahir lalu menjadikan orang yang melihat sentiasa berada dalam ketaatan sepanjang hayat.[10] Ia sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

"طُوبَى لِمَنْ رَآنِي وَآمَنَ بِي ، وَطُوبَى لِمَنْ رَأَى مَنْ رَآنِي ، وَلِمَنْ رَأَى مَنْ رَأَى مَنْ رَآنِي وَآمَنَ بِي ، طُوبَى لَهُمْ وَحُسْنُ مَآبٍ."

Terjemahan:
“Berbahagialah bagi sesiapa yang melihatku, beriman denganku, dan berbahagialah bagi sesiapa yang melihat orang yang melihatku, (dan berbahagia) juga sesiapa yang melihat orang yang melihat orang yang melihatku dan beriman denganku, berbahagialah mereka dan (bagi mereka) sebaik-baik tempat kembali.”[11]

[10] Taqiy al-Dīn al-Subkī, *al-Ibhāj fī Sharḥ al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1404H), 1: 15.
[11] Hadis riwayat al-Ḥākim, Zikr Faḍā’il al-Ummah ba‘d al-Ṣaḥābah wa al-Tābi‘īn, no. hadis: 6994. Lihat *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 4: 94; Ibn Ḥibbān, Kitāb Ikhbāruh ṣallā Allāh ‘alayh wa sallam ‘an Manāqib al-Ṣaḥābah, Bāb Faḍl al-Ummah, no. hadis: 7230. Lihat Muḥammad bin Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān* (Beirut: Mu’assasah, 1993), 16: 213. Menurut Shu‘ayb al-Arna’ūṭ hadis ini *ḥasan li ghayrih*.

University of Malaya

Demikian juga hadis Wāthilah bin al-Asqa‘, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"لا تَزَالُونَ بِخَيْرٍ مَا دَامَ فِيكُمْ مَنْ رَآنِي وَصَاحَبَنِي , وَاللَّهِ لَا تَزَالُونَ بِخَيْرٍ مَا دَامَ فِيكُمْ مَنْ رَأَى مَنْ رَآنِي وَصَاحَبَنِي , وَاللَّهِ لا تَزَالُونَ بِخَيْرٍ مَا دَامَ فِيكُمْ مَنْ رَأَى مَنْ رَأَى مَنْ رَآنِي وَصَاحَبَنِي."

Terjemahan:
"Kamu akan sentiasa dalam keadaan baik selagi mana dalam kalangan kamu orang yang melihatku dan ber*al-sahabah* denganku. Demi Allah, kamu sentiasa dalam keadaan baik selagi mana dalam kalangan kamu orang yang melihat orang yang melihatku dan ber*al-sahabah* denganku. Demi Allah, kamu sentiasa dalam keadaan baik selagi mana dalam kalangan kamu orang yang melihat orang yang melihat orang yang melihatku dan ber*al-sahabah* denganku."[12]

Manakala perkataan "*al-sahabah*ku" kerap kali digunakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis-hadis Baginda. Antaranya adalah hadis ‘Ā’ishah r.a.h seperti berikut:

"كان النبي ﷺ سَهِرَ فلما قَدِمَ الْمَدِينَةَ قال لَيْتَ رَجُلًا من أَصْحَابِي صَالِحًا يَحْرُسُنِي اللَّيْلَةَ إِذْ سَمِعْنَا صَوْتَ سِلَاحٍ فقال من هذا فقال أنا سَعْدُ بن أبي وَقَّاصٍ جِئْتُ لِأَحْرُسَكَ وَنَامَ النبي ﷺ"

Terjemahan:
"Nabi SAW tidak dapat tidur pada malam hari ketika mula-mula sampai ke Madīnah. Baginda bersabda: Alangkah baik jika ada seorang yang soleh daripada kalangan para *al-sahabah*ku berjaga-jaga untukku malam ini. Tiba-tiba kami terdengar bunyi senjata. Lalu Baginda bersabda: Siapa ini? Lalu berkata: Aku Sa‘d bin Abī Waqqāṣ, aku datang berjaga-jaga untukmu. Selepas itu Nabi SAW pun tidur."[13]

Antaranya juga doa Nabi SAW kepada para *al-sahabah* Baginda yang berhijrah dari Makkah ke Madīnah. Baginda berdoa:

"اللهم أَمْضِ لِأَصْحَابِي هِجْرَتَهُمْ ولا تَرُدَّهُمْ على أَعْقَابِهِمْ."

Terjemahan:

[12] Hadis riwayat al-Muttaqī al-Hindī, no. hadis: 32504. Lihat ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī al-Muttaqqī al-Hindī, *Kanzl al-‘Ummāl fī Kanz fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af‘āl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 11: 244. Beliau mengatakan hadis ini sahih.
[13] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb al-Ḥirāsah fī al-Ghuzuw fī Sabīl Allāh, no. hadis: 2729. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1057.

University of Malaya

"Wahai Allah, tetapkanlah buat para *al-sahabah*ku penghijrahan mereka, jangan Engkau kembalikan mereka kepada keadaan asal mereka (sebelum hijrah)."[14]

Begitu juga hadis Anas bin Mālik ketika Baginda SAW menjemput mereka untuk makan bersama seperti berikut:

"أَنَسُ بن مَالِكٍ قال بَعَثَنِي أبو طَلْحَةَ إلى رسول اللَّهِ ﷺ لِأَدْعُوَهُ وقد جَعَلَ طَعَامًا قال فَأَقْبَلْتُ وَرَسُولُ اللَّهِ ﷺ مع الناس فَنَظَرَ إلي فَاسْتَحْيَيْتُ فقلت أَجِبْ أَبَا طَلْحَةَ فقال لِلنَّاسِ قُومُوا فقال أبو طَلْحَةَ يا رَسُولَ اللَّهِ إنما صَنَعْتُ لك شيئا قال فَمَسَّهَا رسول اللَّهِﷺ وَدَعَا فيها بِالْبَرَكَةِ ثُمَّ قال أَدْخِلْ نَفَرًا من أَصْحَابِي عَشَرَةً..."

Terjemahan:
"Abū Ṭalḥah telah mengutuskan aku kepada Rasulullah SAW supaya menjemput Baginda kerana beliau telah menyediakan makanan. Beliau (Anas bin Mālik) berkata: Aku bertemu dan Rasulullah SAW sedang bersama-sama orang ramai. Lalu Baginda melihatku hingga aku berasa malu. Lalu aku berkata: Penuhilah (jemputan) Abū Ṭalḥah. Baginda menyeru kepada orang ramai: Bangunlah. Lalu Abū Ṭalḥah berkata: Wahai Rasulullah, aku membuat sedikit sahaja makanan untuk kamu. Beliau (Anas bin Mālik) berkata: Lalu Rasulullah SAW menyentuh makanan itu, mendoakannya dengan keberkatan kemudian bersabda: Masuklah sepuluh orang daripada para *al-sahabah*ku…"[15]

Selain itu hadis Sa'īd bin Abī Burdah yang merujuk para *al-sahabah* Baginda SAW sebagai penjaga umat ini seperti berikut:

"عن سَعِيدِ بن أبي بُرْدَةَ عن أبي بُرْدَةَ عن أبيه قال صَلَّيْنَا الْمَغْرِبَ مع رسول اللَّهِ ﷺ ثُمَّ قُلْنَا لو جَلَسْنَا حتى نصلى معه الْعِشَاءَ قال فَجَلَسْنَا فَخَرَجَ عَلَيْنَا فقال ما زِلْتُمْ ها هنا قُلْنَا يا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّيْنَا مَعَكَ الْمَغْرِبَ ثُمَّ قُلْنَا نَجْلِسُ حتى نصلى مَعَكَ الْعِشَاءَ قال أَحْسَنْتُمْ أو أَصَبْتُمْ قال فَرَفَعَ رَأْسَهُ إلى السَّمَاءِ وكان كَثِيرًا مِمَّا يَرْفَعُ رَأْسَهُ إلى السَّمَاءِ فقال النُّجُومُ آمنة لِلسَّمَاءِ فإذا ذَهَبَتْ النُّجُومُ أتى السَّمَاءَ ما تُوعَدُ وأنا آمنة لِأَصْحَابِي فإذا ذَهَبْتُ أتى أَصْحَابِي ما يُوعَدُونَ وَأَصْحَابِي آمنة لِأُمَّتِي فإذا ذَهَبَ أَصْحَابِي أتى أُمَّتِي ما يُوعَدُونَ."

[14] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā'il al-ṣaḥābah, Bāb Qawl al-Nabī Allahumma amḍi li aṣḥābī hijratahum, no. hadis: 3721. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1431.
[15] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Ashribah, Bāb Jawāz Istitbā'ihi ilā Dār Man Yathiq bi Riḍāh, no. hadis: 2040. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 3: 1612.

Terjemahan:
"Daripada Sa'īd bin Abī Burdah daripada Abī Burdah daripada bapanya, beliau berkata: Kami solat Maghrib bersama-sama Rasulullah SAW kemudian kami berkata: (Lebih baik) kita duduk sehingga kita solat Isyak bersama Baginda. Beliau berkata: Kami duduk, lalu Baginda keluar menemui kami. Baginda menyapa: Kamu masih di sini? Kami menjawab: Wahai Rasulullah kami bersolat Maghrib bersama-samamu, kemudian kami berkata, kita duduk hingga kita bersolat Isyak bersama-samamu. Baginda membalas: Kamu benar. Beliau berkata: Lalu Baginda mengangkat kepalanya ke langit, sedangkan Baginda banyak kali mengangkat kepala Baginda ke langit sambil berkata: Bintang-bintang penjaga bagi langit, apabila pergi bintang-bintang, maka datanglah kepada langit apa yang dijanjikan. Dan aku penjaga bagi para *al-sahabah*ku, maka apabila aku pergi, datanglah kepada para *al-sahabah*ku apa yang dijanjikan buat mereka. Dan para *al-sahabah*ku penjaga bagi umatku, maka apabila pergi para *al-sahabah*ku, datanglah kepada umatku apa yang dijanjikan kepada mereka."[16]

Banyak lagi hadis yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sendiri kerap kali menggunakan lafaz "*al-sahabah*ku" bagi merujuk kepada mereka yang berdampingan dengan Baginda secara khusus. Sebahagian hadis-hadis tersebut akan dikemukakan lagi oleh pengkaji dalam sub-sub topik yang akan datang. Namun demikian, sekadar mengetahui penggunaan lafaz *al-sahabah* oleh Nabi SAW adalah tidak memadai kerana ia masih tidak mampu memberikan gambaran yang komprehensif dan lengkap mengenai istilah *al-sahabah*. Gambaran yang tidak lengkap mengenai *al-sahabah* menjadi punca golongan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah memasukkan ke dalam istilah *al-sahabah* sesiapa sahaja yang bersua dengan Nabi SAW termasuk orang munafik dan murtad. Hal ini disebabkan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah tidak membezakan pengertian *al-sahabah* dari segi istilah dan bahasa. Sedangkan, dari sudut bahasa Arab, perkataan *al-sahabah* mempunyai pengertian dan fungsi yang amat luas. Sekurang-kurangnya ia boleh dinyatakan seperti berikut[17]:

[16] Hadis riwayat Muslim, Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah, Bāb Bayān anna Baqā' al-Nabī Amān li Aṣḥābih wa Baqā' Aṣḥābih Amān li al-Ummah, no. hadis: 2531. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 1961.
[17] 'Abd Allāh Jarwān al-Khuḍayr, *Mā Qālah al-Thaqalān fī Awliyā' al-Raḥmān* (Kuwait: Mabarrah al-Āl wa al-Aṣḥāb, 2007), 17-18.

University of Malaya

a) *Al-Ṣuḥbah al-Majāziyyah*: Ia digunakan pada dua perkara berbeza yang antara kedua-duanya terdapat sifat yang sama, walaupun antara kedua-duanya jarak masa yang jauh. Ia seperti sabda Rasulullah SAW yang menyamakan sifat 'Ā'ishah dengan Zulaykhā[18], "*Sesungguhnya kamu, seperti ṣawāḥib Yūsuf.*"[19]

b) *Al-Ṣuḥbah al-Iḍāfiyyah*: Ia disebut untuk menyandarkan kepada sesuatu yang mempunyai perkaitan seperti *ṣāḥib 'ilm* (orang berilmu) dan *ṣāḥib māl* (pemilik harta).

c) *Ṣuḥbah al-Qā'im bi al-Mas'ūliyyah*: Ia digunakan untuk merujuk kepada pelaksana tanggungjawab. Contohnya seperti firman Allah SWT, "*Dan (ketahuilah bahawa hikmat) Kami tidak menjadikan pengawal-pengawal neraka (aṣḥāb al-nār) itu melainkan (dari kalangan) malaikat…*" (Surah al-Muddaththir: 31)

d) *Ṣuḥbah al-Luqyā*: Ia digunakan untuk merujuk kepada pertemuan yang berlaku antara dua orang walaupun sekali atas sebab tertentu, kemudian terputus. Ia sebagaimana hadis berkenaan khiyār jual beli. Sabda Rasulullah SAW: "*Penjual dan pembeli memiliki pilihan selagi mana kedua-duanya belum berpisah, atau berkata salah seorang kepada al-sahabahnya (ṣāḥibih): pilihlah…*"[20]

e) *Ṣuḥbah al-Mujāwarah*: Ia digunakan untuk merujuk kepada perbualan antara dua orang tanpa mengira sama ada mukmin atau kafir sebagaimana firman Allah SWT

---

[18] Bentuk persamaan antara kedua-dua mereka adalah Zulaykhā telah menjemput para wanita Mesir dan menzahirkan seolah-olah beliau ingin memberikan penghormatan kepada mereka, padahal tujuannya adalah supaya mereka melihat sendiri kecantikan Yūsuf lalu mereka akan memahami bagaimana ia membuatkannya jatuh cinta kepada Yūsuf. Hal ini sama dengan keadaan 'Ā'ishah yang menzahirkan sikap beliau menolak perintah Nabi SAW agar bapanya menjadi imam solat dengan alasan khuatir jika makmum tidak dapat mendengar suara bapanya akibat tangisan. Padahal tujuan sebenar di sebalik penolakan 'Ā'ishah supaya kelak orang tidak mempertikaikan bapanya dan ingin benar-benar memastikan bahawa tiada orang lain yang paling disukai oleh Rasulullah SAW untuk menggantikan tempat Baginda kecuali Abū Bakr. Lihat Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār Ma'rifah, t.t), 2: 153.

[19] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Jamā'ah wa al-Imāmah, Bāb Ḥadd al-Marīḍ an Yashhad al-Jamā'ah, no. hadis: 633. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 1: 236.

[20] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū', Bāb Idhā Lam Yūqat fī al-Khiyār Hal Yajūz al-Bay', no. hadis: 2003. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 2: 743.

University of Malaya

dalam surah al-Kahf: 37: "*Berkatalah al-sahabahnya kepadanya, semasa dia berbincang dengannya: Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian Dia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki?*"

f) Perkataan *al-sahabah* juga digunakan untuk orang yang tidak dikenali dan tidak pernah ditemui. Misalnya kata-kata 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf kepada dua orang kanak-kanak Anṣār yang sedang mencari Abū Jahl untuk membunuhnya ketika perang Badar, "*Ini (Abū Jahl) al-sahabah kamu berdua yang kamu sedang mencarinya.*"[21]

Berdasarkan pengertian *al-sahabah* menurut bahasa di atas, ia menunjukkan penggunaannya adalah sangat umum. Jika ia digunakan untuk merujuk kepada *al-sahabah* Rasulullah SAW, sudah tentu umat terkemudian juga termasuk dalam erti kata *al-sahabah*, apatah lagi orang Yahudi, Nasrani, munafikin dan musyrikin yang sempat bertemu dengan Nabi SAW ketika hayat Baginda. Ini disebabkan, *al-sahabah* dari sudut bahasa tidak mensyaratkan beriman dengan Baginda dan meninggal dunia dalam keadaan beriman. Namun begitu, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengeskploitasi takrifan bahasa tersebut untuk memasukkan sesiapa sahaja termasuk orang munafik dan murtad ke dalam erti kata *al-sahabah* Rasulullah SAW. Antara hadis-hadis yang sering dijadikan dalil sebagai hujah menyokong dakwaan mereka adalah hadis Jābir bin 'Abd Allāh mengenai pertelingkahan antara golongan Ansar dan Muhajirin, lalu diambil kesempatan oleh 'Abd Allāh bin Ubay untuk menghasut golongan Anṣār agar menghalau golongan Muhajirin dari Madinah.

[21] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Man Lam al-Aslāb wa Man Qatala Qatīlan Falah Salabuh Min Ghayr an Yukhammis wa Ḥukm al-Imām fih, no. hadis: 2972. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1144.

University of Malaya

Apabila hal ini sampai ke pengetahuan Rasulullah SAW, ‘Umar dengan pantas memohon izin untuk membunuh ‘Abd Allāh bin Ubay, namun Baginda menjawab, “*Biarkan dia, agar orang ramai tidak mengatakan Muhammad membunuh para al-sahabahnya*.”[22]

Hadis lain yang juga sering dijadikan hujah oleh pihak Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah bagi mengatakan golongan munafikin termasuk dalam pengertian *al-sahabah* adalah hadis berikut:

"عن قَيْسٍ قال قلت لِعَمَّارٍ أَرَأَيْتُمْ صَنِيعَكُمْ هذا الذي صَنَعْتُمْ في أَمْرِ عَلِيٍّ أَرَأْيًا رَأَيْتُمُوهُ أو شيئا عَهِدَهُ إِلَيْكُمْ رسول اللهِ ﷺ فقال ما عَهِدَ إِلَيْنَا رسول اللَّهِ ﷺ شيئا لم يَعْهَدْهُ إلى الناس كَافَّةً وَلَكِنْ حُذَيْفَةُ أخبرني عن النبي ﷺ قال قال النبي ﷺ في أَصْحَابِي اثْنَا عَشَرَ مُنَافِقًا فِيهِمْ ثَمَانِيَةٌ ولا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حتى يَلِجَ الْجَمَلُ في سَمِّ الْخِيَاطِ..."

Terjemahan:
“Daripada Qays, beliau berkata: Saya pernah bertanya kepada ‘Ammār: Apa pendapatmu tentang perbuatan (perang) yang kamu perbuat pada (mempertahankan) kekhalifahan ‘Alī, adakah ia pendapat kamu atau sesuatu yang dipesan kepada kamu oleh Rasulullah SAW? Beliau (‘Ammār) menjawab: Rasulullah SAW tidak pernah menyampaikan pesan kepada kami suatu pesan yang tidak Baginda sampaikan juga kepada orang ramai. Namun, Ḥudhayfah memberitahuku daripada Nabi SAW, beliau berkata bahawa Nabi SAW bersabda: Dalam kalangan para *al-sahabah*ku, terdapat dua belas orang munafik, antara mereka lapan orang yang tidak akan masuk syurga hingga unta masuk ke lubang jarum…”[23]

Al-Nawawī mengatakan, maksud *al-sahabah* dalam hadis ini adalah mereka yang disandarkan sebagai *al-sahabah* kepada Rasulullah SAW, walhal mereka itu bukan *al-sahabah* dari segi syarak. Tambahan pula, terdapat riwayat lain yang menggunakan lafaz, “*Dalam kalangan umatku, terdapat dua belas orang munafik*…”[24] Menurut al-Tūrbashtī,

[22] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Tafsīr, Bāb Qawlih Ta‘ālā: “*Sawā’an ‘Alayhim Astaghfarta lahum am lam tastaghfir lahum, Inna Allāh la yahdī al-qawm al-fasiqīn*”, no. hadis: 4622. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 4: 1861; hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb Naṣr al-Akh Ẓāliman aw Maẓlūman, no. hadis: 2584. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 1998.
[23] Hadis riwayat Muslim, Kitāb Ṣifāt al-Munāfiqīn wa Aḥkāmihim, no. hadis: 2779. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 2143.
[24] Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turath ‘Arabī, 1392), 17: 125.

University of Malaya

per*al-sahabah*an dengan Nabi SAW yang diperakui adalah per*al-sahabah*an yang disertai dengan keimanan. Seseorang itu hanya disebut sebagai *al-sahabah* Rasulullah SAW jika per*al-sahabah*annya didasari oleh iman yang benar dan terzahir padanya tanda-tanda keimanan. Manakala mereka yang berselindung di sebalik kemunafikan, penyandaran perkataan *al-sahabah* terhadap mereka tidak harus kecuali dengan makna *majāz*. Ini disebabkan keserupaan mereka dengan para *al-sahabah*, berselindung di sebalik kalimah-kalimah yang benar dan pergaulan mereka di tengah-tengah para *al-sahabah* yang ramai. Oleh sebab itu, hadis tersebut menyatakan "*fī aṣḥābī*" (dalam kalangan *al-sahabah*ku) bukan "*min aṣḥābī*" (daripada kalangan *al-sahabah*ku). Ia seumpama mengatakan, "*Iblīs kān fī al-malā'ikah*" bererti *Iblīs berada dalam kalangan malaikat*, dan tidak betul jika dikatakan, "*Iblīs kān min al-malā'ikah*" yang bererti *Iblīs daripada kalangan malaikat*.[25]

Kesimpulannya, Syiah Imāmiyya Ithnā 'Ashariyyah pada satu sudut, dilihat bersetuju dengan takrifan *al-sahabah* menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar dan diperakui oleh Zayn al-Dīn al-'Āmilī. Namun dari sudut yang lain, para ulama mereka seperti al-Riḍawī, al-Milānī dan al-Dawkhī telah memanipulasikan takrifan tersebut dengan memasukkan golongan murtad dan munafik juga sebagai *al-sahabah*, hingga menyebabkan ia terkeluar daripada takrifan *al-sahabah* menurut istilah syarak di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Pendekatan yang sama juga diambil dalam karya-karya Khair Izzah, A. Malik Takim dan Faisal Tehrani apabila memanipulasikan definisi *al-sahabah* menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dengan memberikan gambaran yang salah terhadap para *al-sahabah*. Ini menunjukkan ketidakjujuran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dalam membincangkan definisi *al-sahabah*.

[25] 'Alī bin Sulṭān al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 11: 62.

University of Malaya

Pada hakikatnya, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah hanya mentakrifkan *al-sahabah* dari sudut bahasa. Ini terbukti dengan jelas, apabila *al-sahabah* besar seperti Abū Bakr al-Ṣiddīq dinafikan per*al-sahabah*annya yang khas dari sudut istilah sebagaimana dinyatakan dalam surah al-Tawbah ayat 40 yang bermaksud, “*Ketika dia berkata kepada al-sahabahnya: Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita*.” Dalam tafsir yang disandarkan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah kepada Imam Kesebelas (al-Ḥasan al-‘Askarī), *muḥaqqiq* kitab tersebut iaitu Madrasah al-Imām al-Mahdī mengatakan, ayat tersebut tidak memberikan apa-apa kelebihan kepada Abū Bakr dengan gelaran “*al-sahabah*”. Ini kerana, *al-sahabah* adalah perkataan umum yang boleh digunakan untuk sesiapa sahaja sama ada kawan, lawan, mukmin atau kafir.[26] Al-Majlisī membawakan riwayat daripada Abū Ja‘far, Muḥammad al-Bāqir (Imam Kelima) yang menafikan sebarang kelebihan pada Abū Bakr berdasarkan ayat tersebut. Malah per*al-sahabah*an seorang mukmin dengan seorang kafir adalah perkara biasa sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Kahf ayat 37.[27]

Kesimpulannya, istilah *al-sahabah* merupakan istilah syarak yang bersumberkan al-Qur’an dan al-Sunnah. Ia bukan istilah rekaan manusia yang disandarkan kepada syarak sebagaimana dakwaan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Salah faham terhadap definisi *al-sahabah* dari sudut istilah akan memberi implikasi dalam memahami konsep *al-ṣaḥābah* secara keseluruhan. Dalam subtopik-subtopik akan datang, pengkaji akan membincangkan hal ini seara lebih terperinci.

[26] Al-‘Askarī, *al-Tafsīr al-Mansūb ilā al-Imām al-Ḥasan al-‘Askarī* (Qom: Madrasah al-Imām al-Mahdī, 1409H), 465.
[27] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 27: 322.

University of Malaya

4.3 Keadilan para *al-sahabah* menurut al-Qur'an dan al-Sunnah

Dalam bab lepas, pengkaji telah membentangkan doktrin Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia berkait rapat dengan pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap konsep keadilan *al-sahabah* yang ditolak oleh mereka secara umum dan terperinci. Mereka menyamakan kedudukan para *al-sahabah* dengan sesiapa sahaja dalam kalangan manusia sama ada adil, munafik, fasik dan sesat bahkan majoriti *al-sahabah* dalam keadaan yang tidak adil sebagaimana yang telah dinukilkan daripada al-Majlisī, al-Shīrāzī dan al-Subḥānī.[28] Justeru, dalam sub-topik ini akan menyentuh berkenaan keraguan-keraguan tersebut dan analisisnya berteraskan iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

4.3.1 Definisi keadilan

Keadilan atau *al-'adālah* dalam bahasa Arab bererti lawan kepada *al-jawr* iaitu zalim. Ia adalah kata terbitan atau *maṣdar* dari *'adala, ya'dilu, 'adl, 'adālah*. Dikatakan, "*'adula fulān*" bererti si polan adil iaitu apabila lurus halnya dan tidak kelihatan sebarang keraguan padanya. Dikatakan juga, "*rajulun 'adl*" bererti orang yang memiliki keadilan iaitu jika ia direstui orang ramai dan diterima kesaksiannya.[29] Kesimpulannya, adil dari segi bahasa bermaksud suatu sikap yang berlawanan dengan kezaliman, keperibadian yang baik dan tidak dipertikai serta diterima ramai.

Dari sudut terminologi syarak, keadilan ditakrifkan dengan pelbagai definisi oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Al-Khaṭīb al-Baghdādī mengatakan adil adalah

---

[28] Lihat perbahasan pada halaman 186-187.

[29] Aḥmad bin Muḥammad al-Muqrī al-Fayyūmī, al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr li al-Rāfi'ī (Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, t.t), 2: 396; Ibn Manẓūr, Lisān al-'Arab, 11: 431;

University of Malaya

orang yang diketahui ketaatannya dalam menunaikan segala kefarduan, melaksanakan segala perintah, meninggalkan segala larangan, menjauhkan diri daripada kekejian yang membinasakan, sentiasa mencari kebenaran pada setiap perbuatan dan pergaulan dan berhati-hati pada setiap lafaznya daripada apa yang mencemarkan agama dan maruah dirinya. Orang begini boleh disifatkan sebagai adil pada agamanya, ia bukan sekadar menjauhkan diri daripada dosa besar, bahkan menjauhkan dirinya daripada dosa-dosa kecil yang dipandang ringan oleh orang ramai.[30]

Ibn al-Ḥājib pula mengatakan keadilan adalah pemeliharaan agama yang membawa kepada penjagaan takwa dan maruah diri dan tidak melakukan bid'ah. Ia berlaku dengan menjauhkan diri daripada dosa-dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa-dosa kecil, meninggalkan sebahagian dosa kecil dan sebahagian perkara harus.[31] Takrif ini hampir sama dengan apa yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar yang memaknakan takwa sebagai keupayaan menjauhkan diri daripada perbuatan-perbuatan buruk seperti syirik, kefasikan dan bid'ah.[32] Sebahagian ulama 'Irāq mendefinisikan keadilan sebagai menzahirkan Islam di samping memelihara diri daripada segala kefasikan yang nyata. Jika begitu keadaannya, ia boleh disifatkan sebagai adil, maka setiap muslim yang tidak diketahui latar belakangnya dianggap sebagai adil.[33] Menurut jumhur ulama, adil adalah orang Islam yang mukallaf, merdeka, tidak melakukan dosa besar dan tidak berterusan melakukan dosa kecil.[34]

Ini merupakan sebahagian daripada definisi keadilan dari segi istilah yang dibentangkan oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Walaupun menggunakan frasa yang berbeza-beza, namun kesemua takrifan tersebut merujuk kepada maksud yang sama.

---

[30] Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *al-Kifāyah*, 80.
[31] Tāj al-Dīn al-Subkī, *Raf' al-Ḥājib 'an Mukhtaṣar Ibn al-Ḥājib* (Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1999), 2: 368.
[32] Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalaḥ Ahl al-Athar* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t), 1.
[33] Al-Ghazālī, *al-Mustaṣfā fī 'Ilm al-Uṣūl*, 125.
[34] Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 5: 251.

University of Malaya

Iaitu keadilan merupakan keupayaan dalam diri seseorang yang membolehkan ia memelihara ketakwaan dan maruah dirinya. Hal ini tercapai dengan melakukan segala yang diperintah dan meninggalkan segala yang dilarang serta menjauhkan diri daripada segala perkara yang mencemarkan maruah. Selain dengan syarat beragama Islam, baligh, berakal dan terpelihara daripada kefasikan. Kefasikan bererti melakukan satu dosa daripada dosa-dosa besar dan berterusan melakukan satu dosa daripada dosa-dosa kecil. Ini kerana, dosa kecil yang dikerjakan secara berterusan akan menukarkannya menjadi dosa besar.[35] Manakala maruah diibaratkan sebagai adab-adab peribadi yang membentuk kemulian akhlak dan kebaikan amalan. Apa yang merosakkan maruah pula berpunca daripada dua sebab; pertama, melakukan dosa kecil yang mencemarkan maruah diri seperti mencuri sebiji bawang dan seumpamanya. Kedua, melakukan sebahagian perkara harus yang boleh meruntuhkan kemuliaan diri dan kehebatannya seperti terlampau banyak bergurau.[36]

4.3.2 Keadilan para *al-sahabah*

Keadilan seperti yang dibentangkan di atas berlaku secara aktual ke atas para *al-sahabah* Rasulullah SAW. Kesemua mereka ditetapkan sebagai bersifat adil. Apa jua perbuatan mereka yang menyalahi sifat tersebut seperti melakukan maksiat, didapati mereka bersegera kembali kepada Allah SWT dengan taubat yang sebenar-benarnya. Hal ini menjadikan Allah SWT reda kepada mereka sebagaimana mereka reda kepada Allah SWT. Terlampau banyak dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang menjelaskan keadilan para *al-sahabah* sehingga tidak memungkinkan sesiapa pun untuk merasa ragu terhadap keadilan mereka. Oleh yang demikian, para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berijmak bahawa

[35] Shams al-Dīn Muḥammad bin Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Fikr, 1404h), 5: 386.
[36] Zayn al-Dīn bin Nujaym al-Ḥanafī, al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t), 7: 92; Ibn al-Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 1: 17.

University of Malaya

kesemua para *al-sahabah* itu adil. Ijmak tersebut dinukilkan oleh ramai ulama seperti Ibn ‘Abd al-Barr[37], al-Khaṭīb al-Baghdādī[38], Ibn al-Athīr[39], al-Ghazālī[40], al-Nawawī[41], Ibn al-Salāḥ[42], al-Maqdisī[43], Ibn Ḥajar[44] dan lain-lain. Nukilan ijmak daripada para ulama menunjukkan bahawa keadilan para *al-sahabah* adalah sesuatu yang diterima umum oleh umat Islam daripada generasi salaf sehingga kini tanpa sebarang pertikaian. Menurut Ibn Ḥajar, tidak ada yang berselisih pendapat tentang hal ini kecuali segelintir orang yang digelar sebagai ahli *bid'ah*, maka wajib bagi setiap muslim untuk meyakini sifat *al-sahabah* tersebut kerana telah ditetapkan bahawa seluruh *al-sahabah* adalah ahli syurga, tiada seorang pun daripada kalangan mereka yang akan masuk ke neraka[45].

Namun demikian, maksud keadilan para *al-sahabah* seperti yang dipegang oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah bukan bermakna mengatakan para *al-sahabah* itu maksum daripada melakukan dosa. Tidak dinafikan mereka juga manusia biasa dan bukan bertaraf seperti nabi dan rasul. Walau bagaimanapun, keberadaan di sisi Nabi SAW yang menjadi pembimbing langsung dalam mentarbiah, menjadikan mereka insan yang memiliki ketinggian iman, kefahaman, kejujuran dan akhlak yang tidak boleh disangkal. Kerana itu, meskipun mereka insan biasa yang tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan kesalahan, namun atas sumbangan yang telah mereka hulurkan bagi mempertahankan Islam dan perjuangan Nabi SAW, ia tidak sekali-kali boleh diabaikan begitu sahaja. Al-Dhazabī menjelaskan hal ini seperti berikut:

---

[37] Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Barr, *al-Istī‘āb fī Ma‘rifah al-Ṣaḥābah* (Beirut: Dār al-Jīl, 1412h), 1: 19; *Ibid*., *al-Istidhkār al-Jāmi‘ li Madhāhib Fuqahā' al-Amṣār* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 3: 301.
[38] Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah*, 49.
[39] Al-Mubārak bin Muḥammad bin al-Athīr, *Jāmi‘ al-Uṣūl fī Aḥādīth al-Rasūl* (Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān, 1969), 1: 133.
[40] Al-Ghazālī, *al-Mustaṣfā fī ‘Ilm al-Uṣūl*, 130.
[41] Al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, 15: 149.
[42] Al-Shahrazūrī, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, 295.
[43] ‘Abd Allāh bin Qudāmah al-Maqdisī, *Rawḍah al-Nāẓir wa Jannah al-Manāẓir* (Riyad: Jāmi‘ah al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd, 1399h), 118.
[44] Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*, 1: 9.
[45] *Ibid.*, 10-12.

University of Malaya

> "Maka, golongan *al-sahabah*, mereka mempunyai sumbangan-sumbangan terdahulu dan amalan-amalan yang boleh mengampunkan atas apa yang telah berlaku ke atas mereka (antaranya) jihad yang menghapuskan dosa dan ibadah yang menyucikan jiwa, kita bukanlah orang yang melampau terhadap salah seorang pun dari mereka, kita tidak mendakwa kemaksuman mereka, kita juga memutuskan bahawa sebahagian mereka lebih utama daripada sebahagian yang lain, kita juga memuktamadkan bahawa Abū Bakr dan 'Umar adalah sebaik-baik ummah, kemudian diikuti dengan sepuluh *al-sahabah* yang dijamin syurga, Ḥamzah, Ja'far, Mu'ādh, Zayd, ibu-ibu kaum mukminin, anak-anak perempuan Nabi SAW, peserta perang Badar…"[46].

Manakala berkenaan riwayat-riwayat yang menyebut tentang kekurangan dan keburukan para *al-sahabah*, Ibn Taymiyyah menjelaskan pendirian Ahl al-Sunnah seperti berikut:

> "Mereka (Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah) mengatakan bahawa athar-athar yang meriwayatkan tentang keburukan mereka (para *al-sahabah*) antaranya ada yang palsu, ditokoktambah, dipotong dan ditukar konteksnya. Yang betul adalah, mereka (para *al-sahabah*) itu diampunkan sama ada mujtahid yang benar (ijtihadnya) atau mujtahid yang silap (ijtihadnya). Dalam masa yang sama mereka (Ahl al-Sunnah) tidak menganggap setiap seorang daripada *al-sahabah* itu maksum daripada dosa besar dan dosa kecil bahkan harus berlaku dosa ke atas mereka (para *al-sahabah*) secara umum, namun mereka (para *al-sahabah*) memiliki sumbangan terdahulu dan kelebihan-kelebihan yang mewajibkan bagi mereka pengampunan dosa dari apa yang terbit daripada diri mereka jika ada, sehingga Dia mengampunkan mereka daripada sebarang dosa yang tidak diampunkan kepada yang selepas mereka kerana bagi mereka kebaikan-kebaikan yang menghapuskan kejahatan yang tiada bagi yang selepas mereka. Sesungguhnya telah sabit dengan sabda Rasulullah SAW (bahawa mereka adalah sebaik-baik kurun) dan secupak yang disedekahkan oleh salah seorang daripada mereka, lebih utama (afḍal) dari emas setinggi bukit Uḥud daripada yang datang selepas mereka"[47].

Dalam hal ini juga, Abū al-Ḥasan al-Ash'arī menegaskan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah telah berijmak tentang ketidakharusan menyebut keburukan-keburukan para *al-sahabah* kecuali perkara-perkara yang baik sahaja. Beliau berkata:

> "Dan mereka (Ahl al-Sunnah) bersepakat untuk mengelak daripada menyebut tentang para *al-sahabah* kecuali dengan menyebut perkara yang baik sahaja dan bahawa mereka berhak untuk disebarkan kebaikan-kebaikan mereka supaya mengambil perbuatan mereka sebagai sebaik-baik jalan keluar,

---

[46] Al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 3.
[47] Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm bin Taymiyyah (1412h), *al-'Aqīdah al-Wāsiṭiyyah* (Riyad: al-Ri'āsah al-'Āmmah li Idārat al-Buḥūth wa al-Iftā') 44.

University of Malaya

bersangka baik dengan mereka dengan sebaik-baik sangkaan dan sebaik-baik mazhab yang boleh menjadi contoh dalam hal ini adalah sabda Rasulullah SAW: Apabila disebut (keburukan) para *al-sahabah*ku, maka tahanlah. Kata para ulama maksud ungkapan tersebut iaitu jangan menyebut tentang *al-sahabah* kecuali dengan ingatan yang baik"[48].

Berdasarkan maksud keadilan *al-sahabah* ini, maka golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berpandangan bahawa semua *al-sahabah* adalah adil. Tiada keperluan untuk menilai tahap keadilan dan kejujuran mereka seperti yang dinilai kepada perawi-perawi yang lain dalam ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl* kerana asal para *al-sahabah* itu adalah adil. Ia sepertimana yang ditegaskan oleh al-Shawkānī bahawa kewajipan menilai keadilan perawi, hanya perlu dilakukan kepada selain *al-sahabah*, adapun ke atas para *al-sahabah*, ia tidak perlu, kerana asal pada mereka adalah adil. Oleh itu, diterima periwayatan mereka tanpa perlu menilai keadaan mereka, sebagaimana yang dinukilkan daripada ulama salaf dan khalaf[49].

Adapun penolakan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap keadilan para *al-sahabah* adalah berasaskan dua alasan. Pertama, *al-sahabah* tidak memiliki apa-apa keistimewaan di sisi syarak sebaliknya mereka adalah manusia biasa yang perlu dinilai keadilannya berdasarkan setiap tingkah laku dan perbuatan yang dilakukan. Hal ini telah pengkaji jelaskan dalam memahami definisi *al-sahabah* dari segi istilah syarak menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Kedua, sebahagian besar para *al-sahabah* telah menzahirkan permusuhan kepada Ahl al-Bayt sehingga menyebabkan sifat keadilan ternafi pada diri mereka. Alasan kedua ini menjadi sebab utama penolakan Syiah terhadap keadilan para *al-sahabah* kerana ia dijadikan sebagai ukuran untuk menilai keadilan seseorang *al-sahabah* tersebut.[50]

---

[48] Abū al-Ḥasan al-Ash'arī, *Risālah ilā Ahl al-Thaghr* (Lubnan: Maktabah Dār al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1988), 303.
[49] Muḥammad bin 'Alī al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl fī Taḥqīq 'Ilm al-Uṣūl* (Beirut: Dar al-Fikr, 1412h), 126.
[50] Lihat perbahasan pada halaman 191-192.

University of Malaya

4.3.3 Dalil al-Qur'an dan al-Sunnah mengenai keadilan *al-sahabah*

Sebagaimana dinyatakan, menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah keadilan para *al-sahabah* sabit menerusi dalil-dalil syarak. Menerusi ayat-ayat al-Qur'an, Allah SWT menyanjungi dan memuji segala jasa dan sumbangan para *al-sahabah* serta memperakui dan mempersaksikan keimanan mereka. Hal ini berdasarkan kepada dalil-dalil seperti berikut:

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah: 143:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَٰكُمۡ أُمَّةٗ وَسَطٗا لِّتَكُونُواْ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ

Terjemahan:
"Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia…"

Ungkapan, "ummatan wasaṭan" ditafsirkan oleh para ulama sebagai umat yang *'udūlan khiyāran* iaitu adil dan terpilih.[51] Ketika menafsirkan ayat ini, al-Bukhārī membawakan hadis Rasulullah SAW berikut:

"يُدْعَى نُوحٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيَقُولُ لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ يَا رَبِّ فَيَقُولُ هَلْ بَلَّغْتَ فَيَقُولُ نَعَمْ فَيُقَالُ لِأُمَّتِهِ هَلْ بَلَّغَكُمْ فَيَقُولُونَ مَا أَتَانَا مِنْ نَذِيرٍ فَيَقُولُ مَنْ يَشْهَدُ لَكَ فَيَقُولُ مُحَمَّدٌ وَأُمَّتُهُ فَتَشْهَدُونَ أَنَّهُ قَدْ بَلَّغَ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا فَذَلِكَ قَوْلُهُ جَلَّ ذِكْرُهُ وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَالْوَسَطُ الْعَدْلُ."

Terjemahan:
"Pada hari kiamat, (Nabi) Nūḥ akan dipanggil (Allah) dan ia akan menjawab: *Labbayk* dan *sa'dayk*, wahai Tuhanku! Lalu Allah bertanya: Apakah telah engkau sampaikan pesan Kami? Nūḥ menjawab: Ya. Kemudian Allah akan bertanya kepada bangsa (umat) Nūḥ: Apakah ia telah menyampaikan pesan kami kepada kamu sekalian? Mereka akan berkata: Tidak ada yang memberikan peringatan kepada kami. Maka Allah bertanya: Siapa yang menjadi saksimu? Nūḥ menjawab: Muḥammad dan para pengikutnya. Maka mereka (umat Islam) akan bersaksi bahawa Nūḥ telah menyampaikan pesanan (Allah). Kemudian Rasul (Muḥammad) akan menjadi saksi untukmu sekalian dan itulah maksud dari firman Allah: *Demikianlah kami jadikan kalian sebagai*

[51] 'Alī bin Aḥmad al-Wāḥidī, *al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz* (Beirut: Dār al-Qalam, 1415H), 1: 135; Muḥammad bin 'Abd Allāh bin al-'Arabī, Aḥkām al-Qur'ān (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 2: 157; 'Abd al-Haq bin Ghālib bin 'Aṭiyyah, *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 5: 350; Muḥammad bin 'Umar al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 30: 162.

University of Malaya

umat yang adil supaya kamu menjadi saksi atas manusia. Dan Rasul menjadi saksi atas kalian. Dan al-wasaṭ bererti adil."[52]

Menurut Imam al-Ghazālī ayat ini menjadi bukti keadilan para *al-sahabah* kerana ketika diturunkan ia ditujukan kepada umat yang wujud pada zaman itu iaitu golongan para *al-sahabah*[53].

Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran: 110:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ

Terjemahan:
"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)."

Menurut al-Āmidī ayat ini juga merupakan ungkapan yang ditujukan kepada para *al-sahabah* yang wujud pada zaman Nabi SAW[54]. Sebahagian ulama menukilkan riwayat daripada Ibn 'Abbās bahawa yang dimaksudkan umat terbaik adalah para *al-sahabah* yang berhijrah bersama dengan Nabi SAW.[55] Sementara itu, terdapat ayat-ayat yang lebih jelas ditujukan oleh Allah SWT kepada golongan *al-sahabah* sambil menyatakan keredaan ke atas mereka, antaranya adalah seperti berikut:

Firman Allah SWT dalam surah al-Fatḥ ayat 18:

۞ لَّقَدْ رَضِىَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ ٱلشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِى قُلُوبِهِمْ فَأَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَٰبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

Terjemahan:

---

[52] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Anbiyā', Bāb Qawl Allāh, "Innā arsalnā Nūḥan ilā qawmih an andhir qawmak min qabl an ya'tiyahum azāb 'alīm"…, no. hadis: 3161. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1214.
[53] Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd, *al-Mustaṣfā fī 'Ilm al-Uṣūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1413h), 130.
[54] Abū al-Ḥasan al-Āmidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1404H), 102.
[55] Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Ājirī, *al-Sharī'ah* (Riyāḍ: Dār al-Waṭan, 1999), 4: 1686; 'Abd al-Razzāq bin Hammām al-Ṣan'ānī, *Tafsīr al-Qūr'ān* (Riyad: Maktabah al-Rushd, 1410h), 1: 130; 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad al-Rāzī, *Tafsīr Ibn Abī Ḥātim* (Ṣaydā: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, t.t), 3: 732.

University of Malaya

“Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muḥammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Ḥudaybiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahui-Nya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada di dalam hati mereka, lalu ia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka, dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya.”

Firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 100:

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلۡأَوَّلُونَ مِنَ ٱلۡمُهَٰجِرِينَ وَٱلۡأَنصَارِ وَٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُم بِإِحۡسَٰنٖ
رَّضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُ وَأَعَدَّ لَهُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي تَحۡتَهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ
فِيهَآ أَبَدٗاۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ١٠٠

Terjemahan:
“Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang Muhājirīn dan Anṣār, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.”

Firman Allah SWT dalam surah al-Mujādilah ayat 22:

لَّا تَجِدُ قَوۡمٗا يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ يُوَآدُّونَ مَنۡ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَوۡ
كَانُوٓاْ ءَابَآءَهُمۡ أَوۡ أَبۡنَآءَهُمۡ أَوۡ إِخۡوَٰنَهُمۡ أَوۡ عَشِيرَتَهُمۡۚ أُوْلَٰٓئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ
ٱلۡإِيمَٰنَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٖ مِّنۡهُۖ وَيُدۡخِلُهُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ
فِيهَاۚ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُۚ أُوْلَٰٓئِكَ حِزۡبُ ٱللَّهِۚ أَلَآ إِنَّ حِزۡبَ ٱللَّهِ هُمُ
ٱلۡمُفۡلِحُونَ ٢٢

Terjemahan:
“Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka. mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadanya; dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya. Allah reda akan

University of Malaya

mereka dan mereka reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberian-Nya. Merekalah penyokong-penyokong (ugama) Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (ugama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya."

Di samping itu terdapat ayat-ayat yang memuji para *al-sahabah* dengan menegaskan bahawa mereka adalah golongan yang benar keimanannya, berjaya dan sentiasa didoakan dengan keampunan oleh orang-orang yang terkemudian daripada mereka. Firman Allah SWT dalam surah Al-Hashr ayat 8-10:

لِلْفُقَرَآءِ ٱلْمُهَـٰجِرِينَ ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَـٰرِهِمْ وَأَمْوَٰلِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ
وَرِضْوَٰنًا وَيَنصُرُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّـٰدِقُونَ ﴿٨﴾ وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو
ٱلدَّارَ وَٱلْإِيمَـٰنَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِى صُدُورِهِمْ حَاجَةً
مِّمَّآ أُوتُوا۟ وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۚ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ
فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾ وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا
ٱغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلْإِيمَـٰنِ وَلَا تَجْعَلْ فِى قُلُوبِنَا غِلًّا لِّلَّذِينَ
ءَامَنُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

Terjemahan:
"(Pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah, yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam), untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaan-Nya, serta menolong (ugama) Allah dan Rasul-Nya; mereka itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya). Dan orang-orang (Anṣār) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya. Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan Rahmat-Mu."

University of Malaya

Ini adalah sebahagian daripada ayat-ayat al-Qur'an yang memuji dan menyanjung para *al-sahabah* Rasulullah SAW yang sekaligus menunjukkan keadilan mereka. Di samping itu, keadilan para *al-sahabah* juga boleh dilihat menerusi nas-nas hadis, antaranya adalah seperti berikut:

Sabda Rasulullah SAW:
"لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي فَوَالَّذِي نَفْسِي بيده لو أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ مِثْلَ أُحُدٍ ذَهَبًا ما أَدْرَكَ مُدَّ أَحَدِهِمْ ولا نَصِيفَهُ."

Terjemahan:
"Jangan kamu memaki *al-sahabah*ku, jangan kamu memaki *al-sahabah*ku, demi Allah yang diriku di dalam kekuasaannya, jika salah seorang dari kamu membelanjakan emas (pada jalan Allah) seperti Gunung Uḥud banyaknya, tidak sama satu 'mud'(cupak) yang dibelanjakan oleh mereka dan tidak sama setengah 'mud' pun yang dibelanjakan oleh mereka"[56].

Sabda Baginda lagi:
"خَيْرُ أُمَّتِي قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ قال عِمْرَانُ فلا أَدْرِي أَذَكَرَ بَعْدَ قَرْنِهِ قَرْنَيْنِ أو ثَلَاثًا ثُمَّ إِنَّ بَعْدَكُمْ قَوْمًا يَشْهَدُونَ ولا يُسْتَشْهَدُونَ وَيَخُونُونَ ولا يُؤْتَمَنُونَ وَيَنْذُرُونَ ولا يوفون وَيَظْهَرُ فِيهِمْ السِّمَنُ."

Terjemahan:
"Sebaik-baik umatku ialah yang berada pada kurunku, kemudian yang selepas mereka, kemudian yang selepas mereka. Kemudian selepas kamu terdapat satu kaum yang menjadi saksi sedangkan mereka tidak diminta menjadi saksi, mereka khianat dan tidak beramanah, mereka bernazar tetapi tidak menunaikan dan ternyata kepada mereka mendakwa suatu yang tidak ada pada mereka"[57].

Baginda juga bersabda ketika *Ḥajjah al-Wadā'* di hadapan para *al-sahabah*:

"ألا لِيُبَلِّغْ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ."

Terjemahan:
"Maka hendaklah yang hadir menyampaikan kepada yang tidak hadir."[58]

---

[56] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah, Bāb Qawl al-Nabī: "Law kuntu muttakhizan khalīlan…", no. hadis: 3470. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1343.
[57] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Shahādāt, Bāb Lā Yashhad 'Alā Shahādah Jawr idhā Ashhad, no. hadis 3450. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1335.
[58] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ḥajjah al-Wadā', no. hadis: 4144. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 4: 1599.

University of Malaya

Ibn Ḥibbān mengatakan, hadis ini menjadi bukti bahawa kesemua *al-sahabah* itu adil. Tiada seorang pun dalam kalangan mereka itu yang dipertikaikan (*majrūḥ*) atau lemah (*da'īf*). Malah, jika terdapat antara mereka yang dipertikai atau lemah atau tidak adil, sudah tentu Rasulullah SAW akan menyatakan pengecualian atau mengkhususkan ucapannya kepada orang tertentu sahaja. Akan tetapi Baginda menyebutkan perintahnya supaya menyampaikan secara umum, ini menunjukkan semua para *al-sahabah* itu adil. Bahkan penetapan Rasulullah SAW atas keadilan para *al-sahabah* itu sudah memadai untuk memperlihatkan kemuliaan kedudukan mereka.[59]

4.3.4 Dakwaan ketiadaan dalil mutlak mengenai keadilan *al-sahabah*

Berdasarkan pembentangan di atas, keadilan para *al-sahabah* adalah perkara yang sabit menerusi dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah secara mutlak. Hujah Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang mendakwa bahawa dalil-dalil tersebut tidak datang secara mutlak sebaliknya terikat dengan perbuatan baik atau buruk yang dilakukan oleh para *al-sahabah* adalah pengkhususan tanpa dalil. Ini kerana, tidak wujud suatu pun dalil dalam al-Qur'an mahupun al-Sunnah yang mengkhususkan dalil-dalil tersebut. Sepertimana dibentangkan dalam bab lepas, Khair Izzah mengatakan surah al-Fatḥ ayat 29 yang menyatakan pujian Allah SWT terhadap mereka yang bersama dengan Nabi SAW tertakluk kepada penghujung ayat tersebut yang mensyaratkan iman dan amal soleh.[60] Sedangkan pengakhiran ayat tersebut bukan memaksudkan syarat, sebaliknya ia merupakan penjelasan kepada sifat golongan *al-sahabah*. Allah SWT menyatakan:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِنۡهُم مَّغۡفِرَةٗ وَأَجۡرًا عَظِيمَۢا ٢٩

Terjemahan:

[59] Muḥammad bin Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān* (Beirut: Mu'assasah, 1993), 1: 162.
[60] Lihat perbahasan pada halaman 153.

University of Malaya

"Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh daripada mereka, keampunan dan pahala yang besar."

Kalimah, "minhum" (daripada mereka) bukan merujuk "min" dengan maksud *tab'īḍ* (sebahagian) seperti yang disangka oleh golongan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Sebaliknya, "min" dalam ayat tersebut bermaksud *bayān li al-jins* iaitu untuk menjelaskan jenis bagi ayat sebelumnya. Oleh itu, dalam konteks ayat tersebut, orang yang beriman dan beramal soleh yang dimaksudkan adalah daripada golongan para *al-sahabah* sendiri.[61] Malah Ibn 'Abbās mempunyai tafsiran yang berbeza apabila mentafsirkan, "minhum" dengan "lahum" bermaksud, "bagi mereka". Ini menjadikan tafsiran ayat tersebut, "*Bagi mereka (para al-sahabah keseluruhannya), keampunan dan pahala yang besar.*"[62]

Demikian juga dakwaan A. Malik yang mengatakan kesilapan pentafsiran golongan Sunni adalah kerana tidak menghiraukan perkataan "min" yang bererti sebahagian dalam surah al-Tawbah ayat 100:

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلۡأَوَّلُونَ مِنَ ٱلۡمُهَٰجِرِينَ وَٱلۡأَنصَارِ

Terjemahan:
"Dan orang-orang yang terdahulu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) daripada orang-orang Muhajirin dan Ansar…"

Menurut al-Kharrāṭ, ayat *jar* dan *majrūr* (*min al-muhājirīn wa al-anṣār*) yang datang selepas *al-sābiqūn al-awwalūn* merupakan *ḥāl* bagi *mubtadā'*.[63] Al-'Akbarī pula mengatakan ayat *min al-muhājirīn wa al-anṣār* adalah *khabar* bagi *wa al-sabiqūn al-awwalūn* untuk

[61] Abū al-Fidā' bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm* (Beirut: Dār al-Fikr, 1401H), 4: 206; Maḥmūd bin 'Umar al-Zamakhsharī, *al-Kashshāf 'an Ḥaqā'id al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t), 4: 348; Aḥmad bin Muḥammad al-Nuḥḥās, *I'rāb al-Qur'ān* (Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1988), 4: 206; 'Abd Allāh bin al-Ḥusayn al-'Akbarī, *al-Tibyān fī I'rāb al-Qur'ān* (Kaherah: 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t), 2: 1169.
[62] Muḥammad bin Ya'qūb al-Fayrūz ābādī, *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn 'Abbās* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992), 434.
[63] Aḥmad bin Muḥammad al-Kharrāṭ, *Mushkil I'rāb al-Qur'ān* (Madīnah: Majma' al-Malik Fahd li Ṭibā'ah al-Maṣḥaf al-Sharīf, 1426h), 1: 203.

menjelaskan siapakah golongan yang dikatakan terawal memeluk Islam.[64] Berdasarkan *i'rāb* ini, pengkaji berpandangan kalimah "min" dalam ayat ini bukan merujuk kepada maksud sebahagian (*tab'īḍ*) tetapi merujuk kepada fungsi "min" yang lain iaitu penjelasan jenis (*bayān li al-jins*) seperti dalam firman Allah SWT, "*Fa ijtanibū al-rijs min al-awthān*" (Maka kamu jauhilah kekotoran daripada berhala-berhala) yang bererti *al-rijs al-wathanī* (kekotoran berhala).[65]

Selain daripada dalil-dalil yang menunjukkan keadilan para *al-sahabah* itu bersifat mutlak dan tidak terikat, terdapat juga dalil-dalil yang menyokong kemutlakan dalil-dalil tersebut. Antaranya dalil-dalil yang menjamin kedudukan para *al-sahabah* walaupun mereka telah melakukan kesalahan. Antaranya adalah kisah Ḥāṭib bin Abī Balta'ah yang telah membocorkan perancangan Rasulullah SAW untuk membebaskan kota Makkah. Ia sebagaimana dalam hadis 'Ubayd Allāh bin Abī Rāfi' yang mengatakan:

"سمعت عَلِيًّا رضي الله عنه يقول بَعَثَنِي رسول اللَّهِ ﷺ أنا وَالزُّبَيْرَ وَالْمِقْدَادَ بن الْأَسْوَدِ قال انْطَلِقُوا حتى تَأْتُوا رَوْضَةَ خَاخٍ فإن بها ظَعِينَةً وَمَعَهَا كِتَابٌ فَخُذُوهُ منها فَانْطَلَقْنَا تَعَادَى بِنَا خَيْلُنَا حتى انْتَهَيْنَا إلى الرَّوْضَةِ فإذا نَحْنُ بِالظَّعِينَةِ فَقُلْنَا أَخْرِجِي الْكِتَابَ فقالت ما مَعِي من كِتَابٍ فَقُلْنَا لَتُخْرِجِنَّ الْكِتَابَ أو لَنُلْقِيَنَّ الثِّيَابَ فَأَخْرَجَتْهُ من عِقَاصِهَا فَأَتَيْنَا بِهِ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فإذا فيه من حَاطِبِ بن أبي بَلْتَعَةَ إلى أُنَاسٍ من الْمُشْرِكِينَ من أَهْلِ مَكَّةَ يُخْبِرُهُمْ بِبَعْضِ أَمْرِ رسول اللَّهِ ﷺ فقال رسول اللَّهِ ﷺ يا حَاطِبُ ما هذا قال يا رَسُولَ اللَّهِ لَا تَعْجَلْ عَلَيَّ إني كنت امْرَأً مُلْصَقًا في قُرَيْشٍ ولم أَكُنْ من أَنْفُسِهَا وكان من مَعَكَ من الْمُهَاجِرِينَ لهم قَرَابَاتٌ بِمَكَّةَ يَحْمُونَ بها أَهْلِيهِمْ وَأَمْوَالَهُمْ فَأَحْبَبْتُ إِذْ فَاتَنِي ذلك من النَّسَبِ فِيهِمْ أَنْ أَتَّخِذَ عِنْدَهُمْ يَدًا يَحْمُونَ بها قَرَابَتِي وما فَعَلْتُ كُفْرًا ولا ارْتِدَادًا ولا رِضًا بِالْكُفْرِ بَعْدَ الْإِسْلَامِ فقال رسول اللَّهِ ﷺ لقد صَدَقَكُمْ قال عُمَرُ يا رَسُولَ اللَّهِ دَعْنِي أَضْرِبْ عُنُقَ هذا الْمُنَافِقِ قال إنه قد شَهِدَ بَدْرًا وما يُدْرِيكَ لَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يَكُونَ قد اطَّلَعَ على أَهْلِ بَدْرٍ فقال اعْمَلُوا ما شِئْتُمْ فَقَدْ غَفَرْتُ لَكُمْ."

Terjemahan:
"Aku mendengar 'Alī r.a berkata: Rasulullah SAW mengutuskan aku, Zubayr dan Miqdād dengan berpesan: Berangkatlah kalian hingga kalian sampai di

[64] Al-'Akbarī, *al-Tibyān fī I'rāb al-Qur'ān*, 2: 657.
[65] Al-Shamsān, *Ḥurūf al-Jar*, 20.

University of Malaya

Rawḍah Khākh, sesungguhnya di sana ada seorang wanita penunggang unta bersamanya satu surat, ambillah surat itu daripadanya. (‘Alī) berkata: Kami pun berangkat dengan memacu kuda kami selaju-lajunya hingga kami tiba di *Rawḍah Khākh*. Lalu kami pun berkata kepadanya (wanita tua itu): Tolong keluarkan suratmu. Wanita itu menjawab: Tiada surat bersamaku. Lalu kami berkata: Kamu hendaklah keluarkan surat itu atau kami akan menelanjangi pakaianmu! Maka wanita itu mengeluarkan surat tersebut dari gelung rambutnya. Lantaran kami membawa surat tersebut kepada Rasulullah SAW. Ternyata surat tersebut dari Ḥāṭib bin Abī Balta‘ah kepada orang musyrikin Makkah, memberitahu kepada mereka beberapa urusan Rasulullah S.AW. Lalu Rasulullah SAW menyelidiki Ḥāṭib dengan bertanya: Wahai Ḥāṭib, apa (maksudmu menulis surat) ini? Ḥāṭib menjawab: Wahai Rasulullah, jangan engkau terburu-buru menghukumku, aku dahulu (hanya) anak angkat di tengah-tengah orang Quraysh. Ia (Ḥāṭib menjelaskan lagi): Aku sekutunya, namun bukan berasal dari cucu keturunannya. Orang-orang muhajirin yang bersamamu mempunyai ramai kerabat yang menjaga keluarga dan harta mereka. Maka aku juga ingin jika aku tidak memiliki keturunan, aku mengambil pelindung daripada mereka yang dapat memelihar kerabatku. Aku tidak melakukannya kerana aku murtad daripada agamaku, bukan juga kerana terhadap kekufuran setelah memeluk Islam. Rasulullah bersabda: Ḥāṭib memang telah jujur kepada kalian. Namun ‘Umar menolak sambil berkata: Wahai Rasulullah, biarkan aku untuk memenggal tengkuk munafik ini. Rasulullah mencegahnya sambil berkata: Dia (Ḥāṭib) telah mengikuti perang Badr, siapa tahu Allah telah melihat semua pengikut perang Badr dan berfirman: Lakukan apa yang kalian suka, Aku telah mengampunkan kalian. Justeru turunlah ayat, “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kalian ambil musuh-Ku dan musuh kalian sebagai pelindung, kamu nampakkan kecintaan kepada mereka, padahal, mereka mengkufuri kebenaran yang datang kepada kalian*.”[66]

Ibn Baṭṭāl mengatakan dalam hadis ini terdapat dalil menunjukkan keharusan bagi Allah SWT untuk mengampunkan dosa-dosa yang akan datang sebelum ia berlaku.[67] Ia juga menjadi bukti kesilapan pemikiran Khawārij dan Mu‘tazilah yang mengatakan ketidakharusan Allah SWT mengampunkan pelaku dosa-dosa besar. Ini kerana, Rasulullah SAW sendiri memperakui bahawa keadilan Allah SWT tidak menghalang-Nya untuk mengampunkan para hamba-Nya yang melakukan dosa. Apalagi berdasarkan ketaatan dan

[66] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Qawl Allāh Ta‘ālā, “Lā tattakhidhū ‘aduwwī wa ‘aduwwakum awliyā’”, al-Tajassus wa al-Tabaḥḥuth, no. hadis: 2845. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1095.
[67] ‘Alī bin Khalaf bin Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyad: Maktabah al-Rushd, 2003), 5: 164.

amal soleh yang banyak yang pernah dilakukan sebelum terjebak melakukan dosa kecil atau besar.[68] Dalam riwayat yang lain turut menyatakan hal yang sama. Jābir bin ‘Abd Allāh meriwayatkan:

"إن عَبْدًا لِحَاطِبٍ جاء رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَشْكُو حَاطِبًا فقال يا رَسُولَ اللَّهِ لَيَدْخُلَنَّ حَاطِبٌ النَّارَ فقال رسول اللَّهِ ﷺ كَذَبْتَ لَا يَدْخُلُهَا فإنه شَهِدَ بَدْرًا وَالْحُدَيْبِيَةَ."

Terjemahan:
“Sesungguhnya seorang hamba kepada Ḥāṭib datang kepada Rasulullah SAW bagi mengadu hal mengenai Ḥāṭib, lalu berkata: Wahai Rasulullah, Ḥāṭib akan masuk ke neraka. Rasulullah SAW menjawab: Kamu berbohong, beliau tidak akan memasukinya, sesungguhnya dia telah menyertai perang Badr dan Ḥudaybiyyah.”[69]

Selain itu, terdapat riwayat yang menyatakan jaminan keredaan Allah SWT dan syurga-Nya buat para *al-sahabah* yang terlibat dalam perjanjian Ḥudaybiyyah dan baiah Riḍwān. Firman Allah SWT dalam surah al-Fatḥ ayat 18:

۞ لَّقَدْ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ ٱلشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَٰبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

Terjemahan:
“Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahui-Nya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya.”

Al-Ṭabarī mengatakan maksud firman-Nya, “fa‘alima mā fī qulūbihim” iaitu Allah SWT mengetahui apa yang ada di dalam hati para *al-sahabah* yang berbaiah di bawah pokok daripada ketulusan niat, kesungguhan dan kesabaran mereka mempertahankan baiah kepada

[68] *Ibid.*, 8: 598.
[69] Hadis riwayat Muslim, Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Faḍā’il Ahl Badr wa Qiṣṣah Ḥāṭib bin Abī Balta‘ah, no. hadis: 2495. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 1942.

University of Malaya

Rasulullah SAW. Manakala firman-Nya, "fa'anzal al-sakīnah 'alayhim" bererti Allah SWT mengurniakan kepada para *al-sahabah* yang berbaiah itu ketenangan dan ketetapan atas pegangan agama dan kesucian pandangan mata hati terhadap kebenaran.[70] Ibn Ḥazm menjelaskan, berdasarkan ketetapan Allah SWT ke atas para *al-sahabah* yang berbaiah tersebut, maka tidak wajar bagi sesiapa pun untuk menafikan keadilan mereka, apatah lagi untuk meraguinya.[71] Hal ini juga disokong dengan beberapa hadis Rasulullah SAW berkenaan mereka yang terlibat. Antaranya riwayat daripada 'Amr bin Dīnār yang mengatakan, aku mendengar Jābir bin 'Abd Allāh berkata:

"قال لنا رسول اللهِ ﷺ يوم الْحُدَيْبِيَةِ أَنْتُمْ خَيْرُ أَهْلِ الأرض وَكُنَّا أَلْفًا وأربعمائة وَلَوْ كنت أُبْصِرُ الْيَوْمَ لَأَرَيْتُكُمْ مَكَانَ الشَّجَرَةِ."

Terjemahan:
"Rasulullah telah berkata kepada kami pada hari perjanjian Ḥudaybiyyah: Kamu semua adalah sebaik-baik penduduk bumi, kami pada ketika itu seribu empat ratus orang, jika aku masih melihat pada hari ini, akan aku tunjukkan kepada kamu semua tempat (berbaiah di bawah) pokok tersebut."[72]

Begitu juga hadis Jābir bin 'Abd Allāh bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"لا يَدْخُلُ النَّارَ أَحَدٌ مِمَّنْ بَايَعَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ."

Terjemahan:
"Tidak akan masuk neraka, orang yang berbaiah di bawah pokok."[73]

Riwayat-riwayat sebegini mengukuhkan lagi iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang berpegang kepada keadilan para *al-sahabah*. Ia bukan dengan maksud untuk mengatakan para *al-sahabah* itu maksum daripada melakukan sebarang dosa, kesilapan dan

[70] Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl Āy al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Fikr, 1405H), 26: 88.
[71] Ibn Ḥazm, *al-Fiṣal*, 4: 116.
[72] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ghazwah al-Ḥudaybiyyah, no. hadis: 3923. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 4: 1526.
[73] Hadis riyawat Ibn Ḥibbān, Zikr al-Bayān bi'ann Shuhūd al-Ḥudaybiyyah innamā kān al-Bay'ah taḥt al-Shajarah, no. hadis: 4802. Lihat *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, 11: 127; al-Tirmidhī, Kitāb al-Manāqib 'an Rasūlillāh, Bāb fī Faḍl Man Bāya' Taḥt al-Shajarah, no. hadis: 3860. Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 5: 695. Al-Tirmidhī mengatakan hadis ini *ḥasan ṣaḥīḥ*.

University of Malaya

kelalaian, akan tetapi sebagai suatu perakuan atau kesaksian daripada Allah SWT dan Rasul-Nya terhadap kesungguhan mereka melazimi keimanan dan ketaqwaan. Sekalipun sebagai manusia biasa, para *al-sahabah* juga adakalanya tidak mampu mengelak daripada terjebak melakukan dosa, namun yang membezakan antara mereka dan manusia lain adalah kesegeraan kembali kepada Allah SWT, menyesali kesilapan dan bertaubat kepada-Nya dengan sebenar-benar taubat. Ia bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan tiada seorang pun dalam kalangan manusia yang mampu mengelakkan daripada melakukan dosa. Sabda Baginda SAW:

> "والَّذِي نَفْسِي بيده لو لم تُذْنِبُوا لَذَهَبَ الله بِكُمْ وَلَجَاءَ بِقَوْمٍ يُذْنِبُونَ فَيَسْتَغْفِرُونَ اللَّهَ فَيَغْفِرُ لهم."
>
> Terjemahan:
> "Demi Zat yang diriku berada dalam genggaman-Nya, jikalau kamu tidak melakukan dosa, nescaya Allah akan menggantikan kamu, dan Dia akan datangkan dengan suatu kaum yang melakukan dosa, lalu mereka memohon keampunan Allah, kemudian Allah mengampunkan mereka."[74]

Al-Ṭībī mengatakan, hadis ini bukan bermaksud Rasulullah SAW menggalakan umat Baginda agar berbuat dosa, sedangkan para nabi dan rasul sendiri diutuskan untuk mencegah manusia daripada melakukan dosa. Namun begitu, hadis ini bertujuan menjelaskan sifat keampunan Allah SWT terhadap segala dosa para hamba yang ingin kembali dan bertaubat kepada-Nya. Sesungguhnya Allah SWT memiliki banyak sifat yang menunjukkan kasihan belas terhadap para hamba-Nya seperti *al-Ghaffār* (Maha Pengampun), *al-Ḥalīm* (Maha Penyantun), *al-Tawwāb* (Maha Pemberi dan Penerima Taubat), *al-'Afuww* (Maha Pemaaf) dan seumpamanya. Bagi menjelaskan sifat-sifat Allah SWT tersebut, Rasulullah SAW mengumpamakan, jikalau manusia itu bersifat seperti malaikat, iaitu tidak melakukan sebarang dosa, sudah tentu Allah SWT akan menggantikannya dengan manusia yang

[74] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Tawbah, Bāb Suqūṭ al-Dhunūb bi Istighfār Tawbah, no. hadis: 2749. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 2106.

University of Malaya

melakukan dosa bagi menzahirkan sifat-sifat-Nya itu. Sebagaimana Dia dikatakan *al-Ghaffār* (Maha Pengampun) kerana adanya pendosa yang mendapat keampunan, demikian juga dikatakan *al-Razzāq* (Maha Pemberi Rezeki) kerana ada yang menerima rezeki-Nya.[75]

Di dalam al-Qur'an sendiri, Allah SWT merakamkan beberapa peristiwa yang melibatkan kesalahan para *al-sahabah*. Walau bagaimanapun pendekatan yang digunakan oleh al-Qur'an adalah menegur kesalahan mereka, menyatakan keinsafan mereka dan disusuli penerimaan Allah SWT terhadap penyelasan dan taubat yang dipohon. Sebagai contoh, dalam kisah Abū Lubābah, beliau telah mengkhianati amanah Rasulullah SAW apabila termakan dengan pujuk rayu golongan Yahudi Banī Qurayẓah hingga mendedahkan hukuman yang bakal dijatuhkan ke atas mereka oleh Rasulullah SAW. Meskipun demikian, beliau dengan segera insaf dan sedar atas kesalahannya sambil berkata, "*Demi Allah! Kedua kakiku masih belum beranjak daripada tempat keduanya, kecuali aku sedari bahawa aku telah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya.*" Beliau tidak kembali bertemu Rasulullah SAW, sebaliknya terus menuju ke Masjid Nabawī lalu mengikat dirinya pada salah sebuah tiang dan berjanji tidak akan berganjak dari situ selagi mana perbuatannya tidak diampunkan. Walhal Rasulullah SAW bersedia untuk memohon keampunan baginya jika beliau terus bertemu Baginda. Namun demikian, selepas enam malam berlalu, Allah SWT menerima taubatnya menerusi penurunan surah al-Tawbah ayat 102[76]:

وَءَاخَرُونَ ٱعۡتَرَفُواْ بِذُنُوبِهِمۡ خَلَطُواْ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَءَاخَرَ سَيِّئًا عَسَى ٱللَّهُ أَن
يَتُوبَ عَلَيۡهِمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٌ ١٠٢

Terjemahan:
"Dan (sebahagian) yang lain mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampur adukkan amal yang baik dengan amal yang lain, yang buruk.

[75] Al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*, 5: 240.
[76] Lihat 'Abd al-Malik bin Hishām, *al-Sīrah al-Nabawiyyah li Ibn Hishām* (Beirut: Dār al-Jīl, 1411H), 4: 195-196; al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī*, 2: 99-100; Abū al-Fidā' bin Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (Beirut: Maktabah al-Ma'ārif, t.t), 4: 120.

University of Malaya

Mudah-mudahan Allah akan menerima taubat mereka; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Dalam peristiwa yang lain, tiga orang *al-sahabah* Rasulullah SAW iaitu Ka'b bin Mālik, Mirārah bin al-Rabī' dan Hilāl bin Abī Umayyah telah mengkhianati Rasulullah SAW apabila tidak menyertai peperangan Tabūk tanpa sebarang keuzuran. Namun ketiga-tiga mereka sedar dan insaf atas kesalahan mereka lalu mengakui kesalahan mereka di hadapan Rasulullah S.AW. Baginda kemudiannya memerintahkan agar mereka bertiga dipulaukan oleh kaum Muslimin termasuk isteri dan kerabat terdekat sehingga Allah SWT menetapkan suatu keputusan. Akhirnya setelah lima puluh malam berlalu, Allah SWT menurunkan ayat 118 dan 119 daripada surah al-Tawbah yang menyampaikan berita gembira akan penerimaan taubat mereka di sisi Allah SWT dalam firman-Nya[77]:

وَعَلَى ٱلثَّلَٰثَةِ ٱلَّذِينَ خُلِّفُواْ حَتَّىٰٓ إِذَا ضَاقَتۡ عَلَيۡهِمُ ٱلۡأَرۡضُ بِمَا رَحُبَتۡ
وَضَاقَتۡ عَلَيۡهِمۡ أَنفُسُهُمۡ وَظَنُّوٓاْ أَن لَّا مَلۡجَأَ مِنَ ٱللَّهِ إِلَّآ إِلَيۡهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيۡهِمۡ
لِيَتُوبُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ١١٨ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ
وَكُونُواْ مَعَ ٱلصَّٰدِقِينَ ١١٩

Terjemahan:
"Dan (Allah menerima pula taubat) tiga orang yang ditangguhkan (penerimaan taubat mereka) hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana mereka dipulaukan) dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung dukacita), serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari dari (kemurkaan) Allah melainkan (kembali bertaubat) kepada-Nya; kemudian Allah (memberi taufiq serta) menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani. Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar."

[77] Muḥammad bin 'Umar al-Wāqidī, *Kitāb al-Maghāzī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004), 2: 423-426; Ibn Hishām, *al-Sīrah al-Nabawiyyah*, 5: 216-220; 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī bin al-Jawzī, *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umam* (Beirut: Dār ṣādir, 1358H), 3: 367-370; Muḥammad bin Abī Bakr bin Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma'ād fī Hady Khayr al-'Ibād* (Beirut: Maktabah al-Mannār al-Islāmiyyah, 1986), 3: 552-556.

University of Malaya

Menerusi kedua-dua contoh di atas, ini menunjukkan bahawa para *al-sahabah* juga tergolong dalam kalangan manusia biasa yang tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan dan kesilapan. Namun kesalahan yang dilakukan tidak sampai ke tahap mereka dilabelkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW sebagai murtad atau munafik atau fasik seperti yang didakwa oleh golongan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Malah dengan pengakuan ikhlas, penyesalan, keinsafan dan kesegeraan bertaubat, kesalahan mereka diampunkan Allah SWT dan diterima kembali sebagai hamba-hamba-Nya yang mukmin. Bererti keadilan para *al-sahabah* sebagai sebuah institusi yang dibina oleh Rasulullah SAW tidak sesekali tergugat dengan kesalahan yang mungkin terjadi kepada segelintir mereka. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Abyārī bahawa keadilan para *al-sahabah* bukan bermakna menyabitkan sifat maksum atau kemustahilan mereka melakukan maksiat. Akan tetapi, ia bermaksud menerima periwayatan mereka tanpa perlu menyelidiki secara terperinci segala perlakuan mereka bagi menetapkan sifat adil. Dengan kata lain, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berpegang kepada asal keadaan mereka pada zaman Rasulullah SAW sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Tidak sekali-kali berpaling kepada riwayat-riwayat ahli sejarah yang bercampuraduk antara sahih dan batil untuk menentukan keadilan mereka, kecuali jika ia sahih maka perlu ditakwilkan dengan takwilan yang benar.[78]

Selain itu, penolakan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap keadilan para *al-sahabah* adalah berpunca daripada pegangan mereka terhadap akidah *al-badā'*. Ini memandangkan, mereka tidak mampu untuk menafikan puji-pujian dan pengiktirafan Allah SWT terhadap para *al-sahabah* di dalam al-Qur'an sepertimana yang dinyatakan sebelum ini. Oleh itu, akidah *al-badā'* boleh menjustifikasikan penolakan mereka terhadap keadilan

[78] Muḥammad bin Bahādir bin 'Abd Allāh al-Zarkashī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 3: 358; al-Sakhāwī, *Fatḥ al-Mughīth*, 3: 115; al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl*, 129.

University of Malaya

para *al-sahabah* sekalipun ia bertentangan dengan nas-nas yang nyata di dalam al-Qur'an. Akidah *al-badā'* merupakan iktikad yang digagaskan oleh ulama besar Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terdahulu yang dikenali sebagai *Thiqah al-Islām* iaitu Muḥammad bin Ya'qūb al-Kulaynī (m. 329H).[79] Beliau telah memuatkan akidah tersebut di dalam kitabnya *al-Uṣūl min al-Kāfī*, dalam perbahasan kitab *al-Tawḥīd* dengan bab khusus di bawahnya bertajuk *al-Badā',* dengan mendatangkan sebanyak enam belas riwayat mengenai *al-badā'* yang disandarkan kepada para imam Ahl al-Bayt.[80]

Antara bukti yang jelas menunjukkan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berpegang kepada akidah *al-badā'* iaitu riwayat-riwayat mereka yang mendakwa Ja'far al-Ṣādiq (Imam Keenam) pada awalnya telah mewasiatkan bahawa imam selepasnya adalah anak sulungnya iaitu Ismā'īl, namun Ismā'īl telah meninggal dunia pada hayatnya, dengan itu telah nyata bagi Allah SWT bahawa imam selepasnya adalah Mūsā, bukan Ismā'īl.[81] Berdasarkan iktikad tersebut, bukan sesuatu yang mustahil bagi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah untuk mengatakan bahawa Allah SWT pada ketika hayat Rasul-Nya telah memuji dan memperakui keimanan para *al-sahabah*, namun selepas kewafatan Baginda, tersingkap kepada Allah SWT bahawa majoriti para *al-sahabah* telah murtad daripada agama Islam.

Berdasarkan perbahasan di atas, keadilan para *al-sahabah* merupakan suatu hal yang sabit berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia bukan bermaksud kemaksuman para *al-sahabah* sehingga setaraf dengan para nabi dan rasul. Akan tetapi ia adalah keimanan dan ketakwaan yang dipamerkan oleh mereka sehingga dipersaksikan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Pun begitu, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah tetap menolak keadilan para *al-sahabah* dengan alasan mereka hanya manusia biasa yang tidak berbeza dengan

---

[79] Al-Rāzī mengatakan, akidah *al-badā'* di sisi Rāfiḍah iaitu kepercayaan bahawa Allah SWT telah menetapkan sesuatu, namun nyata selepasnya sesuatu yang bersalahan dengan apa yang ditetapkan sebelumnya.
[80] Al-Kulaynī, *al-Kāfī*, 1: 357-365.
[81] Muḥammad bin 'Alī bin Bābawayh, *al-Tawḥīd li al-Ṣadūq* (Qom: Jamā'ah al-Mudarrisīn, 1398H), 336; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 4: 109.

University of Malaya

manusia yang lain. Justeru, pada subtopik seterusnya, pengkaji akan membincangkan hujah karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih yang mendukung penolakan tersebut.

4.4 Penilaian terhadap ketidakadilan *al-sahabah* menurut al-Qur'an

Dalam bab lepas, pengkaji telah bawakan beberapa ayat al-Qur'an yang dijadikan dalil oleh karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih mengenai kategori *al-sahabah* yang dipuji dan dikeji. Kewujudan golongan *al-sahabah* yang dikeji adalah salah faham mereka kerana memasukkan semua orang yang menzahirkan Islam ketika hayat Rasulullah SAW sebagai *al-sahabah*. Sedangkan ayat-ayat al-Qur'an tersebut sepatutnya difahami sebagai ayat-ayat yang menjelaskan perbezaan antara para *al-sahabah* dengan selain mereka termasuk golongan munafikin yang menzahirkan Islam dan menyembunyikan kekufuran. Justeru, pengkaji bentangkan di sini pencerahan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terhadap dakwaan tersebut.

4.4.1 Dakwaan kemunafikan *al-sahabah* dalam al-Qur'an

Mengenai surah al-Munāfiqūn, sebahagian ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri seperti al-Qummī dan al-Subḥānī mengakui bahawa ia diturunkan kepada golongan munafikin yang diketuai 'Abd Allāh bin Ubay bin Salūl.[82] Ini juga merupakan pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menyatakan sebab turun surah ini adalah merujuk kepada peristiwa Zayd bin Arqam yang membongkar kemunafikan 'Abd Allāh bin Ubay bin Salul.[83] Namun begitu, al-Kulaynī membawakan riwayat yang disandarkan kepada Mūsā al-Kāẓim untuk mengatakan bahawa golongan munafikin yang

[82] Lihat halaman158-159.
[83] Jalāl al-Dīn al-Sayūṭī, *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl* (Beirut: Dār Iḥyā' al-'Ulūm, t.t), 214.

University of Malaya

dimaksudkan dalam surah tersebut adalah para *al-sahabah* yang memungkiri ‘Alī sebagai *waṣī* selepas kewafatan Rasulullah SAW.[84]

Surah al-Tawbah ayat 101 turut dijadikan dalil oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dengan mengatakan terdapat dalam kalangan *al-sahabah* golongan munafikin yang tidak diketahui oleh Rasulullah SAW. Khair Izzah mengatakan, berdasarkan ayat ini, terdapat para *al-sahabah* yang setiap hari berpura-pura di hadapan Nabi SAW dengan menurut segala arahan Baginda, sedangkan di dalam hati menyimpan kebencian dan dendam membara.[85] Syiah menggunakan ayat ini sebagai alasan bagi mengatakan bahawa Rasulullah SAW sendiri tidak mengetahui kemunafikan para *al-sahabah* sehingga Baginda melakukan hal yang tidak sewajarnya seperti mengahwinkan ‘Uthmān bin ‘Affān dengan dua orang puteri Baginda.[86] Ayat ini juga didakwa menunjukkan kelicikan para *al-sahabah* menyembunyikan perasaan hasad dengki terhadap kelebihan yang dimiliki oleh ‘Alī bin Abī Ṭālib.[87]

Pandangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ini jauh tersasar daripada konteks ayat tersebut. Ini kerana, dalam ayat sebelumnya, Allah SWT baru sahaja memuji, menyatakan keredaan-Nya dan ganjaran syurga buat para *al-sahabah* terawal daripada golongan Muhajirin dan Ansar. Oleh yang demikian, adalah mustahil para *al-sahabah* yang sama juga dimaksudkan dengan golongan munafikin dalam ayat 101. Tidak mungkin, pada ayat 100, Allah SWT menjanjikan syurga buat para *al-sahabah* tersebut, kemudian pada ayat 101, Allah SWT menjanjikan azab neraka yang pedih ke atas mereka. Ini bertepatan dengan sebab turun ayat 101 yang memang ditujukan kepada golongan munafikin di sekitar Madinah

---

[84] Lihat perbahasan pada halaman 159.
[85] Lihat perbahasan pada halaman 155-156.
[86] Muḥammad bin Muḥammad al-Mufīd, *al-Masā’il al-‘Akbariyyah* (Qom: al-Mu’tamar al-‘Ālamī li Alfiyyah al-Shaykh al-Mufīd, 1413H), 59-60; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 22: 165.
[87] ‘Abd al-Ḥusayn Sharaf al-Dīn al-Musawī, *al-Murāja‘āt* (Qom: al-Majma‘ al-‘Ālamī li Ahl al-Bayt ‘alayhim al-salām, t.t), 515.

University of Malaya

yang terdiri daripada kabilah Juhaynah, Muzaynah, Ashja‘ dan Ghaffār dan dipimpin oleh beberapa individu yang dikenali seperti ‘Abd Allāh bin Ubay, Wajadd bin Qays, Mu‘attib bin Qushayr, al-Julās bin Suwayd dan Abī ‘Āmir bin al-Rāhib.[88] Malah surah al-Tawbah ayat 102, membuktikan ayat 101 ditujukan khusus oleh Allah SWT hanya kepada golongan munafikin. Ia berdasarkan ayat 102, yang tidak melabelkan orang mukmin yang bercampur aduk antara pahala dan dosa sebagai munafik, sebaliknya masih berpeluang mendapat keampunan Allah SWT jika menyesali kesalahan dan bertaubat kepada-Nya.

4.4.2 Dakwaan kelemahan iman *al-sahabah* dalam al-Qur’an

Dalam surah al-Aḥzāb ayat 12, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah mengatakan ia ayat yang diturunkan kepada para *al-sahabah* yang lemah keyakinan imannya kepada Allah SWT dan Rasul. Mereka termasuk Abū Bakr dan ‘Umar yang didakwa menyembunyikan penyembahan berhala secara diam-diam kerana bimbang andainya kemenangan yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW tidak berlaku.[89] Padahal menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, ayat tersebut diturunkan kepada golongan munafikin iaitu Mu‘attib bin Qushayr al-Anṣārī yang mempersendakan janji Rasulullah SAW untuk membebaskan Rom dan Parsi.[90] Begitu juga ayat 45-47 surah al-Tawbah yang didakwa oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sebagai ayat yang menjelaskan kelemahan iman para *al-sahabah* sehingga mudah termakan dengan fitnah golongan munafik lalu menjadi penyebar atau mata-mata (*sammā‘ūn*) bagi pihak mereka.[91] Padahal ayat ini Allah SWT turunkan bagi membongkar kejahatan golongan munafik yang sentiasa melakukan fitnah terhadap Rasulullah SAW sehingga menyebabkan terdapat sebahagian kaum mukmin yang terpedaya dengan kata-kata

---

[88] Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 1991), 11: 19.
[89] Lihat perbahasan pada halaman 160-161.
[90] Al-Sayūṭī, *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*, 173.
[91] Lihat perbahasan pada halaman 161-162.

University of Malaya

mereka.[92] Malah, ia adalah antara hikmah yang dinyatakan Allah SWT di sebalik ketidakhadiran golongan munafikin dalam perang *Tabūk*, kerana mereka boleh menjadi punca kepada penyebaran hasutan jahat ke dalam tentera muslimin.[93]

Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah turut menggunakan surah al-Ḥujurāt ayat 14 untuk mengatakan sebahagian *al-sahabah* itu hanya bersifat Muslim bukan Mukmin.[94] Pada hakikatnya, ayat tersebut turun kepada rombongan Banī Asad bin Khuzaymah yang baharu memeluk Islam, namun dengan segera mengakui bahawa diri mereka telah beriman. Hal ini ditegur oleh Allah SWT sambil mengajarkan kepada mereka erti keimanan yang sebenar sebagaimana dalam ayat yang sama dan seterusnya tanpa menempelak atau memburukkan mereka. Ini merupakan pandangan Ibn 'Abbās, Ibrāhīm al-Nakha'ī dan Ibn Jarīr. Justeru, mereka bukan termasuk dalam kelompok munafikin yang ditempelak dan dibongkar kejahatannya seperti yang terkandung dalam surah al-Tawbah.[95]

4.4.3 Dakwaan kemurtadan *al-sahabah* dalam al-Qur'an

Adapun mengenai dakwaan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah bahawa terdapat kalangan para *al-sahabah* yang berhasrat untuk kembali kepada jahiliyyah atau murtad berdasarkan surah Āli 'Imrān ayat 154, ia merupakan tanggapan yang silap.[96] Ini kerana, ayat tersebut menjelaskan mengenai sikap golongan munafik yang berterusan melakukan hasutan jahat terhadap para *al-sahabah* agar dapat melemahkan keimanan dan semangat mereka untuk berjihad dengan Rasulullah SAW dalam peperangan Uḥud. Ayat tersebut juga bertujuan untuk membezakan antara golongan Mukminin yang dikurniakan dengan rasa mengantuk dan tenang dalam peperangan berkenaan, berbanding golongan munafikin yang

---

[92] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 2: 362.
[93] Al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, 10: 240.
[94] Lihat halaman 165.
[95] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 4: 219-220.
[96] Lihat halaman 163.

University of Malaya

dilitupi rasa takut dan resah gelisah.[97] Menurut al-Suyūṭī, ayat, "*wa ṭā'ifah ahammathum anfusuhum*", merujuk kepada golongan munafik, ayat, "*yaqūlūn hal lanā min al-amr min shay'*", pula merujuk kepada 'Abd Allāh bin Ubay dan ayat, "*yaqūlūn law kān lanā min al-amr shay' mā qutilnā hā hunā*", merujuk kepada Mu'attib bin Qushayr.[98]

Selain itu, golongan yang disebut *al-muallafah qulūbuhum* dalam surah al-Tawbah ayat 60 turut dijadikan hujah oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah untuk menggambarkan kelemahan iman para *al-sahabah*.[99] Hal ini tertolak kerana ayat tersebut bertujuan untuk menjelaskan pembahagian golongan yang layak menerima zakat. Ia tiada kena mengena dengan penafian Allah SWT terhadap keadilan mana-mana *al-sahabah*. Ini terbukti apabila golongan yang pernah menerima zakat di bawah kategori tersebut seperti Abū Sufyān bin Ḥarb, telah menjadi *al-sahabah* Rasulullah SAW yang baik dan turut terlibat dalam beberapa peperangan jihad seperti perang Ṭā'if dan Yarmūk yang mengakibatkan kedua-dua matanya menjadi buta.[100]

4.4.4 Dakwaan kefasikan *al-sahabah* dalam al-Qur'an

Berkenaan tuduhan bahawa terdapat kalangan para *al-sahabah* yang diperakui kefasikannya oleh al-Qur'an seperti surah al-Ḥujurāt ayat 6 yang merujuk kepada *al-sahabah* bernama al-Walīd bin 'Uqbah bin Abī Mu'īṭ, ia juga merupakan pendapat yang diragui.[101] Sekalipun pendapat ini dinukilkan daripada beberapa kitab tafsir Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, namun demikian menurut Ibn 'Āshūr, ia sekadar nukilan daripada beberapa riwayat yang tidak sahih. Ini kerana, perkataan *fāsiq* dalam ayat tersebut bererti pendusta sedangkan

---

[97] Al-Wāḥidī, *al-Wajīz*, 1: 238; al-Ḥusayn bin Mas'ūd al-Baghawī, *Ma'ālim al-Tanzīl* (Riyāḍ: Dār Ṭāyyibah, 1997) 2: 121-122.
[98] Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Mufḥamāt al-Iqrān fī Mubhamāt al-Qur'ān* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1986), 65.
[99] Lihat halaman 165-166.
[100] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*, 3: 414; al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 2: 106.
[101] Lihat halaman 164.

University of Malaya

para ulama tafsir bersepakat bahawa berdasarkan riwayat-riwayat tersebut, al-Walīd bin ‘Uqbah bukan sengaja berdusta sebaliknya beliau mengandaikan perbuatan kaum Banī al-Musṭaliq yang keluar menuju ke arahnya seakan-akan ingin memerangi atau membunuhnya. Sementelahan, al-Walīd pernah bermusuh dengan kaum Banī Muṣṭaliq ketika zaman jahiliyyah.[102] Oleh itu, menurut al-Rāzī, penyandaran gelaran *fāsiq* ke atas al-Walīd bin ‘Uqbah suatu pendapat yang jauh tersasar, ini kerana, al-Walīd hanya membuat andaian dan tersilap, orang yang tersilap tidak boleh digelar sebagai *fāsiq*. Sedangkan di dalam al-Qur’an, *fāsiq* banyak dirujuk sebagai orang yang terkeluar daripada ikatan iman.[103] Di samping itu, tidak terdapat dalam sebarang riwayat yang menunjukkan celaan Rasulullah SAW ke atas al-Walīd atau permintaan agar beliau bertaubat.[104]

4.4.5 Dakwaan pengkhianatan *al-sahabah* dalam al-Qur’an

Mengenai surah al-Anfāl ayat 15-16 yang didakwa oleh Syiah Imāmiyyah sebagai alasan wujudnya golongan *al-sahabah* yang melarikan diri dalam peperangan, ia adalah suatu pendalilan yang silap. Ini kerana, ayat tersebut merujuk kepada peperangan Badar sebagai peringatan dan amaran keras terhadap para *al-sahabah* yang terlibat agar tidak melarikan diri. Terbukti tiada seorang pun kalangan *al-sahabah* yang berpaling dalam peperangan tersebut sekalipun bilangan kaum musyrikin pada ketika itu tiga kali ganda lebih ramai berbanding kaum muslimin. Dalam surah al-Anfāl ayat 66, Allah SWT kemudiannya memberikan keringanan kepada kaum muslimin untuk berhadapan dengan kaum musyrikin

---

[102] Muḥammad al-Ṭāhir bin ‘Āshūr, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Tūnisia: Dār Saḥnūn, 1997), 26: 228; Abū Bakr ibn al-‘Arabī, *al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim fī Taḥqīq Mawāqif al-ṣaḥābah ba‘d Wafāh al-Nabī* (Beirut: Dār al-Jīl, 1987), 102-103. Menurut pen*taḥqīq* kitab ini, Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb, semua riwayat mengenai sebab turun ayat 6 surah al-Ḥujurāt didapati terhenti (*mawqūfah*) pada perawi iaitu Mujāhid atau Qatādah atau Ibn Abī Laylā atau Yazīd bin Rūmān tanpa dinyatakan nama-nama perawi hadis ini bagi tempoh setahun atau lebih.
[103] Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 28: 103;
[104] Ibn ‘Āshūr, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, 26: 228.

University of Malaya

sekurang-kurangnya dengan nisbah seorang menentang dua orang, berbanding seorang menentang sepuluh orang sebelumnya.[105] Manakala dalam kes perang Uḥud, Allah SWT telah mengampunkan para *al-sahabah* yang melarikan diri sebagaimana dirakamkan dalam surah Āli ‘Imrān ayat 155. Oleh yang demikian, tiada ejekan ke atas mereka selepas mendapat keampunan Allah SWT.[106] Dalam kes perang Ḥunayn, para *al-sahabah* yang melarikan diri telah kembali bergabung dengan tentera Rasulullah SAW dan seterusnya mendapat bantuan Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam surah al-Tawbah ayat 25 dan 26.[107]

Berdasarkan perbahasan di atas, tiada sebarang petunjuk dalam al-Qur’an yang boleh dijadikan hujah dan dalil oleh ketiga-tiga penulis dan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah untuk menafikan keadilan para *al-sahabah*. Sekalipun tahap keimanan seseorang *al-sahabah* itu berbeza antara satu sama lain, ia tidak sesekali menafikan keadilan mereka yang telah dipersaksikan oleh al-Qur’an dan al-Sunnah.

4.5 Penilaian terhadap ketidakadilan *al-sahabah* menurut al-Sunnah

Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah mempunyai kaedah tertentu di dalam berinteraksi dengan al-Sunnah. Secara prinsipnya, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah tidak menerima periwayatan hadis menerusi kaedah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ia berkait rapat dengan pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah terhadap keadilan para *al-sahabah*. Sebagaimana yang dinyatakan dalam subtopik sebelum ini, Syiah menganggap setiap orang *al-sahabah* perlu dinilai untuk menentukan sama ada ia boleh diterima atau ditolak

[105] Al-Baghawī, *Ma‘ālim al-Tanzīl*, 2: 237.
[106] Shihāb al-Dīn al-Alūsī, *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa al-Sab‘ al-Mathānī* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 4: 99.
[107] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, 2: 344-345.

University of Malaya

keadilannya. Ia bertentangan sama sekali dengan kaedah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang meletakkan semua *al-sahabah* itu adil. Pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap al-Sunnah ini dinyatakan oleh para ulama mereka sama ada yang terdahulu mahupun yang semasa.

4.5.1 Prinsip Syiah dalam berinteraksi dengan al-Sunnah

Muḥammad Husayn Āli Kashif al-Ghiṭā' mengatakan Syiah tidak pernah memperakui hadis-hadis Nabi SAW kecuali apa yang sahih menerusi jalan Ahl al-Bayt. Manakala yang diriwayatkan oleh para *al-sahabah* seperti Abū Hurayrah, Samurah bin Jundub, Marwān bin al-Ḥakam, 'Amr bin al-'Āṣ dan seumpama mereka, ia tidak bernilai sama sekali.[108] Khomeini pula menempelak para *al-sahabah* yang dikatakan banyak mencipta hadis-hadis palsu demi kepentingan pemerintah seperti yang dilakukan oleh Abū Hurayrah demi mendukung Mu'āwiyah dan seumpamanya.[109] Justeru, hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Ahl al-Sunnah ditolak kerana kedudukan para *al-sahabah* sebagai perawi yang boleh dipertikaikan. Sedangkan hadis-hadis yang sahih dan boleh diterima di sisi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah hanya hadis-hadis yang diriwayatkan menerusi jalan imam-imam Ahl al-Bayt yang maksum. Al-Milānī mengatakan:

> "Ia (al-Sunnah) bagi kita adalah hadis-hadis *musnadah* yang sahih sanadnya kepada (imam-imam Ahl al-Bayt) *al-ma'ṣūmīn*, tetapi bagi al-'āmmah (Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah) ia dimutlakkan kepada enam kitab muktamad di sisi mereka seperti berikut; Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī, Ṣaḥīḥ al-Nasā'ī, Ṣaḥīḥ Ibn Mājah, dan Musnad Aḥmad bin Ḥanbal; kesemua hadis-hadis ini tidak sahih bahkan terdapat di dalamnya hadis-hadis palsu, batil dan dusta."[110]

---

[108] Āli Kāshif al-Ghiṭā', Muḥammad al-Ḥusayn (1990), *Aṣl al-Shī'ah wa Uṣūliha*. Beirut: Dār al-Aḍwā', h. 165.
[109] Al-Khumaynī, Rūḥ Allāh Musawī. *Al-Ḥukūmah al-Islāmiyyah*. http://imam-khomeini.com/web1/arabic/showitem.aspx?cid=2000&pid=2327&h=19&f=20. Dilayari pada 7 Februari 2017.
[110] Al-Mīlānī, Muḥammad bin 'Alī (1996), *Mu'jam al-Kalām: Ta'rīf al-Muṣṭalaḥāt al-Kalāmiyyah 'ind al-Imāmiyyah*. Tehran: Intishārāt Tābān, h. 205.

University of Malaya

Malah terdapat kaedah dalam Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang menetapkan, jika terdapat dua riwayat Syiah yang bertentangan antara satu sama lain lain, maka ia perlu disemak dalam riwayat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Mana-mana riwayat yang bersamaan dengan riwayat Ahl al-Sunnah, riwayat tersebut mesti ditolak, manakala riwayat Syiah yang bertentangan dengan riwayat Ahl al-Sunnah, ia boleh diterima.[111]

Kesimpulannya, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah tetap akan menerima riwayat-riwayat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang cenderung kepada kepentingan mereka. Antaranya adalah hadis-hadis yang mengisyaratkan kelemahan atau kepincangan para *al-sahabah* dan kelebihan atau keistimewaan Ahl al-Bayt. Manakala hadis-hadis yang memuji para *al-sahabah*, sama ada akan diterima secara bersyarat atau ditolak dengan alasan ia hadis palsu yang direka-reka demi mendewakan para *al-sahabah*. Bahkan ini merupakan pegangan asal Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang menolak sama sekali periwayatan para *al-sahabah*.

4.5.1.1 Dakwaan Mu‘āwiyah memalsukan al-Sunnah

Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah percaya bahawa hadis-hadis kelebihan para *al-sahabah* mula dikarang dan disebarkan pada zaman kekhalifahan Mu‘āwiyah bagi menyekat pengaruh ‘Alī pada ketika itu.[112] Pandangan ini dibantah keras oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah kerana ia bertentangan dengan prinsip periwayatan hadis dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang tertakluk kepada ilmu *al-jarḥ wa al-ta‘dīl*. Dakwaan Mu‘āwiyah sebagai orang terawal yang memerintahkan pemalsuan hadis bagi menyekat pengaruh ‘Alī adalah tidak benar. Tuduhan ini berpunca daripada tanggapan bahawa Mu‘āwiyah amat memusuhi dan membenci ‘Alī. Dakwaan ini dibantah oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah kerana ternyata

[111] Al-Ḥurr al-‘Āmilī, Muḥammad bin Ḥasan (1417h), *al-Fuṣūl al-Muhimmah fī Uṣūl al-A’immah*, j. 1. Qom: Mu’assasah al-Imām al-Riḍā li al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah, h. 577.
[112] Sila lihat perbahasan pada halaman 168-170.

University of Malaya

Mu‘āwiyah tidak sesekali membenci atau memusuhi ‘Alī hanya kerana kedengkian terhadap kelebihan-kelebihan ‘Alī sebagai ahli keluarga Rasulullah SAW. Malah telah sabit dalam banyak riwayat bahawa Mu‘āwiyah amat menghormati kedudukan ‘Alī sehingga perkara ini juga turut dinukilkan dalam sebahagian kitab Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sendiri. Antaranya adalah riwayat seperti berikut:

"عَنْ قَيْسٍ قَالَ سَأَلَ رَجُلٌ مُعَاوِيَةَ بْنَ أَبِي سُفْيَانَ عَنْ مَسْأَلَةٍ فَقَالَ سَلْ عَنْهَا عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ ع فَإِنَّهُ أَعْلَمُ قَالَ يَا مُعَاوِيَةُ قَوْلُكَ فِيهَا أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ قَوْلِ عَلِيٍّ فَقَالَ بِئْسَ مَا قُلْتَ وَ لَؤُمَ مَا جِئْتَ بِهِ كَيْفَ كَرِهْتَ رَجُلًا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ص يَغُرُّهُ بِالْعِلْمِ غَرّاً وَ لَقَدْ قَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ أَنْتَ مِنِّي بِمَنْزِلَةِ هَارُونَ مِنْ مُوسَى إِلَّا أَنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي."

Terjemahan:
“Daripada Qays, beliau berkata: Seorang lelaki bertanya kepada Mu‘āwiyah bin Abī Sufyān tentang satu masalah. Beliau (Mu‘āwiyah) menjawab: Tanyalah kepada ‘Alī bin Abī Ṭālib, sesungguhnya beliau lebih mengetahui. Lelaki itu berkata: Wahai Mu‘āwiyah, perkataanmu lebih aku sukai daripada perkataan ‘Alī. Lalu (Mu‘āwiyah) berkata: Amat buruk sekali apa yang kamu katakan, dan amat tercela apa yang kamu datangkan dengannya, bagaimana kamu boleh membenci seorang lelaki yang Rasulullah SAW penuhinya dengan ilmu. Bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda kepadanya: (Kedudukan) kamu di sisiku seperti kedudukan Hārūn di sisiku Mūsā kecuali bahawasanya tiada lagi nabi selepasku…”[113]

Selain itu, terdapat beberapa riwayat dalam sumber Ahl al-Sunnah dan Syiah yang memperlihatkan penghormatan Mu‘āwiyah terhadap keturunan ‘Alī. Ia terbukti apabila Mu‘āwiyah pernah menghadiahkan sebanyak tiga ratus ribu dirham kepada Ḥasan bin ‘Alī setelah beliau menjadi khalifah. Jumlah itu bagi membantu Ḥasan melangsaikan hutangnya, pemberian kepada ahli keluarga dan kegunaan peribadinya.[114] Dengan hubungan yang begitu

[113] Ibn Ṭāwūs, *al-Ṭarā'if fī Ma‘rifah Madhāhib al-Ṭawā'if*, 1: 53; al-Baḥrānī, *Ḥilyah al-Abrār fī Aḥwāl Muḥammad wa Ālih al-Aṭhār*, 2: 424; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 33: 295; al-Khaw'ī, *Minhāj al-Barā‘ah fī Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 16: 113.
[114] Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Ājurrī, *al-Sharī‘ah* (Riyāḍ: Dār al-Waṭan, 1999), 5: 2468-2469; Aḥmad bin Yaḥyā al-Balādhurī, *Ansāb al-Ashrāf* (Beirut: Dār al-Fikr, 1996), 2: 111; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 16: 12; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 44: 109.

University of Malaya

mesra antara Mu'āwiyah dengan keturunan 'Alī, adalah mustahil bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah untuk menerima sebarang riwayat yang menunjukkan kebencian Mu'āwiyah kepada 'Alī dan keturunan Banī Hāshim yang lain sebagaimana didakwa oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Tambahan pula, apabila Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menyandarkan riwayat-riwayat tanpa sanad yang mendakwa Mu'āwiyah memerintahkan para khatib supaya melaknat 'Alī di dalam khutbah dan mereka-reka hadis palsu mengenai kelebihan para *al-sahabah* seperti yang dinukilkan oleh Ibn Abī al-Ḥadīd dalam *Sharḥ Nahj al-Balāghah*.[115]

Terdapat satu riwayat nukilan al-Ṭabarī yang sering dijadikan hujah oleh pihak Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Riwayat itu menyebutkan ketika Mu'āwiyah melantik al-Mughīrah bin Shu'bah sebagai gabenor di Kūfah, beliau telah memerintahkan al-Mughīrah agar tidak keberatan mencaci 'Alī dan menghina pengikutnya, sebaliknya memuji 'Uthmān dan memuliakan pengikutnya.[116] Walau bagaimanapun riwayat ini ditolak oleh ulama hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah memandangkan di dalamnya terdapat perawi yang tertolak iaitu Abū Mikhnaf. Al-Dhahabī dan Ibn Ḥajar mengatakan, Abū Mikhnaf Luṭ bin Yaḥyā merupakan seorang penganut Syiah Akhbārī yang rosak dan tidak boleh dipercayai. Al-Rāzī meninggalkan hadis-hadisnya, al-Dāraquṭnī mendaifkannnya, Ibn Ma'īn menafikan ia *thiqah* dan Ibn 'Adīy mengatakan ia penganut Syiah pekat dan perawi hadis-hadis mereka.[117]

---

[115] Sila lihat perbahasan pada halaman 169-170. Kitab *Nahj al-Balāghah* merupakan kitab yang dipertikaikan pada sanad dan matannya. Menurut al-Qafārī, riwayat-riwayat dalam kitab ini dikumpulkan tanpa sanad tiga setengah kurun selepas kematian 'Alī. Lihat al-Qafārī, *Uṣūl Madhhab al-Shī'ah,*1: 389. Al-Dhahabī dan Ibn Ḥajar mengatakan bahawa kitab ini adalah pendustaan ke atas 'Alī. Di dalamnya terdapat banyak perlecehan terhadap Abū Bakr dan 'Umar serta riwayat-riwayat yang batil. Ibn Ḥajar mengatakan ia adalah hasil rekaan al-Sharīf al-Riḍā sendiri. Lihat al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, 5: 152; Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 4: 223. Manakala Ibn Abī al-Ḥadīd yang mengarang *Sharḥ Nahj al-Balāghah* pula merupakan seorang penganut Shī'ah tegar, sebelum berubah menjadi seorang Mu'tazilah. Lihat perkataan *muḥaqqiq* dalam muqaddimah *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 1: 15. Oleh yang demikian, kitab ini dan syarahnya, bukan merupakan sumber rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagaimana yang didakwa oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.

[116] Al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī*, 3: 218.

[117] Lihat Shams al-Dīn al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 5: 508; Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān* (Beirut: Mu'assasah al-A'lamī li al-Maṭbū'āt, 1986), 4: 492.

University of Malaya

4.5.2 Dakwaan kemurtadan para *al-sahabah* menurut al-Sunnah

Bagi menyerlahkan pendirian sebenar al-Sunnah terhadap para *al-sahabah*, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah mengumpulkan semua hadis yang menunjukkan kelemahan dan kepincangan para *al-sahabah*. Tujuan utama ia dilakukan bagi menyanggah sifat keadilan para *al-sahabah* sebagaimana yang ditetapkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah ke atas mereka. Setelah dikumpulkan kesemua riwayat tersebut, kekejian yang paling berat dinyatakan oleh al-Sunnah menurut dakwaan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah adalah kemurtadan para *al-sahabah*. Khir Izzah mengemukakan sebanyak sebelas riwayat daripada dua sumber utama hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang dikatakan memperakui kemurtadan para *al-sahabah*. Enam daripadanya dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* manakala bakinya daripada *Ṣaḥīḥ Muslim*.[118] Kesemua hadis tersebut dianggap sebagai dalil paling kukuh buat Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah atas kemurtadan para *al-sahabah*.

Riwayat-riwayat yang didakwa sebagai bukti kemurtadan para *al-sahabah* itu sebenarnya merupakan hadis-hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan peristiwa di padang Maḥshar kelak. Ia menggambarkan bagaimana golongan yang dikenali oleh Rasulullah SAW sebagai *al-sahabah* Baginda, namun tidak dibenarkan untuk mendekati telaga *al-Ḥawḍ* disebabkan keadaan mereka yang telah berubah sepeninggalan Baginda. Dengan menggunakan hadis-hadis ini, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah bersepakat bahawa ia menjadi dalil akan kemurtadan para *al-sahabah*.[119] Namun, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah kehairanan apabila melihat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah meriwayatkan hadis-

[118] Lihat perbahasan pada halaman 171-176.
[119] Lihat halaman 193.

University of Malaya

hadis tersebut, tetapi dalam masa yang sama masih tegar mengatakan kesemua *al-sahabah* itu adil dan kekal dalam keimanan setelah kewafatan Rasulullah SAW.[120]

Pada hakikatnya, periwayatan hadis-hadis tersebut oleh para *al-sahabah* seperti ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd, Anas bin Mālik, Sahl bin Sa‘d, Abū Hurayrah, ‘Ā’ishah dan Asmā’ binti Abū Bakr merupakan bukti jelas akan keadilan para *al-sahabah* dalam menyampaikan hadis-hadis Baginda. Jika benar hadis-hadis tersebut merujuk kepada kemurtadan mereka sendiri, sudah tentu mereka akan berusaha mendiamkannya atau tidak meriwayatkannya supaya tidak timbul sebarang tohmahan ke atas diri mereka sendiri. Namun, apa yang berlaku adalah sebaliknya apabila hadis-hadis tersebut diriwayatkan dan termaktub di dalam kitab-kitab hadis utama di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ia secara tidak langsung menyerlahkan lagi sikap adil, jujur dan amanah para *al-sahabah* dalam menyampaikan risalah daripada Rasulullah SAW. Justeru, terdapat tiga pendapat dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah di dalam memahami hadis-hadis tersebut sebagaimana berikut:

Pertama, mereka yang dimaksudkan dalam hadis tersebut merupakan golongan yang memeluk Islam ketika hayat Rasulullah SAW. Akan tetapi keimanan mereka belum benar-benar kukuh lalu murtad selepas kewafatan Baginda. Kebanyakannya terdiri daripada golongan yang memeluk Islam menerusi wakil-wakil mereka yang bertemu Nabi SAW selepas pembukaan Makkah seperti Banī Ḥanīfah, Banī Sa‘d, Banī Tamīm dan lain-lain. Mereka memeluk Islam tanpa memahami hakikat Islam yang sebenar. Muḥammad bin Yūsuf al-Firabrī, salah seorang perawi *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, daripada Abū ‘Abd Allāh iaitu al-Bukhārī, daripada Qubayṣah berkata, “*Mereka adalah golongan yang murtad pada zaman Abū Bakr, lalu diperangi oleh Abū Bakr*.”[121] Menurut Ibn Ḥajar, sabda Rasulullah SAW, “*Mereka telah*

---

[120] Dalam hal ini, A. Malik meluahkan rasa hairan dan terkejutnya terhadap ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang meriwayatkan hadis-hadis sedemikian dan mengakui mereka adalah orang yang adil dan tidak menyembunyikan kebenaran. Lihat A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 16.

[121] Al-Bukhari, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 3: 1271; Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Īnī, *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 16: 38.

University of Malaya

murtad", menepati tafsiran Qubayṣah tersebut. Oleh yang demikian, perkataan "*aṣḥābī*" yang dimaksudkan dalam hadis-hadis *al-Ḥawḍ*, merujuk kepada keadaan mereka sebelum murtad, bukan ketika mereka mati dalam keadaan demikian. Bahkan tiada keraguan lagi, seseorang yang mati dalam keadaan murtad, ternafi ke atasnya gelaran *al-sahabah* kerana ia suatu gelaran yang mulia dalam Islam dan orang yang murtad tidak layak diberikan gelaran tersebut.[122]

Al-Safārīnī pula berpandangan bahawa hadis *al-Ḥawḍ* hanyalah salah satu bentuk daripada bukti-bukti kenabian Nabi SAW dalam memberitahu sesuatu peristiwa yang terjadi pada masa akan datang. Kebenaran perkhabaran Baginda itu terzahir apabila ramai kalangan A'rāb, Banī Ḥanīfah, Banī Tamīm dan selain mereka telah murtad selepas kewafatan Baginda.[123] Al-Qāḍī 'Iyāḍ menguatkan takwilan ini, lebih-lebih lagi terdapat riwayat lain dalam hadis tersebut yang menggunakan perkataan "*aṣḥābī*" dengan *isim taṣghīr* iaitu "*uṣayḥābī*" yang menunjukkan ia tidak merujuk kepada *al-sahabah* Rasulullah SAW yang sebenar. Begitu jua perkataan "*suḥqan, suḥqan*" yang bererti "*jauh, jauh*", yang menunjukkan mereka adalah golongan yang murtad, bukan golongan daripada umat Islam yang melakukan dosa yang akan dimohon syafaat dan diambil berat oleh Rasulullah SAW.[124]

Kedua, mereka yang dimaksudkan dalam hadis tersebut adalah golongan munafikin. Ini kerana, mereka kelak akan dibangkitkan bersama-sama kaum mukminin berdasarkan keadaan mereka di dunia dahulu yang menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufuran. Oleh kerana terdapat kesan wuduk pada diri mereka, Rasulullah SAW akan turut memanggil mereka kerana menyangka mereka termasuk dalam golongan Baginda. Lalu dikhabarkan bahawa mereka bukan daripada golongan yang dijanjikan sebaliknya mereka

---

[122] Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 6: 490.
[123] Muḥammad bin Aḥmad al-Safārīnī, *Sharḥ Thulāthiyyāt Musnad al-Imām Aḥmad* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1399H), 1: 541.
[124] Al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, 15: 64.

University of Malaya

telah berubah dan tidak meninggal dunia dalam keadaan Islam sebagaimana yang dizahirkan.[125] Hal ini bertepatan dengan surah al-Tawbah ayat 101 yang menerangkan bahawa bukan semua orang munafikin itu dikenali oleh Rasulullah SAW.

Ketiga, mereka yang dimaksudkan adalah ahli maksiat, pelaku dosa besar dan ahli bidaah yang tidak mengkufurkan yang meninggal dunia dalam keadaan Islam.[126] Al-Nawawī menukilkan keterangan daripada Ibn ‘Abd al-Barr bahawa setiap orang yang melakukan bidaah dalam agama akan diharamkan daripada *al-Ḥawḍ* seperti Khawārij, Rawāfiḍ dan kumpulan bidaah lain. Begitu juga para penzalim yang melampau dalam melakukan kezaliman dan menentang kebenaran. Mereka berkemungkinan termasuk dalam kalangan yang dimaksudkan dalam hadis *al-Ḥawḍ* tersebut.[127]

Berdasarkan pembentangan di atas, golongan yang diharamkan mendekati *al-Ḥawḍ* sebagaimana yang dimaksudkan dalam hadis-hadis tersebut menepati ciri-ciri golongan yang murtad selepas kewafatan Nabi SAW atau golongan munafikin dan bukan sama sekali para *al-sahabah* Rasulullah SAW sepertimana yang didakwa oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Hadis-hadis *al-Ḥawḍ* sendiri diriwayatkan oleh lebih lima puluh orang *al-sahabah*. Amat mustahil jika hadis-hadis tersebut ditujukan kepada mereka sedangkan mereka sendiri yang meriwayatkannya daripada Rasulullah SAW. Ibn Ḥajar menegaskan, tiada seorang pun kalangan *al-sahabah* besar dan masyhur yang murtad. Sebaliknya kebanyakan mereka yang murtad terdiri daripada masyarakat A‘rāb yang tidak pernah terbabit dalam perjuangan bersama Rasulullah SAW. Oleh sebab itu terdapat lafaz yang menyebut, “*uṣayḥābī*” bagi menunjukkan bilangan mereka itu sedikit berbanding para *al-sahabah* yang mendampingi Rasulullah SAW.[128]

---

[125] *Ibid.*, 3: 136; Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi‘ al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 7: 93.
[126] *Ibid*.
[127] *Ibid*.
[128] Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 11: 385.

University of Malaya

Ibn Qutaybah ketika mensyarahkan hadis *al-Ḥawḍ* menjelaskan bahawa lafaz yang digunakan oleh Rasulullah SAW, "*Layaridann 'alayy al-Ḥawḍ aqwām..*" (*Akan dibawa kepadaku di al-Ḥawḍ beberapa kelompok*) menunjukkan bilangan yang murtad itu adalah sedikit. Jika bilangan yang murtad itu ramai atau hampir kesemua mereka, sudah tentu perkataan yang digunakan adalah, "*Lataridunn 'alayy al-Ḥawḍ thumm latukhtalijunn dūnī…*" (Kamu semua akan dibawa kepadaku di *al-Ḥawḍ* kemudian kamu dipisahkan daripadaku). Sebagai contoh, dalam bahasa Arab, jika ungkapan itu ingin merujuk yang sedikit daripada yang ramai, ia akan disebut, "*Atānī aqwām min Banī Tamīm*" (Telah datang kepadaku beberapa kelompok daripada Banī Tamīm). Namun, jika ia ingin merujuk kepada yang ramai, maka ungkapannya, "*Atānī Banū Tamīm*" (Telah datang kepadaku Banī Tamīm). Tambahan pula, dalam sesetengah hadis *al-Ḥawḍ,* digunakan lafaz "*uṣayḥābī*" bagi merujuk kepada bilangan yang sedikit.[129]

Berdasarkan hujah tersebut, pandangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang mempergunakan hadis-hadis *al-Ḥawḍ* sebagai dalil atas kemurtadan para *al-sahabah* adalah tertolak sama sekali. Ini kerana, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mendakwa majoriti *al-sahabah* telah murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW. Malahan pendapat paling kuat di sisi mereka, kesemua *al-sahabah* telah murtad kecuali tiga orang iaitu Salmān al-Fārisī, Abū Dhar al-Ghifārī dan al-Miqdād bin al-Aswad.[130] Hal ini amat bertentangan dengan zahir hadis-hadis *al-Ḥawḍ* yang menyatakan hanya segelintir dalam kalangan mereka yang memeluk Islam pada hayat Rasulullah SAW telah murtad sepeninggalan Baginda. Ayat-ayat al-Qur'an yang memuji dan memperakui kebenaran keimanan para *al-sahabah* juga menjadi

[129] 'Abd Allāh bin Muslim bin Qutaybah al-Daynūrī, *Ta'wīl Mukhtalaf al-Hadīth* (Beirut: Dār al-Jīl, 1972), 233.
[130] Lihat perbahasan pada halaman 202-203.

University of Malaya

hujah paling ampuh menolak kebatilan hujah Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah mengenai kemurtadan para *al-sahabah*. Sebagaimana perkataan Ibn Qutaybah,

> “Bagaimana mungkin Allah ‘azza wa jalla meredai mereka, memuji-muji mereka, menjadikan mereka sebagai contoh di dalam Taurat dan Injil sedangkan Dia mengetahui bahawa mereka akan murtad selepas kewafatan Rasulullah…”[131]

4.5.3 Dakwaan kemungkaran para *al-sahabah*

Faisal Tehrani dalam novelnya, selain mendatangkan hadis-hadis *al-Ḥawḍ* sebagai hujah kemurtadan dan ketidakadilan para *al-sahabah*, beliau turut menggunakan beberapa hadis lain yang diriwayatkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah untuk menjelaskan kemungkaran para *al-sahabah* menurut al-Sunnah. Antaranya hadis Jābir bin ‘Abd Allāh yang meriwayatkan tindakan para *al-sahabah* yang keluar meninggalkan Rasulullah SAW ketika Baginda sedang berkhutbah Jumaat. Mereka bertindak sedemikian apabila diberitahu terdapat satu kafilah dagang yang baru tiba dari Sham. Akibatnya mereka keluar meninggalkan Rasulullah SAW kecuali dua belas orang *al-sahabah* termasuk Abū Bakr dan ‘Umar.[132] Justeru Allah SWT menurunkan surah al-Jumu‘ah ayat 11. Jika diteliti, tidak terdapat apa-apa celaan, kutukan atau ancaman keras sama ada dalam al-Qur’an mahupun al-Sunnah atas tindakan para *al-sahabah* tersebut. Sebaliknya ia lebih bersifat teguran Allah SWT kepada mereka apabila Allah SWT berfirman:

قُلْ مَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ ٱللَّهْوِ وَمِنَ ٱلتِّجَٰرَةِ ۚ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿١١﴾

> Terjemahan:
> “Katakanlah (wahai Muhammad: Pahala, balasan) yang ada di sisi Allah, lebih baik dari hiburan dan barang-barang dagangan itu dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki.”

[131] Ibn Qutaybah, *Ta’wīl Mukhtalaf al-Hadīth,* 235.
[132] Lihat hadis pada halaman 179.

University of Malaya

Tambahan pula, hal ini berlaku pada zaman awal penghijrahan Nabi SAW ke Madinah, ketika adab-adab dan hukum-hakam syarak belum benar-benar sempurna. Ibn Kathīr menukilkan satu riwayat dari *Marāsīl Abī Dawūd* bahawa Rasulullah SAW pada awalnya mendahulukan solat Jumaat sebelum khutbah seperti solat dua hari raya. Namun selepas berlaku peristiwa Diḥyah bin Khalīfah yang datang membawa barang dagangan sehingga menyebabkan para *al-sahabah* meninggalkan beliau ketika berkhutbah, Baginda kemudiannya mendahulukan khutbah sebelum solat Jumaat.[133] Ini bererti, peristiwa tersebut tidak memberikan sebarang hujah yang boleh digunakan untuk menafikan keadilan para *al-sahabah*. Apatah lagi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah langsung tidak mengulas perihal Abū Bakr dan 'Umar yang termasuk dalam kalangan dua belas orang *al-sahabah* yang kekal bersama Rasulullah SAW. Sedangkan Abū Bakr dan 'Umar merupakan dua orang *al-sahabah* utama yang paling banyak dinafikan keadilannya oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.

Faisal Tehrani turut membawakan hadis yang menzahirkan bagaimana seorang *al-sahabah* iaitu Mu'āwiyah bin Abī Sufyān telah menukarkan kadar zakat yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW kepada kadar lain ketika beliau menjadi khalifah.[134] Hal ini dianggap oleh Faisal Tehrani sebagai perbuatan maksiat dan menafikan sifat keadilan para *al-sahabah* kerana telah mengubah hukum Allah SWT. Walhal apa yang dinyatakan dalam hadis tersebut merupakan ijtihad Mu'āwiyah dalam memahami kaedah pembayaran zakat fitrah. Perselisihan sememangnya telah pun berlaku kalangan para ulama termasuk para *al-sahabah*, dalam menentukan pembayaran zakat sama ada dibayar dengan barang makanan itu sendiri atau dengan nilai barang makanan tersebut. Dalam hadis tersebut, Mu'āwiyah berpandangan, nilai dua cupak gandum Shām adalah bersamaan dengan nilai segantang kurma. Manakala perawi hadis tersebut iaitu Abū Sa'īd al-Khudrī tidak bersetuju dengan ijtihad berkenaan.

---

[133] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 4: 368.
[134] Sila lihat hadis pada halaman 179.

University of Malaya

Jumhur ulama iaitu mazhab Mālikī, Ḥanbalī dan Shafi'ī berpegang kepada pendapat Abū Sa'īd al-Khudrī, manakala mazhab Ḥānāfī berpegang kepada pendapat Mu'āwiyah.[135]

Sementelahan, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri memiliki pandangan yang sama dengan ijtihad Mu'āwiyah kerana turut mengharuskan pembayaran zakat fitrah dengan nilai barang makanan. Ia merupakan pendapat yang disepakati oleh para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.[136] Hujah tersebut berdasarkan riwayat-riwayat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri yang menerima nilai setengah gantang (dua cupak) gandum bersamaan dengan nilai segantang kurma, kismis atau barli. Antaranya seperti riwayat berikut:

"عَنْ أَبِي جَعْفَرٍ وَ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ ع قَالُوا سَأَلْنَاهُمَا عَنْ زَكَاةِ الْفِطْرَةِ قَالا صَاعٌ مِنْ تَمْرٍ أَوْ زَبِيبٍ أَوْ شَعِيرٍ أَوْ نِصْفُ ذَلِكَ حِنْطَةٍ أَوْ دَقِيقٍ..."

Terjemahan:
Daripada Abī Ja'far (Muḥammad al-Bāqir, Imam Kelima) dan Abū 'Abd Allāh, Ja'far al-ṣādiq, Imam Keenam), mereka berkata, "Kami bertanya kepada kedua-duanya tentang (kadar) zakat fitrah, kedua-duanya mengatakan, segantang dari kurma atau kismis atau barli atau setengah yang demikian dari gandum atau tepung…"[137]

Riwayat yang hampir sama juga dinukilkan dalam *Wasā'il al-Shī'ah* karangan al-Ḥurr al-'Āmilī, namun *muḥaqqiq* karya tersebut mengatakan perkataan tersebut diungkapkan oleh para imam dengan maksud bertaqiyyah pada zaman 'Uthmān ataupun Mu'āwiyah.[138] Ini bererti, penghujahan menggunakan hadis tersebut bagi menolak keadilan para *al-sahabah*

[135] Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Dimashq: Dār al-Fikr, t.t), 3: 383-384.
[136] Ḥamzah bin 'Alī al-Ḥusaynī, *Ghunyah al-Nuzū' ilā 'Ilmay al-Uṣūl wa al-Furū'* (Qom: Mu'assasah Imām Ṣādiq, 1417H), 127; al-Ḥillī, Ibn al-Muṭahhar, *Tadhkirah al-Fuqahā'* (Qom: Mu'assasah āl al-Bayt, 1414H), 5: 70; Sharīf Murtaḍā al-Mūsawī, *Jumal al-'Ilm wa al-'Amal* (Najaf: Maṭba'ah al-ādāb, 1387H), 124.
[137] Muḥammad bin Ḥasan al-Ṭūsī, *al-Istibṣār fīmā Ikhtulif min al-Akhbār* (Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1390H), 2: 43.
[138] Al-Ḥurr al-'Āmilī, *Wasā'il al-Shī'ah*, 9: 336.

University of Malaya

adalah tertolak sama sekali kerana ia bukan perkara maksiat sebaliknya perkara ijtihad yang diperselisihkan oleh para ulama terdahulu dan terkemudian.

Di samping itu, ijtihad ‘Umar al-Khaṭṭāb menjatuhkan talak tiga dalam satu majlis juga dijadikan alasan oleh Faisal Tehrani untuk menafikan keadilan para *al-sahabah*. Tindakan ‘Umar tersebut dikatakan mengubah hukum Rasulullah SAW yang hanya menjatuhkan talak satu kepada orang yang melafazkan talak tiga dalam satu majlis. Faisal Tehrani berhujah dengan hadis Abū al-Ṣahbā’ yang mendapat pengesahan Ibn ‘Abbās bahawa talak tiga pada zaman Nabi SAW dan Abū Bakr dijatuhkan talak satu, tetapi ia dijatuhkan talak tiga pada zaman ‘Umar.[139] Hal ini pada asasnya merupakan permasalahan *khilāf fiqhī* dan tiada kena mengena dengan kemaksiatan atau mengubah hukum. Ini kerana, jumhur ulama terdiri daripada mazhab empat berpandangan bahawa talak tiga boleh jatuh walaupun dengan satu lafaz atau pada satu majlis. Sebaliknya Ibn ‘Abbās, Ṭāwūs, ‘Ikrimah, Ibn Isḥāq, Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim berpandangan talak tiga dengan satu lafaz atau pada satu majlis tidak jatuh kecuali talak satu. Pendapat ini digunapakai dalam Undang-undang Keluarga Islam di Mesir dan Syria.[140] Ini bererti, pandangan ‘Umar al-Khaṭṭāb menjadi pegangan jumhur ulama berdasarkan hadis di atas dan beberapa hadis lain. Malah ia juga pandangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berdasarkan beberapa riwayat mereka. Antaranya apa yang diriwayatkan daripada ‘Alī bahawa beliau berkata:

> “Sekiranya seorang lelaki menceraikan isterinya talak tiga dengan satu lafaz sebelum menjimaknya, maka jatuh (talak tiga), tidak harus pewarisan (harta) antara kedua-duanya, tidak harus rujuk dan ia (bekas isterinya) tidak halal baginya sehingga ia menikahi lelaki yang lain…”[141]

---

[139] Lihat hadis pada halaman 179.
[140] Al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 9: 383; ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad ‘Iwaḍ al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 4: 169.
[141] Al-Ṭūsī, *al-Istibṣār fīmā Ikhtulif min al-Akhbār*, 3: 287; al-Ṭūsī, *Tahdhīb al-Aḥkām*, 8: 54.

University of Malaya

Terdapat juga riwayat bahawa Abū ‘Abd Allāh, Ja‘far al-Ṣādiq pernah disoal mengenai kedudukan seorang lelaki yang melafazkan talak tiga kepada isterinya. Beliau menjawab, talak tiga tersebut jatuh jika lelaki berkenaan berniat untuk mengambil remeh terhadap lafaz tersebut.[142] Apa yang diriwayatkan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ini bersamaan dengan apa yang diriwayatkan mengenai tindakan ‘Umar menghukumkan jatuh talak tiga dengan satu lafaz atau pada satu majlis. Ia berlaku dua tahun selepas pemerintahan beliau apabila mendapati rakyat semakin bermudah-mudahan melafazkannya.[143]

A. Malik menggunakan hadis al-‘Alā’ bin al-Musayyab daripada riwayat al-Bukhārī bagi memperlihatkan seolah-olah *al-sahabah* bernama al-Barrā’ bin ‘Āzib memperakui bahawa para *al-sahabah* telah berubah selepas kewafatan Rasulullah SAW.[144] Walau bagaimanapun, tiada apa-apa isyarat dalam hadis tersebut yang menafikan keadilan para *al-sahabah*. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī mengatakan, perkataan al-Barrā’ bin ‘Āzib itu menyerlahkan sifat tawaduk dan kesempurnaan sifat mulia para *al-sahabah* apabila mereka dipuji dan disanjungi oleh generasi kemudian. Lebih-lebih lagi apabila beliau mengenangkan beberapa peperangan yang berlaku dalam kalangan *al-sahabah*, maka beliau bimbang jika ia akan membawa kepada akibat yang tidak baik.[145]

Berkenaan hadis-hadis yang dikemukakan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah bagi menafikan sebarang kelebihan atau keistimewaan para *al-sahabah* berbanding umat terkemudian, ia juga hujah yang tertolak sama sekali. Ini kerana, jika hujah sedemikian diterima, sudah tentu Ahl al-Bayt yang hidup pada zaman Rasulullah SAW juga tidak memiliki keutamaan berbanding golongan yang datang kemudian. Ini kerana, hadis-hadis tersebut menyebut secara umum sanjungan Rasulullah SAW terhadap umat terkemudian

---

[142] Al-Ṭūsī, *al-Istibṣār fīmā Ikhtulif min al-Akhbār*, 3: 292; al-Ṭūsī, *Tahdhīb al-Aḥkām*, 8: 59.
[143] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Ṭalāq al-Thalāth, no. hadis: 1472. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 2: 1099.
[144] Sila lihat hadis pada halaman 181.
[145] Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 7: 450.

University of Malaya

yang beriman kepada Baginda dalam keadaan tidak melihat dan bertemu Baginda.[146] Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah pasti akan membantah kiasan ini dengan alasan para Ahl al-Bayt mempunyai kelebihan tertentu berdasarkan nas-nas syarak. Maka jawapan yang sama jua akan diberikan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bahawa para *al-sahabah* itu memiliki kelebihan tertentu yang tidak dimiliki oleh umat terkemudian berdasarkan nas-nas syarak.

Bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, hadis-hadis tersebut langsung tidak menafikan kelebihan para *al-sahabah*. Kelebihan para *al-sahabah* terutama mereka yang secara khusus telah dinyatakan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah seperti golongan Muhajirin, Ansar, ahli Badar, ahli *Bay'ah al-Riḍwān*, sepuluh orang yang dijamin syurga dan lain-lain yang dinyatakan secara khusus kelebihannya, adalah dianggap lebih utama daripada sekalian umat pada mana-mana zaman sekalipun. Oleh yang demikian, hadis-hadis yang menyebut tentang gandaan pahala bagi umat terkemudian hanya terkhusus kepada amalan tertentu dan pada zaman tertentu. Ia bukan bermaksud untuk menyatakan keutamaan mereka berbanding para *al-sahabah* secara mutlak.[147]

4.5.4 Dakwaan *al-sahabah* memusuhi Ahl al-Bayt

Antara alasan utama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menolak keadilan para *al-sahabah* adalah kerana para *al-sahabah* didakwa membenci dan memusuhi Ahl al-Bayt atau ahli keluarga Rasulullah SAW. Sedangkan mencintai Ahl al-Bayt merupakan suatu kefarduan yang telah ditetapkan di dalam al-Qur'an. Khair Izzah berhujah menggunakan surah al-Shūrā ayat 23 sebagai dalil bahawa Allah SWT memerintahkan agar umat Islam mencintai ahli keluarga Rasulullah SAW sambil membawakan beberapa tafsiran daripada

---

[146] Sila lihat hadis-hadis tersebut pada halaman 182-183.

[147] Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 7: 6-7; Muḥammad Shams al-ḥaq al-'Aẓīm ābādī, *'Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abī Dawūd* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 11: 333; Muḥammad bin 'Alī al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār Sharḥ Muntaqā al-Akhbār* (Beirut: Dār al-Jīl, 1973), 9: 230.

University of Malaya

sumber Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.[148] Meskipun demikian, nukilan tersebut kurang tepat kerana setiap ahli tafsir menukilkan riwayat dengan komentar tertentu dan bukan semestinya sebagai hujah. Misalnya, Ibn Kathīr mengatakan riwayat tersebut daif kerana terdapat seorang perawi bernama Ḥusayn al-Ashqar yang dikenali sebagai penganut Syiah tegar, perkhabarannya tertolak dalam riwayat ini. Selain itu, ayat tersebut adalah ayat *Makkiyyah*, sedangkan Fāṭimah masih belum memiliki anak kerana hanya berkahwin dengan 'Alī selepas Perang Badar pada tahun kedua hijrah.[149] Al-Ṭabarī pula hanya membawakan satu sahaja riwayat yang merujuk *al-qurbā* dengan maksud keluarga Nabi SAW. Namun beliau memilih riwayat-riwayat lain yang mengatakan *al-qurbā* merujuk kepada kerabat Rasulullah SAW yang saling berkait dengan semua kabilah Quraysh di Makkah.[150]

Al-Qurtubī pula membawa riwayat yang dibawa oleh Syiah di atas dengan *ṣīghah tamrīḍ*. Beliau memilih riwayat Ibn 'Abbās, 'Mujāhid, 'Ikrimah, Abū Malik dan al-Sha'bī bahawa ayat tersebut ditujukan khusus kepada kaum Quraysh. Oleh itu maksud *al-qurbā* adalah merujuk kepada hubungan kekerabatan Nabi SAW dengan semua kabilah Quraysh di Makkah.[151] Al-Sayuti menyebut riwayat di atas sebagai daif dan hanya dibentangkan selepas membentangkan riwayat Aḥmad, Ibn Ḥumayd, al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī, Ibn Jarīr dan Ibn Mardawayh menerusi jalur Ṭāwus daripada Ibn 'Abbās yang mengatakan *al-qurbā* sebagai hubungan kerabat Rasulullah SAW dengan kaum Quraysh.[152] Al-Nasafī juga memahami *al-qurbā* dengan maksud hubungan kekerabatan Rasulullah SAW dengan kaum Quraysh. Erti *al-qurbā* yang merujuk kepada 'Alī, Fāṭimah, al-Ḥasan dan al-Ḥusayn hanya dinukilkan dengan *ṣīghah tamrīḍ*.[153] Al-Rāzī pula mengatakan jika diterima maksud *al-qurbā*

---

[148] Lihat perbahasan pada halaman 190-191.
[149] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 4: 113.
[150] Al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān*, 25: 26.
[151] Abū 'Abd Allāh al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān al-Karīm*, (Kaherah: Dār al-Sha'b, t.t), 16: 21; Muḥammad bin 'Alī Al-Shawkānī, *Fatḥ al-Qadīr* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 4: 534.
[152] Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr* (Beirut: Dār al-Fikr,1993), 7: 346-348.
[153] Abū al-Barakāt al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 2005), 4: 85-86.

University of Malaya

sebagai Ahl al-Bayt, maka para *al-sahabah* juga termasuk dalam makna *al-qurbā* berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Wāqi‘ah ayat 10-11. Ini kerana, para *al-sahabah* termasuk golongan yang dipersaksikan kedekatan hubungan mereka dengan Allah SWT.[154]

Berdasarkan penjelasan tersebut, jelas menunjukkan bahawa Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah telah menyelewengkan tafsiran surah al-Shūrā ayat 23 semata-mata bagi menzahirkan ketaksuban terhadap Ahl al-Bayt. Hal ini berbeza dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang meletakkan kedudukan Ahl al-Bayt pada tempat yang selayaknya bagi mereka, tanpa perlu mengada-adakan sebarang dalil yang tidak sabit. Bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, dalil-dalil mengenai kedudukan Ahl al-Bayt telah memadai berdasarkan hadis-hadis Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh para *al-sahabah*. Antaranya hadis Zayd bin Arqam bahawa Rasulullah SAW. bersabda seperti berikut:

"...أنا تَارِكٌ فِيكُمْ ثَقَلَيْنِ أَوَّلُهُمَا كِتَابُ اللَّهِ فيه الْهُدَى وَالنُّورُ فَخُذُوا بِكِتَابِ اللَّهِ وَاسْتَمْسِكُوا بِهِ فَحَثَّ على كِتَابِ اللَّهِ وَرَغَّبَ فيه ثُمَّ قال وَأَهْلُ بَيْتِي أُذَكِّرُكُمْ اللَّهَ فِي أَهْلِ بَيْتِي أُذَكِّرُكُمْ اللَّهَ فِي أَهْلِ بَيْتِي أُذَكِّرُكُمْ اللَّهَ فِي أَهْلِ بَيْتِي..."

Terjemahan:
"…aku tinggalkan kepada kamu dua perkara berat, pertama daripada kedua-duanya, Kitabullah, kamu berpeganglah dengannya. Lalu Baginda menganjurkan agar berpegang dengan Kitabullah dan mendorong kepadanya kemudian berkata: Dan ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu kepada Allah tentang ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu kepada Allah tentang ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu kepada Allah tentang ahli keluargaku…[155]

Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW mengingatkan umatnya dengan dua perkara berat yang ditinggalkan Baginda. Salah satu daripadanya adalah al-Qur’an yang

[154] Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 27: 143.
[155] Hadis riwayat Muslim, Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Faḍā’il ‘Alī bin Abī Ṭālib, no. hadis: 2408. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 2408; Muḥammad bin Isḥāq bin Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1970), 4: 62.

University of Malaya

diperintahkan agar ia dijadikan pegangan. Kedua, adalah Ahl al-Bayt yang diperintahkan supaya dihormati dan dipelihara kedudukan dan hak-hak mereka. Namun, tiada perkataan dalam hadis tersebut yang memerintahkan agar berpegang kepada Ahl al-Bayt sebagaimana yang dipercayai oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Sebaliknya, penekanan hadis tersebut lebih kepada soal pemeliharaan dan penjagaan kedudukan Ahl al-Bayt secara adil. Ia sebagaimana iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang berpendirian pertengahan antara golongan yang memusuhi Ahl al-Bayt hingga menafikan kelebihan dan hak-hak mereka, dan golongan yang mendewa-dewakan Ahl al-Bayt hingga ke tahap menyamakan mereka dengan para nabi dan rasul.

Justeru, dakwaan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah mengenai permusuhan para *al-sahabah* terhadap Ahl al-Bayt adalah palsu. Terdapat banyak hujah dan dalil yang membuktikan hubungan baik dan dan kesefahaman antara Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah*. Malah, tiada permusuhan peribadi yang pernah berlaku antara sesama Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah* kecuali dalam peperangan menuntut keadilan terhadap pembunuhan ‘Uthmān. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, peperangan *Ṣiffīn* yang berlaku antara ‘Alī dengan Mu‘āwiyah, bukan dengan maksud Mu‘āwiyah ingin merampas kekhalifahan ‘Alī atau menafikan kelebihan ‘Alī, sebaliknya ia bertujuan bagi menuntut keadilan ke atas pembunuhan ‘Uthmān. Hal seperti ini juga terjadi sebelumnya dalam peperangan *Jamal* antara ‘Ā’ishah, Ṭalḥah dan Zubayr dengan ‘Alī. Ia bukan dengan maksud untuk menafikan kekhalifahan ‘Alī, sebaliknya bagi menuntut hukuman *qisas* dilaksanakan ke atas pembunuh ‘Uthmān.

Adapun hadis yang dibawakan oleh Khair Izzah berbunyi, “*Sesungguhnya Allah telah berjanji kepadaku bahawa sesiapa yang memerangi ‘Alī, maka ia telah kafir dan*

tempatnya di neraka."[156] Penulis menukilkan hadis ini daripada kitab *Mawaddah al-Qurbā* yang disandarkan kepada seorang ulama bermazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah iaitu al-Sayyid 'Alī bin Shihāb al-Dīn al-Hamadānī. Namun begitu, kitab *Mawaddah al-Qurbā* tidak menjadi rujukan di kalangan para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebaliknya sering menjadi rujukan para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Ini memandangkan kitab tersebut banyak menukilkan riwayat-riwayat janggal yang tidak diriwayatkan di dalam mana-mana karya hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah termasuk riwayat di atas.[157]

A. Malik juga melakukan kaedah penghujahan yang sama apabila berdalilkan riwayat yang tidak sahih menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berkenaan tafsiran surah al-Isrā' ayat 50.[158] A. Malik mendakwa, berdasarkan tafsir al-Tha'labī dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Rasulullah SAW telah melihat dalam mimpinya Banī Umayyah yang berperangai seperti beberapa ekor monyet naik dan turun di atas mimbar Baginda. Manakala perkataan *al-shajarah al-mal'ūnah* pula merujuk kepada pemimpin Banī Umayyah seperti Abū Sufyān dan Mu'āwiyah. Apabila dirujuk kepada kedua-dua tafsir tersebut, jelas sekali bahawa A. Malik telah mengabaikan tafsiran utama yang dipilih atau didahulukan oleh al-Tha'labī dan al-Rāzī. Mengenai mimpi yang dinyatakan dalam ayat tersebut, al-Rāzī menukilkan empat pendapat sambil mengatakan pendapat keempat adalah yang paling sahih dan dipilih kebanyakan ahli tafsir, iaitu pendapat yang mengatakan bahawa *al-ru'yā* dalam ayat tersebut merujuk kepada apa yang diperlihatkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW pada malam *al-Isrā'*.[159] Al-Tha'labī juga membawakan empat tafsiran mengenai ayat tersebut

---

[156] Lihat Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 365.
[157] Menurut Qadīrah Salīm, kitab *Yanābī' al-Mawaddah* telah menyalin satu persatu ibarat dalam kitab *Mawaddah al-Qurbā*. Lihat Qadīrah Salīm, "al-Sayyid 'Alī al-Hamadānī wa Khadamātuh al-'Ilmiyyah wa al-Fikriyyah", *Majallah al-Qism al-Arabi, University of The Punjab, Lahore (19) 2012*, 149. Sebelum ini pengkaji telah nyatakan dalam Bab Dua bahawa kitab *Yanābī' al-Mawaddah* disenaraikan sebagai salah sebuah rujukan Shī'ah oleh al-Ṭehrānī.
[158] Lihat perbahasan pada halaman 194.
[159] Al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 20: 189.

dengan meletakkan tafsiran pertama merujuk kepada apa yang diperlihatkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW daripada tanda-tanda kebesaran dan keajaiban-Nya pada malam *al-Mi'rāj*.[160]

Demikian juga dengan maksud *al-shajarah al-mal'ūnah* dalam ayat tersebut yang ditafsirkan oleh al-Tha'labī dengan pokok *al-zaqqūm*, tanpa menyatakan tafsiran lain.[161] Manakala al-Rāzī pula mentafsirkan *al-shajarah al-mal'ūnah* dengan menukilkan tiga pendapat sambil mengatakan bahawa pendapat pilihan kebanyakan ahli tafsir adalah pokok *al-zaqqūm*.[162] Ini bererti, pembentangan beberapa riwayat atau pendapat oleh seseorang ahli tafsir bukan bermakna ia berpegang kepada pendapat atau tafsiran tersebut. Di samping itu, perlu juga dinilai kekuatan sesuatu riwayat yang dikemukakan dari sudut perbahasan ilmu sanadnya. Ibn Kathīr mengkritik sanad riwayat yang merujuk *al-ru'yā* sebagai mimpi Rasulullah SAW melihat Banī Umayyah yang berperangai seperti monyet di atas mimbar Baginda. Beliau mengatakan sanad hadis tersebut sangat daif kerana Muḥammad bin al-Ḥasan bin Zabālah *matrūk*, dan gurunya juga daif secara keseluruhan. Oleh sebab itu, al-Ṭabarī menegaskan, para ahli tafsir yang muktabar telah berijmak bahawa *al-ru'yā* merujuk kepada apa yang dilihat oleh Rasulullah SAW pada malam *al-Isrā'* manakala *al-shajarah al-mal'ūnah* merujuk kepada pokok *al-zaqqūm*.[163]

A. Malik terus berhujah dengan mendakwa para *al-sahabah* seperti Mu'āwiyah tidak layak untuk disandarkan sifat adil. Ini kerana, beliau secara terang-terangan memerangi 'Alī dan bertanggungjawab mengarahkan pembunuhan Ḥasan bin 'Alī, cucu Rasulullah SAW. A. Malik mendakwa ia bersandarkan karya-karya sejarah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang ditulis oleh al-Mas'ūdī, Ibn 'Abd al-Barr, Abū al-Faraj al-Iṣfahānī, Muḥammad bin Sa'd dan

---

[160] Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Tha'labī, *al-Kashf wa al-Bayān 'an Tafsīr al-Qur'ān* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2002), 6: 109.
[161] *Ibid*., 111.
[162] Al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 20: 189.
[163] Al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān*, 15: 113-115.

University of Malaya

Ibn al-Jawzī.[164] Sedangkan dua daripada penulis yang disenaraikan bukan kalangan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebaliknya merupakan ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah iaitu al-Mas'ūdī[165] dan Abū al-Faraj al-Aṣfahānī.[166] Manakala salah seorang perawi yang terkandung dalam sanad kisah tersebut adalah seorang perawi yang tertolak iaitu Yazīd bin 'Iyāḍ bin Yazīd bin Ja'dabah al-Laythī. Mālik mengatakan ia sangat kuat berbohong. Yaḥyā bin Ma'īn mengatakan ia daif dan tiada bernilai. Aḥmad bin Ṣāliḥ mengatakan ia memalsukan hadis kepada orang ramai. Al-Nasā'ī pula mengatakan hadisnya daif dan mungkar.[167] Justeru, kisah keterlibatan Mu'āwiyah dalam pembunuhan Ḥasan, walaupun ia dinukilkan dalam beberapa karya ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, namun disebabkan terdapat *'illah* yang berat pada perawinya, ia tertolak untuk dijadikan hujah atau sandaran.

Isu Tanah Fadak juga dijadikan hujah untuk menolak keadilan para *al-sahabah* apabila A. Malik cuba mengenengahkan kisah ini bagi menunjukkan kemarahan Ahl a-Bayt iaitu Fāṭimah terhadap Abū Bakr. Punca permasalahan ialah Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mendakwa Tanah Fadak telah dikurniakan oleh Rasulullah SAW ketika Baginda masih hidup kepada Fāṭimah. Ia berdasarkan riwayat al-Bazzār ketika menafsirkan surah al-Isrā' ayat 26 sebagaimana yang dinukilkan dalam sesetengah karya tafsir Ahl al-Sunnah wa

---

[164] A. Malik, *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 159-160.

[165] Beliau adalah Abū al-Ḥasan 'Alī bin al-Ḥusayn bin 'Alī al-Mas'ūdī (m. 346H). Antara karyanya yang terkenal berjudul *Murūj al-Dhahab wa Ma'ādin al-Jawhar* atau dikenali juga sebagai *Tārīkh al-Mas'ūdī*. Seorang ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang *thiqah*. Hal ini dinukilkan oleh al-Ḥillī dalam *al-Khulāṣah*, al-Shahīd al-Thānī dalam *Ḥāshiyah al-Khulāṣah*, al-Sayyid al-Dāmād dalam *Ikhtiyār Rijāl al-Kashī* dan al-Majlisī dalam *al-Wajīzah*. Seorang murid besar kepada al-Majlisī iaitu al-Mirzā 'Abd Allāh al-Afandī mengatakan, "*Al-Mas'ūdī seorang ulama yang hebat, terkehadapan kalangan ulama Imāmiyyah, sezaman dengan al-Ṣadūq..*" Lihat Abū al-Ḥasan 'Alī bin al-Ḥusayn bin 'Alī al-Mas'ūdī, *Ithbāt al-Waṣiyyah* (Qom, Anṣāriyān, 1426H), Tarjumah al-Mu'allif: 8.

[166] Beliau adalah Abū al-Faraj 'Alī bin al-Ḥusayn bin Muḥammad bin al-Haytham al-Aṣfahānī (m. 356H). Al-Ḥurr al-'Āmilī mengatakan, Abū al-Faraj al-Aṣfahānī seorang Syiah yang pakar dalam bidang nyanyian dan sejarah. Lihat Muḥammad bin Ḥasan al-Ḥurr al-'Āmilī, *Amal al-Āmil* (Qom: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t), 2: 372; Karya beliau berjudul *al-Aghānī* dan *Maqātil al-Ṭālibiyyīn* juga dianggap sebagai dua rujukan Syiah yang muktabar. Lihat Muḥsin al-'Āmilī, *A'yān al-Shī'ah*, 1: 181.

[167] 'Abd al-Raḥmān bin Abī Ḥātim, *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1952), 9: 282.

University of Malaya

al-Jamā'ah seperti tafsir *al-Durr al-Manthūr* karangan al-Suyūṭī.[168] Walau bagaimanapun, hadis yang dijadikan hujah untuk menyokong surah al-Isrā' ayat 26 tersebut adalah palsu. Ibn Kathīr menjelaskan hadis yang diriwayatkan al-Bazzār tersebut tidak diketahui periwayatannya daripada Fuḍayl bin Marzūq kecuali daripada Abū Yaḥyā al-Tamīmī dan Ḥumayd bin Ḥammād bin Abī al-Khuwār. Beliau mengatakan hadis ini bermasalah kerana ayat ini Makkiyyah sedangkan tanah Fadak dibuka ketika peperangan Khaybar pada tahun ketujuh hijrah. Justeru bagaimana untuk menyesuaikan antara pemberian tanah Fadak yang berlaku selepas hijrah dengan ayat ini yang turun sebelum hijrah. Oleh itu, hadis ini mungkar dan ia seakan-akan direka oleh golongan Rāfiḍah[169]. Menurut al-Dhahabī pula, hadis ini zahirnya batil kerana jika benar Tanah Fadak tersebut telah diberikan kepada Fāṭimah pada ketika hidup Nabi SAW, maka tiada keperluan bagi Fāṭimah untuk menuntutnya daripada Abū Bakar kerana tanah itu telah pun menjadi milik beliau. Perawi-perawi dalam hadis tersebut juga semuanya daif kecuali 'Alī[170]. Menurut al-Haithamī, dalamnya ada 'Aṭiyyah al-'Awfī, dia adalah perawi yang daif dan *matrūk*[171].

Kemuncak permusuhan antara Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah* yang cuba digambarkan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah adalah peristiwa kekerasan yang berlaku ke atas 'Alī dan Fāṭimah sejurus pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah. A. Malik mendakwa peristiwa tersebut dirakamkan dalam karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah seperti al-Ṭabarī, Ibn Kathīr, Ibn Qutaybah, al-Balādhurī, al-Ya'qūbī dan al-Muttaqī al-Hindī. Malah diriwayatkan bahawa Abū Bakr sendiri, ketika sedang sakit menyesali perbuatannya yang telah memberi arahan supaya menceroboh rumah Fāṭimah.[172]

---

[168] Lihat perbahasan pada halaman 195.
[169] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al'Aẓīm*, 3: 37.
[170] Al-Dhahabi, *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*, 5: 164.
[171] 'Alī bin Abī Bakr al-Haythamī, *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id* (Beirut : Dar al-Kitab al-'Arabi, 1407H), 7: 49.
[172] Lihat perbahasan pada halaman 196.

University of Malaya

Dakwaan bahawa kisah tersebut diriwayatkan oleh Ibn Kathīr dalam *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* adalah tidak tepat kerana kisah tersebut tidak dinukilkan oleh beliau. Bahkan Ibn Kathīr menukilkan hadis Abū Naḍrah daripada Abū Sa'īd al-Khudrī yang dinilai sahih bahawa 'Alī telah pun memberikan baiah kepada Abū Bakr sebagai khalifah sama ada pada hari pertama atau kedua selepas kewafatan Rasulullah SAW.[173] Ia sekaligus menunjukkan kebatilan riwayat yang mendakwa Abū Bakr mengutuskan orang ke rumah 'Alī untuk memaksa 'Alī memberikan baiah kepada beliau.

Riwayat yang dinukilkan oleh al-Ṭabarī pula terdapat *'illah* pada dua orang perawinya iaitu Jarīr bin Ḥāzim dan Mughīrah bin Muqsim. Sebahagian hadis Jarīr bin Ḥāzim disifatkan mengandungi kekeliruan (*waham*) menurut Aḥmad, al-Tirmidhī dan al-Bukhārī.[174] Mughīrah bin Miqsam pula dihukumkan sebagai *mudallis* oleh Ibn Ḥibbān.[175] Ibn Ḥajar menyenaraikan Mughīrah bin Miqsam sebagai *mudallis* tahap ketiga yang bermaksud hadisnya tidak boleh diterima kecuali jika perawinya menyatakan secara jelas ia mendengarnya.[176] Bermakna, riwayat tersebut tertolak dan tidak boleh dijadikan hujah kerana ia tidak sabit menerusi riwayat-riwayat yang sahih di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Manakala al-Balādhurī pula tidak ada meriwayatkan perincian kisah seperti yang dinukilkan oleh A. Malik bahawa 'Umar membakar pintu rumah 'Alī, menerajang pintu sehingga paku tertusuk ke perut Fāṭimah lalu menyebabkan kandungannya meninggal dunia. Sebaliknya banyak riwayat yang dinukilkan oleh al-Balādhurī menunjukkan pembaihan 'Alī terhadap Abū Bakr sejak daripada hari pertama Abū Bakr menjadi khalifah. Dalam riwayat

---

[173] Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 5: 249.
[174] Aḥmad bin Ḥanbal al-Shaybānī, *Min Kalām Aḥmad bin Ḥanbal fī 'Ilal al-Ḥadīth wa Ma'rifah al-Rijāl* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, 1409H), 56 & 72; al-Tirmidhī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 2: 394; al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, 2: 118.
[175] Muḥammad bin Ḥibbān, *al-Thiqāt* (Beirut: Dār al-Fikr, 1975), 7: 464.
[176] Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Ṭabaqāt al-Mudallisīn* ('Ammān: Maktabah al-Mannār, 1983), 46.

University of Malaya

Ibn Shihāb, ‘Alī mengiktiraf kelebihan dan keutamaan Abū Bakr sebagai khalifah, sebaliknya beliau hanya mempersoalkan kaedah pelantikan tersebut yang dibuat tanpa mengambil kira pandangannya sebagai Ahl al-Bayt, namun beliau tetap menghulurkan baiahnya.[177] Dalam riwayat Abū Naḍrah pula menyatakan Abū Bakr mengutuskan ‘Umar al-Khaṭṭāb dan Zayd bin Thābit untuk menjemput ‘Alī dan Zubayr memberikan baiah kepadanya. Lalu ‘Alī dan Zubayr mengikuti kedua-duanya bertemu Abū Bakr dan berbaiah kepadanya tanpa sebarang pertentangan.[178] Tidak disebutkan apa-apa peristiwa seperti membakar pintu rumah ‘Alī, mencederakan Fāṭimah dan lain-lain sebagaimana riwayat yang dinukilkan oleh A. Malik Takim.

A. Malik juga menyandarkan riwayat tersebut kepada kitab *Tārikh al-Ya‘qūbī*, dengan sangkaan bahawa karya tersebut merupakan salah satu sandaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dalam bidang sejarah. Dakwaan tersebut tidak tepat kerana *Tārikh al-Ya‘qūbī* tidak pernah menjadi sandaran yang muktabar di sisi para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Sementelahan, manhaj al-Ya‘qūbī dalam karyanya memiliki kecenderungan yang jelas kepada pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Ketika membentangkan sejarah pemerintahan Islam, beliau tidak mengiktiraf kekhilafahan Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān. Sebaliknya memperakui kekhalifahan ‘Alī dan sebelas orang keturunannya yang dilantik menerusi wasiat sebagaimana pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Majoriti para perawi yang menjadi sumber ambilan dalam riwayat beliau juga didapati bermasalah. Antaranya, Isḥāq bin Sulaymān, tidak diketahui keadaannya; Abū al-Bukhtarī, pembohong dan *matrūk*; Abān bin ‘Uthmān al-Aḥmar, perawi dan pengkarya Syiah Imāmiyyah; al-

[177] Al-Balādhurī, *Ansāb al-Ashrāf* , 1: 250-251.
[178] *Ibid.*, 252.

University of Malaya

Wāqidī, *matrūk*; ‘Īsā bin Yazīd, hadisnya mungkar dan *matrūk*; al-Haytham bin ‘Adiy, pembohong; Muḥammad bin Kathīr, penganut Syiah dan hadisnya mungkar.[179]

Demikian juga riwayat tersebut tidak wujud dalam kitab *Kanz al-‘Ummāl* karya al-Muttaqī al-Hindī seperti didakwa A. Malik. Sebaliknya al-Hindī menukilkan riwayat lain yang berbeza dengan riwayat yang dikemukakan oleh A. Malik. Ia merupakan hadis Aslam yang menyatakan bahawa ‘Umar telah mengugut untuk membakar pintu rumah Fāṭimah jika ‘Alī dan Zubayr tidak mahu berbaiah kepada Abū Bakr. Setelah itu kedua-duanya telah menyatakan baiah kepada Abū Bakr.[180] Hal ini berbeza dengan riwayat yang dinukilkan oleh A. Malik yang mengatakan ‘Umar telah membakar pintu rumah Fāṭimah dan mencederakannya, manakala ‘Alī tetap tidak berbaiah kepada Abū Bakr. Walau bagaimanapun, hadis Aslam juga bermasalah kerana terdapat *‘illah* yang menyebabkan ia tertolak kerana Aslam tidak pernah melihat peristiwa baiah tersebut. Sebaliknya Aslam merupakan hamba sahaya yang hanya dibeli oleh ‘Umar pada tahun kesebelas hijrah ketika beliau dilantik oleh Abū Bakr sebagai pemimpin jemaah haji pada tahun tersebut.[181]

Berdasarkan keterangan di atas, ia menunjukkan A. Malik tidak cermat dalam menukilkan rujukan daripada sumber Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah bagi menyokong pendapatnya yang selari dengan pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Terdapat beberapa riwayat yang disandarkan kepada karya-karya tersebut namun ia tidak termaktub sama sekali dalam karya-karya berkenaan atau dinukilkan dengan lafaz yang berlainan bahkan adakalanya bertentangan dengan riwayat yang didakwa dirujuk kepada karya tersebut. Jika sekalipun riwayat-riwayat tersebut wujud, ia tidak semestinya mencerminkan pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah kerana setiap riwayat tertakluk kepada penilaian

---

[179] Muḥammad bin Ṣāmil al-Sulamī, *Manhaj Kitābah al-Tārīkh al-Islāmī* (Riyāḍ: Dār Ibn al-Jawzī, 1429H), 471-472.
[180] ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af‘āl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 5: 259.
[181] Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb* (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), 1: 233.

University of Malaya

sanad dan matan bagi menentukan kesahihannya. Lebih kritikal daripada itu, apabila riwayat-riwayat yang didakwa dinukilkan daripada karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebenarnya ia bukan karangan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebaliknya tulisan daripada pengkarya-pengkarya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri.

Adapun riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh Khair Izzah bagi menunjukkan kedudukan golongan yang memusuhi 'Alī, ia tidak sesekali merujuk secara khusus kepada mana-mana kalangan *al-sahabah* Rasulullah SAW seperti yang didakwa oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Akan tetapi hadis-hadis sedemikian bertujuan bagi menzahirkan keutamaan atau kemuliaan yang dimiliki oleh seseorang individu atau sesebuah golongan di sisi Rasulullah SAW. Keutamaan atau kemuliaan tersebut berpunca daripada beberapa faktor sama ada hubungan kekerabatan atau per*al-sahabah*an atau sumbangan tertentu. Justeru, terdapat hadis-hadis lain yang menggunakan ungkapan yang hampir serupa sebagaimana yang diungkapkan kepada 'Alī. Antaranya, Rasulullah SAW bersabda mengenai kelebihan para *al-sahabah*nya:

"اللَّهَ اللَّهَ فِي أصحابي اللَّهَ اللَّهَ فِي أصحابي لاَ تَتَّخِذُوهُمْ غَرَضاً بعدي فَمَنْ أَحَبَّهُمْ فبحبي أَحَبَّهُمْ وَمَنْ أَبْغَضَهُمْ فببغضي أَبْغَضَهُمْ وَمَنْ آذَاهُمْ فَقَدْ آذاني وَمَنْ آذاني فَقَدْ آذَى اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى وَمَنْ آذَى اللَّهَ فَيُوشِكُ أَنْ يَأْخُذَهُ."

Terjemahan:
"Bertaqwalah kamu kepada Allah pada para *al-sahabah*ku, bertaqwalah kamu kepada Allah pada para *al-sahabah*ku. Jangan kamu jadikan mereka sebagai sasaran (untuk dimusuhi) selepas kewafatanku. Sesiapa yang mencintai mereka, maka dengan cintaku, Dia mencintai mereka. Sesiapa yang memarahi mereka, maka dengan kemarahanku, Dia memarahi mereka. Sesiapa yang menyakiti mereka, maka ia telah menyakitiku, sesiapa yang menyakitiku, maka ia telah menyakiti Allah, sesiapa yang menyakiti Allah, maka dibimbangi Dia akan mengazabnya."[182]

[182] Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Manāqib 'an Rasūlillāh, no. hadis: 3862. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 5: 696. Al-Tirmidhī mengatakan hadis ini *gharīb*; Ibn Ḥibbān, Zikr al-Zajr 'an Ittikhādh al-Mar' Aṣḥāb Rasūl Allāh Gharaḍan bi al-Tanaqquṣ, no. hadis: 7256. Lihat *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, 16: 244; Ibn Ḥanbal, Hadīth 'Abd Allāh bin Mughaffal al-Muzanī, no. hadis: 20568. Lihat *Musnad al-Imām Aḥmad*, 5: 54.

University of Malaya

Rasulullah SAW juga pernah bersabda secara khusus buat golongan Anṣār sebagai menghargai jasa mereka yang banyak membantu perjuangan Baginda. Rasulullah SAW bersabda:

"من أَحَبَّ الأَنْصَارَ أَحَبَّهُ الله وَمَنْ أَبْغَضَ الأَنْصَارَ أَبْغَضَهُ الله."

Terjemahan:
"Sesiapa yang mencintai golongan Anṣār, maka Allah mencintainya. Sesiapa yang membenci golongan Ansar, maka Allah membencinya."[183]

Berdasarkan beberapa hadis di atas menunjukkan kecintaan dan kebencian Rasulullah SAW bukan sekadar terkhusus kepada kecintaan dan kebencian terhadap Ahl al-Bayt semata-mata. Akan tetapi ia juga meliputi semua individu dan golongan yang memiliki keistimewaan dan kelebihan di sisi Baginda tanpa mengira sama ada ia merupakan Ahl al-Bayt atau tidak. Bahkan terdapat riwayat Rasulullah SAW pernah menujukan ungkapan yang serupa kepada 'Alī sendiri ketika 'Alī berhasrat untuk menikahi anak perempuan Abū Jahl. Hal ini tidak disenangi oleh Fāṭimah sehingga mengadukan perkara tersebut kepada Rasulullah SAW. Baginda lalu bersabda, "*Fāṭimah sebahagian daripadaku, sesiapa yang menyebabkan ia marah maka ia menyebabkan aku marah*…"[184] Mendengar ungkapan tersebut, 'Alī menarik balik hasratnya untuk menikahi anak perempuan Abū Jahl. Bermakna, 'Alī juga tidak terlepas daripada kebencian atau kemurkaan Rasulullah SAW sekiranya beliau melakukan sesuatu yang tidak disenangi oleh Baginda, sekalipun beliau memiliki hubungan kekerabatan yang istimewa di sisi Rasulullah SAW.

---

[183] Hadis riwayat Ibn Ḥibbān, Zikr Bughḍ Allāh man Abghaḍa Anṣār Rasūl Allāh, no. hadis: 7273. Lihat *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, 16: 262; Ibn Mājah, Bāb fī Faḍā'il Aṣḥāb Rasūl Allāh, Faḍl al-Anṣār, no. hadis: 163. Lihat Muḥammad bin Yazīd (t.t), *Sunan Ibn Mājah* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 1: 5;Aḥmad, Musnad Abī Hurayrah, no. hadis: 10515. Lihat *Musnad al-Imām Aḥmad*, 2: 501. Shu'ayb al-Arna'ūṭ mengatakan hadis ini *ṣaḥīḥ li ghayrih* dan sanadnya *ḥasan*.

[184] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah, Bāb Manāqib Qarābah Rasūl Allāh, no. hadis: 3510. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 3: 1361; Muslim, Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah, Bāb Faḍā'il Fāṭimah bint al-Nabī, no. hadis: 2449. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 1903.

University of Malaya

Mengenai dakwaan Faisal Tehrani yang mendakwa wujud golongan tertentu dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang dikatakan berpendirian *tashayyu‘ ḥasan*[185], ia merupakan tanggapan kosong. Ini kerana, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah pada prinsipnya mempunyai posisi yang amat jelas terhadap Ahl al-Bayt. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah meletakkan kedudukan Ahl al-Bayt pada tempat yang selayaknya sebagaimana termaktub dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa bersikap *ifrāṭ* atau *tafrīṭ* terhadap mereka. Ini kerana, sikap yang terlampau taksub terhadap Ahl al-Bayt atau sebaliknya adalah sesuatu yang ditolak oleh Ahl al-Bayt sendiri. Ia sebagaimana yang diriwayatkan dalam suatu *athar* daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib:

"لَيُحِبُّنِي قَوْمٌ حَتَّى يَدْخُلُوا النَّارَ فِي حُبِّي وَلَيُبْغِضُنِي قَوْمٌ حَتَّى يَدْخُلُوا النَّارَ فِي بُغْضي ."

Terjemahan:
"Akan mencintaiku suatu golongan hingga mereka masuk ke neraka kerana kecintaan kepadaku, dan akan membenciku suatu golongan hingga mereka masuk ke neraka kerana kebencian terhadapku."[186]

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah memperakui kelebihan mereka berdasarkan hubungan kekerabatan mereka dengan Rasulullah SAW. Mewajibkan setiap umat Islam untuk mencintai, memuliakan, bersangka baik dan mendoakan mereka. Mengiktiraf mereka sebagai zuriat keturunan yang paling suci di atas muka bumi, lebih-lebih lagi apabila mereka mengikuti sunnah yang diwariskan oleh Rasulullah SAW.[187] Pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah ini didasari oleh pegangan generasi terdahulu. Antaranya *athar* Abū Bakr yang mengatakan:

"وَالَّذِي نَفْسِي بيده لَقَرَابَةُ رسول اللَّهِ ﷺ أَحَبُّ إِلي أَنْ أَصِلَ من قَرَابَتِي."

---

[185] Lihat perbahasan pada halaman 198.

[186] Hadis riwayat Ibn Abī Shaybah, Kitāb al-Faḍā'il, Faḍā'il ‘Alī bin Abī Ṭālib, no. hadis: 32133. Lihat ‘Abd Allāh bin Muḥammad, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādīth wa al-Āthār* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 1409H), 6: 374.

[187] Abū Ja‘far al-Ṭaḥāwī, *Matn al-‘Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1978), 58; Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Ājirī, *al-Sharī‘ah* (Riyāḍ: Dār al-Waṭan, 1999), 5: 2276; Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-‘Aẓīm*, 4: 114.

University of Malaya

Terjemahan:
"Demi diriku yang berada dalam genggaman-Nya, bahawa kerabat Rasulullah SAW lebih aku cintai untuk aku hubungkan berbanding kerabatku."[188]

Justeru, dakwaan yang mengatakan terdapat golongan dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang selari dengan pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dikenali sebagai *tashayyu' ḥasan* adalah tidak benar. Ini kerana, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah telah pun memiliki pendirian dan pegangan yang jelas terhadap Ahl al-Bayt. Sebarang pendirian yang berbeza adalah di luar daripada kerangka pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebaliknya ia berkemungkinan merupakan kesan daripada pengaruh asing yang cuba dibawa masuk ke dalam struktur pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang telah mapan.

Kesimpulannya, tiada sebarang hujah atau dalil berdasarkan al-Sunnah yang menyokong pendirian karya-karya Syiah berbahasa Melayu yang menolak keadilan para *al-sahabah*. Bahkan teramat banyak dalil al-Sunnah yang mengisyaratkan kepada kemuliaan dan keadilan para *al-sahabah* di sisi Rasulullah SAW dan Ahl al-Bayt.

4.6 Penilaian terhadap penolakan pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah

Dalam bab tiga, penulis telah membentangkan pendapat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengenai pelantikan Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān sebagai khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Secara umumnya, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah beranggapan pelantikan ketiga-tiga khalifah tersebut tidak sah kerana mereka merampas jawatan tersebut daripada 'Alī dan keturunannya. Terdapat beberapa riwayat yang menjelaskan peristiwa sebenar ketika pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah, namun ia

[188] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah, Bāb Manāqib Qarābah Rasūl Allāh, no. hadis: 3508. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 3: 1360; Muslim, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Qawl al-Nabī Lā Nuwaarith mā taraknā fahuw ṣadaqah, no. hadis: 1759. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 3: 1380.

University of Malaya

disembunyikan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah demi memelihara kredibiliti para *al-sahabah*. Berasaskan prinsip ketiadaan wasiat daripada Rasulullah SAW mengenai pengganti, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mengatakan, urusan khilafah perlu dikembalikan kepada umat Islam menerusi sistem syura. Walau bagaimanapun, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menolak dakwaan syura berkenaan dengan alasan pelantikan ketiga-tiga khalifah tidak berlaku secara ijmak, akan tetapi secara paksaan atau pelantikan terpilih.

Sebagaimana dinyatakan, alasan utama penolakan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap kekhalifahan para *al-sahabah* adalah berdasarkan peristiwa di Saqīfah Banī Sā'idah. Akan tetapi, kebanyakan riwayat yang menjadi sandaran mereka diambil daripada karya-karya yang dipertikaikan oleh para ulama Ahl al-Sunah wa al-Jamā'ah seperti *al-Imāmah wa al-Siyāsah*, *Tārīkh al-Ya'qūbī*, dan *Sharḥ Nahj al-Balāghah*. Meskipun kisah berkenaan turut diriwayatkan dalam karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah seperti *Tārīkh al-Ṭabarī*, namun demikian terdapat perawi yang tertolak di sisi ulama hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah iaitu Abū Mikhnaf Lūṭ bin Yaḥyā dalam riwayat tersebut.[189] Bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebarang riwayat yang menyalahi riwayat sahih mengenai peristiwa Saqīfah Banī Sā'idah, ia tidak boleh dijadikan hujah. Al-Bukhārī menukilkan tiga riwayat dalam Ṣaḥīḥ-nya, Aḥmad pula menukilkan lima riwayat, al-Nasā'ī satu riwayat dan Ibn Abī Shaybah empat riwayat.

Apabila dibuat perbandingan, terdapat perbezaan yang nyata antara riwayat-riwayat tersebut dengan apa yang diriwayatkan oleh Abū Mikhnaf mengenai peristiwa Saqīfah Banī Sā'idah. Antaranya dialog Sa'd bin 'Ubādah dan al-Ḥubāb bin al-Mundhir yang bertegas agar jawatan khalifah diserahkan kepada golongan Ansar. Juga perdebatan panjang antara 'Umar dan al-Ḥubāb yang tidak wujud dalam mana-mana riwayat selain riwayat Abū Mikhnaf.

[189] Lihat komentar ulama hadis mengenai Abū Mikhnaf Lūṭ bin Yaḥyā pada halaman 313.

University of Malaya

Dalam riwayat-riwayat yang sahih menyatakan, sejurus kewafatan Rasulullah SAW, golongan Ansar telah berijtihad untuk membaiah Sa‘d kerana mereka belum mengetahui kedudukan sebenar. Walau bagaimanapun, setelah mendengar penjelasan Abū Bakr, mereka bersepakat menyerahkan jawatan tersebut kepada golongan Muhajirin. Demikian juga ancaman al-Ḥubāb untuk mengusir golongan Muhajirin dari Madinah sebagaimana dalam riwayat Abū Mikhnaf, ia amat bermasalah kerana bertentangan dengan surah al-Ḥashr ayat 9 yang menjelaskan ciri-ciri golongan Ansar yang penuh dengan sifat kedermawanan dan gemar membantu.[190]

Mengenai ungkapan ‘Umar, “*Qatal Allāh Sa‘dan*” yang ditujukan oleh ‘Umar kepada Sa‘d bin ‘Ubādah, ia bukan dengan maksud ‘Umar menganjurkan supaya Sa‘d dibunuh seperti dakwaan Khair Izzah dan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah.[191] Perkataan tersebut diungkapkan oleh ‘Umar selepas terdengar seseorang daripada kaum Ansar mengatakan, “*Qataltum Sa‘dan*”, sejurus Abū Bakr dibaiah sebagai khalifah.[192] Berkebetulan pada masa itu, Sa‘d sedang berselimut kerana berada dalam keadaan sakit.[193] Justeru, terdapat dua kemungkinan di sebalik ungkapan ‘Umar tersebut. Pertama, ia bagi menjawab tuduhan orang yang mengatakan golongan Muhajirin sebagai punca Sa‘d jatuh sakit, lalu ‘Umar mengatakan apa yang menimpa Sa‘d adalah dengan kehendak Allah SWT. Kedua, oleh kerana Sa‘d pada peringkat awal bertegas ingin melantik khalifah daripada golongan Ansar, maka ‘Umar berharap agar kaum Ansar mengabaikan Sa‘d dan menganggapnya seperti tidak wujud bagi mengelakkan fitnah dan perpecahan.[194] Ini sangat berbeza dengan dakwaan Khair

---

[190] Lihat perbahasan perbezaan riwayat Abū Mikhnaf dengan riwayat-riwayat yang sahih mengenai peristiwa Saqīfah Banī Sā‘idah dalam Yaḥyā bin Ibrāhīm al-Yaḥyā, *Marwiyyāt Abī Mikhnaf fī Tārīkh al-Ṭabarī* (Riyāḍ: Dār al-‘Āṣimah, 1989), 122-125.
[191] Lihat halaman 210-211; Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 276-277.
[192] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Law Kunt Muttakhidhan Khalīlan, no. hadis: 3467. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1341.
[193] Lihat hadis no. 391 dalam *Musnad al-Imām Aḥmad,* 1: 55.
[194] Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8: 465.

University of Malaya

Izzah yang mentafsirkan perkataan tersebut dengan mendakwa ‘Umar mahu Sa‘d dibunuh kerana enggan berbaiah kepada Abū Bakr.[195]

4.6.1 Dakwaan ketidaksahan pelantikan Abū Bakr al-Ṣiddīq

Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah menafikan kesepakatan atau ijmak para *al-sahabah* atas pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah. Khair Izzah menyenaraikan nama enam belas orang para *al-sahabah* dalam kalangan Muhajirin, Ansar dan Ahl al-Bayt bagi mengukuhkan hujah penolakan sebahagian *al-sahabah* untuk membaiah Abū Bakr.[196] Beliau merujuk kepada *Tārīkh al-Ya‘qūbī*, *Tārīkh al-Ṭabarī*, *al-‘Iqd al-Farīd*, *al-Imāmah wa al-Siyāsah*, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, *Murūj al-Dhahab*, *Usd al-Ghābah*, *al-Kāmil fī al-Tārīkh* dan *al-Sīrah al-Ḥalabiyyah*. Empat daripadanya iaitu *Tārīkh al-Ya‘qūbī*, *al-Imāmah wa al-Siyāsah*, *Sharḥ Nahj al-Balāghah* dan *Murūj al-Dhahab* merupakan karya-karya yang tidak boleh dijadikan sandaran dalam menilai para *al-sahabah* kerana kecenderungan penulis dan karyanya terhadap Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sebagaimana yang telah dijelaskan oleh penulis sebelum ini. Selain empat karya tersebut, kitab *al-‘Iqd al-Farīd* karangan Ibn ‘Abd Rabbih juga tidak boleh dijadikan rujukan dalam menilai para *al-sahabah*. Terdapat beberapa kritikan oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah terhadap karya tersebut kerana memiliki kecenderungan yang jelas terhadap Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Ibn Kathīr mengatakan, “*Terdapat padanya (karya Ibn ‘Abd Rabbih) kecenderungan Syiah yang buruk dan keterlampauan terhadap Ahl al-Bayt*.”[197]

Adapun karya-karya lain yang dirujuk oleh Khair Izzah iaitu *Tārīkh al-Ṭabarī*, *Usd al-Ghābah* dan *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, ia tidak pula menyenaraikan nama-nama para *al-sahabah* yang menolak pembaiahan Abū Bakr sebagaimana yang didakwa. Sebaliknya

[195] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 276-277.
[196] Lihat perbahasan pada halaman 211.
[197] Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 10: 21

University of Malaya

didapati pengarang karya-karya tersebut menukilkan beberapa riwayat yang menunjukkan kesepakatan para *al-sahabah* membaiah Abū Bakr walaupun sebelumnya terdapat beberapa perselisihan yang berlaku. Apa yang penting, riwayat-riwayat tersebut mengesahkan pendirian para *al-sahabah* sama ada dalam kalangan Muhajirin, Ansar mahupun Ahl al-Bayt terhadap keutamaan kedudukan Abū Bakr sebagai pengganti Rasulullah SAW. Misalnya, al-Ṭabarī menukilkan riwayat Ḥumayd bin 'Abd al-Raḥmān al-Ḥumayrī yang mengandungi kata-kata Sa'd, pemimpin kaum Ansar kepada Abū Bakr yang mengakui kekhalifahan golongan Muhajirin, "*Kamu benar! (Wahai Abū Bakr), kami para menteri sedangkan kamu para pemimpin (khalifah)*."[198] Riwayat ini mengukuhkan riwayat-riwayat lain yang menunjukkan seluruh kaum Ansar turut membaiah Abū Bakr sejurus beliau dibaiah oleh kaum Muhajirin. Al-Ṭabarī juga menukilkan riwayat al-Walīd bin Jumay' al-Zuhrī yang merakamkan pertanyaan 'Amrū bin Ḥarīth kepada Sa'īd bin Zayd berkaitan peristiwa saat kewafatan Rasulullah SAW. Jawapan Sa'īd antara lain menjelaskan bahawa kaum Muhajirin dan Ansar telah pun bersepakat memberikan baiah kepada Abū Bakr sejak hari kewafatan Rasulullah SAW lagi.[199] Demikian juga al-Ṭabarī menukilkan riwayat Ḥabīb bin Abī Thābit yang menunjukkan 'Alī tergesa-gesa keluar dari rumahnya untuk memberikan baiah kepada Abū Bakr apabila diberitahu kepadanya mengenai majlis pembaihan tersebut.[200]

Dalam *Usd al-Ghābah* pula, Ibn al-Athir menukilkan dua riwayat daripada 'Abd Allāh bin Mas'ūd yang menunjukkan bagaimana kaum Ansar merujuk kembali pendirian mereka setelah mendengar penjelasan 'Umar mengenai kedudukan Abū Bakr.[201] Ibn al-Athīr kemudiannya menyimpulkan semua *al-sahabah* telah membaiah Abū Bakr pada baiah umum

---

[198] Al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī*, 2: 233-234. Hadis ini turut diriwayatkan oleh Aḥmad. Lihat hadis no. 18 dalam *Musnad al-Imām Aḥmad*, 1: 5. Shu'ayb al-Arna'ūṭ mengatakan hadis ini *ṣaḥīḥ li ghayrih*.
[199] Al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī*, 2: 236.
[200] *Ibid*.
[201] 'Izz al-Dīn bin al-Athīr, *Usd al-Ghābah fī Ma'rifah al-Ṣaḥābah* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1996), 3: 338.

University of Malaya

iaitu sehari selepas baiah di Saqīfah Banī Sā'idah. Walau bagaimanapun, Ibn al-Athīr mengatakan, menurut riwayat yang sahih, terdapat beberapa orang *al-sahabah* termasuk 'Alī, Banī Hāshim, Zubayr bin al-'Awwām dan Khālid bin Sa'īd al-'Aṣ tidak memberikan baiah kecuali selepas kematian Fāṭimah, iaitu enam bulan setelah kewafatan Rasulullah SAW.[202] Sandaran Khair Izzah terhadap karya-karya lain juga masih boleh dipertikaikan kerana beliau kerap kali menukilkan sesuatu riwayat tanpa melihat kepada komentar daripada pengarang karya tersebut. Misalnya, al-Ḥalabī dalam *al-Sīrah al-Ḥalabiyyah* jelas memperakui bahawa para *al-sahabah* telah berijmak atas pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah. Sekalipun sebelumnya terdapat sebahagian *al-sahabah* seperti 'Alī dan Zubayr yang terlewat dalam memberikan baiah, namun mereka akhirnya berbaiah selepas mendengar penjelasan Abū Bakr mengenai kepentingan disegerakan pelantikan khalifah bagi memelihara kesatuan umat Islam daripada api fitnah dan perpecahan. Al-Ḥalabī meyakini baiah tersebut berlaku sebelum kewafatan Fāṭimah sebagaimana yang disahihkan oleh Ibn Ḥibbān dan lain-lain.[203]

Kesimpulannya, pandangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang cuba menafikan ijmak para *al-sahabah* membaiah Abū Bakr sebagai khalifah adalah tertolak. Lebih-lebih lagi apabila sabit dalam karya-karya hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bahawa 'Alī sendiri telah memberikan baiah kepada Abū Bakr sebanyak dua kali. Kali pertama sewaktu peristiwa di Saqīfah Banī Sā'idah berdasarkan hadis sahih yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dan diperakui oleh Muslim.[204] Manakala kali kedua adalah selepas kematian

---

[202] *Ibid*., 339.

[203] 'Alī bin Burhān al-Dīn al-Ḥalabī, *al-Sīrah al-Ḥalabiyyah fī Sīrah al-Amīn al-Ma'mūn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1400), 3: 484-485.

[204] Lihat hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitāb Qitāl Ahl al-Baghy, Bāb al-A'immah min Quraysh, no. hadis: 16315 & 16316. Lihat Abū Bakr, al-Bayhaqī, *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā* (Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994), 8: 143; al-Ḥākim, Kitāb Ma'rifah al-Ṣaḥābah raḍī Allāh 'anhum, Abū Bakr al-Ṣiḍḍīq, no. hadis: 4457. Lihat *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, 3: 80.

University of Malaya

Fāṭimah, iaitu enam bulan setelah kewafatan Rasulullah SAW.[205] Ibn Kathīr mengatakan, baiah 'Alī terhadap Abu Bakr buat kali kedua ini bertujuan untuk menzahirkan perdamaian antara Ahl al-Bayt dengan Abū Bakr setelah peristiwa tuntutan Tanah Fadak yang dilakukan oleh Fāṭimah. Bermaksud, 'Alī tidak terlewat memberikan baiah kepada Abū Bakr bahkan tidak pernah menjauhkan diri daripada Abū Bakr seperti solat di belakangnya, menghadiri permesyuaratan dengannya dan lain-lain. Walau bagaimanapun, sebilangan perawi tersalah anggapan apabila menyangka baiah kali kedua tersebut merupakan baiah kali pertama yang dilakukan oleh 'Alī selepas kewafatan Rasulullah SAW.[206]

4.6.2 Dakwaan ketidaksahan pelantikan 'Umar al-Khaṭṭāb

Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah seterusnya mempertikaikan pelantikan 'Umar sebagai khalifah dengan cara yang didakwa tidak mengikut syura. Setelah pengumuman dibuat, pelantikan 'Umar dikatakan ditolak oleh beberapa orang *al-sahabah* seperti Ṭalḥah bin 'Ubayd Allāh. Khair Izzah mengatakan, Abū Bakr hanya meminta pandangan daripada para sekutunya dan mengabaikan para *al-sahabah* yang lain. Oleh yang demikian, pelantikan 'Umar sebagai khalifah tidak boleh dianggap sebagai ijmak para *al-sahabah*. Khair Izzah menyandarkan pandangan tersebut kepada beberapa karya iaitu *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā* dan *Tārīkh al-Khulafā'*.[207] Namun begitu, didapati kesemua karya tersebut dengan jelas menukilkan riwayat yang menunjukkan pelantikan 'Umar telah dilakukan dengan sangat teratur dan memenuhi tuntutan syura. Ini kerana, sebelum pelantikan dilakukan, Abū Bakr telah memohon pandangan seberapa ramai *al-sahabah* sama ada dalam kalangan Muhajirin mahupun Ansar seperti 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf, 'Uthmān bin 'Affān,

---

[205] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ghazwah Khaybar, no. hadis: 3998. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 4: 1549; Muslim, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Qawl al-Nabī Lā Nuwarrith Mā Taraknā Fahuwa Ṣadaqah, no. hadis: 4679. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 5: 153.
[206] Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 5: 286.
[207] Lihat perbahasan pada halaman 215-216; Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 282.

University of Malaya

Usayd bin al-Khuḍayr dan Sa'īd bin Zayd. Terdapat *al-sahabah* yang memberikan pandangan kurang bersetuju seperti 'Alī dan Ṭalḥah, bagaimanapun ia dijawab oleh Abū Bakr dan tiada pertikaian lagi oleh mereka berdua selepasnya. Setelah itu, Abū Bakr mengarahkan 'Uthmān menulis wasiat pelantikan, mengumpulkan orang ramai dan mengisytiharkan pelantikan 'Umar sebagai penggantinya. Kesemua riwayat mengenai peristiwa ini menunjukkan tiada penentangan dirakamkan ketika perisytiharan dilakukan. Ia bermakna, pelantikan 'Umar sebagai khalifah berlaku secara ijmak para *al-sahabah*.[208]

4.6.3 Dakwaan ketidaksahan pelantikan 'Uthmān bin 'Affān

Pelantikan 'Uthmān bin 'Affān sebagai khalifah turut dipertikaikan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Khair Izzah menganggap apa yang berlaku dalam peristiwa pelantikan 'Uthmān sebagai khalifah merupakan suatu konspirasi yang dirancang oleh para sekutu 'Umar, seterusnya menafikan hak 'Alī untuk dilantik menjadi khalifah. Oleh yang demikian, pelantikan 'Uthmān menimbulkan kekecohan dan pertentangan oleh beberapa orang *al-sahabah* seperti 'Alī, 'Ammār bin Yāsir dan al-Miqdād bin al-Aswad.[209] Hujah Khair Izzah berasaskan suatu riwayat panjang lebar yang disandarkan kepada 'Amr bin Maymūn dan dinukilkan dalam beberapa karya seperti *al-Kāmil fī al-Tārīkh* dan *Tārīkh al-Ṭabarī*.[210] Walau bagaimanapun, dalam sanad riwayat tersebut, terdapat perawi bermasalah iaitu Abū Mikhnaf Lūṭ bin Yaḥyā yang ditolak periwayatannya oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.[211] Sementelah riwayat yang dibawakan itu bertentangan dengan riwayat-riwayat

---

[208] 'Izz al-Dīn bin al-Athīr, *al-Kāmil fī al-Tārīkh* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1415H), 1: 397-398; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Tārīkh al-Khulafā'* (Kaherah: Maṭba'ah al-Sa'ādah, 1952), 1: 74; Muḥammad bin Sa'd, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t), 3: 199; Ibn al-Athīr, *Usd al-Ghābah*, 4: 180; 'Alī bin al-Ḥasan bin Hibah Allāh bin 'Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq wa Zikr Faḍlihā wa Tasmiyah Man Hallahā Min al-Amāthil*, 30: 411.

[209] Lihat perbahasan pada halaman 217.

[210] Ibn al-Athīr, *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, 1: 478; Ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī,* 2: 580.

[211] Lihat perbahasan pada halaman 313.

University of Malaya

sahih mengenai pelantikan ‘Uthmān yang mendapat sokongan penuh daripada kaum Ansar dan Muhajirin. Al-Bukhārī meriwayatkan hadis yang panjang daripada ‘Amr bin Maymūn mengenai peristiwa pelantikan ‘Uthmān. Sebelum kematiannya, ‘Umar telah melantik enam orang *al-sahabah* sebagai calon khalifah yang layak iaitu ‘Uthmān bin ‘Affān, Ṭalḥah bin ‘Ubayd Allāh, Zubayr bin al-‘Awwām, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf, Sa‘d bin Abī Waqqāṣ dan ‘Alī bin Abī Ṭālib. Empat daripada mereka telah menarik diri termasuk ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf, sehingga yang tinggal adalah ‘Uthmān dan ‘Alī.[212] ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf kemudiannya bertindak mendapatkan pandangan umum daripada para *al-sahabah* lain selama tiga hari tiga malam dan mendapati mereka memilih ‘Uthmān sebagai khalifah.[213] Bahkan orang pertama yang menghulurkan baiah kepada ‘Uthmān selepas ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf adalah ‘Alī bin Abī Ṭālib.[214] Ini menunjukkan pelantikan ‘Uthmān sebagai khalifah juga berlaku secara ijmak para *al-sahabah* tanpa sebarang pertentangan walaupun daripada pihak Ahl al-Bayt sebagaimana yang didakwa oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah.

Lebih menguatkan hal ini, terdapat riwayat yang masyhur daripada ‘Alī yang menjelaskan pengiktirafan dan pembaihan beliau terhadap ketiga-tiga khalifah sebelumnya. Beliau berkata:

> “…Ketika Rasulullah SAW wafat, kaum Muslimin berbincang mengenai urusan mereka. Mereka teringat bahawa Rasulullah SAW telah menyerahkan urusan agama mereka (menjadi imam solat) kepada Abū Bakr, lalu mereka melantik Abū Bakr memimpin urusan dunia mereka. Kaum Muslimin telah membaiahnya dan aku juga telah berbaiah bersama-sama mereka. Aku berkata: Aku akan berperang, apabila diminta aku berperang, aku menerima (jawatan) jika dikurniakan kepadaku, dan aku juga terlibat bersama-sama dalam menegakkan hukum hudud. Jika beliau (Abū Bakr) orang yang berkepentingan terhadap ahli keluarganya, sudah tentu beliau akan melantik anaknya ketika hampir kematiannya. Lalu beliau telah mengisyaratkan kepada ‘Umar (sebagai pengganti), tanpa terlewat, orang ramai telah membaiahnya,

---

[212] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Qiṣṣah al-Bay‘ah wa al-Ittifāq ‘alā ‘Uthmān bin ‘Affān, no. hadis: 3497. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1353.

[213] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Aḥkām, Bāb Kayf Yubāyi‘ al-Imām al-Nās, no. hadis: 6781. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 6: 2634.

[214] Al-Balādhurī, *Ansāb al-Ashrāf*, 2: 262; Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 7: 147; Ibn ‘Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 39: 197; Ibn Sa‘d, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, 3: 62.

University of Malaya

aku juga membaiahnya bersama-sama mereka. Aku berkata: Aku akan berperang, apabila diminta aku berperang, aku menerima (jawatan) jika dikurniakan kepadaku, dan aku juga terlibat bersama-sama dalam menegakkan hukum hudud. Jika beliau (‘Umar) orang yang berkepentingan terhadap ahli keluarganya, sudah tentu beliau akan melantik anaknya ketika hampir kematiannya. Beliau tidak suka memilih hanya seorang lelaki daripada Quraysh untuk diserahkan kepadanya urusan ummah, kerana ia akan mencetuskan permusuhan selepasnya kecuali jika ia padam bersama dengan kematian ‘Umar. Maka ‘Umar telah mencalonkan enam orang daripada kami termasuk aku untuk kami memilih bagi umat ini seorang lelaki (sebagai khalifah)…lalu beliau (‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf) mengambil tangan ‘Uthmān dan membaiahnya…lalu aku pun membaiahnya dan aku menyerah, maka aku akan berperang, apabila diminta aku berperang, aku menerima (jawatan) jika dikurniakan kepadaku, dan aku juga terlibat bersama-sama dalam menegakkan hukum hudud…”[215]

Berdasarkan pembentangan di atas, Ahl al-Bayt menerima kekhalifahan Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān tanpa sebarang pertikaian seperti yang didakwa oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Ini bertepatan dengan pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang berpegang kepada prinsip-prinsip keadilan para *al-sahabah* sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur’an dan hadis. Justeru, sebarang riwayat yang bertentangan dengan prinsip-prinsip tersebut perlu dinilai dan ditimbang dengan neraca syarak. Karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berbahasa Melayu didapati tidak konsisten dengan prinsip ini apabila menukilkan apa sahaja riwayat yang boleh menyokong pendirian mereka. Dalam masa mereka mendakwa merujuk kepada karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, ternyata banyak karya yang dirujuk bukan merupakan sandaran utama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ia samada pengarang karya tersebut dikenali sebagai bukan penganut Ahl al-Sunnah wa al-

[215] Abū Bākr al-Bayhaqī, *al-I‘tiqād wa al-Hidāyah ‘alā Sabīl al-Rashād ‘alā Madhhab al-Salaf wa Aṣḥāb al-Ḥadīth* (Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1401H), 371; Ibn ‘Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 42: 441; Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Maṭālib al-‘Āliyah bi Zawā’id al-Masānīd al-Thamāniyah* (Riyāḍ: Dār al-‘Āṣimah, 1419), 18: 101; al-Muttaqqī al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl fī Kanz fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af‘āl*, 11: 147; Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Abd Rabbih, *‘Iqd al-Farīd* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1999), 4: 284; Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Ājirī, *al-Sharī‘ah* (Riyāḍ: Dār al-Waṭan, 1999), 4: 1712; al-Suyūṭī, *Tārīkh al-Khulafā’*, 177; Aḥmad bin Abī Bākr al-Būṣīrī, *Ittiḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā’id al-Masānīd al-Thamāniyah* (Riyāḍ: Dār al-Waṭan, 1999), 4: 217. Al-Būṣīrī menukilkan daripada Isḥāq bin Rahawayh bahawa sanad hadis ini sahih.

University of Malaya

Jamā‘ah, karya tersebut dipertikaikan sandarannya kepada rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, ataupun riwayat-riwayat yang dinukilkan adalah bermasalah dari sudut *ilmu al-jarḥ wa al-ta‘dīl* menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

4.6.4 Dakwaan ketidakwibawaan tiga khalifah

Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah turut menolak kewibawaan tiga khalifah tersebut dengan alasan mereka telah melakukan kemungkaran yang jelas dan berterusan. Dakwaan tersebut amat berat kerana ia disasarkan kepada para *al-sahabah* ternama dan tersohor di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Tiga orang *al-sahabah* tersebut bersama-sama ‘Alī bin Abī Ṭālib boleh diibaratkan sebagai barisan hadapan yang mengetuai umat Nabi Muhammad SAW. Hilangnya kredibiliti mereka bukan sahaja menjatuhkan maruah peribadi mereka, namun ia turut memberi kesan kepada keseluruhan institusi *al-sahabah*. Kejatuhan institusi *al-sahabah* pula secara tidak langsung boleh memusnahkan kredibiliti umat ini sebagai umat terbaik. Khair Izzah menyenaraikan beberapa penyelewengan tiga khalifah tersebut bagi menyanggah sifat adil dan mempersoalkan kredibiliti mereka sebagai pemimpin umat Islam.[216]

4.6.4.1 Mempertikai kewibawaan Abū Bakr

Khair Izzah mempertikaikan tindakan Abū Bakr al-Siddīq memerangi umat Islam yang enggan menunaikan zakat selepas kewafatan Rasulullah SAW yang diketuai oleh Mālik bin Nuwayrah. Walau bagaimanapun, menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, perbuatan Abū Bakr itu adalah bersandarkan hadis berikut:

"أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ الناس حتى يَقُولُوا لَا إِلَهَ إلا الله فإذا قَالُوهَا وَصَلَّوْا صَلَاتَنَا وَاسْتَقْبَلُوا قِبْلَتَنَا وَذَبَحُوا ذَبِيحَتَنَا فَقَدْ حَرُمَتْ عَلَيْنَا دِمَاؤُهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ إلا بِحَقِّهَا وَحِسَابُهُمْ على اللَّهِ."

[216] Lihat perbahasan pada halaman 200-201.

University of Malaya

Terjemahan:
"Aku diperintahkan (Allah) untuk memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan Tiada tuhan selain Allah, apabila mereka telah mengucapkannya, solat dengan solat kita, menghadap kiblat kita, menyembelih dengan sembelihan kita, maka terpeliharalah darah dan harta mereka ke atas kita kecuali dengan haknya, dan penilaian mereka adalah di sisi Allah."[217]

Ibn Baṭṭāl menjelaskan dengan ungkapan *illā bi ḥaqqihā* dalam hadis ini, ia menjadi hujah kepada Abū Bakar untuk memerangi golongan yang enggan menunaikan zakat. Ia sebagaimana kata-kata Abū Bakr, "*Demi Allah, aku akan memerangi sesiapa yang membezakan antara solat dan zakat, seseungguhnya zakat adalah hak harta.*" Lalu semua para *al-sahabah* mengikutinya atas tindakan tersebut. Demikian juga hendaklah dikiaskan perbuatan Abū Bakr atas perkara yang lain, maka kita juga memerangi sesiapa yang mengingkari mana-mana kefarduan yang lain.[218] Selain itu, 'Alī bin Abī Ṭālib sendiri memperakui tindakan Abū Bakr memerangi golongan yang tidak menunaikan zakat ketika mentafsirkan surah al-Mā'idah ayat 54. 'Alī berpendapat, golongan yang dicintai Allah SWT dan mereka mencintai Allah SWT dalam ayat tersebut adalah Abū Bakr dan para *al-sahabah*nya yang memerangi kaum murtad dan penolak zakat.[219] Bermakna, Abū Bakr tidak sekali-kali mengingkari perintah Rasulullah SAW dalam memelihara darah dan harta kaum muslimin, sebaliknya perbuatan beliau memerangi mereka adalah kerana terdapat hak-hak Islam yang telah dicabuli dan ia perlu diperangi bagi mempertahankan kesucian syariat Islam.

Khair Izzah juga menuduh Abū Bakr mengingkari syariat Islam apabila enggan menjatuhkan hukuman rejam ke atas Khālid bin al-Walīd yang telah berzina dengan isteri Mālik selepas Khālid membunuh suaminya. Hakikatnya, terdapat keraguan dalam fakta

---

[217] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Īmān, Bāb "*Fa in tābū fa aqāmū al-ṣalāh wa ātaw al-zakāh fa khallū sabīlahum*", no. hadis: 25. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 1: 17; Muslim, Kitāb al-Īmān, Bāb al-Amr bi Qitāl al-Nās ḥattā Yaqūlū Lā ilāha illā Allāh Muḥammad Rasūl Allāh, no. hadis: 20. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1: 50.
[218] 'Alī bin Khalaf bin Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2003), 1: 59.
[219] Al-Baghawī, *Ma'ālim al-Tanzīl,* 2: 45; 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī al-Jawzī, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1404H), 2: 381; al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 12: 18.

University of Malaya

tersebut kerana berlaku percanggahan dalam riwayat-riwayat sejarah berkenaan perkara ini. Namun begitu, kebanyakan kitab sejarah menyebutkan dengan jelas bahawa Khālid telah berkahwin dengan Umm Tamīm dan ia berlaku setelah selesai idahnya. Antaranya seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Kathīr, "*Dan Khālid telah memilih isteri Mālik bin Nuwayrah iaitu Umm Tamīm binti Minhāl. Ia adalah seorang yang cantik. Apabila selesai idahnya maka Khālid tinggal bersama dengannnya.*"[220]

4.6.4.2 Mempertikai kewibawaan 'Umar al-Khaṭṭab

Khair Izzah juga mendakwa 'Umar al-Khaṭṭāb telah melakukan kemungkaran paling besar apabila menghalang Rasulullah SAW daripada menulis wasiat sebelum kewafatan Baginda.[221] Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berkeyakinan, 'Umar melakukan tindakan tersebut kerana mengetahui Rasulullah SAW akan melantik 'Alī dan keturunannya sebagai khalifah selepas kewafatan Baginda.[222] Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menolak dakwaan ini kerana hadis al-Bukhārī menunjukkan peristiwa tersebut berlaku pada hari Khamis, sedangkan Baginda wafat pada hari Isnin berikutnya.[223] Ini bermakna, dalam tempoh tersebut Baginda boleh memanggil sesiapa sahaja untuk menulis wasiat tersebut jika ia benar-benar suatu perintah daripada Allah SWT, namun Baginda tidak melakukannya. Al-Nawawī mengatakan, Rasulullah SAW pada awalnya berniat untuk menulis wasiat atas maslahat tertentu, atau Baginda diwahyukan sebegitu, kemudian Baginda melihat tiada maslahat berbuat demikian, atau datang wahyu membatalkannya, lalu Baginda tidak melakukannya.[224]

---

[220] Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 6: 322; al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī*, 2: 273.
[221] Lihat perbahasan pada halaman 203.
[222] Al-Tustarī, *Iḥqāq al-Ḥaq wa Izhāq al-Bāṭil*, 30: 453; Shibr, *Ḥaq al-Yaqīn fī Ma'rifah Uṣūl al-Dīn*, 273; 'Alī Bāmiyānī, *Khilāfah al-Imām 'Alī bayn al-Nuṣūṣ al-Dīniyyah wa al-Taghṭiyyah al-I'lāmiyyah* (Beirut: Mu'assasah al-Sayyidah Zaynab, 1420H), 40.
[223] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Ikhrāj al-Yahūd min Jazīrah al-'Arab, no. hadis: 2997. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1155.
[224] Al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, 11: 90.

University of Malaya

Selain itu, cadangan ‘Umar agar tidak memberatkan Rasulullah SAW dengan penulisan wasiat turut dipersetujui oleh sebahagian Ahl al-Bayt sendiri. Ini sebagaimana yang terzahir dalam nas hadis al-Bukhārī yang menyebut, “*Lalu berselisih dan bertengkar Ahl al-Bayt, sebahagian daripada mereka ada yang mengatakan, dekatkan pena (kepada Baginda) agar Baginda dapat menuliskan kitab (wasiat) yang kalian tidak akan sesat selepasnya, dan sebahagian yang lain mengatakan sebaliknya (sebagaimana pendapat ‘Umar)*.”[225] Ia menunjukkan bahawa Ahl al-Bayt mengetahui wasiat yang ingin dicatatkan oleh Rasulullah SAW tiada kaitan langsung dengan mereka. Malah, jika sekalipun wasiat tersebut berkaitan dengan pengganti Baginda, Abū Bakr juga termasuk dalam kemungkinan tersebut. Ini berdasarkan nas hadis Ā’ishah bahawa Rasulullah SAW pernah berniat untuk memanggil Abū Bakr bagi mewasiatkannya sebagai khalifah. Walau bagaimanapun, Baginda mengatakan Allah SWT dan kaum muslimin sememangnya tidak akan menerima orang lain sebagai khalifah kecuali Abū Bakr.[226] Oleh yang demikian, tiada keperluan bagi Rasulullah SAW menulis wasiat tersebut.

‘Umar juga dikatakan melakukan kemungkaran lain seperti menolak hukum bertayammum bagi orang berjunub yang ketiadaan air dan mengharamkan nikah mut‘ah.[227] Mengenai hukum bertayammum bagi orang berjunub, ia merupakan masalah fiqah yang terbuka kepada ijtihad. Permasalahan ini berpunca daripada hadis Sa‘īd bin ‘Abd al-Raḥmān bin Abzī daripada bapanya seperti berikut:

"جاء رَجُلٌ إلى عُمَرَ بن الْخَطَّابِ فقال إني أَجْنَبْتُ فلم أُصِبْ الْمَاءَ فقال عَمَّارُ بن يَاسِرٍ لِعُمَرَ بن الْخَطَّابِ أَمَا تَذْكُرُ أَنَّا كنا في سَفَرٍ أنا وَأَنْتَ فَأَمَّا أنت فلم تُصَلِّ وَأَمَّا أنا فَتَمَعَّكْتُ فَصَلَّيْتُ

[225] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Maraḍ al-Nabī, no. hadis: 4169. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 4: 1612.
[226] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Marḍā, Bāb Mā Rakhkhaṣa li al-Marīḍ an Yaqūl Innī Waji‘, no. hadis: 5342. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 5: 2145; Muslim, Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Min Faḍā’il Abī Bakr al-Ṣiddīq, no. hadis: 2387. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 1857.
[227] Lihat perbahasan pada halaman 201.

University of Malaya

فَذَكَرْتُ ذلك لِلنَّبِيِّ ﷺ فقال النبي ﷺ إنما كان يَكْفِيكَ هَكَذَا فَضَرَبَ النبي ﷺ بِكَفَّيْهِ الْأَرْضَ وَنَفَخَ فِيهِمَا ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا وَجْهَهُ وَكَفَّيْهِ."

Terjemahan:
"Telah datang seorang lelaki kepada 'Umar bin al-Khaṭṭāb lalu berkata: Sesungguhnya aku telah berjunub aku tidak boleh terkena air. 'Ammār bin Yāsir berkata kepada 'Umar bin al-adai bersolat, manakala aku pula berguling-guling (di atas tanah) kemudian aku solat, lalu aku sebutkan demikian itu kepada Nabi SAW. Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya memadai buat kamu melakukan begini. Lalu Baginda menepuk tanah dengan kedua tapak tangan Baginda, meniup kedua-duanya, lalu menyapu wajah dan kedua tapak tangan Baginda (hingga ke pergelangan tangan).

Ibn 'Abd al-Barr mengatakan, apabila 'Umar mendengar penjelasan 'Ammār mengenai kisah permusafiran mereka, 'Umar hanya berdiam dan tidak menegah 'Ammār untuk berpegang kepada kisah tersebut yang mengharuskan tayammum bagi orang berjunub ketika ketiadaan air. Ia menunjukkan 'Umar tidak menolak kisah tersebut dan memperakui perbuatan 'Ammār berpegang kepada keharusan bertayammum dalam keadaan berkenaan.[228] Walau bagaimanapun, 'Umar berijtihad bahawa surah al-Nisā' ayat 43 tidak menyebutkan secara khusus keharusan bertayammum bagi orang yang berjunub ketika ketiadaan air sebagaimana disebutkan untuk mereka yang sakit, bermusafir, berqada hajat dan menyentuh wanita bukan mahram. Hal ini menyebabkan 'Umar berpendapat, tiada dalil yang mengharuskan solat dalam keadaan berjunub ketika ketiadaan air walaupun dengan bertayamum. Ibn Ḥajar mengatakan, hadis tersebut juga menjadi dalil keharusan berijtihad dalam kalangan para *al-sahabah* sekalipun Rasulullah SAW berada di samping mereka. Ini kerana, Baginda tidak sesekali mencela atau menafikan ijtihad 'Umar walaupun 'Ammār telah menjelaskan apa yang berlaku kepada Baginda.[229] Bermaksud, tiada sebarang

[228] Yūsuf bin 'Abd Allāh bin 'Abd al-Barr, *al-Tamhīd fī al-Muwaṭṭa' min al-Ma'ānī wa al-Asānīd* (Maghrib: Wizārah 'Umūm al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1387H), 19: 272.
[229] Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 1: 454.

University of Malaya

penyelewengan yang dilakukan oleh ‘Umar dalam peristiwa tersebut seperti yang didakwa oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah.

Dakwaan bahawa ‘Umar bertanggungjawab mengharamkan nikah mut‘ah yang tidak pernah diharamkan oleh Rasulullah SAW juga tidak tepat. Terdapat hadis-hadis sahih yang menunjukkan pengharaman mut‘ah telah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW. Antaranya hadis Subrah al-Juhanī, bahawa beliau pernah mendengar Baginda bersabda:

"يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّى قَدْ كُنْتُ أَذِنْتُ لَكُمْ فِى الاِسْتِمْتَاعِ مِنَ النِّسَاءِ وَإِنَّ اللَّهَ قَدْ حَرَّمَ ذَلِكَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ فَمَنْ كَانَ عِنْدَهُ مِنْهُنَّ شَىْءٌ فَلْيُخَلِّ سَبِيلَهُ وَلاَ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا."

Terjemahan:
“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku pernah mengizinkan kamu untuk melakukan mut‘ah wanita. Sesungguhnya Allah telah mengharamkan demikian itu sehingga ke hari kiamat. Sesiapa yang mempunyai sesuatu pada mereka, maka biarkanlah, jangan ambil sedikit pun daripada apa yang kamu telah berikan.”[230]

Diriwayatkan juga oleh Ahl al-Bayt iaitu Muḥammad bin al-Ḥanafiyyah, beliau mendengar ‘Alī berkata kepada Ibn ‘Abbās:

"نَهَى رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- عَنْ مُتْعَةِ النِّسَاءِ يَوْمَ خَيْبَرَ وَعَنْ أَكْلِ لُحُومِ الْحُمُرِ الإِنْسِيَّةِ."

Terjemahan:
“Rasulullah SAW telah melarang mut‘ah wanita dan memakan daging keldai peliharaan pada hari Khaibar.”[231]

Ia turut diriwayatkan oleh Salamah binti al-Akwa‘ seperti berikut:

"رَخَّصَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- عَامَ أَوْطَاسٍ فِى الْمُتْعَةِ ثَلاَثًا ثُمَّ نَهَى عَنْهَا."

Terjemahan:
“Rasulullah SAW telah memberi keringanan melakukan mut‘ah pada tahun ‘Awṭās selama tiga hari, kemudian Baginda menegahnya.”[232]

---

[230] Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Mut‘ah wa Bayān annah Ubīḥ thumm Nusikh thumm Ubīḥ thumm Nusikh, no. hadis: 3488. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 132.
[231] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ghazwah Khaybar, no. hadis: 1979. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 4: 1544; Muslim, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Mut‘ah wa Bayān annah Ubīḥ thumm Nusikh thumm Ubīḥ thumm Nusikh, no. hadis: 3497. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 134.
[232] Muslim, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Nikāḥ al-Mut‘ah wa Bayān annah Ubīḥ thumm Nusikh thumm Ubīḥ thumm Nusikh, no. hadis: 3484. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 131.

University of Malaya

Hadis-hadis di atas menunjukkan pengharaman nikah mut'ah telah berlaku sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Dakwaan ia hanya diharamkan pada zaman 'Umar adalah tidak benar. Hal ini sebagaimana yang diperakui oleh Mūsā al-Mūsawī, salah seorang tokoh ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah kontemporari. Beliau mengatakan, teori fiqah yang menyatakan pengharaman mut'ah dilakukan dengan perintah 'Umar terbatal menerusi perbuatan 'Alī ketika beliau menjadi khalifah. Sepanjang pemerintahannya, 'Alī tidak pernah mengeluarkan apa-apa perintah yang mengharuskan nikah mut'ah, menunjukkan beliau turut memperakui pengharaman nikah tersebut.[233] Justeru, menuduh 'Umar sebagai orang yang bertanggungjawab mengharamkan nikah mut'ah lebih kepada tuduhan rambang yang bertujuan menjatuhkan kredibiliti 'Umar al-Khaṭṭāb sebagai *al-sahabah* semata-mata.

4.6.4.3 Mempertikai kewibawaan 'Uthmān bin 'Affān

Seterusnya Khair Izzah mempertikaikan kewibawaan 'Uthmān bin 'Affān selaku khalifah. Beliau dituduh telah melakukan kemungkaran besar apabila menegah orang ramai daripada meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah SAW semata-mata bagi menghormati pendahulunya iaitu Abū Bakr dan 'Umar.[234] Dakwaan Khair Izzah ini jelas merupakan sikap prejudis yang sengaja dicetuskan terhadap 'Uthmān.[235] Ini kerana, 'Uthmān hanya meneruskan tradisi Abū Bakr dan 'Umar dalam mengurangkan periwayatan hadis Rasulullah SAW bagi memastikan kesucian hadis-hadis Baginda benar-benar terpelihara dan tidak diriwayatkan secara sembarangan. Ia bagi menghindari riwayat-riwayat dusta dan riwayat-riwayat yang mungkin disalahertikan pemahamannya oleh kaum Muslimin.[236] Tindakan

---

[233] Mūsā al-Mūsawī, *al-Shī'ah wa al-Taṣḥīḥ-al-Ṣirā' bayn al-Shī'ah wa al-Tashayyu'* ('Ammān: Dār 'Ammār, 1998), 120.
[234] Lihat perbahasan pada halaman 201.
[235] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 615.
[236] Lihat Muḥammad 'Ajjāj al-Khaṭīb, *al-Sunnah qabl al-Tadwīn* (Beirut: Dār al-Fikr, 1980), 103-105.

University of Malaya

sedemikian diambil oleh para *al-sahabah* berdasarkan peringatan Rasulullah SAW, antaranya seperti berikut:

"مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا ، فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ."

Terjemahan:
"Sesiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, maka tersedialah tempat tinggalnya di dalam neraka."[237]

Begitu juga hadis Abū Qatādah yang mendengar Rasulullah SAW berkhutbah di atas mimbar sambil bersabda:

"يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِيَّاكُمْ وَكَثْرَةَ الْحَدِيثِ عَنِّي مَنْ قَالَ عَلَيَّ فَلَا يَقُولَنَّ إِلَّا حَقًّا أَوْ صِدْقًا فَمَنْ قَالَ عَلَيَّ مَا لَمْ أَقُلْ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنْ النَّارِ ."

Terjemahan:
"Wahai sekalian manusia, hendaklah kamu berhati-hati menyampaikan banyak hadis daripadaku, sesiapa yang berkata-kata atas namaku, maka janganlah berkata-kata kecuali yang benar (daripadaku), sesiapa yang berkata-kata atas namaku dengan apa yang aku tidak katakan, maka tersedialah tempat tinggalnya di dalam neraka."[238]

Tradisi tersebut kemudiannya diteruskan oleh 'Alī pada peringkat awal beliau menjadi khalifah. Diriwayatkan bahawa 'Alī memiliki lembaran yang tertulis padanya hadis-hadis Rasulullah SAW. Lembaran tersebut disimpan kukuh di dalam sarung pedangnya dan tidak disebarkan sama ada pada zaman pemerintahan Abū Bakr, 'Umar mahupun pada zamannya sendiri. Akan tetapi, keadaan menjadi kian terdesak apabila terdapat sebahagian orang yang mendakwa Rasulullah SAW telah mengkhususkan buat 'Alī beberapa perkara yang tiada pada para *al-sahabah* yang lain. Hal ini memaksa 'Alī mendedahkan lembaran tersebut yang hanya mengandungi beberapa hukum agama. Sekalipun begitu, tiada sebarang riwayat yang

[237] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Mā Yukrah min al-Niyāḥah 'lā al-Mayyit, no. hadis: 1229. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 1: 434; Muslim, al-Muqaddimah, Bāb fī a;-Taḥdhīr min al-Kadhib 'alā Rasūl Allāh, no. hadis: 4. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1: 7.
[238] Lihat hadis Ibn Ḥanbal, Ḥadīth Abī Qatādah al-Anṣārī no. hadis: 22591. Lihat *Musnad al-Imām Aḥmad*, 5: 297. Kata Shu'ayb al-Arna'ūṭ, hadis ini hasan.

University of Malaya

menunjukkan ‘Alī membenarkan kandungan lembaran tersebut disebarkan secara umum.[239] Ini bermakna, ‘Alī turut berpegang dengan manhaj yang sama dengan para pendahulunya sebagai langkah berhati-hati dalam menyampaikan hadis-hadis Rasulullah SAW. Justeru, tiada sebarang penyelewengan yang dilakukan oleh ‘Uthmān dalam tindakan tersebut di samping ia terbukti turut diteruskan oleh ‘Alī selaku khalifah selepasnya.

Dakwaan bahawa ‘Uthmān telah mengubah syariat dengan mengubah hukum wuduk daripada sapuan kepada basuhan dua kaki juga tidak benar. Ini kerana, hadis-hadis mengenai basuhan dua kaki bukan sahaja diriwayatkan oleh ‘Uthmān, tetapi juga oleh para *al-sahabah* yang lain. Antaranya adalah hadis ‘Abd Allāh bin ‘Amr yang dengan jelas menunjukkan Rasulullah SAW melarang menyapu kaki dalam berwuduk. Apabila Baginda melihat ia dilakukan oleh sebahagian *al-sahabah*, Baginda bersabda beberapa kali, “*Celakalah tumit-tumit (orang yang tidak terkena air ketika berwuduk) dengan api neraka!*” Al-Bukhārī meletakkan hadis ini di bawah bab, “*Membasuh dua kaki dan tidak menyapu di atas kedua kaki.*”[240] ‘Uthmān juga dituduh mengusir Abū Dhar al-Ghifārī ke Rabdhah[241], padahal pemergian Abū Dhar ke Rabdhah adalah atas kerelaannya sendiri selepas berlaku perselisihan pendapat antara beliau dan Mu‘āwiyah mengenai tafsir surah al-Tawbah ayat 34. Dalam riwayat al-Bukhārī menyebutkan dengan jelas, ‘Uthmān menyantuni beliau dengan memujuk beliau supaya tidak pergi terlalu jauh, sekalipun ingin pergi menjauhkan diri dari Madīnah.[242] Ibn Sa‘d pula meriwayatkan bahawa Abū Dhar sendiri telah meminta izin kepada ‘Uthmān untuk tinggal di Rabdhah selepas beliau menolak tawaran ‘Uthmān untuk tinggal bersama-sama dengannya sambil ditanggung segala keperluan hidupnya.[243]

---

[239] Lihat Al-Sayyid Munāẓir Aḥsan al-Kaylānī, *Tadwīn al-Ḥadīth* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī), 317-319.
[240] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Wuḍū’, Bāb Ghasl al-Rijlayn wa Lā Yumsaḥ ‘alā al-Qadamayn, no. hadis: 161. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 1: 72.
[241] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 665.
[242] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Mā Addā Zakātah falays bi Kanz, no. hadis: 1341. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ āl-Mukḥtaṣar*, 2: 509.
[243] Muḥammad bin Sa‘d, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā* (Beirut: Dār Ṣādir, 1968), 4: 227.

University of Malaya

Mengenai dakwaan ‘Uthmān telah melantik al-Walīd bin ‘Uqbah iaitu seorang pemabuk dan fasik sebagai gabenor di Kūfah, ia juga tuduhan yang telah dijawab oleh para ulama Ahl al-Sunah wa al-Jamā‘ah. Ulasan terbaik mengenai hal ini adalah sebagaimana yang dibentangkan oleh Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb ketika mengulas karya Ibn al-‘Arabī berjudul *al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim*. Menurut beliau, ‘Uthmān bukan orang pertama yang melantik al-Walīd sebagai pegawainya. Pada zaman Khalifah Abū Bakr, al-Walīd dilantik sebagai ejen rahsia bagi menyampaikan surat-surat strategi perang kepada panglima Khālid al-Walīd dalam peperangan Madhār, iaitu perang menentang Parsi pada tahun ke-12 Hijrah. Abū Bakr juga melantiknya mengetuai bantuan kepada panglima ‘Iyāḍ bin Ghanam dalam peperangan Dawmah al-Jandal.

Beliau juga menjadi wakil khalifah memungut zakat Quḍā‘ah pada tahun ke-13 Hijrah. Pada zaman ‘Umar, beliau dilantik sebagai pemimpin negeri Banī Taghlib dan ‘Arab al-Jazīrah untuk mengawasi mereka agar para mujahidin di utara Syam tidak diserang daripada belakang. Justeru, apabila ‘Uthmān menjadi khalifah, beliau hanya meneruskan kepercayaan yang telah diberikan oleh para khalifah terdahulu kepada al-Walīd dengan mengangkatnya sebagai gabenor Kūfah.[244] Oleh itu, tidak sepatutnya pelantikan al-Walīd menjadi isu pada zaman ‘Uthmān sedangkan ia tidak menjadi isu pada zaman sebelumnya. Malah, selepas al-Walīd dituduh meminum arak, ‘Uthmān telah melaksanakan hukuman sebat dan memecatnya daripada jawatan gabenor, sekaligus ia menunjukkan sikap ‘Uthmān yang adil dan saksama dalam mengambil sebarang tindakan tanpa mengira hubungan kekerabatan.[245]

---

[244] Ibn al-‘Arabī, *al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim*, 99.

[245] Menurut Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb, tiga orang yang terlibat membuat tuduhan fitnah terhadap al-Walīd bin ‘Uqbah adalah Abū Zaynab bin ‘Awf al-Azdī, Abū Muwarra‘ dan Jundub bin Abū Zuhayr. Ketiga-tiganya telah berjanji untuk membalas dendam ke atas al-Walīd apabila anak mereka telah dijatuhkan hukuman oleh al-Walīd kerana terlibat dengan kes rompakan dan bunuh di rumah Ibn al-Ḥaysamān. Lihat Ibn al-‘Arabī, *al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim*, 107-108; Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1407H), 2: 611; ‘Alī bin al-Ḥasan bin Hibbah Allāh Ibn ‘Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 63: 244;

University of Malaya

Khair Izzah turut menimbulkan dakwaan bahawa ‘Ammār bin Yāsir telah dibelasah oleh ‘Uthmān semata-mata kerana menasihati sikap buruk beliau. Walau bagaimanapun rujukan yang dijadikan asas kepada tuduhan Khair Izzah ini adalah dua karya yang dipertikaikan iaitu *al-Imāmah wa al-Siyāsah* dan *Tārīkh al-Khulafā’*. Pada hakikatnya, kedua-dua karya tersebut adalah karya yang sama, kerana kitab *al-Imāmah wa al-Siyāsah* juga dikenali dengan judul *Tārīkh al-Khulafā’* dan kedua-duanya disandarkan kepada Ibn Qutaybah.[246] Hal ini lebih meyakinkan, kerana karya al-Suyūṭī berjudul *Tārīkh al-Khulafā’,* tidak menyebutkan kisah ‘Ammār berkenaan. Menurut al-Qafārī, jika benar sekalipun pengarang kitab tersebut bernama Ibn Qutaybah, ia bukan Ibn Qutaybah yang merupakan ulama besar Ahl al-Sunah wa al-Jamā‘ah iaitu ‘Abd Allāh bin Muslim bin Qutaybah, sebaliknya ia adalah ‘Abd Allāh bin Qutaybah, seorang penganut Syiah. Ini sebagaimana pendedahan al-Dihlawī mengenai kewujudan dua orang Ibn Qutaybah, salah seorang merujuk kepada ulama besar Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, manakala seorang lagi merujuk kepada tokoh Syiah yang melampau. Namun kedua-duanya disandarkan kepada judul kitab yang sama iaitu *al-Ma‘ārif*[247]. Karyanya sengaja diletakkan dengan judul yang sama agar dapat mengelirukan penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.[248] Kesimpulannya, kisah tersebut tertolak kerana ia bukan berasaskan rujukan yang berautoriti di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah selain daripada bertentangan dengan ciri-ciri ‘Uthmān sebagai *al-sahabah* dan menantu Rasulullah SAW yang amat dihormati Baginda.

---

[246] Lihat Ibn Qutaybah al-Daynūrī, *al-Imāmah wa al-Siyāsah al-Ma‘rūf bi Tārīkh al-Khulafā’* (Beirut: Dār al-Aḍwā’, t.t). *Muḥaqqiq* kitab ini, ‘Alī Shīrī mengatakan beberapa ulama menyatakan keraguan terhadap sandaran kitab ini kepada ‘Abd Allāh bin Muslim bin Qutaybah. Antaranya adalah kerana majoriti ulama yang membahaskan biodata Ibn Qutaybah tidak menyenaraikan *al-Imāmah wa al-Siyāsah* sebagai salah sebuah karya beliau. Lihat hal. 8.

[247] Shāh ‘Abd al-‘Azīz al-Dihlawī, *Mukhtaṣar al-Tuḥfah al-Ithnā ‘Ashariyyah* (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1373H), 32.

[248] Nāṣir bin ‘Abd Allāh al-Qafārī, *Uṣūl Madhhab al-Shī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnā ‘Ashariyyah* (Risālah Duktūrah min Qism al-‘Aqīdah wa al-Madhāhib al-Mu‘aṣirah, Jāmi‘ah al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd al-Islāmiyyah, 1414H), 3: 1140

University of Malaya

Kesimpulannya, tiada hujah yang kukuh dalam karya-karya Syiah berbahasa Melayu untuk mempertikaikan kesahan pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah. Sekalipun pelbagai dalil dan hujah yang didakwa bersumberkan rujukan Ahl al-Sunnah cuba dibentangkan, namun ia lebih bersifat manipulasi fakta, riwayat yang bermasalah, nukilan yang tidak beramanah atau rujukan yang tidak berautoriti. Pada subtopik seterusnya akan melanjutkan analisis terhadap pendirian Ahl al-Bayt mengenai *al-sahabah* menurut karya-karya Syiah berbahasa Melayu berkenaan.

4.7 Penilaian terhadap kebencian Ahl al-Bayt kepada *al-sahabah*

Menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, antara hak-hak yang perlu dipelihara dan ditunaikan terhadap para *al-sahabah* adalah mendukung, mengasihi, mendoakan keampunan dan menyebut jasa baik dan sumbangan mereka kepada Islam dan ummah. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menahan diri daripada membesar-besarkan keburukan dan konflik yang berlaku antara mereka. Sebaliknya, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah beriktikad dengan keutamaan dan kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada mereka sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an dan hadis. Hal ini jua menjadi pegangan golongan Ahl al-Bayt sehingga mereka boleh dijadikan contoh dan model ikutan dalam berinteraksi dengan para *al-sahabah*.

'Alī bin Abī Ṭālīb menjadi contoh terbaik dalam memahami perhubungan antara Ahl al-Bayt dengan para *al-sahabah*. Berdasarkan riwayat para *al-sahabah* dan tabiin, 'Alī telah menunjukkan kecintaannya yang mendalam terhadap para khalifah sebelumnya iaitu Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān sama ada ketika mereka masih hidup, semasa menjadi khalifah mahupun selepas kewafatan mereka.[249] Ketika tempoh kekhalifahan mereka, 'Alī sentiasa

[249] Antara perkara yang menunjukkan penghormatan 'Alī terhadap para khalifah terdahulu, 'Alī tidak mengubah hukum Tanah Fadak sebagaimana yang telah diputuskan oleh Abū Bakr dan diteruskan oleh 'Umar. Lihat Ibn

University of Malaya

mengambil sikap dengar dan taat, memandang tinggi kedudukan mereka, berjihad bersama-sama dan senantiasa memberikan pandangan dan nasihat dalam mesyuarat-mesyuarat bersama mereka terutama dalam isu-isu baharu yang belum pernah berlaku sebelumnya.[250] Demikian juga sikap sekalian Ahl al-Bayt selain daripada ‘Alī yang sentiasa mendukung, mengasihi dan memuji para *al-sahabah* r.a.h atas segala sumbangan baik mereka.

Pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah ini bertentangan dengan pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Pada subtopik sebelum ini, dibentangkan pendirian Ahl al-Bayt terhadap kekhalifahan para *al-sahabah* menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berbahasa Melayu menukilkan pelbagai riwayat bagi menggambarkan penolakan golongan Ahl al-Bayt terutamanya ‘Alī dan para pendukungnya terhadap kekhalifahan Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān. Bertitik tolak dari situ, mereka mencetuskan pelbagai teori yang bertujuan untuk membina persepsi permusuhan dan persengketaan antara Ahl al-Bayt dengan para *al-sahabah*. Antaranya teori konspirasi sulit para *al-sahabah* untuk menguasai kepimpinan daripada jatuh ke tangan Ahl al-Bayt, teori hasad dan dengki terhadap keutamaan ‘Alī dan Ahl al-Bayt, teori permusuhan antara Banī Hāshim dan Banī Umayyah dan lain-lain.

4.7.1 Analisis terhadap dakwaan permusuhan

Sehubungan dengan itu, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah mengambil langkah yang amat berhati-hati dalam menerima setiap riwayat sama ada berupa hadis, kisah atau peristiwa yang menggambarkan permusuhan dan persengketaan antara para *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt. Justeru, setiap riwayat yang menzahirkan permusuhan ‘Alī dan Ahl al-Bayt terhadap tiga

---

Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 16: 252; Al-Ḥasan bin ‘Alī mengesahkan bahawa ‘Alī tidak melakukan suatu pun yang bertentangan atau mengubah apa yang telah diputuskan oleh ‘Umar ketika beliau datang ke Kūfah. Lihat Yaḥyā bin Ādam al-Qurashī, *Kitāb al-Kharāj* (Lāhūr: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1974), 21.

[250] Al-Ājirī, *al-Sharī‘ah*, 5: 2311-2312.

University of Malaya

orang khalifah sebelumnya dan para *al-sahabah* lain perlu dinilai berdasarkan ilmu periwayatan hadis. Bermula dengan peristiwa pembaiahan Abū Bakr, Khair Izzah membawakan riwayat yang mengandungi dialog panjang lebar ‘Alī bagi menolak kekhalifahan Abū Bakr dan mempertahankan kedudukan beliau sebagai orang yang lebih berhak terhadap jawatan tersebut. ‘Umar pula dilihat cuba memaksa ‘Alī membaiah Abū Bakr, namun ‘Alī menolaknya dan mendakwa ‘Umar inginkan Abū Bakr menjadi khalifah supaya kelak Abū Bakr akan melantiknya pula sebagai pengganti.[251] Walau bagaimanapun, riwayat ini hanya terkandung dalam sumber yang menjadi rujukan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah iaitu *al-Imāmah wa al-Siyāsah*[252] dan *Sharḥ Nahj al-Balāghah*[253], walhal kedua-dua karya tersebut tertolak di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan diriwayatkan secara meluas dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah.[254] Demikian juga riwayat-riwayat yang menunjukkan ‘Alī tidak bersetuju sama sekali dengan pelantikan ‘Umar dan ‘Uthmān sebagai khalifah. Riwayat-riwayat tersebut bersalahan sama sekali dengan riwayat-riwayat sahih sebagaimana yang telah dijelaskan dalam subtopik sebelum ini.

Bagi menggambarkan permusuhan ‘Alī dan Ahl al-Bayt yang tidak berkesudahan terhadap para *al-sahabah* khususnya khalifah terdahulu, Khair Izzah menukilkan satu riwayat yang mendakwa ketika ‘Alī dilantik menjadi khalifah, beliau telah menzahirkan kekecewaannya terhadap para *al-sahabah* yang dianggap mengkhianatinya sejak kewafatan Rasulullah SAW. Ia terkandung dalam khutbah ‘Alī di dataran Rahbah yang mengingatkan kembali para *al-sahabah* terhadap pesanan Rasulullah SAW di Ghādir Khum yang memilih beliau sebagai pengganti Baginda. Semua *al-sahabah* mengakuinya kecuali tiga orang yang

---

[251] Lihat perbahasan pada halaman 228-229.
[252] Ibn Qutaybah (*al-mansūb ilayh*), *al-Imāmah wa al-Siyāsah*, 6: 15.
[253] Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 6: 11-12.
[254] Lihat Aḥmad bin ‘Abd al-‘Azīz al-Jawharī, *al-Saqīfah wa Fadak* (Tehran: Maktabah Nīnāwī al-Ḥadīthah, t.t), 39; al-Ḥalabī, *Taqrīb al-Ma‘ārif*, 237; al-Ḥurr al-‘Āmilī, *Ithbāt al-Hudāh*, 3: 406; al-Majlisī, *Mir’āt al-‘Uqūl fī Sharḥ Akhbār Āl al-Rasūl,* 26: 190; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 28: 348; al-Khaw’ī, *Minhāj al-Barā‘ah*, 5: 90.

University of Malaya

enggan mengakuinya sehingga mereka ditimpa musibah, kesan daripada doa ‘Alī ke atas mereka. Tiga orang tersebut ialah Anas bin Malik yang ditimpa dengan penyakit sopak, al-Barrā’ bin ‘Āzib menjadi buta dan Jarīr bin ‘Abd Allāh kembali murtad. Riwayat ini dinukilkan oleh Khair Izzah dari kitab *Ansāb al-Ashraf*. Dalam riwayat tersebut terdapat perawi bernama ‘Abbās bin Hishām al-Kalbī[255] yang periwayatannya ditolak oleh ulama hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Di samping itu, Khair Izzah turut merujuk kepada kitab *‘Abaqāt al-Anwār* yang merupakan salah sebuah rujukan utama Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang tidak boleh disandarkan kepada sumber Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.[256] Adapun lafaz tiga orang *al-sahabah* yang enggan berdiri untuk mengakui hadis Ghadīr Khum sebagaimana dinukilkan oleh Aḥmad dalam *Musnad*-nya, ia merupakan lafaz tambahan yang tertolak kerana terdapat di dalamnya dua perawi yang *majhūl*, selain tidak memiliki sebarang *shawāhid* lain.[257] Sementara itu, terdapat riwayat daripada ‘Umayrah bin Sa‘d yang bertentangan dengan riwayat di atas kerana memasukkan Anas bin Mālik sebagai salah seorang yang mengakui peristiwa Ghadīr Khum.[258] Manakala dakwaan bahawa Anas bin Malik yang terkena penyakit sopak bersandarkan riwayat Ibn Qutaybah dalam *al-Ma‘ārif* juga tidak tepat. Ini kerana, Khair Izzah tidak menukilkan komentar Ibn Qutaybah yang mengatakan riwayat tersebut tiada asalnya.[259]

---

[255] Al-Dhahabī mengatakan, al-Kalbī seorang penganut Shī‘ah Kūfah, termasuk salah seorang *matrūkīn*. Al-Imām Aḥmad mengatakan, “*Aku tidak fikir ada seorang pun yang meriwayatkan hadis daripadanya*.” Al-Dāquṭnī mengatakan hadisnya ditinggalkan manakala Ibn ‘Asākir mengatakan beliau seorang Rāfiḍah yang tidak boleh dipercayai. Lihat al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, 10: 101-102.

[256] Kitab *‘Abaqāt al-Anwār fī Imāmah al-A’immah al-Aṭhār* merupakan tulisan seorang tokoh Shī‘ah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah terkenal di India iaitu Ḥāmid Ḥusayn al-Hindī. Kitab ini dikarang bagi menjawab isu *imāmah* sekaligus menolak kitab mengenai kebatilan Shī‘ah berjudul *al-Tuḥfah al-Ithnā ‘Ashariyyah* karangan tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah terkenal di India iaitu Shah ‘Abd al-‘Azīz al-Dihlawī. Agha Bazrag Tehrani, *al-Dharī‘ah ilā Taṣānīf al-Shī‘ah* (Beirut: Manshūrāt Dār al-Aḍwā’, 1983), 15: 214.

[257] Lihat Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad*, 1: 119. Shu‘ayb al-Arna’ūṭ mengatakan, tambahan pada lafaz ini daif kerana dua orang perawi iaitu al-Walīd bin ‘Uqbah dan Simāk bin ‘Ubayd tidak diketahui (*majhūl*).

[258] Hadis riwayat al-Ṭabrānī, no. hadis: 175. Lihat Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Ṣaghīr* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1985), 1: 119; Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 5: 211.

[259] Ibn Qutaybah al-Daynūrī, *al-Ma‘ārif* (Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, t.t), 580.

University of Malaya

Ini menunjukkan, Khair Izzah berusaha mengemukakan pelbagai riwayat tanpa mengira kesahihan dan sumber ambilannya bagi menggambarkan konfrantasi Ahl al-Bayt terhadap kekhalifahan para *al-sahabah*. Walau bagaimanapun, pada akhirnya beliau tetap akur bahawa 'Alī telah menghulurkan baiah kepada semua khalifah terdahulu. Namun menurutnya, ia berlaku bukan kerana pengiktirafan 'Alī terhadap kekhalifahan para *al-sahabah*, akan tetapi demi memelihara kesatuan dan keharmonian umat Islam.[260] Khair Izzah langsung tidak membangkitkan soal *taqiyyah* dalam tindakan 'Alī berkenaan, walhal ia merupakan sesuatu yang diketahui umum dalam iktikad Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sebagaimana dinyatakan dalam bab lalu.[261]

Berkemungkinan ia sengaja tidak diketengahkan oleh Khair Izzah bagi mengelakkan pertikaian terhadap konsep *taqiyyah* yang amat berlawanan dengan sifat keberanian dan kepahlawanan 'Alī. Walau bagaimanapun, alasan demi memelihara keamanan dan keharmonian umat Islam tetap tidak konkrit. Ini kerana, terdapat riwayat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengenai wasiat Rasulullah SAW kepada 'Alī agar memerangi para penentangnya jika beliau memiliki pendukung atau berdiam diri demi memelihara nyawanya. Lalu 'Alī berikrar jika beliau memiliki empat puluh lelaki yang setia bersama dengannya, beliau pasti akan tetap memerangi para penentangnya.[262] Ini bermakna, alasan sebenar 'Alī tidak menentang para khalifah terdahulu bukan kerana ingin memelihara perpaduan umat Islam seperti didakwa Khair Izzah, sebaliknya bagi melindungi nyawanya sendiri dan ia bertepatan dengan konsep *taqiyyah* menurut Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah seperti yang dibentangkan dalam bab sebelum ini.

---

[260] Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 321.
[261] Lihat perbahasan pada halaman 232.
[262] Riwayat ini tidak terdapat dalam mana-mana sumber Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebaliknya masyhur dalam karya-karya utama Shī'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Lihat al-Hilālī, *Kitāb Sulaym bin Qays al-Hilālī*, 2: 591; al-Ṭabarsī, *al-Iḥtijāj 'alā Ahl al-Lajjāj*, 1: 84; Ibn Ṭāwūs, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib*, 505; al-Majlisī, *Mir'āt al-'Uqūl fī Sharḥ Akhbār Āl al-Rasūl,* 26: 188; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 28: 274; al-Khaw'ī, *Minhāj al-Barā'ah fī Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 3: 26.

University of Malaya

Dalam pada itu, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah terus memanjangkan sikap dingin ‘Alī terhadap Abū Bakr kepada Fāṭimah. Ketiga-tiga pengkarya tersebut menjadikan sikap Fāṭimah berkenaan sebagai hujah paling ampuh akan permusuhan Ahl al-Bayt terhadap para *al-sahabah* terutamanya tokoh-tokoh besar mereka iaitu Abū Bakr dan ‘Umar. Kemarahan dan ketidakredaan Fāṭimah dalam isu Tanah Fadak dijadikan isyarat kepada kemarahan dan kemurkaan Rasulullah SAW.[263] Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah turut menukilkan riwayat yang menunjukkan Fāṭimah meninggal dunia dalam keadaan memarahi Abū Bakr, malah mewasiatkan ‘Alī agar melarang Abū Bakr, ‘Umar dan para *al-sahabah* lain mendirikan solat jenazah dan menghadiri pengebumiannya. Namun begitu, terdapat riwayat sahih nukilan al-Bayhaqī yang menunjukkan Abū Bakr telah pergi menemui Fāṭimah dan Fāṭimah akhirnya meredai beliau.[264] Malah terdapat riwayat daripada ‘Alī bin al-Ḥusayn bahawa ketika Fāṭimah meninggal dunia, Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān, al-Zubayr dan ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf telah menziarahinya, bahkan Abū Bakr telah mengimamkan solat jenazahnya.[265]

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat riwayat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang turut menyebutkan pemulauan Fāṭimah terhadap Abū Bakr hingga ke akhir hayatnya, namun yang membezakan adalah penghujung riwayat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah diakhiri dengan ‘Alī menyerahkan baiah secara sukarela kepada Abū Bakr selepas kematian Fāṭimah tanpa sebarang persengketaan. ‘Alī turut mengakui keutamaan Abū Bakr dan menyatakan keikhlasan beliau yang tidak berniat merebut

[263] Isu Tanah Fadak telah dijelaskan dalam perbahasan pada halaman 338-339.
[264] Hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitāb Qism al-Fay’ wa al-Ghanīmah, Bāb Bayān Maṣrif Arba‘ah Akhmās al-Fay’ ba‘d Rasūl Allāh, no. hadis: 12375. Lihat *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, 6:491. Pentahqiq mengatakan hadis ini mursal ḥasan dengan sanad yang sahih; Hadis ini juga dijadikan hujah oleh Ibn Ḥajar bagi menjawab kemusykilan pemulauan Fāṭimah terhadap Abū Bakr. Lihat Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 6: 202
[265] ‘Abd al-Malik bin Ḥusayn al-‘Āṣimī, *Simṭ al-Nujūm al-‘Āwālī fī Anbā’ al-Awā’il wa al-Tawālī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1419H), 1: 536; Ibn Sa‘d, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā* , 8: 29.

University of Malaya

jawatan khalifah.[266] Manakala riwayat-riwayat Syiah pula mengisahkan sebaliknya. Abū Bakr dan ‘Umar dikatakan tidak berpuas hati kerana tidak dimaklumkan mengenai pengebumian Fāṭimah, lalu ‘Umar mencadangkan supaya kubur Fāṭimah dibongkar kembali untuk disolatkan semula.

Hal ini mengundang kemarahan ‘Alī sehingga beliau sanggup membunuh sesiapa yang berani berbuat demikian. Tidak berpuas hati dengan sikap ‘Alī tersebut, ‘Umar dan Abū Bakr melakukan konspirasi dengan mengarahkan Khālid al-Walīd membunuh ‘Alī, namun perancangan tersebut tidak berjaya.[267] Sumber utama yang menjadi sandaran kepada riwayat tersebut adalah *Kitāb Sulaym bin Qays al-Hilālī* yang tertolak di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.[268] Peristiwa ini tidak dinukilkan dalam mana-mana riwayat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, akan tetapi masyhur dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah.

4.7.2 Hakikat hubungan antara Ahl al-Bayt dan *al-sahabah*

Perbahasan sebelum ini menunjukkan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah tidak memiliki hujah yang kukuh bagi membina teori akidah *al-walā’* dan *al-barā’* bertunjangkan

---

[266] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ghazwah al-Khaybar, no. hadis: 3998. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 4: 1549; Muslim, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Qawl al-Nabī Mā Taraknā Fahuwa Ṣadaqah, no. hadis: 1759. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 3: 1380.

[267] Lihat al-Hilālī, *Kitāb Sulaym bin Qays al-Hilālī*, 2: 870-871; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 28: 304-305; al-Khaw’ī, *Minhāj al-Barā‘ah fī Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 13: 20-21; al-Baḥrānī, *‘Awālim al-‘Ulūm wa al-Ma‘ārif wa al-Aḥwāl min al-Āyāt wa al-Akhbār wa al-Aqwāl*, 11: 596.

[268] Menurut Shī‘ah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, kitab ini diterima oleh Abān bin Abī ‘Ayyāsh daripada Sulaym bin Qays al-Hilālī, *al-sahabah* ‘Alī bin Abī Ṭālib. Dikatakan bahawa al-Hilālī telah melarikan diri daripada ditangkap oleh al-Ḥajjāj, lalu beliau berlindung di rumah Ibn Abī ‘Ayyāsh. Ketika hampir kematiannya, beliau telah menyerahkan kitab tersebut kepada Ibn ‘Ayyāsh untuk disampaikan kepada penganut Shī‘ah selepasnya. Lihat al-Ḥasan bin Yūsuf al-Ḥillī, *Rijāl al-Ḥillī* (Najaf: Dār al-Dhakhā’ir, 1411H), 83. Di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, Ibn Abī ‘Ayyash adalah seorang perawi yang tertolak. Menurut al-Imām Aḥmad, hadisnya ditinggalkan (*matrūk al-ḥadīth*), mungkar dan tidak ditulis. Ibn Ma‘īn berpandangan, hadisnya tidak bernilai. Abū ‘Awānah dan Shu‘bah tidak membenarkan hadisnya diriwayatkan. Abū Ḥātim pula mengatakan hadisnya sangat mungkar. Ia juga pandangan al-Nasā’ī dan al-Dāruquṭnī. Lihat Muḥammad bin ‘Umar al-‘Uqaylī, *al-Ḍu‘afā’ al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1984), 1: 38; Ibn Abī Ḥātim, *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*, 1: 77; Ibn Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 1: 85. Sebahagian ulama Shī‘ah Imāmiyyah juga menolak periwayatan Ibn Abī ‘Ayyash. Seperti mana komentar al-Ḥillī, beliau perawi yang sangat lemah (*ḍa‘īf jiddan*) dan sebahagian ulama Shī‘ah menyandarkan beliau sebagai orang yang memalsukan kitab Sulaym bin Qays. Lihat al-Ḥillī, *al-Rijāl*, 206.

University of Malaya

peristiwa selepas kewafatan Rasulullah SAW.[269] Sebaliknya, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mempunyai pelbagai bukti kukuh yang mendedahkan kepincangan teori tersebut. Ia bersandarkan hubungan baik dan pergaulan mesra yang terjadi sepanjang sejarah antara para *al-sahabah* dan ahli keluarga keturunan Rasulullah SAW. Sedangkan teori yang cuba diangkat oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah adalah permusuhan, persengketaan dan dendam kesumat antara para *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt yang tidak berkesudahan. Justeru, dikemukakan di sini tiga aspek utama yang menjadi petunjuk kepada hubungan sebenar antara para *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt iaitu menerusi perkahwinan, penamaan anak atau zuriat keturunan dan pujian-pujian.

4.7.2.1 Perkahwinan Ahl al-Bayt dengan *al-sahabah*

Zaman *al-sahabah* dan tabiin menjadi bukti betapa ikatan perkahwinan telah mengeratkan lagi persaudaraan antara para *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt. Antara contoh yang masyhur adalah perkahwinan Abū Bakr dengan balu kepada Ja'far bin Abī Ṭālib iaitu Asmā' binti 'Umays. Riwayat-riwayat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengakui bahawa ketika Asma' menjadi isteri Abū Bakr, beliau memiliki hubungan yang amat rapat dengan Fāṭimah, termasuk merawatnya ketika sakit dan menguruskan jenazahnya atas wasiat Fāṭimah sendiri.[270] 'Umar pula berkahwin dengan Umm Kalthūm, anak perempuan 'Alī dengan Fāṭimah. Perkahwinan tersebut kekal sehingga 'Umar meninggal dunia dan dikurniakan dengan dua orang zuriat iaitu Zayd dan Ruqayyah. Ketika mengahwininya 'Umar menyebut sabda Rasulullah SAW, "*Setiap nasab dan sebab itu terputus pada hari*

---

[269] Lihat perbahasan pada halaman 239-240.

[270] Lihat al-Ṭūsī, *al-Amālī*, 109; Muḥammad bin Muḥammad al-Mufīd, *al-Amālī* (Qom: Mu'tamar al-Shaykh al-Mufīd, 1413h), 281; al-Baḥrānī, *'Awālim al-'Ulūm wa al-Ma'ārif wa al-Aḥwāl min al-Āyāt wa al-Akhbār wa al-Aqwāl*, 11: 1097; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 43: 211; al-Khaw'ī, *Minhāj al-Barā'ah fī Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 13: 37.

University of Malaya

kiamat kecuali nasab dan sebabku."[271] Terdapat sebahagian ulama Syiah cuba menafikan perkahwinan tersebut, namun ia sabit menerusi karya-karya utama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang menunjukkan kesahihannya.[272] Malah kemesraan dan kasih sayang Ahl al-Bayt terhadap 'Umar amat terserlah ketika hampirnya kematian 'Umar sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibn Abī al-Ḥadīd, bahawa Ibn 'Abbās berkata:

> "Kami terdengar suara Umm Kalthūm (meratap): Aduhai 'Umarku. Bersama dengannya beberapa wanita yang turut menangis. Seluruh rumah diselubungi suara tangisan. Lalu 'Umar berkata: Celakalah 'Umar jika Allah tidak mengampuninya. Aku (Ibn 'Abbās) berkata: Demi Allah aku berharap engkau tidak melihatnya (neraka) kecuali sekadar firman Allah: *Dan tidak seorang pun daripada kamu kecuali akan melintasinya (titian ṣirāṭ)*. Jika tidak keranamu, nescaya kami tidak tahu bagi pemimpin kaum muslimin itu, bertaqwa kepada kitab (al-Quran) dan menghukum dengan adil. 'Umar merasa takjub dengan kata-kataku (Ibn 'Abbās), lalu beliau bangkit (dari baring) dan duduk sambil berkata: Adakah kamu mempersaksikan aku dengan ini wahai Ibn 'Abbās? (Berkata Ibn 'Abbās): Aku telah mencemaskannya. Lalu 'Alī menepuk antara dua bahuku dan berkata: Persaksikanlah ia. Dalam riwayat lain, Ibn 'Abbās berkata: Jangan bimbang wahai Amīr al-Mu'minīn, demi Allah sesungguhnya pengislamanmu suatu kemuliaan, pemerintahanmu suatu pembukaan, kamu telah melimpahkan bumi dengan keadilan. 'Umar berkata: Adakah kamu mempersaksikan aku dengan demikian wahai Ibn 'Abbās? Kata Ibn 'Abbās: Beliau ('Umar) seakan-akan membenci kesaksianku itu, maka aku pun berdiam. 'Alī berkata kepadaku: Katakan benar, dan aku bersamamu. Lalu (Ibn 'Abbās) berkata: Benar (wahai 'Umar). Dalam riwayat lain, Ibn 'Abbās berkata: Aku menyentuh kulitnya ('Umar) sedang ia terbaring lalu aku berkata: Kulit yang tidak akan sesekali disentuh oleh api neraka…lalu 'Umar berkata: Apa menyebabkan kamu berkata sedemikian? (Ibn 'Abbās menjawab): Kamu telah ber*al-sahabah* dengan Rasulullah, dan kamu telah melakukan yang terbaik dalam per*al-sahabah*anmu…"[273]

Secara logiknya, tidak mungkin hubungan yang sebegitu erat ini boleh berlaku jika wujud permusuhan yang mendalam antara para *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt, lebih-lebih lagi dalam bentuk pegangan akidah *al-walā'* dan *al-barā'* seperti yang didakwa oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.

---

[271] Ibn Sa'd, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, 8: 463; Ibn 'Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 19: 486;
[272] Al-Kulaynī, *al-Kāfī*, 6: 115; al-Ṭūsī, *Tahdhīb al-Aḥkām*, 8: 161; al-Ṭūsī, *al-Istibṣār fīmā Ikhtulif min al-Akhbār*, 3: 352.
[273] Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 12: 192.

University of Malaya

4.7.2.2 Penamaan Ahl al-Bayt dengan nama para *al-sahabah*

Hubungan baik antara para *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga boleh dilihat menerusi perbuatan Ahl al-Bayt yang menamakan zuriat keturunan mereka dengan nama tokoh-tokoh besar para *al-sahabah*. Sebagaimana maklum, Islam menganjurkan kepada umatnya agar memberikan nama yang baik kepada setiap anak. Rasulullah SAW bersabda, "*Sesungguhnya kamu diseru pada hari kiamat dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu. Maka perelokkanlah nama-nama kamu.*"[274] Penamaan dengan nama-nama orang soleh juga telah sekian lama dipraktikkan termasuk oleh umat yang terdahulu seperti mana diriwayatkan oleh al-Mughīrah bin Shu'bah, bahawa Nabi SAW bersabda, "*Sesungguhnya mereka menamakan (anak-anak) dengan nama para nabi mereka dan orang-orang soleh sebelum mereka.*"[275]

Justeru, hal ini dilaksanakan oleh ahli keluarga Rasulullah SAW apabila mereka menamakan atau menggelarkan anak-anak mereka dengan nama tokoh-tokoh besar *al-sahabah* seperti Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān. Antara Ahl al-Bayt yang dinamakan atau diberi gelaran Abū Bakr adalah seperti Abū Bakr Muḥammad al-Aṣghar bin 'Alī bin Abī Ṭālib, syahid bersama al-Ḥusayn dalam peristiwa Karbalā, ibunya adalah Laylā binti Mas'ūd al-Nahshaliyyah[276]; Abū Bakr bin al-Ḥasan bin 'Alī bin Abī Ṭālib, syahid bersama bapa

---

[274] Hadis riwayat Abū Dawūd, Kitab al-Adab, Bāb Taghyīr al-Asmā', no. hadis: 4950. Lihat Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dawūd* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t), 4: 442.

[275] Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Nahy 'an al-Takannī bi Abī al-Qāsim wa Bayān Mā Yustaḥabb min al-Asmaā', no. hadis: 2135. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 3: 1685.

[276] Al-Mufīd, *al-Irshād fī Ma'rifah Ḥijaj Allāh 'alā al-'Ibād*, 1: 354; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 42: 90; Aḥmad bin Abī Ya'qūb al-Ya'qūbī, *Tārīkh al-Ya'qūbī* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t), 2: 213.

University of Malaya

saudaranya, al-Ḥusayn dalam peristiwa Karbalā'[277] dan 'Alī Zayn al-'Ābidīn bin al-Ḥusayn yang antara gelarannya (*kunyah*) adalah Abū Bakr[278].

Manakala Ahl al-Bayt yang dinamakan dengan 'Umar seperti 'Umar al-Aṭraf bin 'Alī bin Abī Ṭālib, ibunya Umm Ḥabīb al-Ṣahbā'al-Taghlibiyyah, hamba tawanan perang *Riddah*[279]; 'Umar bin al-Ḥasan bin 'Alī bin Abī Ṭālīb, syahid bersama bapa saudaranya al-Ḥusayn dalam peristiwa Karbalā'[280] dan 'Umar bin al-Ḥusayn bin 'Alī bin Abī Ṭālīb.[281] Daripadanya lahir Muḥammad bin al-Qāsim bin 'Alī bin 'Umar bin al-Ḥusayn bin 'Alī bin Abī Ṭālib yang disenaraikan oleh Ibn Abī al-Ḥadīd sebagai salah seorang perawi Ahl al-Bayt.[282] Sementara Ahl al-Bayt yang dinamakan dengan 'Uthmān pula seperti 'Uthmān bin 'Alī bin Abī Ṭālīb, syahid bersama al-Ḥusayn dalam peristiwa Karbalā', ibunya Umm al-Banīn binti Ḥizām al-Waḥīdiyyah[283] dan 'Uthmān bin 'Uqayl bin Abī Ṭālīb.[284]

Penaman dan penggelaran Ahl al-Bayt dengan nama-nama tokoh besar para *al-sahabah* ini menjadi bukti sama ada dari sudut rasional, emosional mahupun fakta sejarah terhadap hubungan erat dalam per*al-sahabah*an dan persaudaraan antara mereka. Hal ini mustahil berlaku jika antara para *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt itu terdapat permusuhan dan persengketaan yang mendalam sebagaimana yang dinukilkan dalam riwayat-riwayat Syiah Imamiyyah Ithnā 'Ashariyyah terdahulu. Bahkan, karya-karya utama Syiah sendiri

---

[277] Al-Mufīd, *al-Irshād fī Ma'rifah Ḥijaj Allāh 'alā al-'Ibād*, 1: 354; al-Ya'qūbī, *Tārīkh al-Ya'qūbī*, 1: 288.
[278] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 102: 203; Muḥammad bin al-Ḥasan al-Ṭūsī, *Rijāl al-Ṭūsī* (Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1415h), 109; 'Alī bin al-Ḥusayn bin Bābawayh, *al-Fahrasat* (Qom: Maktabah Āyah Allah al-Mar'ashī al-Najafī, 1422H), 30.
[279] Al-Mufīd, *al-Irshād fī Ma'rifah Ḥijaj Allāh 'alā al-'Ibād*, 2: 218; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 34: 297; al-Ṭūsī, *al-Amālī*, 118.
[280] Al-Ya'qūbī, *Tārīkh al-Ya'qūbī*, 2: 228; Ibn 'Anbah, *'Umdah al-Ṭālib*, 68.
[281] Ibn 'Anbah, *'Umdah al-Ṭālib fī Ansāb Āli Abī Ṭālib*, 194.
[282] Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 15: 291.
[283] Muḥammad bin Sulaymān al-Kūfī, *Manāqib al-Imām Amīr al-Mu'minīn 'alayh al-salām* (Qom: Majma' Iḥyā' al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, 1412h), 2: 49; al-Mufīd, *al-Irshād fī Ma'rifah Ḥijaj Allāh 'alā al-'Ibād*, 1: 354.
[284] Al-Balādhurī, *Ansāb al-Ashrāf*, 1: 272.

University of Malaya

meletakkan bab khusus mengenai larangan menamakan anak dengan nama-nama musuh para imam Ahl al-Bayt.[285]

4.7.2.3 Puji-pujian Ahl al-Bayt terhadap para *al-sahabah*

Selain ikatan perkahwinan dan peletakan nama atau gelaran dengan nama para *al-sahabah*, terdapat banyak riwayat yang menukilkan puji-pujian Ahl al-Bayt kepada para *al-sahabah*. Hal ini boleh dilihat menerusi karya kedua-dua pihak sama ada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mahupun Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Puji-pujian tersebut, sebahagiannya telah disebutkan secara tidak langsung sebelum ini. Antara lain yang boleh dinyatakan di sini adalah kata-kata 'Alī sebelum membaiah Abū Bakr sebagai khalifah Rasulullah SAW, beliau mengatakan:

> "Kami melihat Abū Bakr orang yang paling berhak dengannya (jawatan khalifah), beliau adalah teman Rasulullah SAW di dalam gua, kita mengetahui sumbangannya dan Rasulullah SAW memerintahkannya mengimamkan solat sedangkan Baginda masih hidup."[286]

Pengakuan Muḥammad al-Bāqir yang didakwa sebagai imam kelima Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berkenaan kemesraan hubungan antara Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah* ketika menafsirkan sebab turun surah al-Ḥijr ayat 47 sebagaimana dalam riwayat berikut:

> "Daripada Kathīr al-Nawā', beliau berkata: Aku berkata kepada Abū Ja'far (Muḥammad al-Bāqir): Sesungguhnya fulan telah menceritakan kepadaku daripada 'Alī bin al-Ḥusayn, bahawa ayat ini turun kepada Abū Bakr, 'Umar dan 'Alī (firman Allah SWT): *Dan Kami cabut akan apa yang ada di dalam hati mereka daripada perasaan hasad dengki* (Surah al-Ḥijr: 47). Beliau (Abū Ja'far) berkata: Demi Allah, ia turun ke atas mereka, siapa lagi jika bukan mereka? Aku (perawi) berkata: Hasad dengki apa? Beliau (Abū Ja'far) menjawab: Hasad dengki jahiliah, yang wujud antara Banī Tayyim, Banī 'Adī dan Banī Hāshim pada zaman jahiliah dahulu, (tetapi) apabila mereka memeluk Islam, mereka saling berkasih sayang, ketika Abū Bakr mengalami

[285] Al-Ḥurr al-'Āmilī, *Wasā'il al-Shī'ah*, 21: 398.
[286] Al-Jawharī, *al-Saqīfah wa Fadak*, 2: 50.

University of Malaya

sakit pinggang, ‘Alī memanaskan tangannya lalu mengusap pinggang Abū Bakr dengannya.”[287]

Selain itu terdapat riwayat yang menukilkan bahawa ‘Alī sering dilihat memakai sejenis kain selendang. Apabila ditanyakan kepadanya mengenai keistimewaan kain selendang tersebut, ‘Alī menjawab, “*Sesungguhnya ia (kain selendang) yang dipakaikan kepadaku oleh kekasihku, rakanku, temanku, al-sahabah istimewaku, ‘Umar…*”[288]

Demikian juga ‘Alī pernah bersemuka dengan ‘Uthmān untuk menasihatinya mengenai hal ehwal pemerintahannya. Akan tetapi, ‘Alī terlebih dahulu memuji-muji ‘Uthmān sambil mengiktiraf keutamaan dan kedudukannya di sisi Rasulullah SAW. Beliau mengatakan:

> “Aku tidak mengetahui suatu pun yang engkau tidak mengetahuinya, aku tidak menunjukkan kepadamu suatu pun perkara yang engkau tidak mengetahuinya, sesungguhnya engkau mengetahui apa yang kami tahu, kami tidak sesekali mendahuluimu kepada sesuatu pun lalu kami memberitahumu tentangnya, kami tidak menyembunyikan suatu pun lalu kami perlu menyampaikannya kepadamu, kami juga tidak diistimewakan (dengan sesuatu pun) berbandingmu. Kamu telah melihat, mendengar dan ber*al-sahabah* dengan Rasulullah SAW, bahkan menjadi menantunya. Tidaklah Ibn Abī Qaḥāfah (Abū Bakr) lebih berhak untuk melaksanakan kebenaran berbanding engkau, tidak juga Ibn al-Khaṭṭāb lebih berhak melakukan kebaikan berbanding engkau. Sesungguhnya engkau lebih dekat hubungannya dengan Rasulullah SAW, (kerana) engkau menjadi menantu Rasulullah SAW, (sedangkan) kedua-duanya tidak…”[289]

Selain itu, Ja‘far al-Ṣādiq yang merupakan imam keenam di sisi Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, sewaktu mendengar sebahagian orang ‘Irāq mencaci maki Abū Bakr, lalu beliau dengan bangganya mengungkapkan, “*Aku sendiri telah dilahirkan oleh Abū Bakr sebanyak dua kali*.”[290] Ini merupakan sebahagian sahaja puji-pujian Ahl al-Bayt terhadap para

---

[287] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr*, 5: 85.
[288] Ibn Abī Shaybah, Kitāb al-Faḍā’il, Mā Zukir fī Faḍl ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, no. hadis: 31997. Lihat *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādūth wa al-Āthār*, 6: 356.
[289] Al-Khaw’ī, *Minhāj al-Barā‘ah fī Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 16: 311; al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī*, 2: 645; Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 7: 168.
[290] Ini kerana ibu kepada Ja‘far al-Ṣādiq adalah Umm Farwah, Fāṭimah binti al-Qāsim bin Muḥammad bin Abū Bakr al-Ṣiddīq dan ibu kepada Umm Farwah pula adalah Asmā’ binti ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr. Lihat al-

University of Malaya

al-sahabah yang ditemui dalam karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Ia tidak lain menunjukkan penghargaan, sanjungan dan pengiktirafan Ahl al-Bayt terhadap kedudukan para *al-sahabah* di sisi Rasulullah SAW. Sekaligus menafikan akidah al-*walā'* dan *al-barā'* yang meletakkan jurang permusuhan dan persengketaan antara para *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt sebagaimana yang diiktikadkan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.

Berdasarkan pembentangan dalam subtopik ini, amat terserlah kepincangan hujah-hujah yang dikemukakan oleh karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berbahasa Melayu bagi mengujudkan persepsi permusuhan antara Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah*. Selain itu, karya-karya tersebut seperti karya-karya asal Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, gagal untuk menafikan hubungan baik antara Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah* sebagaimana yang tercatat dalam al-Sunnah dan sirah. Seterusnya pengkaji akan menilai sikap Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap konflik antara *al-sahabah* dalam subtopik selepas ini.

4.8 Penilaian terhadap konflik antara *al-sahabah*

Menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, pendirian Ahl al-Bayt terhadap konflik yang berlaku antara *al-sahabah* adalah bertepatan dengan pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tertegak berasaskan prinsip keadilan semua *al-sahabah*, yang menjadi dasar dalam membahaskan apa jua hal berkaitan para *al-sahabah*.[291]

Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 6: 255; Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 2: 88; al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 29: 651; al-Baḥrānī, *'Awālim al-'Ulūm wa al-Ma'ārif wa al-Aḥwāl min al-Āyāt wa al-Akhbār wa al-Aqwāl*, 20: 18.

[291] Lihat perbahasan pada halaman 283-284.

University of Malaya

4.8.1 Prinsip Ahl al-Sunnah dalam konflik antara *al-sahabah*

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah secara ijmak mengambil sikap menahan diri daripada memperkatakan mengenai konflik antara *al-sahabah* kecuali dengan perkataan yang sewajarnya. Ia demi mengekang api permusuhan, dendam, dengki dan buruk sangka kepada mana-mana pihak yang terlibat. Segala sumbangan dan jasa baik mereka dalam memperjuangkan Islam dan mempertahankan dakwah Rasulullah SAW itu lebih utama untuk disebarkan. Manakala segala konflik yang berlaku perlu ditakwilkan agar ia bersesuaian dan bertepatan dengan keadilan mereka sebagaimana yang dinyatakan dalam nas-nas syarak.[292]

Al-Dhahabī mengatakan, nas-nas syarak telah menetapkan secara umum bahawa para *al-sahabah* itu kesemuanya adalah ahli syurga. Sekalipun tidak diketahui secara terperinci kedudukan setiap individu *al-sahabah* yang dikatakan sebagai ahli syurga tersebut kecuali yang dinamakan oleh nas, namun kedudukan keseluruhan para *al-sahabah* itu ahli syurga adalah kekal berdasarkan nas yang umum. Ini kerana, tiada sesiapa yang mengetahui secara muktamad, mana-mana individu dalam kalangan *al-sahabah* yang masuk ke neraka. Hal ini bukan sahaja hukum ke atas para *al-sahabah*, bahkan kaum Muslimin lain yang tiada jaminan syurga pun tidak boleh dihukumkan secara muktamad bahawa mereka akan masuk ke neraka. Oleh yang demikian, adalah lebih utama bagi setiap Muslim untuk bersikap adil dan berhati-hati dalam membincangkan perihal *al-sahabah*, khususnya dalam keadaan tidak mengetahui hakikat sebenar yang terjadi.[293] Kerana itu, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mengambil sikap

---

[292] Aḥmad bin Ibrāhīm al-Ismā'īlī, *I'tiqād A'immah al-Ḥadīth* (Riyāḍ: Dār al-'Aṣimah, 1412h), 79; al-Ash'arī, *Risālah ilā Ahl al-Thaghr*, 304; Ismā'īl bin Aḥmad al-Aṣbahānī, *al-Ḥujjah fī Bayān al-Maḥajjah* (Riyād: Dār al-Rāyah, 1999), 2: 546; Abū al-Ḥasan al-Ash'arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t), 294; al-Ājirī, *al-Sharī'ah*, 5: 2485; Hibbah Allāh bin al-Ḥasan al-Lālikā'ī, *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah min al-Kitāb wa al-Sunnah wa Ijmā' al-Ṣaḥābah* (Riyāḍ: Dār Ṭayyibah, 1402h), 1: 177: 'Abd al-Raḥmān al-Naysābūrī, *al-Ghunyah fī Uṣūl al-Dīn* (Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1987), 189; Ḥafiẓ bin Aḥmad Ḥukmī, *Ma'arij al-Qabūl bi Sharḥ Sullam al-Wuṣūl ilā 'Ilm al-Uṣūl* (Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 1990), 3: 1208.

[293] Al-Dhahabī, *al-Muntaqā*, 220.

University of Malaya

mentakwil setiap konflik yang berlaku dalam kalangan *al-sahabah*. Ia sebagaimana yang dijelaskan oleh Abū al-Ḥasan al-Ash'arī:

> "Adapun Ṭalḥah dan Zubayr, kedua-duanya telah memeranginya ('Alī), kedua-keduanya pada perkara itu mentakwil dan berijtihad dengan melihat (perbuatan) itu adalah benar berdasarkan ijtihad. Bahawasanya demikian itu adalah salah dan kedua-duanya telah merujuk kembali, menyesal dan menzahirkan taubat dan meninggal dunia dalam keadaan bertaubat. Demikian juga dikatakan pada perang Mu'awiyah (terhadap 'Alī), ia berdasarkan ijtihad daripadanya, sedangkan ia salah, batil, mungkar dan derhaka atas maksud memerangi pemerintah yang adil. Namun begitu, ia berlaku dengan sejenis ijtihad daripada orang yang berhak berijtihad, oleh itu, tidak disandarkan kepadanya kefasikan dan kekufuran. Apa yang berlaku itu adalah dari sudut perselisihan dua pemerintah, apabila kedua-duanya berijtihad, seorang daripadanya salah dan seorang lagi betul."[294]

4.8.2 Pendirian Ahl al-Bayt terhadap konflik antara *al-sahabah*

Pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan pendirian yang sama dipegang oleh Ahl al-Bayt. Ia terbukti menerusi banyak riwayat yang menjelaskan hal tersebut termasuk sebahagiannya diriwayatkan dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri. Dalam perang *Ṣiffīn*, 'Alī meletakkan kedudukan para penentangnya sebagai kaum Muslimin yang seakidah dengannya dalam soal ketuhanan, kenabian dan dakwah kepada Islam. Tiada perbezaan antara beliau dengan para penentangnya kecuali dalam soal pembunuhan 'Uthmān yang beliau sendiri menafikan keterlibatannya.[295] Dalam riwayat Ja'far al-Ṣādiq daripada bapanya, Muḥammad al-Bāqir menukilkan bahawa 'Alī menegaskan kepada penyokongnya, beliau memerangi para penentangnya bukan kerana mengkafirkan mereka atau kerana mereka mengkafirkan dirinya. Akan tetapi, ia terjadi disebabkan masing-masing berpandangan kebenaran berpihak kepadanya.[296] Kerana itu, 'Alī

---

[294] Muḥammad bin al-Ḥasan bin Fūrak, *Maqālāt Abī al-Ḥasan al-Ash'arī* (Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah, 2005), 195.
[295] Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 3: 114.
[296] 'Abd Allāh bin Ja'far al-Ḥumayrī, *Qurb al-Isnād* (Qom: Mu'assasah Āl al-Bayt, 1413h), 93; Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 32: 324.

University of Malaya

menegah para *al-sahabah*nya daripada mencela tentera Shām yang dipimpin Mu'āwiyah dengan berkata:

> "Sesungguhnya aku membenci kamu menjadi orang yang gemar mencela, akan tetapi jika kamu ingin menyifatkan perbuatan mereka, menyebutkan perihal mereka, maka setepat-tepat perkataan, setinggi-tinggi keuzuran, kamu berkata pada tempat celaan kamu terhadap mereka dengan (doa berikut): Wahai Allah! Peliharalah darah-darah kami dan darah-darah mereka, perbaikilah hubungan kami dan mereka, berikanlah mereka hidayah petunjuk daripada kesesatan mereka, sehingga mereka mengenali kebenaran daripada kejahilannya dan dijauhkan daripada kesesatan dan permusuhan orang yang berterusan dengannya."[297]

Khair Izzah mendakwa 'Alī menggunakan kedudukannya sebagai khalifah bagi memerangi para penentangnya secara kekerasan setelah sekian lama bersabar dengan kemungkaran para *al-sahabah* adalah tidak benar.[298] Pandangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah tersebut berpunca daripada teori mereka yang mengaitkan peperangan Jamal dan Ṣiffīn sebagai kemuncak konspirasi para *al-sahabah* bagi menghalang kekhalifahan Banī Hāshim seterusnya merebut jawatan khalifah buat mereka. Walhal, sejarah menjadi saksi bahawa perang Jamal dan Ṣiffīn berlaku bukan disebabkan para *al-sahabah* yang terlibat menolak kekhalifahan 'Alī, sebaliknya kerana menuntut keadilan ke atas pembunuhan 'Uthmān.

4.8.2.1 Punca konflik dalam Perang Jamal

Al-Asadī mengatakan, ketika utusan 'Alī iaitu 'Imrān bin Ḥuṣayn dan Abū al-Aswad al-Du'alī datang bertanya kepada Ṭalḥah dan Zubayr yang bersama 'Ā'ishah, tujuan kedatangan mereka ke Baṣrah sebelum perang Jamal meletus, mereka menjawab ia bertujuan menuntut pembelaan ke atas darah 'Uthmān, walaupun mereka menyedari dan memperakui

---

[297] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 12: 214; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 3: 181; Naṣr bin Muzāḥim, *Waq'ah Ṣiffīn* (Qom: Maktabah Āyah Allāh al-Mar'ashī al-Najafī, 1404h), 103.
[298] Lihat perbahasan pada halaman 243.

University of Malaya

kewajipan berbaiah kepada ‘Alī selaku khalifah.[299] Ini memperlihatkan hasrat sebenar kumpulan ‘Ā’ishah iaitu mencari pembunuh ‘Uthmān. Ibn Ḥajar memetik daripada kitab *Akhbār al-Baṣrah* karangan ‘Umar bin Shubbah daripada ucapan al-Mahlab, bahawa tidak terdapat seorang pun ulama muktabar yang menyebut bahawa ‘Ā’ishah dan orang yang bersamanya menentang ‘Alī disebabkan beliau dilantik sebagai khalifah, bahkan mereka langsung tidak menyeru supaya melantik salah seorang dalam kalangan mereka untuk menjadi khalifah. Akan tetapi ‘Ā’ishah dan kumpulannya memungkiri tindakan ‘Alī tidak mengambil tindakan terhadap pembunuh ‘Uthmān”. [300]

4.8.2.2 Punca konflik dalam Perang Siffin

Demikian juga Mu‘āwiyah tidak pernah berniat untuk merampas jawatan khalifah daripada ‘Alī. Dalam kes peperangan Ṣiffīn, beliau hanya menuntut supaya dipercepatkan hukuman *qiṣāṣ* terhadap pembunuh ‘Uthmān. Ia sebagaimana riwayat daripada Ya‘lā bin ‘Ubayd daripada bapanya bahawa Abū Muslim al-Khawlānī dan sekumpulan orang telah pergi menemui Mu‘āwiyah untuk mendapatkan penjelasan ketika sebelum peperangan Ṣiffīn. Mereka berkata:

> “Kamu menentang ‘Alī (dalam masalah khilafah) kerana kamu (layak) seperti dia? Mu‘āwiyah menjawab: Tidak. Demi Allah, sesungguhnya aku mengetahui bahawa dia lebih baik dan lebih berhak daripadaku; tapi bukankah kalian tahu, ‘Uthmān terbunuh dengan zalim, sedangkan aku sepupunya, dan yang menuntut (*qiṣāṣ*) atas pembunuhannya. Maka kalian temuilah beliau (‘Alī) dan katakan kepadanya agar menyerahkan para pembunuh ‘Uthmān kepadaku, maka aku akan menyerah (baiah) kepadanya…”[301]

---

[299] Sayf bin ‘Umar al-Asadī, *al-Fitnah wa Waq‘ah al- Jamal*, (Beirut : Dar al-Nafa’is, 1391H), 1: 122; Ibn al-Jawzī, *al-Muntaẓam*, 5: 84.
[300] Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 13: 56.
[301] Al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, 3: 140; Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah,* 8: 129.

University of Malaya

Malah Mu‘āwiyah turut diriwayatkan menangis dan bersedih apabila mendengar berita kematian ‘Alī. Isterinya menjadi hairan kerana beliau pernah memerangi ‘Alī, namun menangisi kematiannya. Mu‘āwiyah kemudiannya menjelaskan bahawa umat telah kehilangan ‘Alī yang pergi bersama-sama dengan kelebihan, kefakihan dan keilmuannya.[302] Hal ini menunjukkan, para *al-sahabah* seperti Mu‘āwiyah tidak sesekali memiliki perasaan hasad dengki terhadap ahli keluarga Rasulullah SAW apatah lagi untuk merebut jawatan khalifah daripadanya. Perihal peperangan *Ṣiffīn*, ia berlaku berdasarkan ijtihad Mu‘āwiyah yang meminta agar ‘Alī segera mencari para pembunuh ‘Uthmān dan melaksanakan *qiṣāṣ* ke atas mereka. Oleh kerana ia merupakan suatu bentuk ijtihad, meskipun perbuatan itu salah, Mu‘āwiyah tidak boleh dicela atas perbuatannya memerangi ‘Alī. Abu al-Ḥasan al al-Ash‘arī mengatakan bahawa apa yang berlaku antara ‘Alī dan Mu‘āwiyah didasarkan kepada takwilan dan ijtihad, sedangkan semua *al-sahabah* itu adil dan tidak ditohmah pada agamanya.[303] Sekalipun ‘Alī berada di pihak yang benar dan Mu‘āwiyah berada pada pihak yang salah, namun dalam konteks berijtihad, Mu‘āwiyah tidak boleh dituduh fasik atau ahli bid‘ah. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang meredai kesemua *al-sahabah* dan hadis Rasulullah SAW yang memperakui, apabila seseorang hakim itu berijtihad, jika benar ia mendapat dua pahala dan jika salah ia memperoleh satu pahala.[304]

4.8.2.3 Dakwaan menolak ‘Ali sebagai khalifah

Bagi menguatkan lagi hujah penolakan para *al-sahabah* terhadap kekhalifahan ‘Alī sebagai punca perang Jamal dan Ṣiffīn, Khair Izzah beralasan ‘Alī hanya diiktiraf sebagai Khulafa al-Rasyidin yang keempat pada tahun 203 Hijriyah bersamaan tahun 844 Masihi

---

[302] Ibn ‘Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 59: 142; Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah,* 8: 130.
[303] Ibn Fūrak, *Maqālāt Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī*, 195.
[304] Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib al-Bāqillānī, *al-Inṣāf fīmā Yajib I‘tiqāduh wa Lā Yajūz al-Jahl bih* (Beirut: ‘Ālam al-Kutub, 1986), 112.

University of Malaya

pada zaman kegemilangan Aḥmad bin Ḥanbal. Sebelumnya ‘Alī tidak disenaraikan langsung sebagai khalifah keempat demi memelihara kedudukan Ṭalḥah dan Zubayr daripada tuduhan menderhaka. Selain itu, nama ‘Alī juga tidak disenaraikan dalam kalangan para *al-sahabah* utama ketika menyebutkan senarai tokoh-tokoh besar *al-sahabah* seperti mana hadis Ibn ‘Umar.[305] Kedua-dua dakwaan Khair Izzah ini amat bertentangan dengan akal waras dan fakta sejarah. Ini kerana, jika para *al-sahabah* benar-benar menolak ‘Alī sebagai khalifah, bagaimana mungkin ‘Umar yang dituduh oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sebagai salah seorang tonggak utama konspirasi[306], telah menyenaraikan ‘Alī sebagai salah seorang calon khalifah sebelum kewafatannya. Bahkan, empat daripada enam orang yang dicalonkan oleh ‘Umar telah menarik diri bagi memberikan laluan kepada dua *al-sahabah* yang lebih utama, iaitu ‘Uthmān dan ‘Alī.[307]

Sekalipun ‘Alī tidak terpilih sebagai khalifah ketiga, akan tetapi penarikan diri empat orang *al-sahabah* tersebut menunjukkan penghormatan tinggi mereka terhadap kedudukan ‘Uthmān dan ‘Alī. Hal ini terserlah setelah kewafatan ‘Uthmān, apabila para *al-sahabah* kembali mengusulkan ‘Alī sebagai khalifah, iaitu calon yang paling utama selepas ‘Uthmān dalam majlis syura yang dibentuk ‘Umar. Walaupun pada peringkat awal ‘Alī menolak jawatan tersebut dengan alasan lebih rela menjadi menteri berbanding khalifah, namun golongan Ansar dan Muhajirin bersepakat bahawa tiada orang yang lebih berhak memegang jawatan tersebut pada ketika itu kecuali ‘Alī. Lalu kaum Muslimin dan para *al-sahabah* membaiah ‘Alī sebagai khalifah, termasuk tiga orang ahli syura yang masih hidup iaitu Ṭalḥah, Zubayr dan Sa‘d bin Abī Waqqāṣ.[308] Ibn Sa‘d menukilkan ijmak para *al-sahabah*

---

[305] Lihat perbahasan pada halaman 246-247.
[306] Lihat perbahasan pada halaman 243.
[307] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Qiṣṣah al-Bay‘ah wa al-Ittifāq ‘alā ‘Uthmān bin ‘Affān, no. hadis: 3497. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1353.
[308] Abū Bakr Aḥmad bin Muḥammad al-Khallāl, *al-Sunnah* (Riyaāḍ: Dār al-Rāyah, 1410h), 2: 415-417; al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī*, 2: 700; ‘Alī bin Muḥammad bin al-Athīr, *al-Kāmil fī al-Tārīkh* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415h), 3: 83; Ibn Abī al-Ḥadīd, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 1: 106.

University of Malaya

dan sekalian penduduk Madinah membaiah ‘Alī sebagai khalifah.[309] Justeru, kenyataan Khair Izzah yang mendakwa ‘Alī hanya diiktiraf sebagai khalifah keempat pada zaman Aḥmad bin Ḥanbal adalah tertolak sama sekali.

Dalam isu ini, menggunakan riwayat Warīzah bin Muḥammad al-Ḥimṣī sebagai hujah adalah tidak wajar.[310] Ini kerana, pertanyaan Warīzah yang mempertikaikan kedudukan ‘Alī sebagai khalifah keempat adalah berpunca daripada pengaruh golongan *nawāṣib* pada masa itu. Sedangkan Warīzah sendiri berasal dari Ḥimṣ, antara daerah terkuat berlakunya penyebaran *al-naṣb* sehingga disebutkan dalam beberapa karya sejarah, “*Bahawa penduduk Ḥimṣ golongan yang merendah-rendahkan ‘Alī.*”[311] Situasi ini berpunca daripada kesan peperangan Ṣiffīn antara Mu‘āwiyah dan ‘Alī yang menyaksikan negeri Shām menjadi kubu kuat penyokong Mu‘āwiyah menentang ‘Alī. Justeru, pertanyaan Warīzah tersebut, tidak boleh menjadi dalil bahawa ‘Alī hanya diiktiraf sebagai khalifah keempat pada zaman Aḥmad bin Ḥanbal, sebaliknya riwayat-riwayat mengenai penerimaan ‘Alī sebagai khalifah keempat telah masyhur dalam karya-karya sejarah dan hadis Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah jauh sebelum zaman Aḥmad bin Ḥanbal.

Mengenai hadis Ibn ‘Umar yang menyebut susunan keutamaan para *al-sahabah* bermula dengan Abū Bakr, ‘Umar dan berakhir dengan ‘Uthmān[312], tanpa menyenaraikan ‘Ali sebagai yang keempat. Ia dijawab oleh Aḥmad bin Ḥanbal bahawa hadis Ibn ‘Umar perlu dibaca bersekali dengan hadis Safīnah yang menyebutkan pemerintahan secara khilafah akan berlaku selama tiga puluh tahun. Ia mencakupi pemerintahan Abū Bakr selama dua tahun, ‘Umar selama sepuluh tahun, ‘Uthmān selama dua belas tahun dan ‘Alī selama enam

---

[309] Ibn Sa‘d, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, 3: 31.
[310] Lihat perbahasan pada 246.
[311] Abū Bakr al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 13: 7; Ibn ‘Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 50: 366; al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, 8: 148.
[312] Lihat hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Faḍl Abī Bakr ba‘d al-Nabī, no. hadis: 3455. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1337; Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Manāqib ‘Uthmān bin ‘Affān, no. hadis: 3494. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1337

University of Malaya

tahun.[313] Di samping itu, hadis Ibn ‘Umar yang tidak menyenaraikan ‘Alī sebagai *al-sahabah* keempat dalam senarai keutamaan, tiada kena mengena dengan sikap negatif beliau terhadap ‘Alī. Dalam riwayat al-Bukhārī, jelas menunjukkan pengiktirafan beliau terhadap kedudukan ‘Alī. Daripada Sa‘d bin ‘Ubaydah, beliau berkata:

> “Seorang lelaki datang kepada Ibn ‘Umar lalu bertanya mengenai ‘Uthmān, maka (Ibn ‘Umar menjawab) dengan menyebutkan kebaikan-kebaikan amalannya kemudian berkata: Seakan demikian itu tidak menggembirakan kamu? Lelaki itu berkata: Benar. Ibn ‘Umar berkata: Moga Allah menghina kamu. Kemudian lelaki itu bertanya beliau mengenai ‘Alī, maka (Ibn ‘Umar menjawab) dengan menyebutkan kebaikan-kebaikan amalannya. Ibn ‘Umar berkata lagi: (Kedudukan) ‘Alī itu (dengan melihat) pada rumahnya di tengah-tengah rumah Nabi SAW, kemudian (Ibn ‘Umar) berkata: Seakan demikian itu tidak menggembirakan kamu? Lelaki itu berkata: Benar. Ibn ‘Umar berkata: Moga Allah menghina kamu. Pergilah! Buatlah apa pun ke atasku (nescaya aku tetap dengan pandanganku ini).”[314] Dalam riwayat al-Nasā’ī terdapat tambahan bahawa lelaki tersebut mengatakan, “Sesungguhnya aku membencinya (‘Alī).” Ibn ‘Umar berkata, “Semoga Allah membencimu.”[315]

Selain itu, ‘Alī amat menghormati kedudukan Ibn ‘Umar sehingga pernah menawarkan kepadanya jawatan gabenor Shām, sebaik sahaja beliau dilantik menjadi khalifah. Namun demikian, ia ditolak oleh Ibn ‘Umar atas pendirian berkecuali dan tidak mahu terbabit dengan suasana fitnah yang sedang berlaku pada saat itu.[316]

4.8.2.4 Dakwaan sengaja memilih jalan perang

Berkenaan dakwaan Khair Izzah, bahawa para *al-sahabah* sengaja memilih jalan untuk berperang dengan ‘Alī sedangkan jalan diplomasi boleh digunakan, ia merupakan fakta yang jauh daripada kebenaran. Dalam perang Jamal, segala usaha damai menemui kegagalan

---

[313] ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Sunnah* (Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 1406h), 2: 590; lihat hadis Safīnah riwayat Ibn Ḥanbal, Hadīṯḥ Abī ‘Abd al-Raḥmān Safīnah Mawlā Rasūl Allāh, no. hadis: 21978. Lihat *Musnad al-Imām Aḥmad*, 5: 221. Shu‘ayb al-Arna’ūṭ mengatakan sanad hadis ini *ḥasan*.

[314] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Manāqib ‘Alī bin Abī Ṭālib, no. hadis: 3501. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, 3: 1352.

[315] Hadis riwayat al-Nasā’ī, Kitāb al-Khaṣā’iṣ, Bāb Dhikr Manzilah ‘Alī bin Abī Ṭālib wa Qurbuh min al-Nabī, no. hadis. 8492. Lihat Aḥmad bin Shu‘ayb al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), 5: 138.

[316] Al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, 3: 224; Ibn ‘Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 31: 181.

University of Malaya

kerana dalam kalangan anggota perwakilan Basrah terdapat orang-orang Saba'iyyah yang terlibat dengan pembunuhan 'Uthmān, seperti Ḥukaym bin Jabalah dan Malik bin Harith al-Ashtar [317]. Berasaskan sumber-sumber sejarah seperti *Tārīkh al-Ṭabarī*[318], *al-Kāmil fī al-Tārīkh*[319] dan *al-Fitnah wa Waq'ah al-Jamal*[320], adalah jelas bahawa kedua-dua pihak iaitu Khalifah 'Alī dan 'Ā'ishah mahu mengelakkan berlakunya peperangan, namun terdapat pihak ketiga yang menginginkan tercetusnya perang, iaitu kumpulan Saba'iyyah yang pernah terlibat secara langsung dengan kes pembunuhan 'Uthmān. Ini kerana, sekiranya berlaku perdamaian antara pihak 'Alī dan 'Ā'ishah di Basrah, maka mereka akan sama-sama bersatu dan bersepakat untuk mengesan semua pembunuh dan orang-orang yang terlibat dengan pembunuhan ketua negara itu, seterusnya dihukum. Atas dasar ini, ketua-ketua Saba'iyyah seperti 'Abd Allāh bin Saba', Ḥukaym bin Jabalah dan Mālik bin Ḥārith al-Ashtar bersidang pada malam sebelum perang *Jamal* untuk mencari helah supaya peperangan dapat dicetuskan antara kedua-dua pihak. Antara yang dinukilkan:

> "Ibn al-Sawda' ('Abd Allāh bin Saba') pun berkata: Wahai kaumku (al-Saba'iyyah), sesungguhnya kemuliaan kamu dapat diperolehi kalau kamu bercampur gaul dengan orang ramai. Maka tipulah (perangkaplah) mereka. Dan apabila orang ramai berhimpun esok hari, maka segeralah cetuskan pergaduhan dan usah berikan mereka peluang berfikir. Maka jangan ada antara kamu yang teragak-agak; pasti Allah menyibukkan 'Alī, Ṭalḥah, Zubayr dan orang-orang yang sependapat dengan mereka (dari memikirkan tentang) apa yang kamu sendiri tidak suka (iaitu perdamaian). Maka

[317] Saba'iyyah ialah gelaran bagi kumpulan pengikut 'Abd Allāh bin Saba'. Beliau berasal dari kota Ṣan'ā'. Beliau mengisytiharkan dirinya memeluk Islam pada zaman pemerintahan 'Uthmān. Beliau gigih berusaha untuk merosakkan agama Islam. Daripada pendedahan yang lain menunjukkan gerakan anti-Islam dan khalifah bergerak cergas mulai pada zaman pemerintahan Khalifah 'Uthmān. Rata-rata gerakan itu diwakili oleh kumpulan Saba'iyyah yang bertebaran ke bandar-bandar di luar kota Madinah seperti Mesir, Basrah, Kufah dan lain-lain dengan menggunakan kaedah gerakan rahsia atau bawah tanah. Antara orang-orang Saba'iyyah itu termasuk Kinānah bin Bishr, Sawdān bin Hamrān, 'Abd Allāh bin Budayl, Ḥukaym bin Jabalah, Mālik bin al-Ḥārith, Ṣa'ṣa'ah, Zayd bin Sawhān dan Ibn al-Kawā. Lihat al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Niḥal*, 1: 174; Aḥmad Amīn, *Fajr al-Islām* (Kaherah : Maktabah al-Nahḍah, 1965), 110; Rafiq al-'Azm, *Ashhar Mashāhīr al-Islām fī al-Ḥurūb wa al-Siyāsah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1968), 721; Muḥammad Fatḥī 'Uthmān, *al-Tarīkh al-Islāmī wa al-Madhhab al-Maddī* (Kuwait : t.p., 1969), 265-266.

[318] Al-Ṭabarī, *Tarīkh al-Ṭabarī*, 4: 488-492.

[319] Ibn al-Athīr, *al-Kāmil fi al-Tārīkh*, 3: 125.

[320] Sayf bin 'Umar al-Asadī, *al-Fitnah wa Waq'ah al- Jamal* (Beirut : Dār al-Nafā'is, 1391h), 1: 149.

University of Malaya

berwaspadalah; dan berpecah-pecahlah masuk ke barisan mereka, sedangkan orang ramai tidak menyedarinya"[321].

Demikian usaha dan perancangan jahat kumpulan Saba'iyyah yang bertindak bagi merosakkan usaha damai. Dalam situasi yang sebegitu genting, tentu dengan hanya sedikit provokasi kecil, ia sudah cukup menjadi punca tercetusnya peperangan terbuka antara mereka. Demikian keadaan sebenar yang menyebabkan peperangan *Jamal*. Bagi golongan Saba'iyyah, sekiranya peperangan tidak berlaku, ia akan mengancam keselamatan mereka. Sebaliknya peperangan yang berlaku berjaya menyibukkan pemerintah dan umat Islam pada waktu itu hingga beransur-ansur melupakan pembelaan terhadap pembunuhan 'Uthmān dan mengesan para pembunuhnya. Oleh itu, peperangan bukan menjadi matlamat para *al-sahabah* yang ingin menuntut darah 'Uthmān. Akan tetapi pihak ketiga yang terlibat dalam pembunuhan 'Uthmān menjadi dalang sebenar yang merancang peperangan sesama umat Islam demi menutup jenayah yang telah mereka lakukan. Adapun kenyataan Khair Izzah yang mendakwa niat sebenar penentang 'Alī dalam perang Jamal terbongkar dengan riwayat yang mengatakan 'Ā'ishah telah bersujud syukur tanda kegembiraan saat menerima berita kematian 'Alī.[322] Kisah ini merupakan riwayat Abū al-Bukhtarī, dinukilkan Khair Izzah daripada kitab *Maqātil al-Ṭālibiyyīn*[323]. Walau bagaimanapun, Abū al-Bukhtarī merupakan perawi yang tertolak di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.[324] Di samping itu, kisah tersebut tidak dinukilkan dalam mana-mana karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

---

[321] Al-Ṭabarī, *Tarīkh al-Ṭabarī*, 4: 494.
[322] Lihat halaman 248-249.
[323] Abū al-Faraj 'Alī bin al-Ḥusayn al-Aṣfahānī, *Maqātil al-Ṭālibiyyīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t), 11.
[324] Beliau adalah Wahab bin Wahab Abū al-Bukhtarī al-Qurashī al-Madanī. Al-Imām Aḥmad mengatakan dia seorang pembohong besar dan pemalsu hadis. Ibn al-Jārūd mengatakan dia seorang pembohong besar yang buruk, seluruh malamnya memalsukan hadis. Ia juga pandangan Isḥāq bin Rāhawayh, Wakī', Ḥafṣ bin Ghiyāth, dan Shu'ayb bin Isḥāq. Ibn 'Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 63: 415; Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 6: 232.

University of Malaya

4.8.2.5 Dakwaan perang antara *al-sahabah* bukan ijtihad

Khair Izzah berhujah menggunakan hadis Thābit *mawlā* Abū Dhar daripada Umm Salamah bahawa Nabi SAW bersabda, "*Alī bersama al-Qur'an dan al-Qur'an bersama 'Alī, keduanya tidak mungkin berpisah hinggalah keduanya kembali kepadaku di telaga al-Ḥawḍ*", untuk mengatakan peperangan yang berlaku melibatkan hak dan batil dan bukan perkara ijtihad.[325] Namun hujah ini tertolak berdasarkan dua alasan. Pertama, perbincangan dari sudut sanad hadis tersebut membuktikan ia tidak kukuh untuk dijadikan sebagai hujah kerana terdapat *'illah* pada perawinya,[326] tambahan lagi apabila riwayat tersebut lebih cenderung kepada periwayatan Syiah dan bukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Kedua, jika diandaikan hadis tersebut benar-benar sahih sebagaimana dinyatakan oleh al-Ḥākim[327], ia tetap tidak boleh menjadi hujah buat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, sebaliknya menjadi hujah bagi Ahl al-Sunah wa al-Jamā'ah. Ini kerana, sekiranya segala tindak tanduk 'Alī sentiasa selari dengan al-Qur'an dan terpelihara daripada segala kesilapan dan kesalahan, secara tidak langsung ia mengiktiraf keabsahan kekhalifahan Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān. Bagaimana mungkin 'Alī menyerahkan baiah kepada para khalifah yang batil dan tidak sah sedangkan al-Qur'an dan kebatilan selama-lamanya tidak akan bersatu walaupun atas nama *taqiyyah*.

Oleh itu, jika Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ingin menerima penghujahan hadis tersebut, ia perlu diterimapakai dalam semua pendirian dan tindakan 'Alī. Bukan terbatas

---

[325] Lihat perbahasan pada halaman 249-250.

[326] Dalam sanadnya terdapat dua perawi bermasalah. Pertama, Abū Sa'īd al-Taymī atau 'Uqayṣ. Menurut al-Dhahabī, dia seorang penganut Shī'ah tegar, hadisnya ditinggalkan oleh al-Dāruquṭnī. Ibn Ma'īn mengatakan mazhabnya sangat buruk. Lihat al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl*, 5: 110; al-Dhahabī, *al-Mughnī fī al-Ḍu'afā'* (Qatar: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Islāmī, 1987), 2: 438. Kedua, 'Alī bin Hāshim bin al-Burayd. Ibn Ḥibbān mengatakan dia melampau dalam *tashayyu'* dan banyak meriwayatkan hadis *munkar*. Al-Bukhārī mengatakan, dia dan bapanya melampau dalam berpegang kepada mazhabnya (Shī'ah). Lihat Muḥammad bin Ḥibbān, *al-Majruḥīn min al-Muḥaddithīn min al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn* (Ḥalab: Dār al-Wa'ī, 1396h), 2: 110; Abū al-Faraj bin al-Jawzī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1406h), 2: 200.

[327] Hadis riwayat al-Ḥākim, *Zikr Islām Amīr al-Mu'minīn 'Alī raḍiya Allāh 'anh*, no. hadis: 4628. Lihat *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, 3: 134.

University of Malaya

kepada hal-hal terpilih yang dilihat memihak kepada golongan Syiah sahaja. Bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sekalipun tanpa berhujah dengan hadis tersebut, tindakan 'Ā'ishah, Ṭalḥah, Zubayr dan Mu'āwiyah memerangi pemerintah yang adil adalah salah, batil, mungkar dan derhaka. Walau bagaimanapun, ia berlaku berasaskan takwilan dan ijtihad mereka demi menuntut keadilan ke atas pembunuhan 'Uthmān.[328] Justeru, tidak boleh disandarkan kepada mereka kefasikan dan kekufuran sebagaimana yang terkandung dalam riwayat-riwayat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang menetapkan kedudukan penentang 'Alī itu sebagai kafir dan tempatnya kelak di dalam neraka.[329] Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, 'Alī sendiri mengakui perselisihan yang berlaku adalah berpunca daripada perbezaan menangani pembunuhan 'Uthmān, sedangkan masing-masing merasakan kebenaran berpihak kepada mereka. Bermaksud, 'Alī sendiri mengakui ia merupakan sejenis ijtihad yang dilakukan oleh para *al-sahabah* seperti Ṭalḥah, Zubayr dan Mu'āwiyah.

Kerana itu, dicatatkan dalam karya-karya sejarah, ketika 'Alī menemui jenazah Ṭalḥah yang gugur dalam perang Jamal, beliau mengusap wajah Ṭalḥah yang disaluti debu sambil berkata, "*Amat berat terasa wahai Abū Muḥammad, melihat engkau terbaring kaku di lembah ini di bawah bintang-bintang langit*." Beliau berkata lagi, "*Kepada Allah aku mengadu kedukaanku*." Lalu 'Alī mendoakan kerahmatannya dan berkata, "*Alangkah baiknya jika aku meninggal dunia dua puluh tahun sebelum (peristiwa) ini.*"[330] Begitu juga Zubayr, ketika beliau menarik diri daripada peperangan, salah seorang tentera 'Alī bernama 'Amr bin Jurmūz telah mengekori lalu membunuhnya. Ibn Jurmūz memenggal kepala Zubayr lalu membawanya kepada 'Alī. Apabila melihatnya 'Alī mengatakan, "*Sampaikan berita*

---

[328] Ibn Fūrak, *Maqālāt Abī al-Ḥasan al-Ash'arī*, 195.
[329] Lihat perbahasan pada halaman 193 dan 207.
[330] Ibn 'Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 25: 115; Ibn al-Athīr, *Usd al-Ghābah*, 3: 86; Yūsuf bin 'Abd al-Raḥmān al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1980), 13: 420; al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 1: 36.

University of Malaya

kepada pembunuh anak Ṣafiyyah (Zubayr) dengan (balasan) neraka!"[331] Dalam perang *Ṣiffīn* pula, setelah perdamaian antara 'Alī dan Mu'āwiyah dicapai dan peperangan dihentikan, 'Alī berjalan-jalan meninjau keadaan mangsa perang yang terlibat antara kedua-dua belah pihak. Saat melihat para tenteranya yang terkorban, beliau mengatakan, "*Mereka semua di dalam syurga*." Kemudian apabila melihat mangsa korban di pihak Mu'āwiyah, beliau turut berkata perkataan yang sama.[332] Sesetengah riwayat menukilkan bahawa 'Alī mengatakan, "*Mangsa korbanku dan mangsa korban Mu'āwiyah di dalam syurga*."[333] Semua ini menunjukkan sikap baik sangka dan kasihan belas 'Alī terhadap para penentangnya atas dasar kesilapan mereka dalam berijtihad, jauh sekali untuk bersikap buruk sangka apatah lagi mengkafirkan mereka.

4.8.2.6 Dakwaan Mu'āwiyah membenci 'Alī

Khair Izzah tetap menolak alasan berijtihad yang dikemukakan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Alasan tersebut didakwa tidak konsisten dengan sikap Mu'āwiyah yang dikatakan telah mengeluarkan perintah agar orang ramai mengutuk dan mencaci 'Alī. Malah ia jadikan sebagai ibadah bagi mengharapkan pahala daripada Allah SWT apabila Mu'āwiyah mengarahkan para gabenornya mengutuk 'Alī dan Ahl al-Bayt di atas mimbar-mimbar masjid sebelum solat Jumaat. Demikian juga dakwaan bahawa Mu'āwiyah telah memerintahkan para pegawainya supaya mencari, menangkap dan membunuh para pendukung 'Alī. [334] Hakikatnya, dakwaan tersebut amat bertentangan dengan pelbagai riwayat yang dinukilkan dalam karya-karya sejarah mengenai sikap Mu'āwiyah terhadap 'Alī dan sebahagiannya telah dinyatakan oleh penulis sebelum ini. Apa yang pasti, tiada riwayat

---

[331] Ibn Sa'd, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, 3: 111; al-Balādhurī, *Ansāb al-Ashrāf* , 1:313; Ibn 'Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq wa Zikr Faḍlihā wa Tasmiyah Man Hallahā Min al-Amāthil*, 18: 370; Ibn al-Athīr, *Usd al-Ghābah*, 2: 297.
[332] Ibn 'Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 59: 139.
[333] Hadis riwayat al-Ṭabrānī, no. hadis: 688. Lihat Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr* (Mosul: Maktabah al-Zahrā', 1983), 19: 307; al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 3: 144.
[334] Lihat perbahasan pada halaman 251-252.

University of Malaya

sahih yang menukilkan Mu'āwiyah mengutuk 'Alī ketika peperangan antara kedua-dua pihak sedang berlangsung. Secara logiknya, jika dalam suasana perang pun tiada sebarang riwayat yang menunjukkan Mu'āwiyah melemparkan kata-kata buruk terhadap 'Alī, apa lagi keperluan Mu'āwiyah berbuat demikian selepas perang walhal beliau telah pun menjadi khalifah.

Lebih menguatkan lagi kebatilan dakwaan-dakwaan tersebut, selepas al-Ḥasan menyerahkan jawatan khalifah kepada Mu'wiyah, ia berjaya menyatukan hati-hati umat Islam di bawah satu pemerintahan. Maka, apa keperluan Mu'āwiyah untuk menyerang 'Alī dan membangkitkan semula api permusuhan sedangkan situasi ummah berada dalam keadaan bersatu dan aman sentosa. Sudah tentu ia mustahil dilakukan oleh Mu'āwiyah yang terkenal sebagai seorang pemimpin yang bijak mentadbir. Ibn Kathīr ketika membentangkan pengenalan mengenai Mu'āwiyah mengatakan bahawa seluruh rakyat telah bersatu membaiahnya. Sepanjang tempoh pemerintahannya, beliau telah melaksanakan jihad ke negara-negara musuh, syiar agama Allah ditegakkan, harta rampasan perang diterima dari segenap pelosok tempat, sedangkan beliau memerintah kaum Muslimin dengan penuh keamanan, keadilan dan kesantunan.[335] Al-Dhahabī pula menyifatkan Mu'āwiyah sebagai sebaik-baik raja yang keadilannya mendahului kezaliman.[336] Selain itu, banyak riwayat yang mencatatkan pergaulan baik dan kemesraan yang terjalin antara Mu'āwiyah dan anak-anak 'Alī sebagaimana yang telah dinyatakan sebahagiannya sebelum ini.[337] Oleh itu, pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam isu ini sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Qurṭubī, kebanyakan riwayat yang mengatakan Mu'āwiyah mengutuk 'Alī adalah palsu dan tidak sahih.[338]

---

[335] Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 8: 119.
[336] Al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 3: 159.
[337] Sebahagiannya telah disebutkan pada halaman 320.
[338] Aḥmad bin 'Umar al-Qurṭubī, *al-Mufhim limā Ashkal min Talkhīṣ Kitāb Muslim* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, t.t), 6: 278.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah menjadikan konflik yang berlaku antara *al-sahabah* dalam perang Jamal dan Ṣiffīn sebagai pembeza antara kumpulan yang hak dan batil. Zaman pasca-konflik tersebut dan pemerintahan para khalifah selepasnya telah mempengaruhi pemikiran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dalam menanggapi mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang akan dibahaskan dalam subtopik berikut.

4.9 Penilaian terhadap penolakan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai mazhab *al-sahabah*

Penolakan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah terhadap konsep keadilan *al-sahabah* sebagaimana yang dibincangkan dalam bab terdahulu mempengaruhi sudut pandang mereka terhadap mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Pelbagai dakwaan dilemparkan terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah bagi meragukan keabsahannya sebagai sebuah mazhab. Antaranya mempertikaikan hujah Ahl al-Sunnah sebagai golongan majoriti sedangkan majoriti tidak semestinya benar, bahkan al-Qur’an banyak memuji golongan minoriti yang beriman. Mendakwa kewujudan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah tidak memiliki sandaran yang kukuh dari segi syarak dan sejarah. Ini disebabkan Ahl al-Sunnah hanya lahir setelah kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī pada kurun keempat hijrah. Keperibadian al-Ash‘arī juga diragukan kerana beliau berasal dari seorang tokoh Mu‘tazilah. Selain itu, mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah digambarkan sebagai sebuah pakatan yang rapuh berdasarkan pelbagai pertembungan dari sudut akidah dan permasalahan fiqah sehingga melibatkan pertumpahan

University of Malaya

darah.[339] Justeru, subtopik ini akan cuba menilai segala persoalan yang ditimbulkan menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sendiri.

4.9.1 Asal-usul Syiah sebagai perbandingan

Pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang mempertikaikan keabsahan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan persepsi yang sengaja diada-adakan. Mereka bersikap tidak adil dalam menilai aal usul kemunculan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Penekanan seharusnya diberikan kepada aspek manhaj atau metodologi dan bukan semata-mata kepada tokoh dan istilah yang merujuk kepada aliran tersebut. Sementelah kemunculan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri tidak memiliki asas yang kukuh pada zaman Rasulullah SAW. Menurut al-Musawī, bibit-bibit kemunculan Syiah hanya bermula selepas kewafatan Rasulullah SAW ketika umat Islam saling mencadangkan pengganti Rasulullah SAW sebagai khalifah.[340]

Malah al-Musawī mengatakan, Syiah dengan kepercayaan-kepercayaan yang pelik seperti dakwaan pelantikan 'Alī dengan nas, pelanggaran para *al-sahabah* terhadap nas kecuali beberapa orang dan doktrin *imāmah* sebagai pelengkap rukun Islam, hanya timbul selepas berlaku keghaiban besar al-Mahdī pada tahun 329 Hijrah.[341] Hal ini juga diperakui oleh salah seorang tokoh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, Āl Kāshif al-Ghiṭā' yang berpandangan, tiada keperluan untuk Syiah menzahirkan diri sejurus selepas kewafatan Rasulullah SAW kerana umat Islam masih berada di atas manhaj yang lurus sehingga terjadi perang Ṣiffīn antara 'Alī dan Mu'āwiyah.[342] Jika selepas kewafatan Rasulullah SAW pun

---

[339] Lihat perbahasan pada halaman 255-256.
[340] Mūsā al-Musawī, *al-Shī'ah wa al-Taṣḥīḥ: al-Ṣirā' bayn al-Shī'ah wa al-Tashayyu'* ('Ammān: Dār 'Ammār, 1998),11-12.
[341] *Ibid.*, 14-15.
[342] Muḥammad al-Ḥusayn Āl al-Kāshif al-Ghiṭā', *Aṣl al-Shī'ah wa Uṣūluha: Muqāranah ma' al-Madhāhib al-Arba'ah* (Beirut: Dār al-Aḍwā', 1990), 124.

University of Malaya

tiada keperluan untuk Syiah menzahirkan diri, apa lagi sebelum kewafatan Rasulullah SAW. Menunjukkan Syiah itu sememangnya suatu ajaran baharu yang dicipta kemudian.

Dengan demikian, ramai sarjana yang berteori bahawa peristiwa perang Ṣiffīn menjadi punca kepada kelahiran kumpulan Syiah. Menurut Iḥsān Ilāhī Ẓāhir, pandangan ini dipegang oleh Ibn Ḥazm dan Aḥmad Amīn serta beberapa penulis Syiah seperti al-Khawānsārī di dalam kitabnya '*Rawḍāt al-Jannāt*'[343]. Pandangan ini lebih tepat memandangkan selepas perang Ṣiffīn, kumpulan Khawārij telah keluar daripada mentaati 'Alī dan membina gerakan mereka sendiri di Nahrawān. Sebagai tindak balas kepada kumpulan Khawārij, penyokong 'Alī semakin berkembang dari semasa ke semasa sehingga membentuk satu fahaman politik. Bermula dari sini, Syiah berpindah menjadi sebuah kumpulan yang melampau dan fanatik terhadap 'Alī sehingga ke peringkat mencela, mengkafirkan dan berlepas diri daripada para *al-sahabah* r.a.h kecuali beberapa orang seperti Salmān al-Fārisī, Abū Dhar, al-Miqdād, 'Ammār bin Yāsir dan Ḥudhayfah r.a[344].

Pertikaian yang lebih mendasar apabila ia melibatkan keabsahan dua belas orang imam yang menjadi asas kepada mazhab Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri. Wujud keraguan terhadap kelahiran imam kedua belas Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang sekaligus boleh menafikan keaslian mazhab tersebut. Sebahagian karya Syiah memperakui bahawa imam yang kesebelas, iaitu al-Ḥasan al-'Askarī merupakan seorang yang mandul. Diriwayatkan ketika kematian beliau pada tahun 260 Hijrah, kaum kerabatnya telah memeriksa sama ada terdapat dalam kalangan isteri atau hamba sahayanya yang mengandung. Namun, tiada seorang pun yang mengandung menyebabkan harta pusaka beliau dibahagikan kepada ibu dan saudara lelakinya, Ja'far. Pihak khalifah juga telah

[343] Iḥsān Ilāhī Ẓahīr, *al-Shi'ah wa al-Tashayyu'* (Lahur: Dar Tarjuman al-Sunnah, 1984), 13; Ibn Ḥazm, *al-Fiṣal*, 4:79; Ahmad Amin, *Fajr al-Islām*, 266.
[344] 'Awwājī, *Firaq Mu'asirah*, 311-312.

University of Malaya

menghantar wakil ke rumah al-Ḥasan al-'Askarī untuk menyiasat isteri-isteri atau hamba-hamba sahayanya, namun didapati beliau langsung tidak memiliki anak.[345]

Salah seorang tokoh besar Syiah, al-Mufīd mengatakan al-Ḥasan tidak memiliki seorang pun anak sewaktu hayat mahupun setelah kematiannya.[346] Hal yang sama turut dinukilkan oleh al-Nawbakhtī ketika menghuraikan mengenai pecahan-pecahan kumpulan Syiah. Menurut beliau, selepas kematian al-Ḥasan bin 'Alī, Syiah Imāmiyyah berpecah kepada tiga belas kumpulan. Daripada tiga belas kumpulan tersebut, hanya tiga kumpulan yang berpendapat bahawa al-Ḥasan ada meninggalkan zuriat selepas kematiannya.[347] Fakta-fakta di atas menunjukkan bilangan para imam Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah tidak mencapai dua belas orang secara muktamad. Ini kerana, imam yang kedua belas dipertikaikan kewujudannya oleh sebahagian besar penganut Syiah Imāmiyyah sendiri. Implikasinya, keaslian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sebagai sebuah mazhab yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis dua belas khalifah[348] adalah tertolak.

Dalam masa yang sama, doktrin pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah didapati lebih hampir kepada doktrin yang pertama kali diperkenalkan oleh kelompok Saba'iyyah pada zaman 'Alī menjadi khalifah. Saba'iyyah merupakan kumpulan Syiah pertama yang diasaskan oleh 'Abd Allāh bin Saba'.[349] Kewujudan Ibn Saba' disebut dan diperakui oleh para ulama Syiah sendiri. Antaranya al-Qummī dan al-Nawbakhtī yang berpendapat bahawa Ibn Saba' merupakan orang terawal yang mendakwa 'Alī sebagai *waṣī* kepada Nabi SAW.

---

[345] Al-Kulaynī, *al-Kāfī*, 1: 505; al-Kāshānī, *al-Wāfī*, 3: 846; al-Baḥrānī, *Ḥilyah al-Abrār*, 6: 97.
[346] Al-Mufīd, al-Irshād, 2: 336; 'Alī bin 'Īsā al-Irbilī, *Kashf al-Ghummah* (Beirut: Dār al-Aḍwā', 1985), 3: 211.
[347] Al-Ḥasan bin Mūsā al-Nawbakhtī, *Firaq al-Shī'ah* (Istanbul: Maṭba'ah al-Dawlah, 1931), 79-93.
[348] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Aḥkām, Bāb al-Istikhlāf, no. hadis: 6796. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ āl-Mukhtaṣar*, 6: 2640; Muslim, Kitāb al-Imārah, Bāb al-Istikhlāf wa Tarkuh, no. hadis: 1821. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 3: 1452.
[349] Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Niḥal* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1404h), 1: 174.

University of Malaya

Doktrin tersebut diambil ketika beliau masih beragama Yahudi yang mempercayai Yūsha‘ bin Nun adalah *waṣī* kepada Nabi Mūsā a.s. Ibn Saba’ juga orang pertama yang menzahirkan cacian terhadap Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān serta berlepas diri daripada mereka sambil mendakwa ia diarahkan oleh ‘Alī. Ketika mendengar kematian ‘Alī, Ibn Saba’ mendakwa beliau belum meninggal dunia sebaliknya akan kembali semula pada suatu masa nanti.[350] Kesemua doktrin tersebut memiliki banyak persamaan pada asasnya dengan pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang percaya terhadap pelantikan ‘Alī secara nas dan wasiat, *raj‘ah* atau kembalinya para imam ke dunia dan penolakan terhadap majoriti *al-sahabah*. Jika sedemikian, bagaimana mungkin untuk mengaitkan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sebagai mazhab yang berasal daripada Ahl al-Bayt?

4.9.2 Dakwaan Ahl al-Sunnah sebagai mazhab baharu

Kewujudan Syiah amat berbeza dengan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang asas kewujudannya telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW. Dakwaan Khair Izzah dan Faisal Tehrani bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah hanya wujud selepas kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī merupakan suatu kesalahfahaman.[351] Ini kerana, terdapat tiga perbahasan yang perlu difahami dalam membahaskan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Pertama, sandaran syarak terhadap istilah al-Sunnah dan al-Jamā‘ah. Kedua, awal penggunaan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ketiga, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai sebuah mazhab akidah dan fiqh.

---

[350] Sa‘d bin ‘Abd Allāh al-Qummī, *al-Maqālāt wa al-Firaq* (Tehran: Maṭba‘ah Ḥaydarī, 1963), 20; al-Nawbakhtī, *Firaq al-Shī‘ah*, 22.
[351] Lihat perbahasan pada halaman 254-255.

University of Malaya

4.9.2.1 Istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah menurut syarak

Berkenaan istilah al-Sunnah dan al-Jamā‘ah, ia sabit berdasarkan nas syarak yang banyak. Bagi istilah al-Sunnah, Rasulullah SAW pernah mengungkapkannya dengan makna wahyu yang selain daripada al-Qur’an. Baginda SAW bersabda:

"يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ مَا إِنِ اعْتَصَمْتُمْ بِهِ فَلَنْ تَضِلُّوا أَبَدًا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ."

Terjemahan:
“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku telah tinggalkan buat kamu (dua perkara) selagimana kamu berpegang dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu Kitabullah dan sunnah Nabi-Nya.”[352]

Istilah al-Sunnah juga digunakan untuk merujuk kepada perkara yang mempunyai dalil syarak, sama ada daripada al-Qur’an mahupun sunnah Rasulullah SAW dan ijtihad para *al-sahabah*. Antaranya sabda Baginda SAW:

"فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ."

Terjemahan:
“Hendaklah kamu mengikuti sunnahku dan sunnah para Khulafā’ al-Rāshidīn al-Mahdiyyīn.”[353]

Pada ketika yang lain, al-Sunnah diucapkan oleh Rasulullah SAW bagi menyerlahkan maksud lawan kepada bid‘ah yang dilarang. Antaranya hadis yang menegah tiga orang *al-sahabah* yang berhasrat untuk bersolat sepanjang malam, berpuasa sepanjang tahun dan menegah diri daripada berkahwin. Baginda SAW lalu bersabda:

"أَمَا والله إني لَأَخْشَاكُمْ لِلَّهِ وَأَتْقَاكُمْ له لَكِنِّي أَصُومُ وَأُفْطِرُ وَأُصَلِّي وَأَرْقُدُ وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عن سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي."

---

[352] Hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitāb Ādāb al-Qāḍī, Bāb Mā Yaqḍī bin al-Qāḍī wa Yuftī bih al-Muftī.., no. hadis: 20123. Lihat *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, 10: 114; hadis Mālik bin Anas, Kitāb al-Qadr, Bāb al-Nahy ‘an al-Qawl bi al-Qadr, no. hadis: 1594. Lihat *al-Muwaṭṭa’* (Mesir: Dār Iḥyā’ al-Turāth al’Arabī, t.t), 2: 899. Menurut Ibn ‘Abd al-Barr, hadis ini terpelihara, dimaklumi dan masyhur dalam kalangan ahli ilmu sehingga ia hampir tidak perlu kepada sanad. Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Tamhīd*, 24: 331.

[353] Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-‘Ilm ‘an Rasūlillāh, Bāb Mā Jā’ fī al-Akhdh bi al-Sunnah wa Ijtināb al-Bida‘, no. hadis: 2676. Lihat *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 5: 44. Al-Tirmidhī mengatakan hadis ini *ḥasan ṣaḥīḥ*.

University of Malaya

Terjemahan:
"Adapun demi Allah, sesungguhnya aku orang yang paling takut kepada Allah dalam kalangan kamu, paling bertaqwa dalam kalangan kamu kepada-Nya, namun begitu, aku berpuasa dan berbuka, bersolat dan tidur dan mengahwini wanita. Maka sesiapa yang membenci sunnahku, ia bukan daripada kalanganku."[354]

Demikian juga hadis Rasulullah SAW mengenai golongan yang menunggu bintang-bintang muncul sebagai waktu berbuka puasa[355] menerusi sabdanya:

"لا تَزَالُ أُمَّتِي عَلَى سُنَّتِي مَا لَمْ تَنْتَظِرْ بِفِطْرِهَا النُّجُومَ."

Terjemahan:
"Umatku sentiasa berpegang dengan sunnahku selagi mana ia tidak menunggu bintang-bintang keluar untuk membuka puasanya."[356]

Berpandukan dalil-dalil tersebut, jelas menunjukkan perkataan al-Sunnah bukan istilah yang datang kemudian, sebaliknya ia bersumberkan lisan Rasulullah SAW sendiri. Walaupun istilah tersebut tidak terkandung dalam al-Qur'an, namun begitu, terdapat konotasi al-Sunnah yang jelas dalam setiap ayat yang merujuk kepada perintah mengikuti Rasulullah SAW sama ada berbentuk suruhan ataupun larangan. Antaranya, firman Allah SWT dalam surah al-Ḥashr ayat 7:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

Terjemahan:
"Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya, dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya)."

---

[354] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Targhīb fī al-Nikāḥ, no. hadis: 4776. Lihat *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ āl-Mukhtaṣar*, 5: 1949.
[355] Menurut Ibn Daqīq al-'Īd, hadis ini menjadi dalil penolakan terhadap fahaman Shī'ah yang melewatkan waktu berbuka puasa sehingga munculnya bintang-bintang. Lihat Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 4: 199.
[356] Hadis riyawat Ibn Ḥibbān, Zikr al-Khabar al-Mudḥiḍ Qawl Man Abṭal Murā'āh al-Awqāt li Adā' al-Ṭā'āt bi al-Ḥiyal wa al-Asbāb, no. hadis: 3510. Lihat *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, 8: 277.

University of Malaya

Adapun istilah al-Jamā‘ah, ia kerap kali digunakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis-hadis Baginda. Hadis yang paling masyhur adalah sabda Baginda:

"وَإِنَّ هَذِهِ الْأُمَّةَ سَتَفْتَرِقُ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً يَعْنِي الْأَهْوَاءَ كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةً وَهِيَ الْجَمَاعَةُ ."

Terjemahan:
"Dan sesungguhnya umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan (mengikut hawa nafsu), semuanya di dalam neraka kecuali satu iaitu al-Jamā‘ah."[357]

Berdasarkan hadis ini dan beberapa hadis lain, para ulama telah menjelaskan siapakah golongan yang dimaksudkan dengan al-Jamā‘ah tersebut. Menurut al-Shāṭibī, pada umumnya pendapat para ulama mengenai al-Jamā‘ah berkisar kepada beberapa pengertian. Pertama, ia bererti golongan majoriti dalam kalangan umat Islam yang terdiri daripada imam mujtahid, para ulama dan ahli syariah dan umat yang mengikuti mereka. Sebahagian hadis menyebut mereka sebagai *al-sawād al-a‘ẓam*. Kedua, kumpulan para ulama mujtahid. Ketiga, para *al-sahabah* Rasulullah SAW. Keempat, umat Islam yang bersepakat atau berijmak atas sesuatu perkara. Ia juga kembali kepada golongan pertama atau kedua. Kelima, umat Islam yang bersatu mentaati seorang pemimpin.[358]

Setelah menukilkan pendapat-pendapat tersebut, beliau merumuskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan al-Jamā‘ah adalah merujuk kepada perhimpunan yang bersatu di bawah pemimpin atau imam yang menepati petunjuk al-Qur’an dan al-Sunnah.[359] Ini jelas menunjukkan bahawa perhimpunan ramai yang bersatu bukan atas dasar kedua-duanya adalah terkeluar daripada apa yang dimaksudkan dengan al-Jamā‘ah. Dengan kata lain,

---

[357] Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Fitan, Bāb Iftirāq al-Ummah, no. hadis: 3993. Lihat *Sunan Ibn Mājah*, 2: 1322: Aḥmad, Musnad al-Shāmiyyīn, no. hadis: 16979. Lihat *Musnad al-Imām Aḥmad*, 4: 102. Shu‘ayb al-Arna’ūṭ mengatakan hadis ini *ḥasan* dan ia *ṣaḥīḥ* dengan *shawāhid* yang lain.
[358] Abū Isḥāq al-Shāṭibī, *al-I‘tiṣām* (Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, t.t), 2: 260-265.
[359] *Ibid*., 265.

University of Malaya

seandainya sesebuah kumpulan yang ramai itu tidak berada di atas petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah, maka ia tidak boleh dikategorikan sebagai al-Jamā'ah. Sebagaimana ungkapan Ibn Mas'ūd, "*Al-Jamā'ah adalah apa yang menepati kebenaran, sekalipun engkau berseorangan*."[360] Walau bagaimanapun, ungkapan Ibn Mas'ūd tersebut dalam konteks sekiranya majoriti umat Islam benar-benar telah rosak dan terkeluar daripada mengikuti manhaj generasi terdahulu yang masih kekal di atas kebenaran.[361]

Hal ini mustahil berlaku apabila melibatkan kesepakatan para ulama mujtahid dalam kalangan umat Muḥammad SAW seperti mana sabda Baginda, "*Umatku tidak akan bersepakat atas kesesatan*."[362] Hadis ini menjadi dalil ke atas keautoritian ijmak para ulama sebagai salah satu daripada sumber hukum yang muktabar di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.[363] Justeru, kenyataan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang mendakwa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menjadikan bilangan majoriti semata-mata sebagai hujah kebenaran sesuatu golongan adalah tidak benar.[364] Ini kerana, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tidak mengambil kira bilangan majoriti sekiranya ia bertentangan dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah dan tidak diwakili oleh para ulama mujtahid.

4.9.2.2 Awal penggunaan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah

Mengenai penggunaan terawal istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, ia didapati telah wujud sejak zaman para *al-sahabah*. Ini terbukti menerusi tafsiran Ibn 'Abbās terhadap surah

---

[360] Ibn al-Qayyim, *I 'lām al-Muwaqqi'īn*, 3: 397.
[361] *Ibid*.
[362] Hadis riwayat Aḥmad, Musnad al-Qabā'il, no. hadis: 27267. Lihat *Musnad al-Imām Aḥmad*, 6: 396. Shu'ayb al-Arna'ūṭ mengatakan hadis ini *ṣaḥīḥ li ghayrih*; Al-Sakhāwī, selepas membentangkan *turuq* hadis ini berserta sanadnya mengatakan, "*Secara keseluruhan, ia adalah hadis yang masyhur matannya, memiliki sanad yang banyak dan shawāhid yang pelbagai pada (hadis yang) marfū' dan selainnya.*" Lihat Shams al-Dīn al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtaharah 'alā al-Alsinah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1405H), 717.
[363] Abū Bakr al-Khaṭīb al-Baghdādī , *al-Faqīh wa al-Mutafaqqih* (Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1421H), 1: 408-410; Abū Isḥāq al-Shīrāzī, *al-Luma' fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985), 89; al-Sam'ānī, *Qawāṭi' al-Adillah*, 1: 424.
[364] Lihat perbahasan pada halaman 261.

University of Malaya

Āli ‘Imrān ayat 106, “*(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri*”. Al-Jurjānī (w. 345H)[365], al-Ājirī (w. 360H)[366] dan al-Lālikā’ī (w. 418H)[367] menukilkan sanad daripada Ibn ‘Abbās bahawa maksud, *“muka (orang-orang) menjadi putih berseri*”, adalah penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ini bererti, orang pertama yang menggunakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah adalah Ibn ‘Abbās, seorang tokoh *al-sahabah* yang berketurunan Ahl al-Bayt atau Banī Hāshim.

Penggunaannya juga semakin meluas pada zaman salafussoleh sebelum kemunculan Aḥmad bin Ḥanbal dan Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī. Antara para ulama salaf yang didapati telah pun menggunakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebelum kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī adalah Ayyūb al-Sukhtiyānī (w. 131H). Beliau pernah berkata, “*Aku diberitahu mengenai kematian seorang lelaki dalam kalangan Ahl al-Sunnah, (saat itu) aku merasa seakan-akan kehilangan sebahagian anggota tubuhku*.”[368] Seorang lagi ulama salaf iaitu Sufyān al-Thawrī (w. 161H) yang pernah dinukilkan perkataannya mengenai Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Beliau berkata, “*Berpesan-pesanlah dengan Ahl al-Sunnah dengan kebaikan, sesungguhnya mereka itu asing.*” Di tempat lain beliau berkata, *“Betapa sedikitnya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.”[369]

Al-Fuḍayl bin ‘Iyāḍ (w. 187H) turut menyebut mengenai golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah ketika membuat perbandingan dengan golongan Murji’ah dan Jahmiyyah. Beliau mengatakan, “*Golongan Murji’ah berpendapat iman itu ialah perakuan dengan kata-kata tanpa amalan; Jahmiyyah pula berpendapat iman itu ialah makrifah tanpa perakuan dengan kata-kata dan amalan; manakala Ahl al-Sunnah pula mengatakan iman itu ialah makrifah,*

---

[365] Ḥamzah bin Yūsuf al-Jurjānī, *Tārīkh Jurjān* (Beirut: Ālam al-Kutub, 1981), 132.
[366] Al-Ājirī, *al-Sharī‘ah*, 5: 2562.
[367] Al-Lālikā’ī, *Sharḥ Uṣūl I‘tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, 1: 72.
[368] Al-Lālakā’i, *Sharḥ Uṣūl I‘tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, 1: 59-60; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Miftāḥ al-Jannah fī al-Iḥtijāj bi al-Sunnah* (Madinah: al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah, 1399), 64.
[369] *Ibid.*, 64; al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, 7: 273.

University of Malaya

perakuan dengan kata-kata dan amalan."[370] Manakala Aḥmad bin Ḥanbal (w. 241h) pula diriwayatkan pernah menegaskan bahawa, "*Ini adalah mazhab ahli ilmu, aṣḥāb al-āthār dan Ahl al-Sunnah yang berpegang teguh kepada al-Sunnah yang dikenali jejak langkahnya dan menjadi ikutan umat bermula daripada para al-sahabah Nabi SAW hingga ke hari ini.*"[371]

Berdasarkan beberapa ungkapan golongan salaf berkenaan, dapat difahami bahawa istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah telah sedia digunakan sebelum kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan Ashā'irah. Tanggapan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah itu hanya bermula dengan kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī adalah tidak benar dan bertujuan menafikan keaslian mazhab tersebut yang berasal-usul daripada Rasulullah SAW dan para *al-sahabah*.

4.9.2.3 Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab akidah dan fiqah

Penyandaran istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terhadap Abū al-Ḥasan al-Ash'arī[372], bukan bermakna beliau merupakan pengasas Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebaliknya ia sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau dalam mempertahankan kesinambungan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah SAW, para *al-sahabah* dan salafussoleh daripada segala penyelewengan dan kesesatan. Demikian juga Abū Manṣūr al-Māturīdī[373] dan Māturīdiyyah yang hampir seiring

---

[370] Ibn Ḥanbal, *al-Sunnah*, 1: 306; Muḥd bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tahdhīb al-Āthār wa Tafṣīl al-Thābit 'an Rasūl Allāh min al-Akhbār* (Kaherah: Maṭba'ah al-Madanī, t.t), 2: 660; Ibn Aḥmad Ḥukmī, *Ma'arij al-Qabūl*, 3: 1013.
[371] Muḥammad bin Abī Ya'lā, *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t), 1: 24; Ibn 'Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 32: 175.
[372] Beliau adalah 'Alī bin Ismā'īl bin Isḥāq bin Sālim bin Ismā'īl bin 'Abd Allāh bin Mūsā bin Bilāl bin Abī Burdah bin Abī Mūsā al-Ash'arī. Dilahirkan di Kota Baṣrah pada tahun 260H dan merupakan keturunan yang kesembilan daripada *al-sahabah* Nabi SAW iaitu Abū Mūsā al-Ash'arī. Meninggal dunia di Baghdad pada tahun 324H. Beliau dikenali dengan pelbagai jolokan antaranya, *Nāṣir al-Sunnah, 'Alam al-Dīn, Shaykh Ṭarīqah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dan *Imām al-Mutakallimīn*. Al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, 11: 346; Ibn 'Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī*, 34-34; Ibn al-Jawzī, *al-Muntaẓam*, 14: 29; Ḥamad al-Sinān & Fawzī al-'Anjarī, *Ahl al-Sunnah al-Ashā'irah, Shahādah 'Ulamā' al-Ummah wa Adillatuhum* (Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 1427H), 39.
[373] Beliau adalah Abū Manṣūr Muḥammad bin Muḥammad bin Maḥmūd al-Māturīdi, al-Anṣārī, al-Ḥanafī, al-Samarqandī. Lahir pada tahun 238H dan wafat pada tahun 333H di Samarqand, salah sebuah kota yang terkenal di Asia Tengah. Beliau dikatakan berketurunan *al-sahabah* Nabi SAW, Abū Ayyūb Khālid bin Zayd bin Kulayb

University of Malaya

dengan kemunculan Ashā'irah, turut membawa manhaj yang sama. Kedua-dua tokoh dan kumpulan ini kemudiannya telah menjadi pegangan majoriti umat Islam selepas mereka sehingga apabila disebut istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah secara mutlak, maka mereka yang dimaksudkan adalah golongan Ashā'irah dan Māturīdiyyah.[374]

Menurut Tāj al-Dīn al-Subkī, seluruh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bersepakat bahawa iktikad mereka adalah satu walaupun berbeza dari sudut pendekatan dan disiplin yang disusun. Mereka boleh dirumuskan kepada tiga kelompok utama. Pertama, *ahl al-ḥadīth* yang prinsip pegangan mereka adalah berteraskan dalil-dalil naqli iaitu al-Qur'an, al-Sunnah dan ijmak. Kedua, *ahl al-naẓar al-'aqlī wa al-ṣinā'ah al-fikriyyah* yang terdiri daripada golongan Ashā'irah pimpinan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan golongan Māturīdiyyah pimpinan Abū Manṣūr al-Māturīdī. Ketiga, *ahl al-wujdān wa al-kashf* yang terdiri daripada golongan sufi yang pada dasarnya turut berpegang kepada prinsip kumpulan pertama dan kedua.[375]

Al-Baghdādī ketika menjelaskan mengenai maksud hadis kumpulan yang selamat (*al-firqah al-nājiyah*) mengatakan mereka adalah kelompok Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ia terdiri daripada kedua-dua madrasah ahli *al-ra'y* dan ahli hadis sama ada daripada kalangan *fuqahā', muhaddithīn, qurrā'* dan *mutakallimīn* yang bersepakat di atas prinsip akidah yang sama. Keimanan mereka tidak dicemari dengan pegangan ahli bid'ah seperti golongan Khawārij, Rāfiḍah, Qadariyyah dan keseluruhan pengikut hawa nafsu yang lain.

---

al-Anṣārī. Sebagai penghormatan terhadap keilmuannya dalam bidang teologi dan sumbangannya dalam mempertahankan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, beliau dikurniakan beberapa gelaran seperti '*Alam al-Hudā, Imām al-Hudā, Imām al-Mutakallimīn, Muṣaḥḥih 'Aqā'id al-Muslimīn, Ra'īs Ahl al-Sunnah, Qudwah Ahl al-Sunnah wa al-Ihtidā', Rāfi' A'lām al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Qāli' Aḍāllīl al-Fitnah wa al-Bid'ah*. Lihat Murtaḍā al-Zabīḍī, *Tāj al-'Ārūs min Jawāhir al-Qāmūs* (t.tp: Dār al-Hidāyah, t.t) 7: 456; Ismā'īl Bāshā al-Baghdādī, *Hadiyyah al-'Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Āthār al-Muṣannifīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992), 6: 36; Muḥammad 'Amīm al-Iḥsān al-Barkatī, *Qawā'id al-Fiqh* (Karatchi: al-Ṣadaf Bablasharz, 1986), 197; Abū Manṣūr al-Māturīdī, *Kitāb al-Tawḥīd* (taqdīm muḥaqqiq), (Beirut: Dār Ṣādir, t.t), 9.

[374] Muḥammad Murtaḍā al-Ḥusaynī al-Zabīdī, *Ittiḥāf al-Sādah al-Muttaqīn bisharḥ Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Mu'assasah al-Tārīkh al-'Arabī, 1994), 2: 5.

[375] *Ibid*.

Termasuk dalam kelompok ini adalah jumhur umat Islam yang mengikuti imam-imam mazhab fiqah seperti al-Shāfi'ī, Mālik, Abū Ḥanīfah, al-'Ūzā'ī dan lain-lain.[376] Walau bagaimanapun, mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menjadi semakin terkenal dengan kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī yang digelar sebagai *Shaykh al-Naẓar* dan imam dalam ilmu perbahasan dan *taḥqīq*. Beliau berjaya mematahkan hujah-hujah golongan bid'ah seperti Qadariyyah, Najjāriyyah, Jahmiyyah, Jismiyyah, Rawāfiḍ dan Khawārij. Karya-karya beliau bertebaran ke serata tempat dan menjadi rujukan ramai ulama selepasnya. Di samping itu, beliau dikurniakan dengan pengikut yang ramai sehingga keseluruhan ahli hadis dan ahli *al-ra'y* yang tidak terpengaruh dengan Mu'tazilah berada di atas mazhab beliau.[377]

4.9.3 Dakwaan terhadap krediliti Abu al-Ḥasan al-Ash'arī

Mengenai dakwaan Khair Izzah bahawa Abū al-Ḥasan al-Ash'arī tidak memiliki kredibiliti kerana hanya bertaubat daripada fahaman Mu'tazilah pada tahun 310 Hijrah ketika berumur 50 tahun,[378] ia merupakan penyimpangan fakta yang jelas. Ini kerana, guru Mu'tazilah beliau, iaitu Abū 'Alī al-Jubbā'ī dicatatkan dalam karya-karya sejarah meninggal dunia pada tahun 303 Hijrah.[379] Sedangkan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī meninggalkan fahaman Mu'tazilah sebelum kematian gurunya berdasarkan beberapa siri perdebatan yang pernah dinukilkan antara kedua-duanya.[380] Ketika al-Jubbā'ī meninggal dunia, Abū al-Ḥasan al-

---

[376] Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 19-20.
[377] 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn* (Istanbul: Maṭba'ah al-Dawlah, 1928), 309-310.
[378] Lihat perbahasan pada halaman 256.
[379] Shams al-Dīn bin Ibn Khallikān, *Wafiyyat al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān* (Lubnān: Dār al-Thaqāfah, t.t), 4: 267; Abū al-Faḍl al-Hamadānī, *Takmilah Tārīkh al-Ṭabarī* (Beirut: Maṭba'ah al-Kāthūlīkiyyah, 1958), 17; Abū Muḥammad al-Yāfi'ī, *Mir'āh al-Jinān wa 'Ibrah al-Yaqẓān* (Kaherah: Dār al-Kitāb al-Islāmī, 1993), 2: 241.
[380] Antaranya, perdebatan yang melibatkan isu peletakan nama-nama Allāh SWT. Pada akhir perdebatan tersebut, al-Ash'arī menegaskan kepada al-Jubbā'ī bahawa manhaj beliau dalam peletakan nama Allah adalah berdasarkan keizinan syarak dan bukan menggunakan *qiyās 'aqlī*. Ini menunjukkan sewaktu perdebatan ini berlaku, al-Ash'arī telah pun berpegang dengan manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Lihat Tāj al-Dīn al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā* (Kaherah: Hajr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1413H), 3: 358-359.

University of Malaya

Ash‘arī berumur 43 tahun. Jika ditolak dengan umur baligh menurut pendapat jumhur ulama iaitu lima belas tahun[381], bermakna beliau hanya berpegang dengan fahaman Mu‘tazilah selama 28 tahun, bukan 40 tahun seperti yang dinukilkan dalam sesetengah riwayat.

Manakala baki umurnya selama 21 tahun dimanfaatkan untuk membantah golongan Mu‘tazilah dan ahli bid‘ah yang lain. Ibn Fūrak mengatakan, karya-karya beliau yang membela Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah mula tersebar selepas tahun 300 Hijrah sehingga ke tahun 324 Hijrah.[382] Antaranya adalah karya beliau yang khusus dalam membantah akidah bekas gurunya, al-Jubbā’ī setebal 40 juzuk.[383] Dalam kitab *al-‘Amd fī al-Ru’yah*, beliau menyenaraikan beberapa judul karyanya. Topik yang dibahaskan amat luas, antaranya bantahan terhadap golongan Mulḥidīn (Ateisme), Mushabbihah, Mujassimah, Mu‘tazilah, Qadariyyah, Syiah, Hinduisme, Yahudi, Nasrani dan Majusi, perbandingan *firaq Islāmiyyah* dan lain-lain.[384] Jumlah karya beliau dikatakan melebihi 300 buah.[385] Dengan apa yang telah dilakukan oleh beliau, ia termasuk dalam kategori mereka yang telah menyatakan taubat,[386] memperbaiki amalan dan menjelaskan kepada manusia dengan apa yang dipegang sebelumnya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 160:

إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ وَأَصْلَحُوا۟ وَبَيَّنُوا۟ فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ ۚ وَأَنَا ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٦٠﴾

Terjemahan:
“Kecuali orang-orang yang bertaubat, dan memperbaiki (amal buruk mereka) serta menerangkan (apa yang mereka sembunyikan); maka orang-orang itu,

[381] Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah-al-Kuwayt, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwait: Dār al-Salāsil, 1404H), 8: 192.
[382] ‘Alī bin al-Ḥasan bin ‘Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī fīmā Nusib Ilā Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1404H), 127.
[383] *Ibid*., 128.
[384] *Ibid*., 128-134.
[385] *Ibid*., 136.
[386] Diriwayatkan bahawa Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī telah mengasingkan diri selama 15 hari, sebelum muncul dan mengisytiharkan diri bertaubat daripada pegangan Mu‘tazilah. Beliau melakukan perisytiharan tersebut di atas mimbar Masjid Baṣrah selepas menunaikan solat Jumaat dengan disaksikan oleh umat Islam. Lihat Ibn ‘Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī*, 39; al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, 3: 348.

University of Malaya

Aku terima taubat mereka, dan Akulah Yang Maha Penerima Taubat, lagi Maha Mengasihani."

Justeru, biarpun Abū al-Ḥasan al-Ash 'arī pernah menganut Mu'tazilah akibat terkesan dengan didikan al-Jubbā'ī, iaitu bapa tirinya semenjak kecil, namun beliau akhirnya kembali menganut pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Menurut Ibn Fūrak, bapa kandung beliau iaitu Abū Bashr, Ismā'īl bin Isḥāq merupakan seorang ahli hadis berfahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Sebelum meninggal dunia, Abū Bashr telah mewasiatkan supaya al-Ash'arī menuntut dengan seorang imam hadis iaitu Zakariyyā bin Yaḥyā al-Sājī.[387] Bermakna, pada peringkat awal, al-Ash'arī telah pun dididik dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sehingga ibunya berkahwin dengan al-Jubbā'ī, yang kemudian mengubah didikannya kepada Mu'tazilah.[388]

Walau bagaimanapun, setelah meninggalkan Mu'tazilah, beliau kembali melazimi al-Sājī. Menurut al-Dhahabī, al-Ash'arī menukilkan kata-kata salaf mengenai sifat Allah daripada al-Sājī dan mengikuti banyak pendapat al-Sājī dalam karya-karyanya.[389] Selain itu, al-Ash'arī didapati banyak meriwayatkan hadis dalam tafsirnya daripada para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah di Baṣrah seperti; 'Abd al-Raḥmān bin Khalaf al-Ḍabbī[390], Abū Khalīfah al-Jamḥī[391] dan Muḥammad bin Ya'qūb al-Muqri'.[392] Malah, salah seorang guru al-

---

[387] *Ibid*., 35; Zakariyyā bin Yaḥyā al-Sājī, seorang imam hadis, shaykh dan mufti penduduk Baṣrah. Beliau terkenal dengan dua buah karya iaitu *Ikhtilāf al-'Ulamā'* dan *'Ilal al-Hadīth*. Meninggal dunia pada tahun 307 Hijrah. Lihat al-Dhahabī, *Siyar A'lā al-Nubalā'*, 14: 198.

[388] 'Abd al-Qādir bin Muḥammad al-Qurashī, *al-Jawāhir al-Muḍiyyah fī Ṭabaqāt al-Ḥanafiyyah* (Kratchi: Mīr Muḥammad Khutub Khānah, t.t), 2: 247.

[389] Ibn 'Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī*, 35; al-Dhahabī, *Siyar A'lā al-Nubalā'*, 14: 198.

[390] Beliau adalah 'Abd al-Raḥmān bin Khalaf bin al-Ḥuṣayn al-Ḍabbī. Antara yang meriwayatkan hadis daripadanya Abū Muḥammad bin Ṣā'id, al-Qāḍī Abū Muḥammad al-Muḥāmilī, Muḥammad bin Ja'far al-Maṭīrī dan Ismā'īl bin al-Ṣaffār. Meninggal dunia pada tahun 279 Hijrah di Baṣrah. Ibn 'Asākir menukilkan beliau sebagai salah seorang guru kepada al-Ash'arī. Lihat al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, 10: 275; Ibn 'Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī*, 400.

[391] Beliau adalah al-Faḍl bin al-Ḥubab. Lahir pada tahun 206 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 305 Hijrah. Al-Dhahabī menyifatkan beliau sebagai seorang muhaddith yang *thiqah*. Al-Dhahabī, al-Subkī dan Ibn 'Asākir antara yang menukilkan bahawa al-Ash'arī telah berguru dengannya. Lihat al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 14: 8, 15: 86; al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, 3: 355; Ibn 'Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī*, 400.

[392] Beliau adalah Abū al-'Abbās Muḥammad bin Ya'qūb bin al-Ḥajjāj al-Taymī, al-Baṣrī al-Muqri'. Meninggal dunia di Baṣrah selepas tahun 330 Hijrah. Al-Subkī dan Ibn 'Asākir menukilkan beliau sebagai salah seorang guru al-Ash'arī. Lihat Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār 'alā al-Tabaqāt wa al-*

University of Malaya

Ash‘arī iaitu al-Ḍabbī meninggal dunia pada tahun 279 Hijrah ketika al-Ash‘arī berumur 19 tahun. Ia memberi petunjuk bahawa al-Ash‘arī tetap melazimi para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah walaupun ketika beliau masih menganut fahaman Mu‘tazilah. Ia akhirnya mendorong beliau untuk kembali semula kepada pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

4.9.4 Dakwaan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebuah pakatan yang rapuh

Mengenai dakwaan Faisal Tehrani bahawa mazhab-mazhab akidah dan fiqah yang terdapat dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah merupakan sebuah pakatan yang rapuh, ini adalah kesalahfahaman beliau dalam menilai Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai sebuah aliran yang merangkumi disiplin akidah dan fiqah. Istilah pakatan yang digunakan oleh Faisal Tehrani tidak wajar disandarkan kepada mazhab-mazhab di bawah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Tidak pernah dicatatkan dalam mana-mana karya bahawa terdapat mazhab-mazhab tertentu yang berpakat lalu bergabung membentuk satu pakatan yang dinamakan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Sebaliknya, sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah merupakan istilah yang bersumberkan dalil syarak yang telah pun digunapakai sejak zaman para *al-sahabah*, jauh sebelum kemunculan mazhab-mazhab tersebut.

Dari sudut akidah, seluruh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah bersepakat bahawa iktikad mereka adalah satu walaupun berbeza dari sudut pendekatan dan disiplin yang disusun.[393] Sekalipun wujud perselisihan pendapat antara Ashā‘irah dan Māturīdiyyah dalam permasalahan tertentu, ia hanya dalam perkara furuk yang tidak membawa kepada kafir mengkafir atau bid‘ah membid‘ah antara satu sama lain.[394] Demikian jua perbezaan pendapat

---

A‘ṣār (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1404H), 1: 286; al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, 3: 355; Ibn ‘Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī*, 400.

[393] Al-Zabīdī, *Ittiḥāf al-Sādah al-Muttaqīn*, 2: 5.

[394] Al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, 3: 378; Ibn ‘Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī*, 409; al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātīḥ*, 1: 383 .

University of Malaya

yang terjadi antara mazhab-mazhab fiqah, ia berlaku atas dasar ijtihad dalam perkara yang dibenarkan oleh syarak. Kerana itu, mazhab-mazhab fiqah Ahl al-Sunah wa al-Jamā'ah bukan sekadar terbatas kepada empat, bahkan meliputi semua mazhab para *al-sahabah* dan tabi'īn.[395] Dengan kata lain, perselisihan pendapat dalam persoalan fiqah merupakan perkara yang lazim berlaku sama ada antara mazhab atau dalam sesebuah mazhab yang sama.

Hal ini turut berlaku dalam aliran Shi'āh. Lebih kritikal apabila berlaku perselisihan pendapat dalam perkara *uṣūl* sehingga menyebabkan Syiah terpecah kepada lima kumpulan besar, iaitu Syiah Ghulāh, Syiah Zaydiyyah, Syiah Kaysāniyyah, Syiah Imāmiyyah dan Syiah Ismā'īliyyah. Syiah Ghulāh terpecah pula kepada 24 kumpulan, Kaysāniyyah kepada enam kumpulan, Zaydiyyah kepada sembilan kumpulan, Imāmiyyah kepada 39 kumpulan dan Ismā'īliyyah terpecah kepada lapan kumpulan.[396] Ithnā 'Ashariyyah termasuk dalam kalangan Syiah Imāmiyyah. Mereka menganggap golongan selain daripada mereka sebagai kafir. Ketika membicarakan isu kenajisan golongan yang menyalahi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, al-Khaw'ī mengatakan golongan yang menyalahi mereka diakui keislamannya secara zahir, walaupun mereka pada hakikatnya adalah kafir di akhirat kelak.[397]

Dalam masa yang sama, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri berpecah kepada dua aliran utama iaitu Ikhbāriyyah dan Uṣūliyyah. Kumpulan Ikhbāriyyah mengharamkan ijtihad ke atas faqīh kerana ia tidak maksum. Namun demikian, realiti semasa menyedarkan sebahagian mereka akan kepincangan pegangan tersebut lalu mengambil pendirian mengharuskan ijtihad. Kelompok ini dikenali sebagai beraliran Uṣūliyyah. Kedua-dua aliran ini menyaksikan pertentangan yang sengit sehingga ke peringkat kafir mengkafir dan

---

[395] Abū Isḥāq al-Shīrāzī, *Ṭabāqāt al-Fuqahā'* (Beirut: Dār al-Rā'id al-'Arabī, 1970).
[396] Nāṣir al-Dīn al-Hindī, *al-Suyūf al-Mushriqah wa Mukhtaṣar al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah* (Kaherah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī, 2008), 59.
[397] Al-Mirzā 'Alī al-Ghurawī al-Tabrīzī, *al-Tanqīḥ fī Sharḥ al-'Urwah al-Wuthqā Taqrīran li Baḥth Āyah Allāh al-'Uẓmā al-Sayid Abū al-Qāsim al-Mūsawī al-Khaw'ī* (Qom: al-Hādī li al-Maṭbū'āt, 1410H), 3: 87.

University of Malaya

menghalalkan darah antara satu sama lain.[398] Menurut al-Ṭabāṭabā'ī, istilah al-Ikhbārī dan al-Uṣūlī telah menggugat kesatuan kelompok Syiah. Ia menyumbang kepada perpecahan, perlecehan dan cacian antara satu sama lain.[399]

Kedua-dua pihak saling bantah membantah hingga ke peringkat kafir mengkafir bahkan sebahagian mereka berfatwa mengharamkan solat di belakang kelompok yang tidak sealiran dengannya.[400] Terdapat juga kalangan para ulama Ikhbāriyyah yang tidak menyentuh karya-karya ulama Uṣūliyyah kecuali dengan berlapik kerana menganggap kenajisannya.[401] Menurut al-Mallāḥ, Ithnā 'Ashariyyah terbahagi kepada Uṣūliyyah, Ikhbāriyyah, Shaykhiyyah, Kashfiyyah, Rukniyyah, Karīmkhāniyyah dan Qazlabāshiyyah, semuanya termasuk dalam kelompok Ithnā 'Ashariyyah, namun mereka saling kafir mengkafir satu sama lain.[402]

Dalam pada itu, berlaku pula khilaf dalam kalangan golongan Uṣūliyyah berkenaan isu *Wilāyah al-Faqīh*. Sebahagian mengatakan, *Wilāyah al-Faqīh* harus diserahkan kepada individu yang tidak maksum iaitu seorang faqīh. Ia akan bertindak sebagaimana kuasa yang ada pada seorang imam maksum. Sebahagian pula mengatakan, *Wilāyah al-Faqīh* tidak boleh diserahkan kepada seorang yang tidak maksum walaupun ia seorang faqīh. Bagi yang mendukung *Wilāyah al-Faqīh*, mereka mengeluarkan fatwa murtad terhadap golongan yang menentang konsep tersebut. Pada 2010, kepimpinan tertinggi Iran, 'Alī Khāmana'ī telah

---

[398] Muḥammad Ḥasan Āl al-Ṭāliqānī, *al-Shaykhiyyah, Nash'atuha wa Taṭawwaruha wa Maṣādir Dirāsatiha* (Baghdad: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 2007), 38-42.
[399] Muḥammad Sa'īd al-Ḥakīm al-Ṭabāṭabā'ī, *al-Uṣūliyyah wa al-Ikhbāriyyah: Bayn al-Asmā' wa al-Wāqi'* (Najaf: Dār al-Hilāl, 2005), 12.
[400] Muḥammad Jawwād Mughniyah, *Ma' 'Ulamā' al-Najaf al-Ashraf* (Beirut: Dār al-Jawwād, 1992), 74.
[401] Āl al-Ṭāliqānī, *al-Shaykhiyyah*, 39.
[402] Maḥmūd al-Mallāḥ, *al-Ārā' al-Ṣarīḥah li Binā' Qawmiyyah Ṣaḥīḥah* (Baghdad: Maṭba'ah Dār al-Salām, 1956), 81.

University of Malaya

mengisytiharkan secara terbuka bahawa dirinya merupakan pengganti (sementara) Imam al-Mahdī dan Rasulullah SAW, dan mentaatinya adalah wajib.[403]

Beberapa orang tokoh ulama dan pemimpin Iran yang mendukung kuat *Wilāyah al-Faqīh* seperti Muḥammad Taqī Miṣbāḥ Yazdī[404], Maḥmūd Nabwiyān, Ghulām Ḥusayn Ghīb Barūr dan ‘Abd Allāh Ḥājī Ṣādiqī menyifatkan penentang *Wilāyah al-Faqīh* sebagai terkeluar daripada Islam, syirik kepada Allah bahkan setaraf dengan pembunuh Ḥusayn.[405] Perpecahan yang melibatkan semua peringkat aliran Syiah ini menunjukkan ia bukan sebuah mazhab yang berdiri di atas asas atau sumber yang sama. Biarpun kesemua cabang aliran tersebut mendakwa berpegang kepada Ahl al-Bayt, namun hakikatnya ia sekadar dakwaan semata-mata. Sebaliknya majoriti aliran tersebut muncul akibat kefanatikan kepada tokoh masing-masing sehingga membelakangkan sumber agama yang asli iaitu al-Qur’an dan al-Sunnah.

Ini bermakna, secara perbandingan, pihak Syiah tidak boleh mendabik dada menuduh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai sebuah mazhab yang rapuh hanya berpandukan kepada perkara-perkara khilaf atau persengketaan segelintir penganut mazhab yang berpunca daripada rasa taksub dan fanatik. Sesungguh perpecahan yang terjadi kepada kelompok-kelompok Syiah itu jauh lebih besar dan mendasar sehingga tidak mungkin disatukan lagi.

4.9.5 Dakwaan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah terputus daripada *al-sahabah*

Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah cuba menutup perpecahan mereka sendiri dengan memperbesar-besarkan perbezaan pendapat yang wujud dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ia dilakukan dengan tanggapan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah itu tidak asli, mazhab

---

[403] “Khāmana’ī: Anā nā’ib al-Mahdī al-Muntaẓar wa ṭā‘atī wajibah ‘ala al-jamī‘”, Al Arabiya, https://www.alarabiya.net/articles/2010/07/22/114511.html. 14 November 2017.

[404] “Al-abb al-rūḥī li Aḥmadī Nijād: Man lam yaqbal bi ḥukm Wilāyah al-Faqīh yu‘add murtadan”, Al Arabiya, https://www.alarabiya.net/articles/2010/06/14/111324.html. 14 November 2017.

[405] “Ustādh fī Ḥawzah Qom, ghair al-mu’min bi Wilāyah al-Faqīh murtadd”, Ṣuḥf.net, https://www.suhf.net/world/315998/أستاذ-في-حوزة-قم-غير-المؤمن-بولاية-الفقيه-مرتد---صحف-نت. 14 November 2017.

University of Malaya

baharu dan terputus daripada Rasulullah SAW dan para *al-sahabah*. Pandangan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ini bertentangan dengan susur galur keilmuan yang diperoleh oleh para imam mazhab empat sebagaimana yang diiktikadkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ini kerana, sedia dimaklumi bahawa keempat-empat imam tersebut mengambil ilmu daripada silsilah yang bersambung hingga kepada para *al-sahabah* Rasulullah SAW. Al-Imām Abū Ḥanīfah mengambil kebanyakan ilmu dan fiqahnya daripada guru tersohor beliau iaitu Ḥammād bin Abī Sulaymān. Ḥammād pula merupakan murid kepada Ibrāhīm al-Nakha‘ī al-Sha‘bī, manakala kedua-duanya pula mengambil ilmu daripada Shurayh al-Qāḍī, ‘Alqamah bin Qays, Masrūq al-Ajda‘ dan lain-lain yang merupakan murid kepada dua orang tokoh *al-sahabah* tersohor iaitu ‘Alī bin Abī Ṭālib dan ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd.[406]

Al-Imām Mālik terkenal mengambil ilmunya daripada penduduk Madīnah. Manakala penduduk Madīnah pula memperoleh ilmu daripada para ahli fiqah yang tujuh.[407] Sedangkan mereka adalah murid kepada para *al-sahabah* Rasulullah SAW seperti Zayd bin Thābit dan ‘Abd Allāh bin ‘Umar.[408] Al-Imam al-Shāfi‘ī pula membentuk keilmuannya menerusi penduduk Makkah yang mewarisi ilmu daripada ‘Abd Allāh bin ‘Abbās, kemudian beliau turut mengambil ilmu daripada al-Imām Mālik.[409] Demikian juga al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal yang mengikuti mazhab Ahli Hadīth. Beliau mengambilnya daripada Sufyān bin ‘Uyaynah dan ‘Amru bin Dīnar daripada Ibn ‘Abbās dan Ibn ‘Umar serta selain mereka.[410]

Lebih daripada itu, terdapat ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah mengakui kebersambungan ilmu keempat-empat imam tersebut dengan para *al-sahabah* termasuk ‘Alī

---

[406] Muḥammad Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t), 335.
[407] Mereka adalah Sa‘īd bin al-Musayyib, ‘Urwah bin Zubayr, Khārijah bin Zayd, al-Qāsim bin Muḥammad, Abū Bakr bin ‘Abd al-Raḥmān, Sulaymān bin Yasār dan ‘Ubayd Allāh bin ‘Abd Allāh bin ‘Utbah bin Mas‘ūd. Lihat Shams al-Dīn bin al-Qayyim al-Jawziyyah, *I‘lām al-Muwaqqi‘īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn* (Beirut: Dār al-Jīl, 1973), 1: 23.
[408] Muḥammad Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, 373.
[409] *Ibid.*, 411.
[410] *Ibid.*, 456.

University of Malaya

bin Abī Ṭālib sendiri. Al-Ḥillī mengatakan, Abū Ḥanifah merupakan murid Ja‘far al-Ṣādiq, al-Ṣādiq pula murid kepada al-Bāqir, al-Bāqir murid kepada Zayn al-‘Ābidīn, Zayn al-‘Ābidīn menuntut dengan al- Ḥusayn dan al-Ḥusayn menuntut dengan bapanya, ‘Alī bin Abī Ṭālib. Mālik pula murid kepada Rabī‘ah al-Ra’y, Rabī‘ah murid kepada ‘Ikrimah, ‘Ikrimah murid kepada Ibn ‘Abbās dan Ibn ‘Abbās murid kepada ‘Alī. Al-Shāfi‘ī juga sama kerana menuntut dengan murid Abū Ḥanifah iaitu Muḥammad bin al-Ḥasan. Demikian jua Aḥmad bin Ḥanbal yang menuntut dengan al-Shāfi‘ī, maka fiqah kedua-duanya kembali kepada ‘Alī.[411]

Demikian juga akidah Ashā‘irah yang digagaskan oleh al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī dan dianut oleh majoriti penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah di dunia, ia bukan suatu mazhab baharu yang terputus daripada Rasulullah SAW dan para *al-sahabah* seperti yang dinyatakan oleh Faisal Tehrani. Sebaliknya, mazhab yang dipegang oleh al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī adalah berpandukan nas-nas al-Qur’an, al-Sunnah sebagaimana yang difahami oleh salafussoleh. Al-Imām Tāj al-Dīn al-Subkī mengatakan ketika menjawab persoalan mengenai gelaran al-Ash‘arī terhadap para penganut mazhabnya:

> “Ketahuilah bahawa Abū al-Ḥasan tidak mereka-reka pendapat dan mengasaskan mazhab (baharu), akan tetapi beliau memperakui mazhab salaf dan memperjuangkan apa yang dipegang oleh para *al-sahabah* r.a.h. Penyandaran (gelaran) kepadanya, berdasarkan (usaha) beliau meletakkan jalan salaf sebagai suatu landasan, berpegang (kukuh) dengannya dan menegakkan hujah dan bukti ke atasnya. Ini menjadikan orang yang mengikutinya pada hal tersebut dan melalui jalannya dalam mengambil dalil-dalil digelar sebagai Ash‘arī”.[412]

Oleh yang demikian, terbukti bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah merupakan sebuah mazhab yang terbangun di atas susur galur keilmuan yang bersambung kepada para *al-sahabah*, seterusnya kepada junjungan besar Rasulullah SAW. Ia bukan sebuah mazhab

---

[411] Al-Ḥillī, *Kashf al-Yaqīn*, 58; Al-Muẓaffar al-Najafī, *Dalā’il al-Ṣidq*, 6: 331.
[412] Tāj al-Dīn al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi‘yyah al-Kubrā*, 3: 365.

University of Malaya

baharu yang wujud pada zaman terkemudian hasil daripada krisis politik antara ‘Alī dan Mu‘āwiyah atau muncul berasaskan retorika menentang fahaman Mu‘tazilah yang berleluasa pada era ‘Abbāsiyyah. Sebaliknya, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah itu tidak lain merupakan ajaran asal yang diwariskan oleh Rasulullah SAW kepada umat ini. Ia menjadi pembeza antara dua golongan umat Islam. Segolongan yang masih kekal di atas manhaj Baginda, digelarkan dengan pengikut al-Sunnah dan al-Jamā‘ah. Sementara segolongan lagi yang tersasar daripada manhaj Baginda seperti Syiah, Khawārij, Murji’ah, Qadariyyah, Jabariyyah, Mujassimah, Mulḥidah dan lain-lain.

4.10 Kesimpulan

Berdasarkan perbahasan dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa karya-karya Syiah berbahasa Melayu tersebut telah membentangkan keraguan-keraguan (*shubuhāt*) mengenai konsep *al-ṣaḥābah* dengan menyentuh pelbagai aspek. Dua pendekatan yang digunakan bagi menimbulkan keraguan-keraguan tersebut. Pertama, dengan menyasarkan keraguan tersebut secara langsung kepada *al-sahabah* seperti mendatangkan riwayat-riwayat yang memperlihatkan kekurangan dan keburukan para *al-sahabah* disusuli dengan komentar yang mengukuhkan ketidakadilan mereka. Kedua, dengan menujukan keraguan tersebut secara tidak langsung kepada *al-sahabah* bagi tujuan menimbulkan persoalan atau tanda tanya ke dalam minda para pembaca. Antaranya seperti menafikan perkataan *al-sahabah* sebagai istilah yang bersandarkan syarak, mendiamkan keistimewaan dan kelebihan *al-sahabah*, menzahirkan pertentangan antara *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt dan seumpamanya.

Berasaskan analisis pengkaji, istilah *al-sahabah* sabit menerusi sumber al-Qur’an dan al-Sunnah. Ia bukan istilah yang direka-reka dan disandarkan kepada syarak sebagaimana dakwaan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Salah faham terhadap definisi *al-sahabah*

University of Malaya

sengaja ditimbulkan dengan menyamakan keadilan para *al-sahabah* dengan kemaksuman para nabi dan rasul. Sedangkan keadilan para *al-ṣaḥābah* adalah ketinggian iman dan taqwa mereka sehingga dipersaksikan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW, bukan bermaksud keterpeliharaan mereka daripada dosa. Di samping tiada hujah dan dalil yang kukuh oleh ketiga-tiga penulis dan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah bagi menafikan keadilan para *al-sahabah*. Bahkan terdapat banyak dalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang mengisyaratkan kepada kemuliaan dan keadilan para *al-sahabah* di sisi Rasulullah SAW dan Ahl al-Bayt.

Mengenai pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah, ketiga-tiga karya gagal mengemukakan hujah yang kukuh untuk mempertikaikan pelantikan tersebut. Sumber rujukan yang dibentangkan lebih bersifat manipulasi fakta, riwayat yang bermasalah, nukilan yang tidak beramanah atau rujukan yang tidak berautoriti. Usaha bagi mengujudkan persepsi permusuhan antara Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah* juga gagal untuk menafikan hubungan baik antara Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah* sebagaimana yang tercatat dalam al-Sunnah dan sirah. Walau bagaimanapun, Syiah bersikap oportunis dengan menjadikan konflik yang berlaku antara *al-sahabah* dalam perang Jamal dan Ṣiffīn sebagai pembeza antara kumpulan yang hak dan batil, seterusnya menanggapi mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai sebuah mazhab politik yang diasaskan oleh Mu'āwiyah. Namun terbukti bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan sebuah mazhab yang terbangun di atas kesinambungan para *al-sahabah*, yang mewarisi keilmuan mereka daripada Rasulullah SAW.

Kesimpulannya, semua keraguan terhadap *al-sahabah* ini dibentangkan dengan berasaskan hujah-hujah naqliah dan akliah bersumberkan karya-karya tafsir, hadis, sirah, sejarah dan lain-lain. Walau bagaimanapun, menerusi analisis yang dilakukan, ditemui banyak pengkhianatan ilmiah dalam menyandarkan sesebuah karya atau riwayat atau pendapat itu kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Dalam sesetengah isu, para penulis tersebut mengkritik Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, padahal isu yang sama juga berlaku dalam

University of Malaya

ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah, bahkan situasinya lebih meragukan. Ini memperlihatkan apa yang dibentangkan dalam ketiga-tiga karya tersebut lebih cenderung kepada propaganda bagi menjatuhkan institusi *al-sahabah* dan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Secara tidak langsung menonjolkan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sebagai mazhab yang wajib dianuti.

University of Malaya

BAB 5 : PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan penutup dan kesimpulan bagi keseluruhan kajian yang telah dijalankan dalam bab-bab terdahulu. Dalam bab ini, pengkaji akan membentangkan rumusan kajian hasil daripada analisis yang telah dilakukan terhadap konsep *al-ṣaḥābah* sebagaimana yang terkandung dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berbahasa Melayu terpilih. Selaras dengan itu, beberapa saranan dan cadangan turut dikemukakan sebagai kesinambungan daripada dapatan kajian.

5.2 RUMUSAN

Secara umumnya, kajian mendapati bahawa asas-asas pemikiran mengenai konsep *al-ṣaḥābah* yang terkandung dalam karya-karya Syiah berbahasa Melayu terpilih adalah bertepatan dengan pemikiran asal Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Terdapat sekurang-kurangnya enam tema yang diangkat dalam karya-karya tersebut iaitu; definisi *al-sahabah*, keadilan para *al-sahabah* menurut al-Qur'an dan al-Sunnah, pelantikan *al-sahabah* sebagai khalifah, pendirian Ahl al-Bayt terhadap *al-sahabah*, konflik antara *al-sahabah* dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab *al-sahabah*. Sebahagian karya menyentuh keseluruhan tema tersebut dan sebahagiannya menyentuh beberapa sahaja daripada tema tersebut. Berlatarkan tema-tema tersebut, karya-karya berkenaan menjadi alat propaganda bagi mempromosikan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ke tengah-tengah masyarakat Islam di Malaysia, di samping menyanggah kepercayaan tradisi umat Islam yang berpegang dengan iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

University of Malaya

Bermula dengan penolakan terhadap legitimasi istilah *al-sahabah* dari sudut syarak, karya-karya tersebut mempersoalkan konsep keadilan *al-sahabah* yang dipegang oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Hal-hal yang dianggap tabu dalam iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, dibuka seluas-luasnya bagi mengkaji dan menilai kedudukan para *al-sahabah*. Fokus diberikan kepada isu kekhalifahan para *al-sahabah*, konflik antara *al-sahabah* dan pendirian Ahl al-Bayt menurut perspektif Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Nama-nama tokoh dan karya-karya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah turut dieksploitasi dan dimanipulasi bagi mengukuhkan lagi argumentasi yang diketengahkan. Konsekuensi daripada keseluruhan perbahasan dalam ketiga-tiga karya tersebut berakhir dengan penafian terhadap keabsahan dan keaslian mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Bagi menjelaskan lagi dapatan kajian ini, pengkaji akan membentangkannya berdasarkan setiap objektif yang telah disasarkan.

5.2.1 Dapatan objektif pertama

Merujuk kepada objektif pertama, kajian menyimpulkan bahawa Syiah bukan aliran terawal yang bertapak di Malaysia dan dianut oleh masyarakat Melayu. Fakta-fakta sejarah menunjukkan aliran terawal yang sampai ke Alam Melayu adalah aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ini kerana, Islam telah sampai ke Alam Melayu sejak kurun pertama hijrah lagi. Pada zaman Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb, ramai kalangan orang Parsi yang memeluk Islam, sekaligus memberi kesan kepada keturunan Parsi yang berada di Perlak dan Pasai. Para pedagang Arab yang bermastautin di China turut memeluk Islam setelah berlaku pengislaman seluruh Semenanjung Tanah Arab. Bukti-bukti penyebaran Islam di Nusantara menjadi lebih konsisten dan jelas pada era Kerajaan Bani Umaiyyah dan Bani 'Abbāsiyyah.

Pada tahun 674 Masihi, wujud penempatan orang-orang Arab Islam di pantai barat Sumatera. Semua ini menguatkan lagi tarikh kedatangan Islam ke Nusantara bermula sejak

University of Malaya

abad ke-7 Masihi atau kurun pertama hijrah dengan dipelopori oleh para pedagang Arab. Selain itu, para pendakwah yang datang ke Nusantara juga meninggalkan kesan yang amat mendalam terhadap corak mazhab yang dianut oleh penduduk tempatan. Para pendakwah yang datang itu jelas sekali bermazhab Shāfi‘ī dalam bidang fiqh. Hal ini menunjukkan sama ada mereka itu datang dari Arab, China mahupun India, mereka menganut aliran mazhab Shāfi‘ī yang juga berasal usul dari Tanah Arab. Oleh itu, amat sukar untuk menafikan dakwah Islam yang sampai ke Nusantara atau Tanah Melayu secara khususnya, sebagai bukan berasal daripada sumber yang asli iaitu bangsa Arab.

Kajian juga merumuskan versi Islam yang dibawa oleh para pendakwah Arab tersebut tidak lain kecuali ajaran-ajaran bertunjangkan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Teori yang mengatakan para pendakwah tersebut menyebarkan Islam versi Syiah kerana mereka berketurunan sayyid-syarif adalah tersasar jauh. Ini kerana, golongan ‘Alawiyyīn tidak menganut faham Syiah seperti yang didakwa oleh Sayyid ‘Alwī al-Ḥaddād, S.Q Fatimi dan Mahayudin Yahya. Rujukan yang menjadi sandaran mereka adalah kitab *Nihāyah al-Arab fī Funūn al-‘Adab* karya al-Nuwayrī sedangkan al-Nuwayrī sendiri memaksudkan ‘Alawiyyīn semata-mata sebagai keturunan ‘Alī bin Abī Ṭālib bin ‘Abd al-Muṭṭalib. Beliau tidak sekalipun merujuk ‘Alawiyyīn sebagai Syiah kerana di tempat lain dalam karyanya itu beliau turut menggunakan istilah Syiah dan Rāfiḍah bagi merujuk kepada golongan yang menyimpang daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Selain itu, fakta-fakta sejarah yang mengatakan pernah tertubuhnya kerajaan Syiah pertama di Alam Melayu juga dipertikaikan. Ini kerana, pendakwah keturunan Rasulullah SAW iaitu cucu kepada Imam Ja‘far al-Ṣādiq, ‘Alī al-Khāriṣī tidak pernah memiliki anak bernama Sayyid ‘Abd al-‘Azīz Syah yang dikatakan menjadi pemerintah kerajaan Syiah pertama di Perlak. ‘Alī al-Khāriṣī juga tidak pernah dicatatkan berhijrah ke Nusantara. Rujukan pihak Syiah sendiri mengesahkan ‘Alī al-Khāriṣī meninggal dunia di Baghdad serta

University of Malaya

dikuburkan di situ. Ini bertepatan dengan kajian Azyumardi Azra yang menafikan sebarang kewujudan entiti politik muslim di Perlak pada pertengahan abad ke 9M sedangkan Hassan Muarif Ambary pula menolak kewujudan kerajaan Islam awal di Perlak berdasarkan kajian arkeologinya.

Kajian turut menyimpulkan bahawa golongan ‘Alawiyyīn di Nusantara sangat berkait rapat dengan golongan ‘Arab Ḥaḍramī iaitu bangsa Arab yang berasal dari Ḥaḍramawt, Yaman. Pembentukan keluarga ini bermula daripada Aḥmad bin ‘Īsā yang telah berpindah dari Iraq ke Ḥaḍramawt pada tahun 929M. Beliau telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan Mazhab Shāfi‘ī di Ḥadramawt sekitar tahun 340H sebelum ia tersebar ke seluruh Yaman. Ini bermakna, sejak dahulu lagi golongan ‘Alawiyyīn adalah penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ajaran Sunni empat mazhab yang disebarkan oleh para ḥabā’ib dan kiyai di Nusantara memiliki sanad yang bersambung dengan para pengasas mazhab, tābi‘ al-tābi‘īn, tābi‘īn dan para *al-sahabah*. Mereka menerima akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah tersebut secara bersambung-sambung sehingga sampai kepada keturunan asal mereka iaitu Rasulullah SAW.

Sehubungan itu, teori yang mengatakan Syiah sebagai aliran yang terawal dianuti menerusi pendakwah ‘Alawiyyīn adalah tertolak. Terbukti bahawa golongan ‘Alawiyyīn tidak boleh digeneralisasikan sebagai Syiah. Sementelahan Syiah mempunyai beberapa karakter khusus dari sudut akidah dan syariah yang tidak terdapat pada mana-mana aliran lain. Namun, karakter tersebut tidak wujud pada golongan ‘Alawiyyīn yang menyebarkan Islam di Nusantara. Sebaliknya ciri-ciri khusus Syiah tersebut hanya menular ke tengah-tengah masyarakat Sunni di Malaysia selepas era Revolusi Iran pimpinan Khomeini pada tahun 1979. Semangat revolusi tersebut telah membawa bersama kemasukan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sehingga dilihat semakin berkembang di sekitar negeri-negeri di Malaysia. Walaupun terdapat aliran Syiah lain yang lebih awal wujud sebelum

University of Malaya

kemerdekaan Tanah Melayu seperti Syiah Dawoodi Bohra dan Syiah Agha Khan, namun kedua-dua kelompok tersebut lebih bersifat eksklusif dan tidak menyebarkan fahaman mereka ke tengah-tengah masyarakat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Justeru, ajaran Syiah atau secara khususnya aliran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah hanya tersebar di Malaysia selepas era Revolusi Iran 1979. Penyebaran ajaran ini berasaskan beberapa medium utama iaitu menerusi parti politik tertentu yang terpengaruh pada awalnya dengan pendekatan Iran menjatuhkan sistem sekular dan membangunkan pemerintahan Islam, peranan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan, penghantaran para pelajar ke Iran, perkahwinan mut'ah dan fatwa menarik mengenai seks, mendakwa Syiah sebagai sebuah mazhab Islam yang sah, mengeksploitasi perjuangan isu Palestin dan al-Quds dan penggunaan saluran hak asasi manusia. Secara kesimpulannya, pengaruh Revolusi Iran 1979 menjadi penyumbang terbesar kepada kemasukan dan penyebaran fahaman Syiah di Malaysia.

Kajian juga menyimpulkan, karya-karya Syiah berbahasa Melayu memainkan peranan yang amat penting pada awal permulaan penyebaran Syiah di Malaysia. Karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah didapati mula tersebar selepas Revolusi Iran 1979 seiring dengan penyebaran ajaran tersebut di Malaysia. Kebanyakan karya tersebut adalah terjemahan daripada karya-karya karangan tokoh-tokoh Syiah di Iran. Kerja-kerja penterjemahan pula banyak dilakukan oleh para pensyarah IPTA warga tempatan yang terpengaruh dengan fahaman Syiah. Seterusnya penyebaran Syiah memasuki fasa baharu apabila mula menghebahkan ajaran mereka ke tengah-tengah masyarakat awam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Sedangkan pada peringkat awal penyebaran Syiah pada tahun 80-an dan 90-an, tidak berlaku sebarang bentuk pendakyahan Syiah secara terbuka dan berterus terang. Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 dan ke atas, umat Islam digemparkan dengan penyebaran karya-karya berisi ajaran Syiah yang disebarkan kepada umum secara percuma.

University of Malaya

Kebanyakan isi kandungan karya-karya tersebut bersifat provokatif dan konfrantatif terhadap aliran arus perdana, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Status para *al-sahabah* yang memiliki kedudukan tinggi dalam iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagaimana dihuraikan dalam karya-karya turāth para ulama Nusantara sejak turun temurun, cuba dirungkai dan dipertikaikan menerusi karya-karya tersebut.

5.2.2 Dapatan objektif kedua

Merujuk kepada objektif kedua, kajian menyimpulkan bahawa ketiga-tiga karya Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berbahasa Melayu memiliki pendekatan yang tipikal dengan karya-karya asal para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Bermula dengan definisi *al-sahabah*, ia didakwa sebagai istilah yang tidak ditentukan syarak, akan tetapi sekadar perbendaharaan kata yang wujud dalam Bahasa Arab yang digunakan secara umum dalam al-Qur’an mahupun hadis. Akan tetapi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah telah mengangkat perkataan *al-sahabah* menjadi istilah khas yang ditentukan oleh syarak dan terkait dengan keistimewaan tertentu bersandarkan riwayat-riwayat yang direkacipta. Sedangkan bagi Syiah, istilah *al-sahabah* tidak memiliki apa-apa erti yang signifikan kepada syarak kecuali kerana ia disandarkan kepada Nabi SAW. Sekalipun begitu, perkataan *al-sahabah* kekal sebagai istilah umum bagi sesiapa yang ber*al-sahabah* dengan Nabi SAW atau melihat atau mendengar hadisnya tanpa mengira ia mukmin, munafik, murtad, adil, fasiq, baik mahupun jahat.

Berasaskan definisi tersebut, ketiga-tiga penulis berpendapat al-Qur’an memiliki dua pendekatan dalam berinteraksi dengan para *al-sahabah*. Pertama, memuji dan menyatakan reda Allah SWT ke atas mereka. Kedua, menempelak dan tidak meredai niat mahupun perbuatan mereka. Ini menunjukkan al-Qur’an tidak meletakkan *al-sahabah* sebagai generasi terbaik secara mutlak. Sebaliknya al-Qur’an menilai mereka bergantung kepada keimanan

University of Malaya

dan amal perbuatan. Pandangan al-Sunnah terhadap *al-sahabah* juga selari dengan apa yang dibentangkan dalam al-Qur'an. Para *al-sahabah* hanya dianggap manusia biasa yang tidak memiliki apa-apa kelebihan berbanding golongan bukan *al-sahabah*. Terlalu banyak hadis yang diriwayatkan dalam sumber rujukan utama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang mengisyaratkan kepada kemungkaran dan keburukan para *al-sahabah*. Justeru, prinsip Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menetapkan keadilan semua *al-sahabah* adalah tertolak kerana didakwa bertentangan dengan nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah.

Ketiga-tiga karya tersebut secara konsisten menolak prinsip keadilan para *al-sahabah*. Sebagaimana keadilan setiap orang perlu dinilai, para *al-sahabah* juga tidak boleh terlepas daripada dinilai dan dikritik atas segala amal perbuatan mereka. Keadilan para *al-sahabah* dinilai menerusi tiga perkara. Pertama, kecintaan dan permusuhan mereka terhadap Ahl al-Bayt. Kedua, kemungkaran yang dilakukan dan ketiga, kemurtadan mereka selepas kewafatan Rasulullah SAW. Syiah meletakkan para *al-sahabah* itu sama seperti manusia yang lain. Apa yang membezakan antara mereka dengan manusia lain adalah peluang melihat sendiri cahaya kenabian dan berada pada zaman Baginda SAW. Namun, jika mereka menyeleweng, maka penyelewengan dan kesesatan mereka lebih dahsyat daripada manusia lain. Pendirian terhadap keadilan *al-sahabah* ini dianggap sebagai pendekatan pertengahan antara dua golongan yang ekstrem. Iaitu antara golongan yang mengkafirkan para *al-sahabah* secara mutlak dan golongan yang menyatakan keadilan semua *al-sahabah* secara mutlak.

Dengan menolak keadilan *al-sahabah*, ketiga-tiga karya tersebut menafikan kesahan pelantikan Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān sebagai Khulafa al-Rasyidin. Ini kerana, Syiah mengambil sikap yang kritikal dan skeptikal terhadap segala perlakuan dan amal perbuatan para *al-sahabah* dengan alasan bagi menilai keadilan mereka. Kesannya, kelayakan ketiga-tiga khalifah terawal dinafikan kerana mereka didakwa banyak melakukan perbuatan yang

University of Malaya

bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Sebaliknya, Khulafa al-Rasyidin yang sebenar di sisi Syiah adalah 'Alī dan keturunannya yang sebelas orang memandangkan mereka adalah individu dalam kalangan Ahl al-Bayt yang telah dinas oleh al-Qur'an dan diwasiatkan oleh Rasulullah SAW. Manakala ketiga-tiga khalifah terdahulu dianggap sebagai perampas hak Ahl al-Bayt, di samping tidak mendapat sepenuh mandat daripada umat yang berada pada zaman tersebut.

Bagi mengukuhkan pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap para *al-sahabah*, dibentangkan dalil-dalil berupa kata-kata Ahl al-Bayt terutamanya 'Alī dan imam-imam lain selepasnya bagi menzahirkan sikap mereka terhadap para *al-sahabah*. Dari sini Syiah menetapkan kaedah berlepas diri atau *barā'ah* daripada para *al-sahabah* terutama tiga orang khalifah iaitu Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān dan para pendukung mereka. Tidak terhenti setakat itu, kewajipan mencintai Ahl al-Bayt tidak sempurna kecuali dengan menyatakan permusuhan terhadap golongan yang dianggap musuh-musuh Ahl al-Bayt. Bahkan ia kemudiannya ditokohtambah kepada rukun iman. Selain daripada beriman kepada Allah dan Rasul, hendaklah diikuti dengan perakuan terhadap para imam Ahl al-Bayt dan berlepas diri daripada segala musuh mereka.

Perkara seterusnya yang menjadi asas pemikiran Syiah dalam menanggapi konsep *al-ṣaḥābah* adalah mengeskploitasi sepenuhnya konflik yang berlaku antara *al-sahabah* dalam perang *Jamal* dan *Ṣiffīn*. Krisis tersebut didakwa berpunca daripada kemuncak api permusuhan para *al-sahabah* terhadap 'Alī dan Ahl al-Bayt. Teori konspirasi diwujudkan kononnya ia telah dirancang sejak sekian lama oleh tiga orang *al-sahabah* termasuk Abū Bakr dan 'Umar agar jawatan khalifah tidak jatuh ke tangan Banī Hāshim. Justeru, apabila 'Alī dilantik menjadi khalifah, para *al-sahabah* sama sekali tidak boleh menerima keutamaan 'Alī berbanding yang lain lalu mereka berusaha untuk menjatuhkan beliau daripada tampuk pemerintahan. Perbuatan tokoh-tokoh besar *al-sahabah* seperti 'Ā'ishah, Ṭalḥah, Zubayr dan

University of Malaya

Mu‘āwiyah memerangi ‘Alī selaku khalifah yang sah sama sekali tidak boleh diterima sebagai suatu ijtihad. Akan tetapi ia merupakan suatu kemungkaran yang nyata. Bagi Syiah, perbuatan ‘Alī memerangi para *al-sahabah* dalam perang *Jamal, Ṣiffīn* dan *Nahrawān* adalah simbol penentangan ‘Alī terhadap kemungkaran para *al-sahabah* setelah sejak sekian lama bersabar.

Iktikad Syiah yang sentiasa prejudis terhadap para *al-sahabah* menimbulkan kesangsian mereka terhadap mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Karya-karya Syiah berkenaan berpendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah merupakan mazhab yang wujud terkemudian. Ia perkara baharu yang jauh sekali perkaitannya dengan Rasulullah SAW dan sunnahnya. Sebaliknya kemunculan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dikaitkan dengan situasi politik yang berlaku pada zaman Mu‘āwiyah dan selewat-lewatnya pada zaman Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī. Perbuatan menyandarkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai mazhab yang digagaskan oleh Mu‘āwiyah menguatkan kecenderungan Syiah untuk menuduh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai golongan *nawāṣib* sebagaimana yang dibahaskan dalam karya-karya ulama mereka.

5.2.3 Dapatan objektif ketiga

Merujuk objektif ketiga, terlebih dahulu kajian mendapati ketiga-tiga pengkarya sering menekankan kepentingan menyelidik sesuatu perkara, menolak taklid buta dan bersikap adil dalam menilai, namun semua itu sekadar penghias kata-kata bagi meruntun hati pembaca. Walhal penulisan ketiga-tiga karya tersebut sekadar stereotaip kepada karya-karya karangan para penulis Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sebelum mereka. Ini terbukti apabila ditemui beberapa kesilapan dalam nukilan yang tidak sepatutnya berulang kembali. Antaranya seperti menyandarkan rujukan Syiah kepada rujukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, menukilkan perkataan yang tidak wujud dalam sumber yang dirujuk,

University of Malaya

menyandarkan sesuatu pendapat atau riwayat kepada karya ulama tertentu sedangkan ulama tersebut sekadar menghimpunkan pelbagai pendapat sebelum memilih salah satu daripadanya dan menukilkan sesebuah riwayat tetapi mendiamkan komentar ulama yang meriwayatkannya.

Para pengkarya juga sering menggunakan hujah-hujah oportunistik untuk mengambil kesempatan atas kejahilan orang awam mengenai hakikat Syiah. Mereka menampilkan sebanyak mungkin dakwaan kelemahan dan kekurangan yang terkandung dalam riwayat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, walhal riwayat yang seumpamanya turut dinukilkan dalam karya-karya Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Misalnya, Faisal Tehrani mendakwa ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merendahkan martabat wanita kerana meriwayatkan hadis Ḥawwā' diciptakan dari tulang rusuk Adam, namun Faisal tidak pula melontarkan kritikan terhadap Syiah yang turut meriwayatkan perihal yang sama dalam karya-karya mereka.[413] Begitu juga Faisal mengkritik riwayat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mengenai majoriti penghuni neraka adalah kaum wanita, sedangkan riwayat yang seumpamanya turut dinukilkan dalam karya-karya hadis utama Syiah seperti *al-Kāfī*[414] dan *Biḥār al-Anwār*.[415]

Dengan kaedah penulisan yang terlalu berkompromi dengan amanah ilmiah, ditambah pula prinsip-prinsip asas pemikiran Syiah terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, *shubuhāt* atau keraguan yang ditimbulkan oleh ketiga-tiga karya tersebut boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, keraguan yang ditujukan secara langsung kepada *al-sahabah*. Ia seperti membawakan riwayat-riwayat yang secara khusus memperlihatkan kemungkaran individu *al-sahabah* tertentu. Kedua, *shubuhāt* yang ditujukan secara tidak langsung. Antaranya dengan memberikan definisi *al-sahabah* yang bertentangan dengan juhmur ulama,

---

[413] Lihat al-Ṭūsī, *Tahdhīb al-Aḥkām*, 9: 355; al-Māzindarānī, *Manāqib Āli Abī Ṭālib*, 2: 376; al-Ṭabarsī, *al-Iḥtijāj,* 2: 328; al-Ḥurr al-Āmilī, *Wasā'il al-Shī'ah*, 26: 287.
[414] Al-Kulaynī, *al-Kāfī*, 11: 180.
[415] Al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār*, 22: 146.

University of Malaya

mengeksploitasi prinsip *wasaṭiyyah* (pertengahan) dalam mengambil pendirian terhadap keadilan *al-sahabah*, menyemarakkan api permusuhan antara *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt dan lain-lain.

Dalam persoalan definisi *al-sahabah*, Syiah sengaja menggunakan hujah dari segi bahasa bagi menyimpangkan maksud *al-sahabah* yang sebenar dari sudut istilah. Sedangkan istilah *al-sahabah* perlu dibahaskan secara tuntas kerana ia memiliki epistemologi yang jelas bersandarkan nas-nas syarak. Syiah memanipulasikan takrifan yang diberikan oleh Ibn Ḥajar terhadap *al-sahabah* dengan memasukkan ke dalam definisi tersebut sesiapa sahaja yang hidup pada zaman Rasulullah SAW tanpa mengira sama ada ia mukmin, kafir, munafik atau fasiq. Walhal Ibn Ḥajar mengikat takrifan *al-sahabah* dengan syarat beriman ketika hayat Baginda dan meninggal dunia dalam keadaan beriman. Justeru, tiada mana-mana ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang memesongkan definisi Ibn Ḥajar tersebut sebagaimana dilakukan oleh Syiah. Hakikatnya, perkataan *al-sahabah* merupakan istilah khas yang memiliki keistimewaan tertentu apabila ia disandarkan kepada Rasulullah SAW sebagaimana terkandung nas-nas syarak yang banyak. Menafikan istilah tersebut akan melorongkan seseorang untuk membuat konklusi yang silap apabila membahaskan konsep keadilan di sisi para *al-sahabah*.

Ketika membincangkan isu keadilan para *al-sahabah*, Syiah sengaja mengujudkan kekeliruan dengan memperlihatkan seolah-olah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menyamakan keadilan para *al-sahabah* dengan kemaksuman para *al-sahabah*. Sedangkan keadilan *al-sahabah* bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, merupakan suatu hal yang sabit berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia bukan bermaksud kemaksuman para *al-sahabah* sehingga setaraf dengan para nabi dan rasul. Akan tetapi ia adalah keimanan dan ketakwaan yang dipamerkan oleh mereka sehingga dipersaksikan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Selain itu, tidak wujud dalil yang mengkhususkan kemutlakan keadilan para *al-sahabah*

University of Malaya

sebagaimana yang didakwa oleh Syiah. Pun begitu, karya-karya tersebut tetap menolak keadilan para *al-sahabah* dengan alasan mereka hanya manusia biasa yang tidak berbeza dengan manusia yang lain.

Kekeliruan dan salah faham juga berlaku dengan begitu leluasa dalam mengambil ayat-ayat al-Qur'an sebagai dalil ketidakadilan para *al-sahabah*. Antaranya, memanipulasikan apa jua ayat yang mendedahkan kejahatan golongan munafikin dan kelemahan iman bangsa A'rabī sebagai merujuk kepada para *al-sahabah*. Demikian juga mendatangkan hadis-hadis yang memperlihatkan kemungkaran dan kemurtadan para *al-sahabah* dan permusuhan mereka dengan Ahl al-Bayt. Namun begitu, penerangan dan komentar ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terhadap matan dan sanad riwayat-riwayat tersebut telah membongkar kepincangan Syiah dalam menilai keadilan para *al-sahabah*. Dalam masa yang sama, terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW yang mengukuhkan konsep keadilan *al-sahabah*, namun tidak dibincangkan dan disanggah secara tuntas dalam karya-karya tersebut.

Dalam persoalan kesahan pelantikan tiga *al-sahabah* utama iaitu Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān sebagai Khulafa al-Rasyidin, hujah-hujah yang dibentangkan dalam ketiga-tiga karya tersebut lebih bersifat manipulasi fakta, riwayat yang bermasalah, nukilan yang tidak beramanah dan rujukan yang tidak berautoriti. Hakikat yang sebenar di sebalik penolakan pelantikan ketiga-tiga khalifah berkenaan adalah kerana iktikad Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang beriman kepada pelantikan imam-imam dalam kalangan Ahl al-Bayt oleh Allah SWT dan Rasul. Justeru, segala pembongkaran mengenai peristiwa pelantikan ketiga-tiga khalifah tersebut hanya diada-adakan. Ia bagi mengesahkan lagi ketidaklayakan mereka. Secara tidak langsung membenarkan iktikad Syiah mengenai teori pelantikan 'Alī dan keturunannya sebagai imam selepas kewafatan Rasulullah SAW.

University of Malaya

Bagi mengabsahkan lagi sikap terhadap para *al-sahabah*, Syiah meletakkan seolah-olah pendirian mereka itu adalah pendirian Ahl al-Bayt. Malah Mazhab Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah itu tidak lain merupakan Mazhab Ahl al-Bayt. Oleh yang demikian, segala dalil yang dikemukakan menerusi riwayat-riwayat Syiah mengenai sikap Ahl al-Bayt terhadap *al-sahabah* wajib diterima tanpa ragu. Dengan itu, pelbagai riwayat yang didakwa bersumberkan imam Ahl al-Bayt dibentangkan untuk menggambarkan bagaimana permusuhan sengit berlaku antara Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah*. Walau bagaimanapun, Syiah sekali lagi gagal untuk menjawab atau mengulas banyak riwayat yang memperlihatkan kemesraan dan hubungan baik antara Ahl al-Bayt dan para *al-sahabah*. Ia jelas terlihat menerusi hubungan perkahwinan, penamaan keturunan Ahl al-Bayt dengan nama tokoh-tokoh *al-sahabah* dan puji-pujian mereka terhadap *al-sahabah*.

Kemuncak kepada keraguan Syiah terhadap *al-sahabah* adalah konflik yang berlaku dalam perang *Jamal* dan *Ṣiffīn* yang ditafsirkan sebagai pembeza antara kumpulan yang hak dan batil. Bagi Syiah, peristiwa tersebut amat signifikan kerana ia meletakkan Syiah sebagai sebuah aliran atau gerakan yang relevan. Bahkan sebahagian ulama Syiah sendiri mengakui tiada keperluan akan kewujudan Syiah sebelum tercetusnya konflik pada zaman ‘Alī berkenaan. Menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, konflik terjadi berpunca daripada ijtihad para *al-sahabah* yang menuntut pembunuhan ‘Uthmān, bukan untuk merebut jawatan daripada ‘Alī, apatah lagi menjatuhkan beliau. Namun, Syiah menolak sama sekali pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang menanggapi konflik tersebut sebagai sebagai ijtihad. Ini kerana, penerimaan konsep ijtihad dalam krisis tersebut akan menafikan kewajaran Syiah sebagai satu-satunya mazhab akidah yang benar.

Rumusan kepada segala keraguan Syiah terhadap *al-sahabah* terzahir dengan melihat bagaimana sudut pandang mereka terhadap mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Sebagaimana Syiah bersungguh-sungguh menafikan keautoritian para *al-sahabah* dalam

University of Malaya

menyampaikan dan mentafsirkan nas-nas agama, demikian juga mereka mempertikaikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai sebuah mazhab yang memiliki legitimasi dalam pengajaran akidah dan syariah. Justeru, pelbagai *shubuhāt* dibangkitkan seperti mengatakan ia sebuah mazhab baharu, terputus daripada Rasulullah SAW dan hanya muncul berasaskan retorika menentang fahaman Mu‘tazilah. Dakwaan-dakwaan tersebut tersasar jauh kerana kemunculan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah memiliki sandaran nas-nas syarak yang kukuh, telah digunakan seawal zaman para *al-sahabah* dan merujuk kepada mazhab akidah dan syariah. Kesimpulannya, semua keraguan ini sengaja dicipta agar dapat melahirkan rasa syak dan waswas terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, seterusnya beralih kepada Syiah dengan alasan ia satu-satunya mazhab yang bersambung kepada Rasulullah SAW menerusi jalan Ahl al-Bayt.

5.3 SARANAN

Berasaskan kajian dan rumusan yang dibentangkan, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan agar hasil kajian ini tidak sekadar terhenti di sini.

a) Kajian lanjutan mengenai kedudukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai mazhab yang didukung oleh para *al-ṣaḥābah* dan Ahl al-Bayt

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjelaskan bagaimana Shī‘ah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah cuba mengatakan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah merupakan satu mazhab yang digagaskan oleh para *al-ṣaḥābah*. Manakala para *al-ṣaḥābah* pula adalah golongan yang menolak Ahl al-Bayt. Oleh yang demikian, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah bukanlah mazhab yang dipegang oleh ahli keluarga Nabi SAW sebaliknya di sana terdapat

University of Malaya

mazhab lain yang dianuti oleh Ahl al-Bayt dinamakan dengan pelbagai nama sama ada mazhab Ahl al-Bayt, Ja'fariyyah, Syiah dan lain-lain. Justeru, kajian lanjutan perlu dilakukan bagi membuktikan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan mazhab yang sama dianuti oleh para *al-ṣaḥābah* dan Ahl al-Bayt bermula daripada generasi pertama hingga kepada pembentukan mazhab terutamanya mazhab empat.

b) Mengukuhkan pemahaman terhadap *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt dalam pengajaran akidah Islam

Sepanjang pengkaji melakukan kajian terhadap Syiah dan sedikit pengalaman berdialog dengan penganut Syiah Melayu, isu pertembungan antara *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt sering menjadi persoalan utama. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dilabelkan sebagai mazhab yang mendukung *al-sahabah*, manakala Syiah pula sebagai pendukung Ahl al-Bayt. Kedudukan *al-sahabah* tidak terjamin keabsahannya berbanding Ahl al-Bayt yang merupakan kaum keluarga Rasulullah SAW yang terpelihara kesuciannya. Hujah-hujah perbandingan mudah ini dicanang oleh pihak Syiah sehingga berjaya mencetuskan tanda tanya dan waswas kepada penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, bukan sahaja kepada golongan awam tetapi adakalanya juga kepada golongan yang terpelajar dalam bidang agama.

Dari sini, pengkaji merasakan wujud ketirisan dalam silibus pengajian akidah yang ada pada hari ini sehingga memerlukan sedikit penambahbaikan. Ia mungkin tidak berlaku kepada karya-karya ulama *turāth* yang telah membahaskan secara tuntas setiap sudut yang berkaitan dengan hal ehwal akidah. Namun, silibus pengajian akidah pada hari ini yang menjurus kepada kaedah ringkas dan padat mungkin menjadi penyebab berlaku keciciran dalam membahaskan isu *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt. Sedangkan ia merupakan satu kelompangan yang serius kerana dengan mudah boleh diisi oleh jarum-jarum halus Syiah.

University of Malaya

Sebagai contoh, kebanyakan silibus pengajian Islam akan membahaskan ilmu akidah atau rukun iman kepada tiga bab penting iaitu ketuhanan, kenabian dan keghaiban (*sam'iyyāt*), persoalannya di manakah antara bab-bab tersebut yang membahaskan secara komprehensif berkenaan isu *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt?

Ketirisan mungkin tidak berlaku kepada pelajar yang mengkhusus dalam bidang pengajian akidah, kerana kebiasaannya terdapat subjek lain yang akan membahaskan isu *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt seperti subjek Perbandingan *Firaq Islāmiyyah* dan seumpamanya. Tetapi bagaimana dengan pelajar lain termasuk yang mengambil bidang syariah atau golongan awam yang sekadar mempelajari asas-asas akidah. Dalam hal ini, sudah tentu kelebihan berpihak kepada Syiah kerana perbahasan mengenai Ahl al-Bayt termasuk dalam rukun iman yang diterapkan secara konsisten dalam semua tahap pengajian mereka. Justeru, pengkaji mencadangkan supaya perbincangan mengenai isu *al-sahabah* dan Ahl al-Bayt dijadikan salah satu subtopik dalam perbahasan mengenai bab kenabian. Selain itu, mungkin juga diwujudkan satu bab tambahan yang menyentuh hal-hal yang belum disentuh dalam ketiga-tiga bab terdahulu. Hal disarankan untuk diteliti oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

c) Mengujudkan pusat maklumat yang menghimpunkan segala jawapan terhadap *shubuhāt* Syiah

Secara jujur, pengkaji berpendapat masih banyak keraguan dan *shubuhāt* yang dibangkitkan dalam tulisan-tulisan pihak Syiah terbiar tanpa jawapan yang tuntas dan mudah diakses oleh masyarakat awam. Sebagai contoh, dalam kajian tesis ini terhadap ketiga-tiga karya Syiah Melayu, pengkaji dapati masih ada beberapa keraguan yang belum ditemui jawapannya dalam karya-karya *turāth* para ulama silam walaupun perkara yang dibangkitkan oleh Syiah itu bukan suatu hal yang baharu. Misalnya, isu pemulauan Fāṭimah terhadap Abū

University of Malaya

Bakr, pelantikan ‘Umar dengan wasiat oleh Abū Bakr, majoriti tidak boleh menjadi sandaran kebenaran, pertumpahan darah antara sesama mazhab fiqah yang empat, pertikaian terhadap kredibiliti Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī sebagai bekas penganut Mu‘tazilah dan lain-lain.

Tidak dinafikan, keraguan-keraguan seumpama ini tidak mungkin secara drastiknya meruntuhkan keyakinan terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, tetapi jika dibangkitkan berulang kali secara berterusan tanpa jawapan dan pencerahan yang mantap, lama kelamaan ia akan menjadi barah yang sukar diubati. Sedangkan di pihak Syiah, mereka terus berusaha mencari ruang dan peluang mengenengahkan sebanyak mungkin keraguan terhadap pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah meliputi sisi akidah, fiqah, sirah, sejarah, hadis, tafsir dan lain-lain. Di samping itu, terdapat juga laman web mereka yang menjawab segala *shubuhāt* terhadap ajaran Syiah seperti laman *Markaz al-Abḥāth al-‘Aqā’idiyyah* (www.aqaed.com).

Sehubungan itu, pengkaji melihat perkara seumpama ini amat wajar dilaksanakan sebagai inisiatif menjawab hujah dengan hujah. Adalah tidak memadai segala keraguan yang dihamburkan itu jika sekadar ditangani dengan pengharaman bahan bercetak semata-mata, sedangkan pemikirannya terus menular menerusi medium bacaaan yang lain terutamanya media siber. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar mana-mana institusi penyelidikan Islam kerajaan sedia ada seperti Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) mengambil tanggungjawab ini. Ia sesuai dengan matlamat penubuhannya yang antara lain bagi menangani isu-isu akidah semasa.

d) Kerjasama antara institusi agama dan Institusi Pengajian Tinggi dalam bidang penyelidikan Syiah

Sebagai pegawai yang pernah berkhidmat di Seksyen Akidah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM, pengkaji amat memahami isu-isu yang menjadi masalah dalam

University of Malaya

melaksanakan kajian terhadap ajaran-ajaran menyeleweng. Persepsi masyarakat luar pula meletakkan apa jua isu berkaitan agama termasuk menangani ajaran sesat, perlu ditangani sepenuhnya oleh jabatan-jabatan agama milik kerajaan, sama ada di peringkat pusat ataupun negeri. Sesuatu yang masyarakat terlepas pandang adalah skim kepegawaian yang ada di jabatan-jabatan agama tersebut tidak mensyaratkan seseorang pegawai itu menjurus kepada sesuatu bidang kepakaran seperti akidah, syariah, kewangan Islam dan lain-lain. Ini kerana, di bawah skim Pegawai Hal Ehwal Islam, tugas para pegawai di jabatan agama adalah mengurus pentadbiran hal ehwal Islam.

Dengan demikian, isu-isu kritikal yang memerlukan kepakaran daripada golongan ilmuwan dan sarjana, tidak mampu untuk dilakukan oleh para pegawai di jabatan agama. Justeru, pengkaji mencadangkan agar diwujudkan kerjasama pintar yang lebih erat antara jabatan agama dengan golongan pakar dalam kalangan penyelidik dan pensyarah di Institut Pengajian Tinggi dalam bidang penyelidikan Syiah. Hal ini amat penting kerana isu-isu Syiah yang mendatang bukan lagi bersifat konservatif. Akan tetapi ia sudah merentasi pelbagai isu lain seperti isu hak asasi manusia, perundangan, deklarasi antarabangsa, campur tangan negara asing, pergolakan di Asia Barat dan lain-lain. Semua ini memerlukan penyelidikan yang mendalam dan berterusan supaya suatu formula yang jitu dapat disyorkan kepada pihak penggubal polisi terutama jabatan seperti JAKIM. Sekian saranan buat pihak yang berkenaan. *Wallahu a'lam.*[416]

[416] Selesai menulis pada 2.37 pm, 11 Disember 2017/22 Rabiul Awwal 1439H.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim.

Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran* (Kuala Lumpur : Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, 1983).

Rujukan Bahasa Arab

Al-'Akbarī, 'Abd Allāh bin al-Ḥusayn, *al-Tibyān fī I'rāb al-Qur'ān*. Kaherah: 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t.

Al-'Awājī, Ghālib bin 'Alī, *Firaq Mu'āṣirah Tantasib ilā al-Islām wa Bayān Mawqif al-Islām minhā*. Jeddah : al-Maktabah al-'Aṣriyyah al-Dhahabiyyah, 2001.

Al-'Awwād, Badr bin Nāṣir, *al-Naṣb wa al-Nawāṣib*. Riyaḍ: Maktabah Dār al-Minhāj, 1433H.

Al-'Aẓīm Ābādī, Muḥammad Shams al-Ḥaq, *'Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abī Dawūd.* Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.

Al-'Azm, Rafiq, *Ashhar Mashāhīr al-Islām fī al-Ḥurūb wa al-Siyāsah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1968.

'Imārah, Muḥammad, *Tayyārāt al-Fikr al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Shurq, 1997.

Al-'Iyāshī, Muḥammad bin Mas'ud, *Tafsīr āl-'Īyāṣḥī*. Tehran: al-Maṭba'ah al-'Ilmiyyah, 1422H.

Al-'Izz, 'Alī bin Abī, *Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1391H.

Al-'Uqaylī, Muḥammad bin 'Umar, *al-Ḍu'afā' al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 1984.

'Uthmān, Muḥammad Fatḥī, *al-Tarīkh al-Islāmī wa al-Madhhab al-Maddī*. Kuwait : t.p., 1969.

Al-'Āṣimī, 'Abd al-Malik bin Ḥusayn, *Simṭ al-Nujūm al-'Āwālī fī Anbā' al-Awā'il wa al-Tawālī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1419H.

Abū Zahrah, Muḥammad, *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1987.

Abī Ya'lā, Muḥammad, *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.

Al-Ājurrī, Muḥammad bin al-Ḥusayn, *al-Sharī'ah*. Riyāḍ: Dār al-Waṭan, 1999.

Al-Alūsī, Maḥmūd Shukrī, *Mukhtaṣar al-Tuḥfah al-Ithnā 'Ashariyyah*. Kaherah: al-Maṭba'ah al-Salafiyyah, 1373H.

University of Malaya

Al-Alūsī, Shihāb al-Dīn, *Rūḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa al-Sab' al-Mathānī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.

Al-Āmidī, Abū al-Ḥasan, *Ghāyah al-Marām fī 'Ilm al-Kalām*. Kaherah: al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islamiyyah, 1391H.

_____, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1404h.

_____, *Abkār al-Afkār fī Uṣūl al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Kutub, 1423H.

Amīn, Aḥmad, *Fajr al-Islām*. Kaherah : Maktabah al-Nahḍah, 1965.

Al-Anṣārī, 'Umar bin 'Alī, *al-Muqni' fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. Saudi: Dār Fawwāz, 1413H.

Al-Asadī, Sayf bin 'Umar, *al-Fitnah wa Waq'ah al- Jamal*,. Beirut : Dar al-Nafa'is, 1391H.

_____, *al-Fitnah wa Waq'ah al- Jamal*. Beirut : Dār al-Nafā'is, 1391H.

Al-Asbahānī, Abū Nu'aym, *al-Imāmah wa al-Radd 'alā al-Rāfiḍah*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1994.

Al-Aṣfahānī, Ḥusayn al-Rāghib, *Mufradāt Alfāẓ al-Qur'ān*. Iran: Ṭalī'ah al-Nūr, 1427H.

Al-Ash'arī, Abū al-Ḥasan, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*. Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.

_____, *Risālah ilā Ahl al-Thaghr*. Lubnan: Maktabah Dār al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1988.

_____, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.

Al-Athīr, 'Alī bin Muḥammad, *al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1415H.

Al-Aṣbahānī, Ismā'īl bin Aḥmad, *al-Ḥujjah fī Bayān al-Maḥajjah*. Riyād: Dār al-Rāyah, 1999.

Al-Aṣfahānī, Abū al-Faraj 'Alī bin al-Ḥusayn, *Maqātil al-Ṭālibiyyīn*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.

Bā Sudān, 'Abd Allāh bin Aḥmad, *Dhakhīrah al-Ma'ād bi Sharḥ Rāṭib al-Ḥaddād*. Mesir: al-Bayān al-'Arabī, 1960.

Al-Baghawī, al-Ḥusayn bin Mas'ūd, *Ma'ālim al-Tanzīl*. Riyāḍ: Dār Ṭāyyibah, 1997.

Al-Baghdādī, 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir, *al-Farq Bayn al-Firaq*. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1977.

University of Malaya

_____, *Uṣūl al-Dīn*. Istanbul: Maṭba'ah al-Dawlah, 1928.

Al-Baghdādī, Abū Bakr al-Khaṭīb, *al-Faqīh wa al-Mutafaqqih*. Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1421H.

_____, *al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah*. Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, t.t.

_____, *Tārīkh Baghdād*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

Al-Baghdādī, Ismā'īl Bāshā, *Hadiyyah al-'Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Āthār al-Muṣannifīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992.

Al-Balādhurī, Aḥmad bin Yaḥyā, *Ansāb al-Ashrāf*. Beirut: Dār al-Fikr, 1996.

Al-Bāqillānī, Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib, *al-Inṣāf fīmā Yajib I'tiqāduh wa Lā Yajūz al-Jahl bih*. Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1986.

Al-Barkatī, Muḥammad 'Amīm al-Iḥsān, *Qawā'id al-Fiqh*. Karatchi: al-Ṣadaf Bablasharz, 1986.

Al-Bayhaqī, Ẓahīr al-Dīn 'Alī bin Zayd, *Lubab al-Ansāb wa al-Alqāb al-A'qāb*. t.tp., t.p., t.t.

Al-Bayhaqī, Abū Bakr, *al-I'tiqād wa al-Hidāyah 'alā Sabīl al-Rashād 'alā Madhhab al-Salaf wa Aṣḥāb al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1401H.

_____, *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'il, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987.

Al-Būṣīrī, Aḥmad bin Abī Bākr, *Ittiḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-Thamāniyah*. Riyāḍ: Dār al-Waṭan, 1999.

Al-Dhahabī, Shams al-Dīn, *al-Mughnī fī al-Ḍu'afā'*. Qatar: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Islāmī, 1987.

_____, *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.

_____, *al-Muntaqā min Minhāj al-I'tidāl fī Naqd Kalām Ahl al-Rafḍ wa al-I'tizāl*. Riyad: al-Ri'āsah al-'Ammāh li Idārah al-Buhūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da'wah wa al-Irshād, 1993.

_____, *al-Muntaqā min Minhāj al-I'tidāl fi Naqd Kalām Ahl al-Rafḍ wa al-I'tizāl*. Riyad: al-Ri'āsah al-'Āmmah li Idārah al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da'wah wa al-Irshād, 1413H.

University of Malaya

_____, *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1413H.

_____, *Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār 'alā al-Tabaqāt wa al-A'ṣār*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1404H.

Al-Dihlawī, Shāh 'Abd al-'Azīz, *Mukhtaṣar al-Tuḥfah al-Ithnā 'Ashariyyah*. Kaherah: al-Maṭba'ah al-Salafiyyah, 1373H.

Al-Fayrūz Ābādī, Muḥammad bin Ya'qūb, *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn 'Abbās*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992.

Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*. Kaherah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t.

Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah*. Kuwait: Mu'assasah Dār al-Kutub al-Thaqāfiyyah, t.t.

_____, *al-Iqtiṣād fī al-I'tiqād*. Lubnan: Maktabah al-Hilāl, 1993.

_____, *al-Mustaṣfā fī 'Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1413H.

_____, *al-Mustaṣfā fī 'Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1413H.

_____, *al-Qisṭās al-Mustaqīm*. 'Ammān: al-Markaz al-Malakī li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, 2014.

Al-Ḥabshī, 'Aydrūs bin 'Umar, *Iqd al-Yawāqīt al-Jawhariyyah wa Simṭ al-'Ayn al-Dhahabiyyah bi Zikr Tarīq al-Sādāt al-'Alawiyyah*. t.tp.: al-Matba'ah al-'Amīrah al-Sharafiyyah, 1317H.

Al-Ḥadramī, Muḥammad bin 'Umar, *al-Ḥusām al-Maslūl 'alā Muntaqiḍī Aṣḥāb al-Rasūl*. Kaherah: Maṭba'ah al-Madanī, 1386H.

Al-Ḥalabī, 'Alī bin Burhān al-Dīn, *al-Sīrah al-Ḥalabiyyah fī Sīrah al-Amīn al-Ma'mūn.* Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1400.

Al-Hamadānī, Abū al-Faḍl, *Takmilah Tārīkh al-Ṭabarī*. Beirut: Maṭba'ah al-Kāthūlīkiyyah, 1958.

Ḥawā, Sa'īd, *al-Khumainiyyah Shudhūḍḥ fī al-'Aqā'id wa Shudhūdh fī al-Mawāqif*. Amman: Dār 'Ammar, 1987.

Al-Haythamī, 'Alī bin Abī Bakr, *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*. Beirut : Dar al-Kitab al-'Arabi, 1407H.

Al-Hindī, Nasīr al-Dīn, *al-Suyūf al-Mushriqah wa Mukhtaṣar al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah*. Kaherah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī, 2008.

University of Malaya

Ḥukmī, Ḥafiẓ bin Aḥmad, *Ma'arij al-Qabūl bi Sharḥ Sullam al-Wuṣūl ilā 'Ilm al-Uṣūl*. Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 1990.

Al-Ḥumaydī, Muḥammad bin Futūḥ, *al-Jam' bayn al-Ṣaḥīḥayn al-Bukhārī wa Muslim*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2002.

Al-Ḥusaynī, Abū Muḥammad, *Awjaz al-Khiṭāb fī Bayān Mawqif al-Shī'ah min al-Aṣḥāb*. t.tp., t.p., 1993.

Al-Ḥusaynī, Hāshim Ma'rūf, *Fī Ẓilāl al-Tashayyu'*. Beirut: Mu'assasah al-Wafā', 1983.

Al-Ḥākim, Muḥammad bin 'Abd Allāh, *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990.

Ibn 'Abd al-Barr, Yūsuf bin 'Abd Allāh, *al-Isti'āb fī Ma'rifah al-Ṣaḥābah*. Beirut: Dār al-Jīl, 1412h.

_____, *al-Istidhkār al-Jāmi' li Madhāhib Fuqahā' al-Amṣār*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.

_____, *al-Tamhīd fī al-Muwaṭṭa' minal-Ma'ānī wa al-Asānīd*. Maghrib: Wizārah 'Umūm al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1387H.

Ibn 'Abd Rabbih, Aḥmad bin Muḥammad, *'Iqd al-Farīd*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1999.

Ibn 'Abidīn, Muḥammad Amīn bin 'Umar, *Tanbīh al-Wulāh wa al-Ḥukkām 'alā Aḥkām Shātim Khayr al-Anām aw Aḥad Aṣḥābihi al-Kirām*. San'ā': Dār al-Athār, 1428H.

Ibn al-'Arabī, Muḥammad bin 'Abd Allāh, *Aḥkām al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Ibn 'Asākir, 'Alī bin al-Ḥasan, *Tārīkh Madīnah Dimashq*. Beirut: Dār al-Fikr, 1995.

_____, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī fīmā Nusib Ilā Abī al-Ḥasan al-Ash'arī*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1404H.

Ibn 'Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tūnisia: Dār Saḥnūn, 1997.

Ibn 'Aṭiyyah, 'Abd al-Haq bin Ghālib, *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993.

Ibn Abī Ḥātim, 'Abd al-Raḥmān, *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1952.

Ibn Aḥmad, 'Abd Allāh, *al-Sunnah*. Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 1406h.

Ibn al-'Arabī, Abū Bakr, *al-'Awāṣim min al-Qawāṣim fī Taḥqīq Mawāqif al-Ṣaḥābah ba'd Wafāh al-Nabī*. Beirut: Dār al-Jīl, 1987.

University of Malaya

_____, *Aḥkām al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Ibn al-Athīr, al-Mubārak bin Muḥammad, *Jāmi' al-Uṣūl fī Aḥādīth al-Rasūl*. Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān, 1969.

Ibn al-Athīr, Izz al-Dīn, *Usd al-Ghābah fī Ma'rifah al-Ṣaḥābah*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1996

_____, *al-Kāmil fī al-Tārīkh.* Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1415H.

Ibn al-Jawzī, *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1404H.

_____, *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umam*. Beirut: Dār Ṣādir, 1358H.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*. Beirut: Dār al-Jīl, 1973.

Ibn Baṭṭāl, 'Alī bin Khalaf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.* Riyad: Maktabah al-Rushd, 2003.

Ibn Baṭūṭah, Abu 'Abd Allah, *Tuhfah al-Nazzar fi Ghara'ib al-Amsar wa 'Aja'ib al-Asfar. Rihlah Ibn Batutah*. Beirut: Mu'assasah Risalah, 1405H.

Ibn Fūrak, Muḥammad bin al-Ḥasan, *Maqālāt Abī al-Ḥasan al-Ash'arī.* Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah, 2005.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī, *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*. Beirut: Dār al-Jīl, 1992.

_____, *al-Durar al-Kāminah fī A'yān al-Mī'ah al-Thāminah*. Ṣaydar Abād: Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, 1972.

_____, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.* Beirut: Dār Ma'rifah, t.t.

_____, *Lisān al-Mīzān.* Beirut: Mu'assasah al-A'lamī li al-Maṭbū'āt, 1986.

_____, *Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalaḥ Ahl al-Athar*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, ṭ.ṭ.

_____, *Ṭabaqāt al-Mudallisīn*. 'Ammān: Maktabah al-Mannār, 1983.

_____, *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Beirut: Dār al-Fikr, 1984.

_____, *al-Maṭālib al-'Āliyah bi Zawā'id al-Masānīd al-Thamāniyah*. Riyāḍ: Dār al-'Āṣimah, 1419.

Ibn Ḥajar al-Haytamī, Aḥmad bin Muḥammad, *al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah 'alā Ahl al-Rafḍ wa al-Ḍalāl wa al-Zandaqah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1997.

University of Malaya

Ibn Ḥanbal, Aḥmad bin Muḥammad, *Musnad al-Imām Aḥmad*. Kaherah: Mu'assasah Qarṭabah, 2011.

_____, *Min Kalām Aḥmad bin Ḥanbal fī 'Ilal al-Ḥadīth wa Ma'rifah al-Rijāl*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, 1409H.

Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad, *al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*. Kaherah: Maktabah al-Khānjī, t.t.

_____, *al-Fisal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*. Kaherah: Maktabah al-Khanji, t.t.

Ibn Ḥibbān, Muḥammad, *al-Thiqāt*. Beirut: Dār al-Fikr, 1975.

_____, *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bitartīb Ibn Balbān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1993.

_____, *al-Majruḥīn min al-Muḥaddithīn min al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn.* Ḥalab: Dār al-Wa'ī, 1396H.

Ibn Hishām, 'Abd al-Malik, *al-Sīrah al-Nabawiyyah li Ibn Hishām*. Beirut: Dār al-Jīl, 1411H.

Ibn al-Jawzī, Abū al-Faraj, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1406H.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā', *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Beirut: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.

_____, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Beirut: Dār al-Fikr, 1401H.

Ibn Khallikān, Shams al-Dīn, *Wafiyyat al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*. Lubnān: Dār al-Thaqāfah, t.t

Ibn Khuzaymah, Muḥammad bin Isḥāq, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah.* Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1970

Ibn Ma'īn, Abū Zakariyyā Yaḥyā, *Tārīkh Ibn Ma'īn. Riwāyah al-Dūrī.* Makkah: Markaz al-Bahth al-'Ilmī wa Ihyā' al-Turāth al-Islāmī, 1979.

Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukarram, *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣādir, 1388H.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr, *Zād al-Ma'ād fī Hady Khayr al-'Ibād.* Beirut: Maktabah al-Mannār al-Islāmiyyah, 1986.

Ibn Qutaybah al-Daynūrī, 'Abd Allāh bin Muslim, *Ta'wīl Mukhtalaf al-Hadīth.* Beirut: Dār al-Jīl, 1972.

University of Malaya

_____, *al-Ma'ārif*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif, t.t.

Ibn Sa'd, Muḥammad, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*. Beirut: Dār Ṣādir, t.t.

Ibn Sīdah, 'Alī bin Isma'īl, *al-Muḥkam wa al-Muḥīṭ al- A'ẓam*,. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958.

Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm, *Majmū' Fatāwā*. Kaherah: Dar al-Wafā'; Ibn Taymiyyah. 1406H.

_____, *al-'Aqīdah al-Wāsiṭiyyah*. Riyad: al-Ri'āsah al-'Āmmah li Idārat al-Buḥūth wa al-Iftā', 1412H.

_____, *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah*,. Kaherah: Mu'assasah Qurtubah, 1406H. -Qafārī, Nāṣir bin 'Abd Allāh, *Ḥaqīqah al-Ṣaḥīfah al-Sajjādiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Ridwan, 2005.

Al-Ījī, 'Aḍu al-Dīn bin 'Abd al-Raḥmān, *al-Mawāqif*. Beirut: Dār al-Jīl, 1997.

Al-Imām, Muḥammad bin 'Abd Allāh, *Ṭu'ūn Rāfiḍah al-Yaman fī Ṣaḥābah al-Rasūl al-Mu'taman.* Ma'bar: Markaz Dār al-Ḥadīth, 1426H.

Al-Isfirāyīnī, Ṭāhir bin Muḥammad, *al-Tabṣīr fī al-Dīn fī Tamyīz al-Firqah al-Nājiyah 'an al-Firaq al-Hālikīn*. Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1983.

Al-Iskāfī, Abū Ja'far, *al-Mi'yār wa al-Muwāzanah*. Beirut: T.P, 1402H.

Al-Ismā'īlī, Aḥmad bin Ibrāhīm, *I'tiqād A'immah al-Ḥadīth*. Riyāḍ: Dār al-'Aṣimah, 1412h.

Jamā'ah 'Ulamā', *Fatāwā Kibār 'Ulamā' al-Azhar al-Sharīf fī al-Shī'ah.* Kaherah: Dār al-Yusr, 2011.

Jawharī, Isma'īl bin Ḥammād, *al-Ṣiḥāḥ Tāj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-'Arabiyyah*. t.tp., t.p., 1982.

Al-Jazā'irī, Ni'mat Allāh bin 'Abd Allāh, *Riyāḍ al-Abrār fi Manāqib al-A'immah al-Aṭhār*. Beirut: Mu'assasah al-Tārīkh al-'Arabī, 1427H.

Al-Jazīrī, 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad 'Iwaḍ, *al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.

Al-Jizāwī, Ashraf, *'Aqā'id al- Shī'ah al-Imāmiyyah al-Ithnā 'Ashariyyah*. Mansurah: Dār al-Yaqīn, 2009.

Al-Jurjānī, Ḥamzah bin Yūsuf, *Tārīkh Jurjān*. Beirut: Ālam al-Kutub, 1981.

Al-Juwaynī, Abū al-Ma'ālī, *al-Talkhīṣ fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1997.

University of Malaya

Al-Khallāl, Abū Bakr Aḥmad bin Muḥammad, *al-Sunnah*. Riyaāḍ: Dār al-Rāyah, 1410H.

Al-Kharrāṭ, Aḥmad bin Muḥammad, *Mushkil I'rāb al-Qur'ān*. Madīnah: Majma' al-Malik Fahd li Ṭibā'ah al-Maṣḥaf al-Sharīf, 1426.

Al-Khaṭīb, Muḥammad 'Ajjāj, *al-Sunnah qabl al-Tadwīn*. Beirut: Dār al-Fikr, 1980.

Al-Khuḍayr, 'Abd Allāh Jarwān, *Mā Qālah al-Thaqalān fī Awliyā' al-Raḥmān*. Kuwait: Mabarrah al-Āl wa al-Aṣḥāb, 2007.

Al-Lālakā'i, Hibah Allāh bin al-Ḥasan, *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah min al-Kitāb wa al-Sunnah wa Ijmā' al-Ṣaḥābah*. Riyad : Dār al-Tayyibah, 1402H.

Al-Mallāḥ, Maḥmūd, *al-Ārā' al-Ṣarīḥah li Binā' Qawmiyyah Ṣaḥīḥah*. Baghdad: Maṭba'ah Dār al-Salām, 1956.

Al-Malṭī, Muḥammad bin Aḥmad, *al-Tanbīh wa al-Radd 'alā Ahl al-Ahwā' wa al-Bida'*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 1997.

Al-Maqdisī, 'Abd Allāh bin Qudāmah, *Rawḍah al-Nāẓir wa Jannah al-Manāẓir*. Riyad: Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd, 1399H

Al-Maqdisī, Muḥammad bin 'Abd al-Waḥīd, *al-Nahy 'an Sabb al-Aṣḥāb wa mā fīhi min al-Ithm wa al-'Iqāb*. Kaherah: Dār al-Dhahabiyyah, t.t.

Al-Mawardi, 'Alī bin Muḥammad, *A'lām al-Nubuwwah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1987.

Al-Mizzī, Yūsuf bin 'Abd al-Raḥmān, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1980.

Muḥammad, 'Abd Allāh, *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādīth wa al-Āthār*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 1409H.

Al-Musawī, al-Sayyid Ḥusayn, *Li Allāh..thumm li al-Tārīkh: Kashf al-Asrār wa Tabri'ah al-A'immah al-Aṭhār*. Kaherah: Dār al-Amal, 2001.

Al-Mūsawī, Mūsā, *al-Shī'ah wa al-Taṣḥīḥ-al-Ṣirā' bayn al-Shī'ah wa al-Tashayyu'*. 'Ammān: Dār 'Ammār, 1998.

Muslim bin al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.

Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanzl al-'Ummāl fī Kanz fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af'āl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998.

Al-Māturīdī, Abū Manṣūr, *Kitāb al-Tawḥīd*. taqdīm muḥaqqiq,. Beirut: Dār Ṣādir, t.t.

University of Malaya

Al-Nadwah al-'Ālamiyyah li al-Shabāb al-Islāmī, *al-Mawsū'ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib al-Mu'āṣirah*. Riyāḍ: Dār al-Nadwah al-'Ālamiyyah li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1420H.

Nasrullāh, Jorj Khawri, *al-Wathā'iq al-Falisṭīniyyah li 'Ām 1970*. Beirut: Mua'ssasah al-Dirāsāt al-Falisṭīniyyah, 1972.

Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath 'Arabī, 1392.

Nawbakhtī, al-Ḥasan bin Mūsā, *Firaq al-Shī'ah.* Istanbul: Maṭba'ah al-Dawlah, 1931.

Al-Naysābūrī, Abū Sa'īd, *al-Ghunyah fī Uṣūl al-Dīn*. Lubnan: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1987.

Al-Nuḥḥās, Aḥmad bin Muḥammad, *I'rāb al-Qur'ān.* Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1988.

Al-Nuwayri, Ahmad bin 'Abd al-Wahhab, *Nihāyah al-Arab fī Funūn al-'Adab.* Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.

Qadīrah Salīm, "al-Sayyid 'Alī al-Hamadānī wa Khadamātuh al-'Ilmiyyah wa al-Fikriyyah", *Majallah al-Qism al-Arabi, University of The Punjab, Lahore. 19 2012*, 149.

Al-Qafārī, Nāṣir bin 'Abd Allāh, *Uṣūl Madhhab al-Shī'ah al-Imāmiyyah al-Ithnā 'Ashariyyah: 'Arḍ wa Naqd*,. Jīzah: Dār al-Riḍā, 1994.

Al-Qārī, 'Alī bin Sulṭān, *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.

_____, *Shamm al-'Awariḍ fī Zamm al-Rawāfiḍ.* Kaherah: Markaz al-Furqān, 2004.

Al-Qurashī, 'Abd al-Qādir bin Muḥammad, *al-Jawāhir al-Muḍiyyah fī Ṭabaqāt al-Ḥanafiyyah*. Kratchi: Mīr Muḥammad Khutub Khānah, t.t.

Al-Qurashī, Yaḥyā bin Ādam, *Kitāb al-Kharāj.* Lāhūr: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 1974

Al-Qurtubī, Abū 'Abd Allāh, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān al-Karīm*,. Kaherah: Dār al-Sha'b, t.t.

Al-Qurṭubī, Aḥmad bin 'Umar, *al-Mufhim limā Ashkal min Talkhīṣ Kitāb Muslim.* Beirut: Dār Ibn Kathīr, t.t.

Al-Ramlī, Shams al-Dīn, *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Fikr, 1404h. bin Ibn Nujaym al-Ḥanafī, Zayn al-Dīn, *al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq.* Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.

Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn, *al-Tafsīr al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.

University of Malaya

_____, *I'tiqādāt Firaq al-Muslimīn wa al-Mushrikīn*. Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, 1402H.

Al-Rāzī, Aḥmad al-Ṭāhir, *Tartīb al-Qāmūs al-Muḥīṭ 'alā Ṭarīqah al-Miṣbāḥ al-Munīr wa Asās al-Balāghah*. Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi, t.t.

Al-Rāzī, 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad, *Tafsīr Ibn Abī Ḥātim.* Ṣaydā: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, t.t.

Al-Rūyānī, Muḥammad bin Hārūn, *Musnad al-Rūyānī.* Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah, 1416H.

Al-Safārīnī, Muḥammad bin Aḥmad, *Sharḥ Thulāthiyyāt Musnad al-Imām Aḥmad*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1399H.

Al-Sakhāwī, Shams al-Dīn, *Fatḥ al-Mughīth Sharḥ Alfiyah al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1403H.

_____, *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtaharah 'alā al-Alsinah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1405H.

Al-Ṣallābī, 'Alī Muḥammad, *al-Dawlah al-Umawiyyah: 'Awāmil al-Izdihār wa Tadā'iyat al-Inhiyār*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2008.

Al-Sam'ānī, Abū al-Muẓaffar, *Qawāṭi' al-Adillah fī al-Uṣūl.* Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.

_____, *Qawāṭi' al-Adillah fī al-Uṣūl.* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.

Al-Ṣan'ānī, 'Abd al-Razzāq bin Hammām, *Tafsīr al-Qūr'ān.* Riyad: Maktabah al-Rushd, 1410H.

Sanad, Muḥammad, *'Adālah al-Ṣaḥābah*. Beirut: Dār al-Maḥajjah al-Bayḍā', 2004.

Al-Sawwāj, Ṭāha 'Alī, *Mawqif al-Azhar al-Sharīf min Shī'ah al-Ithnā 'Ashariyyah*. Kaherah: Dār al-Yusr, 2010.

Al-Sha'lān, 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd Allāh, *Uṣūl Fiqh al-Imām Mālik: Adillatuh al-Naqliyyah*. Riyaḍ: Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin Su'ūḍ al-Islāmiyyah.

Al-Shahrastānī, Muḥammad 'Abd al-Karīm, *al-Milal wa al-Niḥal*. Beirut : Dār al-Ma'rifah, 1404H.

_____, *Nihayah al-Iqdam fi 'Ilm al-Kalam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.

Al-Shahrazūrī, 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥmān, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'aṣir, 1977.

University of Malaya

Al-Shalabī, Ahmad, *al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1996.

Al-Shamsan, Abū Aws Ibrāhīm, *Hurūf al-Jar: Dilalatuhā wa 'Ilāqatuhā*. Jeddah: Maṭba'ah al-Madanī, 1987.

Al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī, *Fatḥ al-Qadīr*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

_____, *Irshād al-Fuḥūl fī Taḥqīq 'Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dar al-Fikr, 1412H.

_____, *Nayl al-Awṭār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār Sharḥ Muntaqā al-Akhbār*. Beirut: Dār al-Jīl, 1973.

Shihāb, Muḥammad Diyā' et. al, *al-Imām al-Muhājir Aḥmad bin 'Īsā bin Muḥammad bin 'Alī al-'Urayḍī bin Ja'far al-Ṣādiq, Malah wa li Naslih wa li A'immah min Aslafih min al-Faḍā'il wa al-Ma'āthīr*. Arab Saudi: Dār al-Shurūq, 1980.

Al-Shūlī, Muḥammad bin Abū Bakr, *al-Mashra' al-Rawiy fī Manāqib al-Sādah al-Kirām Āl Abī 'Alawī*. t.tp.: al-Maṭba'ah al-'Amīrah al-Sharafiyyah, 1319H.

Al-Shāṭibī, Abū Isḥāq, *al-I'tiṣām*. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, t.t.

Al-Shīrāzī, Abū Isḥāq, *al-Luma' fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985.

_____, *Ṭabāqāt al-Fuqahā'*. Beirut: Dār al-Rā'id al-'Arabī, 1970.

Al-Sijistānī, Sulaymān bin al-Ash'ath, *Sunan Abī Dawūd*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t.

Al-Sinān, Ḥamad et al, *Ahl al-Sunnah al-Ashā'irah, Shahādah 'Ulamā' al-Ummah wa Adillatuhum*. Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 1427H.

Al-Subkī, Taqiy al-Dīn, *al-Ibhāj fī Sharḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1404H.

_____, *al-Sayf al-Maslūl 'alā man Sabb Aṣḥāb al-Rasūl*. Amman: Dār al-Fatḥ, 2000.

-Subkī, Tāj al-Dīn, *Raf' al-Ḥājib 'an Mukhtaṣar Ibn al-Ḥājib*. Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1999.

_____, *Ṭabaqāt al-Shāfi'yyah al-Kubrā*. Kaherah: Hajr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1413H.

Al-Sulamī, Muḥammad bin Ṣāmil, *Manhaj Kitābah al-Tārīkh al-Islāmī*. Riyāḍ: Dār Ibn al-Jawzī, 1429H.

Sumayṭ, Zayn bin Ibrāhīm, *al-Manhaj al-Sawī: Sharh Uṣūl Tarīqah al-Sādah Āl Bā 'Alawī*. Yaman: Dār al-'Ilm wa al-Da'wah, 2005.

University of Malaya

Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*. Beirut: Dār Iḥyā' al-'Ulūm, t.t.

_____, *al-Durr al-Manthūr*. Beirut: Dār al-Fikr,1993.

_____, *Mufḥamāt al-Iqrān fī Mubhamāt al-Qur'ān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1986.

_____, *Miftāḥ al-Jannah fī al-Iḥtijāj bi al-Sunnah*. Madinah: al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah, 1399

_____, *Tārīkh al-Khulafā'*. Kaherah: Maṭba'ah al-Sa'ādah, 1952.

Al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad, *al-Mu'jam al-Kabīr*. Mosul: Maktabah al-Zahrā, 1983.

_____, Sulaymān bin Aḥmad, *al-Mu'jam al-Ṣaghīr*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1985.

Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Fikr, 1405H.

_____, *Tārīkh al-Ṭabarī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

_____, *Tahdhīb al-Āthār wa Tafṣīl al-Thābit 'an Rasūl Allāh min al-Akhbār*. Kaherah: Maṭba'ah al-Madanī, t.t.

Al-Taftāzānī, Sa'd al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar, *Sharḥ al-Maqāṣid fī 'Ilm al-Kalām*. Pakistan: Dār al-Ma'ārif al-Nu'māniyyah, 1981.

Al-Ṭaḥāwī, Abū Ja'far, *Matn al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1978

Al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 2004.

Al-Tha'labī, Aḥmad bin Muḥammad, *al-Kashf wa al-Bayān 'an Tafsīr al-Qur'ān*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2002.

Al-Tirmidhī, Muhammad bin 'Isa, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t

Al-Wā'ilī, Aḥmad, *Hawiyyah al-Tashshayyu'*. Beirut: Dar al-Ṣafwah, 1994.

Al-Wāḥidī, 'Alī bin Aḥmad, *al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*. Beirut: Dār al-Qalam, 1415h.

Al-Wāqidī, Muḥammad bin 'Umar, *Kitāb al-Maghāzī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.

University of Malaya

Al-Wirdānī, Ṣāliḥ, *'Aqā'id al-Sunnah wa 'Aqā'id al-Shī'ah, al-Taqārub wa al-Tabā'ud*. Beirut: al-Ghadīr li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 1419H.

_____, *Ahl al-Sunnah Sha'b Allāh al-Mukhtār: Dirāsah fī Fasād 'Aqā'id Ahl al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Mabdūli al-Ṣaghīr, 1996.

_____, *al-Shī'ah fī Miṣr: Min al-Imām 'Alī ḥattā al-Imām al-Khumaynī*. Kaherah: Maktabah Madbūlī al-Ṣaghīr, 1993.

Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah-al-Kuwayt, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Dār al-Salāsil, 1404H.

Al-Ya'qūbī, Aḥmad bin Abī Ya'qūb, *Tārīkh al-Ya'qūbī*. Beirut: Dār Ṣādir, t.t.

Al-Yaḥyā, Yaḥyā bin Ibrāhīm, *Marwiyyāt Abī Mikhnaf fī Tārīkh al-Ṭabarī*. Riyāḍ: Dār al-'Āṣimah, 1989.

Al-Yāfi'ī, Abū Muḥammad, *Mir'āh al-Jinān wa 'Ibrah al-Yaqẓān*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Islāmī, 1993.

Al-Zabīdī, Muḥammad Murtaḍā al-Ḥusaynī, *Ittiḥāf al-Sādah al-Muttaqīn bisharḥ Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Mu'assasah al-Tārīkh al-'Arabī, 1994.

_____, *Tāj al-'Ārūs min Jawāhir al-Qāmūs*. t.tp: Dār al-Hidāyah, t.t.

Ẓāhir, Iḥsān Ilāhī, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*. Lahur: Idārah Tarjumān al-Sunnah, t.t.

_____, *al-Shī'ah wa al-Qur'ān*. Lahur: Idārah Tarjumān al-Sunnah, t.t.

_____, *al-Shī'ah wa al-Sunnah.* Lahur: Idārah Tarjumān al-Sunnah, t.t.

_____, *al-Shī'ah wa al-Tashayyu'*. Riyad: Dār al-Salām, 1995.

Al-Zamakhsharī, Maḥmūd bin 'Umar, *al-Kashshāf 'an Ḥaqā'id al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.

Zanjānī, Ibrāhīm Mūsawī, *'Aqā'id al-Imāmiyyah al-Ithnā 'Ashariyyah*. Beirut: Mu'assasah al-A'lamī, 1413H.

Al-Zarkashī, Muḥammad bin Bahādir, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.

Al-Zayla'ī, 'Abd Allāh bin Yūsuf, *Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār al-Wāqi'ah fī Tafsīr al-Kashshāf li al-Zamakhsharī*. Riyāḍ: Dār Ibn Khuzaymah, 1414H

Al-Zirkilī, Khayr al-Dīn, *al-A'lām*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1992.

Al-Zuḥaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr, t.t.

University of Malaya

_____, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj.* Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, 1991.

Rujukan Bahasa Melayu

'Uthmān bin Yaḥyā al-Betawī, *Ini Kitab Sifat Dua Puluh*. Pulau Pinang: Dār al-Ma'ārif, t.t.

A. Hasjmy, *Sedjarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Acheh: Pt. Al-Maarif Penerbit Percetakan Offset, 1981.

_____, *Sejarah masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Acheh: P.T. al-Ma'arif, 1981.

Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin, *Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Bidang Hadith: Tumpuan Kepada Kitab Tajdhib Atraf al-Hadith*,. Disertasi Sarjana, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.

Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Sejarah dan Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd., 1981.

Abdullah Din, *Menjawab Putar Belit Syiah.* Kajang: One Touch Creative Sdn. Bhd., 2013.

_____, *Siapa Syiah Sebenarnya?*. Kajang : Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdullah Hj Ishak, "Kedah Dahului Melaka Terima Islam", *Al-Islam*, jld. 15, no. 10, 1988, 28-30.

_____, *Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, al-Rahmaniah, 1990.

Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Penerbit UKM, 2002.

Ahmad Haydar Baharun, *Madzhab Para Habaib dan Akar Tradisinya*. Jawa Timur: Pustaka Basma, 2013.

Ahmad Nasim Abdul Rauf, *Syiah: Benarkah Berasal Dari Ajaran Ahl al-Bait*. Kajang: One Touch Creative Sdn. Bhd., 2013.

Alwi bin Tahir al-Haddad, *Sejarah Masuknya Islam diTimur Jauh*, terj. S. Muhammad Dhiya Syahab. Jakarta: Penerbit Lantera, 1997.

Anwar Ibrahim, "Membina Generasi-Satu Gagasan". Ucapan Dasar Muktamar ABIM ke-10, Dewan Tunku Canselor, UM, 9 Ogos 1981.

Arif Rahman, *Pendidikan Komparatif*. Yogyakarta: Laksbang Grafika, 2010.

University of Malaya

Asad Haidar, *Perspektif Al-sahabah Dalam Islam*. terj.. Beirut: t.p., 1980.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990.

Azizah Hamzah, "Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya", *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, vol. 6, no. 1. 2004.

Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbitan Mizan Khazanah Ilmu-ilmu Islam, 1995.

_____, *Pergolakan Politik Islam: Dari Fundamentalisme, Modernisms hingga Post-Modernisme*. Jakarta: Paramadina, 1996.

_____, *Syiah dan Politik di Indonesia*. Jakarta: Penerbit Mizan, 2000.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah.* Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010.

Al-Banjari, Muhammad Arsyad bin Abdullah, *Tuḥfah al-Rāghibīn Fī Bayān Ḥaqīqah Imān al-Mu'minīn Wa Mā Yufsiduh Riddah al-Murtaddīn*. Patani: Maṭba'ah Bin Ḥalabī, t.t.

Bukhārī al-Jawharī, *Tāj al-Salāṭīn*, ed. Khalid Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966.

Che Cob Che Mat, "Kriteria Penerimaan dan Penolakan Hadith: Satu Kajian Perbandingan Antara Ahl al-Sunnah Shi'ah", Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1996.

Che Mat Che Min, "Gerakan Syiah Dan Pengaruhnya Di Malaysia", dalam *Ajaran Sesat: Kemunculan, Bahayanya, Pemulihannya*. Koleksi Kertas Kerja Seminar Akidah MABIMS Tahun 1413H/1993H, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei Darussalam.

Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Malaysia*. Shah Alam: Mc Graw-Hill Sdn. Bhd., 2006.

Dada Meuraxa, *Sejarah Masuknya Islam ke Bandar Barus Sumatera Utar.* Medan: Penerbit Sasterawan, 1973.

Ermanelly Idrus & Heriza Mohd Yunus, "Eksklusif: Pengakuan Mangsa Mut'ah" dalam *Majalah Dakwah*, bil. 228, Mei 199, 6-8.

Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*. Kuala Lumpur: ITBM, 2012.

Faisol Nasar Madi, "Konsep Imāmah Menurut Shī'ah Ithnā 'Ashariyyah dan Pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Terhadapnya: Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih Berbahasa Indonesia". Tesis doktor falsafah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013.

University of Malaya

Al-Fatani, Daud bin Abdullah, *Furū' al-Masā'il Wa Uṣūl al-Wasā'il*. Patani: Maṭba'ah Bin Ḥalabī, t.t.

Haji Abdul Malik Abdul Karim. Hamka, *Antara Fakta dan Khayal Tuanku Rao*. Penerbit Bulan Bintang: Jakarta, 1974.

Hamka, "Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu", dalam Islam dan Kebudayaan Melayu. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 1977.

Hamka, *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional, 1997.

Hamdan Hassan, "Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Hamdan Muhammad, *Pas dan Isu-isu Agama*. Kuala Lumpur: Buku Harakah, 2013, 13, 114

Hamidi Ismail, "Konsep al-Ilāhiyyāt dalam Pemikiran Syiah al-Ithnā Ashariyyah: Analisis Bab al-Tawḥīd dari Kitab al-Kāfī menurut Perspektif al-Ashā'irah". Tesis doktor falsafah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015.

Harakah, 27 November 1987, 1.

Hasan Muarif Ambary, *Menemukan Peradaban Jejak arkeologis dan Historis Islam di Indonesia* . Jakarta: PT Logos Wacana Ilmu, 2001.

Ibrahim Ali, *Pertemuan Dengan Imam Ayatollah Khumaynī Pemimpin Revolusi Islam Iran*. Kuala Lumpur: Eddie Colour Com., 1980.

Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan, Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Intel Multimedia dan Publications, 2001.

Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, 1982.

_____, *Pendidikan Perbandingan Buku 1 Dasar-Dasar*. Yogyakarta: Andi Offset Yogyakarta, 1988.

Ismail Hamid et al., *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-Tokoh Islam Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

_____, *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985.

_____, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Heinemann. Malaysia Sdn. Bhd., 1986.

University of Malaya

Ismail, Kamis, "Shī'ah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu Zaman Tradisional". Tesis doktor falsafah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

Jones, Russel, *Hikayat Raja Pasai*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1987.

Kamaluddin Nurdin Marjuni, *Agenda Politik Syiah*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn. Bhd., 2013.

Kamarzaman, Mohd Haidhar, "Gerakan Syiah di Selangor". Latihan Ilmiah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.

Mahayudin Hj. Yahya, "Latar Belakang Sejarah Keturunan Sayyid di Malaysia" dalam *Islam di Alam Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

_____, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

_____, *Sejarah orang Syed di Pahang.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Maḥmaṣānī, Ṣubḥī Rajab, *Falsafah al-Tashri' fī al-Islām*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, 1961.

Al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Muttalib, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Pada Menyatakan Simpulan Akidah Salaf*. Patani : Matba'ah Bin Halabi, t.t.

Mohamed Nawab bin Mohamed Osman. 2006, "Religio-Political Activism of Ulama in Malaysia". Tesis Master, Department of History, National University of Singapore.

Mohd Aizam Mas'od, *Soal Jawab Isu Syiah di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011.

Mohd Asri Hj Muda, *Memoir Politik Asri Meniti Arus*. Bangi: Penerbit UKM, 1993.

Mohd Fikri Che Hussain, *Ancaman Syiah: Membongkar Sandiwara Kesesatan*. Temerloh: Best Seller Publication, 2013.

Mohd Fuad Mokhtar, "Ihsan Ilahi Zahir. 1945-1987 dan Kritikannya terhadap Pemikiran Akidah Syiah". Tesis doktor falsafah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016.

Mohd Mokhtar bin Shafii, "Batu Nesan Kurun ke-5H/10M di Pekan Pahang", dalam Khoo Kay Kim et al. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

University of Malaya

Mohd Samsuddin Harun et al, "Kemunculan Budaya Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal". Prosiding Nadwah Ulama Nusantara. NUN IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.

Muhammad Asri Yusoff, *Syi'ah Rafidhah : Di Antara Kecuaian Ulama dan Kebingungan Ummah*. Kubang Kerian: Pustaka Bisyarah, 2010.

Muhammad Rivai Batubara, "Gerakan Syi'ah di Nusantara Kini" dalam *Prosiding Seminar Ahl al-Sunnah dan Syi'ah Imamiyyah: Aspek Persamaan dan Perbezaan*. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, 168-177.

Muhammad Thalib, *Syi'ah: Menguak Tabir Kesesatan dan Penghinaannya Terhadap Islam*. Yogyakarta: Pusat Studi Islam An-Nabawy, 2007.

Muhammad Zayn Faqīh Jalāl al-Dīn al-Ashī, *Bidāyah al-Hidāyah*. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dār al-Ma'ārif, t.t.

Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.

Panel Penulis Jawatankuasa Membanteras Fahaman Syiah Negeri Johor, *Membongkar Kesesatan Syiah*. Johor: Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2014.

Persatuan Ulama Malaysia, *Perlembagaan Republik Islam Iran.* terj.. Kuala Lumpur: Kedutaan Republik Islam Iran, 1990.

Redzuan Mohammad Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2006.

Rifanto Ridwan, "Syarat Perlantikan Khalifah dari perspektif Syiah dan Sunni : Suatu Perbandingan". Tesis sarjana di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003.

Abdul Halim Mat Diah,"Falsafah Pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia",. Tesis doktor falsafah Institut Agama Islam Negeri, Sunan Kalijogo, Yogyakarta, 1986.

Sa'ad Shukri, Hj. Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman, 1971.

Said Hawa, *Khomeinisme, Menyingkap Tabir Akidah dan Ideologi,* terj. *Al-Khumayniyyah: Shudhūdh dī 'Aqā'id wa Shudhūdh fī al-Mawāqif*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 2013.

Sholeh Fikri Nasiruddin et al., "Peranan Ulama Dalam Dakwah Semasa Penjajahan Tanah Melayu", *Jurnal al-Hikmah*, jld. 5, vol. 5, 2013, 60-70.

University of Malaya

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali et al., "Novel-novel Faisal Tehrani dari Perspektif Teksdealisme", *Jurnal Pengajian Melayu (S.I)*, vol. 28, no. 1, 262-287, 2017, 262-287.

Umar Shahab, "Khumaynī" dalam Abdul Aziz Dahlan. ed, *Ensiklopedi Islam.* Jakarta: FT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 2005.

Uthman el-Muhammady, *Pangkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan Yang Mengamalkan Pegangan Ahlis Sunnah Wal-Jamaah*. Kuala Lumpur: BAHEIS, 1995.

Wan Hussein @ Azmi Abdul Kadir, "Kedatangan Islam dan Perkembangannya di Alam Melayu: Dari Abad ke-7 Masihi hingga ke-17 Masihi", *International Seminar on Islamic Civilization*, vol. 1. 1, paper. 12, 1989, 8.

Wan Hussien Azmi, "Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan. Abad 7-10M" dalam Khoo Kay Kim et al. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, 135.

Wan Mohd Shaghir Abdullah, "Perkembangan Penulisan Hadith Ulama Asia Tenggara",. Kertas Kerja International Seminar on Islamic Studies In South-East Asia. ISIS di Universiti Brunei Darussalam, 20-23 November 1995.

_____, *Syeikh Abdus Samad al-Falimbani Sufi Yang Syahid fi Sabilillah*. Kalimantan: Yayasan al-Faṭānah, 1982.

Wan Zahidi Wan Teh, *Mengenal Hakikat Syiah*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, 2013.

Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, "Asal-Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Ash'ari dan Asya'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1994.

Yunus Ali al-Muhdhor, *Mengenal Lebih Dekat al-Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad*. Surabaya: Cahaya Ilmu, 2010.

Rujukan Bahasa Inggeris

Algar, Hamid, "A short biography", dalam Abdar Rahman Koya. ed, *Imam Khumaynī life, thought and legacy: Essay From An Islamic Movement Perspective*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust, 2009, 19-24.

Ali, Asghar, *Islam in Post-Modern World*. Delhi: Hope India Publications, 2008.

Arasaratnam, S., *Islamic Merchant Communities of the Indian Subcontinent in Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1989.

Arnold, T.W., *The Preaching of Islam: A History of The Propogation of Muslim Faith.* Pakistan: Sh. Muhd Ashraf Kashmiri Bazar Lahore, 1979

University of Malaya

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Historical Fact and Fiction*. Johor Bahru: UTM Press, 2012.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century of the 'Aqaid of Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan, Universiti Malaya, 1988.

Al-Attas, *The Correct Date of the Terengganu Incription*. Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1970.

Bottom, J.C., "Malay Historical Works", dalam *Malaysian Historical Sources*, ed. K.G. Tregonning. Singapore: Department of History, University of Singapore, 1962, 38.

Charles Issawi, *Filsafat Islam Tentang Sejarah*, (terj.) Dr. A. Mukti Ali. Jakarta: Tinta Emas, 1962.

Crawford, John, *History of the Indian Archipelago*. United States: Harvard University Press, 1967.

Drewes, G.W.J., "New Light on the Coming of Islam to Indonesia?", Bijdragen Tot de Taal, Land- en Volkenkunde, vol. 124, 1968.

Fatimi, S.Q, *Islam Comes To Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute, 1963.

Gorman, Danial, *The Emergence of International Society in The 1920s*. New York: Cambridge University Press, 2012.

Gungwu, Wang, "The Nanhai Trade: A Study of the Early History of Chinese Trade in the South Cina Sea", *The Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 31, pt. 2., 1958, 97.

Hall, D.G.E., A History of South-East Asia. New York: St Martin's Press, 1968.

Hamid, Ismail, "A Survey of Theories on the Introduction of Islam in the Malay Archipelago", *Islamic Studies*, vol. XXI, no. 3, 1982. Hurgronje, Snouck, *Mekka in the Letter Part of The 19th Century*. Leiden: E.J. Brill, 1970.

Lee Warner, W. H., "Notes On The Hadhramaut" dalam *The Geographical Journal*, 77: 3. 1931, 218-219.

Liow, Joseph Chinyong, *Piety and Politics: Islamism in Contemporary Malaysia*. New York: Oxford University Press, 2009.

University of Malaya

M. Muller, Dominik, *Islam, Politics and Youth in Malaysia: The Pop-Islamist Reinvention of PAS*. New York: Routledge, 2014.

M.Cherry, Stephen et al, *Global Religiuos Movements Across Boarders*. England: Ashgate Publishing Limited, 2014.

Martin, B.G., "Arab Migrations To East Africa in Medieval Times" dalam *The International Journal of A African Historical Studies*, vol. 7, 1974, 367.

Mehran Kamrara, *Revolution In Iran: The Roots of Turmoil*. New York: Routledge, 1990.

Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Scholars*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1983.

Noryati Abdul Samad, "The Hadhrami Arabs in Southeast Asia: An Introduction" dalam *The Hadhrami Arabs in Southeast Asia With Special Reference to Singapore: An Annotated Bibliography*. Singapore National Library Board, 2010.

Omar Awang, "The Umm al-Barahin of al-Sanusi", *Jurnal Nusantara*, bil. 2. Julai 1972.

_____, "The Trengganu Inscription as the Earliest Known Evidence of the Finalisation of the Jawi Alphabet", dalam *Islamika III*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1985.

Rubin, R.B. et al, *Communication Research: Strategies and Sources*. Belmont CA: Wadsworth, 1990.

Saleeby, Najib Mitry, *Moro History, Law and Religion*. London: Forgotten Books, 2013.

Schrieke, B., *Indonesian Sociological Studies*. The Hague and Bandung: W. Van Hoeve Ltd., 1957.

Shellabear, W.G., *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984.

Tibbetts, G.R., "Early Muslim Traders in South-East Asia", *The Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. XXX, pt. 1, 1957, 7.

Van Leur, J. C., *Indonesia Trade and Society*. Bandung: Van Hoeve, 1955.

Wilson, H.E., "The Islamization of South-East Asia: A Re-Assessment", *Journal of Historical Research*, vol. XV, No. 1, 1972.

Winstedt, R.O., "The Advent of Muhammadanism in the Malay Peninsula and Archipelago", *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. JSBRAS, December 1917.

_____, "The Early Muhammadan Missionaries", *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. JSBRAS, March 1920.

University of Malaya

Rujukan Syiah

Al-'Alawī, Muḥammad bin 'Uqayl, *al-Naṣā'iḥ al-Kāfiyah liman Yatawallā Mu'āwiyah.* Qom: Dār al-Thaqāfah, 1412H.

'Amali al-Saduq, *Kepercayaan dan Amalan Syiah Imam Dua Belas*. Beirut: t.p., 1980.

Al-'Āmilī, Alī bin Yūnus, *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*. Tehran: al-Maktabah al-Murtaḍawiyyah li Iḥyā' al-Athar al-Ja'fariyyah, t.t.

Al-'Āmilī, Ja'far Murtaḍā, *al-Ṣaḥīḥ min Sīrah al-Imām 'Alī.* Qom: Walā al-Muntaẓar.

_____, *al-Ṣaḥīḥ Min Sīrah al-Nabī al-A'ẓam*. Beirut: al-Markaz al-Islāmī Li al-Dirāsāt, 2006.

Al-'Āmilī, Muḥammad bin Jarīr, *Dalā'il al-Imāmah*. Qom: al-Bi'thah, 1413H.

Al-'Āmilī, Zayn al-Din, *al-Dirāyah fī 'Ilm al-Ḥadīth.* Iran: Manshūrat Maktabah al-Mufid, t.t.

'Amr bin Bahr al-Jahiz, *100 Kata-kata Hikmah al-Imam Ali bin Abi Talib*, terj. Mohd Nor bin Ngah. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Wilayah, 1991.

Al-'Arūsī, 'Abd 'Alī bin Jum'ah, *Tafsīr Nūr al-Thaqalayn*. Qom: Ismā'īliyyān, 1415H.

Al-'Askarī, al-Ḥasan bin 'Alī, *al-Tafsīr al-Mansūb ilā al-Imām al-Ḥasan al-'Askarī.* Qom: Madrasah al-Imām al-Mahdī, 1409H.

Al-'Askarī, Murtaḍā, *Ma'ālim al-Madrastayn*,. Iraq: al-Majma' al-'Ilmī al-Islāmī, 1993H.

A. Malik Takim, "Dialog Tertutup Ahlus Sunnah Waljamaah dan Syiah bertajuk: Perbezaan-perbezaan Aqidah Ahlus Sunnah Waljamaah dengan Aqidah Syiah berdasarkan al-Quran", *Surat Majlis Syiah Malaysia kepada SS Mufti Johor*, 18 Mac 2013.

Abdul Husain Sharafuddin al-Musawi, *Dialog Mengenai Islam dan Akidah Islam Yang Sebenar*, terj. *al-Murāja'āt*. t.tp.: Najafi House, 1991.

_____, *Dialog Sunnah Syi'ah*. Bandung: Penerbit Indonesia, 1983.

_____, *Abu Hurairah.* terj.. Pakistan: Peer Mahomed Ebrahim Trust Karachi, 1997.

Al-Hasan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulli, *Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya: Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad*, terj. Lutpi Ibrahim. Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publications, 1993.

Al-Ḥillī, Ibn al-Muṭahhir, *Minhāj al-Karāmah fī Ma'rifah al-Imāmah*. Mashhad: Intishārāt Tāsū'ā, 1379H.

University of Malaya

Āli ‘Uṣfūr, Ḥusayn bin Muḥammad, *al-Mahāsin al-Nafsāniyyah fī Ajwibah al-Masā’il al-Khurasāniyyah*. Beirut: Dār al-Mashriq al-‘Arabī al-Kabīr, 1979.

Āli Kāshif al-Ghiṭā’, Muḥammad al-Ḥusayn, *Aṣl al-Shī‘ah wa Uṣūliha*. Beirut: Dār al-Aḍwā’, 1990.

Ali Reza Esmaili, *Surat Wasiat Politik Ilahiah Imam Khumaynī*, terj. Abu Mahdiah. Kuala Lumpur: Al-Muntazar Resources, 2011

Al-Āmilī, Muḥammad bin Abī al-Qāsim, *Bisharah al-Muṣṭafā li Syiahal-Murtaḍā*. Najaf: al-Maktabah al-Ḥaydriyyah, 1383H.

Al-Āmilī, Muḥammad bin Jarīr, *al-Mustarshid fī Imāmah ‘Alī bin Abī Ṭālib ‘alayh al-salām*. Qom: Kūshānipūr, 1415H.

Al-Amīn, Muḥsin, *A‘yān al-Shī‘ah*. Beirut: Dār al-Ta‘āruf, 1998.

Al-Amīnī, ‘Abd al-Ḥusayn, *al-Ghadīr*. Qom: Markaz al-Ghadīr, 1416H.

Al-Āshtiyānī, Muḥammad Ḥusayn, *Majmū‘āt Rasā’il fī Sharḥ Aḥādīth min al-Kāfī*. Qom: Dār al-Ḥadīth, 1429H.

Ayatullah Ibrahim al-Amini, *Peranan Universiti Mengikut Pandangan Imam Khumaynī*, terj. Mohd Nor bin Ngah. Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publication, 1993.

Al-Bahā’ī, Muḥammad bin Ḥusayn, *al-Wajīzah fī ‘Ilm al-Dirāyah*. Qom: Baṣīratī, 1398H.

Al-Baḥrānī, ‘Abd Allāh bin Nūr Allāh, *‘Awālim al-‘Ulūm wa al-Ma‘ārif wa al-Aḥwāl min al-Āyāt wa al-Akhbār wa al-Aqwāl*. Qom: Mu’assash al-Imām al-Mahdi, 1413H.

Al-Baḥrānī, Hāshim bin Sulayman, *al-Burhān fi Tafsīr al-Qur’ān*. Qom: Mu’assasah al-Bi‘thah, 1416h.

_____, *al-Inṣāf fī al-Naṣ ‘alā al-A’immah al-Ithnā ‘Ashar*. Tehran: Maktabah Nashr al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, 1420H.

_____, *Ḥilyah al-Abrār fī Aḥwāl Muḥammad wa Ālih al-Aṭhār*. Qom: Mu’assasah al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah, 1411H.

_____, *Madīnah Ma‘ājiz al-A’immah al-Ithnā ‘Ashar wa Dalā’il al-Ḥujaj ‘alā al-Bashar*. Qom: Mu’assasah al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah, 1413H.

_____, *Ghāyah al-Murām wa Ḥujjah al-Khiṣām fī Ta‘yīn al-Imām min Tarīq al-Khāṣ wa al-‘Ām*. Beirut Mu’assasah al-Ta’rīkh al-‘Arabī, 1422H.

Al-Baḥrānī, ‘Alī bin ‘Abd Allāh, *Mannār al-Hudā fī al-Naṣ ‘alā Imāmah al-A’immah al-Ithnā ‘Ashar*. Beirut: Dār al-Muntaẓar, 1405H.

University of Malaya

Al--Baḥrānī, Yūsuf bin Aḥmad, *al-Shihāb al-Thāqib fī Bayān Ma'nā al-Nāṣib*. Qom: Amīr, 1419H.

_____, *al-Durar al-Najafiyyah min al-Multaqaṭāt al-Yūsufiyyah*. Beirut: Dār al-Muṣṭafā li Iḥyā' al-Turāth, 2002.

Bāmiyānī, 'Alī, *Khilāfah al-Imām 'Alī bayn al-Nuṣūṣ al-Dīniyyah wa al-Taghṭiyyah al-I'lāmiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Sayyidah Zaynab, 1420H.

Baqir Sadr, *Pancaran Kekuatan Negara Islam*, terj. Fadzlullah Shuib. Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication, 1983.

Benarkah Salafi Wahabi Pemusnah Islam dan Pembunuh Umatnya. t.tp., t.p, t.t.

Al-Bukhārī, Abū Naṣr, *Sirr al-Silsilah al-'Alawiyyah*. Najaf: Intishārāt Sharīf al-Riḍā, 1431H.

Al-Dawkhī, Yaḥyā bin 'Abd al-Muḥsin, *'Adālah al-Ṣaḥābah bayn al-Qadāsah wa al-Wāqi'*. Iran: al-Majma' al-'Ālamī li Ahl al-Bayt, 1430H.

Al-Daylamī, Ḥasan bin Muḥammad, *Ghurar al-Akhbār wa Durar al-āthār fī Manāqib Abī al-A'immah al-Aṭhār*, Qom: Dalīl Mā, 1427H.

_____, *Irshād al-Qulūb ilā al-Ṣawāb*. Qom: al-Sharīf al-Riḍā, 1412H.

Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, Kuala Lumpur: ITBM, 2012.

Al-Fayḍ al-Kāshānī, Muḥammad Muḥsin bin Murtaḍā, *Nawādir al-Akhbār fīmā Yata'llaq bi Uṣūl al-Dīn*. Tehran: Mu'assasah al-Abhāth al-Thaqafiyyah, 1413H.

Al-Ḥalabī, Taqiy bin Najm, *Taqrīb al-Ma'ārif*,. Qom: al-Hādī, 1404H.

Al-Hasan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulli, *Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya: Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad*, terj. Lutpi Ibrahim. Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publications, 1993.

Al-Ḥaskānī, 'Ubayd Allāh bin 'Abd Allāh, *Shawāhid al-Tanzīl li Qawā'id al-Tafḍīl*. Tehran: Majma' Iḥyā' al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, 1411H.

Al-Hilālī, Sulaym bin Qays, *Kitāb Sulaym bin Qays al-Hilālī*. Qom: al-Hādī, 1405H.

Al-Ḥillī, 'Alī bin Yūsuf, *al-'Adad al-Qawiyyah li Daf' al-Makhāwif al-Yawmiyyah*. Qom: Maktabah Āyah Allāh al-Mar'ashī al-Najafī, 1408H.

Al-Ḥillī, Ibn al-Muṭahhar, *Minhāj al-Karāmah fī Ma'rifah al-Imāmah*. Mashhad: Intishārāt Tāsū'ā, 1379H.

_____, *Tadhkirah al-Fuqahā'*. Qom: Mu'assasah āl al-Bayt, 1414H.

University of Malaya

_____, *Kashf al-Yaqīn fī Fadā'il Amīr al-Mu'minīn 'alayh al-salām*. Tehran: Wizārah al-Irshād, 1411H.

_____, *Nahj al-Ḥaq wa Kashf al-Ṣidq*. Beirut: Dār Kitāb al-Lubnānī, 1982.

Al-Ḥillī, al-Ḥasan bin 'Alī, *al-Rijāl*. Najaf: Manshūrāt al-Maṭba'ah al-Ḥaydariyyah, 1972.

Al-Ḥumayrī, 'Abd Allāh bin Ja'far, *Qurb al-Isnād*. Qom: Mu'assasah Āl al-Bayt, 1413H.

Al-Ḥurr al-'Āmilī, Muḥammad bin Ḥasan, *al-Fuṣūl al-Muhimmah fī Uṣūl al-A'immah*, j. 1. Qom: Mu'assasah al-Imām al-Riḍā li al-Ma'ārif al-Islāmiyyah, 1417H.

_____, *Amal al-Āmil*. Qom: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.

_____, *Ithbāt al-Hudāh bi al-Nuṣūṣ wa al-Mu'jizāt*. Beirut: al-A'lamī, 1425H.

_____, *Tafṣil Wasā'il al-Shī'ah ilā Taḥṣīl Masā'il al-Sharī'ah*. Qom: Mu'assasah Ahl al-Bayt li Iḥyā al-Turāth, 1409H.

Al-Ḥusaynī, Ibn 'Anbah, *'Umdah al-Ṭālib fī Ansāb 'Alī Abī Ṭālib*. Najaf: Manshūrāt al-Maṭba'ah al-Ḥaydariyyah, 1961.

Al-Ḥusaynī, Ḥamzah bin 'Alī, *Ghunyah al-Nuzū' ilā 'Ilmay al-Uṣūl wa al-Furū'*. Qom: Mu'assasah Imām Ṣādiq, 1417H.

Husein al-Habsyi, *Sunnah Syiah dalam Dialog*. t.tp., t.p., t.t.

Ibn 'Aṭiyyah, Maqātil, *Abhā al-Murād fī Sharḥ Mu'tamar 'Ulamā' Baghdād*. Beirut: Mu'assasah al-A'lamī, 1423H.

Ibn Abī al-Ḥadīd, 'Abd al-Ḥamīd bin Hibah Allāh, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*. Qom: Maktabah Āyah al-Allāh al-Mar'ashī al-Najafī, 1404H.

Ibn Bābawayh, 'Alī bin al-Ḥusayn, *Man lā Yaḥḍuruh al-Faqīh*. Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1413H.

Ibn Bābawayh al-Rāzī, Muntajab al-Dīn 'Alī, *al-Fahrasat*. Qom: Maktabah Āyah Allah al-Mar'ashī al-Najafī, 1422h.

Ibn Bābawayh, Muhammad bin 'Alī, *I'tiqādāt al-Imāmiyyah*. Qom: Mu'tamar al-Shaykh al-Mufīd, 1414H.

_____, *'Ilal al-Sharā'i'*. Qom: Maktabah Dāwirī, 1427Ḥ.

_____, *al-Amālī*. Tehran: Kitābachī, 1418H.

_____, *al-Khiṣāl*. Qom: Jamā'ah al-Mudarrisīn, 1403H.

University of Malaya

_____, *al-Tawḥīd li al-Ṣadūq*. Qom: Jamā'ah al-Mudarrisīn, 1398H.

_____, *Thawāb al-A'māl wa 'Iqāb al-A'māl*. Qom: Dār al-Sharīf al-Riḍā, 1406H.

_____, *'Uyūn Akhbār al-Riḍā 'alayh al-salām*. Tehran: Nashar Jihān, 1420H.

Ibn Baṭrīq, Yaḥyā bin al-Ḥasan, *'Umdah 'Uyūn Ṣiḥāḥ al-Akhbār fī Manāqib Imām al-Abrār*. Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1407H.

Ibn Ḥayyun, al-Nu'mān bin Muḥammad, *Sharḥ al-Akhbār fī Faḍā'il al-A'immah al-Aṭhār*. Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1409H.

_____, *Da'ā'im al-Islām wa Dhikr al-Ḥalāl wa al-Ḥarām wa al-Qaḍāyā wa al-Aḥkām*. Qom: Mu'assasah āl al-Bayt, 1427H.

Ibn Idrīs, Muḥammad bin Aḥmad, *al-Sarā'ir al-Ḥāwi litaḥrīr al-Fatāwī*. Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1410H.

Ibn Qutaybah. al-mansūb ilayh, *al-Imāmah wa al-Siyāsah al-Ma'rūf bi Tārīkh al-Khulafā'*. Beirut: Dār al-Aḍwā', t.t.

Ibn Ṭāwūs, 'Alī bin Mūsā, *al-Ṭarā'if fī Ma'rifah Madhāhib al-Ṭawā'if*. Qom: al-Khiyām, 1400H.

_____, *Ṭarf min al-Anbā' wa al-Manāqib*. Mashhad: Tāsū'ā', 1420H.

Al-Irbilī, 'Alī bin 'Īsā, *Kashf al-Ghummah*. Beirut: Dār al-Aḍwā', 1985.

Al-Istir Ābādī, 'Alī, *Ta'wīl al-Āyāt al-Ẓāhirah fī Faḍā'il al-'Atirah al-Ṭāhirah*,. Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1409H.

Al-Jawharī, Aḥmad bin 'Abd al-'Azīz, *al-Saqīfah wa Fadak*. Tehran: Maktabah Nīnāwī al-Ḥadīthah, t.t.

Jika Mereka Ahlus-Sunnah Nabi S.A.W. t.tp.: t.p., 1996.

Al-Karakī, 'Alī bin 'Abd al-'Āl, *Nafaḥāt al-Lāhut fī La'n al-Jibt wa al-Ṭāghūt*. Tehran: Maktabah Nīnawī al-Ḥadīthah, t.t.

Al-Kāshānī, Muḥammad bin Murtaḍā, *Tafsīr al-Ṣāfī*. Tehran: Maktabah al-Ṣadr, 1415H.

_____, *al-Wāfī*. Asfahān: Maktabah al-Imām Amīr al-Mu'minīn 'Alī'alayh al-salām, 1406H.

Al-Kashī, Muḥammad bin 'Umar, *Rijāl al-Kashī: Ikhtiyār Ma'rifah al-Rijāl*. Qom: Mu'assasah Āl al-Bayt, 1404H.

Kāshif al-Ghiṭā, Ja'far, *al-'Aqā'id al-Ja'fariyyah*. Qom: Mu'assasah Anṣāriyān, 1425H.

University of Malaya

Al-Kaylānī, Munāẓir Aḥsan, *Tadwīn al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Kebenaran Yang Hilang. t.tp., t.p., t.t.

Kewajipan Setiap Muslim Mentaati Kepimpinan Yang Dilantik Allah dan Rasul Demi Perpaduan dan Kejayaan Dunia dan Akhirat. t.tp., t.p., t.t.

Khair Izzah, *Inilah al-Khulafa' Ar-Rasyidin Rasul*. t.tp.: Raudhah al-Hurr Resources, 2011.

Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran.* t.t.p. : Al-Muntazar Resources, 2011.

Khair Izzah, *Pertahan Syariat Muhammadiyah.* t.tp.: Raudhah al-Hurr Resources, t.t.

Al-Khājū'ī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Rasā'il al-Fiqhiyyah*. Qom: Dār al-Kutub al-Islāmī, 1411H.

Al-Khaw'ī, al-Mirzā Ḥabīb Allāh, *Minhāj al-Barā'ah fī Sharḥ Nahj al-Balāghah*. Tehran: Maktabah al-Islāmiyyah, 1400H.

Al-Khazzāz al-Rāzī, 'Alī bin Muḥammad, *Kifāyah al-Athar fī al-Naṣ 'alā al-A'immah al-Ithnā 'Ashar.* Qom: Baydar, 1401H.

Khulafa Rasyidin di antara Nas dan Ijtihad. t.t.p.: t.p., 1993.

Al-Khumaynī, Rūḥ Allāh, *Taḥrīr al-Wasīlah*. Qom: Mu'assasah Matbu'at Dar al-'Ilm, t.t.

Al-Khumaynī, Rūḥ Allāh, *al-Ḥukūmah al-Islāmiyyah*. t.tp: t.p., 1970.

Khutbah Rasulullah S.A.W di Ghadir Khum Menurut Catatan al-Allamah al-Tabarsi. terj.. t.tp., t.p., t.t.

Al-Kūfī, Abū al-Qāsim, *al-Istighāthah fī Bida' al-Thalāthah.* Tehran: Mu'assasah al-A'lamī, 1373H.

Al-Kūfī, Furāt bin Ibrāhīm, *Tafsīr Furāt al-Kūfī.* Tehran: Wizārah al-Irshād al-Islāmī, 1410H.

Al-Kūfī, Muḥammad bin Sulaymān, *Manāqib al-Imām Amīr al-Mu'minīn 'alayh al-salām*. Qom: Majma' Iḥyā' al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, 1412H.

Al-Kulaynī, Muḥammad bin Ya'qūb, *al-Kāfī.* Qom: Dār al-Ḥadīth, 1429H

Lutpi Ibrahim, *Konsep Imamah dan Khilafah serta Implikasinya Menurut Ahlu 's-Sunnah wa'l-Jama'ah*. Shah Alam: HIZBI, 1993.

M. Riza Sihbudi, *Biografi Politik Imam Khomeini*. Jakarta: Gramedia, 1996.

Al-Madanī, 'Alī Khān bin Aḥmad, *Riyāḍ al-Sālikīn fī Sharḥ Ṣaḥīfah Sayyid al-Sājidīn*,. Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1409H.

University of Malaya

Al-Madanī, Ḍāmin bin Shadqum, *Waq'ah al-Jamal*. Qom: Nashr Muḥammad, 1420H.

Mahdī, 'Abd al-Zahrā', *al-Hujūm 'alā Bayt Fāṭimah*. t.tp: t.p, 2001.

Al-Majlisī, Muḥammad Bāqir, *Biḥār al-Anwār al-Jāmi'ah lidurar Akhbār al-A'immah al-Aṭhār*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1403H.

_____, *Mir'āt al-'Uqūl fī Sharḥ Akhbār Āl al-Rasūl*. Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1404H.

Al-Māmaqānī, 'Abd Allāh, *Miqbās al-Hidāyah fī 'Ilm al-Dirāyah*. Iran: Mu'assasah Āl al-Bayt li Tahqīq al-Turāth, 1411H.

_____, *Tanqīh al-Maqāl fī 'Ilm al-Rijāl*. t.tp: al-Ṭab'ah al-Ḥijriyyah, t.t.

Al-Markaz al-Risālah, *al-Ṣaḥābah fī al-Qur'ān wa al-Sunnah wa al-Tārīkh*. Qom: Markaz al-Risālah, 1419H.

Al-Mas'ūdī, 'Alī bin al-Ḥusayn, *Ithbāt al-Waṣiyyah li al-Imām 'Alī bin Abī Ṭālib*. Qom: Anṣāriyān, 1426H.

Al-Māzindarānī, Mawlā Ṣāliḥ, *Sharḥ Uṣūl al-Kāfī*. Qom: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1377H.

Al-Māzindarānī, Muḥammad bin 'Alī, *Manāqib Āli Abī Ṭālib 'alayh al-salam*. Qom: 'Allāmah, 1421H

Al-Mīlānī, Muḥammad bin 'Alī, *Mu'jam al-Kalām: Ta'rīf al-Muṣṭalaḥāt al-Kalāmiyyah 'ind al-Imāmiyyah*. Tehran: Intishārāt Tābān, 1996.

Al-Mīlānī, 'Alī al-Husaynī, *al-Ṣaḥābah*,. Qom: Markaz al-Abhath al-'Aqā'idiyyah, 1421H.

_____, *al-Imāmah fī Ahamm al-Kutub al-Kalāmiyyah wa 'Aqīdah al-Shī'ah al-Imāmiyyah*. Qom: al-Sharīf al-Riḍā, 1413H.

_____, *Sharḥ Minhāj al-Karāmah fī Ma'rifah al-Imāmah*. Qom: Markaz al-Ḥaqā'iq al-Islāmiyyah, 1386H.

Miqdād, Fāḍil, *al-Lawāmi' al-Ilāhiyyah fi al-Mabāḥīth al-Kalāmiyyah*. Qom: Daftar Tablīghāt Islāmī, 1422H.

Al-Miyānijī, 'Alī al-Aḥmadī, *Makātīb al-A'immah 'alayhim al-salām*. Qom: Dār al-Ḥadīth, 1419H.

Al-Mufīd, Muḥammad bin Muḥammad, *al-I'tiqādāt*. Qom: al-Mu'tamar al-'Alamī li Alfiyah al-Shaykh al-Ṣadūq, 1413H

University of Malaya

_____, *al-Irshād fī Ma'rifah Ḥijaj Allāh 'alā al-'Ibād*. Qom: Mu'tamar al-Shaykh al-Mufīd, 1413H

Al-Musawī, 'Abd al-Ḥusayn Sharaf al-Dīn, *al-Murāja'āt*. Qom: al-Majma' al-'Ālamī li Ahl al-Bayt 'alayhim al-salām, t.t.

Al-Nabāṭī, 'Alī bin Muḥammad al-'Āmilī, *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm ilā Mustaḥiqq al-Taqdīm*,. Najaf: al-Maktabah al-Ḥaydariyyah, 1426H.

Al-Najafī, Muḥammad Ḥasan al-Muẓaffar, *Dalā'il al-Ṣidq li Nahj al-Ḥaq*. Qom: Mu'assasah Āl al-Bayt, 1422H.

Al-Nawbakhtī, al-Ḥasan bin Mūsā, *Firaq al-Shī'ah.* Istanbul: Maṭba'ah al-Dawlah, 1931.

Al-Nayshābūrī, Faḍl bin Shadhān, *al-Īḍāh*. Tehran: Intishārāt Danshagāh, 1363H.

Al-Nu'mānī, Muḥammad bin Ibrāhīm, *al-Ghaybah*. Tehran: Nashr al-Ṣadūq, 1397H.

Al-Nūrī, Ḥusayn bin Muḥammad Taqī, *Mustadrak al-Wasā'il wa Mustanbaṭ al-Masā'il*. Qom: Mu'assasah Āl al-Bayt, 1407H.

Penyelewengan Ajaran Ahlus Sunnah wal-Jamaah. t.tp., t.p., t.t.

Al-Qazwīnī, Sayyid Amīr Muḥammad, *Al-Ālūsī wa al-Tashayyu'*. Qom: Markaz al-Ghadīr li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, 1420H.

Al-Qummī, Shādhān bin Jibra'īl, *al-Rawḍah fī Faḍā'il Amīr al-Mu'minīn 'Alī bin Abī Ṭālib 'alayh al-salām*. Qom: Maktabah al-Amīn, 1423H.

Al-Qummī, 'Ali bin Ibrahim, *Tafsīr al-Qummī*. Qom: Dār al-Kitāb, 1404H.

Al-Qummī, Sa'd bin 'Abd Allāh, *al-Maqālāt wa al-Firaq*. Tehran: Maṭba'ah Ḥaydarī, 1963.

Al-Rajā, Ḥusayn, *Difā' min Waḥy al-Sharī'ah*. Beirut: Mu'assasah al-Sayyidah Zaynab, 2000.

Al-Rāwandī, Sa'īd bin Hibah Allāh, *Fiqh al-Qur'ān*. Qom: Maktabah Āyah Allāh al-Mar'ashī, 1405H.

Riḍā, Muḥammad bin Muḥammad, *Tafsīr Kanz al-Daqā'iq wa Baḥr al-Gharā'ib*. Tehran: Wizārah al-Thaqāfah wa al-Irshād al-Islāmī, 1410H.

Al-Riḍawī, Murtaḍā, *Arā' al-'Ulamā' al-Muslimīn fī al-Taqiyyah wa al-Ṣaḥābah wa Ṣiyānah al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: al-Irshād li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr, t.t.

Ruhullah bin Mustafa Khomeini, *Jihad Yang Agung*, terj. Fadzlullah Shuib. Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication, 1983.

University of Malaya

Ruhullah bin Mustafa Khomeini, *Kitab Amar Ma'ruf dan Nahi Munkar*, terj. Mohd Nor bin Ngah. Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publication, 1996.

Ruhullah bin Mustafa Khomeini, *Parti Allah, Parti Syaitan*, terj. Shamsuddin Jaafar. Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication, 1983.

Ruhullah bin Mustafa Khomeini, *Pemerintahan Islam*, terj. Razali Hj. Nawawi & Hayyun Hj. Nawawi. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1983.

Al-Shāharwadī, 'Alī al-Namāzī, *Mustadrakāt 'Ilm al-Rijāl al-Ḥadīth*. Tehran: Shafaq, 1412H.

Al-Shāmī, Yūsuf bin Ḥātim, *al-Durr al-Naẓīm fī Manāqib al-A'immah al-Lahāmīm*. Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1420H.

Al-Sharīf al-Riḍā, Muḥammad bin Ḥusayn, *Nahj al-Balāghah*. Qom: al-Hijrah, 1414H.

Sharīf Murtaḍā al-Mūsawī, *Jumal al-'Ilm wa al-'Amal*. Najaf: Maṭba'ah al-ādāb, 1387H.

Shibr, Sayyid 'Abd Allāh, *Ḥaq al-Yaqīn fī Ma'rifah Uṣūl al-Dīn*. Qom: Anwār al-Hudā, 1424H.

Al-Shīrāzī, Muḥammad al-Ḥusaynī, *al-Waṣā'ilā al-Rasā'il*. Qom: Mu'assasah 'Āshūrā', 1422H.

Al-Shīrāzī, Ṣadr al-Dīn 'Alī Khān, *al-Darajāt al-Rafī'ah fī Ṭabaqāt al-Shī'ah*. Qom: Maktabah Baṣīratī, 1397H.

Al-Shushtarī, Nūr Allāh bin Sharaf al-Dīn, *al-Ṣawārim al-Muhriqah fi Naqḍ al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah*. Tehran: Maṭba'ah al-Nahḍah, 1367H.

Al-Subḥānī, Ja'far, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah 'alā Ḍaw' Madrasah Ahl al-Bayt*. Qom: Mu'assasah al-Imām al-Ṣādiq 'alayh al-salām, 1427H.

_____, *al-Ilāhiyyāt 'alā al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-'Aql.* Qom: al-Markaz al-'Ālamī li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, 1412H.

_____, *Uṣūl al-Ḥadīth wa Aḥkāmuhu fī 'Ilm al-Dirāyah*. Qom: Dār Jawwād, 2012.

_____, *Buḥūth fī al-Milal wa al-Niḥal.* Qom: Markaz Mudiriyyah Ḥawzah 'Ilmiyyah, 1410H.

Al-Ṭabarsī, Aḥmad bin 'Alī, *al-Iḥtijāj 'alā Ahl al-Lajjāj*. Mashhad: Nashr al-Murtaḍā, 1403H.

Al-Ṭabarsī, al-Faḍl bin al-Ḥasan, *I'lām al-Warā bi I'lām al-Hudā.* Tehran: al-Islāmiyyah, 1390H.

University of Malaya

Al-Ṭabāṭabā'ī, Muḥammad Ḥusayn, *al-Mīzān fī Tafsīr al-Qur'ān.* Beirut: Mu'assasah al-A'lamī li al-Maṭbū'āt, t.t.

Al-Tabrīzī, al-Mirzā 'Alī al-Ghurawī, *al-Tanqīḥ fī Sharḥ al-'Urwah al-Wuthqā Taqrīran li Baḥth Āyah Allāh al-'Uẓmā al-Sayid Abū al-Qāsim al-Mūsawī al-Khaw'ī.* Qom: al-Hādī li al-Maṭbū'āt, 1410H.

Al-Ṭabāṭabā'ī, Muḥammad Sa'īd al-Ḥakīm, *al-Uṣūliyyah wa al-Ikhbāriyyah: Bayn al-Asmā' wa al-Wāqi'*. Najaf: Dār al-Hilāl, 2005.

Ṭarīḥī, Fakhr al-Dīn, *Majma' al-Baḥrayn*. Tehran: Murtaḍawī, 1416H.

Tehrani, Agha Bazrag, *al-Dharī'ah ilā Taṣānīf al-Shī'ah*. Beirut: Manshūrāt Dār al-Aḍwā', 1983.

Al-Thaqafī, Ibrāhīm bin Muḥammad, *al-Ghārrāt aw al-Istinfār wa al-Ghārrāt*. Qom : Dār al-Kitāb al-Islāmī, 1410H.

Al-Tījānī, Muḥammad, *al-Shī'ah Hum Ahl al-Sunnah*. Qom: Markaz al-Abḥāth al-'Aqā'idiyyah, 1427H.

_____, *Thumm Ihdaytu*. London: Mu'assasah al-Fajar, 1991.

Al-Ṭūsī, Muḥammad bin al-Ḥasan, *al-Amālī*. Qom: Dār al-Thaqāfah, 1404H.

_____, *Tadhīb al-Aḥkām*. Tehran: Dār al-Kutub al-Islamiyyah, 1407H.

_____, *al-Istibṣār fīmā Ikhtulif min al-Akhbār.* Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1390H.

_____, *Rijāl al-Ṭūsī.* Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1415H.

Al-Tustarī, Nūr Allāh, *Iḥqāq al-Ḥaq*. Najaf: al-Maṭba'ah al-Murtaḍawiyyah, 1273H.

Usuluddin Aqidah Islam. t.tp., t.p., t.t.

Al-Wāsiṭī, 'Alī bin Muḥammad al-Laythī, *'Uyūn al-Ḥikam wa al-Mawā'iẓ.* Qom: Dār al-Ḥadīth, 1418H.

Dokumen Kerajaan dan Bukan Kerajaan

Cawangan Khas, "Kronologi Terkini Aktiviti Syiah: Mei 2005-Ogos 2006", (Kertas Laporan PDRM, Bukit Aman, 2007).

Pusat Penyelidikan Islam (1995), "Gerakan Syiah dan Pengaruhnya di Malaysia" (Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri).

University of Malaya

_____, "Ke Arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia" (Kertas Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 5 Mei 1996).

_____, "Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah" (Kertas Mesyuarat Panel Kajian Akidah kali ke-42, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011).

_____, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011).

_____, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).

_____, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Syiah di Malaysia" (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007).

_____, "Laporan Mengenai Coalition Of Malaysia NGOs In The UPR Process (COMANGO)" (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).

_____, "Penyebaran Unsur-unsur Syiah dalam Ekspo Perdagangan Dunia Islam 2012 Kelantan", (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2012).

_____, "Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (Kertas Persidangan Majlis Raja-Raja, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2012).

Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM Pusat ke-10, Dewan Tunku Canselor UM, 7-9 Ogos 1981

Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM Pusat ke-8, UKM Bangi, 13-15 Julai 1979.

Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1996/1997.

Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1997/1998

Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1998/1999.

Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1998/1999.

Penyata Tahunan PAS Sesi 1995/1996.

Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Pindaan 1993), Fasal 75 (1) (b),(c),(d),(g).

University of Malaya

Statut

Sek. 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 1983.

Sek. 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

"Fatwa Mengenai Pengharaman Ajaran dan Fahaman Syiah di Negeri Perak Darul Ridzuan", Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (2004), 4 Januari 2012.

"Fatwa Tentang Fahaman Syiah", Warta Kerajaan Selangor, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989), 24 September 1998.

Laman Sesawang

Ashkanānī, Shabīr Murād (2012), *'Adālah al-Ṣaḥābah fī al-Mīzān*. Alfeker.net. (http://alfeker.org/library.php?id=1347. Dilayari pada 12 Disember 2016)

"About OIC", *Organisation of Islamic Cooperation*, http://www.oic-oci.org/oicv2/page/?p_id=52&p_ref=26&lan=en, 7 Disember 2015.

"Al-abb al-rūḥī li Aḥmadī Nijād: Man lam yaqbal bi ḥukm Wilāyah al-Faqīh yu'add murtadan", Al Arabiya, https://www.alarabiya.net/articles/2010/06/14/111324.html. 14 November 2017.

"Debat Sunni Syiah Masjid Perling 2013: Analisis Ringkas", Meniti Titian Sebenar, http://titian-sebenar.blogspot.my/2014/02/debat-sunni-syiah-masjid-perling-2013.html. 10 Januari 2016

"Debat Sunni vs Syiah Malayia, https://www.youtube.com/watch?v=NpSUIyUUwZE&t=42m38s. 10 Januari 2016.

"Dr. Mohd Faizal Musa", *Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia*, http://www.ukm.my/atma/ms/expertise/dr-mohd-faizal-musa-3/, 7 Disember 2015.

"Eleven human rights organizations condemn the destruction of sunni place of worship in Tehran", Iran Human Rights Documentation Centre, http://www.iranhrdc.org, 25 Oktober 2015.

"Hari al-Quds Sedunia", *Wiki Syiah*, http://id.wikishia.net/view/Hari_Quds_Sedunia, 7 Disember 2015.

"Khāmana'ī: Anā nā'ib al-Mahdī al-Muntaẓar wa ṭā'atī wajibah 'ala al-jamī'", Al Arabiya, https://www.alarabiya.net/articles/2010/07/22/114511.html. 14 November 2017.

Khumaynī, Rūḥ Allāh Musawī. Al-Ḥukūmah al-Islāmiyyah. http://imam-khomeini.com/web1/arabic/showitem.aspx?cid=2000&pid=2327&h=19&f=20. Dilayari pada 7 Februari 2017.

University of Malaya

"Memorandum Bantahan Syiah Malaysia kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia", *Isu Pencabulan/Pelanggaran Hak Asasi Manusia Malaysia terhadap Komuniti Minoriti Pencinta Ahlul Bayt (Keluarga) Rasulullah Muhammad SAW*, 27 Disember 2010.

"Memorandum of Protes to United Nations Malaysia", *Oppressive Arrest, Raids and Detention Againts Malaysia Shiite Muslim Community by Malaysia Religious Authority under Selangor State Religious Department (JAIS) and others Authoritative Department*, 14 Jun 2011.

"Perbezaan Fahaman Syiah Imamiyyah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah", Portal Jabatan Agama Islam Selangor,http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/2012/januari/PerbezaanASWJ_Syiah.pdf. 10 Jun 2015.

"Peristiwa Sempena Sambutan Hari al-Quds Sedunia", *Aman Palestin*, https://www.amanpalestin.net/baca.php?lihat=artikelPenuh&id=24, 7 Disember 2015.

"Senarai Perintah Larangan", Kementerian Dalam Negeri, http://epq.kdn.gov.my/e-pq/index.php?mod=public&opt=pl. 15 Mei 2015.

"Senarai Perintah Larangan", Kementerian Dalam Negeri, http://epq.kdn.gov.my/e-pq/index.php?mod=public&opt=pl. 15 Mei 2015.

"Senarai Perintah Larangan", Kementerian Dalam Negeri, http://epq.kdn.gov.my/e-pq/index.php?mod=public&opt=pl. 15 Mei 2015.

"The World Federation of KSIMC and Al-Khoei Foundation attend the 25th Session of the Human Rights Council in Geneva", *The Word Federation of Khoja Shia Ithna-Asheri Muslim Communities*,http://www2.worldfederation.org/Secretariat/Articles/World_Federation_KSIMC_AlKhoei_Foundation_attend_25th_Session_Human_rights_Council_Geneva.htm, 7 Disember 2015.

"Three points of the Amman Message", *The Official Website of The Amman Message*, http://www.ammanmessage.com/, 1 Disember 2015.

"Ustādh fī Ḥawzah Qom, ghair al-mu'min bi Wilāyah al-Faqīh murtadd", Ṣuḥf.net, https://www.suhf.net/world/315998/أستاذ-في-حوزة-قم-غير-المؤمن-بولاية-الفقيه-مرتد---صحف-نت. 14 November 2017.

-Qafārī, Nāṣir bin 'Abd Allāh, "*al-Barā'ah min al-Mushrikīn 'ind al-Rāfiḍah*", Majalah *al-Bayān* (Bil. 340, Sept-Okt 2015), http://www.albayan.co.uk/MGZArticle2.aspx?ID=4604. 22 November 2016.

UNESCO (2009), "Memory of the World: Batu Bersurat Terengganu (Inscribed Stone of Terengganu)",http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/CI/CI/pdf/mow/nomination_forms/Malaysia+Terengganu.pdf. 02 Disember 2016.

University of Malaya